



PENYATA RASMI

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
KEEMPAT BELAS**

Pada

PADA 25, 26, 27, 28 DAN 29 NOVEMBER 2018

bersamaan

17, 18, 19, 20 DAN 21 RABIUL AWAL 1440H

Dikeluarkan oleh:

362

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
KEEMPAT BELAS**

Pada

PADA 25, 26, 27, 28 DAN 29 NOVEMBER 2018

bersamaan

17, 18, 19, 20 DAN 21 RABIUL AWAL 1440H

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

**MESYUARAT YANG KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 25, 26, 27, 28 DAN 29 NOVEMBER 2018**

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
-------------	----------------	-------------------

AHAD, 25 NOVEMBER 2018

1.	Nama Ahli-ahli.	1
2.	Doa.	5
3.	Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua.	5

4.	Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.	9
5.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Bertulis	12
	(ii) Soalan-soalan Lisan	15
6.	Cadangan Di Bawah Fasal 30	35
7.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Cadangan Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Lain.	42
	(ii) Enakmen Perbekalan 2018 (Ucapan Bajet 2018)	43

ISNIN, 26 NOVEMBER 2018

1.	Nama Ahli-ahli.	66
2.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Lisan	72
3.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Perbekalan 2018 (Perbahasan).	91

SELASA, 27 NOVEMBER 2018

1.	Nama Ahli-ahli.	149
2.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Lisan	154
3.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Perbekalan 2018 (Perbahasan & Penggulungan).	176

RABU, 28 NOVEMBER 2018

1.	Nama Ahli-ahli.	235
2.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Lisan	241

3.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Perbekalan 2018 (Penggulungan).	263
	(ii) Enakmen Lambang-Lambang, Nama- Nama Dan Gelaran-Gelaran (Mencegah Salah Guna)(Pindaan) 2018.	304
	(iii) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu)(Pindaan) 2018.	310
	(iv) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422/2001M.	313
	(v) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang- Orang Melayu 1360 [En.Tr.17/1360].	316
4.	Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Usul Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2019	320
	(ii) Usul Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2019.	321
5.	Jawatankuasa Terpilih Pengurusan Dewan.	323

KHAMIS, 29 NOVEMBER 2018

1.	Nama Ahli-ahli.	325
2.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Lisan	331
3.	Pelantikan Ahli Dewan Undangan Negeri Menurut Fasal 27(2) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu.	356
4.	Pelantikan Ahli Dewan Negara.	358
5.	Tangguhan	361
6.	Lampiran [Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis]	362

**PERSIDANGAN
PADA HARI AHAD, 25 NOVEMBER
2018**

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Haji Yahaya bin Ali, PJC

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURABAYA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed

WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Maliaman bin Kassim
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Dato' Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji A. Rahman bin Yahya, DPMT.,AMZ.,KMN.,PJK.

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL BULUH GADING

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Tuan Haji Mohd Zahari bin Md. Azhar, SMT.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Zulkifly bin Isa, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan mesyuarat pada pagi ini marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab, Al-Fatihah.[Al-Fatihah]

Perkara pertama dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Doa oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan.

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan.

UCAPAN YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Wassotu wassala mu'ala asyrofil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wasahbihi ajmain.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan taufik dan inayah-Nya kita dapat bersama pada Persidangan kali ini iaitu Mesyuarat Kedua, Penggal Pertama bagi Dewan Undangan Negeri Ke-14.

Walaupun kerajaan yang ada pada hari ini iaitu Kerajaan PAS baru berusia lebih kurang 6 bulan, tetapi saya yakin dan percaya, banyak perkara-perkara yang boleh kita bincangkan untuk kepentingan dan kebajikan rakyat di negeri ini. Sebagaimana ucapan kali pertama saya sebagai Yang Di-Pertua Dewan pada sidang yang lepas, saya menegaskan bahawa peranan Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Anggota Badan Legislatif adalah sangat penting. Ahli-ahli Yang Berhormat bukan sekadar

memainkan peranan menjaga kebajikan rakyat tetapi juga membawa suara dan kepentingan rakyat dalam Dewan yang mulia ini.

Harus saya tekankan bahawa semua Ahli-ahli Yang Berhormat memainkan peranan yang sangat penting termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang, untuk menjalankan peranan semak dan imbang, *check and balance* kepada kerajaan termasuklah Pembangkang yang perlu memainkan peranan agar lebih konstruktif demi kepentingan rakyat negeri ini. Oleh kerana itu, Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada dari pihak Kerajaan mahupun Pembangkang mestilah aktif untuk memantau perjalanan kerajaan sama ada melalui Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri (PAC) *Public Account Committee* dan lain jawatankuasa yang akan diputuskan oleh Dewan dari masa ke semasa bagi membentuk sebuah kerajaan yang cekap dan bersih.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua, pada sidang kali ini ada cadangan Usul untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Terpilih baru atau Select Committee Pengurusan Dewan dari kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri bagi memainkan peranan untuk mengkaji dan membuat penambahbaikan berkait dengan pentadbiran dan perjalanan Dewan, Peraturan Tetap, Standing Orders dan kebajikan Ahli-ahli Dewan. Di antara lain, inisiatif membawa Usul ini dibuat hasil lawatan kerja dan perbincangan dengan Speaker dan pegawai-pegawai di beberapa buah negeri termasuk Dewan Undangan Negeri Kelantan, Selangor, Perak dan juga Parlimen. Jawatankuasa ini juga dicadangkan diberi kuasa untuk melantik sebuah Panel Penyelidik yang mempunyai kepakaran khususnya dalam bidang perundangan.

Saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada dari pihak kerajaan dan pembangkang semuanya mahu melihat negeri kita ini maju, berkat dan sejahtera walaupun ada perbahasan dan perbezaan pendapat dalam kalangan kita, sudah tentu pada akhirnya untuk kepentingan rakyat jauh sekali untuk dilihat untuk menjadi hero mahupun *champion* dan sebagainya. Jadi gunakanlah peluang dan masa diberikan dengan penuh bijaksana.

Dari segi pentadbiran pula, perjalanan Sidang Dewan kita juga sedang memasuki era digital melalui apa yang dipanggil sebagai e-Dewan. Sistem ini dapat meningkatkan kecekapan pentadbiran, kemajuan pengurusan maklumat dan keluasan penampilan atas talian *online visibility* untuk mewujudkan kemajuan pengurusan maklumat dan keluasan penampilan atas talian *online visibility* untuk mewujudkan pentadbiran tanpa kertas (*paperless*) yang lebih cekap, semua soalan-soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat melalui sidang pada kali ini, adalah diminta untuk dibuat secara *online* melalui portal khas yang disediakan.

Dalam sistem ini juga, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengakses untuk mendapat *handsard* sidang yang lepas. Pihak pentadbiran juga akan berusaha secara berperingkat untuk memuat naik semua *handsard* Sidang Dewan dari awal sebagai arkib dalam portal ini, untuk kemudahan rujukan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dari segi memanfaatkan kemudahan sosial ini, Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh menghantar Usul-Usul jika ada.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebagaimana yang saya janjikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sidang yang lepas, saya akan berusaha untuk memberi keselesaan kepada Ahli Yang Berhormat dari segi peruntukan masa. Oleh itu, sebagai mukaddimah rekod jumlah hari bersidang sewaktu Sidang Belanjawan yang pada kebiasaannya tidak melebihi 4 hari, akan diperbaharui iaitu dilanjutkan selama 5 hari pada sidang pada kali ini. Saya juga mahu melihat semua Ahli Berhormat berbahas dan mengambil bahagian dalam setiap hari Persidangan.

Selain itu, saya juga berharap agar semua Ahli Yang Berhormat melakukan anjakan paradigma dari segi peranan dan fungsi Ahli Yang Berhormat daripada hanya menumpukan peranan dalam soal kebajikan rakyat kepada peranan sebagai Ahli Badan Legislatif yang aktif dan *effective*. Tidak mungkin Ahli Yang Berhormat yang dipilih oleh rakyat tidak mempunyai isu atau idea-idea baru untuk disuarakan demi kepentingan rakyat negeri ini.

Oleh kerana itu Ahli Yang Berhormat semua haruslah memainkan peranan sebagai Ahli Legislatif di peringkat Dewan Negeri yang menjayakan Konsep Kerajaan Bertanggungjawab, *Responsible Government* dan seterusnya menggalakkan semak dan imbang, *check and balance* dalam sistem Pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu. Mudah-mudahan peranan yang dimainkan oleh Ahli Yang Berhormat akan dapat mengangkat Dewan Undangan kita sebagai Dewan Undangan Negeri yang dihormati dalam negara kita, insyaAllah. Ahli Berhormat sekalian, antara penambahbaikan baru yang akan diperkenalkan dalam sidang kali ini, adalah pelaksanaan sistem *timer*. Sistem ini adalah amat mustahak bagi menguruskan masa secara lebih terkawal dan tidak banyak teguran dari saya sebagai Yang Di-Pertua Dewan.

Untuk tujuan itu, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh melihat *screen timer* besar yang disediakan. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh melihat masa yang sedang digunakan dan 5 saat sebelum peruntukan masa Ahli Yang Berhormat berucap tamat, *timer* ini akan berbunyi dan Ahli Yang Berhormat perlu berhenti berucap dan tidak ada lagi waktu kecederaan. Ini bermaksud sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mencelah sewaktu Ahli Yang Berhormat lain berucap dan tiada halangan Ahli-ahli Yang Berhormat tetap dikira dengan tempoh masa yang telah ditetapkan. Sebagaimana biasa saya juga ingin mengambil kesempatan ini juga untuk

mengingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat supaya sentiasa mematuhi Peraturan Tetap Dewan, Standing Orders, agar persidangan kita dapat berjalan dengan lancar dan licin. Sebagai contoh, peraturan berkait dengan perkara 46, 47 dan 48 dalam bab peraturan berbahas adalah perkara-perkara asas yang perlu dihormati.

Saya juga ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya sentiasa menjaga masa sewaktu Persidangan bagi menghormati perjalanan Dewan yang mulia ini. Apa yang penting, sama ada sewaktu memberikan Persidangan, dan masuk semula selepas waktu rehat Ahli-ahli Yang Berhormat, kenalah sentiasa mematuhi masa yang ditetapkan supaya Persidangan kita dapat berjalan dengan lancar.

Ahli Yang Berhormat sekalian, selepas kita penat bersidang saya ingin menjemput semua Ahli Berhormat untuk hadir ke Pertandingan Persahabatan Bowling sesama Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari akhir Persidangan iaitu pada hari Khamis, 29 November, jam 8.00 malam di PB Central. Program ini bukan bermatlamat untuk mencari kemenangan, tetapi untuk merapatkan hubungan ukhwah di antara Yang Berhormat sama ada di pihak Kerajaan ataupun Pembangkang.

Akhirnya, sebaik saja selesai ucapan saya ini akan diikuti lebih kurang satu jam soal jawab Soalan Lisan dan selepas rehat nanti, kita akan sambung Tertib Perbicaraan Dewan dengan Cadangan Usul Mendahulukan Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Yang Lain.

Sekian, selamat bersidang. Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara seterusnya dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah **KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN**.

YANG BERTAMBAH HORMAT YANG DI-PERTUA: Kertas-Kertas Kerja dan Laporan-Laporan yang dibentangkan ialah:

1. Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Tahun 2019.
(D.U.N. Bil.4/2018)
2. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Tahun 2019.
(D.U.N. Bil.5/2018)
3. Anggaran Bekalan Air Negeri Tahun 2019.
(D.U.N. Bil.6/2018)
4. Penyata Kewangan Tahun 2016 Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.
(D.U.N. Bil.7/2018)
5. Penyata Kewangan Tahun 2017 Majlis Bandaraya Kuala Terengganu 2017.
(D.U.N. Bil.8/2018)
6. Penyata Kewangan Tahun 2017 Majlis Perbandaran Kemaman.
(D.U.N. Bil.9/2018)

7. Penyata Kewangan Tahun 2017 Majlis Perbandaran
Dungun.
(D.U.N. Bil.10/2018)
8. Penyata Kewangan Tahun 2017 Majlis Daerah
Besut.
(D.U.N. Bil.11/2018)
9. Penyata Kewangan Tahun 2017 Majlis Daerah Hulu
Terengganu.
(D.U.N. Bil.12/2018)
10. Penyata Kewangan Tahun 2017 Majlis Daerah
Marang.
(D.U.N. Bil.13/2018)
11. Penyata Kewangan Tahun 2017 Majlis Daerah
Setiu.
(D.U.N. Bil.14/2018)
12. Penyata Kewangan Tahun 2017 Yayasan Islam
Terengganu.
(D.U.N. Bil.15/2018)
13. Penyata Kewangan Tahun 2017 Yayasan
Pembangunan Keluarga Terengganu.
(D.U.N. Bil.16/2018)
14. Laporan Tahunan & Penyata Kewangan Tahun
2017
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri
Terengganu.
(D.U.N. Bil.17/2018)

15. Laporan Tahunan & Penyata Kewangan Tahun 2017
Lembaga Muzium Negeri Terengganu.
(D.U.N Bil.18/2018)
16. Laporan Tahunan Tahun 2017 Yayasan Terengganu.
(D.U.N Bil.19/2018)
17. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Siri 1.
(D.U.N Bil.20/2018)
18. Penyata Kewangan Negeri 2017.
(D.U.N Bil.21/2018)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut ialah Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:

- (1) Soalan-Soalan Bertulis.
- (2) Soalan-Soalan Lisan.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan telah dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

1. Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
(Wakil Tepoh)
2. Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
(Wakil Batu Burok)
3. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman
(Wakil Seberang Takir)
4. Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
(Wakil Sura)
5. Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor
(Wakil Langkap)
6. Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
(Wakil Buluh Gading)

7. Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman,
(Wakil Kuala Besut)
8. Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
(Wakil Manir)
9. Yang Berhormat Dato' Abd. Halim bin Jusoh
(Wakil Permaisuri)
10. Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
(Wakil Rantau Abang)
11. Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
(Wakil Pengkalan Berangan)
12. Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed
(Wakil Bandar)
13. Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim
(Wakil Air Putih)
14. Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
(Wakil Kemasik)

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-Soalan Lisan, Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-Soalan Lisan pada 25 November 2018 adalah sebagaimana berikut:

1. Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
(Wakil Tepoh)
2. Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
(Wakil Batu Burok)
3. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd.
Rahman
(Wakil Seberang Takir)

4. Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
(Wakil Sura)
5. Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud
(Wakil Bukit Besi)
6. Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
(Wakil Manir)
7. Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
(Wakil Jertih)
8. Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
(Wakil Rantau Abang)
9. Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
(Wakil Pengkalan Berangan)
10. Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman
(Wakil Batu Rakit)
11. Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed
(Wakil Bandar)
12. Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
(Wakil Kuala Besut)
13. Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim
(Wakil Air Putih)
14. Yang Berhormat Dato' Abd. Halim bin Jusoh
(Wakil Permaisuri)
15. Yang Berhormat Maliaman bin Kassim
(Wakil Ajil)

Yang terhormat sekalian sebelum saya teruskan Soalan-soalan Lisan pada hari ini saya nak umumkan dan saya nak memberikan satu dua peringatan atau maklumat bersama-sama kita dalam Sidang pada hari ini:

1. Khairunisa' Pertubuhan Khairunisa'
2. Pejabat MTD Sura

3. Pejabat Sekreteriat UDM Pondok Kelantan
4. Pusat Khidmat DUN Alur Limbat
5. Pusat Khidmat DUN Buluh Gading
6. Pusat Khidmat DUN Kemasik
7. Pusat Khidmat DUN Air Putih
8. GPMS Negeri Terengganu
9. Dewan Muslimat Negeri Terengganu
10. Dewan Pemuda PAS Kuala Terengganu
11. Pusat Khidmat DUN Kota Putera
12. Pejabat ADUN Ladang
13. Pejabat ADUN Seberang Takir
14. Pejabat ADUN Batu Burok
15. PETRONAS
16. Pejabat DUN Ajil
17. Institut Modal Insan Terengganu Sejahtera I-MITS dan;
orang-orang perseorangan.

Yang kedua, memandangkan masa yang terhad dan juga untuk berlaku adil saya hanya membenarkan daripada setiap Ahli Yang Berhormat mengemukakan satu soalan sahaja. Kalau ada lebih daripada satu soalan boleh pilih, kemudian kalau kita ada masa baru kita pusing balik mengikut giliran. Seterusnya, saya akan benarkan dua soalan tambahan daripada soalan asal Yang Berhormat dan saya akan menggunakan budi bicara saya untuk satu lagi soalan tambahan sama ada nak diberikan kepada Yang Berhormat asal yang bertanya ataupun kepada orang lain. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Tepoh untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Assalamu'alaikum warahmahtulahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang pertama -

Terengganu telah berjaya merangkul kejuaraan dalam SUKMA 2018. Apakah perancangan pihak kerajaan negeri untuk mengekalkan kejuaraan sempena SUKMA 2020 di Johor Darul Takzim?

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmahtulahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat

Berhormat Menteri Besar Terengganu, seluruh Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati yang dirahmati Allah sekalian.

Soalan yang pertama daripada Yang Berhormat Tepoh: Kerajaan telahpun merangka perancangan untuk mengekalkan kejuaraan SUKMA 2020 di Johor Darul Takzim meliputi perkara-perkara yang berikut:

1. Pilih atlet yang tepat.
2. Komitmen dan penyediaan program latihan yang menyakinkan.
3. Komponen latihan yang lengkap.
4. Latihan yang berkesan.
5. Ujian dan penilaian berterusan.
6. Sistem dan pelaksanaan pemantauan yang berkesan.

Sesi pasca nilai bagi mendapatkan perincian keseluruhan prestasi Kontinjen SUKMA Terengganu 2018 termasuklah sesi perjumpaan dengan bakal-bakal jurulatih SUKMA 2020 telahpun diadakan pada 10 dan 11 Oktober yang lalu dan seramai 58 orang jurulatih yang *producing* telahpun dibuat perlantikan baru bermula 15 Oktober yang lalu. Manakala jurulatih yang tidak *producing* tidak ditawarkan kontrak yang baru.

Bilangan atlet SUKMA 2018 yang masih boleh bertanding di SUKMA 2020 masih lagi ramai iaitu seramai 483 orang atlet ataupun 67.36 peratus daripada bilangan keseluruhan atlet SUKMA 2018. Daripada jumlah ini seramai 138 orang adalah penyumbang pingat emas 2018 manakala 57 orang daripada mereka adalah pemegang pingat-pingat yang lain.

Langkah awal yang dilakukan bagi membentuk Kontinjen SUKMA 2020 adalah dengan mengadakan pemilihan atlet baharu secara serentak untuk semua jenis sukan pada 16 hingga 31 Oktober 2018. Latihan rasmi Kontinjen SUKMA 2020 adalah bermula 1 November 2018. Pada tarikh itu juga semua atlet dan jurulatih telahpun dikumpulkan serta diberikan penerangan yang menyeluruh tentang halatuju serta tindakan sistematik yang perlu dilakukan oleh semua yang terlibat bagi melaksanakan program persiapan SUKMA 2020.

Bengkel penyediaan Pelan Periodisasi juga akan dilaksanakan dalam masa terdekat iaitu pada 30 November sehingga 1 Disember 2018 bagi membolehkan jurulatih merangka program penyediaan pasukan dengan lebih

spesifik dan berfokus untuk mencapai prestasi puncak semasa pemilihan SUKMA 2020. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya yang pertama: Apakah perancangan pihak kerajaan untuk memacu atlet-atlet SUKMA pada masa yang akan datang kearah konsep Syariah *Compliance* ataupun Pematuhan Syariah khusus daripada sudut etika berpakaian? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih pada Yang Berhormat Tepoh di atas soalan tambahan yang pertama tadi. Sebagai sebuah kerajaan yang menjadikan Islam sebagai dasar pemerintahan, pihak kerajaan sentiasa memerhati dan juga sentiasa mementingkan perkara-perkara yang berkaitan tuntutan dalam Islam terhadap semua aktiviti yang dilakukan. Dan sudah tentu sukan sebagai salah satu perkara yang menjadi minat dan juga keutamaan di dalam negeri kita juga tidak boleh lari daripada aspek Syariah *Compliance* ini. InsyaAllah pihak kami juga menyedari dan juga menyambut baik perkara ini dan insyaAllah sepertimana yang telahpun saya umumkan sebelum daripada ini bahawa pelantikan Sahibul Samahah Dato' Mufti Terengganu adalah merupakan langkah pertama yang menunjukkan komitmen kerajaan untuk memastikan sukan di bawah kerajaan baru ini akan memenuhi Syariah *Compliance*.

Pun begitu insyaAllah pendekatan dan juga strategik yang tidak drastik akan dilakukan untuk perubahan yang baik serta harmoni daripada masa ke semasa. Pihak saya juga menyambut baik apabila persatuan Sepak Takraw Malaysia yang telahpun membuat pengumuman untuk mewajibkan semua pemain sama ada lelaki ataupun wanita untuk memakai pakaian menutup aurat bermula April 2019. Menyahut seruan itu juga, insyaAllah Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu juga akan mengikuti langkah itu dengan mewajibkan semua pemain-pemain yang beragama Islam untuk menutup aurat bermula sesi 2019. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Tuan Yang di-Pertua soalan saya yang terakhir: Dalam usaha untuk memastikan kita mengekalkan kejuaraan SUKMA 2020, apakah teknologi sokongan baru yang bakal diperkenalkan oleh pihak kerajaan untuk

memastikan keupayaan atlet SUKMA kita ini dapat ditingkatkan selain daripada usaha yang sedia ada? Terima kasih.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat. Ada empat, paling kurang ada empat teknologi ataupun peralatan sokongan yang kita telahpun gariskan dan juga yang telahpun kita sasarkan untuk kita gunakan sebagai menguatkan lagi penguasaan sukan di Terengganu ini. Di antaranya yang pertama adalah berkaitan dengan komponen *Test Kit*. Yang keduanya, berkaitan rehabilitasi iaitu pemulihan atlet. Yang ketiga dari sudut aspek *training*. Yang keempat dari sudut aspek *recovery*.

Insyallah keempat-empat komponen yang memiliki peralatan-peralatan yang tertentu akan kita gunakan dalam masa yang terdekat ini dan insyallah untuk itu kita akan bekerjasama dengan Institut Sukan Negara (ISN) untuk memastikan penggunaan keempat-empat komponen ini akan dapat menjadi nilai tambah kepada kepada pengukuhan atlet Terengganu kita dalam sukan pada masa yang akan datang. Insyallah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Saya persilakan Wakil Batu Burok untuk kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmahtulahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan saya yang pertama -

Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan Terengganu sebagai hub pelancongan yang berasaskan Islam?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Batu Burok): Assalamu'alaikum warahmahtulahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, seterusnya kepada Yang Berhormat ADUN Batu Burok. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, soalan ADUN Batu Burok sama dengan soalan Yang Berhormat Seberang Takir dari segi maksud dia, jadi saya menjawab soalan kepada dua ADUN inilah. Soalannya: Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan Terengganu sebagai Hub Pelancongan yang berasaskan Islam? Ada pun soalan Yang Berhormat

Seberang Takir: Sejauh mana kerajaan berjaya mempromosikan pelancongan bercorak Islam ataupun Islamik?

Kerajaan Negeri sedang giat merangka program-program yang berasaskan Islam untuk memperkenalkan Negeri Terengganu sebagai destinasi utama pelancongan Islam. Dan di antara kejayaan Kerajaan Negeri dalam mempromosikan antara yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan pelancongan bercorak Islamik adalah menerusi produk-produk Islamik yang terdapat di Terengganu seumpama TTI iaitulah Taman Tamadun Islam yang mana di TTI ni terdapat Masjid Kristal, terdapat monumen-monumen Islam dan masjid-masjid pelancongan iaitulah Masjid Zainal Abidin, Masjid Negeri ataupun yang dikenali sebagai Masjid Putih, Masjid Tengku Tengah Zaharah, Masjid Terapung dan juga Masjid Kristal.

Selain itu penganjuran program-program berorientasikan Islamik dan Sejarah Islam juga diadakan seperti Program Indahnya Ramadhan dalam Bulan Ramadhan, Program Madinah Ramadhan, Persembahan Teater Muzikal Untukmu Rasulullah dengan kerjasama NGO dan Muslim Tour Guide (MTG). Di mana program MTG yang mungkin sebahagian di kalangan kita masih lagi barulah tapi sebenarnya telah diperkenalkan antaranya sebagaimana yang saya sebut Masjid Kristal, Masjid Abidin, Masjid Tengku Tengah Zaharah (Masjid Terapung) yang mana Masjid Terapung hanya bermula pada September tahun 2017. Program ni akan dikembangkan lagi kepada beberapa masjid baru seperti Masjid Ulul Albab Jerneh Besut, Masjid Ar-Rahman Pulau Perhentian Besut dan beberapa buah masjid lain yang akan dikenalpasti selepas daripada ini.

Kerajaan Negeri juga telah menerima pengiktirafan daripada *Universal Crescent Standard Center UCSC* sebagai *Islamic Quality Standard For Muslim Friendly Destination* pada tahun 2018 ini. Dan juga kita bagi mempromosikan pelancongan bercorak Islamik kita telah membuat sedikit perubahan membuat perubahan kepada Pesta Pantai yang sekarang ini dikenali sebagai Karnival Pantai yang di mana program dalaman dia kita telah *adjust* dengan izin, kita telah pinda bersesuaian dengan yang lebih Islamiklah. Kemudian pada tahun hadapan insyaAllah kita bercadang untuk mengadakan program yang besar Program Islamik Karnival dan Wacana Ilmu. InsyaAllah program ni telah kita bincang dan akan bersiaranlah dalam televisyen insyaAllah kalau Allah Subhanahu Wata'ala izinkan, kalau berjaya program ni dan akan memperkenalkan Terengganu sebagai sebuah negeri yang khususnya

pelancongan yang berasaskan kepada Islam. Pihak Kerajaan Negeri juga pada awal bulan depan, pada 4.12.2018 ini akan mengadakan program penerangan berkenaan dengan *Itqan Al-Muluk* yang mana ianya sebagai satu sejarah bahawa negeri ini telah diperintah berasaskan kepada Islam.

Kemudian kita juga mencadangkan supaya kita akan melaksanakan dalam perancangan kita Projek Pembangunan Standard Hotel Patuh Syariah Produk Pelancongan Islam Terengganu jadi secara ringkasnya saya nak sebut cadangan ke arah pelaksanaan Standard Hotel Patuh Syariah ni mengalami beberapa fasal menyediakan modul berkaitan patuh syariah, melaksanakan garis panduan dan menggunakan standard dan penilaian standard dan garis panduan dia. Ringkasnya saya nak sebut sikit jer Yang di-Pertua Dewan, menggunakan standard sedia ada dapur hotel misalnya standard rujukan dia Persijilan Halal MS 1500 2009 SIRIM JAKIM/JHEAT Pengurusan Hotel Pengurusan Syariah MS 1900 2014 SIRIM, kemudahan ibadah Sijil Pengesahan Arah Kiblat, pengesahan Jabatan Mufti keperluan dialah, kemudian Khidmat Hospitality Sijil Latihan Khidmat Pelanggan MS 2610 2015 ITC SIRIM *Muslim Friendly Hospitality Services*. Wallahua'lam.

YANG BERTHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan tambahan saya yang pertama merujuk kepada jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat EXCO Pelancongan tadi lebih kepada untuk menarik pelancong-pelancong dalam negara. Soalan saya: Adakah di sana usaha-usaha untuk menarik pelancong-pelancong daripada luar negara khususnya daripada Timur Tengah kerana sebagaimana yang kita maklum Negara Malaysia menjadi kunjungan utama kepada pelancong-pelancong daripada Timur Tengah tetapi kebanyakan mereka tertumpu di Pantai Barat dan juga di sebelah utara, soalannya adakah usaha-usaha untuk menarik pelancong-pelancong daripada negara-negara Islam?

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): InsyaAllah tahun hadapan kita ada usaha sebenarnya untuk membawa supaya kedatanganlah terutama daripada Timur Tengah dan sekarang ni pun kita sudah ada usaha misalnya ada rakan-rakan kita ada program di Turki misalnya kita menghantar *brochure-brochure* daripada Jabatan Pelancongan, program di Turki tapi kehadiran daripada wakil-wakil daripada Timur Tengah yang hadir dalam persidangan-persidangan di Turki dan juga pelancongan beragama Islam daripada Negara Cina, ini insyaAllah kita akan sedang dan

kita akan usahakanlah terutamanya pada tahun hadapan kita akan buatlah promosi secara lebih agresif. Dan juga sektor pelancong Timur Tengah insyaAllah kita akan adakan usaha yang berterusanlah dan kita juga telah mengadakan perbincangan dengan *player-player* mereka yang terlibat dengan pengusaha-pengusaha yang terlibat dengan pelancong-pelancong di Timur Tengah, kita telah mengadakan perbincangan apa masalah kita di Terengganu yang menyebabkan mereka tidak mahu hadir ataupun kurang kehadiran mereka sebelum daripada ini sudah ada usaha ke arah itu. Wallahua'lam.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan saya yang kedua: Bila kita bercakap berkait dengan pelancongan berasaskan Islam, sudah tentu di sana ada isu-isu yang perlu kita bincang dan perhalusi antaranya ialah kita berada di dalam dilema kita nak menarik pelancong-pelancong luar ke negeri Terengganu tapi dalam masa yang sama kita mahu memperkenalkan pelancongan berasaskan Islam. Dalam masa yang sama kita juga mahu menjaga rakyat negeri kita khususnya umat Islam daripada unsur-unsur budaya barat, apakah ada di sana peraturan ataupun yang seumpunya yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk kita kemukakan kepada pelancong-pelancong khususnya yang bukan beragama Islam untuk memelihara nilai-nilai Islam dan juga nilai-nilai timur di Negeri Terengganu kita ini?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan sebenarnya sebagaimana yang dijawab oleh Exco Sukan tadi pihak Jabatan Pelancongan dan pihak pelancongan juga sebenarnya dalam Jawatankuasa Pelancongan Negeri juga telah melantik Mufti ataupun wakil dia hadir di dalam mesyuarat kita bagi merangka bersama perkara-perkara yang berkait dengan patuh syariah supaya tidak berlaku perkara sebagaimana yang disebut tadi kejutan budaya sehingga menyebabkan pelancong-pelancong daripada luar istilah bahasa Terengganu *ranjat* untuk hadir ke Terengganu. Jadi kita sebenarnya garis panduan khususnya kepada yang bukan Islam sedang dirangka dan kita terutamanya garis panduan ataupun dasar hiburan dan dasar yang berkait dengan kehadiran mereka ini kita telah membentuk satu jawatankuasa khas yang melibatkan beberapa orang Exco (dalam perancangan) dan belum siap lagi peraturan tersebut. Wallahua'lam.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Saya nak bagi peluang kepada Y.B. Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua kerana soalan yang pertama saya ditolak dan soalan kedua ada persamaan dengan Yang Berhormat Batu Burok, jadi soalan tambahan daripada saya ini ialah berkait dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Alur Limbat tadi ialah berkait dengan pelancongan berasas kepada Islamik dan juga berasas kepada Syariah *Compliance*. Memang saya amat tertarik dan saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana meneruskan kesinambungan apa yang telah dirancang oleh kerajaan sebelum ini.

Cuma yang jadi persoalan kepada saya ialah dari segi akses ataupun dari segi jalinan hubungan kerana saya difahamkan bahawa masalah dari segi penerbangan kerana penerbangan MAS sendiri pun ada banyak kali yang kita dapati yang telah dibatalkan dan sebagainya. Perkara ini secara tidak langsung akan mengganggu gugat kepada kejayaan kita untuk melaksanakan dari segi pelancongan ini. Jadi kerana itu saya nak mohon pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Alur Limbat. Apakah status penerbangan yang ada di Negeri Terengganu sekarang dan yang kedua ialah betul atau tidak bahawa penerbangan secara langsung daripada Johor Baharu ke Terengganu akan dibatalkan ataupun akan ditiadakan. Jadi saya nak dapatkan pengesahan dan yang akhir sekali ialah bagaimana status gerbang pelancongan yang ada di Lapangan Terbang Sultan Mahmud? Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan. Terima kasih kepada Seberang Takir kerana tanya soalan tambahan. Isu penerbangan Terengganu dari segi jumlah saya mintak notis berapa yang terkini, cuma Air Asia untuk maklumanlah sudah ada perbincangan untuk menambah penerbangan daripada Johor daripada tiga kepada lima penerbangan seminggu. Jadi bukannya ditutup tetapi tambah dua lagi.

Kemudian alhamdulillah kita dalam perbincangan Air Asia telah setakat inilah bersetuju untuk mengadakan penerbangan terus ke Pulau Pinang. Kemudian dalam perancangannya kita telah berbincang ada beberapa siri perbincangan untuk kita mengadakan *direct flight* permulaannya oleh kerana Terengganu ni kita ada lapangan terbang kita, kita di peringkat boleh sehingga peringkat

Antarabangsa. Jadi sebagai destinasi di sebelah timur Kelantan, Terengganu dan juga Pahang kita sedang mengusahakan untuk *direct* mengadakan Umrah *direct* ke Mekahlah setakat ni. InsyaAllah dalam perancangan. Kemudian selepas daripada itu, syarikat yang sama juga akan mengusahakan *direct* ke China dan pelbagai destinasi yang lain dan sebenarnya kita ada banyak permintaanlah untuk perkara ini dan Kerajaan sedang mengkaji.

Kemudian gerbang pelancongan ini saya rasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar lebih tahu masalah-masalah teknikal yang ada di sana sehingga sekarang kita sedang berbincang sebenarnya macam mana kita hendak buat. Saya rasa soalan dia ada masalah teknikal di dalamnya yang memang ada sedikit sebanyak kesukaranlah untuk kita memberikan sewa kepada pihak-pihak yang berkenaan yang setakat yang saya tahu kita tak boleh buatlah untuk kita sewa kepada pihak yang lain. Wallahua'lam.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Okey, terima kasih. Oleh kerana soalan daripada Wakil Seberang Takir telah dijawab terlebih awal tadi, jadi saya pindah soalan seterusnya daripada Wakil Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan saya yang pertama -

Adakah pihak kerajaan telah membuat kajian tentang ketahanan struktur binaan jambatan Dungun yang sudah berusia hampir 60 tahun? Jika ada, apakah hasil kajian tersebut?

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat semua, Ketua-ketua Jabatan, hadirin dan hadirat sekalian. Soalan yang pertama daripada ADUN Sura berbunyi: Adakah pihak kerajaan telah membuat kajian tentang ketahanan struktur binaan Jambatan Dungun yang sudah berusia hampir 60 tahun? Jika ada, apakah hasil kajian tersebut?

Terima kasih Yang Berhormat Sura yang prihatin berkaitan dengan jambatan ini. Sebelum itu, saya hendak beri info sedikit berkaitan dengan jambatan

tersebut. Jambatan ini panjangnya 161.5 meter, lebarnya 8.5 meter, struktur konkrit yang dibina pada tahun 1973. Jadi, usianya baru 45 tahun belum sampai 60 tahun. *Single Carriageway 2 Lane*. Jadi, pihak JKR melalui Bahagian Unit Jambatan yang ini dia mari periksa tiap-tiap tahunlah lihat bagaimanakah keadaan struktur jambatan-jambatan tersebut dari satu negeri ke satu negeri. Jadi, kali terakhir sekali dia mari ke Jambatan Dungun ini pada bulan Ogos baru-baru ini, pada 7 Ogos lebih tepatnya dan diperiksa dan dibuat keputusan bahawa jambatan ini selamat digunakan. Saya berharap Yang Berhormat ADUN daripada Sura jangan kkuatirlah kerana kalau jambatan itu runtuh pun, ada alternatif lain. Misalnya di sebelah Kuala itu ada jambatan satu itu daripada Kuala Dungun ke Seberang Pintas. Kemudian, kalau lalu ikut Kampung Che Lijah, dia boleh daripada itu pergi ke Jerangau dan boleh juga melalui Durian Mentangau terus ke lebuhraya. Jadi, saya rasa tidak ada masalah Yang Berhormat. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PUTUA: Yang Berhormat *serung* ke lalu ikut jambatan itu?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Musim-musim banjir ini ada gegar sikitlah. Yang Berhormat Yang di-PUTUA, soalan tambahan saya yang pertama iaitu: Memandangkan perancangan Kerajaan dahulu untuk menyediakan laluan 4 lorong daripada Kemaman ke Kuala Terengganu yang mana sebahagian besarnya telah dilaksanakan. Jadi, dalam usaha penyambungan projek tersebut saya melihat ada beberapa jambatan kedua telah dibina seumpama Paka, Gong Balai dan dan adakah usaha yang serupa itu juga akan dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri khususnya di jambatan Sungai Dungun dan boleh saya tambah sikit iaitu juga jambatan Marang sebagai melengkapi usaha menyediakan laluan empat lorong iaitu daripada ke Kemaman ke Kuala Terengganu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Yang Berhormat Sura. Kalau kita tengok dalam *google* pada hari ini memang betul kita lihat bahawa jambatan ini dua *lane, single carriage way*. Sebelum pada itu kalau kita lihat daripada Merchang ke Rantau Abang semuanya sudah jadi *dual carriage way* empat *lane* jadi hanya hingga beberapa kilometer sahaja sebelum pada jambatan tersebut *single carriage*. Memang dalam rancanganlah apabila hak lain jalan-jalan raya itu *dual carriage way* jadi jambatan itu pun akan ada *dual carriage way*. Hanya maklumat saja yang kita ada dari segi infonya tapi dari segi reka bentuk terperinci belum lagi.

Samalah juga di Jambatan Marang ini tapi kalau nak buat reka bentuk itu bergantung kepada kewangan yang kita ada sama ada kita nak buat macam *Drawbridge* kita itu comel jugak tu dekat Kuala Terengganu City Centre atau pun nak buat jambatan gantung macam di Penang pun boleh tak apa, atau pun nak buat *Arch Bridge* sebagaimana di Kemaman laluan Exit LPT 2 ke Kijal itu ada dalam pembinaan Yang Berhormat ADUN, dalam pembinaan dalam tiga belas *Arch Bridge*. Nanti siap boleh pergi tengok, kita pakat pergi tengok, comel, cuma bergantunglah kepada kewangan yang kita ada bentuk yang macam mana kita nak buat tetapi memanglah *dual carriage way*. Jangan susah Yang Berhormat. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yang Bertormat Yang Di Ketua, soalan tambahan saya yang kedua: Sehingga setakat inilah pihak Kerajaan Negeri sudahkah mendapat peruntukan ataupun dalam usaha untuk memohon peruntukan bagi pembinaan jambatan yang saya sebut tadi? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Oleh kerana ini jalan Persekutuan jadi jambatan pun kita kena mohon dengan Kerajaan Persekutuan. Masih kita belum buat reka bentuk lagi hanya ada cadangan yang dicadang bentuk-bentuk begini kita tidak buat keputusan lagi. Jadi selepas kita siapkan jalan ini dahulu jalan raya yang ada ini selepas pada itu insyaAllah kita akan minta peruntukan dari Kerajaan Pusat. Tapi nampak tahun ini tahun depan tidak nampak di mata lagi boleh beri atau tidak kerana ada benda-benda yang lebih penting lagi keperluan rakyat. Tetapi insyaAllah kita akan minta dan kita berharap dan benar-benar berharap supaya mereka ini luluskan untuk kita.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PTUA: Terima kasih. Saya persilakan wakil daripada Bukit Besi.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besut): Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Bertormat Yang di-Pertua soalan saya nombor satu -

Sila nyatakan jumlah penceriaan di kalangan rakyat Terengganu mengikut kaum dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini berbanding tahun sebelumnya serta apakah langkah-langkah

kerajaan negeri dalam menangani masalah tersebut?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Besi, Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ketua-ketua jabatan, Pemerhati sekalian. Soalan daripada Yang Berhormat Bukit Besi yang berbunyi: Sila nyatakan jumlah perceraian di kalangan rakyat Terengganu mengikut kaum dalam tempoh enam bulan pertama tempoh ini, tahun ini berbanding tahun sebelumnya yakni 2017 serta apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam menangani masalah tersebut?

Jumlah perceraian di kalangan rakyat Terengganu yang beragama Islam keseluruhannya Melayu dalam tempoh enam bulan pertama Januari sehingga Jun 2018 berbanding tahun sebelumnya 2017. Tahun 2018 Januari seramai 251 pasang, Februari - 206 pasang, Mac - 195 pasang, April - 234 pasang, Mei menurun 178, Jun - 155, keseluruhan tahun 2018 dalam tempoh enam bulan pertama seramai 1,219 pasang. Ada pun tahun 2017, Januari seramai 237, Februari - 246, Mac - 250, April - 226, Mei - 256, Jun - 168, keseluruhan 1,383 pasang.

Ada pun statistik perceraian bukan Islam penduduk Terengganu lelaki didaftar di JPN Jabatan Pendaftaran Negara mengikut Kaum bagi tempoh enam bulan, bulan Januari sehingga bulan Jun 2017, Cina keseluruhan Januari sehingga Jun - 16 orang, India - 1 orang. Statistik perceraian penduduk Terengganu perempuan, yakni permohonan daripada perempuan, didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara mengikut kaum bagi tempoh enam bulan, bulan 1 sehingga 2017 sehingga bulan 6, 2017 Cina seramai 21 pasang, India - 21, lain-lain - 1.

Ada pun statistik perceraian bukan Islam penduduk Terengganu lelaki didaftar di JPN mengikut kaum, bagi tempoh 6 bulan tahun 2018 - Cina - 12 org, India - 2. Statistik perceraian bukan Islam penduduk Terengganu perempuan, di daftar di JPN mengikut kaum bagi tempoh 6 bulan 2018, Cina sahaja seramai 15.

Ada pun soalan yang kedua yang berkait dengan langkah-langkah bagi menangani masalah tersebut. Berbagai langkah telah diambil sama ada

langkah yang telah diambil, langkah yang sedang diambil, dan langkah yang akan diambil oleh jabatan kerajaan seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu dan juga akan dilaksanakan dan ditangani oleh I-Mits (Institusi Modal Ihsan Terengganu Sejahtera) juga kerjasama daripada NGO-NGO Islam dibawah Kluster Sosial dan Pendidikan seperti dibawah Yaden termasuk dibawahnya NGO MAIP. Keseluruhan langkah-langkah untuk masalah ini dihadapi dan ditandatangani oleh jabatan kerajaan dan semua pihak, termasuklah di antaranya mengadakan forum, ceramah, seminar, kursus dan yang besar di bawah Pembangunan Yayasan Pembangunan Keluarga ialah program-program Pembangunan Keluarga Islam. Terima kasih Yang di-Pertua.

YANG BERTAMBAH HAJI ROSLEE DIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Soalan tambahan saya yang pertama: Setelah kita dengar tadi, statistik dan juga langkah-langkah yang telah diambil, jadi saya ingin dapat maklumanlah, apakah sebenarnya punca utama kepada masalah perceraian yang berlaku di negeri kita ni dan sejauh manakah keberkesanan program-program yang telah diatur dan telah dilaksanakan? Terima kasih.

YANG BERTAMBAH MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Besi yang bertanya soalan tambahannya dua, dua soalan dalam satu soalan. Soalan yang pertama berkait dengan punca perceraian. Soalan yang kedua berkait dengan kejayaan langkah-langkah yang telah diambil. Punca-puncanya terlalu banyak sebagaimana yang disenaraikan, ada punca yang besar, ada punca yang kadang-kadang kecil sahaja datang daripada kejahilan, datang daripada perasaan amarah cepat, gopoh dan berbagai-bagai punca yang datang kadang-kadang daripada pihak keluarga sendiri, punca yang besar kadang-kadang hasil daripada kejahilan tentang tujuan sebenar perkahwinan, bahkan kadang-kadang puncanya sedikit jer "perbalahan mengenai beli ikan selayang jer".

Inilah persoalan yang ada dalam masyarakat kita, langkah-langkah yang kita ambil yang begitu banyak, saya ucap terima kasih kepada semua agensi yang telah bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan persoalan ini, dan kita juga sedang merangka dan melihat juga sedang merangka dan sedang melihat tentang apakah kekuatan daripada program-program yang lalu yang telah dilaksanakan kesan-kesannya dan insyaAllah kita akan perbaharui modul-modul baru untuk mencapai kejayaan dalam menyelesaikan dan menangani masalah masyarakat ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Sikit lagi tambahan yang kedua. Setelah ada perancangan program-program yang telah diatur, jadi kita nak tahu jugaklah apakah bentuk perancangan yang sedang difikirkan untuk memastikan kaum ibu dan bapa tunggal kita dapat kita atasi dengan sebaiknya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Kita akan teruskan program-program yang cantik, yang baik yang telah dilaksanakan dan kita juga akan menilai semula seluruh Modul Pelaksanaan Program-program Pembangunan Keluarga Islam dan sekarang ini Institut Modal Insan Terengganu Sejahtera dengan bantuan TSIS akan menyusun modul-modul baru untuk kita sahkan dan kita laksanakan di peringkat masyarakat, insyaAllah. InsyaAllah, kita mohon daripada semua pihak dan saya juga telah mendapat kerjasama daripada NGO-NGO Islam seperti Yaden sendiri insyaAllah akan memainkan peranan dalam menangani dan menyelesaikan masalah ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Manir untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua soalan saya yang pertama -

Apakah usaha Kerajaan Negeri Terengganu untuk membantu hasil tangkapan nelayan laut?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati yang dirahmati Allah.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Manir yang mengajukan soalan berkaitan dengan usaha Kerajaan Negeri Terengganu untuk membantu nelayan laut. Di hari-hari pertama, saya diamanahkan untuk mempengerusikan Portfolio Pertanian, kita cuba kenalpasti apakah sebenarnya masalah yang dihadapi oleh nelayan kita dan isu-isu besar yang berlegar di sekitar kehidupan masyarakat nelayan. Dalam hendak

mendapatkan gambaran sebenar kita telah turun bersama dengan jabatan berkaitan, Perikanan, LKIM ke beberapa lokasi tumpuan nelayan di Negeri Terengganu di antaranya di Seberang Takir sendiri, di Seberang Pintasan di Dungun, kita ada turun jumpa nelayan di Kuala Dungun, Kuala Marang, di Merang, di Setiu, di Kuala Paka di Dungun, di Kemasik, Kelulut dan juga Pulau Duyong. Aduan info daripada masyarakat nelayan sendiri kita gabungkan dengan maklumat yang dibekalkan oleh jabatan-jabatan kita memberikan gambaran bahawa sebenarnya isu besar yang dihadapi oleh nelayan kita ialah terhadnya rizab hasil laut. Hasil laut di perairan Terengganu sekarang ini berada pada kedudukan amaran warna merah, berbanding dengan perairan Sabah yang masih berada pada rizab *colour* kuning. Sebab itu kita tumpukan untuk bantu nelayan adalah program penambahan dan peningkatan sumber perikanan dengan makna kita nak ajak ikan mari semula ke perairan Terengganu dengan cara kita buat rumah ikan. Rumah ikan ini ada dua, yang pertama tukun, yang kedua unjam. Tukun ini rumah banglo, Unjam ini rumah awam kos rendah, dua-dua rumah ikan belaka yang penting ikan boleh duduk.

Dalam tempoh enam bulan pertama, Kerajaan Baru Negeri Terengganu kita dah buat satu Program Labuh Tukun, yang kita namakan Tukun Dasar Lembut di Kuala Besut, kemudian saya sendiri bersama dengan Pengarah Perikanan kita ada turun dua kali untuk Program Labuh Unjam sekali di perairan Marang, yang melibatkan 53 unjam daun kelapa dan sekali di perairan Paka yang melibatkan 43 juga unjam daun kelapa dan kita rancangkan Program Labuh Unjam ini kita akan libatkan semua daerah yang ada pantai kecuali Pantai Alir di Hulu Terengganu, yang ni tak terlibat. Baik dalam masa yang sama kita juga mendapat kerjasama yang baik daripada pihak Petronas dalam Program Rig To Reef dengan izin Tuan Yang di-Pertua iaitu program untuk kita labuhkan pelantar minyak yang telah ditamatkan tauliah bagi dijadikan tukun dan insyaAllah menjelang tahun depan bila keadaan cuaca mengizinkan satu daripada pelantar minyak kita akan labuhkan di Perairan Pulau Kapas di Marang. Jadi di Dewan yang mulia ini saya rakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada pihak Petronas atas sumbangan bukan setakat pelantar minyak yang telah ditamatkan tauliah malah melibatkan semua kos untuk melabuhkan itu ditanggung oleh Petronas tanpa melibatkan sebarang kos daripada pihak Kerajaan.

Pada tahun depan juga insyaAllah hasrat nelayan di Jeti Marang untuk hendak mendapatkan yang pertama, *cool room* bilik sejuk yang telah berlanjutan isu

ini beberapa tahun, kita akan tunaikan, insyaAllah. Dalam masa yang sama, nelayan kita di Marang juga menghadapi masalah ketiadaan tempat baiki bot juga insyaAllah kita akan tunaikan hasrat nelayan Marang ini untuk mendapatkan satu tempat membaiki bot pada tahun hadapan, insyaAllah. Sebelum ini, nelayan-nelayan di kawasan Marang terpaksa ke Pulau Duyong untuk membaiki bot, satu jarak yang jauh yang membazirkan masa.

Satu lagi, yang menyebabkan sumber perikanan kita berhadapan dengan ancaman ialah pencerobohan nelayan, terutamanya nelayan asing, dan kita secara berkala, sentiasa berunding, berbincang dengan pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia untuk dikuatkuasakan dari segi undang-undang, walaupun keluasan pesisir pantai Terengganu ini dengan jarak 244 km daripada Kemaman sehingga ke Besut sangat luas. Dan kita sebenarnya meliputi 5.1% daripada keluasan pantai di seluruh Malaysia. 5.1% ada di Negeri Terengganu. Dan Zon Ekonomi Eksklusif kita sekitar 88 ribu km persegi, iaitu kira-kira 23% peratus daripada ZEE Malaysia keseluruhannya. Maknanya perairan kita adalah perairan yang sangat luas dan tentu sekali dengan aset yang terhad, yang dimiliki oleh agensi penguatkuasaan kita, bukanlah suatu tugas yang mudah untuk dikuatkuasakan. Sebab itu saya dalam program-program turun bersama dengan nelayan, kita nak ajak nelayan mempunyai satu rasa kekitaan, *sense of belonging* terhadap perairan kita dengan nelayan kita sendiri bertindak sebagai agen yang melaporkan sebarang penyalahguna/ pelanggaran undang-undang yang berlaku di laut untuk diambil tindakan segera oleh agensi-agensi pihak berkuasa kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD RAHMAN (Wakil Kuala Besut): ...[bangun untuk mencelah]....

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Tuan punya soalan dahulu, lepas tu saya bagi peluang.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang di-Pertua mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Exco tentang unjam-unjam yang telah diusahakan oleh pihak kerajaan, mungkin pihak

kerajaan boleh memberitahu Dewan yang mulia, berapakah kos unjam-unjam tersebut? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih Yang Berhormat Manir. Untuk program melabuhkan Tukun Dasar Laut yang kita buat di Kuala Besut, ia melibatkan kos yang agak besar dalam RM250 ribu. Berbeza dengan program unjam yang kita buat secara kerjasama komuniti di antara Persatuan Nelayan Setempat dan Jabatan Perikanan, sebab itu ia tidak melibatkan kos yang besar. 53 unjam yang kita labuhkan di Marang, siap labuh bersekali dengan majlis, bersekali dengan kos yang berkaitan hanyalah menelan kos RM15 ribu sahaja. Dan untuk 47 unjam di perairan Paka, menelan kos RM13 ribu. Dan satu lagi kelebihannya, bila kita buat secara gotong-royong, kita dalam masa yang sama mengambil kesempatan untuk memupuk ukhuwah dan merapatkan pertautan di antara para nelayan, dan satu lagi kita hendak supaya nelayan rasa bahawa unjam yang dilabuhkan itu adalah hak mereka, bukan hak jabatan. Maknanya kena pakat-pakat jaga. Kita dah tolong labuh, nelayan pakat jaga dan pakat ambil manfaat. Alhamdulillah maklum balas yang kita dapat, unjam-unjam kita ni dah dikunjungi oleh ikan-ikan daripada pelbagai spesies. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang di-Pertua, satu kajian yang mendapati bahawa nelayan-nelayan Terengganu telah lama kurang mendaratkan hasil tangkapan mereka di pelabuhan-pelabuhan Negeri Terengganu. Antara punca utamanya ialah kecekatan perairan. Jadi apakah usaha kerajaan bagi menyelesaikan masalah yang telah lama berlarutan ini dan apakah sebab ianya berlarutan begitu lama? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Benar sebagaimana yang dinyatakan oleh pihak Yang Berhormat Manir. Yang Berhormat Kuala Besut pun boleh pergi tengok sebab nampak berminat dengan isu nelayan. Boleh pergi tengok di Pelabuhan Perikanan Tok Bali daripada berbelas-belas buah bot yang sedang berlabuh di Pelabuhan Perikanan Tok Bali, 99% rumah kemudi bot tersebut berwarna hijau. Warna hijau itu bukan makna pemilik bot itu orang PAS, bukan, warna hijau ini ialah kod warna bot Negeri Terengganu, yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan dengan makna nelayan kita sebenarnya mendominasi dari segi pendaratan ikan di Pelabuhan Perikanan Tok Bali. Isu yang sama juga kalau kita pergi ke Pelabuhan Kuantan kita tengok majoriti daripada bot yang mendarat di

Pelabuhan Perikanan Kuantan juga rumah botnya *colour* hijau kalau yang Pahang, dia *colour* oren, Kelantan *colour* merah Johor *colour* biru ni tak ada apa-apa yang kaitan dengan politik, ni kod warna Jabatan Perikanan sahaja.

Baik, di antara isu besar yang kita tengok kenapa nelayan kita terpaksa mendaratkan hasil tangkapan di negeri orang ialah kerana yang pertama isu muara cetek. Sebahagian besar daripada kuala kita, muara kita berhadapan dengan masalah air cetek yang menyukarkan untuk bot nelayan kita keluar masuk. Di antara datanya bot nelayan laut dalam kelas C2 yang berdaftar di Negeri Terengganu sebenarnya 87 buah, sekarang ini tinggal yang aktif mendaratkan hasil tangkapan di jeti dan Pelabuhan Perikanan Terengganu cuma 47 sahaja. Hampir separuh berkurangan dan yang kedua ialah berkaitan dengan isu beberapa soal infrastruktur dan kemudahan di jeti-jeti pendaratan yang menyebabkan nelayan kita melihat pelabuhan dan jeti pendaratan di Terengganu ini tidak begitu merangsang dari segi urusan perniagaan dan urusan mereka untuk nak mendaratkan ikan.

Untuk tahun hadapan, kita fokus cuma nak selesai hal Chendering dulu, sebab Chendering ini target dari segi penubuhannya untuk dijadikan sebagai Bandar Perikanan. Cuma sekarang kalau respon daripada masyarakat setempat, Chendering dah berubah jadi wangi dengan maknanya hilang dah bau hanyir ikan kerana sikitnya ikan yang mendarat di Pelabuhan Chendering. Untuk itu, Kerajaan Negeri Terengganu telah memperuntukkan RM1.5 juta bagi tujuan kajian hidrologi, untuk tujuan mendalam dan menaiktaraf Pelabuhan Chendering dan bila kajian hidrologi ini siap kita akan mohon insyaAllah peruntukan daripada Kerajaan Pusat yang kita jangkakan kosnya sekitar dalam RM23 juta. Sekarang ini peringkat kajian hidrologi berada pada tahap terma-terma rujukan kajian. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila Wakil Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Exco. Ada sebut dua kali Kuala Besut tadi, terima kasih. Soalan saya mudah sahaja, iaitu ada disebutkan tadi ada dinyatakan oleh Yang Berhormat Exco tadi mewakili kerajaan bahawa pihak kerajaan telah mendaratkan, melabuhkan Tukun Dasar Lembut di Kuala Besut ada, di perairan Kuala Besut pun ada dan juga tukun yang berasaskan jaket-jaket terpakai ataupun pelantar-pelantar minyak yang terpakai oleh pihak Petronas

yang diberikan oleh pihak Petronas. Jadi soalan saya mudah jer, kita nak tahu berapakah berat dia, sebab berat tukun-tukun ini memberi kesan sebab itu namanya Tukun Dasar Lembut kerana memberi kesan juga kepada aktiviti nelayan di sekitar perairan khususnya kita di Terengganu dan juga di Kuala Besut. Berapakah berat tukun dasar lembut tersebut dan juga berapakah berat pelantar minyak yang dilabuhkan yang menggunakan yang kita nak jadikan sebagai tukun tiruan iaitu pelantar minyak tersebut?

Satu lagi, Yang di-Pertua, sambil-sambil ni, ada juga rungutan dan juga keluhan daripada pihak nelayan, dia kata, bunyi desas-desus bahawa bantuan untuk nelayan khususnya untuk musim tengkujuh akan dipotong oleh pihak-pihak yang berkenaan jadi apakah peranan ataupun perancangan pihak kerajaan untuk bantu nelayan-nelayan khususnya ketika menghadapi musim tengkujuh daripada bulan 10 sampai kadang-kadang sampai bulan 2. Terima kasih Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat cuma ringkaskanlah sebab saya nak bagi peluang pada satu lagi soalan selepas daripada ini.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Baik, terima kasih Yang Berhormat Kuala Besut. Tukun konkrit memang beratlah tapi berapa berat dia saya perlukan notis sebab tak timbang masa melabuhkan hari tu. Dan memang tujuan kita nak tukun tu berat sebab di samping dia sebagai rumah ikan dalam masa yang sama dia juga bertujuan untuk menghalang aktiviti pukut tunda dengan makna dia berfungsi sebagai zon penamparan. Lagi berat lagi baik sebenarnya supaya bila pukut tunda lalu nasib dia sebab tukun yang kita labuhkan dalam jarak 5 batu nautika daripada pantai, 5 batu nautika dikira sebagai Zon A iaitu zon yang diharamkan aktiviti pukut tunda dengan makna apabila pukut tunda masuk, pukut tunda dia tersangkut pada tukun, koyak bukan salah kita kerana mereka yang melanggar peraturan daripada segi Zon Menangkap Ikan.

Berkaitan dengan Bantuan Musim Tengkujuh untuk nelayan yang tu di bawah bidang kuasa MOA, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Dari segi portfolio pertanian, saya bincang dengan Jabatan Perikanan, tujuan kita letakkan unjam kita tu pada jarak sekitar 4 - 5 batu nautika sebenarnya untuk kegunaan musim tengkujuh dengan makna nelayan kita walaupun musim tengkujuh mereka masih ada tempat di mana ada sumber perikanan yang

mereka boleh dapatkan hasil dan apabila cuaca tak baik berlaku boleh balik dengan cepat sebab jarak daripada pantai untuk sampai ke tempat di mana kita labuhkan unjam tu tak jauh dan buat masa sekarang ni, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang perancangan untuk bagi bantuan kewangan secara *one-off* sebagaimana bantuan musim tengkujuh yang diberikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila Yang BERTHORMAT Wakil Jerteh untuk kemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jerteh): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang di-Pertua, soalan saya soalan pertama -

Nenas MD2 merupakan satu varieti nenas yang agak popular di pasaran apakah kerajaan negeri berhasrat untuk memajukan nenas MD2 untuk petani-petani di Negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih Yang BERTHORMAT Wakil Jerteh merangkap bekas Exco Pertanian Negeri Terengganu di atas perhatian yang diberikan kepada sektor pertanian. Soalan daripada Yang BERTHORMAT Jerteh berkaitan dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memajukan Nenas MD2. Dan saya sekali lagi mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih di atas asas yang telah diletakkan oleh bekas Exco untuk kita meletakkan industri Nenas MD2 di Negeri Terengganu di satu kedudukan yang baik insyaAllah.

Dari segi keluasan di zaman Yang BERTHORMAT Jerteh sebagai Exco Pertanian, keluasan tanaman Nenas MD2 pada tahun 2017 ialah 7.89 hektar. Dalam masa enam bulan pertama kerajaan baru, kita telah buka 12 hektar kawasan baru yang melibatkan pengusaha kecil dan insyaAllah bulan dua belas ini ada seorang lagi pengusaha di Daerah Hulu Terengganu yang baru kita luluskan dari segi bantuan sulur dia sebanyak seluas 4 hektar. Jadi dalam tempoh enam bulan pertama Kerajaan Baru Terengganu, kita telah berjaya alhamdulillah membuka 16 hektar ladang Nenas MD2 baru, berbanding dengan 7.89 hektar setahun di zaman Yang BERTHORMAT Jerteh sebagai Exco Pertanian. Bermakna apa yang nak saya nyatakan ialah kita sebenarnya serius

dalam mengembangkan industri ini dan ada banyak bantuan-bantuan yang disalurkan melalui Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia. Dan bantuan ini kita kategorikan sebagai dua, yang pertama, bantuan yang melibatkan pengusaha komersial dan yang kedua bantuan yang melibatkan pengusaha kecil.

Dari segi pengusaha komersial, di antara syarat-syarat dia keluasan maksimum 10 ekar. Dan kita akan bagi bantuan sulur yang bernilai sekitar RM1.50 satu sulur dan untuk 10 ekar biasa dia boleh memuatkan sebanyak 200,000 sulur. Bermakna bantuan untuk 10 ekar bernilai kira-kira RM300,000.00. Kemudian bagi pengusaha kecil, keluasan dia di antara satu hingga 3 ekar, setiap satu ekar boleh memuatkan kira-kira 15,000 sulur. Bermakna bantuan yang diberikan untuk pengusaha kecil bagi satu ekar tanaman Nenas MD2 sebanyak RM22,500.00. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jerteh): Soalan tambahan Yang di-Pertua. Terima kasihlah kepada Kerajaan Negeri yang telah meneruskan projek yang saya lihat ianya sangat berpotensi kerana dulunya harga MD2 ni agak mahal, walaupun tempoh tanaman untuk nak dapatkan hasil agak lama iaitu melebihi satu tahun tetapi disebabkan harga yang sampai satu ketika mencecah RM12 bagi satu kilo ia menarik minat kepada penanam-penanam Terengganu untuk menceburkan diri dalam Nenas MD2 ini.

Jadi, soalan tambahan, kita nak tahu apakah kaedah ataupun cara Kerajaan Negeri boleh buat supaya harga nenas ini dapat kita *sustainkan*, dapat kita jaga supaya tidak turun kerana kita takut apabila minat penanam-penanam nenas ini makin pengeluaran makin banyak takut permintaan tadi jadi harga akan turun. Jadi, saya nak tanya apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan harga nenas ini walaupun tidak RM12 tetapi tidaklah sampai satu masa akan jatuh merudum. Terima kasih Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIN (Wakil Jabi): Tempoh untuk Nenas MD2 boleh dipetik setahun lebih jer, tiga belas bulan. Jadi nenas yang saya tanam tu boleh makan lagi la Yang Berhormat sebab kita baru enam bulan baru. Harga nenas sekarang ni di pasaran dalam sekitar RM5 sekilo dikira harga yang masih stabil. Walaupun begitu, nenas ini di antara buah ketahanan dia tak lama. Bermakna kita kena fikir dari segi industri hiliran. Sangat menarik apabila semalam kita dikunjungi oleh pelabur-pelabur

daripada syarikat gergasi China, daripada pelabur Cina dan muslim yang mari ke Terengganu dan sebahagian daripada sektor yang sangat mereka berminat ialah sektor pertanian. Dan insyaAllah saya bersama Yang Berhormat Dato' Tengku Hassan, kita akan ambil peranan untuk bincang perkara ini secara serius dan kita letakkan satu target insyaAllah untuk buka satu kilang bagi produk nenas ini ditinkan supaya pengusaha-pengusaha tidak hanya jual nenas itu secara segar tetapi dalam masa yang sama produk hiliran boleh kita keluarkan dengan jenama Negeri Terengganu kita. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Yang Amat Berhormat Menteri Besar

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jerneh): Soalan tambahan kedua, boleh?

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: *Last.*

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jerneh): Okey, terima kasih Yang Berhormat Jabi. Soalan kedua: Saya nak tanya adakah usaha yang dulunya, kerajaan dulunya kita membantu pengusaha-pengusaha nenas untuk sementara mereka menunggu hasil kita akan bantu seolah-olahnya macam gaji beliaulah selama beberapa bulan sebagai galakan kepada penanam-penanam baru untuk menceburkan diri dalam tanaman nenas ni kerana kita dapati bahawa Terengganu berjaya membuktikan bahawa tanaman nenas ini juga sesuai untuk di tanam di tanah beris. Dan kita tengok Terengganu ini banyak tanah-tanah beris yang terbiar yang tidak ditenggelami oleh air, banjir maka ianya adalah merupakan satu tanaman yang berpotensi yang memberi peluang pekerjaan baru kepada rakyat Terengganu. Terima kasih Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIN (Wakil Jabi): Baik insyaAllah dari segi bantuan kita boleh perincikan dalam satu Skim Bantuan Tani yang diperkenalkan insya Allah mulai tahun depan yang kita namakan Skim Bantuan Tani di samping kita bagi bantuan dari segi input, bantuan kewangan, bantuan sementara tunggu hasil keluar pun, insyaAllah kita boleh fikirkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon persidangan ini ditangguhkan Di Bawah Perkara 30 kerana ia melibatkan satu perkara yang melibatkan satu perkara tertentu dan mustahak bagi orang ramai.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Minta Yang Berhormat sebutkan dulu tajuk isu yang nak dibawa.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Tajuknya berbunyi:

“Bahawa Persidangan hari ini hendaklah ditangguhkan mengikut Fasal 30, Perkara-Perkara Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu ICERD dengan izin, International Convention On The Elimination Of All Forms Of Racial Discrimination. Dalam bahasa Melayunya Kovensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum agar Dewan yang mulia ini menyatakan pendirian jelas untuk menolak sebarang usaha ratifikasi ICERD dan mengutuk usaha meratifikasikan ICERD.”

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Okey, Yang Berhormat, saya ingat saya minta Bentara sila ambil kenyataan bertulis daripada Yang Berhormat Batu Burok. Saya akan teliti isu ini dan insyaAllah saya akan beri keputusannya selepas daripada rehat nanti.

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 11.30 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.10 PAGI.

PUKUL 11.30 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Amat Berhormat

Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Sebelum rehat tadi saya ada menerima satu Usul Di Bawah Perkaras 30 Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Wakil Batu Burok. Setelah saya meneliti usul ini, saya dapati usul ini memang ada asas perkara tertentu, mustahak bagi orang ramai, dan juga perlu disegerakan. Saya terima usul ini untuk dibawa dan juga untuk dibahas.

Walau bagaimanapun, saya memerlukan tidak kurang daripada 9 orang daripada Ahli Yang Berhormat untuk menyokong usul ini terlebih dahulu untuk mencukupkan syarat Di Bawah Peraturan 30 ini. Jadi saya mintak sesiapa yang menyokong usul ini sila bangun.

....[Sembilan orang Ahli-ahli Yang Berhormat Wakil Kerajaan telah bangun menyokong]...

Alhamdulillah, usul ini cukup syarat iaitu usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Batu Burok berkait dengan persidangan hari ini ditangguhkan mengikut Fasal 30 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini *merulingkan* isu ICERD *International Convention on the Elimination Of All Forms of Racial Discrimination* yakni Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum. Jadi, saya persilakan Yang Berhormat Batu Burok untuk membentangkan usul ini. Silakan.

YANG BERTHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, dan Pemerhati-pemerhati sekalian.

Yang pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini kerana memberikan ruang untuk saya membentangkan usul berkait dengan ICERD ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, usaha Putrajaya untuk menerima Deklarasi ICERD dengan membuat rektifikasi mutakhir ini adalah amat memeranjatkan dan tidak boleh diterima oleh akal yang waras. Ia adalah langkah sumbang yang mampu merobohkan kontrak sosial yang telah dipersetujui bersama oleh semua kaum ketika Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan merdeka pada 31 Ogos 1957. ICERD iaitu singkatan kepada *International Convention on the*

Elimination of all Forms of Racial Discrimination dengan izin atau dalam Bahasa Melayu, Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum adalah satu konvensyen di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Ia telah dibuka untuk ditandatangani oleh negara-negara sejak tahun 1965 dan dikuatkuasakan pada 4 Januari 1969. ICERD pada asalnya adalah suatu langkah yang diambil oleh PBB untuk mempromosikan sikap toleransi sesama pelbagai bangsa, agama dan pegangan politik negara-negara yang mengamalkan dasar antisemetik, dasar nasionalisme melampau, apartheid dan lain-lain sehingga menimbulkan ketegangan dan menafikan hak asasi manusia.

Malaysia tiada keperluan untuk menandatangani Konvensyen ICERD ini kerana Malaysia sudah menunjukkan kepada dunia tentang keunikan formula Malaysia iaitu kontrak sosial yang telah dimeterai semenjak kemerdekaan. Rusuhan kaum pada tahun 1969 ditangani dengan baik, tanpa menzalimi bangsa atau agama yang tertentu. Akhirnya Malaysia dikenali di persada dunia sebagai negara yang unik kerana rakyatnya yang terdiri daripada masyarakat majmuk berjaya hidup berganding bahu, harmoni, saling hormat menghormati dan tidak memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing menggunakan medium keganasan terhadap kaum yang lain sepatutnya belajar dengan kita mengenai perkara berkaitan hak asasi manusia dan mengurus kepelbagaian bangsa dan agama. Malangnya dengan menandatangani ICERD kita pula meminta PBB mengajar kita, negara seperti Israel dan Myanmar sepatutnya digesa untuk menandatangani ICERD bukan Malaysia. Malaysia tidak pernah mengamalkan dasar menindas agama dan bangsa yang lain walaupun agama Islam adalah agama bagi Persekutuan namun agama-agama lain bebas diamalkan berteraskan agama Islam. Toleransi antara agama dan bangsa telah sehati dengan jiwa orang Melayu sepanjang sejarah Islam sejak kurun keenam lagi iaitu pada zaman Baginda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam dan tamadun Islam sahajalah yang berjaya mewujudkan secara nyata kebebasan beragama dan keharmonian sesama pelbagai bangsa. Ini kerana mereka berpegang dengan Firman Allah dalam Surah Al-Hujurat ayat 13 mengenai hak istimewa orang Melayu dan kuota khusus untuk orang Melayu dan bumiputera dalam bidang tertentu bukanlah bertujuan untuk menindas kaum lain tetapi bagi menjadikan orang Melayu dan bumiputera dapat berkongsi kekayaan ekonomi negara dengan adil.

Dasar Ekonomi Baru ditamatkan walaupun ia tidak berjaya merealisasikan pegangan ekuiti bumiputera kepada 30%, memberi bantuan lebih kepada

golongan yang kurang berkemampuan adalah satu langkah untuk mewujudkan keadilan sosial dalam skop yang lebih besar. Adil bukanlah semata-mata bermakna membahagikan sama banyak dalam semua perkara, apatah lagi dalam konteks Malaysia, kontrak sosial pada awal kemerdekaan adalah merupakan persetujuan bersama oleh semua pimpinan utama setiap kaum. Ini menunjukkan bahawa golongan manoriti di Malaysia bukan ditindas bahkan golongan yang kurang bernasib baik ialah penduduk asal Tanah Melayu sebelum merdeka iaitu golongan bumiputera yang merupakan majoriti penduduk Malaysia.

Langkah menerima Deklarasi ICERD menunjuk tindakan terdesak Putrajaya tunduk kepada desakan melampau daripada ahli politik yang mewakili kaum tertentu dalam parti pemerintah sehingga sanggup mencerooboh kontrak sosial dan merosakkan kepercayaan dan keharmonian rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini lebih daripada itu ia mencabar kedaulatan Institusi Istana secara langsung apabila melibatkan perkara berkaitan agama Islam dan hak istimewa orang Melayu. Saya mengambil maklum pendirian yang telah dinyatakan oleh Pejabat Perdana Menteri untuk tidak akan meratifikasi konvensyen antarabangsa mengenai pembasmian diskriminasi kaum, ICERD pada 23 November 2018 yang lalu.

Saya juga mengambil maklum kenyataan susulan selepas kenyataan Pejabat Perdana Menteri di kalangan Menteri Kabinet masih lagi kabur dan membimbangkan. Contohnya, semalam ada satu kenyataan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama Islam yang keluar dalam Portal Malaysiakini yang bertajuk kenyataan beliau tanpa ICERD peluang maju ke depan terbantut. Jadi ini di antara kenyataan-kenyataan yang masih wujud di sana keraguan dan kekeliruan walaupun Mesyuarat Kabinet telah bersetuju untuk menanggungkan Konvesyen ICERD ini.

Dengan ini saya mengusulkan kepada Dewan yang mulia ini agar menerima usul ini untuk dirundingkan sekali gus menolak sebarang usaha Putrajaya untuk menandatangani ICERD walaupun dengan membuat ratifikasi juga mengutuk usaha yang dilakukan bagi meratifikasi ICERD ia adalah langkah kebelakang, membahayakan masa depan negara dan boleh mencetuskan keharmonian masyarakat majmuk. Isu ini melibatkan perkara-perkara tertentu kerana melibatkan pencabulan kontrak sosial yang telah dipersetujui semua kaum, melibatkan kepentingan orang ramai apabila melibatkan isu hak istimewa orang Melayu dan bumiputera dan perkara ini perlu disegerakan kerana ia menyentuh pelanggaran kedaulatan Institusi Istana dalam

melibatkan perkara berkaitan agama Islam dan hak istimewa Melayu. Maka saya berpandangan bahawa usul ini melibatkan perkara tertentu, kepentingan ramai serta perlu disegerakan. Sekian.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Wakil Batu Burok yang telah membentangkan Usul Debat Perkara 30 Peraturan Tetap Dewan. Pada umumnya saya merasakan usul ini merupakan usul yang diketahui umum oleh sebab itu, saya nak minta seorang sahaja daripada Ahli Yang Berhormat untuk menyokong usul ini dan membahaskan. Saya minta seorang sahaja. Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, hadirin-hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Saya terus untuk mengambil bahagian di dalam menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Batu Burok sebentar tadi. Dalam beberapa asas yang perlu untuk kita melihat melalui keputusan untuk melakukan ratifikasi ICERD. Ia merupakan satu keputusan yang bersikap *unilateral* tanpa merundingkannya dengan pelbagai pihak terutama Raja-Raja Melayu juga dengan golongan rakyat terbesar sebagai pemegang taruh utama hal ini sebelum pelaksanaan yang bakal menyentuh *sensitiviti survival* Islam dan Melayu di tanah air ini. Ia sebenarnya jelas membelakangkan Raja-Raja Melayu selaku Ketua Agama Islam di peringkat Negeri dan Persekutuan. Ratifikasi ICERD diusahakan secepatnya tanpa rundingan, persetujuan mahupun perkenan Raja-Raja Melayu atau Majlis Raja-Raja sedangkan isu ini cukup kritikal memberi impak ke atas *survival* negara, bangsa Malaysia. Ketiadaan usaha untuk merundingkan isu ratifikasi ini secara meluas dengan rakyat sebaliknya tergesa-gesa dalam suku pertama 2019 merupakan suatu sikap yang becanggah dengan prinsip yang dilaungkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Walhal kononnya selama ini Kerajaan Persekutuan memperjuangkan prinsip keterangkuman, prinsip ketelusan dan juga prinsip demokrasi. Ini menunjukkan bahawa sikap ini begitu angkuh membelakangkan prinsip dan juga penghormatan kepada Institusi Beraja yang merupakan tiang seri negara kita. Persoalan juga dalam keadaan begitu banyak janji yang belum ditunaikan.....

Mengapakah isu untuk menandatangani ICERD ini boleh berlaku dengan begitu cepat? Saya bersetuju kita mengambil maklum apa yang telah dinyatakan oleh Pejabat Perdana Menteri tetapi kita gusar melihat ucapan-ucapan kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri-menteri Kabinet yang lain yang kami melihat seperti tidak menyambut penuh apa yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri. Oleh kerana itu, sikap yang jelas perlu dilahirkan oleh Dewan Undangan Negeri yang mulia ini bagi menyatakan apakah sikap kita dan betapa Ratifikasi ICERD ini perlu untuk ditolak oleh semua oleh pihak Dewan Undangan Negeri bagi memastikan apa yang berlaku selama ini.

Keharmonian dan kemakmuran antara masyarakat pelbagai kaum berlaku dalam keadaan yang terus kekal daripada dahulu sampailah selepas hari ini. ICERD jelas sekali membuka kotak pandora apabila bakal memberi ruang kepada pihak yang kuat berusaha sejak sekian lama mahu mengubah landskap politik negara yang ditunjangi Melayu, Islam dan Beraja antaranya perkara 153 yang menyentuh kedudukan istimewa Melayu dan anak negeri bumiputera Sabah dan Sarawak akan segera dicabar. Sandaran bahawa Negara-negara Arab yang tidak demokratik dan monarki sekalipun turut untuk meratifikasikan ICERD menjelaskan lagi betapa sempit dan cetek pemikiran sebahagian daripada pemimpin pada hari ini. Hujah dangkal begini menunjukkan penuturnya tidak faham komposisi demografi kaum yang cukup berbeza antara Negara Arab dengan Malaysia. Malaysia masih berada dalam keadaan di mana kerajaan perlu untuk mengimbangi antara kepentingan umat Islam, Melayu Islam dengan bukan Melayu. Jika selama ini kita berjaya mengekalkan keamanan dan kestabilan politik, akomodatif menerusi acuan sendiri maka mengapa perlu tunduk kepada telunjuk tali barut dengan meratifikasi ICERD. Suara penentangan terhadap keghairan ini juga sedang dinyatakan begitu banyak oleh berbagai pihak. Sebagai contoh suara yang dibawa oleh bekas Ketua Hakim Negara Tun Abdul Hamid Muhamad yang sangat dihormati. Beliau memberi amaran keras kepada pihak kerajaan berhubung hakikat dan implikasi terhadap keputusan meratifikasikan ICERD. Sehubungan dengan itu saya bersetuju untuk menyokong dan menyeru kepada seluruh pihak yang berada dalam Dewan mulia ini untuk kita menyatakan sikap yang jelas bagi menolak meratifikasikan ICERD malahan kita mengambil sikap untuk mengutuk mereka yang berusaha gigih untuk meratifikasikan ICERD. Tuan Yang Di-Pertua, sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Tepoh yang telah membuat perbahasan bagi menyokong usaha

dibentangkan oleh Wakil Batu Burok. Jadi sekarang saya kemukakan kepada undian -

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mesyuarat diteruskan kepada Tertib Pekerjaan Dewan seterusnya.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Cadangan Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada
Perkara-Perkara Lain. Yang Berhormat Yang di-Pertua:

*“Saya mohon membawa cadangan menurut Fasal 16(3)
Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan
Undangan Negeri untuk mendahulukan pembawaan lima
(5) Rang Undang-undang daripada perkara-perkara lain
iaitu:*

- (i) Enakmen Perbekalan 2019.*
- (ii) Enakmen Lambang-Lambang, Nama-Nama dan Gelaran-
Gelaran (Mencegah Salah Guna) (Pindaan) 2018.*
- (iii) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam
(Terengganu)(Pindaan) 2018.*
- (iv) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam
(Terengganu) (Pindaan) 2018.*
- (v) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu
(Pindaan) 2018”.*

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Menteri Besar,
Ahli-ahli Berhormat sekalian, satu cadangan menurut Fasal 16(3) Peraturan-
Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk
mendahulukan pembawaan lima (5) Rang Undang-Undang daripada perkara-
perkara lain telah diterima. Sekarang saya kemukakan kepada undian.

CADANGAN SUPAYA MENDAHULUKAN PEMBAWAAN RANG
UNDANG-UNDANG DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN
YANG DITETAPKAN DI DALAM TERTIB PEKERJAAN
DEWAN KEMUDIAN DIUNDI DAN DIPERSETUJUI DENGAN
SEBULAT SUARA.

USUL INI DITERIMA.

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN PERBEKALAN 2019

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara yang didahulukan ialah Rang Undang-Undang.
Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengemukakan Rang

Undang-Undang yang pertama Enakmen Perbekalan 2019, bacaan kali yang pertama.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Yang di-Pertua saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA
KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK
PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2019 DAN BAGI
MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK
PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI
YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Alhamdulillah marilah kita sama-sama menzahirkan rasa syukur yang setulusnya kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan limpahan kurniaNya yang berterusan, disusuli ucapan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam, ahli keluarga baginda dan para sahabat radhiallahu 'anhum ajma'iin.

Sesungguhnya dengan izin dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, saya diberikan kesempatan buat julung kalinya selepas Pilihan Raya umum Ke-14 (PRU14), mewakili kerajaan baharu untuk membentangkan Bajet Negeri Terengganu bagi tahun 2019.

Marilah kita semua menitipkan doa dengan tulus dan ikhlas ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya, dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu agar diberkati, dirahmati serta dikurniakan pimpinan Ilahi untuk terus menaungi dan memayungi Negeri Terengganu Darul Iman yang dikasihi ini.

Mengimani betapa Al-Quran bukan sekadar kitab suci yang dilimpahi keberkatan semata-mata, bahkan ia merupakan modul serta panduan daripada Tuhan pemilik alam ini untuk rujukan sekalian umat. Maka saya mulakan pembentangan ini dengan Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raaf ayat ke-96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰءِ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ
مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا
يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya:

Sekiranya penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertaqwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, maka pasti Kami akan melimpahkan kepada mereka keberkatan dari langit dan juga bumi, namun sekiranya mereka mendustakan (ayat-ayat Kami), maka Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan perbuatan mereka itu."

Firman Allah Subhanahu Wata'ala ini telah mengingatkan kita, bahawa limpahan keberkatan dan kemakmuran sesebuah negeri tidaklah berkisar seputar kebijaksanaan pengurusan dan perancangan semata, bahkan ia sangat berkait rapat dengan keimanan serta ketaqwaan kerajaan dan rakyat sesebuah negeri. Sebaliknya, segala kebijaksanaan dan ketelitian perancangan yang diselimuti kedustaan dan kekufuran, hanya akan mengundang azab Allah Subhanahu Wata'ala yang pedih dan membinasakan.

Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon membentangkan Enakmen yang bertajuk **Enakmen Perbekalan Tahun 2019** untuk mendapatkan pertimbangan Dewan yang mulia ini, bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai Perbelanjaan Bekalan, Perkhidmatan dan Pembangunan Negeri pada tahun 2019. Pembentangan lengkap dan perincian peruntukan Bajet 2019 ini terkandung dalam **Buku Bajet Terengganu Tahun 2019**.

Inisiatif sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan juga dimasukkan dalam buku bajet ini, manakala pembentangan pada hari ini memfokuskan kepada perkara-perkara baharu dan tertentu yang ingin dilaksanakan pada tahun 2019.

Bajet Negeri Terengganu 2019 dirangka berasaskan kepada kepentingan dan keperluan rakyat, di mana Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif melancarkan laman sesawang e-Bajet dan menganjurkan bengkel cadangan Bajet Rakyat Terengganu (cBRT) di setiap daerah bersama dengan semua pemegang taruh (*stakeholders*) yang berkaitan. Pendekatan ini telah berjaya menarik penglibatan aktif semua lapisan masyarakat dan rakyat terutamanya dari kalangan kumpulan profesional dan bukan profesional untuk turut memberikan idea dan mengetengahkan aspirasi mereka dalam merangka bajet kali ini.

Natijahnya, sebanyak 2,260 cadangan rakyat telah diperhalusi dan diterjemahkan mengikut keutamaan dalam bajet kali ini. Saya mengucapkan jutaan penghargaan kepada semua yang telah terlibat dalam proses penggubalan Bajet Negeri Terengganu 2019. Setiap pandangan rakyat sangat dihargai dan diberikan perhatian yang serius oleh Kerajaan Negeri.

PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum saya membentangkan Bajet Negeri Terengganu bagi tahun 2019, izinkan saya memberikan gambaran kepada Dewan yang mulia ini berkenaan dengan ringkasan prestasi dan prospek semasa ekonomi Negeri Terengganu Darul Iman.

Pertumbuhan ekonomi global dijangka sederhana bagi tahun 2018 dan 2019, disumbangkan oleh ketidaktentuan dagangan dunia yang berpunca daripada persaingan kuasa besar ekonomi dan aliran keluar modal daripada negara membangun.

Negara yang mempunyai hubungan dagang utama dengan Malaysia seperti United Kingdom, Jepun, China dan India dijangka mencatatkan pertumbuhan sederhana berikutan prospek pasaran kewangan dan hartanah dalam negara tersebut, termasuklah perkembangan ketidaktentuan *Brexit* dan perang tarif antara Amerika Syarikat dan China.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dinilai pada 4.8% hingga 4.9% bagi tahun 2018 dan 2019, dipacu oleh sektor domestik dan pelaburan swasta, manakala dalam masa yang sama rakyat masih berhadapan dengan tekanan inflasi dan peluang pekerjaan yang terhad, tanpa mengira di bandar mahupun luar bandar.

Bagi Negeri Terengganu, pertumbuhan KDNK dicatatkan pada kadar 5.9% bagi tahun 2017 dan menyamai kadar pertumbuhan Malaysia. KDNK per kapita negeri pula menunjukkan peningkatan daripada RM27,272 pada tahun 2016 kepada RM29,347 pada tahun 2017. Malah, kadar kemiskinan juga menurun kepada 0.4% pada tahun 2016. Ada aspek positif yang kita akui terhadap usaha oleh pentadbiran lalu, namun ada kelemahan dalam aspek pelaksanaan program dan projek yang mesti diteliti kembali supaya mengelakkan pembaziran dan bebanan kewangan kepada kerajaan tanpa mengurangkan objektifnya.

Unjuran pertumbuhan KDNK pada 2018 pula dijangka sederhana dengan kadar 5.0%. Kadar ini dipacu oleh sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan dengan

peningkatan masing-masing kepada 6.1% dan 5.8% berbanding 3.8% dan 4.4% tahun sebelumnya.

Dalam pada itu, masih banyak ruang yang perlu diperbaiki dalam konteks sosioekonomi dan tadbir urus di negeri yang bertuah ini. Pihak Kerajaan Negeri optimis untuk terus mengurangkan kadar pengangguran negeri yang masih tinggi pada tahap 4.5%, di samping melonjakkan prestasi pelaburan yang dapat memberikan pulangan dan manfaat kepada negeri, serta meningkatkan budaya integriti dalam pentadbiran kerajaan dan pengurusan Syarikat Berkaitan Kerajaan.

Kita yakin bahawa pencapaian ekonomi yang baik tidak hanya bergantung kepada kemajuan ekonomi semata-mata, sebaliknya turut mementingkan aspek kesejahteraan hidup dan kelestarian alam secara yang lebih seimbang, untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

PERUNTUKAN BAJET 2019

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Berteraskan kalam Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raaf ayat ke-96 sebagai prinsipnya, diharmonikan bersama pandangan rakyat serta mengambil kira perkembangan ekonomi semasa, dan seterusnya ke arah memenuhi aspirasi Pelan Induk Terengganu Sejahtera 2030 (PiTAS), maka dengan ini, Bajet Negeri Terengganu 2019 dicadangkan dengan tema "**NEGERI BERKAT, RAKYAT SEJAHTERA**".

Perencanaan bajet ini didokong oleh empat (4) teras utama yang menjadi tonggak kepada Bajet 2019 iaitu:

Teras Pertama	: Keberkatan
Teras Kedua	: Kemajuan
Teras Ketiga	: Kebajikan
Teras Keempat	: Kecekapan

Semua teras tersebut akan diperkukuhkan dengan lapan (8) strategi pelaksanaan sebagaimana berikut:

- Mengukuhkan prinsip Islam.

- Mewujudkan polisi patuh syariah.
 - Membangunkan kualiti modal insan.
 - Merencanakan pertumbuhan ekonomi.
 - Mengukuhkan institusi keluarga dan masyarakat.
 - Merealisasikan Terengganu sebagai negeri berkeadilan.
-
- Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian.
 - Menerapkan nilai integriti dan ketelusan.

Dalam usaha mencapai dan menjayakan teras serta strategi Bajet 2019, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah **RM2.015 bilion** dalam Bajet 2019. Peruntukan ini adalah lebih besar berbanding RM1.996 bilion dalam Bajet 2018. Pertambahan kepada peruntukan ini adalah bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri yang akan memberi manfaat secara langsung kepada rakyat Negeri Terengganu.

Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala bagi tahun 2019 kita menjangkakan akan memperoleh hasil negeri berjumlah RM2.015 bilion menjadi Bajet Tahun 2019 merupakan **Bajet Berimbang**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM66.93 juta** merupakan **Hasil Cukai**, **RM203.53 juta** adalah **Hasil Bukan Cukai** dan **RM1.745 bilion** merupakan **Terimaan Bukan Hasil**.

Secara perinciannya, Kerajaan Negeri mencadangkan peruntukan sebanyak **RM2.015 bilion** untuk **Perbelanjaan Mengurus**. Daripada jumlah tersebut, **RM600 juta** akan dicarumkan kepada **Kumpulan Wang Pembangunan** untuk **Perbelanjaan Pembangunan**. Ia termasuk **RM186.2 juta** untuk **projek bayaran tertangguh** (*deferred payment*) dan **bayaran berjadual** (*scheduled payment*). Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak **RM1.8 juta** kepada **Kumpulan Wang Bekalan Air**.

Di bawah peruntukan Perbelanjaan Mengurus, sebanyak RM86.025 juta atau 4.27% akan diperuntukkan bagi Perbelanjaan Tanggungan sebagaimana yang termaktub secara khusus menurut undang-undang, manakala sejumlah RM1.929 bilion atau 95.73% pula diperuntukkan untuk Perbelanjaan Bekalan.

Di bawah peruntukan Perbelanjaan Bekalan pula, sebanyak RM285.47 juta untuk Emolumen, RM197.1 juta untuk Perkhidmatan dan Bekalan, RM24.98 juta untuk Aset, RM1.42 bilion untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan RM1.16 juta untuk Perbelanjaan Lain-lain.

Di bawah komponen Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, sejumlah RM600 juta adalah caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan, RM230 juta diperuntukkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-badan Berkanun dan pelbagai agensi, RM194 juta diperuntukkan bagi pemberian kepada jabatan-jabatan kerajaan dan RM400 juta pula diperuntukkan bagi pelbagai program di bawah seliaan Pejabat Setiausaha Kerajaan yang akan memberi impak secara langsung kepada rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

TERAS PERTAMA

Keberkatan sebagai prinsip asas kepada pentadbiran dan pembangunan negeri.

Sampan jangan lama bertambat,
Bila lama hilang manfaatnya,
Makan jangan lupakan rahmat,
Kelak hilang segala berkatnya.

Sorotan sejarah membuktikan bahawa Negeri terengganu telah memartabatkan Islam sebagai sumber hukum yang telah menjadi teras Undang-Undang Tubuh Kerajaan dalam pentadbiran menerusi penggubalan *Itqan Al-Muluk bi Ta'dil As-Suluk*.

Justeru, bagi menyambung semula kesinambungan kedaulatan syariah serta menyemarakkan kefahaman dan penerimaan rakyat terhadap keadilan dan keharmonian Undang-undang Islam, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM1 juta bagi menganjurkan aktiviti yang akan merealisasikan tujuan tersebut seperti Sambutan *Itqan Al-Muluk bi Ta'dil As-Suluk*, Program Multaqa Ulama Terengganu, Program Penerangan, Pengukuhan Dan Penguatkuasaan Prinsip-Prinsip Syariah serta program dialog dan penyebaran kefahaman kepada masyarakat bukan Islam. Mudah-mudahan usaha pelaksanaan syariah akan terus dinamik dari semasa ke semasa dan setiap program yang dijalankan oleh

Kerajaan Negeri mestilah selari dengan ajaran Islam yang sebenar untuk mencapai keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Melengkapkan lagi teras ini, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak RM3.5 juta untuk menubuhkan Akademi DuAT (Didik Ulama Amilin Terengganu) bertujuan melatih para pendakwah dengan pelbagai ilmu dan kemahiran kontemporari. Sementara itu, program untuk menyantuni masyarakat turut akan diperhebatkan seperti aktiviti *Street Dakwah* yang akan menampilkan pendekatan dakwah yang lebih inklusif dan mesra masyarakat.

Dalam memastikan usaha memperbaiki jati diri serta akidah khususnya dalam kalangan anak muda, adalah menjadi satu keperluan untuk mewujudkan Pusat Rehabilitasi dan Pemulihan Akidah yang melibatkan peruntukan berjumlah RM10 juta. Bagi melaksanakan kerja-kerja awal sebanyak RM2 juta diperuntukkan pada tahun 2019.

Institusi masjid dan surau sangat penting dalam masyarakat dan merupakan simbol perpaduan ummah serta menjadi nadi kepada seluruh kehidupan umat Islam. Melihat kepada kepentingan ini, sejumlah RM30.5 juta akan diagihkan untuk membina, menambah baik, menyelenggara masjid dan menganjur aktiviti bermanfaat kepada komuniti.

Saya mendengar keluhan golongan wanita dalam Bengkel Cadangan Bajet Rakyat Terengganu (cBRT) yang lalu mengenai kekurangan fasiliti beriadah mesra muslimah. Dengan ini, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menaik taraf dewan dan taman rekreasi melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memberi keselesaan kepada golongan wanita beriadah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah julung kalinya mengadakan Program Madinah Ramadhan di Dataran Berbumbung, Taman Shahbandar, Kuala Terengganu. Pelbagai aktiviti keilmuan dan keagamaan diselitkan sebelum dan selepas waktu berbuka puasa seperti tazkirah, tadarus Al-Quran, solat Maghrib dan Isyak berjemaah serta Tarawih bersama Imam jemputan.

Program yang bermanfaat ini akan diteruskan pada tahun 2019 dengan peruntukan sebanyak RM2 juta. Semoga Madinah Ramadhan akan terus

menyuburkan jati diri Muslim serta menambahkan lagi keberkatan dan mengeratkan ukhuwah dalam kalangan masyarakat.

Kerajaan Negeri juga akan memperuntukkan RM1.5 juta untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti kesedaran Islam seperti bulan solat, kempen khatam Al-Quran, kempen kebersihan, kempen kesihatan dan sebagainya sempena sambutan hari-hari kebesaran Islam seperti Maal Hijrah, Nuzul Al-Quran, Israk Mikraj dan Maulidur Rasul. Kerajaan Negeri turut akan meneruskan Sambutan Hari Arafah bagi menghayati falsafah pensyariatannya.

Program Tazkirah Bulanan akan dilaksanakan pada setiap hari Khamis minggu pertama di semua pejabat kerajaan. Program ini akan bermula dengan solat sunat Dhuha dan diteruskan dengan tazkirah agama atau hafalan Al-Quran serta terjemahan hadis.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

TERAS KEDUA

Kemajuan iaitu dengan meningkat kualiti modal insan, membangun infrastruktur dan memakmur ekonomi negeri.

Peningkatan Kualiti Modal Insan

Kefahaman dan pengamalan terhadap ajaran Al-Quran perlu diperkukuhkan demi melahirkan modal insan yang berkualiti. Menyedari akan kepentingan ini, maka sebanyak RM5 juta diperuntukkan di bawah Skim Mus'ab Bin Umair untuk menggalakkan rakyat mencintai Al-Quran.

Kerajaan Negeri berhasrat untuk melahirkan lebih ramai golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) penglihatan yang celik Al-Quran. Bagi merealisasikan tujuan tersebut, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM3 juta untuk membangunkan Pusat Pengajian Al-Quran Braille di Kemaman dan Besut sebagai tambahan kepada Pusat Pengajian Al-Quran Braille di Kuala Nerus.

Institusi pendidikan agama rakyat merupakan benteng utama dalam mempertahankan akhlak dan akidah ummah. Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan Negeri menyasarkan sebuah sekolah rendah Islam di setiap daerah. Ia juga merupakan sebahagian daripada manifesto pilihan raya yang lalu.

Peringkat permulaan, sebanyak enam (6) buah sekolah akan ditubuhkan dengan jumlah peruntukan RM7.8 juta.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri bercadang memperuntukkan RM3 juta bagi bantuan per kapita kepada sekolah pondok, sekolah agama persendirian dan pusat pendidikan yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu bagi meningkatkan tahap kualiti pengurusan mereka.

Bagi menunaikan manifesto pilihan raya yang lalu, Kerajaan Negeri menyediakan biasiswa khas kecemerlangan sebanyak RM6.5 juta untuk anak-anak Terengganu dengan keutamaan akan diberikan kepada pelajar cemerlang golongan B40.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan peluang pinjaman yuran pengajian yang bertujuan menyediakan tajaan baharu untuk menampung kos yuran dengan peruntukan keseluruhan RM10 juta bagi pelajar yang layak.

Di peringkat sekolah rendah dan menengah, beberapa dana bantuan kepada para pelajar akan diperuntukkan, antaranya ialah bantuan pakaian dan alatan sekolah sebanyak RM12 juta. Bantuan ini akan disalurkan kepada pelajar yang memerlukan melalui Pusat khidmat ADUN. Kerajaan Negeri mengharapkan agar program ini dapat meringankan bebanan ibu bapa di awal persekolahan.

Paling penting, Kerajaan Negeri turut akan memastikan anak-anak asnaf tidak terdicir dalam arus pendidikan dan pasaran pekerjaan. Dana khas berjumlah RM57.5 juta akan diperuntukkan bagi mencapai objektif tersebut melalui Program Pendidikan dan latihan kemahiran untuk anak-anak asnaf.

Dalam usaha untuk memudahkan dan mengurangkan bebanan kos para pelajar Terengganu yang akan melanjutkan pelajaran ke universiti Al-Azhar, Mesir, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Pusat Bahasa Universiti Al-Azhar Cawangan Negeri Terengganu dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta.

Seterusnya buat julung kalinya, sejumlah RM600 ribu disediakan sebagai biasiswa bagi membuka peluang kepada anak kelahiran Terengganu untuk memperolehi Sijil *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA). Kerajaan Negeri mahu pertambahan lebih ramai golongan profesional anak Terengganu dalam bidang tersebut.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk melahirkan generasi muda harapan dan pewaris kepimpinan sebagai seorang muslim yang bebas daripada kebejatan gejala sosial, Kerajaan Negeri bersetuju menganjurkan program khas yang dinamakan Fityah Terengganu (FATEH) melibatkan 8,000 pelajar Tingkatan 3 seluruh Negeri Terengganu.

Usaha ini diperkasakan lagi dengan memperuntukkan sebanyak RM1.36 juta melalui program Generasi Islah Falah Terengganu (GIFT) dan Program Transisi Personaliti Remaja (PTPR).

Belia merupakan aset yang amat berharga serta tonggak kekuatan masa depan negara. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa program khas untuk belia, antaranya ialah menginstitusikan DUN Belia Terengganu dengan peruntukan RM2.4 juta. Dengan kewujudan program ini juga, Kerajaan Negeri berharap peranan belia akan diperkasakan di peringkat yang lebih tinggi bagi memastikan suara golongan muda diberi perhatian dalam pembentukan sebarang dasar Kerajaan Negeri.

Sementara itu, Institut latihan kemahiran di bawah Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Terengganu *Skills Enhancement Program For School Leavers (TSEP-S)* yang akan menyediakan pelbagai kursus teknikal kepada golongan belia bagi meningkatkan kemahiran dan kebolehpayaan pekerjaan (*employability*), dengan peruntukan sebanyak RM2 juta.

Khusus untuk pelajar-pelajar lepasan pondok dan tahfiz, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak RM2 juta bagi membantu mereka mengambil peperiksaan awam dan kursus teknikal yang ditawarkan di institusi latihan kemahiran di bawah Kerajaan Negeri. Semoga ia dapat meningkatkan tahap kebolehpasaran mereka serta melahirkan Ulama Profesional yang mampu menguasai bidang teknikal dan agama.

Kerajaan Negeri bertekad untuk melahirkan ramai usahawan yang berdaya saing bagi menyokong pertumbuhan ekonomi menerusi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Tabung Usahawan Sejahtera (TUGAS) berjumlah RM15 juta telah dikhaskan sebagai kemudahan pinjaman dan bantuan pembiayaan modal untuk semua segmen PKS sepertimana yang dijanjikan dalam manifesto pilihan raya yang lalu.

Sebagai contoh, peruntukan Dana Usahawan Belia Sejahtera (Dana u-BES) berjumlah RM2 juta, Tabung Siti Khadijah untuk wanita dan ibu tunggal berjumlah RM2 juta, manakala Dana Prihatin Terengganu (D-HATi) untuk Usahawan OKU pula berjumlah RM1 juta. Bagi menggalakkan lebih ramai graduan menceburi bidang keusahawanan, maka Program Usahawan Graduan Terengganu Sejahtera (U-GATES) akan diperkukuhkan dengan peruntukan RM1 juta yang merangkumi latihan keusahawanan, modal perniagaan dan pemantauan prestasi peserta.

Berdasarkan dapatan kajian yang dikemukakan oleh *Visa Consumer Payment Attitudes 2017*, sebanyak 76% rakyat Malaysia melakukan transaksi pembelian dalam talian. Ekoran itu, Kerajaan Negeri menyediakan latihan Usahawan Maya dengan peruntukan sebanyak RM2 juta untuk meneroka pasaran ini. Kerajaan juga akan mempelopori *Business Internet Solutions* dengan menyediakan kemudahan dan membantu usahawan maya untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka.

Pada masa yang sama, sejumlah RM200 ribu akan diberikan kepada Urus Setia Pembangunan Usahawan Terengganu (PEUTER) yang telah bertindak sebagai pengantara antara 37 agensi keusahawanan negeri dan pusat dengan para usahawan di Negeri Terengganu.

Selain itu, Program Gerai Maju dengan peruntukan sebanyak RM1.7 juta turut disediakan untuk tujuan penukaran gerai baharu kepada usahawan-usahawan yang memerlukan.

Kerajaan Negeri turut memperuntukkan geran penyelidikan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebanyak RM2 juta bagi membantu para usahawan menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti melalui kaedah pemasaran yang terkini, pengurusan organisasi, pengembangan produk dan penciptaan inovasi.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tidak terlewat lagi untuk saya, pihak kerajaan dan seluruh rakyat Negeri Terengganu merakamkan jutaan tahniah kepada Kontinjen Terengganu yang berjaya mencapai '*Win Back Mission*' dengan menjuarai kejohanan SUKMA di Perak pada bulan September yang lalu. Kontinjen Terengganu telah memenangi

56 pingat emas, 51 pingat perak dan 53 pingat gangsa. Kejayaan ini lebih manis apabila Saudari Azreen Nabila Binti Alias telah dinobatkan sebagai Atlet Wanita Terbaik dan Saudari Nur Aisyah Mohamad Zubir telah memenangi tujuh (7) pingat emas dalam SUKMA Perak 2018.

Kerajaan Negeri juga mengucapkan tahniah kepada Pasukan Bola Sepak Negeri Terengganu. Terengganu FC telah berjaya ke pentas akhir Piala Malaysia 2018. Begitu juga, Pasukan TFC II menempah kejayaan Juara Piala cabaran. TFC III menjuarai Piala Presiden dan seterusnya TFC IV merupakan Naib Juara Piala Belia. Bukan itu sahaja, Pasukan Persatuan Bola Sepak Melayu Negeri Terengganu (PBMNT) telah berjaya menjadi Naib Juara Piala Emas Raja-Raja. Syabas dan tahniah buat semua atlet Terengganu. Saya mengharapkan agar terus cemerlang di masa akan datang.

Sukan juga perlu dijadikan aktiviti rutin harian dalam membudayakan gaya hidup sihat. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM3.3 juta bagi penganjuran acara dwi tahunan Sukan Terengganu (SUTERA), Sukan Teras, Sukan Peringkat DUN dan membangunkan satu sukan ekstrem di setiap daerah.

Beberapa program dan sistem sokongan sukan juga direncana untuk kepentingan rakyat. Sasaran 1 sukan 1 juara akan menjadi fokus pembangunan sukan Negeri Terengganu. Justeru, peruntukan sebanyak RM15 juta untuk tabung sukan akan dimanfaatkan untuk tujuan pembangunan sukan serta membantu para atlet yang akan menyertai pertandingan kejohanan di dalam dan luar negara. Kerajaan Negeri juga sangat mengalu-alukan sumbangan daripada sektor swasta untuk membantu Pembangunan Sukan Negeri Terengganu.

Trek basikal bercirikan keselamatan akan dibina dari Teluk Ketapang hingga ke Kuala Ibai dengan peruntukan sebanyak RM2.9 juta. Dengan kemudahan ini, diharap ia akan membudayakan aktiviti berbasikal dan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat, serta melahirkan lebih ramai atlet berprestasi tinggi dari Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Membangun Infrastruktur

Kerajaan Negeri Terengganu amat menghargai keprihatinan Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia semasa

membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020, dalam memastikan peruntukan pembangunan yang lebih saksama diberikan kepada semua negeri, supaya pembangunan yang lebih seimbang akan dikecapi, tanpa bebanan kewangan kepada negara dan negeri.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Terengganu amat mengharapkan agar projek-projek seperti pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur 3 (LPT3), *East Coast Rail Link (ECRL)* dan Projek Pengawalan Hakisan Pantai dapat diteruskan bagi menjamin pembangunan wilayah yang seimbang, dengan kos yang munasabah dan terkawal.

Kerajaan Negeri akan meneruskan projek infrastruktur yang telah berjalan seperti Kompleks Hadhari Siti Khadijah di Kuala Berang, Pusat Komersial dan Perkhidmatan Kuala Ping, Pelancongan Agro Rekreasi di Kg. Darau, Besut dan Pembangunan Kuala Besut Square.

Keputusan ini diambil berdasarkan kepada empat pertimbangan utama. Penilaian semula dan penambahbaikan projek tersebut dijangka akan memberikan kesan gandaan ekonomi, memberi manfaat kepada rakyat, memperoleh pulangan kewangan yang setimpal dan tiada pertambahan beban kewangan ke atas Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak RM30.7 juta bagi mempertingkatkan infrastruktur dan kualiti Pengurusan Bencana Negeri Terengganu dan mencapai Terengganu Berdaya Tahan Bencana (*Urban Resilience*) serta bertepatan dengan pencalonan Terengganu sebagai *Candidate Cities in ASEAN Disaster Resilient Cities*.

Usaha-usaha lain juga dilakukan termasuk Projek Pembangunan Muara Sungai Terengganu, projek pendalaman muara dan lagun sungai, projek pengawalan hakisan pantai dan menaik aras beberapa jalan di Terengganu. Sistem saliran juga dinaik taraf seperti di Padang Negara Kuala Terengganu, Gong Pak Jin Kuala Nerus dan Sungai Buaya Dungun.

Kerajaan Negeri juga akan membina pusat pemindahan banjir di Kampung Seberang Tayur dan menaik taraf pusat pemindahan banjir Kampung Padang Kemunting di Kemaman.

Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri yang mahu menarik lebih ramai pelabur ke Negeri Terengganu, maka perkhidmatan bekalan air yang mampan adalah elemen utama yang mesti diberikan perhatian. Kerajaan juga bertanggungjawab dalam memastikan pengguna domestik dan industri mendapat perkhidmatan yang terbaik dan berterusan. Justeru itu, peruntukan sebanyak RM80 juta disediakan untuk menaik taraf infrastruktur bekalan air dan program pengurangan *Non Revenue Water* (NRW) di seluruh Negeri Terengganu. Program ini bakal menyaksikan peningkatan kualiti perkhidmatan air oleh Syarikat Air Terengganu (SATU).

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Memakmur Ekonomi Negeri

Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan sumber mineral yang sangat tinggi nilainya kepada Negeri Terengganu. Antara sumber mineral yang terdapat di Negeri Terengganu adalah mineral silika yang merupakan antara sumber asli yang terbaik. Bagi memanfaatkan sumber tersebut, Kerajaan Negeri sedang membangunkan *Terengganu Silica Valley* (TSV) di Jambu Bongkok, Marang.

TSV merupakan kawasan industri berasaskan silika yang melibatkan kos sebanyak RM200 juta untuk pembangunan infrastruktur asas peringkat pertama tidak termasuk kos penyaluran paip gas asli yang akan dibuat oleh pihak Petronas Gas dari Santong ke tapak projek. Taman industri yang dibina di atas tanah seluas 4,000 hektar ini dijangka akan menarik pelaburan keseluruhan kira-kira RM13 bilion.

Kerajaan Negeri akan menjadikan Terengganu sebagai destinasi pelaburan yang mesra pelabur. Semua birokrasi permohonan pelaburan akan dipermudahkan tanpa meminggirkan kepentingan aset dan rakyat Terengganu. Ekosistem pelaburan seperti infrastruktur dan kemudahan utiliti turut akan dilengkapkan. Kerjasama Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan menerusi inisiatif seperti *East Coast Economic Region Development Council* (ECERDC) dan para pelabur akan terus diperkukuhkan untuk kepentingan rakyat dan kemajuan negeri.

Bagi merancakkan ekonomi berasaskan pertanian, penternakan, perikanan dan industri asastani, kerajaan Negeri telah menyediakan Pelan Strategik Hala Tuju

Pertanian Negeri Terengganu 2019 - 2023. Pelan ini akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun yang menggariskan arah hala tuju sektor pertanian Negeri Terengganu. Bagi pelaksanaan pelan hala tuju ini, lebih RM15 juta diperuntukkan bagi tahun pertama 2019. Dengan bajet ini, Kerajaan Negeri memfokuskan kepada usaha bagi memperkayakan sumber perikanan dengan Program Melabuhkan Tukun Dan Unjam Tiruan.

Bagi memantapkan lagi infrastruktur pelabuhan dan jeti pendaratan ikan, sebuah *cold room* dan tempat membaiki bot akan dibina di Marang. Sebanyak RM1.5 juta disediakan untuk proses kajian hidrologi bagi mendalamkan dan menaik taraf Pelabuhan Perikanan Chendering.

Aspek kebajikan masyarakat nelayan menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Bagi melaksanakan hasrat ini, Kerajaan Negeri akan meneruskan Projek Penempatan Semula Nelayan di Besut, Setiu dan Kemaman.

Generasi muda adalah keutamaan Kerajaan Negeri. Bagi golongan ini, Kerajaan Negeri telah dan akan terus berusaha untuk menarik lebih ramai belia menyertai bidang pertanian menerusi kursus dan latihan kemahiran yang disediakan buat mereka termasuklah menyediakan pinjaman tanpa faedah iaitu Skim Bantuan Modal Tani. Ianya diwujudkan bagi membantu golongan sasaran seperti peladang, penternak dan nelayan.

Kerajaan Negeri memberi perhatian serius kepada usaha membaik pulih projek-projek yang tidak mencapai objektif pelaksanaan di Terengganu seperti Lembah Kaprima di Ulu Seladang, Projek Kelapa Matag di Setiu dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Besut (TKPM).

Penternakan Lembu Sado, Perusahaan Madu Kelulut, Pembenuhan Kerapu Hibrid, Industri Cendawan Dan Industri Kambing Tenusu adalah antara bidang tumpuan ekonomi rakyat berasaskan pertanian, penternakan dan perikanan. Sejumlah RM2.3 juta diperuntukkan bagi tujuan ini. Sebuah Pusat Pemprosesan Susu kambing dengan teknologi terkini sedang disiapkan di Pusat Pengembangan Veterinar Jenang, Marang yang mampu memproses kira-kira 1,000 liter susu sehari.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri melihat potensi industri pelancongan di Negeri Terengganu yang mampu memberi impak yang positif kepada peningkatan taraf

sosioekonomi dan membasmi kemiskinan. Industri pelancongan juga sangat *versatile* dan saling berkait dengan industri sokongan lain melalui jalinan subsektor pelancongan antaranya seperti berikut:

- Pelancongan Ekologi (*Eco Tourism*)
- Pelancongan Tani (*Agro Tourism*)
- Pelancongan Islam (*Islamic Tourism*)
- Pelancongan Budaya (*Culture Tourism*)
- Pelancongan Pendidikan (*Edu Tourism*)
- Pelancongan Sukan (*Sports Tourism*)
- Pelancongan Kesihatan (*Health Tourism*)

Bagi memastikan pengekalan prestasi ini, peruntukan sebanyak RM2 juta disediakan untuk tujuan menyelenggara dan menceriakan lokasi-lokasi pelancongan. Ini termasuk juga inisiatif berterusan Kerajaan Negeri dalam usaha mempertingkatkan perlindungan khazanah alam semula jadi negeri serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Komitmen ini diterjemahkan melalui pewartaan Taman Negeri Setiu Wetlands dan Taman Negeri Lawit-Cenana di Tasik Kenyir.

Pada tahun 2017, seramai 808,336 pengunjung telah mengunjungi Tasik Kenyir. Bagi menggalakkan tarikan pelancong yang lebih ramai untuk mengunjungi Tasik Kenyir pada tahun 2019, sejumlah RM30 juta diperuntukkan khas untuk pengurusan dan pembangunan Tasik Kenyir.

Kerajaan Negeri akan menaik taraf jalan penghubung di pulau-pulau peranginan dengan peruntukan RM3 juta. Ia selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Pulau-Pulau dan Taman Laut Negeri Terengganu. Namun aspek pengekalan ekosistem dan pembangunan lestari di kawasan pulau terbabit akan diambil kira.

Pembangunan Pulau Bidong sebagai pulau warisan dan pengurusan serta Pembangunan Taman Negeri juga diperuntukkan RM9.5 juta. Langkah ini melambangkan sebahagian usaha dan komitmen Kerajaan Negeri dalam melindungi khazanah alam semula jadi.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kebersihan merupakan sebahagian daripada tuntutan agama yang memberi kesan langsung kepada industri pelancongan. Oleh itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM4 juta untuk Program Kebersihan Dan Keceriaan bagi menjayakan Program Terengganu Bersih Dan Ceria.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

TERAS KETIGA

Kebajikan iaitu dengan menyejahterakan hidup rakyat dan mengagihkan hasil negeri secara saksama.

Menyejahterakan Hidup Rakyat

Masa berkualiti bersama keluarga dan jiran tetangga merupakan kunci kepada kebahagiaan dan perpaduan. Keharmonian dan keamanan pula adalah nikmat yang besar dan sewajarnya sentiasa dihargai dan dipertahankan. Bak kata pepatah:

*"Bulat air kerana pemetung,
Bulat manusia kerana muafakat".*

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif dengan memperuntukkan sebanyak RM1 juta untuk Program Hari Keluarga Peringkat DUN dan Program Perpaduan Nasional bagi menyemai semangat perpaduan dalam merapatkan hubungan sosial di kalangan masyarakat.

Kerajaan juga memperuntukkan sejumlah RM50 juta, untuk pemberian Bantuan Perayaan sebanyak RM200 seorang bagi yang layak iaitu mengambil kira penerima dalam kategori pendapatan ketua isi rumah RM1,100 dan ke bawah selaras dengan gaji minima baharu yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Belanjawan 2019.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kebajikan kakitangan awam pula tidak pernah dilupakan. Justeru, sejumlah RM1.5 juta diperuntukkan untuk penyediaan nurseri di Pejabat Kerajaan Negeri dalam memenuhi janji manifesto pilihan raya.

Menginsafi hakikat kes perceraian turut menyumbang kepada kewujudan keluarga yang terabai khususnya apabila bekas suami tidak mampu melunaskan nafkah seperti mana yang telah diputuskan oleh pihak mahkamah. Maka, Kerajaan Negeri akan mewujudkan Ta'min Hadhanah dengan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk menjaga kebajikan keluarga yang terbabit.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Urus Setia Belia, Sukan dan NGO Negeri Terengganu (UBSNT) akan ditubuhkan dengan peruntukan RM1.5 juta untuk memastikan dasar dan keperluan segmentasi belia dipenuhi. Peruntukan ini juga termasuk untuk pertubuhan bukan kerajaan yang bertanggungjawab menjaga kebajikan anak-anak Terengganu di perantauan.

Kerajaan Negeri mengalu-alukan penyertaan golongan belia dalam aktiviti sukarelawan untuk mengasah kemahiran sendiri ke arah kecemerlangan. Ia juga bermatlamatkan untuk menghimpunkan belia bagi membina personaliti dan akhlak menerusi pelbagai aktiviti sukarelawan. Justeru, sejumlah RM2 juta akan diperuntukkan untuk penubuhan *Terengganu Volunteer (T-Volt)*.

Kerajaan Negeri turut bersetuju memberikan bantuan sebanyak RM6.33 juta untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran. Badan belia, badan NGO, badan rasmi kebudayaan serta Persatuan Ibu Bapa Dan Guru.

Belia digalakkan untuk memiliki lesen motosikal selaras dengan pematuhan undang-undang jalan raya dan membuka peluang yang lebih luas untuk pemilikan kerjaya. Oleh yang demikian, Program Pemberian RM300 bagi belia mendapatkan lesen motosikal sebagaimana yang dijanjikan dalam manifesto pilihan raya lalu akan dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM7 juta.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Program "*Riding for the Disabled*" merupakan program khusus yang bertujuan untuk meningkatkan kemampuan berdikari dan tahap keyakinan golongan yang berdepan dengan kekurangan fizikal, intelektual, emosi dan sosial. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM500 ribu bagi menyokong program ini agar ia terus dapat diperkukuhkan.

Kerajaan Negeri juga berhasrat menubuhkan Akademi Belia Sejahtera (AkiPS) dengan peruntukan RM1 juta untuk meningkatkan kualiti keupayaan dalam perniagaan dan perusahaan. Sebagai usaha tuntas, Program Agropreneur Muda akan dilaksanakan untuk melahirkan usahawan-usahawan yang produktif dan mengurangkan pengangguran.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sektor Kesihatan

Bagi meringankan beban rakyat, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM17 juta untuk mengagihkan Kad Sejahtera bernilai RM500 setahun kepada setiap keluarga daripada golongan miskin, dan menyediakan perkhidmatan Wad Kelas Ketiga Percuma di hospital kerajaan seperti mana yang telah dijanjikan dalam manifesto. Kad ini juga boleh digunakan untuk mendapatkan rawatan kesihatan di klinik swasta.

Dalam usaha untuk mendorong lebih ramai terlibat untuk menunaikan fardhu kifayah umat Islam, maka Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan elaun bulanan kepada Juru Mandi Jenazah dan pembantunya sebanyak RM100. Kerajaan Negeri turut menyediakan khairat kematian sebanyak RM2,000 bagi Juru Mandi dan pembantunya yang telah berkhidmat melebihi lima (5) tahun dan RM1,000 bagi yang berkhidmat kurang daripada lima (5) tahun.

Selain itu, Elaun Juru Nikah juga akan dinaikkan daripada RM150 kepada RM200 sebulan. Semua inisiatif ini akan dilaksanakan dengan peruntukan RM1.3 juta.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sektor Perumahan

Kerajaan Negeri memahami antara dilema masyarakat pada hari ini ialah pemilikan rumah.

Walhal, rumah adalah keperluan (*dhoruriyat*) dalam kehidupan manusia. Maka, bagi merealisasikan hasrat ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk membina rumah-rumah rakyat di bawah skim Projek

Perumahan Terengganu-ku Sejahtera (PPTS) dan projek Rumah Mampu Milik (RMM).

Kerajaan Negeri juga akan memberikan lot tanah perumahan atau Rumah Mampu Milik kepada rakyat yang berkelayakan sebagai sebahagian daripada pelaksanaan manifesto pilihan raya yang lalu.

Bagi mengurangkan beban rakyat, dengan ini Kerajaan Negeri mengumumkan pengecualian Cukai Taksiran dan menghapus kira cukai tertunggak untuk semua premis kediaman berkuat kuasa 1 Januari 2019 yang bernilai RM14.7 juta. Langkah ini merupakan sebahagian daripada manifesto pilihan raya yang lalu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

TERAS KEEMPAT

Kecekapan iaitu dengan menambah baik sistem penyampaian agenda rakyat dan pentadbiran negeri.

Kerajaan Negeri sangat bergantung kepada kecekapan pentadbiran di peringkat komuniti. Mereka merupakan satu elemen penting di dalam pentadbiran yang berperanan untuk menyampaikan aspirasi dan agenda Kerajaan Negeri ke peringkat akar umbi.

Bagi melancarkan agenda penyampaian tersebut, Kerajaan Negeri akan menganjurkan satu Program Kesejahteraan Pentadbiran Komuniti dan Program Latihan Kesejahteraan Informasi dengan peruntukan berjumlah RM1.28 juta. Program ini akan melibatkan 5,000 orang peserta dari kalangan pentadbir komuniti kampung.

Dalam membina jati diri dan mutu kerja kakitangan sektor awam dan swasta, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM2 juta bagi memperkasakan *Darul Iman Training Center (DITC)*. Melalui langkah pemerkasaan ini, kerajaan berharap dapat melahirkan modal insan yang berkualiti bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan.

Selaras dengan perkembangan teknologi, Kerajaan Negeri berhasrat untuk mendigitalkan sistem penyampaian kerajaan secara efisien dan efektif. Program-

program untuk meningkatkan kemahiran multimedia, teknologi baharu dan infrastruktur internet akan dilaksanakan dengan peruntukan RM1.2 juta.

Kerajaan Negeri akan melancarkan aplikasi mobil Penerangan Darul Iman (*Darul Iman App*) sebagai mekanisme baharu penyampaian maklumat. Ia juga berperanan sebagai pusat sehati dalam mengendalikan pelbagai urusan dokumentasi dan permohonan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri.

Selain itu, bagi meluaskan capaian internet percuma kepada rakyat, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Pusat Internet Akses Rakyat (PINTAR) dengan peruntukan sebanyak RM3.1 juta. Pusat ini akan menjadi *one stop centre* bagi semua aktiviti berasaskan internet. Ia menyediakan capaian jalur lebar secara kolektif di kawasan yang kurang liputan perkhidmatan.

Kerajaan Negeri amat menitikberatkan budaya dan nilai penghambaan kepada Allah (*ubudiyah*), pertanggungjawaban (*mas'uliyah*), perkhidmatan berkualiti (*itqan*) dan pembaharuan (*islah*) dalam pentadbiran serta menekankan aspek ketelusan agar rakyat boleh menyemakimbang perjalanan pentadbiran.

Bagi memperkasakan usaha ini Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Dasar Integriti Darul Iman (DiDi) sebagai piagam perkhidmatan dengan pendekatan baharu dan holistik. Rakyat Terengganu juga bebas mengutarakan pandangan, cadangan dan aduan kerana Kerajaan Negeri mengamalkan '*open door policy*'.

PENUTUP

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Bajet 2019 yang bertemakan Negeri Berkat, Rakyat Sejahtera merupakan bajet yang pertama selepas peralihan kuasa di peringkat negeri pada pilihan raya yang lepas. Belanjawan di bawah pentadbiran kerajaan ini akan menjadi langkah permulaan kepada hasrat kerajaan Negeri untuk merealisasikan Terengganu Maju Berkat Sejahtera selaras dengan Pelan induk Terengganu Sejahtera 2030 (PiTAS).

Bagi menjayakan PiTAS, perlunya pendekatan *Top-Down* dan *Bottom-Up* dalam merangka polisi atau mencapai keputusan. Kombinasi ini akan menjadikan

rakyat lebih memahami dan menghayati polisi dan program yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Kerajaan Negeri juga akan terus memperkukuhkan Budaya Politik Matang dan Sejahtera dalam pentadbiran negeri bagi memastikan kestabilan politik di negeri ini. Paradigma pemikiran dan pendekatan sewajarnya ditingkatkan untuk memajukan Negeri Terengganu. Tinggalkanlah budaya politik 'bbaloh' yang tidak berkesudahan, bawalah politik kasih sayang yang menguntungkan kita semua untuk menyelesaikan masalah rakyat dan membina negeri kita secara bersama.

Melalui bajet ini juga, Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk menunaikan secara berperingkat manifesto yang telah dijanjikan dalam pilihan raya yang lalu. Dalam tempoh tahun pertama ini, Kerajaan Negeri telah menunaikan 12 janji manifesto. Bagi Kerajaan Negeri menunaikan manifesto merupakan satu tanggungjawab dan komitmen yang harus dilunaskan. InsyaAllah kerajaan Negeri akan menunaikan semua manifesto seperti dijanjikan dalam tempoh lima (5) tahun yang akan datang.

Sebelum mengakhiri Ucapan Pembentangan Bajet 2019, Kerajaan Negeri ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penjawat awam yang berdedikasi dan komited sehingga meletakkan Negeri Terengganu antara negeri yang terbaik di Malaysia. Sebagai menghargai kerja keras dan kesetiaan penjawat awam, Kerajaan Negeri telah bersetuju memberikan sumbangan insentif kepada penjawat awam Negeri Terengganu yang berjumlah RM500.

Marilah kita sama-sama berdoa agar Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan lagi rahmat dan keberkatanNya ke atas Negeri Terengganu Darul Iman dan seluruh rakyat jelatanya. Mudah-mudahan segala nikmat ini akan memberikan kemakmuran dan kesejahteraan kepada kita semua. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua:

Pulau Bidong pulau warisan,
Dayung perahu membawa sutera,
Janji rakyat kita tunaikan,
Negeri berkat rakyat sejahtera.

Hanya kepada Allah saya menyerahkan segala urusan kerajaan ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk memberi peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat meneliti Ucapan Bajet yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi, saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan Dewan ini kepada esok.

Oleh yang demikian, saya tangguhkan Persidangan pada hari ini ke pukul 9.30 pagi esok, 26 November 2018. Marilah sama-sama kita menangguhkan Persidangan kita dengan sama-sama kita membaca Suratul 'Asr dan Tasbih Kafarah.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

PERSIDANGAN

PADA HARI ISNIN, 26 NOVEMBER 2018

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA

PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Haji Yahaya bin Ali, PJC

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Maliaman bin Kassim
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Dato' Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji A. Rahman bin Yahya, DPMT.,AMZ.,KMN.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Tuan Haji Mohd Zahari bin Md. Azhar, SMT.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Zulkifly bin Isa, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan mesyuarat atau persidangan kita marilah sama-sama kita membaca Ummul Quran bagi memberkati mesyuarat dan juga persidangan kita ini. Al-Fatihah.

Mesyuarat pagi ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan Lisan pada hari ini iaitu 26 November adalah sepertimana berikut:-

1. Y.B. Haji Alias bin Harun
(Wakil Rantau Abang)
2. Y.B. Sulaiman bin Sulong
(Wakil Pengkalan Berangan)
3. Y.B. Haji Bazlan bin Abd. Rahman
(Wakil Batu Rakit)
4. Y.B. Ahmad Shah bin Mohamed
(Wakil Bandar)
5. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman

(Wakil Kuala Besut)

6. Y.B. Ab. Razak bin Ibrahim
(Wakil Air Putih)
7. Y.B. Dato' Abd. Halim bin Jusoh
(Wakil Permaisuri)
8. Y.B. Haji Maliaman bin Kassim
(Wakil Ajil)
9. Y.B. Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
(Wakil Kemasik)

10. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
(Wakil Tepoh)
11. Y.B. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
(Wakil Batu Burok)
12. Y.B. Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman
(Wakil Seberang Takir)

13. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
(Wakil Sura)
14. Y.B. Dato' Haji Rozi bin Mamat
(Wakil Telemong)
15. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim
(Wakil Buluh Gading)
16. Y.B. Haji Roslee bin Daud
(Wakil Bukit Besi)
17. Y.B. Haji Hilmi bin Harun
(Wakil Manir)

18. Y.B. Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
(Wakil Jertih)

Pada persidangan kelmarin saya dapati ramai Ahli Yang Berhormat yang tidak sempat bertanya walaupun akan dijawab secara bertulis kerana kesuntukan masa. Untuk berlaku adil saya akan mulakan dengan soalan-soalan Yang Berhormat tak sempat nak tanya kelmarin mengikut giliran dan format dari segi soal jawab lisan saya fikir saya tidak perlu diulangi boleh dipilih hanya satu soalan walaupun ada lebih daripada satu soalan dan juga soalan-soalan tambahan sebagaimana yang dibenarkan.

Yang Berhormat sekalian untuk menceriaikan pagi ini saya mulakan dengan serangkap pantun:

Mari berjalan di Kampung Hiliran,
Satenya enak sedap dimakan,
Masing-masing Yang Berhormat tunggu giliran,
Wakil Rantau Abang saya persilakan.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang) Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat, Yang di-Pertua soalan saya soalan No. 1 -

*Nyatakan status terkini projek industri silika di
Lembah Silika, Kampung Jambu Bongkok?*

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat, Yang di-Pertua dan semua Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pegawai Kerajaan dan Pemerhati sekalian. Soalan daripada Wakil Rantau Abang berkenaan dengan silika. Soalan satu: Nyatakan status terkini projek industri silika di Lembah Silika, Kampung Jambu Bongkok.

Agaknya sebab duduk di Kampung Jambu Bongkok di kawasan dia, jadi dia tanya hal inilah. Status Kerajaan Negeri sedang menyediakan pelan induk

pembangunan projek Terengganu Silica Valley. Terengganu Silica Valley itu nama yang diberi kepada projek ini dan pelan induk dijangka akan disiapkan pada Januari 2019. Agak sebulan dua bulan lagi. Kerajaan Negeri sedang berusaha menyediakan infrastruktur di kawasan tersebut dan rundingan sedang dijalankan dengan Petronas. Pasal apa dengan Petronas? Sebab Petronas diminta untuk mengadakan laluan paip untuk membawa gas ke kawasan ini kerana perindustrian silika memerlukan gas yang banyak. Jadi Petronas kita sedang berunding dengan Petronas untuk Petronas membawa gas melalui paip daripada Santong ke kawasan Jambu Bongkok. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri sedang giat mempromosikan KSB kepada pelabur-pelabur asing. Terima kasih.

YANG BERTAMBAH HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan saya pertama: Dilihat silika merupakan industri baru dan sudah tentulah dengan pengumuman Terengganu Silica Valley ini sudah tentu merencanakan pelabur-pelabur sama ada dalam atau luar negeri. Jadi soalan saya ialah berapa ramaikah pelabur dalam atau pun luar negara yang telah menunjukkan minat untuk melabur dalam industri silika ini? Terima kasih.

YANG BERTAMBAH DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang di-Pertua. Nampaknya kebelakangan ini minat terhadap pelaburan silika ini terlalu tinggi. Saya jangka mengikut rekod kita lebih daripada 50 pelabur sudah datang bertanya khabar tentang projek silika ini. Ada datang daripada luar terutama daripada Negara China, Taiwan, Korea, dan juga ada ramai datang daripada *local* daripada dalam negeri yang mewakili juga pelabur-pelabur daripada beberapa buah negara. Dan insyaAllah pada malam ini pun ada pelabur *giant players* daripada luar negara akan datang dan kita akan berjumpa pada malam ini dan mereka beminat tentang projek silika. Yang dikatakan yang mereka berminat itu sebab kita sudah sediakan kawasan 4,000 hektar atau 1,000 ekar kawasan untuk mereka datang dan buat kilang di sana. Jumlah itu yang disebut tadi lebih kurang 50 pelaburlah. Dan minat mereka memang untuk silika. Sama ada mereka bertanya tapi tanyalah dulu kemudian ada datang kembali ada yang janji nak datang lagi dan kita masih menunggu sebenarnya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Terima kasih soalan tambahan kedua daripada saya: Daripada jawapan apa yang kita dengar tadi terlalu ramai pelabur-pelabur daripada luar negara. Jadi dalam menentukan pemilihan sebab bila dah terlalu ramai ni sudah tentu kita perlu ada syarat-syarat. Jadi apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada pelabur-pelabur yang ingin melabur dalam industri ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita telah adakan dasar, dasar yang umum pertamanya silika ini, pasir silika itu tidak boleh di bawa ke luar negara. Maknanya ia mesti digunakan untuk industri di dalam negeri, dan sebagaimana yang saya sebut tadi, kita sedang sebenarnya menyediakan kawasan yang luas 4,000 hektar di Jambu Bongkok dan kawasan itu adalah hanya semata untuk pembinaan kilang. Jadi maknanya siapa yang hendak datang ke Terengganu untuk melabur dalam silika, pasal silika dia kena buat kilang di Jambu Bongkok. Jadi *raw materialnya* nak ambik di mana? *Raw materialnya* atau pasir silika itu boleh diambil daripada kawasan sekitar yang dikatakan di Terengganu ini, cuma Kuala Berang jer mintak maaf orang Hulu, cuma di Hulu Terengganu jer tak ada deposit silika, seluruh negeri kecuali Hulu Terengganu kata ada deposit. Tapi, deposit tu di mana, *exactly* di mana? Di satu kajian insyaAllah akan dibuat untuk menentukan berapa deposit yang ada dan dimana *deposit* itu ada. Kita dapati contoh ya di Rantau Abang silika yang ada itu cuma katanya boleh bertahan yang sedang dikerjakan itu cuma boleh bertahan lebih kurang enam bulan sehingga setahun sahaja. Di Setiu pula katanya, kerja yang sedang dibuat di sana dan deposit silika itu boleh bertahan sehingga 200 tahun, jadi ia tidak sama di semua tempat, jadi kajian perlu dibuat dan kita sedang menentukan siapakah yang akan buat kajian ini, sama ada pelabur sendiri ataupun agensi kerajaan. Jadi pokoknya siapa nak melabur datang ke Terengganu buat kilang di Jambu Bongkok. Nak *mining raw material* itu boleh tapi nak eksport barang mentah ke luar negara tidak dibenarkan, paling kurang mereka kena proses silika ini pada satu tahap yang membolehkan untuk kita benarkan dibawa ke luar negara. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh soalan no 1 -

Berapakah jumlah keluasan kawasan penanaman padi di Terengganu?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, seterusnya Pemerhati yang dihormati sekalian.

Terima Kasih kepada Yang Berhormat Pengkalan Berangan, yang bertanyakan soalan berkaitan dengan jumlah keluasan kawasan penanaman padi di Negeri Terengganu? Jumlah keluasan tanaman padi di Negeri Terengganu 12,542 hektar, kita bahagikan kepada dua, 5,322 hektar kawasan dalam jelapang, sementara 7,221 hektar kawasan di luar jelapang, apa beza kawasan dalam jelapang dengan kawasan luar jelapang?

Kawasan dalam jelapang bermakna kawasan yang diberikan fokus oleh negara sebagai kawasan pengeluaran Padi Beras Negara dengan dilengkapi segala keperluan, segala infastruktur untuk penanaman padi dua kali setahun dan kawasan dalam jelapang mempunyai bekalan air dan perairan yang mencukupi. Di seluruh negara kita ada 12 jelapang padi, di antara contohnya kalau di Kelantan ada IADA, SEMERAK, KEMASIN dan KADA kalau di Kedah ada MADA, dan kita di Terengganu ada IADA KETARA. Sementara kawasan di luar jelapang maknanya kawasan yang kurang diberikan tumpuan, bekalan air biasanya bergantung kepada musim hujan dengan tali air sokongan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan banyak daripada kawasan di luar

jelapang ni penanaman padinya sekali setahun walaupun ada sebahagiannya ditanam dengan dua kali setahun. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Assamu'alaikum warahmatullahi Wabarakatuh. Soalan tambahan saya berkenaan dengan kawasan penanaman padi ini sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Jabi ialah berapakah jumlah hasil padi dan adakah ia mencukupi dengan kawasan yang ada untuk keperluan rakyat Negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengkalan Berangan. Kita rakyat Terengganu ada lebih kurang 1.2 juta orang, keperluan beras dalam setahun dalam sekitar 98,000 metrik tan setahun, dengan kita ambik kira purata 82 kilogram untuk seorang rakyat dalam setahun, banyak juga kita makan nasi sebenarnya. Dan jumlah pengeluaran padi untuk mencukupkan SSL (*Self Sufficient Level*) dengan izin Tuan Yang Di-Pertua. Kadar kecukupan sara diri kita perlukan 164,000 metrik tan dengan kita ambik kira 60% daripada padi akan ditukar jadi beras, 40% lagi jadi sekam. Dalam Negeri Terengganu sekarang bila kita campur kawasan dalam jelapang dicampur dengan kawasan di luar jelapang, kita baru ada dalam sekitar 87,000 metrik tan padi yang bila kita proses jadi beras cuma menghasilkan sekitar 52,000 metrik tan. Jadi 52,000 metrik tan hanya sekadar memenuhi sekitar 53% dari segi SSL (*Self Sufficient Level*) kadar kecukupan untuk sara diri kita dengan makna kita masih memerlukan lagi sekitar 47% untuk mencukupkan keperluan rakyat Terengganu. Walaupun begitu, rakyat Terengganu tidak berhadapan dengan masalah tidak cukup beras kerana kita mendapat bekalan beras daripada luar Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Yang Berhormat dengan di atas penjelasan yang diberikan. Timbul kebimbangan kepada kita, bila mana beras adalah makanan utama dan kawasan-kawasan pertanian yang ada pada hari ini sebahagiannya telahpun ditukar syarat kepada perumahan dan kawasan-kawasan lain, jadi

kita ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan apakah langkah yang diambil untuk memastikan tanah pertanian yang ada ini cukup dan perlu ditambah untuk menampung keperluan padi dan beras dalam negara di peringkat Negeri Terengganu untuk awalnya?

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kita ada satu *plan* besar untuk menambah keluasan kawasan penanaman padi di Negeri Terengganu yang kita namakan Projek Jelapang Padi Fasa Ke-2 ataupun dikenali juga sebagai KETARA Fasa-2 dengan kita nak tambah 5,046 hektar kawasan luar jelapang untuk dimasukkan ke dalam kawasan jelapang. dengan makna keluasan padi kita apabila projek jelapang fasa 2 ni selesai dia akan meningkat kepada 10,369 hektar dan untuk makluman Dewan permohonan kepada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani untuk perluasan kawasan Jelapang Fasa Ke-2 ni dah diangkat oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian pada bulan April baru ni, dan setakat yang saya *follow up* dengan pihak Kementerian, dia berada di peringkat kertas dasar di kementerian.

Dari segi penukaran syarat tanah kepada syarat tanah pertanian kepada tanah bangunan ataupun untuk kediaman, sebenarnya tidak ada satu peraturan hitam putih yang melarang tanah pertanian ditukar kepada bangunan ataupun kediaman kerana kita perlu akui pembangunan, pertambahan penduduk, keperluan kediaman memerlukan ada ketikanya tanah pertanian ditukar kepada syaratnya untuk bangunan kediaman.

Walaupun begitu, penukaran syarat tanah-tanah pertanian kepada tanah kediaman ataupun bangunan tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Dan biasanya semua permohonan untuk tukar syarat daripada tanah pertanian kepada tanah bangunan akan melalui proses untuk mendapat pandangan dan ulasan teknikal daripada jabatan-jabatan berkaitan. Antaranya Jabatan Pertanian akan bagi ulasan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Majlis Daerah ataupun Kerajaan Tempatan yang biasanya akan dirujuk kepada rancangan tempatan untuk setiap daerah, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa akan bagi

ulasan, Pejabat Tanah akan bagi ulasan dan juga Pejabat Tanah dan Galian juga akan bagi ulasan. Semua ulasan ini akan diambil kira oleh Pihak Berkuasa Negeri sama ada nak meluluskan atau tidak. Dan biasa berlaku bila Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tak berpuashati dengan ulasan dan penjelasan arahan supaya diteliti semula secara lebih tepat di lapangan akan dibuat. Begitulah telitinya dari segi prosedur dan SOP untuk suatu tanah pertanian ditukar syarat kepada bangunan atau kediaman. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Soalan tambahan boleh?

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila-sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Assamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya dapat maklumat bahawa disebabkan oleh pertukaran kerajaan di peringkat Pusat, ada beberapa perkara yang sehingga ke hari ini belum lagi mendapat ketentuan. Contohnya dari segi pertukaran beg baja, siapa dia yang dapat tender baja subsidi padi sama ada NAFAS lagi atau sebaliknya. Dan begitu juga adakah subsidi tenggala masih diteruskan. Jadi soalan saya apakah langkah Kerajaan Negeri bagi persediaan kemungkinan-kemungkinan supaya baja-baja padi sampai mengikut jadual yang telah dibuat oleh pihak IADA KETARA dan begitu juga kesanggupan pengusaha-pengusaha tenggala yang sanggup memberi pendahuluan kepada penanam-penanam padi. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih Yang Berhormat Jertih. Kebetulan saya baru mendapat penjelasan daripada pihak Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) berkaitan dengan Insentif Bajak Sawah dan dimaklumkan untuk musim pertama tahun ni, alhamdulillah Insentif Bajak Sawah dah selesai dibayar mungkin ada sedikit kelewatan disebabkan oleh pertukaran kerajaan, yang belum dibayarnya yang musim kedua yang tengah melalui musim menuai sekarang ni. Dan kita rasa apabila musim pertama baru ni dibayar tidak ada masalah dari segi Insentif Bajak Sawah ni walaupun

bertukar kerajaan. Urusan tender saya tidak dapat nak komen, biasalah apabila berlaku perubahan kerajaan dia akan berlaku perubahan dari segi pemberian tender dan sebagainya. Tapi rasanya tidak menjadi dasar walaupun dipihak Kerajaan Pusat setakat saya hadir mesyuarat bersama dengan kementerian berbincang dengan pegawai-pegawai tinggi kementerian, bantuan-bantuan untuk pertanian yang dah diberi sebelum ni akan diteruskan sebagaimana biasa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Wakil Bandar.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh, Yang Berhormat Speaker, Soalan saya yang pertama -

Sepanjang pemerintahan baru, bagaimana dengan minat pelabur asing terhadap Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan daripada Bandar: Berapakah jumlah dan nilai pelaburan yang masuk ke Terengganu sejak pertengahan Mei 2018 hingga November 2018 spesifik antara Mei dan November? Untuk bulan Jun, pada bulan Jun ada satu pelaburan yang datang ke Terengganu dan melabur dengan nilai RM35,797,732 iaitu daripada Syarikat Elektro Serve di Paka, dalam bidang Oil & Gas. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan tambahan saya yang pertama. Boleh nyatakan bidang ataupun segmen yang diminati oleh pelabur asing setakat ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Sebagaimana yang saya sebut terdahulu daripada ini

minat yang besar dari pelabur yang datang adalah bertanya khabar tentang projek silika, hampir 65% pelabur yang datang menanya adalah untuk melabur dalam bidang silika.

Sementara yang lain ada juga yang bertanya tentang nak buat projek *waste management*, nak *manage waste* kita. Ada juga nak datang nak *dredging* muara sungai dan terakhir dua tiga hari yang lepas ada pertanyaan tentang nak buat projek *tissue paper* yang belanjanya lebih daripada 1 bilion. Ini minat yang mereka tunjukkan dan yang mereka minat ialah kerana persiapan kita terutamanya industri silika itu kita ada industrial park yang kita namakan TSV dan akan *dimanage* oleh sebuah anak syarikat kerajaan. Dan insyaAllah jika siap *master plan* dan awal-awal pun mereka boleh datang ialah pada tahun 2020 akhir, kilang pertama insyaAllah akan dibina pada tarikh itu dan untuk menarik minat mereka, itu mereka yang datang, kita juga pergi kepada mereka dengan menyertai rombongan daripada MIDA.

Baru-baru ini Kerajaan Negeri telah menghantar wakil bersama MIDA untuk ke Jepun, ke Tokyo, Osaka, dan juga Korea, ke Seoul untuk mempromosikan industri negara kita. Dan minat di kalangan mereka cukup baik dan setengah-tengahnya berjanji untuk datang kembali kepada kita. Begitu juga saya juga telah ke China, satu *Frontwave* di Xiang Chu mereka juga telah bersedia untuk datang menerima jemputan kita, untuk datang bertanya khabar tentang silika.

Dua hari yang lepas satu rombongan daripada Shenzen dan juga Xi An dan juga daripada Beijing 15 orang datang, *all the millionaires* yang datang tu, saya rasa hebat-hebat, datang bertanya khabar dan menunjukkan minat yang besar untuk melabur di Negeri Terengganu termasuk dalam bidang industri, pertanian dan pelancongan. Jadi nampaknya mereka datang dan kita di sini pula sudah menubuhkan *task force* tentang pelaburan, tentang promosi untuk buat promosi insyaAllah kita akan terus ke luar negara untuk mencari beberapa gergasi, *players* yang katanya pelaburan mereka paling kurang 1 bilion dan pekerjaan kalau 1 projek silika itu, 1 syarikat datang membawa pelaburan 1 *bilion* dan pekerjaan boleh diwujudkan sebanyak 1,000 orang. Itu satu *production line* sahaja. Bayangkan kalau ada 10 *production line* dan

ada 3 syarikat yang datang, maka insyaAllah janji kita untuk wujudkan pekerjaan yang banyak mudah tercapai. Dan insyaAllah ini akan dilakukan secepat mungkin untuk mengejar mereka dan pelabur-pelabur besar ini kalau mereka datang terutamanya dalam bidang silika akan membuatkan Petronas segera tidak tertangguh lagi katanya sebab mereka ini memerlukan gas yang banyak jadi Petronas sedia untuk membekalkan gas yang banyak ke Jambu Bongkok dan ini mempercepatkan proses menyediakan infrastruktur untuk TSV tadi.

Dan kita mengharapkan bila ramai datang hari ini mereka akan melabur cuma kita juga berhati-hati dalam menilai cadangan-cadangan diberi kerana pengalaman kita yang pendek ini menunjukkan ada projek-projek yang mereka cadangkan dulu dan sampai ke peringkat akhir kita minta mereka deposit sebahagian daripada wang untuk kita bayar untuk pengambilan balik tanah, mereka tidak bayar dan kita tunggu dan kita tunggu sehingga sekarang mereka tidak datang, sedangkan masa yang panjang telah diberikan untuk merancang kawasan yang berkaitan, itu pun satu hal yang perlu kita lihat.

Dan ada juga yang datang dengan projek-projek yang mega contohnya *Europolis* nak buat satu projek besar, bandar lapangan terbang begitu, berpuluh ribu ekar mereka nak, kita kata marilah kalau boleh buat sungguh bagus lah tapi dia kena bagi *confident* ke kitalah sebab kita bimbang takut mari saja tapi tidak ada apa-apa. Jadi sekarang ini kalau mereka datang saya terus bertanya hendak apa sebenarnya, *be direct* sebab saya kata jangan kita habiskan masa, masa dia masa kita, biar betul-betul nak bagitahu betul-betul, dan kita buat betul-betul. Kalau sekadar bertanya mencari-cari tu habis masa kita pun bimbang juga. Cuma kita kata oleh kerana mereka hendak berniaga datanglah. Kalau mereka yakin benda itu boleh buat, datang tapi kita akan minta syarat yang agak ketat supaya benda tu memang betul-betul komited untuk datang ke sini. Saya kira itu sahaja yang dijawab.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat di-Pertua, soalan saya yang kedua boleh tidak kita tengok sekarang ini, China memang merupakan sebuah negara besar yang

menguasai ekonomi dunia selain daripada China bagaimana dengan pelabur-pelabur daripada negara lain, ada tak menunjukkan minat untuk melabur di negeri kita?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Untuk makluman, sebenarnya dari awal-awal lagi pemerintahan kerajaan baru ni kita telah menghantar wakil kita ke Turki untuk berjumpa dengan pelabur di sana bukan hanya di Turki tapi ada *players* daripada, misalnya daripada Qatar yang berada di Turki kita jumpai mereka dan insyaAllah kami juga akan ke Perancis, ke *France* dan juga ke India, juga ke Taiwan untuk menemui pelabur-pelabur di dalam bidang silika insyaAllah. Nampaknya mereka berminat di mana kita pergi kita jumpa kita beritahu dia kata kami nak datang, kita kata *welcome*. Jadi bukan hanya di China tapi besarnya daripada negara China yang lain ada. Dan lain-lain negeri juga menunjukkan minat yang besar juga sebenarnya untuk melabur terutamanya dalam bidang silika tadi. Juga ada pelabur-pelabur yang sederhana yang datang nak melabur dalam bidang *copper* ada juga jadi berbilang dan yang datang tu bukan hanya daripada China juga daripada Tokyo, daripada Seoul, daripada Jepun dan daripada negara Arab pun ada. InsyaAllah.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Saya persilakan seterusnya Wakil Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Soalan saya nombor satu -

Apakah usaha kerajaan dalam meningkatkan lagi hasil penanaman padi di Terengganu?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Kuala Besut. Saya fokus dari segi penjelasan ni yang utama di kawasan Yang Berhormat Kuala Besut sendiri, berkaitan dengan usaha Kerajaan Negeri bagi

meningkatkan hasil penanaman padi di Negeri Terengganu. Di kawasan Yang Berhormat terutamanya di kawasan Kampung Baru, kawasan Pengkalan Nangka dan kawasan Tok Saboh. Kawasan penanaman padi yang kering apabila Empangan Lowvier Pengkalan Nangka runtuh pada tahun 2012, ini sudah sedia ada dalam maklumat Yang Berhormat kerana Yang Berhormat masa itu adalah Jurutera JPS Daerah Besut tapi untuk makluman Dewan. Jadi dalam tempoh enam tahun lebih kurang kawasan padi dalam DUN Kuala Besut kering dan alhamdulillah Empangan Lowvier Pengkalan Nangka yang baru dengan biaya daripada Kerajaan Pusat telah disiapkan dengan kos kira-kira RM34 juta dan mula berfungsi. Cuma yang menjadi masalahnya apabila kawasan penanaman padi ini terbiar agak lama dalam tempoh enam tahun tali air pun rosak, batas padi pun semua rosak dia memerlukan penyelenggaraan supaya para petani kita boleh memulakan kerja-kerja menanam dengan segera. Dan saya sudah minta Pengarah Jabatan Pertanian untuk turun berbincang dengan kelompok petani di Pengkalan Nangka, di Kampung Baru, di Tok Saboh dan memang mereka menyuarakan hasrat awal tahun 2019 mereka hendak mula bertanam. Hendak mula bertanam semula, cuma yang menjadi masalah adalah tali air *secondary* dan *tertiary* yang perlu diselenggara sebahagiannya telah diselenggara oleh IADA KETARA tapi kawasan yang di luar daripada IADA KETARA terutamanya di kawasan di Tok Saboh dan di kawasan Kampung Baru.

Saya minta supaya Pengarah Jabatan Pertanian mengadakan mesyuarat segera dengan jabatan-jabatan dan agensi berkaitan dan kita perlu angkat permohonan segera kepada UPEN untuk memohon bajet khas bagi kerja-kerja penyelenggaraan ini supaya hasrat-hasrat rakyat hendak mula menanam padi pada awal tahun 2019 kita dapat tunaikan. Dan saya sangat berterima kasih kepada kerja keras Pengarah Pertanian kita dan saya ambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan penghargaan kepada Encik Zulkifli Harun yang akan bersara pada 29 haribulan Disember nanti.

Yang kedua, usaha kita untuk meningkatkan lagi hasil pertanian di Negeri Terengganu ialah *plan* jelapang padi atau KETARA Fasa Dua yang saya sudah

maklumkan dalam jawapan kepada Yang Berhormat Pengakalan Berangan tadi.

Yang ketiga, di antara masalah yang menghadkan perkembangan industri padi di Negeri Terengganu ialah masalah kilang padi. Kilang padi dalam negara ini sebenarnya bilangan dia sudah mencukupi, cuma taburannya tidak sekata. Di Kedah ada sampai 40 kilang, kita di Terengganu cuma ada tiga kilang yang beroperasi. Yang pertama Kilang Bernas di Bukit Kenak. Yang kedua Kilang Mutiara Timur di Kerandang dan yang ketiga Bukit Kor. Ini sahaja tiga kilang yang beroperasi menyebabkan selalu berlaku lambakan ketika kemuncak musim menuai, lori-lori yang bawa padi kadang-kadang perlu tunggu sehingga sehari semalam depan Bernas Bukit Kenak sebelum dapat buang padi dalam kilang. Dan alhamdulillah, insyaAllah, masalah ini sedikit sebanyak kita akan dapat atasi apabila Kilang LPP di kawasan Baroh Masin sempadan Jabi dan Hulu Besut akan disiapkan berada di peringkat akhir untuk dapat beroperasi dengan segera dan ini mengikut maklumat daripada LPP di antara kilang yang menggunakan teknologi paling moden dalam negara dengan kapasiti pemprosesan kira-kira 400 tan sehari dan kita harapkan supaya lambakan padi di kawasan terutamanya di kawasan IADA KETARA bila musim menuai akan dapat di atasi.

Dan satu lagi yang kita fokuskan untuk hendak meningkatkan lagi hasil padi di Negeri Terengganu ialah pembangunan tanah sawah di skim pengairan Jelapang. Yang ini Jelapang nama kampung di Langkap, ada 735 hektar projek yang telah dimulakan sejak 2009 lagi, cuma sekarang ni yang berjaya ditanam hanyalah 264 hektar kita ada 471 ekar yang kosong dan terbiar dan sebahagian daripada pengairan masih lagi perlu ditingkatkan terutamanya pembinaan *secondary* dan *tertiary* tali air. Saya telah minta UPEN, pegawai-pegawai UPEN untuk turun berbincang selepas kita buat mesyuarat yang pertama hari itu di antara keputusan dasar kitanya ialah 471 tanah sawah yang masih ada ini kita nak manfaatkan untuk penduduk kampung-kampung sekitar terutamanya penduduk Kampung Jelapang sendiri, Kampung Bukit Layat dan juga Kampung Bukit Putera, nak tengok seramai mana orang kampung di tiga buah kampung ini yang betul-betul nak jadi petani, kalau

sekiranya *plan* yang pertama ini tidak berjaya barulah kita fikir bagaimana nak memajukan dengan agensi-agensi lain termasuklah beberapa agensi kemajuan tanah yang menunjukkan minat untuk memajukan tanah padi di Jelapang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih kepada pihak Kerajaan yang memberi pencerahan dan juga penjelasan sekaligus menceritakan apa jua usaha khususnya melibatkan tanaman padi khususnya di kawasan Kuala Besut. Cuma soalan tambahan saya yang pertama, di Daerah Besut kita ada satu skim penanaman padi yang di luar Jelapang iaitu Skim Penanaman Padi Pelagat yang mana isu untuk Skim Penanaman Padi Pelagat ini isu melibatkan punca atau sumber air yang berpunca daripada kawasan tadahan Hutan Pelagat iaitu berpunca daripada Hulu Sungai Pelagat. Kadang-kadang punca air ini memang tidak mencukupi untuk disalurkan untuk mengairi kawasan Skim Penanaman Padi Pelagat yang mana menyebabkan kadang-kadang air itu terpaksa dikitar semula, di *recycle* untuk skim penanaman padi di Kampung Pelagat sendiri. Lepas itu bila habis musim untuk mengairkan padi di Kampung Pelagat, *recycle* pula ke Kampung Dengir, lepas itu *recycle* pula ke Kampung Pusu Tinggi dan kawasan sekitar. Jadi ada tidak perancangan pihak Kerajaan supaya kaedah kita nak *recycle* itu kita dapat elakkan pada masa hadapan kerana kalau kita gunakan air yang tidak *recycle*, insyaAllah akan memberi kualiti padi yang lebih baik kepada penanam-penanam padi tersebut. Terima kasih Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Kuala Besut, seorang jurutera JPS yang mempunyai pengetahuan tinggi dalam hal ehwal pengairan. Kawasan padi di luar Jelapang bukannya setakat Pelagat malah juga kalau di sekitar Besut, Bukit Jeruk, Gong Machang, Gong Telikong, Padang Lengkuas, yang menjadi masalahnya kerana kawasan ini berpunca, punca air dia daripada sungai yang tidak disambungkan kepada empangan. Yang berada dalam Jelapang memang kita memanfaatkan bekalan air daripada Empangan Jajar yang menjadi sumber pengairan utama bagi IADA KETARA. Dan sebagaimana yang kita sedia maklum Empangan Paya Peda kita

telah disiapkan dengan kos RM300 juta lebih dan air daripada Empangan Paya Peda sebenarnya belum disalurkan ke mana-mana sawah padi dan air inilah yang akan dimanfaatkan untuk Projek Pengairan KETARA Fasa 2 ataupun Jelapang Fasa Dua yang termasuklah dalam itu di antaranya Pelagat, Bukit Jeruk yang saya sebut tadi Gong Telikong, Gong Machang dan sebagainya, dan insyaAllah bila sumber bekalan air berpunca daripada empangan ia tidak akan terkesan dengan perubahan cuaca. Sekarang ini bila cuaca panas air sungai kering, tidak berapa ada kemudian sepanjang laluan sungai itu ada tiga empat *gate* ataupun pintu air, yang atas dapat banyak sikit, yang bawah kurang sikit, yang bawah ini semakin kurang, yang bawah sekali ini kering terus sebab bekalan air itu sendiri tidak mencukupi. Saya yakin insyaAllah, kita cuba *push* sikit pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani supaya *paper* KETARA Fasa 2 kita ini diangkat, letak di atas dan diberi keutamaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih kepada Yang Berhormat Exco. Soalan saya yang berikutnya, tadi pun Yang Berhormat Exco ada sebut pasal status KETARA Fasa 2, memang kita di Besut secara khususnya petani-petani dan juga pesawah-pesawah khususnya melibatkan sawah-sawah padi atau pun Skim-skim Penanaman Padi Di Luar Jelapang amat mengimpikan supaya mereka ini dijadikan KETARA Fasa 2 kerana mereka sedia maklum apabila mereka dijadikan KETARA Fasa 2 ataupun dimasukkan dalam skim-skim IADA ini, mereka dapat manfaat yang lebih lagilah Jadi saya mohon supaya pihak Kerajaan dapat *push* lagi, desak lagi pihak Persekutuan supaya KETARA Fasa 2 ini dapat direalisasikan dengan segera.

Soalan saya berkenaan Skim Penanaman Padi Pengkalan Nangka pula, tadi Yang Berhormat Exco pun ada *explain* dah, saya pun ucapkan terima kasih banyak. Cuma saya selalu didatangi oleh satu kumpulan iaitu kumpulan unit padi, Unit Padi Kampung Tok Saboh yang mana walaupun hampir enam tahun Skim Penanaman Padi di Kampung Pengkalan Nangka tidak dapat diusahakan kerana *gate* yang rosak dan pelbagai masalah infrastruktur tapi mereka ini, kumpulan ini amat komited kerana tiap-tiap tahun mereka ini buat padi

menggunakan air tadahan dan menggunakan *tube well* yang ada di sekitar itu. Jadi saya mohonlah supaya pihak kerajaan mempercepatkan membaik pulih infrastruktur-infrastruktur seperti sistem pengairan, sistem nak memasukkan air ke sawah padi itu dan pelbagai lagi infrastruktur supaya pada musim pertama tahun 2019 nanti mereka ini dapat buat padi dan insyaAllah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat EXCO tadi dalam jelapang dan luar jelapang, kalau campur-campur kita baru ada 87,000 metrik tan padi dan boleh dijadikan 52,000 metrik tan beras dan insyaAllah jika skim pengairan padi dapat di Pengkalan Nangka dapat diusahakan akan tambah lagi jumlah metrik tan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Terima kasih Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): InsyaAllah kita sama-sama doakan semoga urusan dipercepatkan dan atas dasar keprihatinan ini sebenarnya kita dah hantar yang saya sebut tadi, Pengarah Pertanian Negeri sendiri turun padang untuk berbincang dengan kelompok petani daripada tiga kampung yang memanfaatkan air daripada Lowvier Empangan kita di Pelagat. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Saya persilakan seterusnya Wakil Air Putih kemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih): Assalamu'alaikum warahmutllahi wabarakatuh. Terima kasih Yang di-Pertua. Soalan saya nombor satu -

Terdapat ramai pelajar-pelajar Negeri Terengganu yang sedang belajar diluar negara dalam bidang keagamaan, khususnya di Mesir. Adakah kerajaan atau agensi kerajaan membiayai pembelajaran pelajar tersebut dan apakah jenis pembiayaan yang diberikan?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmutllahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Berhormat Air Putih bertanyakan soalan: Terdapat ramai pelajar-pelajar Negeri Terengganu yang sedang belajar di luar negara dalam bidang keagamaan khususnya di Mesir. Adakah Kerajaan atau Agensi Kerajaan membiayai pembelajaran pelajar tersebut dan apakah jenis pembiayaan yang diberikan?

Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Sidang Dewan sekalian, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu tidak lagi memberi penajaan kepada pelajar luar negara termasuk keagamaan khususnya di Mesir sejak tahun 2011 dan juga di Jordan dan Maghribi telah dihentikan mulai tahun 2015. Yang Berhormat Yang di-Pertua, tapi hari ini, kelmarin kita mendengar Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Jazakumullah kita ucap terima kasih dan rakyat yang menunggu-nunggu menanti sekiannya, alhamdulillah. Pihak Kerajaan Negeri sudah bersetuju berdasarkan Bajet yang dibentangkan kelmarin untuk yang pertama memberi biasiswa RM5 juta kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dan insyaAllah akan diurus oleh pihak Yayasan Terengganu. RM5 juta sebagai biasiswa khususnya kepada pelajar cemerlang.

Yang kedua, pihak Kerajaan Negeri juga menyediakan RM10 juta untuk pinjaman yuran bagi pelajar-pelajar yang akan menyambung ke luar negara. Ini merupakan satu berita baiklah khususnya kepada para ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang belajar di luar negara bukan hanya untuk Pengajian Islam tetapi juga khususnya bidang-bidang perubatan yang mereka terpaksa membayar kos yuran yang agak tinggi yang kadang-kadang membebankan ibu bapa jadi pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk membayar kos yuran. Jadi untuk kehidupan dan sebagainya, saya rasa kita boleh berkolaborasi dengan pihak MAIDAM sebab sebelum pada ini pun, pihak MAIDAM memberi zakat yang kita rasa cukup untuk perbelanjaan harian ataupun bulanan mereka sehingga selesai pengajian dan yang menjadi kesukaran ibu-bapa adalah untuk pembayaran yuran. Jadi insyaAllah bermula tahun depanlah, tahun ini kita tidak sempat lagi, kekal lagi dengan dasar lama

2011 kerajaan yang lalu. Jadi tahun depan ni, insyaAllah kerajaan baru kita, kita akan *start* buka untuk permohonan.

Jadi bagi pelajar-pelajar khususnya yang hendak ambil SPM ini, kita haraplah dapat belajar bersungguh-sungguh untuk mereka mendapat biasiswa RM5 juta yang disediakan oleh pihak Kerajaan. Kalau mereka tidak dapat pun, insyaAllah ada peluang lagi untuk mereka membuat pinjaman yuran bagi pengajian mereka. Dan dalam masa yang sama walaupun macam itu, pihak Kerajaan masih lagi memberi Bantuan Awal Persediaan sebanyak RM1,000 kepada pelajar-pelajar yang mendapat tempat di Universiti ataupun Ijazah Pertama sama ada dalam ataupun luar negara. Jadi masih lagi pihak Kerajaan memberi sumbangan tersebut. Dan untuk makluman sebagaimana sedia maklum khususnya kepada pengajian agama, pihak MAIDAM memberi zakat kepada pelajar-pelajar ini sama ada di Sudan, Mesir, Jordan dan sebagainya. Alhamdulillah mereka boleh mendapat zakat daripada pihak MAIDAM insyaAllah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih): Terima kasih kepada Yang Berhormat Paka atas ucapan tadi. Saya terima kasihlah kepada kerajaan baru kerana telah membuka pengajian semula selepas dihentikan bermula dalam 2011 hingga 2015. Ada anak-anak kita yang ingin melanjut pelajaran ke luar negeri, mereka bercita-cita untuk menyambung pelajaran sampai ke peringkat yang lebih tinggi. Adakah pengajian ini terhenti di peringkat Ijazah ataupun disambung kepada peringkat lebih tinggi Master ataupun PhD? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih kepada Yang Berhormat Air Putih. Kelmarin pun kita tengok Pembentangan Bajet yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, RM1.5 juta diperuntukkan untuk pengajian Master dan juga peringkat PhD jadi sebagai biasiswa. Kita ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan dalam masa yang sama ada beberapa syaratlah untuk mereka dapat menyambung peringkat Master dan PhD yang dipohon mesti paling kurang Ijazah Pertama mereka mendapat CGPA 3.5 ke atas dan juga di universiti-universiti yang diiktiraf. Maknanya untuk Master dan juga PhD diberi peluang selepas pada ini bermula bulan Januari tahun

depan insyaAllah, untuk pelajar-pelajar menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih): Soalan saya yang kedua: Apakah kelayakan yang minimum untuk pelajar-pelajar mendapat pembiayaan di peringkat Ijazah?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Untuk kelayakan ataupun kriteria paling minimum mendapat pembiayaan tersebut yang pertamanya anak Terengganulah. Jadi kita beri fokus kepada anak Negeri Terengganu ataupun salah seorang daripada ibu-bapa mereka merupakan anak Terengganu.

Yang kedua, minimum dia 8A dalam SPM dan kalau STPM ataupun STAM 3.5 lah itupun dia ada jawatankuasa peringkat Yayasan Terengganu yang boleh membuat pertimbangan tapi diletakkan syarat-syarat seperti itulah dan juga mesti mendapat tempatlah. Jangan diminta pinjaman dahulu baru hendak cari tempat. Bila sudah ada tempat dah, *offer* buat dia dan insyaAllah dia boleh mohon dengan pihak Yayasan Terengganu dan dia akan dipertimbangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Seterusnya saya jemput Wakil Ajil untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1 -

Apakah rancangan kerajaan untuk memperkemaskan pendidikan di Madrasah Moden MAIDAM, khususnya yang ada di Kuala Nerus?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Ajil bertanyakan: Apakah rancangan Kerajaan untuk memperkemaskan pendidikan di Madrasah Moden MAIDAM, khususnya yang ada di Kuala Nerus.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menambahkan lagi Madrasah Moden MAIDAM ini dan tetapi kita akan kekalkan untuk tiga tempat yang telah wujud ini dan dalam proses untuk kita *upgrade* perelokkan infra yang ada sebab saya sendiri turun ke sekolah khususnya SMA Batu Rakit inilah tapak khas yang jadi Madrasah Moden ini. Kita rasa tidak munasabah sekolahnya, dengan persekitaran dia, atap melengkung begitu, bila-bila masa jatuh atas pelajar, boleh apa orang panggil membawa musibah, jadi kita minta jauhlah. Jadi nampak macam tidak terurus dari segi infra dan sebagainya. Jadi baru ini, pihak Kerajaan sudah bersetuju untuk mengambil alih sekolah ini dan akan ditadbir urus di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama (Bahagian Pendidikan). InsyaAllah kita akan selaraskan dan insyaAllah kita akan beri, kita cuba untuk perelokkan tiga institusi ini.

Dan setakat ini memang permintaan itu agak tinggi untuk masuk tetapi kerana dulu dia macam mana tidak tahulah, dia ambil pelajar itu tidak tengok pada kadar kemampuan, jadi padan setahun penuh selalu. Jadi untuk tahun ini, hanya mungkin dibuka di Besut sahaja dengan kadar 60 orang sahaja walaupun permintaan tinggi.

Jadi pihak Kerajaan Negeri akan fokus kepada manifesto yang kita janjikan, 1 Parlimen 1 Sekolah Menengah Islam yang akan menggabungkan antara Pendidikan Konvensional dan juga Arab sepenuhnya menggunakan pengajian khususnya teras daripada Universiti Al-Azhar dan insyaAllah sebagai kesinambungan kepada SRIDI yang telah kita buka enam ni nanti insyaAllah bermula pada tahun depan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Tidak ada soalan tambahan kerana saya sekadar hendak mengucap terima kasih kepada Yang Berhormat Paka kerana telahpun memperjelaskan berkenaan dengan kegusaran saya berkenaan dengan pengambilan baru yang tidak dapat dibuat untuk tahun 2019 ini kecuali hanya di Besut sahaja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Kita ada satu lagi soalan yang terakhir untuk hari ini. Alhamdulillah, sedang molek semua yang bertanya, apa nama ini, dapat giliran masing-masing. Saya jemput Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 1 -

Haiwan ternakan yang berkeliaran di jalan raya dan tempat awam. Apakah tindakan sewajarnya dilakukan oleh PBT-PBT bagi mengawal dan mengurangkan masalah ini?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Exco, Ahli-ahli sahabat-sahabat Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan dan Pemerhati sekalian. Soalan daripada Kemasik berbunyi: Haiwan ternakan yang berkeliaran di jalan raya dan tempat awam. Apakah tindakan sewajarnya dilakukan oleh PBT-PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) bagi mengawal dan mengurangkan masalah ini?

Sebagaimana yang kita sedia maklum di jalan-jalan raya kita dan di LPT sendiri kadang-kadang kita jumpa dengan haiwan-haiwan yang berkeliaran dan sudah tentu haiwan ini dia ada tuannya sendiri, dia sebut ternakan mesti ada penternak. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan menangkaplah, buat tangkapan dari masa ke semasa pada haiwan-haiwan yang berkeliaran ini dan dikenakan denda, ataupun kompaun sebagai satu hukuman pada penternak-penternak yang melepaskan haiwan ini berkeliaran khususnya di jalan raya yang boleh mengancam nyawa pengguna jalan raya dan juga di tempat awam yang boleh mengganggu keselesaan para pengunjung, pelancong dan sebagainya. Di samping sebelum tindakan dibuat memang hebahan dibuat dari masa ke semasa, kita tidak bertindak cara terus begitu mengambilkira juga kepentingan masyarakat, kita beri makluman, hebahan kepada mereka supaya kalau yang ada kandang bubuh di dalam kandang dan sebagainya, kalau perlu tambat, ditambat supaya benda ini tidak mengganggu orang awam untuk kebaikan bersama. Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Terima kasih pada Yang Berhormat Seberang Takir.....

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Bukan Seberang Takir.....

YANG BERHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Bukit Tunggal. Minta maaf. Sedia maklum.....

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sayang lagi kepada Seberang Takir ya.

YANG BERHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Sedia maklum masalah ini walaupun tindakan dan usaha yang telah berterusan dijalankan masih ia tetap tidak seakan-akan tidak dapat menyelesaikan masalah. Apabila kita bertanya pada penternak-penternak, alasan ataupun sebab utama kenapa mereka berbuat demikian adalah kerana kekurangan tempat untuk mendapatkan bekalan makanan kepada penternak-penternak. Sebagai contoh, di DUN Kemasiklah di kawasan Semanyo, Cabang dan Kampung Baru Kerteh, ramai penternak-penternak yang aktif dalam penternakan lembu dan kambing namun kawasan ragut sangat-sangat terhad. Adakah inisiatif ataupun mungkin dia lari sikit daripada Yang Berhormat Seberang Takir.... Batu Rakit.....

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD RAHMAN (Wakil Kuala Besut): *Kerek, guaner kerek ni... ..(Dewan gelak)*

YANG BERHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Mungkin lari sikit tapi adakah inisiatif untuk menyediakan tempat-tempat ragut yang lebih banyak supaya tidak semata-mata kita membuat tindakan undang-undang tapi kita ada inisiatif selaku Kerajaan menyediakan tempat-tempat yang sesuai ataupun tempat-tempat yang baik untuk mereka menjalankan kerja-kerja penternakan tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Kemasik. Allah, *guaner* Kemasik salah *line* saja hari ini. Salah *line takpe*, Bukit Tunggal jawab.

Saya juga telah merujuk juga walau di bawah bidang PT, padang ragut ni bawah sahabat kita daripada Jabi tapi *takpe* saya boleh jawab bagi pihak Kerajaan. Terengganu sebenarnya banyak padang ragut, banyak padang ragut, dan sebahagian besar tidak dimanfaatkan dan sebahagian lagi diceroboh sama ada dia buat, tanam sawit dan sebagainya, jadi dan yang terbiar pun sangat banyak. Dan insyaAllah pihak berkenaan akan berbincang dengan EXCO yang berkenaan, kita akan buat pemutihan untuk memastikan benar-benar padang ragut ini dimanfaatkan oleh penternak-penternak di sekitar itulah.

Yang kedua, kita ada sistem kandang, atau fidlot memang harga makanan haiwan itu mahal tapi kalau kena tangkap lagilah tinggi kompaun dia. Jadi makanan boleh dibeli, dan kandang ini ada subsidi daripada Kerajaan sendiri supaya buat kandang memastikan haiwan-haiwan ini dikurung supaya tidak mengganggu, berkeliaran pada tempat-tempat yang tidak sepatutnya. Dan kita juga ada sebenarnya senarai ladang integrasi yang diternak di dalam ladang sawit dan sebagainya tapi malanglah yang sebenar sikaplah, sikap penternak kita ini adalah yang ditepi lebuh raya dipotong kita punya *fence*, pagar lebuh raya supaya lembu dia boleh makan rumput dekat lebuh raya nampak lebih subur situ, memanglah subur situ sebab tidak dikacau. Jadi lembu pun bila buka jer terus bertempiaran ataupun berkejaran nak ambik rumput-rumput di tepi lebuh raya. Ini sikap orang kita sebenarnya, dari segi persiapan saya ingat padang ragut ini cukup untuk makluman dan kita ada fidlotnya, ada integrasi tapi inilah sikap penternak-penternak ini kita kena *educate* lah beri penerangan dari masa ke semasa supaya perkara ini tidak berterusan mengganggu orang awam sama-sama ambil tanggungjawablah. InsyaAllah, terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tunggul. Minta maaf banyak. Kenapa saya mengutarakan soalan tersebut adalah isu ini berlaku di depan mata sayalah di DUN Kemasik dan lawatan sendiri yang dibuat oleh Yang Berhormat Jabi berkenaan dengan ketidakcukupan bekalan makanan kepada pihak-pihak penternak. Mungkin sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit

Tunggal adalah lokasinya berlainan tetapi untuk di DUN Kemasik sendiri saya rasa perkara tersebut adalah sangat kritikal dan melihat kepada tanah yang masih lagi luas di sekitar DUN Kemasik untuk penternak-penternak, saya berharap tindakan sewajarnya ataupun tindakan yang lebih agresif ataupun lebih tertumpu boleh dibuat di Kemasik, insya Allah.

Soalan tambahan saya yang seterusnya adalah: Apakah inisiatif-inisiatif lain sebab sebagaimana yang kita sebut kita dah buat banyak tindakan tetapi masih lagi berkekalan. Betul, sikap adalah antara faktor yang sangat-sangat susah atau sukar untuk kita kawal tapi kita perlu menyelesaikan ataupun perlu mengenalpasti terus untuk mengenalpasti kaedah-kaedah yang terbaik bagi menyelesaikan kemalangan, kematian disebabkan penternak-penternak yang melepaskan ternakan yang berkeliaran. Terima kasih.

YANG BERTAMBAH DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Kemasik. Jadi insyaAllah kita ingat bahagian Exco Pertanian akan ambil tindakan sebab kita jawab ini bahagian umum seluruh Negeri Terengganu sebab masalah haiwan ternakan berkeliaran ini bukan di Kemasik sahaja daripada Besut sampai Kemaman memang ada kemalangan-kemalangan yang berlaku kerana terlanggar haiwan-haiwan ternakan ini dan insyaAllah untuk Kemasik boleh spesifik saya serahlah kepada Exco Pertanian untuk buat kajian di mana tempat yang sesuai. Tapi saya nasihatlah sementara tidak ada padang ragut diberi makan *mesh/pallet* yang banyak boleh beli di kedai, boleh buat fidlot dan sebagainya. Untuk tindakan merubah sikap ataupun mendidik penternak ini memang pihak Kerajaan melalui Pejabat Daerah telah mengambil tindakan dari masa ke semasa. Untuk yang pertama ini, membuat perjumpaan-perjumpaan dan taklimat kepada penternak-penternak yang dikenalpasti melalui kalau dulu JKKK ataupun J3K, sekarang MPKK kita akan kumpul penternak-penternak ini untuk diberi taklimat, penerangan tentang kepentingan masing-masing menjaga haiwan ternakan supaya tidak berkeliaran. Kerajaan bukan nak saman sangat, bukan nak kompaun sangat tapi kalau dah buat salah tu tidak ada pilihan tapi untuk tanggungjawab sebagai penternak dia kena ada tanggungjawab bersama apakah kita suka

melihat ada sahabat kita yang mengalami kecederaan ataupun kematian akibat melanggar haiwan ternakan kita. Apakah kita tidak merasa bersalah?

Dan memang dibuat perjumpaan demi perjumpaan bagi memberi kesedaran kepada penternak-penternak ini. Di samping notis-notis juga ditampal di tempat-tempat awam di masjid dan sebagainya supaya ahli jemaah pergi tu baca notis ini bahawa bahayanya kita melepaskan haiwan ternakan kita berkeliaran di jalan-jalan raya.

Dan yang ketiga memang dari segi Pejabat Agama sendiri memang ada buat khutbah khas untuk dikhutbahkan kepada orang awam tentang pentingnya menjaga haiwan ternakan masing-masing. Itulah antara tindakan-tindakan yang telah diambil dan akan terus kita ambil. Ini memang sebenarnya kita tahu manusia ni memang sikapnya memang degil sikit sebab itulah Allah turunkan hukuman ada peraturan dan untuk yang itu kita kenakan tindakan. Yang tidak serik kita sama-samalah berdoa semoga Allah memberi hidayah kepada kita semua supaya mengikuti peraturan yang ada sama ada peraturan Allah Subhanahu Wata'ala atau peraturan Kerajaan yang untuk menjamin kesejahteraan hidup kita semua. InsyaAllah. Wallahualam. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguh Persidangan ini untuk waktu rehat, saya nak sebutkan sedikit, Dewan Undangan Negeri Terengganu ini merupakan Dewan yang mulia. Di depan kita ini ada cokmar yang mewakili Institusi Beraja, saya dapati kelmarin apabila kita nak memulakan Persidangan balik pada rehat, saya terpaksa tunggu lima minit, oleh kerana sebahagian besar Dewan ini renggeh, tak ramai daripada kalangan Yang Berhormat dan juga termasuk pegawai-pegawai, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan yang hadir mengikut masa yang telah ditentukan. Melainkan kita ada komitmen kerja yang tidak dapat dielakkan, itu soal lain. Jadi, saya harap untuk masa-masa akan datang sebagaimana ucapan saya dalam permulaan Persidangan kita jaga masa bagi menghormati Dewan yang mulia ini. Jadi dengan ini saya tangguhkan sementara Dewan ini dan sambung semula pada pukul 11.00 pagi.

DEWAN DITANGGUH PADA PUKUL 10.40 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Ahli-ahli Yang Berhormat, pada pagi kelmarin Rang Enakmen Perbekalan 2019 untuk bacaan kali yang kedua telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Sebagai mukaddimah ataupun yang memulakan perbahasan ini, saya menjemput Yang Berhormat Tepoh sebagai penyokong usul dan saya memberi masa selama 20 minit dan kita mula menggunakan sistem *timer* sebagaimana yang saya sebutkan dalam ucapan aluan saya kelmarin. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillahillazi faddolabani adamabil ilmi wal amar. Wassolatu Wassalamu'ala asyrofil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wa ashabih. Waman da'aibada'watihi ila yaumiddin. Ammaba'.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan, hadirin hadirat yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, saya merakamkan setinggi ucapan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang memberi peluang untuk kita bersama-sama kembali bagi bermusyawarah demi menjaga kepentingan agama, rakyat dan negeri tercinta.

Kelmarin, kita semua telah mengikuti secara keseluruhan pembentangan ucapan Bajet 2019 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar secara keseluruhan, daripada awal sehingga akhir, dengan membawa tema 'Negeri Berkat, Rakyat Sejahtera'. Kita mengharapkan agar Terengganu akan terus

berdaya saing, dinamik dalam mengharungi cabaran yang mendatang. Ya, kita sedang mendepani cabaran ekonomi yang tidak memberansangkan. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dijangka kekal stabil dan tumbuh pada 4.8% bagi tahun 2018 dan juga 2019.

Perlu diingat, walaupun ahli ekonomi menyatakan kekal stabil dan tumbuh dengan kadar tersebut, kita tetap sedang berdepan dengan jangkaan risiko luaran yang lebih besar, berpunca daripada perang perdagangan di peringkat global. Kita turut mengambil maklum dan juga mengambil kira pertikaian antara Amerika Syarikat dan China serta kuantum kenaikan kadar faedah result Persekutuan Amerika Syarikat yang terus memberi impak kepada pertumbuhan global. Ketegangan antara Amerika Syarikat dan China dijangka tidak akan berkurangan, dasar perlindungan perdagangan sudah pasti negatif di peringkat global. Ini membawa kepada risiko yang lebih besar terhadap ekonomi negara-negara yang berada di Asia yang didorong oleh eksport termasuk negara kita sendiri. Secara tidak langsung sebenarnya ia akan memberikan kesan dan tempias buat negeri-negeri yang berada di bawah Persekutuan seperti negeri kita, Terengganu Darul Iman. Di sinilah perlunya untuk kita semua sedar memberikan perhatian ketika menguruskan khazanah negeri kita.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebagai pendahuluan, saya merakamkan ucapan tahniah khusus buat Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, di atas usaha gigih memartabatkan Badan Legislatif melalui Dewan Undangan Negeri Terengganu. Keseimbangan antara kuasa Legislatif dan Eksekutif ini amat wajar diketengahkan, agar sesebuah kerajaan itu akan kukuh dan benar-benar memulangkan manfaat untuk rakyat jelata. Kini, Dewan telah memperkenalkan Portal e-Dewan buat semua Ahli Yang Berhormat untuk lebih memudahkan penyaluran maklumat, penghantaran soalan, menerima maklumat secara atas talian. Persidangan kali ini pula akan membentuk Jawatankuasa Pilihan Pengurusan Dewan agar Dewan Undangan Negeri benar-benar berfungsi dengan jayanya. Saya ucapkan sekali lagi tahniah buat Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua Dewan. Ucapan ini sama

sekali tidak mengharapkan masa yang lebih diberikan oleh Tuan Yang Di-Pertua.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Kerana saya melihat skrin sudah ada. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kerajaan atas pembentangan Bajet 2019 yang bersifat 'Bajet Berimbang'. Dalam suasana kita semua ingin menguruskan sumber negeri yang terhad, untuk memenuhi keperluan dan kehendak rakyat yang tidak terhad, 'Bajet Berimbang' adalah satu perkara yang sangat wajar diperkenalkan. Pun begitu, saya sedikit risau, dengan jangkaan hasil menerusi dana khas atau royalti, sebanyak RM1.4 billion yang merupakan sebagai penyumbang terbesar pendapatan negeri. Jika asasnya dibuat dengan anggaran purata crude oil USD70 per barrel, seperti yang dibuat di peringkat Pusat dalam Bajet 2019 tempoh hari, kemungkinan besar kita akan berdepan dengan defisit. Kerisauan ini saya rakamkan melalui Dewan yang mulia ini, agar kita semua bekerja dengan lebih gigih bagi memastikan hasil dapat ditingkatkan, bukan sekadar hanya melalui terimaan dana khas semata-mata, malah termasuk corak perbelanjaan di semua peringkat diurus dan diselia dengan cara yang lebih baik. Pun begitu, saya tidak mendapat maklum berapakah kadar satu tong yang diramalkan oleh pihak Perbendaharaan Negeri. Kalaulah sekiranya USD60, saya mengira itu adalah suatu langkah yang tepat dan jika benar telahan yang saya sebut ini, maka saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Perbendaharaan Negeri. Malah gerak langkah Bajet 2019 ini akan meluncur ke depan untuk tahun 2020 dalam bentuk mempamerkan bajet lebihan atau *surplus*. Kalau mungkin itu dapat dilakukan oleh pihak Kerajaan, saya cukup yakin dan percaya pengurusan kewangan negeri untuk dinikmati rakyat akan dapat diketengahkan dalam bentuk yang lebih membanggakan.

Sebagai sebuah pasukan yang baru sahaja mengambil alih Kerajaan Negeri Terengganu, Bajet 2019 secara berimbang ini amat wajar diberikan

penghargaan. Saya merakamkan ucapan setinggi tahniah buat Yang Amat Berhormat Menteri Besar.[Tepukan Sokongan].....

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang Bajet 2019 secara lebih mendasar, khususnya melalui empat teras utama yang menjadi tonggak Bajet 2019 iaitu keberkatan, kemajuan, kebajikan dan kecekapan. Menariknya, keempat-empat teras ini diperkukuhkan pula dengan lapan strategi pelaksanaan iaitu mengukuhkan prinsip Islam, mewujudkan polisi patuh syariah, membangunkan kualiti modal insan, merencanakan pertumbuhan ekonomi, mengukuhkan institusi keluarga dan masyarakat, merealisasikan Terengganu sebagai Negeri berkebajikan, meningkatkan kecekapan sistem penyampaian dan menerapkan nilai integriti dan ketelusan.

Dalam aspek keberkatan, tentu sekali melahirkan pemimpin dan rakyat beriman serta bertakwa menjadi kunci utama yang perlu diketengahkan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

Bermaksud: "Sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertakwa, tentulah kami akan membuka kepada mereka pintu pengurniaan yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi." (Surah Al-A'raf ayat 96).

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, demi memperolehi keberkatan dan kemajuan, dalam aspek sukan contohnya Kerajaan Negeri dilihat tidak mengabaikan aspek pembangunan ini. Alhamdulillah SUKMA 2018 kita bergelar juara. Saya yakin, persediaan untuk mempertahankan kejuaraan sempena SUKMA 2020 akan lebih hebat untuk dilalui. Ketika kita bertandang ke Negeri Johor Darul Takzim, saya menyambut baik hasrat pihak Kerajaan untuk memperkenalkan polisi pakaian yang menutup aurat di kalangan atlet. Walaupun kita belum mengambil sikap penguatkuasaan *enforcement* dengan izin, cukuplah dimulai dengan *awareness* pemupukan kesedaran dan membimbing secara berterusan. Ia adalah langkah yang cukup membanggakan, ia juga langkah menuju keberkatan.

Sebagai antara individu yang terlibat secara langsung dan berkecimpung dalam pembangunan sukan, saya yakin usaha ini akan berdepan dengan sedikit kesukaran untuk beberapa bidang dan acara sukan. Tetapi semua perkara yang akan bermula mesti dimulakan dengan tangga yang pertama. Kita tidak boleh dengan kesukaran tersebut langsung tidak mahu melangkah. Tetapi, langkah yang kita buat ini insyaAllah akan membuka jalan dan peluang yang baik pada masa yang akan datang.

Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu, saya terus untuk melakukan sedikit *respond* dalam menyahut saranan yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan agar pemain-pemain kita akan berdepan dengan Musim Liga Malaysia 2019 dalam keadaan menutup aurat pada tahun hadapan. Alhamdulillah, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita menerima kerjasama yang baik daripada pihak Ketua Jurulatih setiap pasukan untuk menjayakan usaha ini. Lebih menarik, penaja kita pada musim depan iaitu Al-Ikhsan turut bersedia untuk menyediakan seluar *tight* bagi semua pemain di setiap pasukan.[Tepukan Sokongan]..... Walaupun ia bukan untuk terus dikuatkuasakan sebagai wajib dan mesti, cukuplah pendedahan ini sebagai proses memupuk kesedaran untuk semua pasukan bola sepak di Negeri Terengganu bagi lebih prihatin untuk mematuhi syariah dari sekecil perkara.

Kita juga telah membuka ruang di dalam Stadium Sultan Ismail Nasirudin Shah, setiap kali menjelang waktu Maghrib, supaya penonton kita mengambil wudhu dan masuk ke dalam stadium di bahagian belakang tiang gol untuk menunaikan Solat Fardhu Maghrib secara berjemaah. Penerapan ini akan terus dilakukan sebagai konsep pendidikan dan memupuk budaya yang positif di kalangan umat Islam. Kita yakin, dengan membawa konsep menuju keberkatan ini, kita akan mendapat peluang yang lebih baik khusus daripada sudut memacu Negeri Terengganu di dalam menjayakan slogan yang dibawa iaitu "Maju, Berkat dan Sejahtera". Bukan sahaja dalam aspek sukan sebenarnya, malah seluruh corak dan gaya kerja penjawat awam, pemimpin-pemimpin tertinggi negeri hendaklah dibina dengan konsep mencari keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Kita amat impikan sebuah

negeri yang disifatkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai Baldatun Toyyibatun Wa Robbul Ghafur. "Negeri kamu ini adalah negeri yang baik, aman dan makmur dan Tuhan kamu adalah Tuhan yang Maha Pengampun." (Surah Saba' Ayat 15).

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi rasa gembira apabila meninjau teras kedua iaitu kemajuan melalui strategi pembangunan kualiti modal insan. Pembentukan modal insan dalam pelbagai aspek, dalam aspek kerohanian, untuk aspek OKU, belia, pelajar, mahasiswa, usahawan dan pelbagai golongan diperkenalkan oleh Kerajaan untuk tahun hadapan. Mewakili generasi anak muda, kami cukup berbangga dengan tawaran dan inisiatif yang ditawarkan Kerajaan Negeri untuk rakyat Negeri Terengganu.

Sejumlah besar peruntukan untuk tahun 2019 amat menitik beratkan soal pembangunan modal insan khususnya di kalangan belia negeri. Saya berharap, kerajaan akan terus memberikan fokus terhadap pembangunan modal insan ini tanpa menoleh ke belakang walaupun terganggu dengan persepsi daripada pihak lain. Sekadar suatu contoh, seperti yang berlaku tempoh hari, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri mendedahkan bahawa Pahang, Kelantan, Terengganu dan Perlis mendahului senarai penyalahgunaan dan penagih dadah yang paling ramai setakat di September 2018. Menurut kenyataan beliau, Pahang merekodkan seramai 16,150 penagih, Kelantan 16,918 penagih, Terengganu 10,576 penagih dan Perlis 2,123 penagih. Ya, kita belum melihat lagi statistik ini didedahkan oleh pihak AADK untuk tahun 2018.

Apapun, kalau kita menyaksikan statistik rasmi yang telahpun dikeluarkan oleh pihak AADK sehingga 2017, izinkan saya membaca data ini. Pulau Pinang bermula daripada tahun 2013 hingga 2017 jumlah penagihnya adalah seramai 19,028 orang. Selangor, 2013 hingga 2017 jumlah penagihnya adalah 12,815, Kedah, 2013 hingga 2017 jumlah penagihnya adalah 14,699, Terengganu, 2013 hingga 2017 adalah seramai 5,962. Dalam masa yang sama, Kelantan, 2013 hingga 2017 memiliki jumlah 11,221. Perak, 2013 hingga 2017 12,810.

Mengikut statistik ini, saya melihat Pulau Pinang, Kedah, Selangor dan Perak memiliki jumlah penagih yang tertinggi seluruh negara. Saya tidak bercadang untuk sinis kepada negeri-negeri lain yang tinggi, ini kerana isu dadah bukan untuk kita sinis kepada sesiapa atau negeri mana. Ia adalah isu modal insan yang terjerat dan menjadi mangsa. Kita bukan bermusuh dengan penagih, kita hanya bermusuh dengan najis dadah. Sikap pihak lain yang kaitkan isu penagihan dadah dengan usaha membantah ICERD adalah suatu perbandingan yang tidak *juruh*.

Saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini berasaskan data AADK dengan memberikan fokus terhadap Negeri, Terengganu berlaku peningkatan tinggi sejak 2016 dan 2017. Apakah *trend* menaik ini terus berlaku pada tahun 2018? Kita sama-sama menunggu data 2018 yang bakal dikeluarkan. Bukan untuk melihat dan membandingkan kita tinggi atau rendah tapi untuk merangka penyusunan yang lebih serius, menangani isu penagihan dadah di kalangan rakyat Terengganu.

Saya menggesa pihak Kerajaan agar bersegera menubuhkan pusat pemulihan penagih dadah secara holistik melalui penyegeraan pembangunan modul secara kolaborasi di antara Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, AADK, UniSZA dan PEMADAM. Walaupun ia dijangka beroperasi tahun 2020 pendekatan segera sekitar 2019 hendaklah disusun melalui pusat pemulihan yang sedia ada di Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua izinkan saya menyentuh sedikit beberapa isu berkaitan dengan perkembangan yang berlaku dalam kawasan yang saya wakili hari ini dan juga persekitaran. Kita berada pada musim tengkujuh tentu sekali antara perkara yang menjadi kerisauan banyak pihak adalah bencana banjir yang berlaku. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan melalui Bajet 2019 untuk mencapai sebagai Urban Resilience Terengganu berdaya tahan bencana dengan memperuntukkan sebanyak RM30.7 juta.

Saya ingin menarik perhatian Dewan tentang status Projek Tembatan Banjir Baruh Tok Jiring yang sekarang ini terus diberikan lanjutan tempoh masa dalam keadaan sepatutnya ia telahpun disiapkan dan boleh untuk beroperasi, boleh digunakan bagi mengelakkan berlakunya bencana banjir. Saya berharap, agar tembatan banjir ini dapat disegerakan dapat disiapkan secepat mungkin sebolehnya tidaklah menjengok tahun 2020 dalam keadaan projek ini belum lagi disiapkan. Dalam aspek yang lain saya mewakili kawasan yang lama yang saya wakili saya yakin Wakil daripada Batu Rakit juga akan timbulkan isu yang sama tidak mengapa untuk memperkuat hujahan dan juga membawa nasib penduduk dalam Dewan ini tidak lain dan tidak bukan isu hakisan pantai yang terus merebak. Bagi penduduk, pemakluman yang dipanjangkan oleh pihak Kerajaan Pusat yang membatalkan projek pengawalan hakisan yang bernilai RM90 juta seperti yang dimaklumkan dalam Dewan ini adalah merupakan suatu perkara yang amat mendukacitakan. Ya, Dewan yang mulia ini pernah dimaklumkan projek tersebut telahpun diawardkan telah dianugerahkan pada kontraktor untuk menjalankan projek tersebut. Adakah ketika dimaklumkan dalam Dewan ini satu ketika dahulu ia benar-benar telah diawardkan atau sebaliknya? Yang mendukacita kita adalah projek melibat kepentingan awam ini begitu mudah ditangguhkan apatah lagi kita berdepan di musim tengkujuh ini, saya berharap pihak Kerajaan Negeri dapat menguruskan usaha melakukan rundingan bersama dengan pihak Kerajaan Pusat mendesak dan berusaha memujuk bagi memasti agar projek ini kembali sepertimana yang dirancang.

Yang Berhormat Tuan di-Pertua, saya kira inilah sahaja ucapan yang boleh saya sampaikan sebagai ucapan perbahasan sokongan untuk Bajet 2019. Sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu di atas inisiatif yang ditawarkan melalui Bajet 2019, ucapan terima kasih khusus mewakili golongan belia dan anak muda di atas inisiatif-inisiatif yang cukup menarik untuk dibekalkan kepada semua anak muda, semua golongan belia yang berada dalam Negeri Terengganu ini. Sekali gus saya merakamkan ucapan tahniah di atas pembentangan Bajet 2019 yang saya kira bersifat holistik dan benar-benar menepati apa yang dimahukan oleh rakyat Negeri Terengganu, saya berdoa agar Allah

Subhanahu Wata'ala agar mengurniakan Terengganu sebagai sebuah negeri yang maju, berkat dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Tepoh pohon menyokong. Wabillahi taufik wahidayah, Assalamu'alaikum warahmahtullahi warbarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Tepoh yang telah menggunakan masa dengan sebaik-baiknya sehingga *alarm* pun belum berbunyi sebenarnya. Seterusnya saya persilakan Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang ingin mengambil bahagian. Sila Yang Berhormat Wakil Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatulahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: 15 minit Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Terima kasih. Alhamdulillah Rabbil'alamin. Wal'aqibatulil muttaqin wala 'udwana illa 'alazzolim. Asyhadu alla ila ha ilallah wa asyhadu anna Muhammadan Rasulullah. Qala rabisyrahli sadri wayasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yafkahu qauli.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, pegawai-pegawai Kerajaan, Pemerhati yang dihormati Allah sekalian. Alhamdullilah syukur kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana pada hari ini kita dapat bersama dalam suatu Dewan yang mulia ini untuk kita membicarakan berkaitan dengan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam yang mana bajet ini merupakan bajet untuk Negeri Terengganu 2019 dan dirangka bajet berasaskan kepada kepentingan dan keperluan rakyat. Maklumat-maklumat daripada semua golongan samada golongan profesional ataupun lapisan-lapisan masyarakat daripada pegawai-pegawai kerajaan dan juga daripada rakyat biasa dikumpulkan dan dirangka untuk kita bentang dalam sidang pada hari ini.

Alhamdulillah, terima kasih banyak-banyak kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana mengemukakan Bajet Berimbang yang mana pendapatan menyamai dengan perbelanjaan. Dan oleh itu apabila bajet ini merupakan Bajet Berimbang menjadi tanggungan jawab yang besar kepada kita semua sama ada pihak Wakil-wakil Rakyat mahupun pegawai-pegawai Kerajaan di bawah jabatan-jabatan yang diamanahkan dengan peruntukan-peruntukan yang dibekalkan semoga peruntukan ini dapat dinilai dapat dilaksanakan sebaik mungkin supaya ianya tidak terlanjur daripada apa yang diperuntukan. Kita nak bahawa apa yang telah diperuntukan ini dinilai dengan sebaik mungkin supaya kita dapat melaksanakan program-program yang telah dikemukakan oleh jabatan-jabatan dengan meminimalkan peruntukan yang ada supaya ianya tidak berlaku lebihan perbelanjaan. Sebaik-baiknya peruntukan yang diberi ini perlu ada sedikit bajet untuk kita imbangkan di masa-masa kecemasan. Jangan bajet yang diperuntukan ini kita menggunakan dengan tidak kita mengambilkira kepentingan-kepentingan rakyat yang menjadi halatuju kita untuk kita memberi kesejahteraan kepada masyarakat di Negeri Terengganu ini sesuai dengan slogan kerajaan baru Terengganu ini meletakkan Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera. Kita mengamalkan kemajuan yang kita akan laksanakan ini sesuai dengan kehendak Islam, segala penyelesaian kita mesti letakkan penyelesaian Islam.

Segala penyelesaian kita mesti letakkan penyelesaian Islam kita kena letak Perlembagaan Al-quran dan As-sunnah ini sebagai panduan kita supaya apa sahaja yang kita melaksanakan program kita, apa yang hendak kita rancang mesti tidak lari daripada kehendak Islam. Kita perlu ingat dan dalam Dewan ini seratus peratus adalah terdiri daripada orang Melayu beragama Islam kita perlu ingat Al-Islamu ya'lu wala yu'la alaih. Islam itu tinggi tidak ada yang lebih tinggi. Ketinggian Islam ini siapa yang nak meninggikannya siapa yang nak jaga ketinggian Islam ini? Kitalah orang Melayu yang beragama Islam mesti menggunakan peruntukan sebaik mungkin selari dengan kehendak syariat Allah supaya kita dapat keberkatan daripada Allah dan empat teras yang telah kita kemukakan Yang Amat Berhormat Menteri kemukakan dalam

Dewan ini. Yang pertama ialah keberkatan, yang kedua kemajuan, yang ketiga kebajikan dan yang keempat kecekapan.

Keberkatan dengan bajet yang disediakan ini kita mengharapkan kita dapat memartabatkan Islam kalau kita jaga Islam insyaAllah Negeri Terengganu terjamin majunya dan berkatnya dan sejahtera rakyatnya. Dalam masa yang sama Negeri Terengganu beruntung kerana pada 27.10.2003 lagi, Tuanku telahpun menandatangani Enakmen Syariah Negeri Terengganu yang mana telah diwartakan dan sepatutnya mesti dilaksanakan oleh sesiapaupun yang memerintah selepas Enakmen ini diwartakan. Dan kita mengharapkan hari ini dengan mencari keberkatan daripada Allah kita sedaya upaya mendaulatkan Enakmen Syariah Kerajaan Negeri Terengganu sebagai Ibu Perlembagaan Negeri Terengganu. Dan dalam masa yang sama kita perlu memberi keadilan menjaga keharmonian Undang-undang Islam ini dan alhamdulillah beberapa bulan yang lalu, salah satu daripada Enakmen ini telahpun dilaksanakan dan alhamdulillah kita akan teruskan memperkasakan enakmen ini dan kita mengharapkan seluruh Ahli Dewan yang berada di sini mesti menyahut supaya syariat Islam dapat ditegakkan dan peruntukan yang diberikan insyaAllah mencukupi untuk kita meneruskan program-program yang akan dilaksanakan nanti.

Untuk mendapat keberkatan ini ianya perlu dilaksanakan dan melalui penerangan-penerangan dan dakwah. Sebab itulah dalam peruntukan Bajet 2019, bajet untuk memperkasakan syariat Allah ini diberi keutamaan yang besar untuk kita melihat bukan sahaja rakyat biasa tetapi kita juga mengharapkan kita dapat menanamkan suatu tanaman untuk kita mendapatkan modal insan daripada seawalnya sebab itulah kita memperkasakan juga Sekolah-sekolah Agama bermula daripada serendah-rendahnya. Kita mengharapkan bajet yang diberi iaitu dengan terbentuknya Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) yang sekarang ini dimulakan untuk enam kawasan dahulu untuk permulaan dan insyaAllah setiap DUN selepas ini akan kita wujudkan SRIDI ini. Bagi menambahkan lagi untuk Sekolah Menengah insyaAllah setiap kawasan ada satu Sekolah Menengah Islam kerana kita perlu mewujudkan modal insan untuk mengurus tadbir di masa

akan datang. Kita nak melahirkan anak-anak apabila keluar daripada alam pendidikan mereka selepas mereka keluar daripada pusat-pusat pengajian tinggi, kita nak melahirkan kalau ianya aliran doktor kita nak mereka faham tentang Al-Quran, doktor yang faham Al-Quran, *engineer* yang faham Al-Quran, arkitek yang faham Al-Quran, akauntan yang faham Al-Quran dan pelbagai bidang lain lagi supaya apabila mereka mendapat pengajian Al-Quran seawal mungkin insyaAllah Negeri Terengganu akan terus maju, berkat dan sejahtera dengan kita meletakkan Islam di hadapan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya hanya ambil daripada empat ini, saya ambil satu sahaja lagi berkaitan dengan teras kebajikan. Alhamdulillah, nampaknya Bajet Berimbang tahun ini banyak memberi peruntukan untuk kebajikan rakyat. Untuk mensejahterakan hidup rakyat, yang pertama ialah dengan peruntukan RM1 juta diberi peruntukan kepada Program Hari Keluarga Peringkat DUN. Tujuannya ialah untuk kita rapatkan silaturahhim di kalangan ahli-ahli masyarakat dalam DUN-DUN berkenaan. Kita ada 32 DUN dan dalam DUN kita ada pelbagai kaum mudah-mudahan dengan peruntukan yang ada dengan program yang direncanakan kita mengharapkan kita dapat menyatupadukan masyarakat yang ada dalam DUN kita.

Yang kedua peruntukan berjumlah RM50 juta untuk bantuan perayaan yang telahpun dimulakan baru-baru ini. Kita ada tambahan daripada senarai yang sedia ada kita buka untuk tambahan kepada penerima-penerima yang layak tetapi tidak mendapat peluang ini dan telahpun kita buka dan alhamdulillah kali ini kita peruntukan RM50 juta untuk bantuan raya dengan setiap orang mendapat RM200.

Yang ketiga, kita tidak lupa kebajikan kakitangan yang senatiasa memberi khidmat yang baik untuk melihat Negeri Terengganu ini maju, berkat dan sejahtera. Jadi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah memperuntukan RM1.5 juta untuk kita binakan pusat-pusat nurseri di jabatan-jabatan Kerajaan Negeri. Ini sebenarnya kita nak menjaga muslihat kakitangan Kerajaan yang mana mempunyai anak-anak dan biasanya kalau tidak ada nurseri yang berdekatan menyulitkan mereka untuk menghantarkan anak-anak mereka, menyebabkan berlaku kelewatan datang

ataupun awal pulang. Dan ini merupakan suatu inisiatif yang baik yang perlu disambut oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang mempunyai anak-anak kecil.

Seterusnya ada juga sumbangan kepada keluarga yang terabai yang berpisah dengan suami, maka diperuntukan peruntukan RM1 juta. Ianya perlu kerana biasanya ibu tunggal terabai ini jarang masyarakat ambil kira mereka. Nak cari masalah, nak menyusahkan mereka ada, tetapi kita memperuntukan RM1 juta untuk ibu-ibu yang terabai ini dan alhamdulillah mudah-mudahan menjadi harapan kepada kita ibu-ibu ini dapat menjaga anak mereka dengan baik dan dapat meyengolahkan anak-anak mereka supaya anak-anak mereka tidak terabai daripada pendidikan.

Seterusnya dalam masa yang singkat ini, okey satu saja lagi, untuk kebajikan anak muda mengikut manifesto yang telah kita janjikan untuk kita memberi Lesen Motosikal Percuma sebanyak RM300. Dan alhamdulillah mudah-mudahan apa yang saya utarakan dalam kesempatan yang sedikit ini mudah-mudahan dapat memberi gambaran kepada masyarakat bahawa kerajaan sekarang ini di bawah kerajaan baru ini sentiasa mengambil kepentingan menjaga kepentingan rakyat jelata.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Habiskan ayat yang terakhir Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya akhiri dengan menyokong Bajet 2019 dan saya memohon menyokong. Wabilahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatulahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Wa'alaikumusalam warahmatulah. Yang Berhormat sekalian saya buka kepada mana-mana Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ucapan Bajet. Sila Yang Berhormat Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Assalamu'alaikum warahmatulahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang

Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Exco Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat sekalian, ketua-ketua jabatan dan seluruh Pemerhati yang hadir pada pagi ini. Alhamdulillah bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas segala kurniaan pemberian yang diberikan oleh Allah kepada kita. Dewan yang mulia ini dapat melihat dan mendengar bagaimana bajet yang saya kira bajet yang besar yang ada pada tahun ini dan sebenarnya ialah satu rahmat yang tidak terhingga kepada rakyat Negeri Terengganu. Dengan penerusan doa kita agar harga minyak dunia terus stabil dan juga pendirian Kerajaan Pusat juga tidak berubah dengan melaksanakan pemberian royalti sebagaimana yang dijanjikan.

Tuan Yang di-Pertua Dewan, rakyat Terengganu lebih kurang 1.2 juta mengharapkan perubahan daripada Kerajaan. Saya mungkin sempat membicarakan beberapa isi perbincangan sahaja dengan kadar yang termampu yang mengambilkira dan ingin menekankan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu harus bergerak ke hadapan mendepani masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh anak-anak muda bukan sahaja di Negeri Terengganu tetapi di seluruh negara. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa kadar pengangguran yang terdapat di Negeri Terengganu adalah di antara 4.2 hingga 4.5 peratus kadar pengangguran yang ada dalam Negeri Terengganu ini, adalah salah satu di antara kadar pengangguran yang besar dan ianya merupakan satu permasalahan yang serius dan dalam bajet kali ini, kita melihat usaha-usaha Kerajaan menampakkan halatuju Kerajaan yang sangat jelas dengan dana-dana yang diperuntukkan kepada belia dan beliawanis. Untuk memposisikan mereka dengan posisi halatuju Kerajaan yang jelas Kerajaan mestilah mewujudkan satu mekanisma kajian ke arah perincian yang tersusun sama ada menggunakan mekanisma yang telah sedia ada ataupun mewujudkan mekanisma yang baru. Ianya bertujuan mendapatkan kadar keperluan sebenar negeri dalam semua sektor dan industri ianya memerlukan satu kajian agar sumber manusia yang kita lahirkan daripada kursus-kursus, daripada bajet yang dibentangkan itu supaya ianya memenuhi keperluan semasa Kerajaan Negeri dan ianya tidak menjadi satu lambakan sumber manusia yang dilahirkan daripada kursus-kursus yang ditawarkan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya kajian yang terperinci ini dapat dilahirkan dapat diwujudkan berkemungkinan besar peratus pengangguran ini dapat dikurangkan secara peringkat demi peringkat untuk mengisi kekosongan yang ada di semua sektor dan peringkat. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bila mana kita lihat bagaimana masyarakat kita, menjadi suatu ikutan bila mana di setengah-setengah tempat itulah orang buka kedai runcit sebagai contoh, kedai runcitnya berjaya maka akan tumbuhlah kedai-kedai runcit yang berhampiran dengan kedai tersebut. Begitu juga dengan bidang pelajaran, bidang kursus-kursus yang tertentu menjadi *trend* ikutan mengikut kawan-kawan mereka sebaya bukan melalui keperluan kerajaan yang telah menetapkan berapa keperluan sebenar pada bidang-bidang tertentu.

Manakala negara-negara maju kita melihat bagaimana bukan sahaja keperluan-keperluan teknikal yang penting kalau kata *engineering* berapa orang yang diperlukan, akautan berapa orang yang diperlukan dalam masa setahun dalam masa tahun tersebut bahkan sehingga kepada tukang gunting, kepada tukang masak kepada mekanik semuanya ada peratusan-peratusan yang *specific* dengan izin, supaya Kerajaan tidak membazirkan sumber manusia yang dilahirkan daripada bajet-bajet yang telah kita sediakan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, di sana kita melihat suatu kebimbangan bilamana kejatuhan harga komoditi getah dan sawit yang tidak seimbang yang berikan suatu kesan yang sangat negatif kepada kehidupan bukan sahaja kehidupan petani ataupun pengusaha, tetapi memberikan kesan yang sangat besar kepada dunia perniagaan negeri kita. Kita pernah kita menaruh kebimbangan bilamana sawit dan getah ini harganya naik dan turun dengan terlalu drastik. Bilamana kita sebut perkara ini, kita boleh melihat kebun-kebun getah mula naik semak, orang tak nak menoreh lagi tambah-tambah lagi orang-orang yang kita gelarkan dengan MGL, Menoreh Getah Lah. Bukan sahaja laporan yang kita perolehi mereka tidak ada tuntutan getah-getah yang ditoreh kerana sedikit sangat. Nak tuntutan pun nak buat *claim* pun, baru dalam RM70 sekali *claim*. Tetapi bilamana *claim-claim* ini tidak berlaku sebagaimana

yang dijadualkan, maka ianya menambah lagi masalah kepada penoreh-penoreh ini. Apa yang saya nak bangkitkan di sini ini ialah kita dalam erti kata bukan sahaja digalakkan dan diwar-warkan supaya menanam kelapa sawit dan getah untuk dieskport ke luar negara. Keperluan sawit yang kita tahu sekarang ini bagaimana krisis kelapa sawit, minyak kelapa sawit kita kurang dibeli oleh negara-negara luar bukan terhenti setakat itu sahaja tetapi kita melihat bagaimana satu kelompongan yang ada pada kita.

Kita cuba mengeluarkan sesuatu yang diperlukan oleh orang lain tetapi dalam masa yang sama, kita mengabaikan keperluan kita sendiri. Sebagai contoh yang kita lihat bagaimana keperluan makanan, keperluan-keperluan yang kita sebut sebagai *Food Security* kita sebagaimana yang dibangkitkan oleh Pengkalan Berangan dalam soalan berkenaan dengan beras yang tidak mencukupi. Bagaimana yang kita boleh letakkan di sana suatu statistik ataupun kita buat satu rangka bagaimana keperluan asasi kita ini perlu dirancang dan perlu dirangka untuk kita mendapat statistik keperluan sebenar.

Berapa padi kita perlu tanam, berapa ekar, berapa ekar timun kita kena perlu tanam, segala keperluan ini hendaklah dibuat satu statistik supaya kita boleh mengarahkan petani-petani kita menanam dan membuat tumpuan kepada perkara-perkara yang perlu supaya tidak berlakunya lambakan dan tidak berlakunya kita mengimport barang daripada orang. Ini kalau kita sebut sebelum daripada ini pun makna kata kita Negeri Terengganu ni bukan sahaja benda-benda besar tetapi kalau kita cakap bab sawi pun makna kata keperluan 4 tan sehari, hak boleh *supply* nya 2 tan sehari daripada rakyat Negeri Terengganu. Itu baru satu benda dan tidak masuk dengan benda-benda yang lain lagi.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, ianya satu benda yang sangat penting kerana bila mana, harga lada meningkat, bila mana harga timun meningkat orang duk tumpu kepada satu benda. Dalam keadaan tidak ada keseimbangan tanam-tanaman ini daripada petani-petani dan tidak ada kawal selia daripada pihak berwajib.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, di samping itu Bajet pada kali ini kita juga melihat bagaimana Kerajaan Negeri yang sebenarnya masih lagi dalam tempoh peralihan yang kita boleh sebutkan sebagai tempoh peralihan yang mana kita sendiri menyaksikan bagaimana Bajet pada kali ini yang sebenarnya 86.58% adalah sesuatu yang kita kata bergantung kepada Terimaan Bukan Hasil. Kalau dengan bahasa yang lain ialah dengan royalti minyak. Jadi oleh kerana itu, jika sekiranya perkara ini berterusan dengan ulasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dua-tiga hari baru-baru ini berkenaan dengan sedikit kebimbangan kita dengan hasil royalti yang mungkin diterima atau mungkin tidak diterima oleh Kerajaan Negeri. Kita perlu mencari satu mekanisme yang lain dan saya juga menyokong perkara yang telah diusul dan yang telah diutarakan oleh Tepoh sebagaimana tadi bahawa Terimaan Bukan Hasil ini sangat membimbangkan kita. Saya juga dapat mencatat sebahagian daripada ucapan pihak Kerajaan berkenaan dengan TSV ataupun kita sebut Terengganu Silica Valley di mana di sana adanya kebimbangan daripada pihak kita yang mendengar ini, Dewan yang mendengar ini tentang kajian sebenar isi bumi Negeri Terengganu yang sebenarnya masih lagi dalam peringkat kajian dan ini adalah sesuatu yang sepatutnya bila mana adanya pelabur bila mana di sana adanya pelaburan-pelaburan atau pihak pelabur yang berminat untuk melabur di dalam industri silika ini, sepatutnya kita di peringkat Kerajaan Negeri ini telah mempunyai suatu mekanisme mengetahui berapakah sebenarnya isi kandungan silika yang sebenar berapa tahun bertahan sebagai contoh.

Jadi oleh kerana itu kita mengharapkan dengan apa yang telah dibentangkan kepada kita ini daripada pihak Kerajaan bahawa bila mana kebergantungan kita kepada hasil royalti ini adalah sesuatu perkara yang sangat menggerunkan kita. Jadi oleh kerana itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bila mana kita memperkatakan tentang Bajet Kerajaan ini, maka di sana perlulah kita mekanismakan supaya ianya menjadi suatu yang benar-benar nyata untuk sama-sama kita rasai keberkatan Maju, Berkat, Sejahtera ini bersama-sama dengan rakyat seluruhnya.

Jadi oleh kerana itu, apa yang pastinya ialah kita juga di sana adanya GLC-GLC yang sepatutnya memberikan pulangan yang baik kepada Kerajaan Negeri dan berperanan dengan peranan yang terbaik dan ia semoga ianya tidak memberi bebanan kepada Kerajaan Negeri pada masa-masa yang akan datang. Oleh kerana itu, saya menyokong Bajet Ucapan Bajet 2019 dan insyaAllah kita berusaha ke arah kebaikan. Terima kasih. Assamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Wa'alaikummussalam warahmatullahi wabarakatuh. Saya persilakan Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini. Sila Yang Berhormat Wakil Kemasik.

YANG BERTHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah rabbil alamin. Wassolatu wassalamu'ala asrofil ambiya iwal mursalin Saidina Muhammadin wa'ala alihi wasohbihi aj ma'in. Robbisy **rohli sodri** wa yassirli amri wahlul ukhdatan minlisani yafqohu qouli. Amma ba'du.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, Pemerhati, muslimin, muslimat yang dirahmati Allah sekalian.

Alhamdulillah pada hari ini kita dapat terus bersama-sama dalam Dewan yang mulia ini dalam memacu Terengganu kepada sebuah negeri Maju, Berkah dan Sejahtera. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan ucapan terima kasih ke atas pembentangan yang ditawarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu dengan segala inisiatif yang ditawarkan pada Bajet 2019 ini. Dengan suatu Bajet yang berimbang, keterlibatan dan komitmen tinggi yang akan diberikan oleh setiap pihak jabatan, agensi dan seluruhnya bagi memastikan kejayaan atas Bajet yang dibentangkan, ini juga didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus kepada perkara sebagaimana yang dibentangkan dalam Bajet oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam. Teras Kedua perencanaan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah berkenaan dengan kemajuan. Teras ini diperkukuhkan dengan 8 strategi pelaksanaan antaranya adalah merencanakan pertumbuhan ekonomi. Sebahagian daripada usaha tersebut adalah termasuk untuk memakmurkan ekonomi negeri. Usaha Kerajaan mengembangkan sumber mineral yang sangat tinggi nilainya kepada Kerajaan Negeri termasuk sumber baharu iaitu silika sangat baik dan sangat dialu-dialukan. Pembangunan kawasan industri baharu yang melibatkan kos sebanyak RM200 juta ini diharap mampu menjana peluang baharu dalam perkembangan ekonomi ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sumber mineral lain termasuk yang telah lama kita bangukan dan telah kita terima faedah yang banyak daripadanya iaitu minyak dan gas juga perlu untuk terus dikembangkan. Sebahagian hasil daripada royalti minyak dan gas ini perlu diperuntukkan kembali ke dalam sektor ini bagi memastikan industri tersebut terus meningkat dan berkembang dengan lebih baik. Peningkatan prasarana dan infrastruktur kawasan industri ini perlu terus dipertingkatkan bagi memangkin perkembangan industri tersebut. Pelaburan-pelaburan baharu perlu dicari dan dikembangkan. Inisiatif baharu dan lebih baik untuk menarik pelabur-pelabur hiliran baharu perlu dirancarkan. Kami percaya usaha ini mampu memberi kesan gandaan kepada perkembangan ekonomi serta memberi manfaat yang baik kepada negeri dan rakyat keseluruhannya. Tuan Yang di-Pertua, usaha berterusan untuk menuntut pihak Petronas dalam memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja serta kontraktor-kontraktor tempatan perlu terus dipergiatkan sebagai contoh yang boleh mungkin saya bawa pada Dewan ini adalah untuk kerja-kerja mahir seperti *drilling rig* dengan izin, perigi-perigi minyak yang baru tiada syarat atau keutamaan diberikan kepada syarikat dan pekerja Terengganu sebaliknya sebagai contoh yang berlaku di Sabah dan Sarawak syarikat-syarikat anak tempatan telah diberi keutamaan dan pengambilan pekerja juga diberi keutamaan kepada rakyat Sabah dan Sarawak sehinggakan untuk kerja-kerja di Terengganu dan Kelantan itu juga

mereka menggunakan syarat dan keutamaan yang sama. Syarikat pembekal tenaga kerja Terengganu dalam bidang sebagai contoh *drilling rig* ini tidak diberi keutamaan walaupun sudah hampir 30 tahun dalam bidang ini. Syarikat-syarikat ataupun kerja-kerja baru yang di*award* mutaakhir ini juga diterima ataupun dilantik kepada kontraktor-kontraktor daripada Sabah dan Sarawak. Dan mereka kontraktor tersebut juga meneruskan inisiatif ataupun keutamaan walaupun kerja di Terengganu dan Kelantan, keutamaan masih tetap diberi kepada pekerja-pekerja dari Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk meningkatkan kapasiti dan lokasi baharu perlu terus dikenalpasti sebagai contoh penambahbaikan prasarana untuk kerja-kerja industri berat dan maritim di muara dan Sungai Kemaman. Kita maklum, muara dan Sungai Kuala Terengganu sekarang lebih menumpu kepada sektor pelancongan. Justeru, penumpuan untuk muara dan Sungai Kemaman menjadi sebagai sebuah hub industri berat minyak dan gas serta maritim perlu terus dipergiatkan. Tumpuan perlu terus diberikan supaya ia mampu memberi impak yang lebih besar terhadap pembangunan industri yang sudah sekian lama bertapak di Negeri Terengganu ini.

Di samping peningkatan dan penumpuan kepada lokasi kerja dan operasi, keperluan untuk meningkatkan kemudahan asas seperti tempat-tempat rekreasi dan sebagainya bagi pekerja-pekerja sektor-sektor tersebut juga perlu dipergiatkan. Sebagai contoh yang mungkin saya boleh bawa dalam Sidang Dewan yang mulia ini adalah Bandar Baru Kerteh. Bandar Baru Kerteh seharusnya diberi wajah baru dan ditambah baik. Usaha lain menyediakan keselesaan dan keadaan yang lebih baik amat diperlukan. Terima kasih atas beberapa tumpuan yang Kerajaan Negeri berikan terhadap peruntukan bagi mempertingkatkan infrastruktur dan kualiti pengurusan bencana negeri supaya menjadi Terengganu berdaya tahan bencana terutama di beberapa lokasi di Kemaman.

Tuan Yang di-Pertua, menjadikan Terengganu sebuah destinasi pelaburan yang mesra pelabur juga merupakan suatu usaha yang sangat dialu-alukan. Kami yakin industri-industri yang telah lama bertapak di Negeri Terengganu

termasuk industri minyak dan gas serta *petrochemical* dan *biopolymer* akan memberi impak yang baik dan dapat terus berkembang. Birokrasi permohonan pelaburan yang dipermudahkan dan mesra pelabur tanpa meminggirkan kepentingan aset dan rakyat Negeri Terengganu juga bakal menyediakan ekosistem yang baik dan mampu menarik kehadiran pelabur-pelabur berskala besar.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Terengganu juga tidak ketinggalan dalam pembangunan ke arah Revolusi Industri 4.0 yang terus berkembang. Usaha Kerajaan untuk mendigitalkan sistem penyampaian Kerajaan akan mampu untuk menjadikan operasinya lebih efisien dan efektif. Program-program untuk meningkatkan kemahiran multimedia, teknologi baharu infrastruktur internet serta memperkasakan inisiatif Terengganu Digital 1303 (TD1303) perlu terus dijalankan. Seterusnya, meluaskan capaian internet percuma kepada rakyat dengan memperkenalkan PINTAR bagi memperkasakan bestari.com keseluruhannya sebanyak 40 lokasi yang sedia ada di seluruh Negeri Terengganu sangat-sangat dialu-alukan. Kelihatan pusat-pusat internet bestari.com yang sedia ada sangat uzur dan saya yakin PINTAR mampu untuk menambahbaik fasiliti tersebut dan seterusnya menjadikan ia suatu *One Stop Centre* dengan izin, bagi aktiviti berasaskan internet yang lebih baik.

Pusat pendidikan dan penyelidikan juga perlu diperkasakan ke arah Industry Revolution 4.0 dengan izin, ini memandangkan I.R. 4.0 ini adalah berkenaan dengan *digitalization and automation of the system* dengan izin, institusi pendidikan teknikal negeri sebagai contoh TATIUC boleh dijadikan sebagai hub robotik dan inovasi terbaik ke arah menjayakan I.R. 4.0 ini.

Saya rasa itu sahaja mungkin daripada saya sekian terima kasih. Tuan Yang Di-Pertua, Kemasik mohon menyokong.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih wakil daripada Kemasik. Saya nampak setakat ni tidak berapa *balance*, senget sebelah. Sebelah ini saja cakup. Saya takut nanti kalau masa esok terkejar-kejar takut tak sempat nak

bercakap. Yang Berhormat daripada sebelah kiri saya nak bercakap untuk ambil bahagian dalam perbahasan bajet ini. Sila, sila Yang Berhormat Wakil Kuala Besut.

YANG BERTHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahillazi la yadurru ma'asmih syaiun fil ardhi wala fis sama'ie wahuas samiul `alim. Rabbisy rohli sadri wayasirli amri wahlul uqdatan minlisani yafqauhu qauli. Amin. Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Ucapan Bajet yang telah disampaikan oleh Yang Amat Menteri Besar kelmarin.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, pegawai-pegawai kerajaan dan seterusnya sidang Pemerhati, dan tuan-tuan, dan puan-puan yang saya hormati dan kasihi sekalian.

Merujuk kepada Buku Bajet 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kalau kita tengok dalam buku bajet tersebut saya bercerita teruslah ni. Sebelum pada itu, Tuan Yang di-Pertua saya nak rujuk yang ini dahulu Penyata Rasmi yang baru sahaja diedarkan sementara saya teringat ni. Muka surat 103 Penyata Rasmi. Hijau molek buku. 103 yang mana saya ingin mencadangkan kepada Dewan buat pembetulan sikit. Muka surat 107 minta maaf. Okey perenggan yang kedua muka surat 107 Tuan Yang Di-Pertua, ayat yang terakhir dalam perenggan yang ketiga perwakilan dalam Washington Youth Congress di St. Petersburg Rusia nanti. Yang saya sebut waktu Sidang yang lalu iaitu perwakilan dalam Rosatom Youth Congress di St. Petersburg. Rosatom nama tempat di St. Petersburg di Rusia. Berasa takut benda ini kalau saya tak perbetulkan jadi maksud lain sebab ia merupakan Penyata Rasmi dan juga *handsard* yang akan digunakan untuk pada masa yang akan datang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Maksud Yang Berhormat berdasarkan apa yang diucapkanlah. Mungkin lidah Yang Berhormat pada masa itu tidak berapa tepat kot.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Hor, mungkin ada itu sikit.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Okey teruskan, teruskan.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Baik terima kasih. Sebab ia tempat yang berlainan Yang di-Pertua. Okey saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana kalau merujuk kepada muka surat 38, buku bajet ia ada menyentuh tentang subsektor pelancongan iaitu pelancongan berasaskan sukan iaitu *Sports Tourism*. Saya ingin menyuarakan suara-suara, penggemar-penggemar dan juga peminat-peminat sukan. Mungkin bukan sukan teras tapi sukan ini mula digemari di Terengganu khususnya melibatkan pelajar-pelajar sekolah iaitu sukan kriket. Kalau kita tengok di India, di Bangladesh, di Sri Lanka, di Australia, di Afrika Selatan dan banyak lagi negara-negara lain. Dan kalau tengok dalam Astro pun, sukan kriket ini amat popular sekali. Dan sukan ini walaupun bukan sukan teras saya juga ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan melalui Portfolio Sukan dan juga boleh bekerjasama dengan Portfolio Pelancongan supaya boleh memperkasakan lagi sukan kriket khususnya kita di Negeri Terengganu. Sepertimana negara-negara jiran kita dan juga negeri-negeri jiran kita menganjurkan sukan kriket sebelas sebelah ataupun enam sebelah, *six side* dan *eleven side* boleh menarik pelancong-pelancong dan juga pemain-pemain mari main di Negeri Terengganu sekaligus peminat-peminat, penyokong-penyokong dan juga pemain-pemain bukan sahaja daripada negeri-negeri lain tapi juga daripada negara-negara lain boleh mari melancong di negara kita.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat pandai tak main kriket ini?

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Bolehlah hodoh-hodoh. Ini kerana pada minggu lepas saya sempat menghadiri Kejohanan MCA MOE Championship School di Kinrara Over di Kuala Lumpur. Ataupun Bahasa Melayunya Kejohanan Adiwira untuk pelajar-pelajar sekolah rendah kita iaitu pelajar-pelajar bawah 12 tahun. Dan kita dapat lihat bahawa *skill* dan juga kemahiran yang ada pada pelajar-pelajar kita di sekolah di Negeri Terengganu ini. Sebab itu kita terima kasih kepada pihak JPN, kepada pihak MSN, kerana sentiasa memberi galakan kepada pemain-pemain kriket khususnya melibatkan pelajar-pelajar sekolah.

Pada kejohanan yang lepas pelajar daripada Sekolah Kebangsaan Kertih untuk makluman telah berjaya masuk ke *semi final*. Yang mana telah berjaya mengalahkan sekolah-sekolah yang dikira gergasi dalam sukan kriket daripada Pulau Pinang, daripada Kuala Lumpur dan juga daripada Selangor. Dan kita rasa sayang sekiranya sukan kriket ini kalau kita tidak membuat satu kesinambungan khususnya apabila pelajar-pelajar ini meningkat kepada sekolah menengah dan juga lepasan sekolah. Itu kategori lelaki dan juga kategori wanita pun ada juga. Pakaiannya tutup aurat, pakai tudung, seluar panjang belaka dan main dengan penuh sopan. Pemain-pemain sukan kriket perempuan bawah 12 tahun pula diwakili oleh pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Nail Kuala Besut. Itu yang nak khabornya. Dan juga telah berjaya mendapat Naib Johan Plate. Walau pun berlatih dalam tempoh kurang daripada sebulan tetapi juga telah menempa nama di peringkat kebangsaan. *Alright*, itu berkenaan sukan kriket. Kalau boleh kita perkasakan lagi sukan kriket di Terengganu dan sekaligus kita menjadikan sukan kriket sebagai salah satu lagi elemen dalam *Sports Tourism* ataupun sukan berasaskan pelancongan.

Perkara yang kedua Tuan Yang Di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu berkenaan untuk memperkasakan dan juga membantu nelayan-nelayan dari segi pembinaan lebih banyak lagi tukun-tukun tiruan dan juga *cold storage*. Dan semalam saya ada bertanyakan dalam soalan tambahan berkenaan kepada Yang Berhormat EXCO iaitu berapakah jumlah berat tukun tiruan yang

diperturunkan dan apabila saya menanyakan soalan yang sebegitu rupa sebenarnya jumlah berat itu memberi *reflect* ataupun memberi secara tidak langsung dan juga langsung kepada saiz tukun tiruan yang kita daratkan, yang kita labuhkan atau pun yang akan kita labuhkan nanti. Ini kerana kalau kita boleh labuhkan tukun tiruan yang bersaiz ataupun yang mempunyai berat 12 tan dan mungkin ke atas, ianya menjadi igauan ngeri ataupun mimpi ngeri kepada bot-bot pelancong asing dan juga nelayan-nelayan asing. Kadang-kadang ada juga yang duduk atas bot kita ini. Kerana apabila tukun tiruan yang mempunyai berat dia 12 tan ke atas dan saiz dia besar, dia boleh meranapkan pukuk-pukuk *kokok*, pukuk tunda yang dikuasai oleh bot-bot asing dan sekaligus boleh menjadi benteng pertahanan bukan sahaja dari segi rumah-rumah ikan, bukan sahaja dari segi jumlah kehidupan marin yang ada di kawasan Perairan Antarabangsa kita tapi juga boleh menjaga perbatasan yang ada di kawasan kita. Dan sekiranya tukun tiruan yang sebesar yang saya maklumkan itu, bukan sahaja menjadikan berita gembira kepada nelayan, tapi saya yakin menjadikan berita gembira juga kepada pihak-pihak keselamatan yang menjaga pertahanan di Perairan Antarabangsa kita seperti Maritim dan sebagainya.

Tuan di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana meneruskan Projek Kuala Besut Square yang memberi manfaat kepada penduduk sekitar Kuala Besut khususnya yang berada di dalam Mukim Kuala Besut kerana saban tahun walaupun ekonomi kita di peringkat global menguncup, walaupun pertumbuhan ekonomi kita tidak mencapai suatu yang positif, tapi kehadiran pelancong ke Pulau Perhentian melalui Jeti Kuala Besut masih lagi dalam keadaan yang stabil. Sebab itu kita memerlukan infrastruktur yang lebih efisien lagi di Kuala Besut agar pelancong-pelancong yang datang membawa limpahan ekonomi ke Negeri Terengganu kita secara amnya akan memberi kesan yang sangat positif kepada penduduk dan juga kepada Negeri Terengganu yang kita sayangi ini.

Tuan di-Pertua, rujuk pula kepada muka surat 18 Buku Bajet, yang mana pihak kerajaan juga meneruskan kesinambungan kerajaan terdahulu iaitu

memperkasakan masjid dan surau, seperti yang termaktub dalam prinsip TTB, lapan prinsip TTB yang digagaskan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang terdahulu. Cuma saya di Kuala Besut, saya menerima rintihan, khususnya daripada penduduk di kawasan Kampung Gong Surau kerana masjid yang ada yang telah berusia lama dah tu dan struktur bumbung

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Lalan Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Masa merah dah nak habis dah tu.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Banyak lagi tu.... banyak lagi.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Tak apa biar pihak Kerajaan yang gulung, nanti tunggu jadi kerajaan nantilah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya bukan nak gulung, nak tanya jer.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Tak apa nak habis dah tu, nanti Speaker akan bagikan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Dia tak bagi lalan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Hor, mana dah satning? Masjid dan surau. Jadi masjid di Kampung Gong Surau memerlukan pembaikan atau penstabilan khususnya struktur bumbung kerana apabila kita melawat baru-baru ini, struktur itu semakin lama semakin uzur, dan menjadi perkara yang sangat tidak elok, khususnya kita ni Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan pun boleh dikatakan orang Islam belaka ni, kerajaan pun Kerajaan Islam kalau berlaku kejadian yang tidak kita

ingini. Jadi marilah kita elak perkara yang kita tidak ingini itu jangan berlaku runtuh ke apa ke supaya kita baik pulih segera masjid tersebut.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Boleh beri laluan sikit?

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Tak apa, kita bagi peluang sikit lagi.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, dia tak beri laluan.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Perkara yang berikutnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya suka mendengar perkara yang disebutkan oleh Menteri Besar. Okey, muka surat 50, perkara 112: Kerajaan Negeri juga akan memperkukuhkan budaya politik matang dan sejahtera dalam Pentadbiran Negeri bagi memastikan penstabilan politik di negeri ini. Paradigma dan pemikiran yang sewajarnya ditingkatkan bagi memajukan Negeri dan Menteri Besar beritahu, tinggalkanlah budaya politik berbalah yang tidak berkesudahan barulah politik kasih sayang yang menguntungkan kita semua untuk menyelesaikan masalah rakyat dan membina negeri kita. Dan apabila merujuk pada frasa tersebut, suka saya ingin membawa ke pengetahuan Dewan yang mulia ini, kerana saya juga dihujani dan didatangi oleh ramai penduduk-penduduk yang telah menduduki Rumah Mampu Milik. Saya rasa dalam *facebook* pun ada keluar jugak ni. Rumah Mampu Milik kita di Kuala Besut, kita ada rumah mampu milik di Gong Tengah dan juga Rumah Pangsa Mampu Milik di Mengabang Besar, yang mana mereka ni mendapat notis menyuruh keluar dengan segera sedangkan ada dalam kalangan mereka ni adalah golongan orang-orang bawah lagi dari B40, ada yang kerja nelayan, ada yang keluar ke laut dengan menyertai bot nelayan laut dalam. Kadang-kadang tiga minggu tak balik, kadang-kadang berlabuh di Kuala Besut, kadang-kadang berlabuh di Tanjung Lumpur, kadang-kadang berlabuh di Sedili, kadang-kadang berlabuh di Kuala Pahang, kadang-kadang sebulan tak balik lagi. Dan apabila mereka ni mendapat notis supaya mengosongkan rumah dengan segera sudah tentulah

menjadi berita yang sangat menyedihkan kepada mereka kerana nak mendapatkan rumah ini bukannya mudah. Dan untuk mendapatkan rumah tersebut proses temuduga, proses tapisan yang dilaksanakan oleh jabatan amat-amat ketat sekali. Jadi, saya mohonlah supaya pada pihak kerajaan selaras dengan yang disebutkan oleh pihak kerajaan tinggalkanlah budaya politik berbalah ni... kalau boleh, bukan *level* atas jer ni, sampai ke akar umbi tinggalkanlah budaya politik berbalah ini dan dengarlah keluhan, berilah peluang kepada rakyat kita memberi luahan dan juga berilah mereka supaya ruang-ruang mereka dapat kita dengari kita sebagai kerajaan supaya mereka ini dapat menikmati apa dia nikmat yang telah...

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Boleh berikan penjelasan sedikit. Kuala Besut nak minta penjelasan boleh?

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Ooo.. kerajaan boleh.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Haa ... Kerajaan ni. Kuala Besut kata tadi ada yang ditarik balik rumah kerana kelaut dalam. Kalau boleh nak minta maklumat tu biar tepat. Ada dakwaan tu kadang-kadang bila kita siasat, ceritanya lain. Nanti bagi ke saya, kita boleh rundinglah apa yang sebenarnya yang berlaku.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Okey *alright*. Okey. Saya rasa itu sahaja daripada saya Tuan Yang di-Pertua, dan marilah sekali lagi, kali ketiga ni, saya harapkan supaya slogan ataupun orang panggil impian yang diimpikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat kita selaraskan bukan sahaja di atas ni tapi sampai ke akar umbi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Besut masa masih ada lagi sebenarnya. Kalau nak layan yang pencelahan pun tak ada masalah terpuang pada Yang Berhormat. Saya minta seorang lagi,

sebelum kita tangguh Persidangan pada tengah hari ni. Saya minta seorang lagi. Sila.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih):
Assalamu'alaikum

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila Wakil Air Putih.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih):
Assalamu'alaikum warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah rabbil 'alamin.
Wassala tu wassala mu `ala asyrofil anbiya iwal mursalin Saidina
Muhammaddin wa'ala alihi wassohbihi ajmain. Rabbisy rahli sadri wayasirli
amri wahlul ukhdatan minlisani yafqohu qouli. Ammaba'd.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar,
Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan serta para Pemerhati
sekalian. Alhamdulillah syukur kepada Allah Ta'ala pada hari ini kita sama-
sama berada dalam Dewan ini buat hari yang kedua bagi membahaskan
Pembetangan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar, pada semalam.

Bajet Negeri Terengganu pada 2019, dengan tema Negeri Berkat Rakyat
Sejahtera telah selesai dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri
Besar dan ianya merupakan suatu Bajet yang dijangka dapat menjana
kehidupan, yang selesa dan harmoni di kalangan masyarakat. Empat teras
yang penting iaitu keberkatan, kemajuan, kebajikan dan kecekapan
merupakan tunggak Bajet yang memperuntukan sejumlah RM2.05 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Bajet ini saya merujuk kepada teras yang ketiga
iaitu kebajikan. Kebajikan merupakan suatu keperluan yang melibatkan makan
minum, pakaian dan tempat tinggal iaitu rumah kediaman. Perkara-perkara
asas yang sebegini dapat menjamin kehidupan yang sejahtera di samping
faktor-faktor lain. Untuk mencapai maksud ini, sejumlah RM50 juta
diperuntukkan di bawah Projek Perumahan Terengganuku Sejahtera dan
Projek Perumahan Mampu Milik. Rumah merupakan keperluan asas idaman

pertama selepas insan berumahtangga dan berkeluarga. Rakyat yang berpendapatan rendah menaruh harapan tinggi kepada pihak kerajaan untuk memiliki rumah di samping lot-lot tanah untuk perumahan. Tidak dapat dinafikan sudah banyak rumah-rumah telah dibina oleh kerajaan melalui SEDC dan juga rumah pemaju perumahan dan sehingga kini masih belum mencukupi nisbah penduduk yang semakin bertambah. Masih ramai rakyat yang berpendapatan rendah dan tidak memiliki rumah sendiri walaupun sudah bekerja dan berumahtangga. Pihak pemaju lebih mementingkan keuntungan yang mengutamakan rumah-rumah yang hanya mampu dilihat yang menjangkau harga RM250 ribu ke atas berbanding dengan Rumah Mampu Milik yang dibina oleh kerajaan. Di sini peranan kerajaan untuk merancang lagi pembinaan Rumah-Rumah Mampu Milik di seluruh daerah khususnya di DUN yang saya wakili yang sekarang sudah tiada lagi rumah-rumah yang mampu diberi kepada rakyat yang layak. Saban hari rakyat yang miskin datang menagih Rumah Mampu Milik. Kita hanya mampu menjawab dengan jawapan yang tidak enak didengar oleh mereka. Hanya bersabarlah sahaja tunggu masa.

Tuan Yang di-Pertua, DUN yang saya wakili sekarang ini tidak mempunyai rumah lagi untuk diberi kepada rakyat yang memerlukan rumah. Saya telah mengambil inisiatif sedikit kajian keperluan Rumah Mampu Milik oleh penduduk di sekitar DUN yang saya wakili DUN Air Putih. Kita telah mengedarkan borang kajian keperluan rumah hampir 4 ribu helai borang kepada MPKK untuk diagihkan kepada mereka yang berkeperluan untuk mendapatkan rumah. Hasil daripada kajian ini sebanyak 1,614 orang penduduk yang berumur 21-30 tahun yang sudah berumahtangga tetapi mereka belum memiliki rumah, dan 1,572 orang berumur 31-40 tahun juga masih belum memiliki rumah.

Kedua, kategori ini menunjukkan seramai 3,186 orang di DUN yang saya wakili masih belum memiliki rumah kediaman. Walaupun mereka sudah lama bekerja dan berumahtangga mereka masih belum mampu memiliki rumah kediaman. Di mana daripada 3,186 itu sebanyak 2,143 responden ini masih lagi tinggal bersama ibu bapa atau mentua, manakala 1,801 orang tinggal di

rumah sewa. Hampir 80% daripada 3,186 orang ini telah memilih untuk mendapatkan Rumah Mampu Milik dan 20% lagi untuk mendapatkan lot-lot tapak kediaman. Manakala dari sudut pendapatan pula 56% atau 2,084 responden berpendapatan RM1,100 sehingga RM2,000 sebulan. 27% iaitu 1,056 responden berpendapatan lebih RM2,000 sebulan. Selebihnya 18% berpendapatan di bawah daripada RM1,000 sebulan. Hasil daripada kajian ini seramai 3,186 orang yang sedang menunggu giliran untuk memiliki Rumah Mampu Milik.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah Kerajaan Islam yang mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat keperluan golongan yang berada pada garis kemiskinan ini perlu diutamakan. Projek-projek perumahan mampu milik hendaklah diperhebatkan di setiap daerah (maksudnya setiap DUN). Kerajaan juga telah membuka kembali ruang, peluang memiliki lot-lot tanah perumahan agar rakyat dapat membina sendiri rumah masing-masing dengan kos yang mereka mampu. Di samping menyediakan satu tabung pinjaman perumahan kepada golongan yang berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Dana Usaha Usahawan Belia Sejahtera yang baru dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat semalam memperuntukkan sebanyak RM2 juta. Peluang ini perlu direbut oleh para belia Terengganu masih banyak tanah yang belum diterokai, beri peluang kepada para belia memajukan tanah dengan tanaman kontang di samping memenuhi permintaan dalam negeri sumber hasil yang menampung keperluan negara. Walaupun diwujudkan perusahaan hiliran sehingga boleh eksport ke luar negara.

Untuk menjayakannya, para belia perlu dibekalkan dengan tiga perkara iaitu modal, ilmu dan bimbingan. Para belia yang berminat untuk menceburi aktiviti ini perlu terlebih dahulu diberi ilmu melalui kursus-kursus kerana tanpa ilmu sesuatu yang diusahakan kemungkinan tidak tercapai, hasil tidak optimum. Dan lebih malang sekali tanpa bimbingan kemungkinan apa yang diusahakan akan berhenti sekerat jalan. Kerajaan perlu mengkaji dan mengambil pengajaran daripada kegagalan projek-projek pertanian yang

dijalankan sebelum ini. Kita tidak mahu masalah itu berulang sehingga hilang keyakinan para belia untuk menceburinya. Sewajarnya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Terengganu berjaya menjadi *role model* dalam bidang pertanian menghasilkan usahawan-usahawan tani di kalangan belia yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan infrastruktur sedang berjalan di DUN Air Putih di mana projek menaik taraf jalan bermula Exit Chukai daripada LPT 2 ke Bandar Chukai dan ke Air Putih. Projek naik taraf ini ianya melibatkan pengambilan tanah milik dan sebagainya melibatkan rumah kediaman rakyat dan tanah kerajaan Kampung Pasir Gajah. Lebih kurang 70 buah rumah yang terlibat dengan naik taraf jalan ini berada dalam tanah kerajaan. Mereka mendiami rumah ini sudah lama dan hampir 60 tahun. Hasil daripada tinjauan kita rata-rata mereka yang terlibat ini menyatakan pihak kerajaan yang terdahulu membenarkan mereka membina rumah di atas tanah tersebut. Keadaan ini menyulitkan disebabkan jika perubahan rumah kediaman hendak dilakukan dan tidak dibayar apa-apa bayaran pampasan kepada mereka sudah tentu rakyat akan memprotes. Saya merasa amatlah tidak adil sekiranya rakyat yang tinggal berpuluh-puluh tahun di sini dikehendaki keluar meninggalkan rumah kediaman mereka begitu sahaja. Diharapkan melalui Bajet 2019 yang menelan kos RM2.05 bilion sudi kiranya saya sebagai wakil kawasan ini, pihak kerajaan dapat menyediakan sedikit peruntukan sebagai pampasan atau apa-apa bayaran pun dengan harapan rakyat akan rasa selesa dan harmoni dengan keadaan yang berlaku.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang membentangkan Bajet semalam oleh kerana Air Putih ini satunya kawasan yang sinonim dengan banjir berlaku, jadi Kerajaan Negeri juga akan membina Pusat Pemindahan Banjir di kampung Seberang Tayor. Terima kasih sekali lagi saya mewakili penduduk DUN saya, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana membina sebuah Pusat Pemindahan Banjir di kampung Seberang Tayor.

Saya kira setakat ini sahajalah sedikit sebanyak yang saya sebutkan di sini. Akhir kata saya mohon menyokong Bajet 2019. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTAMBAH HORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Bertambah Hormat Wakil Air Putih. Alhamdulillah kita telah selesai daripada rehat tadi 6 orang ahli Yang Bertambah Hormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan Ucapan Bajet 2019 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Bertambah Hormat Menteri Besar kelmarin. Kita akan sambung selepas daripada rehat nanti.

Sebelum pada itu di meja Yang Bertambah Hormat ada satu surat jemputan daripada Yang Amat Bertambah Hormat Menteri Besar untuk mempersilakan semua Ahli Yang Bertambah Hormat ke Majlis Jamuan Makan Tengah Hari di Damai Lounge dan sementara pegawai-pegawai di tempat yang biasa disediakan iaitu di Perkarangan U2. Dan sebelum daripada itu saya nak sebutkan juga kepada Ahli Yang Bertambah Hormat sebenarnya dari segi perancangan masa yang saya buat sepatutnya kita mempunyai masa yang mencukupi dan sememangnya saya nak tengok semua Ahli Yang Bertambah Hormat terlibat dalam perbincangan Ucapan Belanjawan ini dan saya harap jangan ambil masa yang lama untuk masing-masing tengok siapa dulu yang hendak berucap. Ada peluang terus ambil bahagian.

Yang Amat Bertambah Hormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Bertambah Hormat sekalian, saya tangguh sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 2.30 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.50 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarokatuh. Yang Amat Bert hormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Bert hormat sekalian, mesyuarat di sambung semula. Perbincangan Bajet 2019 diteruskan, cuma sebelum saya jemput mana-mana Ahli Yang Bert hormat yang ingin bercakap, saya hendak tahu berapa ramai yang hendak bercakap hari ini, sila angkat tangan. Okey. Saya persilakan Yang Bert hormat Wakil Bandar untuk memulakan Ucapan Perbincangan Bajet pada petang ini, dipersilakan.

YANG BERTHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarokatuh. Alhamdulillahibini'matihi tatimussaliha, asyhadu alla ila haillallah wahdahulaa syarikalah, wa asyhadu anna Muhammadan abduhu warasuluh. Allahummasollim wasollim a'ala habiibina wa syafi'na wazuhrina Muhammad wa'ala alihi wasohbihi wataabiin na lakum bi ihsani ila yaumiddin. Amma ba'. Terima kasih Yang Bert hormat Tuan Speaker, Yang Amat Bert hormat Menteri Besar, Yang Bert hormat Exco-Exco, Ahli -ahli Yang Bert hormat, pegawai-pegawai seterusnya Pemerhati yang dikasihi sekalian.

Saya mulakan ucapan pada petang ini dengan membaca Surah Al-'Asr:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَالْعَصْرِ
إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ
إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ

Yang bermaksud: "Demi masa sesungguhnya manusia itu pasti berada dalam kerugian. Melainkan orang-orang yang beriman dan orang yang beramal solih, yang saling berpesan dengan kebenaran dan berpesan dengan kesabaran."

Saya mengambil peluang pada petang ini, dalam Majlis Dewan yang mulia ini untuk sama-sama membicarakan tentang Bajet 2019. Yang Berhormat Speaker, kita sama-sama bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan kurnia yang telah dikurniakan kepada kita sehingga kita dapat bersama-sama pada petang ini. Ucapan ulung tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dr. Ahmad Samsuri yang telah membentangkan Bajet 2019.

Perkara yang pertama yang saya ingin tekankan daripada Bajet yang disifatkan sebagai Bajet Seimbang yang mana pendapatan bersamaan dengan perbelanjaan yang melibatkan jumlah RM2.015 bilion. Ini menggambarkan keupayaan dan kesungguhan pihak kerajaan dalam memastikan negeri kita Terengganu Darul Iman menuju objektifnya maju, berkat dan sejahtera.

Yang Berhormat Speaker

YANG BERTUA: Saya tegur sedikit, di Terengganu penggunaan rasmi bukan Speaker, Yang di-Pertua Dewan. Sesetengah-tengah negeri dia guna istilah Speaker, Ahli Berhormat pun guna Speaker. Kita di Terengganu, Yang di-Pertua Dewan.

YANG BERTUA AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Terima kasih Yang di-Pertua Dewan. Yang di-Pertua Dewan, Bajet yang berasaskan

kepada kepentingan dan keperluan bersandar kepada pendapat dan cadangan daripada 2,260 yang melibatkan aspirasi semua peringkat. Daripada pegawai tinggi sehingga kepada rakyat, saya amat yakin dan percaya Bajet yang seperti ini akan dapat memacu negeri kita ke arah yang lebih baik di masa yang akan datang. Bukan senang untuk kita membuat suatu Bajet yang boleh menyentuh seluruh lapisan masyarakat. Kali ini saya melihat Bajet ini memang benar-benar menyentuh semua segmen dan semua lapisan masyarakat.

Dan di antara perkara yang amat menarik ialah berhubung dengan empat teras yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat di dalam perbentangan Bajet pada pagi kelmarin. Di antara yang disebut teras keberkatan, kemudian kemajuan, kemudian kebajikan dan kecekapan. Saya yakin mana-mana negeri ataupun negara, teras yang kedua dan ketiga serta yang keempat memang sudah tidak asing iaitu memastikan negara ataupun negerinya maju, kebajikan rakyatnya terjamin, kecekapan jentera kerajaan di dalam menyampaikan hasrat untuk menjadikan negeri ataupun negaranya sebuah negara atau negeri yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan tidak bererti sekiranya hanya sebahagian rakyat yang kecapai. Kita mahu melihat kemajuan yang kita bina ini dikecapi oleh semua peringkat masyarakat. Sehingga rakyat merasa hidup di dalam negeri-negeri kita ini, Negeri Terengganu Darul Iman ini benar-benar memberi suatu keadaan yang selesa, sejahtera. Begitu juga unsur teras kebajikan yang diutarakan dalam Bajet ini perlu sampai kepada sasaran, kepada mereka yang memerlukan dan sasaran yang dikenalpasti hendaklah kita pantau. Sekiranya kebajikan itu tidak beralir dengan cara yang betul maka kebajikan hanyalah tinggal kebajikan. Saya amat yakin dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat serta pegawai-pegawai yang berada di belakang pentadbiran dapat memastikan kebajikan akan sampai kepada sasaran.

Seterusnya, berhubung dengan teras kecekapan juga disentuh supaya kerajaan kita kali ini benar-benar memaksimumkan tenaga, kepandaian dan kepakaran, meletakkan sesuatu pada tempatnya. Andai kata kepakaran yang ada ini tidak diletak pada tempat yang betul maka kecekapan seseorang itu

tidak dapat diguna. Yang Berhormat Tuan Speaker, yang paling saya agak tertarik iaitu teras yang pertama iaitu keberkatan. Walaupun mungkin negeri lain ada menyebut tetapi tidak menjadikannya teras.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, keberkatan selalu kita ungkap dan memang kita orang Islam khususnya amat-amat memerlukan keberkatan dan keberkatan itu tidak akan datang melainkan dengan kerja yang betul dan betul itu hanya datang daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Tuan Speaker, Tuan Yang di-Pertua, selalu dok ingat, ringkas etek. Sepertimana yang telah disebut di awal-awal Ucapan Bajet, Yang Amat Berhormat membaca ayat yang bermaksud:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

"Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri, beriman dan bertaqwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka, berkah dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami siksa mereka, disebabkan perbuatan-nya." Keberkatan yang disebut ada dua syarat iaitu memerlukan kepada orang yang bertakwa dan juga orang yang beriman, dua syarat, *aamanu wataqau*, beriman dan bertakwa, adalah menjadi satu tanggungjawab kita bersama untuk memastikan kerajaan yang kita dukung ini berada di atas landasan beriman dan bertakwa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan berhubung dengan apa yang ditekankan oleh Yang Amat Berhormat di dalam pembentangan Bajet berhubung dengan infrastruktur dan kebajikan. Kita melihat di dalam Bajet 2019 ini penekanan yang amat jelas untuk memastikan infra kita dan kebajikan kita berada ditahap yang tinggi. Mana mungkin kita mencapai kemajuan kalau sekiranya infra kita tidak sempurna. Oleh kerana itulah, kerajaan dan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat serta barisan EXCO memastikan infra ini perlu berada di tahap yang benar-benar mencapai kepada permintaan bukan sahaja untuk kita rakyat Negeri Terengganu tetapi juga untuk memastikan pelabur-pelabur asing datang ke negeri kita ini dan mereka merasa senang, selesa kerana mempunyai infrastruktur yang lengkap, yang menggalakkan kepada pelaburan mereka.

Tuan Yang di-Pertua begitu juga kebajikan, kebajikan yang kita nak sampaikan kepada rakyat semestinya sampai kepada sasaran, saya melihat sekiranya kita berganding bahu dan berkerjasama, insyaAllah kebajikan dapat disalurkan dengan cara yang betul. Sepanjang enam bulan Kerajaan Baru memerintah, melalui Yang Berhormat, melalui MPKK, kita turun kampung, kita masuk lorong-lorong, kita pastikan jalan-jalan yang tidak sempurna, kita sempurnakan, kita baiki, kita adakan. Begitu juga rumah-rumah yang hampir tumbang, walaupun mungkin orang kata orang bandar ni senang tetapi tak sebegitu rupa. Masih banyak lagi rumah-rumah yang perlu kita baiki yang perlu kita bantu. Ini yang kita nak capai dan kita selama enam bulan ini kita berusaha keras memastikan golongan-golongan yang perlu dibantu ini dapat dibantu. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kebajikan ini dapat disalurkan dengan cara yang baik, insyaAllah motto ataupun objektif kita untuk menjadikan negeri kita sejahtera akan tercapai.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang permasalahan rumah seperti mana sahabat saya ADUN Air Putih merintih merayu. Masalah rumah ini bukan masalah baru, ia merupakan masalah yang sekian lama yang kita perlu tangani secara serius. Saya masih ingat lagi pada kali yang pertama Sidang Dewan kita bersidang, saya pernah menegaskan dengan secara serius masalah rumah untuk rakyat perlu diutamakan. Saya berterima kasih bagi pihak Bandar dan rakan-rakan Yang Berhormat dengan peruntukan sebanyak RM50 juta yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, peruntukan untuk Projek Perumahan Terengganu Sejahtera dan Rumah Mampu Milik. Yang di-Pertua, seingat saya angka mereka yang memerlukan rumah yang sudah mendaftar *online* tidak kurang daripada 100,000, begitu serius rakyat memerlukan rumah. Oleh yang demikian, RM50 juta ini perlu diguna dengan cara yang betul-betul efisien bagi memastikan mereka ataupun rakyat yang memerlukan rumah ini tercapai.

Saya juga rasa tertarik dengan apa yang diungkap ataupun disebut oleh Yang Berhormat Kuala Besut berhubung dengan beberapa insiden termasuk

penarikan. InsyaAllah dibawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dan barisan EXCO, kita akan melaksanakan kerja-kerja, tugas-tugas kita tanpa ada lagi perasaan dendam kesumat dan inilah yang kita dokong sekarang. Mungkin di sana ada maklumat yang tidak berapa lengkap, yang perlu kita sama-sama teliti. Mungkin yang datang kepada Yang Berhormat Kuala Besut dia lain sikit, yang datang kepada Yang Berhormat EXCO kita berlainan. InsyaAllah saya rasa Yang Berhormat EXCO akan memastikan mereka yang patut diberi perlu diberi dan pada mereka yang tidak perlu, kita tidak perlu beri. Ada beberapa insiden yang saya sendiri berhadapan dan maklumat yang kita terima berkait dengan rumah, yang dah ada dua tiga rumah tapi dapat lagi. Ini menghalang orang-orang yang memang benar-benar perlu. InsyaAllah saya yakin di bawah Kerajaan yang ada sekarang, dibantu oleh pegawai-pegawai kita, kita akan beri hak kepada yang memang berhak dan mereka yang tak perlu kalau boleh secara sukarela menyerahkan hak mereka. Ini di antara perkara yang penting bagi memastikan keadilan dapat kita terima.

Yang Berhormat Yang di-Pertua

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Ringkaskan lah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Tidak ada apa lagi yang saya nak panjangkan, apa yang penting satu lagi ialah, saya juga agak tertarik juga dengan agenda memperkasakan Islam dengan program-program yang diatur. Saya ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pembentangan yang melengkapkan segala sudut dan mencakupi seluruh segmen serta boleh dirasai oleh semua peringkat rakyat. Ikan kembung, ikan selayang, sebab kelmarin sebut ikan selayang, manakan sama si ikan sembilang, Bajet ini Bajet Berimbang, semoga Allah Subhanahu Wata'ala perkenankan.[Tepuk Sokongan]..... Bandar mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Bandar. Kita teruskan Ahli Yang Berhormat, saya kalau boleh macam saya sebut tadilah, dia biar nampak Bajet dah berimbang, cara bercakap tu tidak berimbang. Saya

persilakan Ahli Yang Berhormat sebelah kiri saya, sila sebab kalau semua nak bercakap esok jadi *bolo'*.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala Wabarakatuh. Salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan semua sekalilah.

Terima kasih kerana memberi kesempatan pada saya untuk sama-sama membahaskan dalam pembentangan Bajet yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kelmarin. Dan apabila kita dengar angka RM2 bilion, kita rakyat Terengganu merasa gembira kerana rupanya Terengganu masih lagi ada banyak duit. Walau bagaimanapun ialah sebagaimana yang dijanjikan, saya masih ingat dalam Bajet tahun lepas ada parti pembangkang masa tu, Ahli Dewan Undangan Negeri parti pembangkang menyatakan bahawa kalau Barisan Nasional ditumpaskan, Kerajaan Negeri Terengganu bakal mendapat 20% royalti. Okey, jadi kita juga nak tahu setakat mana perundingan dibuat antara Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat berkait dengan janji yang dibuat dalam Dewan semasa pembentangan pada tahun lepas. Dan kita tengok sebagaimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Tepoh dalam ucapan menyokong pagi tadi, Yang Berhormat ada sebut bahawa kita kena berhati-hati kerana memanglah daripada dulu semasa sebelah sana pembangkang pun, kita diberitahu bahawa sumber pendapatan utama kita adalah hasil daripada minyak, daripada royalti minyak. Kita tidak tahu sejauh mana kebenarannya cuma suara-suara rakyat dengar bahawa Kerajaan Terengganu kita hari ini, mendapati kesukaran bukan sahaja untuk nak mendapat 20% tetapi untuk nak dapat 5% itu sendiri. Jadi dengan belanja yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebanyak RM2.015 bilion ini kita kena ambil kira juga andai kata perancangan perolehan itu tidak dapat kita perolehi ataupun tidak dapat kita terima mengikut masa.

Okey, yang kedua, saya juga melihat bahawa pembentangan yang dibuat, banyak perkara-perkara lain yang kecil-kecil yang menjadi kehendak rakyat juga perlu diambil kira kerana hari ini kita dapati harga barang semakin meningkat. Kononnya apabila Barisan Nasional kalah, harga barang akan turun tapi tidak turun juga. Kita tengok peluang-peluang pekerjaan makin tidak banyak, makin tidak ada kita tengok bukan sahaja rakyat yang tidak ada sijil tetapi yang ada sijil juga susah nak dapat

kerja kerana budaya orang Melayu masih lagi nak kepada kerja makan gaji. Masih lagi apa nama ni, nak supaya kerja itu tidak ada risiko. Nak makan gaji, apabila cukup umur pencen masih lagi ada pendapatan. Okey, jadi dengan sebab itu, saya mengharapkan supaya Kerajaan Negeri kena fikir sumber-sumber pekerjaan baru kepada rakyat Terengganu kerana kita tengok hari ini ialah secara tidak langsung, saya dapat perhatikan telah ramai di kalangan belia-belia sendiri telah berjinak-jinak semula dalam sektor pertanian. Dan sebenarnya sektor pertanian ini tidak susah sangat kalau dia belajar sikit, ada modal sikit, setidak-tidaknya boleh menjadi sumber pendapatan mereka daripada mereka tidak ada kerja langsung.

Jadi dengan sebab itu, saya pohonlah supaya di bawah Exco Pertanian ini kena bagi banyak sikit peruntukan kerana saya melihat banyak sebenarnya peluang-peluang pekerjaan yang ada dalam sektor pertanian yang boleh menjadi sumber pekerjaan baru kepada rakyat Terengganu. Okey, dan saya juga melihat ada keperluan-keperluan kecil yang dikehendaki oleh rakyat yang mungkin kita terlepas pandang contohnya kita tengok kepada penternak-penternak lembu. Kepada penternak lembu baru-baru ni mereka menghadapi masalah penyakit kuku dan mulut. Tahun lepas dia ada masalah penyakit hawar berdarah dan penyakit ini masalahnya dibantu oleh Kerajaan melalui ubat pelali yang dibekalkan oleh Kerajaan secara percuma. Tetapi untuk penyakit kuku dan mulut ni, bila tidak ada wabak maka Kerajaan tidak memberi tumpuan untuk nak membantu. Bila saya tanya mereka, mereka kata kosnya tidak besar, satu botol ubat tersebut harganya lebih kurang RM300 jer dan satu botol boleh dipakai untuk 30 ekor kambing, 30 ekor lembu, kambing atau lembu maknanya RM10 jer seekor. Tapi bila saya tanya kepada mereka, mereka kata sebab sumber ini tidak dibekalkan oleh Kerajaan. Maka dia cari sumber ini, ubat ini daripada negara jiran daripada Thailand, yang kita tidak tahu dos dia berapa, kita takut besok-besok ubat ini dah jadi dah lali dah kepada penyakit kuku dan mulut ini. Dan saya tanya dia kata dia tidaklah menyalah kepada Kerajaan kerana dulu Kerajaan telah buat benda ni tapi orang kampung tak rasa serius bila buka ubat ni, dia tidak boleh guna berkali-kali, bila buka kira habis dah. Jadi mungkin pihak Veterinar, pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan rasa tidak ada sambutan maka mungkin bantuan ini dihentikan tetapi hari ini suara daripada mereka, mereka kata bayar pun tak apa kerana dia ada dua jenis yang diperlukan, satunya untuk nak mengubati penyakit kuku dan mulut ni, yang keduanya untuk mencegah, jadi yang diminta oleh mereka adalah untuk mencegah. Yang dibeli di negara sebelah negara jiran adalah untuk mengubati.....

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Minta laluan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Dia dua benda berbeza.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Minta laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey. Sila.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Sila.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, terima kasih ADUN Jertih. Saya nak tanyalah maklumat sikit berkaitan dengan penyakit kuku dan mulut yang dikatakan tadi sebenarnya ia berpunca daripada virus. Jadi pelalian ini hanya untuk virus tertentu sahaja sedangkan di sana ada 7 jenis virus untuk penyakit kuku dan mulut ni. Jadi kalaulah kita cucukpun ataupun membuat pelalian dia tidak keseluruhan dapat diselesaikan, hanya 1 daripada 7 sahaja. Itu sahaja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Yalah dia sebenarnya kaedah yang dibuat oleh Jabatan Haiwan ini sebenarnya telah berjaya kerana ubat yang dibekalkan oleh Pejabat Haiwan apabila disuntik haiwan kita berada dalam kandang yang sama dengan haiwan yang berpenyakit yang tidak dijangkiti. Maknanya ubat kita lagi baguslah tapi dia kata mungkin ianya terlepas pandang, maksud saya nak cerita ini, benda-benda kecil seumpama ini, ada disebut tadi, wakil daripada Bandar, dia kata satu orang dapat dua buah rumah. Saya baru-baru ini ada agihan gerai di Jertih Souq, di bandar Jertih tu, ada gerai peniaga baru siap, kita nak pindah. Ada juga saya dengar cerita tapi kena *checklah* sebab cerita-cerita ini tak boleh pakai sangat. Ada seorang dapat dua kedai, guna dua nama, jadi benda-benda ini benda-benda kecil yang perlu Kerajaan ambil dalam kita nak membelanjakan Bajet Kerajaan ini.

Dan seterusnya saya nak berterima kasihlah kepada Kerajaan kerana dalam Sidang Dewan yang lalu apa yang disuarakan oleh Jertih disambut baik oleh Kuala Berang iaitu berkait dengan Stesen Bas Jertih dan sebenarnya saya tengok pagi tadi tidak berjumpa tapi nasib baik Yang Berhormat Kuala Besut tengok tadi berjumpa ada dilulus di bawah Menteri Besar iaitu sebanyak RM1 juta. Cuma saya terfikir jugak RM1 juta cukup ke tidak cukup. Jadi walau bagaimanapun mungkin ini adalah langkah awal jadi saya terima kasihlah kerana rungutan daripada banyak daerah ini hanya Jertih tidak ada stesen bas lagi. Saya ingat rakyat DUN Kota Putera juga bersuara dalam EXCO itu kerana menggunakan stesen bas yang sama jugak.

Saya juga dapat berita bahawa dua-tiga hari yang lalu Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga turun ke Besut dan ada lawatan iaitu berkait dengan hakisan Sungai Jertih ataupun Sungai Besut sebenarnya, dia ada dua di Jertih, satu Sungai Jertih dan satu lagi Sungai Besut. Yang mana hakisan Sungai Besut, saya rasa kalau banjir besar setahun-dua lagi mungkin ianya akan menjadi masalah kepada Surau Pakistan. Jadi langkah awal telah diambil sebenarnya oleh JPS untuk buat kajian kemungkinan kaedah mana untuk hendak mengatasi perkara tersebut. Tapi mungkin disebabkan oleh kekangan-kekangan kewangan maka projek itu tidak dapat direalisasikan lagi. Jadi saya juga pohon supaya Kerajaan Negeri mengambil kira kerana walaupun ianya merupakan surau dan di sebelah kiri kanannya ada Masjid Hadhari dan juga Masjid Ulul Albab yang tidak jauh tetapi Surau Pakistan ini adalah merupakan satu surau yang agak sinonim dengan Bandar Jertih dan ianya telah lama dan ianya boleh dijadikan satu ikon Bandar Jertih itu sendiri. Dan kalau kita serah tanggungjawab ini kepada Kerajaan Pusat betullah bagi sungai, ianya di bawah tugas dan tanggungjawab Kerajaan Pusat tapi saya serahlah pada Kerajaan Negeri untuk difikirkan bagaimana kaedah untuk mengatasi perkara tersebut.

Dan seterusnya ada juga projek-projek terbengkalai yang dibuat oleh Kerajaan dulu yang adalah mungkin disebabkan masalah kontraktor dan sebagainya yang mana suka saya utarakan dalam Dewan ini yang mana dulu

ada lawatan daripada pucuk pimpinan Federal datang ke Besut ada permohonan daripada kita untuk dapat bajet daripada Federal untuk mendirikan masjid di Kampung Alor Lintah. Bajet yang diluluskan daripada Federal sebenarnya tidak mencukupi jadi Kerajaan Negeri berpendapat bahawa apabila tanah disediakan oleh Kerajaan Negeri maka masjid itu sepenuhnya di bawah tanggungjawab Kerajaan Federal tetapi Kerajaan dulu ambil kira untuk nak mendirikan masjid maka campur-campurlah duit lebih kurang. Tetapi dukacita ada masalah berkait dengan kontraktor, masalah perniagaan dia antara anak beranak dia jadi selepas daripada pilihan raya baru ini, kebetulan projek itu terhenti dan sehingga hari ini terbengkalai. Saya ingat dah lapan bulan, jadi orang ingatkan sebab beralih Kerajaan dia terhenti, jadi saya pohonlah supaya ada perbincangan dibuat antara JPP sebab saya dapat laporan daripada JKR bahawa projek ini telah diangkat semula untuk penilaian di peringkat ibu pejabat dan pihak JPP kata dia ada duit setakat hak baki yang tidak digunakan oleh kontraktor sahaja. Jadi kalau tidak difikir kaedah mana antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat maka saya rasa lamalah penghuni atau penduduk kampung Alor Lintah menggunakan masjid sementara yang sekarang ini kalau saya tunjuk gambar sangat daiflah macam seolah-olahnya sembahyang dalam kotak. Sebab apabila dia pindah tu, kita buat masjid sementara yang mana satu per tiga daripada masjid asal digunakan untuk mendirikan termasuk Solat Jumaat. Jadi kalau tidak ada usaha segera mungkin juga bangunan yang telah didirikan sebahagiannya jugak akan rosak dan akan merugikan Kerajaan juga sebenarnya.

Masa pun tidak panjang, saya ada satu perkara lagi berkait dengan sukan tadi, saya rasa tumpang gembira kerana Kerajaan Baru memulakan inisiatif supaya pakaian sukan menggunakan pakaian mengikut ajaran agama kitalah, hukum-hakam kita yang mana baik lelaki ataupun perempuan dengan menutup aurat. Dan ramai daripada rakan-rakan saya minta tolong tanya, tutup aurat ini bukan sahaja bagi lelaki contohnya bukan sahaja daripada pusat ke lutut, ianya juga kena ambilkira ketat ataupun longgar. Ke lagu mana? Jadi, tak tahulah saya harap supaya usaha yang dibuat, usaha baik yang dibuat oleh Kerajaan Negeri akan berjaya, insyaAllah.

Jadi, saya ingat itu sahaja, terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua. Sekian, Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Jertih. Saya persilakan Yang Berhormat Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, sahabat-sahabat Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam membahaskan Ucapan Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari kelmarin.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, izinkan saya memulakan ucapan saya dengan Firman Allah Subhanahu Wata'ala dari Surah Al-Isyrah' Ayat 30:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ رَبَّكَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَقْدِرُ إِنَّهُ كَانَ بِعِبَادِهِ خَبِيرًا بَصِيرًا

Sadakallahul azim. Yang bermaksud: "Sesungguhnya Tuhanmu melapangkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki dan menyempitkannya, sesungguhnya Dialah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Melihat akan hamba-hambaNya."

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih di atas pembentangan Bajet Berimbang 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri

Besar. Alhamdulillah dengan pembentangan Bajet yang meletakkan empat teras utama iaitu yang pertama ialah berdasarkan kepada keberkatan. Yang kedua kepada kemajuan. Teras yang ketiga ialah kebajikan. Dan teras yang keempat ialah kecekapan.

Alhamdulillah, saya melihat teras-teras yang telah diletakkan dalam Bajet ini merangkumi seluruh segmen yang saya kira menyentuh seluruh lapisan masyarakat di Negeri Terengganu kita ini. Dan saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta kepimpinan Kerajaan Negeri dan seluruh para pendokong Kerajaan kerana dalam tempoh pentadbiran yang sekitar 6 bulan lebih ini, kita telah berjaya melaksanakan manifesto yang telah kita janjikan dalam PRU Keempat Belas yang lalu yang mana 12 daripada 20 manifesto yang kita tawarkan kepada rakyat.

Alhamdulillah, sebahagian daripadanya telahpun dilaksanakan dan insyaAllah pada tahun 2019 sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan melengkapkan manifesto yang kita tawarkan. Yang mana saya melihat dengan 12 manifesto yang telah kita laksanakan ini, kita telah berjaya mencapai 60 peratus dalam tempoh yang saya kira singkat tetapi alhamdulillah kita dapat memberikan apa yang kita tawarkan kepada rakyat sebagaimana yang telah disebutkan banyak dalam buku Bajet kita ini yang merangkumi tawaran-tawaran kepada belia, kepada masyarakat, kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Antaranya saya sebut antara ialah lesen percuma, penubuhan SriDi, Wad Kelas Tiga Percuma, menghapuskan Cukai Pintu Rumah Kediaman dan juga mengadakan Pusat Pemulihan Dadah secara holistik serta menubuhkan nurseri di setiap jabatan Kerajaan. Dan juga Kerajaan juga dalam manifestonya untuk mengadakan Kad Sejahtera yang bernilai RM500 kepada mereka-mereka yang tergolong dalam golongan yang berpendapatan rendah. Alhamdulillah, ini adalah satu usaha yang baik yang saya kira menyentuh kepada golongan-golongan masyarakat yang berpendapatan rendah.

Terima kasih sekali lagi kerana kita juga mendengar ada pihak yang mengatakan bahawa janji-janji manifesto ini bukan kitab suci, tetapi kita hendaklah ingat bahawa ajaran kitab suci itu sendirilah yang mengajar kita supaya menepati janji. Alhamdulillah, kita melihat apa yang kita janjikan itu insyaAllah kita dapat sempurnakan tidak sebagaimana rakan kita sebelah sana khususnya Kerajaan Pusat yang kita semua maklum janji-janji yang begitu menarik perhatian rakyat. Sehingga hari ini mereka tidak mampu untuk menunaikan. Jadi kita bimbang janji-janji mereka ini akan memakan diri mereka sebagaimana kita pernah dengar dalam hadis Nabi Salallahu Alaihi Wassalam menyebut bahawa sifat munafik ini antaranya ialah bila bercakap mereka dusta, bila mereka berjanji mereka mungkiri dan bila mereka diberikan amanah mereka khianati. Alhamdulillah kita di Negeri Terengganu manifesto yang kita sediakan alhamdulillah kita berjaya melaksanakan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengingatkan khususnya kepada Kerajaan Pusat di bawah pimpinan Pakatan Harapan agar tidak melakukan diskriminasi kepada negeri-negeri yang diperintah oleh pembangkang khususnya di Negeri Terengganu ini. Dan saya juga melihat bahawa pemberian hak yang sepatutnya diperolehi oleh Kerajaan Negeri dan juga peruntukan yang sepatutnya diberikan, kita melihat Kerajaan Pakatan Harapan masih bersifat sorong-tarik khususnya dalam memberikan hak royalti kepada Terengganu. Saya juga ingin menyatakan bahawa saya mendapat maklumat persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Dungun pada tiga hari yang lalu yang bertanya kepada Menteri Kewangan berhubung kait dengan jumlah royalti yang diberikan kepada negeri-negeri yang ada yang mengeluarkan minyak. Dalam jawapan yang diberikan oleh Menteri Kewangan ialah RM1.6 bilion telah diberikan kepada Sabah dan RM1.7 bilion telah diberikan kepada Negeri Sarawak. Kedua-dua negeri ini telahpun memperolehi bayaran royalti tetapi malangnya negeri di semenanjung ini, Terengganu dan juga Kelantan seolah-olah dinafikan hak yang sepatutnya diperolehi oleh Kerajaan Negeri dan juga oleh rakyat Negeri Terengganu. Dan lebih malang lagi saya juga melihat daripada jawapan yang diberikan, seolah-olah Kerajaan Pusat ingin menafikan hak bahawa telaga minyak itu berada di Perairan

Negeri Terengganu. Ini satu perkara yang saya kira amat serius bagi Kerajaan Terengganu yang mana kita perlu menyatakan pendirian kita dan mendapatkan hak kita sebagai Kerajaan Negeri dan untuk rakyat Negeri Terengganu kita.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Bajet yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar berhubung kait dengan Perkara 46 dan 47 di muka surat 24 yang menyentuh generasi muda yang kita maklum bahawa generasi muda adalah merupakan aset kepada negeri dan negara kita. Dan dalam pembentangan Bajet ini, kita melihat alhamdulillah banyak insentif-insentif yang diberikan kepada golongan tersebut. Cuma saya ingin sebut di sini ialah kita bimbang remaja-remaja kita hari ini yang terlibat dengan pelbagai masalah sosial, masalah dadah, yang terbaru masalah LGBT, masalah pergaulan bebas, dan berbagai-bagai masalah sosial yang berlaku di kalangan anak-anak muda remaja kita hari ini. Jadi sebab itu saya mengharapkan kepada pihak Kerajaan kita pada hari ini supaya kita menambahkan lagi penguatkuasaan ataupun usaha untuk mencegah segala bentuk kemungkaran ini supaya tidak berleluasa dan menjadi bebanan kepada pihak Kerajaan dan juga pada masyarakat sendiri. Gunakanlah segala agensi dan jabatan yang ada pada kita, sehinggalah ke peringkat MPKK sekalipun, kita boleh menggerakkannya untuk berusaha mengawal dan membendung segala punca-punca yang boleh menyebabkan keruntuhan akhlak, keruntuhan moral dan juga akidah mereka.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, seterusnya saya ingin juga menyentuh apa yang telah disentuh oleh saudara saya sebentar tadi berkaitan dengan isu perumahan, yang saya kira semua DUN, semua Wakil Rakyat menghadapi isu yang sama. Saban hari, rakyat akan mengunjungi Pejabat-pejabat ADUN untuk menyatakan hasrat memiliki rumah kediaman/Rumah Mampu Milik yang mana angka yang dibentangkan oleh Kerajaan, permohonan untuk memiliki Rumah Mampu Milik ini berjumlah 126,899 orang, sementara mereka yang ditawarkan untuk memiliki rumah ini hanyalah 10,030 orang. Dari segi peratusnya, hanya 8% sedangkan rakyat kita sangat-sangat berhajat kepada tempat kediaman ini. Maka saya bersama dengan Yang

Berhormat kita sebentar tadi mengharapkan supaya pihak Kerajaan bukan sahaja Kerajaan yang mengambil peranan, malahan agensi-agensi lain turut sama mencari jalan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan berhubung kait dengan kawasan Dungun dan juga khususnya DUN saya, di mana perkara ini juga adalah perkara yang biasa kita nyatakan kepada Dewan yang mulia ini, iaitu di kawasan Dungun juga perlu kita wujudkan sebuah pusat pentadbiran berpusat, sebagaimana ada di Daerah Kemaman, di Daerah Besut, di Daerah Kuala Terengganu yang kita namakan Wisma Persekutuan yang menghimpunkan jabatan-jabatan yang akan memberi kemudahan kepada rakyat, berurusan dengan pihak Kerajaan. Maka saya juga mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini, di bawah pentadbiran Kerajaan baru kita untuk berusaha menyediakan pusat pentadbiran berpusat di Daerah Dungun.

Dan juga saya menyatakan bahawa Majlis Perbandaran Dungun juga perlu menaiktaraf dari segi stesen bas sebagaimana yang disebut oleh Jertih tadi, Yang Berhormat Jertih yang inginkan stesen bas yang lebih sesuai, bagi Dungun pun sama, daripada dahulu saya nyatakan bahawa kita perlu kepada suatu terminal bas yang lebih sempurna daripada apa yang ada pada hari ini.

Yang seterusnya, saya juga ingin menyatakan bahawa Industri Batu Tujuh yang sekian lama, sejak Menteri Besar dahulu lagi, tidak dapat kita atasi masalah Kawasan Industri Batu Tujuh ini, dengan maksud makna tidak dimajukan, maka dengan bajet yang ada, yang dibentangkan ini insyaAllah mengharapkan supaya Kawasan Industri Batu Tujuh itu dapat dimajukan dan diusahakan.

Dan yang akhir juga saya ingin mengucapkan tahniah, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana telah memberikan peruntukan kepada Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera (TUGAS) dengan jumlah RM15 juta yang akan membantu usahawan-usahawan di Terengganu kita dalam memajukan perniagaan masing-masing. Semoga dengan peruntukan yang diberikan itu

akan memberikan manfaat dan dapat merubah suasana kehidupan mereka ke arah yang lebih baik dan lebih sempurna.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan, saya kira itu sahajalah beberapa perkara yang saya ingin sebut pada petang ini, dan marilah kita sama-sama mendoakan semoga bajet yang dibentangkan ini akan membawa keberkatan dan kesejahteraan kepada kehidupan rakyat. Saya mohon menyokong dan saya sudahi dengan wabillahi taufik wal hidayah. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Wa'alaikummussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Sura. Bagi menyegarkan Persidangan kita ini, saya tangguh dulu Persidangan kita sehingga pukul 3.45 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN SEMENTARA PADA PUKUL 3.25 PETANG.

PUKUL 3.45 PETANG

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Perbahasan Bajet 2019 diteruskan dan saya persilakan Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian. Saya jemput Yang Berhormat Wakil Ajil, sila.

YANG BERTHORMAT MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahilazi lam yalid walam yulad walam

yakullahu kufuan ahad. Asyhadu alla ilaha illallahu wahdahu la syarikalah, wa asyhadu anna Muhammadan abduhu warasuluh. Allahumma solli ala Muhammad. Wa'ala alihi wasohbihi ajmaiin. Amma ba'.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, Pemerhati dan semua yang hadir dalam Dewan yang mulia ini, yang nampak renggeh dah. Biasalah petang-petang ye dok? Campur dengan kenyang, ngan ngatuk, ngan nok tidor pulok.

Walau bagaimanapun kita alhamdulillah yang dapat hadir ni, bersyukur ke hadrat Allah Ta'ala kerana masih lagi diberi kesempatan dan kekuatan untuk kita meneruskan perbincangan Bajet 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat pada kemarin. Dengan peruntukan yang banyak yang dibelanjakan, insyaAllah dibelanjakan oleh Kerajaan kita dalam usaha peningkatan pembentukan modal insan khususnya maka kita yakin dan penuh kepercayaan bahawa Kerajaan sangat serius untuk membentuk insan ke arah kesejahteraan rakyat selaras dengan tema Negeri Berkat Rakyat Sejahtera. Ini menunjukkan bahawa modal insan merupakan suatu harga yang sangat mahal dalam pembangunan dan pembentukan negara yang sejahtera, negeri yang sejahtera yang selamat dunia dan akhirat, dan saya nak memfokuskan pada apa yang saya nak ucap berkenaan dengan pendidikan yang kita nampak suatu bentuk pendidikan yang holistik yang diberi tumpuan oleh pihak Kerajaan yang kalau sebelum ni mungkin pendidikan pondok tidak berapa diambil hirau. Alhamdulillah, Kerajaan kita telah memperuntukkan suatu peruntukan yang banyak dan membantu golongan OKU yang buta melalui sistem Braille yang mana peruntukan sebanyak RM3 juta untuk mencelikkan orang yang buta ni dengan Al-Quran.

Jadi suatu pengajaran yang kita patut ambil dalam sistem ni, kalau orang buta diberi ruang untuk belajar Al-Quran, kalau orang celik tak belajar, jadi berat pada orang butalah(sambil gelak)..... Jadi mudah-mudahan kita ni orang yang celik Al-Quranlah, dan melalui proses pembelajaran dan pendidikan.

Terima kasih juga kepada pihak Kerajaan kerana memperuntukkan RM7.8 juta untuk pembangunan memulakan persekolahan Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) di lima buah. Satu telahpun diwujudkan di bawah Yayasan Islam Terengganu dan lima yang baru diwujudkan pada Sesi 2019 ini termasuklah satu SRIDI di Ajil. Saya sangat berbesar hati lah sebab saya orang Ajil. Orang Ajil ni sebelum ni agak ketinggalan dari sudut mercu tanda pendidikan. Jadi walaupun sekadar sekolah rendah tetapi merupakan satu daripada hadiah yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Ajil kerana selama ni dalam empat DUN di Hulu Terengganu, Ajil hak nampak tertinggal sikit ni. *Kot tertinggal banyak dok tahulah* berbanding dengan Kuala Berang, Telemong yang ditarik pembangunannya oleh Yang Berhormat yang sebelum ni di Kuala Berang, Telemong dan juga Manir. Jadi Alhamdulillah, pendidikan awal di Sekolah Rendah SRIDI ini merupakan *turning point* dengan izin, titik mula kepada usaha kita untuk memajukan Ajil yang merupakan pintu masuk kepada LPT daripada K.L. dan juga Kuantan. Dan untuk pendidikan ni merupakan satu daya pecut, daya pecutan yang insyaAllah yang akan membina manusia yang tentunya akan dimanfaatkan oleh pelbagai sektor sama ada sektor pertanian, sektor industri ataupun sektor-sektor lain yang berpunca ataupun yang bermula daripada benih yang kita tanam dalam diri para pelajar yang merupakan aset yang utama dan SRIDI ini insyaAllah akan menjadi orang kata sebagai titik-titik mula dan sangat mendapat sambutan yang sangat menggalakkanlah.

Pendaftaran untuk SRIDI di seluruh negeri sekarang ni menerima permohonan sebanyak 450 orang. Tarikh tutupnya 30 November ni. Maknanya dok tutup lagi ni tapi permintaannya sangat menggalakkan. Ini merupakan satu daripada keyakinan rakyat dan orang ramai untuk memulakan pendidikan anak-anak mereka ke dalam Pendidikan Islam.

Dan tahniah juga kepada Kerajaan yang menghidupkan kembali biasiswa Yayasan Terengganu untuk pelajar-pelajar yang belajar di Timur Tengah, di Mesir, di Jordan, Maghribi dan sebagainya khususnya untuk Pendidikan Islam yang merupakan satu daripada isi yang utama dalam kehidupan kita kerana

orang-orang yang terdidik dalam pendidikan agama ini merupakan lampu kepada masyarakat yang insyaAllah dapat menyinarkan ilmu mereka di masjid-masjid dan surau-surau dan ini merupakan satu aset, satu harga yang sangat berharga untuk kita insyaAllah kita mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menghidupkan institusi masjid dengan orang-orang yang berilmu agama.

Dan untuk arus pendidikan formal, Kerajaan juga nampak tidak meninggalkan fokus kepada pendidikan formal di sekolah-sekolah kementerian dan jugak sekolah-sekolah di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu melalui KPP, Ketua Penolong Pesuruhjaya Bahagian Pendidikan. Di mana Kerajaan memfokuskan kepada dua-dua institusi pendidikan negeri dan juga Kerajaan Pusat melalui skim-skim yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Bajet kita seperti program pendidikan untuk pelajar-pelajar tingkatan tiga apa yang dinamakan Generasi Program Fateh yang melibatkan 8,000 pelajar tingkatan tiga di seluruh negeri Program Generasi Islam Falah Terengganu dan juga Program Transisi Personaliti Remaja.

Ini merupakan satu daripada kesungguhan Kerajaan kita untuk berusaha kepada semua anak Negeri Terengganu walaupun mereka berada di institusi pendidikan milik Kementerian Pendidikan. Cuma musykil sikit kalau nak kata terkilapun boleh, kalau nak kata musykilpun boleh. Kedudukan kita sekarang ni Wakil Rakyat hak ada di Negeri Terengganu ni kalau kira-kiranya berbanding dengan Kerajaan Pusat semua pembangkang belaka, *hok lek ni pun* pembangkang belaka. Jadi Kerajaan Pusat dok tahulah diarah lagu mana dia selalu hantar surat ke kita, kepada saya sendiri pun, hantar surat nak mintak bantuan mintak sponsor Cikgu nak buat jamuan akhir tahun mintak sponsor kita beri. Pelajar-pelajar UPSR nak buat lawatan ke Kuala Lumpur selepas UPSR kita beri, kami beri belaka ni, lepas PT3 nak buat program diberi. Baru ni sekolah rendah di Hulu Terengganu dia mintak tikar getah dengan saya, saya kata tak munasabah kalau saya nak beri tikar getah musim lening sebab getah pun tak mahal, getah murah. Saya kata beri karpetlah. Oh, dia kata terima kasih banyaklah. Saya kata dah terima kasih saja, dah berilah

saya masuk sekolah etek cakap-cakap dengan mak ayah di sekolah. Akhirnya dia beri. Kalau gitu kena beri karpit dulu rupanya baru dia beri, beri kita masuk dan saya ucap terima kasihlah kepada JPN. Timbalan Pengarah yang hadir petang ni kirim salam banyaklah kepada Pengarah kerana masih lagi memberi kerjasama yang erat. JPN Terengganu saya ucapkan tahniah kepada JPN Terengganu tahniah kepada Pengarah dan jugok Timbalan Pengarah yang hadir ni kerana masih lagi menjalinkan hubungan kerjasama yang erat dengan kita walaupun kami ni Wakil Rakyat Pembangkang berbanding dengan Pusat. Mintaklah, tak apa insyaAllah kita beri, tapi di sebuah sekolah mintak hak sikit-sikitlah, hak banyak-banyak mintak dengan ayahanda di Pusat nunlah. Baru ni di sekolah sebuah sekolah rendah di daerah Dungun, *toksey* sebutlah sekolah mana-mana. Dia ajak saya untuk satu *event* sayapun kata boleh insyaAllah saya akan hadir. Dia pun senarai hak nak mintak-mintak tu adalah hak sikit-sikitlah nak jumpa insyaAllah tapi esokkan majlis nak berlangsung Guru Besar dia mari jumpa saya dia kata mintak maaf Y.B. tak boleh nak jemput PPD Dungun tak beri. Wallahua'lam tu hak dia. Dia sebutlah saya kata tak apalah kalau gitu takdok masalah tapi sekolah di Hulu Terengganu ada sebuah yang jemput saya takdok masalah saya rasa. Pelajar-pelajar dia masih lagi boleh makan nasi seperti biasa, boleh sekolah serupa sekala. Jadi tidak ada tidak ada suatu renjatanlah bila kita masuk saya rasanya bahkan warna-warna pendidikan ini sepatutnya gitulah jangan kira politik, untuk kemajuan pendidikan sebagaimana yang telah dibuat oleh Kerajaan kita Kerajaan Terengganu insentif-insentif, penghargaan-penghargaan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah yang terbaru baru ni pelajar Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin. Dan sebelum tu pelajar Sekolah Menengah Kuala Besut menerima insentif dan hadiah daripada Kerajaan Negeri Terengganu dan juga Sekolah Sains Hulu Terengganu yang menang tempat kedua *writing essay* di Korea dulu. Jadi bila kita beri bermakna kita di pihak Parti PAS ni tidak menjadikan politik itu sebagai satu halangan untuk tujuan memajukan alam pendidikan sama-sama berkongsi. Jadi kita mengharapkan semua pihaklah bersetuju dengan saya supaya dalam pendidikan tidak ada *political boarderless*. Jadi takdok politik makna boleh masuk belaka dengan syarat untuk tujuan yang baiklah. Dan beberapa perkara masalah yang ada di sekolah-sekolah kita ni khususnya di sekolah Kementerian sebab sayapun

bekas guru saya nampak pelajar-pelajar Melayu kita ramai yang tercicir dan saya penuh yakin bukan masalah pendidikan sangat, bukan masalah kurikulum, bukan masalah sistem sekolah yang menyebabkan pelajar tercicir yang banyaknya ialah masalah di rumah. Pelajar-pelajar dibuai dengan sistem aplikasi yang ada di gajet yang ada di rumah dengan handset dengan video, telefon, motor dan sebagainya menyebabkan pelajar-pelajar kita yang ada di alam pendidikan ni dia lebih suka duduk di rumah daripada ia pergi ke sekolah. Duduk di rumah dia boleh aplikasi pelbagai gajet untuk menghiburkan hati dia walaupun dia duduk sorang rumah, dia tidak rasa puas tidak rasa *boring*. Jadi hak ni kita mengharap semua pihaklah, pihak Kerajaan sama ada Wakil-wakil Rakyat, sama ada Wakil Rakyat Kerajaan ke, Pembangkang yang ada, ketua-ketua jabatan supaya kita pakat-pakat memberi kesedaran yang tinggi kepada penjaga khususnya untuk mereka menjaga anak-anak supaya tidak bebas berkeliaran, bila bebas berkeliaran maka sudah tentulah walaupun kita asuh, kita didik banyak mana di sekolah asuhan yang kita tanam di sekolah dalam diri pelajar yang masih lagi antibodinya kurang kuat bila masuk dalam masyarakat dengan bebas. Maka isi pengajaran yang kita isi dalam dada mereka akan roboh, terhakis dan akhirnya habis gitu saja jer menyebabkan kes-kes dadah di Hulu Terengganu 2018 dapat 4 kes yang pelajar positif dadah khususnya pil kuda berbanding dewasa 545 orang.

Mekasih juga kepada Dewan, kepada Yang di-Pertua kerana mengaktifkan *timer* kita dengan izin. Assalamualaikum.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Ajil. Sekarang saya perhatikan Yang Berhormat daripada Kerajaan hampir semua sudah bercakap. Saya nak bagi masa yang panjang kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang tapi saya nak bagi besok, nak bagi masa panjang tapi saya nak mintak dua lagi masa yang ada ni daripada kawan-kawan kita ni untuk bercakap dulu. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala

wabarakatuh. Alhamdulillah rabbi 'alamin. Wassalatu wassalamu'ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wasohbihi ajmain.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan seterusnya tuan-tuan, puan-puan, para Pemerhati yang saya kasihi sekalian.

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua yang telah memberi ruang kepada saya untuk bersama-sama untuk membahaskan pembentangan Enakmen Perbekalan Tahun 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada pagi semalam.

Saya pun sebenarnya Yang Berhormat Yang di-Pertua, anggar-anggarnya nak esok juga tapi oleh kerana rakan-rakan kita sudah selesai jadi saya mengisi kekosongan yang ada pada hari ini untuk sama-sama untuk membahaskan Enakmen Perbekalan yang telah dibentangkan pada semalam. Dan saya juga mengambil kesempatan di sini kita mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pembentangan Enakmen Perbekalan Tahun 2019 semalam dan juga yang mana telah dihidangkan kepada kita dan juga seluruh rakyat Negeri Terengganu yang merupakan satu pembentangan Bajet yang saya kira boleh tahan kiralah iaitu lebih daripada 2 bilion yang akan dihidangkan kepada rakyat Negeri Terengganu pada.....

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Kalau beri markah berapa Yang Berhormat? Kalau beri markah berapa boleh tahan kira tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kalau beri Yang di-Pertua markah 98 lah.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Alhamdulillah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Hak 100 masa BN dulu. ...(Dewan terus gelak)

Yang Berhormat Yang di-Pertua, pembentangan Bajet semalam memang dinanti-nantikan oleh banyak pihak dan seluruh rakyat Negeri Terengganu kerana ini merupakan pembentangan Bajet yang pertama kali oleh pihak Kerajaan yang baharu di bawah kepimpinan PAS untuk rakyat Negeri Terengganu pada tahun-tahun yang akan datang. Kalau lepas-lepas kita memang pembentang Bajet lebih kurang begini jugalah. Lebih kurang maksud saya dalam RM2 bilion, RM1.9 bilion. Ada tekah-tekah banyak sikit tu banyak sikit tetapi bagi saya walaupun kita duduk di pihak Pembangkang bagi pihak Kerajaan Negeri kita menyambut baik pembentangan Bajet ini yang paling penting kepada saya dan juga rakan-rakan saya bagaimana kita nak usahakan supaya Bajet yang begini besar sebenarnya dapat direalisasikan untuk capai kepada sasaran sebenar-benarnya pada tahun hadapan. Kita dengar memang sedap belaka, dengar bersyarah tulis ni memang sedap belaka tetapi bagi tugas pelaksana saya tahu bukan satu kerja yang mudah dan juga bukan satu kerja yang senang untuk mencapai objektif tersebut.

Oleh sebab itu, saya berharap kepada rakan-rakan juga pihak Kerajaan berusaha kena lebih apatah lagi apabila kita melihat Bajet yang dibentang ini sebenarnya kita banyak lagi bergantung kepada royalti minyak kita dengan Kerajaan Pusat. Walaupun kita cuma berharap dan berdoa semoga apa yang telah dijanjikan oleh pihak Kerajaan Persekutuan akan diberi lunas dan juga akan menepati janji kepada Kerajaan Negeri sebagaimana yang termaktub dan juga janji sebelum pada ini. Kalau janji ni tidak ditunai *mapuh neleh* kita jawabannya tahun depan, saya kabor terus terang jadi oleh sebab itu sama-sama kita usaha. Saya yakin dan percaya dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga rakan-rakan kita yang lain insyaAllah, saya mendoakan semoga perkara ini akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baik mungkin.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan dalam tempoh sekarang ini kita kena melihat kepada Bajet yang telah dibentang ini

sesungguhnya ianya telah mencakupi segala-galanya kalau kita tengok. Walaupun ianya tidak besar kita faham tapi ianya sebahagian besarnya ia merupakan satu kesinambungan bajet-bajet yang telah dibentangkan oleh Kerajaan yang terdahulu sebelum padanya. Terima kasih tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri kerana ada kesinambungan itu sebenarnya sepatutnya berlaku. Walaupun nama kita nak panggil nama lain kot takpelah. Nak panggil Kassim, pahtu nok bubuh nama Dollah pulak hak tu takdok hal tapi yang penting pada saya adalah Bajet ini merupakan Bajet kesinambungan daripada bajet-bajet yang terdahulu.

Contohnya, dalam meningkatkan syiar Islam, kita dulu pun begitu juga, begitu juga dengan memperkasakan kedudukan Islam dulu pun sama juga cuma dulu kita panggil Sekolah Imtiaz, Sekolah Rendah Pondok dan sebagainya. Tapi dalam proses pelaksanaan tersebut mungkin adalah kekurangan-kekurangan sebagaimana yang dimaklum oleh rakan saya daripada Sura kelmarin. Dia kata bangunan *renyok hoktu* biasalah kita mula-mula *start* memang lagu tulah keadaannya tapi kalau dah nampak *renyok gi* betullah takdok masalah. Jadi tuan-tuan hadirin yang saya hormati sekalian sebab itu saya kata saya melihat Bajet yang dibentang semalam anggaran perbekalan tahun 2019 yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam merupakan Bajet kesinambungan daripada pelaksanaan yang telah lepas.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk ucap terima kasih dan tahniah ah kepada Pasukan SUKMA Negeri Terengganu walaupun dah lama dah tetapi saya tidak berkesempatan nak ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri dan juga Exco dan juga Yang Berhormat yang berkaitan atas kesungguhan mereka untuk meneruskan apa yang telah diledasarkan oleh Negeri Terengganu ini yang mana memang kita terkenal sebagai negeri yang melahirkan dan akan melahirkan ramai atlet-atlet sukan bukan sahaja di peringkat negeri, di peringkat negara dan juga di peringkat antarabangsa. Ini tidak ada orang boleh nafi sehingga ke hari ini. Oleh sebab itu saya mengambil kesempatan ucap tahniah kepada semua ketua-ketua kontijen kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua kontijen,

kepada atlet dan juga kepada para pegawai yang terlibat bukan mudah untuk mencapai kejayaan dan juga merealisasikan *win back mission* yang telah kita lancarkan untuk kepentingan dan juga rakyat Negeri Terengganu ini. Selain daripada itu juga Yang Berhormat Yang di-Pertua saya juga mengambil kesempatan....

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Bertthormat Telemong. Sekejap.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Boleh, boleh.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Bertthormat Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon masukkan rakaman tahniah saya ini dalam ucapan saya di peringkat awal tadi, tahniah ini juga ditujukan kepada bekas Exco ADUN Telemong yang telah menyumbang untuk kejayaan SUKMA 2018 tempoh hari. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila teruskan Yang Bertthormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih. Saya tu tak penting mana sebenarnya saya pun macam Yang Bertthormat juga, macam Exco juga tiada masalah yang pentingnya

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Takdok Pembangkang dah nampak dalam DUN kita ni. Astaghfirullahal azim. *Dok sedak duduk doh.*

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Mu dengar dulu. Sabar dulu. Dok masuk lagi baru *start gear.*

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Borang ada dalam beg ni(Sambil gelak)

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sabar dulu. Yang Berhormat Yang di-Pertua, hak ni lah dia nak ajok balloh dengan saya Yang di-Pertua. Saya sebenarnya menyahut seruan Menteri Besar, Menteri Besar kata *takmboh doh politik balloh-balloh etek*. Beloh lekning dok baloh, beloh leknung kuat balloh(Sambil ketawa)

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan tahniah kepada semua sekali, pengurusan tertinggi Pasukan Bola Negeri Terengganu TFC 1, 2, 3, 4 dan 5 dan saya melihat setelah perubahan struktur yang kita buat, walaupun kita dikecam hebat dulu hampir-hampir kita pun goyah dan juga akhirnya kita melihat pada sepanjang tahun 2018 ini kita telah mencapai kejayaan yang sangat cemerlang. Ini pun berkat dan juga terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar selaku Presiden dan juga Timbalan Presiden dan seluruh sekali Persatuan Bolasepak Negeri Terengganu yang telah bekerja keras. Tanpa sokongan dan juga kerja keras dokleh nak gi ke mana kita.

Yang Berhormat Yang di-Pertua selain daripada tu juga yang lebih penting kepada kita sebenarnya. Yang lebih penting kepada kita selepas pada ini adalah bagaimana kita hendak mengekalkan kecemerlangan dan juga kehebatan ini supaya dapat bertahan sampai bila-bila, hak ni yang paling payah, hak ni cukup payah. Jadi saya berharap kepada Exco Belia dan Sukan Negeri Terengganu dengan memberi perhatian yang secukupnya terutamanya dalam proses-proses pembangunan sukan di Negeri Terengganu ini, aspek-aspek pembangunan dari segi akademi dan juga pembangunan kemudahan-kemudahan sukan mesti dipertingkatkan dan juga *diupgradakan* setiap masa. Kerana tanpa sokongan-sokongan ini walaupun kita lambak pitih besar, lambak pitih banyak kalau strategi kita tidak kena maka kita tidak akan ke mana. Oleh sebab itu, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya mempercepatkan berkaitan dengan kemudahan-kemudahan bagi membantu teknik termoden untuk meningkatkan prestasi atlet-atlet di Negeri Terengganu.

Selain daripada itu juga, Yang Berhormat Yang di-Pertua negeri kita ini adalah terkenal sebagai negeri dapat melahirkan bakat-bakat dalam bidang sukan berbasikal. Semua acara berbasikal daripada acara treknya, acara lebuhrayanya, acara gunungnya, acara bukitnya, acara hutannya kita semua memenangi dan nama-nama besar dalam sukan berbasikal ini seperti Azizul Hasni Awang, Fatimah Mustaffa, Adik Husaini, Muhamad Haris dan sebagainya ramai lagi. Mereka ini saya rasa sudah mencapai ke tahap maksima.

Oleh sebab itu, apa persediaan kita Exco Belia dan Sukan dan juga kepada yang berkaitan, kepada Majlis Sukan Negeri, kepada pihak TSG apa persiapan kita untuk melahirkan jaguh yang sebagaimana ada pada hari ini. Bukan kerja mudah sebenarnya hendak melahirkan jaguh di peringkat dunia ni dan kalau kita tengok atlet-atlet sukan kita yang ada pada hari ini termasuk Azizul ke, Fatimah ke dan sebagainya Muhamad Haris ke, Adik Husaini ke, Haris Salleh ke, semuanya adalah mereka-mereka yang telah lahir daripada akademi dan juga banyak berlatih di luar negara. Apakah kita bersedia di dalam negeri, kalau kita tidak mempunyai peruntukan yang secukupnya maka kita perlu menyediakan satu tempat dan juga proses untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan dalam negeri kita yang terbaik. Kalau tidak dalam tempoh tiga tahun akan datang *confirm* kita mati dalam bidang ini. Oleh sebab itu saya berharaplah pada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari ini memberi perhatian yang secukupnya. Begitu juga saya ingin bertanya bila kita dah tinggal ni, dulu orang tanya kita sokmo ni kita nak tanya belah alik nun pulak, apa sudah jadi dengan velodrome di Dungun, apa sudah jadi Kompleks Sukan di Hulu Terengganu.

Kita dulu dah usaha rapat "jit" dah, saya bawa masa tu bekas Menteri Besar pun saya bawa ke Kementerian. Saya heret dua kali bekas Menteri Besar supaya boleh dibawa balik ke Terengganu. Jadi bila tukar *dindong-dindong* ni apakah usaha kita dan apakah jaminan kita untuk memastikan apa yang telah dijanji dan juga telah sampai ke peringkat orang kata pecah tanah dah dapat dilaksanakan kerana ini bukan untuk kepentingan kita, bukan untuk kepentingan sesiapa untuk kepentingan anak-anak Terengganu. Kita dak kira bukan hak tu hak ni, takdok, untuk kepentingan anak-anak Terengganu dan

nama boleh ke Yang Berhormat pun nak buat guana tak apa tak ada masalah. Kita buat ini untuk kepentingan rakyat Negeri Terengganu.

Jadi Yang Berhormat Yang di-Pertua, selain daripada itu juga saya ingin menyentuhlah sedikit berkaitan dengan kawasan saya. Saya ni kawasan Telemong, jauhlah sikit daripada sini tapi sekarang dekat dah tak jauh mana. Saya mengucapkan juga terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana menyebut khusus dalam pembentangan Bajet semalam yang mana akan meneruskan projek yang dalam pelaksanaan iaitu Pusat Komersial di Kuala Ping. Terima kasih Yang Amat Berhormat, sebenarnya kita buat perkara ini adalah melihat kepada kawasan Telemong ni tiada kawasan-kawasan pertumbuhan yang begitu orang kata begitu tersusun. Maka kita memohon sejumlah peruntukan Kerajaan Negeri dan diberi lulus minta sokmo sebenarnya, tapi bukan mudah nak lulus tu. Alhamdulillah, saya ucap terima kasih juga kepada bekas Menteri Besar dan ianya meneruskan. Sebenarnya ia akan memberi impak yang sangat besar kepada masyarakat sekitar dan juga sekeliling tersebut untuk meningkatkan daya saing dan juga ekonomi kepada mereka. Kalau kita tengok pada hari ini pun, saya melihat perubahan wajah di kawasan tersebut sangat menarik dan berpotensi yang sangat besar pada masa-masa yang akan datang apatah lagi ianya akan menjadi satu pemangkin kepada pembangunan di Tasik Kenyir, pemangkin kepada pembangunan Politeknik yang sedang dalam proses pembinaan sekarang ini, insyaAllah kawasan tersebut[Buzzer Timer berbunyi]..... Habis dah?

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Tak apa teruskan, teruskan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Allah, teruskan sikit lagi Yang Berhormat Yang di-Pertua. Selain daripada itu juga saya mengucapkan dan juga berharap yang pentingnya saya berharap kepada pembangunan di Tasik Kenyir. Memang saya nampak di Tasik Kenyir ini semakin kurangnya sekarang ini. Minta maaf saya cakap semakin kurang. Jadi saya berharap sebab perkara itu telah berjalan dah lebih separuh jalan. Saya harap ianya dapat diteruskan oleh Kerajaan Negeri dan juga bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan ianya juga untuk kepentingan bukan

sahaja masyarakat setempat, sebenarnya impaknya sangat besar kepada Negeri Terengganu dan juga kepada rakyat secara keseluruhannya. Kalau kita tengok pada hari ini rata-rata kehadiran pelancong ke Tasik Kenyir semakin menurun. Ini memerlukan usaha yang lebih gigih dan usaha yang lebih daripada pihak Kerajaan untuk melihat Tasik Kenyir ini sebagai satu destinasi pelancongan dan juga destinasi boleh kunjung oleh orang ramai sama ada di dalam dan juga luar negara untuk dijadikan salah satu daripada pusat pelancongan yang selain daripada tempat-tempat lain di Negeri Terengganu ini. Yang Berhormat Yang di-Pertua saya sekali lagi merakamkan.....

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Mohon mencelah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sila, sila.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Telemong ada sebut berkait dengan penurunan pelancong ke Tasik Kenyir. Jadi adakah ia disokong oleh fakta ataupun persepsi semata-mata?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Batu Burok, persepsi apanya saya duduk Kenyir juga. Saya nampak hari-hari. Tak persepsi sebenarnya tapi fakta memang boleh tulis tak ada masalah, ni saya cakap realiti. Realiti ni sebab saya sentiasa bersama begitu juga dengan masyarakat setempat yang mengusahakan perniagaan-perniagaan di situ. Sebenarnya keadaan sekarang ini letih sikit bukan kata tutup terus, makna semakin menurun dengan semakin menaik, jadi saya berharap usaha-usaha ini dapat diteruskan dengan lebih baik.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tak berapa faham Yang Berhormat, sekali menurun, sekali menaik?

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Tidak berapa faham itu, sekejap turun sekejap naik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dah memang gitu, bukan naik sokmo. Yang Berhormat Yang di-Pertua, sekarang ni memang kita boleh tahu bahawa pelancong di Tasik Kenyir ini semakin berkurang dan saya lebih bimbang pada masa-masa akan datang, takut orang dok ingat terus, takut orang semakin kurang, jadi kita dah banyak pelaburan-pelaburan dan juga kita telah banyak lakukan pelaburan di Tasik Kenyir ini. Jadi kalau kita tidak beri tumpuan ini merupakan satu kerugian bukan sahaja kepada pihak kita malah ianya kepada Kerajaan Negeri itu sendiri.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Yang terakhir Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Yang di-Pertua, selain daripada itu juga saya mengambil kesempatan supaya Persatuan-persatuan Belia di seluruh Negeri Terengganu ini diberi perhatian walaupun saya telah melihat banyak Bajet yang telah disediakan pada tahun hadapan ini iaitu RM6.3 juta untuk pengurusan dan juga pentabiran belia di Negeri Terengganu ini telah disediakan oleh pihak Kerajaan. Dan juga ianya memerlukan kepada ia juga untuk dibekalkan juga kepada NGO-NGO dan juga Persatuan-persatuan Kebudayaan dan juga PIBG di seluruh Negeri Terengganu ini. Jadi kalau banyak sangat ni saya rasa peruntukan ini tidak cukup dan perlu ditambah lagi sebab RM6.3 juta ni kalau nak beri bantuan pentadbiran kepada Persatuan-persatuan Belia Negeri Terengganu yang ada lebih kurang 600 dan mungkin sekarang ini bertambah kepada 700-800 dan kalau ada NGO-NGO lagi, kalau ada badan-badan yang NGO yang berdaftar lagi, Badan-badan Kebudayaan lagi, PIBG seluruh Negeri Terengganu ini saya rasa bukan peruntukan ini tidak mencukupi untuk belia-belia menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Terima kasih banyak saya mewakili dan juga bagi pihak rakan-rakan saya, saya rasa Bajet ini amat banyak kena kepada orang-orang muda terima kasih banyak.

Jadi saya mengambil kesempatan dengan ini untuk menyokong dan juga menyokong Ucapan Bajet yang telah dibentangkan pada pagi semalam. Wallahua'lam wabillahi taufik wal hidayah. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Telemong. Saya nak bagi markah A tolak dari segi *point-point* ucapan Yang Berhormat sebentar tadi. Cuma hulu kurang sikit, Bahasa Hulu kurang sikit petang ni. Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana kita ada masa sikit lagi sebelum garis merah pukul lima petang, saya nak persilakan Yang Berhormat Bukit Besi ya. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat-Yang Berhormat Exco, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, takdok seorang Pemerhati? Tuan-tuan, puan-puan yang saya kasihi sekalian. Jadi, petang yang penuh dengan kesunyian ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk turut sertalah dalam membahaskan pembentangan Bajet Bagi Tahun 2019. Dan pada saya sebenarnya saya ingin merakamkan ucapan tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta pimpinan Kerajaan Negeri yang telah membuat satu keputusan yang terbaik bagi memastikan tema Bajet Bagi Tahun 2019 akan dapat dilaksanakan dengan yang terbaik iaitu Negeri Berkat, Rakyat Sejahtera.

Dan di kesempatan ini saya ingin mengambil pendekatan dengan empat teras yang telah dikemukakan iaitu keberkatan, kemajuan, kebajikan dan kecekapan. Jadi keempat-empat teras ini pada saya menjuruskan ke arah negeri maju untuk masa-masa yang akan datang. Kita sedar bahawa peruntukan yang disediakan untuk tahun 2019 merupakan satu peruntukan sama ajelah sepertimana yang Telemong kata, yang ditunggu-tunggu oleh rakyat Negeri Terengganu apatah lagi peningkatan daripada tahun lepas iaitu tahun lepas RM1.996 dok? Kalau dok silap saya sebab saya pun tujuannya nak cakup esok tapi dah Tuan Speaker bagi saya peluang hari ini, jadi saya ambil

peluang juga pada petang ini. Jadi ada peningkatan, jadi ini merupakan satu perkara yang boleh dirasai oleh rakyat Negeri Terengganu dari pembentangan Bajet yang akan dibuat pada tahun hadapan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa empat teras ini boleh menampakkan bahawa kalau Kerajaan melaksanakan peruntukan yang akan diperuntukkan untuk tahun 2019 ini, ini merupakan satu perkara yang amat baik. Dan apabila Kerajaan melaksanakan peruntukan yang nak disediakan ini dengan cara yang terbaik dan berhemah, insyaAllah, insyaAllah Negeri Terengganu kita akan dapat keberkatan. Kerana kita nak tengok bahawa rakyat kita hidup dalam keadaan yang sempurna, yang diberi perhatian khusus oleh Kerajaan, dok kira lah kerajaan dulu ke, ataupun kerajaan hari ini, memang rakyat senantiasa menunggu-nunggu akan apa yang mereka akan dapat daripada pembentangan Bajet yang dihidangkan.

Dan yang keduanya kemajuan. Kalau peruntukan Bajet 2019 adalah Bajet yang berimbang, saya nak tengok jugaklah supaya kerajaan baharu kita ni supaya dapat juga membuat ataupun memberi perkhidmatan kemajuan yang berimbang jugak yang terbaik kepada rakyat dan juga daerah-daerah. Kita ada 8 daerah ke 9 doh lening. 8 ork? Dok bubuh dalam kepala. 8 daerah dalam Negeri Terengganu kita ni minta kita seimbangkanlah supaya jangan daerah-daerah ada yang tertinggal dari segi kemajuan dan pembangunan yang akan disediakan oleh Kerajaan.

Dan yang ketiga ingin saya sentuh dari segi kebajikan-kebajikan rakyat apabila kita ni sebagai Wakil Rakyat dan Kerajaan memang tidak lain dan tidak bukan ialah kebajikanlah hak yang paling utama sekali sebenarnya. Jadi saya petang ini saya nak minta supaya kerajaan apatah lagi kerajaan hari ini menyuarakan Negeri Berkebajikan bukan gitu? Sebagai negeri yang berkebajikan. Jadi kebajikan-kebajikan ni kalau kata pada saya kita hulur tu biar kita tengoklah apa yang sepatutnya yang terbaik dan kena pada sasaran dia. Sebab pagi tadi ada kawan-kawan kita ada menyuarakan tentang dah dapat duduk dah boleh rumah semua sekali tapi hari ini sebenarnya tidak berlaku di Jertih ataupun di mana tadi? Di Telemong dan di Bukit Besi pun begitu juga. Jadi saya mintalah kepada Kerajaan supaya kenal pastilah sebab

apa pemilihan kita dulu pun memang berasaskan kepada kelayakan-kelayakan yang telah diputuskan oleh Bahagian Perumahan. Jadi janganlah apabila kita ambil alih ni, kita cuba buat suatu yang boleh sikit sebanyak akan memberi kesan...

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Laluan. Laluan sekali?

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Memberi kesan kepada rakyat dalam Negeri Terengganu

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Okey, Manir minta laluan boleh Yang Bert hormat?

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Sila Manir, tak ada masalah.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Tuan Yang di-Pertua, tadi Kuala Besut, ni Bukit Besi pula. Kita tarik rumah takdok fakta bawalah borang-borang tu ada. Masalahnya pemutihan yang dibuat oleh pihak jabatan, rumah itu naik rumput sama tinggi dengan pintu. Dok duduk, tarik balik marah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okeylah, kita boleh terima juga yang Manir sebutkan tadi. Memanglah ada beberapa orang hak yang kata di Bukit Besi ni yang saya boleh katakan ada beberapa orang senantiasa kita tegur tetapi hak yang duduk tu ada jugak hak yang terlibat. Sebab saya kata yang saya sebutkan pada petang ni.....

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Tidak faham. Guaner *bolo'*. Hak betul ke salah kita kabor ni?

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Ada betul ada tidak.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Kuala Besut): Laluan sikit Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): MasyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Betullah tu, ada betul ada tidak.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Jangan gitu, satu-satu, biar Yang Berhormat Bukit Besi jawab dulu yang daripada Manir tadi lepas tu baru Kuala Besut.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okey, Manir. Jadi saya pula Exco jawab deh.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya bukan minta tolong jawab.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Sebab saya ada pengalaman juga.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya tengok janggut comel dah Bukit Besi tu. Ke nak borang gok? ...(Sambil gelak) ...

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Berkat, Sejahtera boh.(Dewan gelak) Sunah, sunah. Memang ada dan juga tidak tepatlah. Tu saya sebut sebab saya sebut ni kerana ada beberapa aduan walaupun hari ini kita tidak ada kuasa tetapi walau macam mana pun, rakyat masih lagi berhubung dengan Wakil Rakyat yang tidak ada kuasa. Jadi, oleh sebab itu, sedikit sebanyak kita dapatlah maklumat-maklumat mengenai perkara yang saya sebutkan tadi. Sila Besut.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Okey, terima kasih kepada Bukit Besi. Terima kasih juga kepada Yang di-Pertua. Okey, maklumat yang saya bangkitkan tadi saya dah sampaikan kepada Yang Berhormat Exco untuk makluman Dewan. Saya boleh sebut nama ini, nama dia Rosmawati binti Mohd Yusof, nombor rumah A2-17, Rumah Pangsa Mampu Milik Mengabang Besar. Kes ini adalah kes yang *genuine*, dia dapat 21 November 2018. Masa pemilik ini boleh rumah sebagai contohnya, boleh rumah dia mempunyai suami. Lepas pada itu, tidak lama lepas pada itu, suaminya dipanggil mengadap Ilahi, meninggal, dia jadi ibu tunggal. Lepas itu, dia bekerja di Kampung Pacakan, sempadan sikit deh, dia kerja di kedai makan. Dia tidak boleh bawa motor, dia tumpang orang, dia dengan anak-anak dia terpaksa duduk di kedai itu. Tapi, dia ada bil api semua, memang dia duduk dah semasa suami dia ada. Jadi, bila dia tak boleh nak bergerak gi mari gi mari, dia tumpang dulu di kedai itu. Jadi, saya pohonlah supaya pihak Kerajaan tengok *case by case*. Kes yang *genuine* yang perlu kita tolong, kita tolong. Tapi, kalau ada yang rumah banyak tu, *gape* ke, okeylah. Orang kata, orang putih kata *be fair to them*. Terima kasih Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila sambung Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang ada rumah banyak dah tu boleh juga zaman apa?

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Siasatlah, sebab dia melibatkan *interview* oleh Bahagian Perumahan dulu.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): *Takpelah* Manir, kita kena akur juga dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut tadi, penutup tadi. Kita *toksoh* sangatlah banyak ambil nak tu, kan kita nak pakat molek kan?(Dewan gelak)..... Jadi, biarlah dengan cara yang molek.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Apa yang kita sebut tu, ada kaitanlah dan kecekapan. Memang kalau nak kata dulu pun nak kata cekap, memang adalah kelemahan-kelemahan dia. Jadi, kita harapkan bahawa Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru serta kepimpinan, barisan Exco-nya dapat melaksanakan tanggungjawab dengan cepat di samping sokongan dan kerjasama daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang ada. InsyaAllah dengan cara yang terbaik kita boleh melakukan demi untuk kepentingan rakyat Negeri Terengganu kita.

Dan saya juga tertarik dengan 8 strategi dalam pembentangan Bajet dan saya bolehlah sebut beberapa perkara yang mungkin ada kaitan juga iaitu antaranya membangunkan kuantiti, kualiti model insan. Apabila saya cuba *belek-belek* untuk saya nak bahas esok, jadi saya cuba catit, saya tengok dia lebih memfokuskan kepada kaitannya macam kata apa hok Mus'ad bin Omar ke Paka? Ya? Umai. Hor, jadi dengan peruntukan RM5 juta, okey, comel sebenarnya. Bukan kata benda itu dok comel, benda ini benda baru yang itu. Lepas itu, kepada yang cacat mata, kita guna bible apa, bible pulak (Dewan gelak)

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Braille Yang Berhormat, bukan bible.(Sambil ketawa).....

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okey, terima kasih Paka, tolong betul saya deh. Hor, braille.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, nak tanya ser, satu soalan. Lencana *mende* Yang Berhormat pakai, sebab nampak dalam skrin tu, nampak.....?

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Bukan TTB.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok, bukan, nampak macam hijau bulat sebab tu tanya.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Mungkinilah maknanya, *takpe* kita bincang.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Okey, okey.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Maknanya Yang Berhormat Paka, Exco pergi jumpa saya, insyaAllah kita boleh bincang, boleh jadi bulat sajumpun boleh jadi juga. Okey, Yang Berhormat Speaker, tu buat kelakar sikit petang-petang hari ni deh.

Jadi, modal insan ini sebenarnya dia sebenarnya luas yang boleh saya katakan. Cuma, saya nak hok benda molek, moleklah. Cuma, saya nak cadangkan supaya kita juga jangan lupa bahawa hari ini rakyat Negeri Terengganu terutamanya anak-anak muda kita mengeluh, mengeluh dari segi nak cari pekerjaan. Jadi, maksud sayanya peluang pekerjaan. Jadi, minta tolonglah barisan Exco serta pegawai-pegawai Kerajaan tolong sama memikirkan apakah yang boleh yang sesuai untuk kita nak melakukan, menjayakan apa yang diharapkan oleh anak-anak muda kita iaitu peluang-peluang pekerjaan.

Jadi, oleh sebab itu, dalam hal ini saya nak cadangkanlah beberapa perkara penting dari segi usahawan saya duduk tengok tadi RM15 juta ini satu peruntukan yang memang saya pun memang boleh katakan yang baiklah untuk membantu usahawan-usahawan kita. Tetapi kepada golongan-golongan muda juga, bukan kata sebenarnya dulu pun kita bimbing, apa ni, lepasan pelajar-pelajar lepasan ijazah semua sekali ini memang kita dah bimbing. Tetapi dari segi *percent* anak-anak kita ini nak menjuruskan kepada perniagaan ini, dia kurang minat lagi, kurang rasa minat lagi untuk itu. Jadi, oleh sebab itu saya merasakan bahawa TESDEC juga kita perlu perkasakan, beri latihan kepada anak-anak kita supaya apabila dia ada latihan yang cukup, kursus-kursus yang cukup mungkin anak-anak kita boleh ditempatkan ke tempat-tempat yang baik. Ini juga antara yang saya fikir boleh kita laksanakan dalam perancangan kita untuk tahun 2019, insyaAllah.

Jadi, merencanakan pertumbuhan ekonomi antara yang saya cuba kerangka untuk saya cakap. Jadi, merencanakan pertumbuhan ekonomi ni memang satu benda yang memang kita tunggu-tunggulah sebab peluang ekonomi kepada rakyat Negeri Terengganu kita, perlu kita kena selaraskan dengan cara yang baik kerana kalau kita tengok hari ini perniagaan bukan kata di Telemong, tetapi boleh katakan di tempat saya pun juga mungkin di mana-mana pun juga di Negeri Terengganu kita ini dari segi dalam konteks perniagaan ini nampak malap sungguh lening. Saya rasa bahawa rakyat Negeri Terengganu kita ini memang doksoh ambik kira kitalah yang makan gaji, rakyat kita di bawah memang saya sendiri merasakan saya geleng kepala sebenarnya apabila tengok kedai-kedai ini tiada orang, saya rasa rakyat kita ini memang tidak ada duit, jadi malap. Jadi, saya mintalah supaya barisan Yang Amat Berhormat serta barisan Exco serta pegawai-pegawai Kerajaan ini cuba ambil perhatian juga dalam perkara ini. Jadi.....

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Habiskan *point* yang terakhir Yang Berhormat sebab kita dah dekat pukul 5.00 petang.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): *Point* yang terakhir. Terima kasih Yang Berhormat Dato', eh Yang Berhormat Yang di-Pertua, dok Dato' lagi dok?

Jadi, yang terakhir ni saya nak sebut ada empat jer, tapi saya tidak sempatlah. Jadi, saya nak sebut tentang kampung sayalah, kawasan saya. Kalau kita tengok Bukit Besi ini satu masa dulu memanglah satu tempat yang boleh dikatakan sumber ekonomi Kerajaan Negeri. Jadi selepas pada itu, memang selepas tutup lombong Bukit Besi ini memang kita tidak ada benda yang boleh kita fikirkan. Tetapi masa saya itu sempatlah, setelah saya fikir-fikir macam mana saya nak kembalikan Bukit Besi ini supaya nama dia itu disebut-sebut. Oleh sebab itulah Kerajaan Negeri dulu telah meluluskan, telah gazet bahawa Bukit Besi kita itu kita nak jadikan Bukit Besi Bandar Bersejarah. Jadi, hari ini kita dapat lihatlah, tengok itu pun tak boleh buat macam mana juga dengan KETENGAH duduk buat sikit-sikit buat lampu merah tu, Paka ada

pergi tengok? Bukit Besi Bandar Bersejarah ada lampu sikit, lepas itu ada buat pintu gerbang sikit, adalah sikit-sikit yang KETENGAH buat. Jadi dalam hal ini, saya nak mengharapkanlah Kerajaan Negeri hari ini cuba melihat sama tentang Pembangunan Bukit Besi, kita nak kembalikan supaya menjadi Bukit Besi ini disebut balik macam yang dulu-dulu.

Jadi, saya mengharapkan supaya Kerajaan Negeri tolonglah, turun tengok membantu saya Yang Berhormat yang tiada kuasa tolong tengok apa-apa yang boleh kita fikirkan untuk cepat sikit sebab dari segi perancangannya memang dah lengkap dah. Jadi, kita jangan harap ke KETENGAH saja sebab Bukit Besi itu kawasan kita, negeri kita juga, jadi biar Kerajaan Negeri juga turut sama memainkan peranan untuk menaikkan balik imej Bukit Besi yang lama diabai dan ditinggalkan.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Okey Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okey, itu sahaja. Jadi, saya rasa itulah sikit sebanyak dan saya Bukit Besi juga turut menyokong Bajet yang telah dibentangkan. Terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Besi. Saya juga nak ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Enakmen Perbekalan 2019 ataupun Perbahasan Bajet yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Oleh kerana kita masih lagi dalam perbahasan, insyaAllah kita akan sambung pagi esok.

Jadi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Sidang Dewan kita pada hari esok, 27 November 2018, jam 9.30 pagi dan sama-sama kita membaca Tasbih Kafarah dan Suratul 'Asr. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.

PERSIDANGAN
PADA HARI SELASA, 27 NOVEMBER 2018

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Haji Yahaya bin Ali, PJC

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURABAYA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Maliaman bin Kassim
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Dato' Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL BULUH GADING

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji A. Rahman bin Yahya, DPMT.,AMZ.,KMN.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Tuan Haji Mohd Zahari bin Md. Azhar, SMT.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Zulkifly bin Isa, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan mesyuarat bagi memberkati Persidangan marilah sama-sama kita membaca Ummul Quran. Al-Fatihah.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan Lisan pada hari ini, 27 November 2018 adalah sepertimana berikut:-

1. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
(Wakil Tepoh)
2. Y.B. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
(Wakil Batu Burok)
3. Y.B. Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman
(Wakil Seberang Takir)
4. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
(Wakil Sura)
5. Y.B. Dato' Haji Rozi bin Mamat
(Wakil Telemong)
6. Y.B. Haji Roslee bin Daud
(Wakil Bukit Besi)
7. Y.B. Haji Hilmi bin Harun
(Wakil Manir)
8. Y.B. Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
(Wakil Jertih)
9. Y.B. Haji Alias bin Harun
(Wakil Rantau Abang)
10. Y.B. Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor
(Wakil Langkap)
11. Y.B. Sulaiman bin Sulong
(Wakil Pengkalan Berangan)
12. Y.B. Haji Bazlan bin Abd. Rahman
(Wakil Batu Rakit)
13. Y.B. Ahmad Shah bin Mohamed

(Wakil Bandar)

14. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
(Wakil Kuala Besut)
15. Y.B. Ab. Razak bin Ibrahim
(Wakil Air Putih)
16. Y.B. Dato' Abd. Halim bin Jusoh
(Wakil Permaisuri)
17. Y.B. Haji Maliaman bin Kassim
(Wakil Ajil)
18. Y.B. Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
(Wakil Kemasik)

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tepoh untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat, Yang di-Pertua soalan saya nombor 1 -

Difahamkan projek pengawalan hakisan pantai di pantai kg. Kolam, Pengkalan Maras telah dibatalkan oleh pihak kerajaan pusat. Apakah faktor pembatalan dan apakah persediaan kerajaan negeri untuk mendepani hakisan pantai di kawasan tersebut yang dijangka lebih parah pada tahun ini?

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat, Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, semua Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil ketua-ketua jabatan dan hadirin sekalian.

Pertama saya nak ucap terima kasihlah di atas soalan Yang Berhormat daripada Wakil Tepoh. Kalau kita lihat Mesyuarat Yang Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ke-14 pada 1 hingga 4 Julai yang lepas soalan yang hampir sama Wakil Tepoh telah bertanya dan telah dijawab secara bertulis di dalam *hansard* ini. saya hendak ucap dan tahniah dan syabaslah, Wakil Tepoh ini ialah seorang cakna kepada masyarakat kepada ADUN dia mudah-mudahan saya doakan di masa yang akan datang akan dapat menjadi seorang Exco yang baik. InsyaAllah.

Soalannya berbunyi: Difahamkan Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Pantai Kampung Kolam, Pengkalan Maras telah dibatalkan oleh pihak Kerajaan Pusat. Apakah faktor pembatalan dan apakah persediaan Kerajaan Negeri untuk mendepani hakisan pantai di kawasan tersebut yang dijangka lebih parah pada tahun ini.

Selaras dengan arahan Kerajaan Pusat baru-baru ini, apabila berlaku pertukaran Kerajaan cadangan Projek Kawalan Hakisan Pantai di Kampung Kolam di Pengkalan Maras ini telah dibuat kajian semula oleh pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia iaitu mana-mana projek yang belum dilancarkan atau yang kurang daripada 15% pembinaannya akan dikaji semula.

Secara umum, proses kajian semula ini dilaksanakan untuk membolehkan Kerajaan Pusat membuat penilaian secara menyeluruh terhadap projek-projek pembangunan di seluruh negara terutamanya yang melibatkan aspek keberkesanan kos dan keutamaan dalam pelaksanaan projek dalam suasana kekangan kewangan yang sedang dihadapi sekarang ini. Kerajaan Negeri dimaklumkan projek yang dianggarkan menelan belanja RM90 juta yang sedang dalam peringkat rekabentuk terperinci oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia dan dijangka dapat dilaksanakan pada tahun hadapan iaitu tahun 2019. Kita terima keputusan secara lisan yang telah diperolehi menyatakan bahawa cadangan projek ini telah ditangguhkan pelaksanaannya pada tahun 2019 di atas justifikasi kewangan dan keutamaan di peringkat Pusat. Di antara langkah segera yang telah diambil bagi menangani isu

hakisan ini maka Kerajaan Negeri melalui JPS Negeri Terengganu telah melaksanakan satu lagi projek bagi mengawal hakisan pantai terhakis di Pengkalan Maras dengan kos RM500,000 melalui peruntukan Pusat. Memandangkan masalah hakisan di kawasan berkenaan semakin kritikal Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha-usaha untuk mendapatkan peruntukan melalui sesi perundingan di peringkat tertinggi bagi membolehkan objek ini dilaksanakan dengan kadar segera. Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri akan berusaha untuk melaksanakan projek-projek kawalan hakisan di kawasan berkenaan walaupun dalam skala yang agak kecil selaras dengan kemampuan Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Bismillahir Rahmanir Rahim.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Saya ingat ada soalan tambahan tadi. Bukan soalan tambahkan?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tiada soalan tambahan. Terima Kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat, Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 3 -

Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan-usahawan kecil dalam bidang kraftangan seperti songket, batik, tembaga dan lain-lain?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang

Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, seterusnya rakan-rakan Exco dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Burok yang telah mengajukan soalan nombor 3 yang berbunyi: Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan-usahawan kecil dalam bidang kraftangan seperti songket, batik, tembaga dan lain-lain.

Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, melalui Yayasan Pembangunan Usahawan, Kerajaan Negeri telah mendaftarkan di Perbadanan Harta Intelek, (*Myipo*) di bawah *Geographical Indication* dengan izin, Petunjuk Gerak Geografi bagi produk tembaga, ukiran kayu, batik dan songket. YPU juga telah mengadakan program kerjasama dengan Yayasan Di Raja Sultan Mizan (YDSM) bagi mencari pelapis-pelapis pengusaha tembaga. Melalui YDSM juga telah ditubuhkan satu Persatuan Tembaga Terengganu bagi mewujudkan penyelarasan pengusaha-pengusaha tembaga ini. YPU juga telah menyenaraikan pengusaha-pengusaha tembaga ukiran kayu dan pengusaha produk tradisional yang lain melalui sistem e-SDSI di bawah MITI dan ICU Jabatan Perdana Menteri. Itu dari segi dalam Kraf Tembaga. Dalam Kraf Songket melalui YPU juga telah didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek (*Myipo*) cap dagangan bagi logo Songket Asli Tenun Tangan Terengganu (SATTT). Program ini merupakan kerjasama YPU dengan Perbadanan Kemajuan Kraf Malaysia, Cawangan Terengganu. Logo ini didatangkan dalam dua bentuk iaitu label dan juga *certificate tag*, label ini akan dijahit pada setiap kain songket dan pada *certificate card* terdapat nombor sirinya tersendiri. Label dan SATTT ini diberikan secara percuma hanya kepada 28 usahawan songket yang telah melakukan Ujian Keaslian Songket di PKKM Cawangan Terengganu. Usaha ini merupakan salah satu cara bagi membantu pengguna agar dapat membeli dan membezakan Songket Asli Tenunan Tangan Terengganu dengan songket luar.

Dalam Kraf Batik pula YPU juga mewujudkan bantuan pinjaman blok batik kepada usahawan-usahawan batik yang masih meneruskan teknik pembuatan batik blok. Batik blok merupakan kaedah pembuatan batik secara tradisional

yang semakin kurang diusahakan, ini kerana pembuatan batik melalui teknik blok melibatkan kos yang agak tinggi dalam menghasilkan blok batik yang diperbuat daripada tembaga. Oleh yang demikian, YPU mengambil pendekatan dengan mewujudkan peminjaman blok batik bagi membantu usahawan mikro dalam perusahaan ini. Usaha ini diwujudkan bagi mempopularkan semula pembuatan batik secara tradisonal kerana permintaan yang tinggi terhadap batik blok. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan tambahan saya yang pertama. Terima kasih atas jawapan yang telah diberikan tadi oleh Yang Berhormat Kota Putera. Kita semua menyedari bahawa industri yang melibatkan perkara-perkara yang disebutkan tadi kebanyakannya terdiri daripada kalangan usahawan Melayu yang terkenal di Negeri Terengganu ini bukan sahaja di peringkat Negeri Terengganu bahkan juga di peringkat nasional, maka adakah Kerajaan Negeri menyediakan pinjaman mudah atau bantuan peralatan kepada usahawan dalam industri ini?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Yang Berhormat Batu Burok, berkenaan dengan menyediakan pinjaman mudah, Kerajaan Negeri yang pastinya akan terus mempertahankan industri seni, kraf dan warisan. Alhamdulillah, insyaAllah, bermula Disember tahun ini YPU bersama dengan SME CORP akan menyediakan bantuan berbentuk geran kepada usahawan yang layak dengan kriteria yang telah ditetapkan. Geran adalah dalam bentuk pembelian mesin, peralatan pembungkusan, pelabelan, latihan, berbentuk pensijilan dan inovasi. Dan pada tahun hadapan insyaAllah antara sektor baru yang akan ditambah dalam pemberian pinjaman ini adalah dalam Industri Seni Kraf Warisan termasuk juga dalam sektor pelancongan yang akan dikendalikan oleh Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) sendiri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan saya yang kedua: Produk berasaskan songket, batik dan tembaga adalah sinonim dengan sektor pelancongan Negeri Terengganu. Usahawan dalam sektor tembaga dan kraf khususnya semakin berkurang sebagai contohnya di dalam kawasan saya sendiri, kawasan Batu Burok. Sekarang ini hanya terdapat dua pengusaha songket dan tiga pengusaha batik, jadi adakah Kerajaan sedar perkara ini?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Yang Berhormat Batu Burok. Memang kita sangat menyedari kekurangan pengusaha-pengusaha ataupun usahawan-usahawan dalam sektor kraf ini. Tidak dinafikanlah perkara ini berlaku dan sekarang ini pun kita agak jarang boleh lihat ada kedai-kedai ataupun pengusaha-pengusaha di tempat-tempat yang mudah dilihat kecuali kita perlukan satu maklumat daripada info-info tempatan barulah kita jumpa pengusaha-pengusaha yang mengusahakan perusahaan ini. Oleh itu kerjasama dengan semua pihak amat kita perlukan dan akan diteruskan bagi memartabatkan kembali industri ini. Biasanya ukiran kayu diukir di Besut di Kota Putera sendiri dalam kawasan Kota Putera, insyaAllah akan ditambah baik dalam aspek menjadikan pelapis ukiran kayu untuk menjadi usahawan, tempatnya cantik, indah cuma agak sunyi kebelakangan ini. InsyaAllah saya akan mencari usaha-usaha untuk memajukan tempat yang indah itu, berada di tepi sungai pandangannya indah, untuk menaikkan industri ukiran kayu insyaAllah.

Kita juga dalam kerangka untuk membuat satu *showroom* supaya boleh jadikan tempat lawatan-lawatan hasil kraf kita itu, hasil ukiran kayu kita kerana kalau sekarang ni kalau orang nak pergi nak tengok tidak ada tempat hanya tempat bengkel sahaja, tidak ada tempat yang kita boleh letakkan produk-produk kita yang telah dihasilkan oleh usahawan-usahawan kita itu sendiri.

Manakala dalam lain-lain produk, kajian secara holistik, insyaAllah dalam Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun ada diperuntukkan untuk Geran Penyelidikan Perusahaan Kecil Dan Sederhana sebanyak RM2 juta. InsyaAllah kita akan gunakan sebaiknya untuk buat kajian secara holistik dalam industri ini, insyaAllah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Seterusnya saya persilakan...

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang di-Pertua, saya ada soalan tambahan, boleh *ser*?

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Okey.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, boleh tak pihak Kerajaan memaklumkan kepada Sidang Dewan dan juga kepada kita semua, apakah situasi ataupun senario IKS ataupun PKS, sektor PKS dan juga IKS yang ada di Terengganu sekarang ini sama ada semakin berkembang ataupun suasananya sejuk ke ataupun macam mana senario keadaan ni dan apakah faktor-faktor yang menyumbang ke arah ini? Terima kasih Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Yang Berhormat Kuala Besut berkenaan dengan situasi ataupun keadaan IKS ataupun PKS di Terengganu kita sekarang ni. Alhamdulillah, setakat hari ini kita masih meneruskan usaha-usaha ini dan sebenarnya kita tidak kurang melahirkan usahawan-usahawan daripada usahawan-usahawan Terengganu ni. Cuma yang hadapi masalah sekarang ni adalah rata-rata orang berkata, bercakap berkenaan dengan pasaran. Kita mempunyai produk, banyak juga produk-produk kita yang baik tetapi untuk menembusi pasaran sama ada pasaran tempatan ataupun pasaran luar negeri ataupun luar negara itu masih lagi mempunyai kesulitan. Tetapi insyaAllah, kita sedang merangka untuk bawa mereka ini ke satu era yang insyaAllah boleh dibanggakan oleh Negeri Terengganu insyaAllah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sekarang saya persilakan Wakil Seberang Takir untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor satu -

Adakah Kerajaan Negeri membuat pelan kontigensi atau pelan B sekiranya wang ehsan atau hasil petroleum daripada pihak pusat tidak diperolehi?

Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seberang

Takir yang mengemukakan soalan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan seluruh hadirin dalam Dewan yang mulia ini.

Terima kasih kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seberang Takir, soalannya adalah mengenai: Adakah Kerajaan Negeri membuat pelan kontigensi atau pelan B sekiranya Wang Ehsan atau hasil petroleum daripada pihak pusat tidak diperolehi?

Kita berharap agar soalan ini adalah saya rasa harapan kita semua dalam Dewan yang mulia ini, bahawa soalan ini bersifat hipotetikal kerana Mesyuarat Majlis Kewangan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri, yang turut dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan dan semua Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri telah membuat keputusan dan pertimbangan hasil daripada pandangan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri bahawa negeri-negeri yang menerima hasil petroleum dan gas yang disebut dalam mesyuarat berkenaan, ada 4 negeri yang secara khususnya iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu untuk menerima terus hasil wang royalti ini ke dalam akaun negeri masing-masing. Itu apa yang dicapai dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada bulan Julai yang lalu.

Walaupun begitu, kita menganggapkan bahawa selagi sepenuhnya wang royalti ini atau dalam soalan disebut sebagai Wang Ehsan atau hasil petroleum ini tidak sampai sepenuhnya maka Kerajaan Negeri akan mengubahsuai semula Bajet Negeri berdasarkan hasil sebenar yang diterima pada tahun semasa. Pendapatan hasil negeri selain daripada petroleum atau Wang Ehsan ini adalah dalam lingkungan RM395 juta setahun.

Di samping itu juga, Kerajaan Negeri akan melaksanakan kawalan perbelanjaan yang ketat bagi memastikan perbelanjaan dilakukan dengan lebih berhemah, menyenaraikan keutamaan bayaran seperti emolumen agar ianya tidak terjejas, menyenaraikan keutamaan bayaran seperti dan perkhidmatan bekalan tidak terjejas dan Kerajaan Negeri juga akan meningkatkan hasil dengan melakukan beberapa pendekatan.

Yang pertama ialah memperkasakan kutipan hasil dan tunggakan hasil dengan memastikan jabatan atau agensi mengutip hasil, membuat penguatkuasaan secara agresif terutamanya kepada premis perniagaan dan industri yang berkait dengan bidang kuasa Kerajaan Negeri serta menggesa agensi membuat bayaran balik pinjaman secara konsisten.

Yang kedua, pihak Pengarah Tanah dan Galian (PTG) sedang meneliti kertas cadangan peningkatan hasil berkait urusan tanah dan kadar *fee* galian kerana kadar semasa yang ada sekarang ini adalah kadar yang terlalu rendah hatta kita bandingkan dengan negeri-negeri lain juga, ia berada dalam kedudukan yang rendah. Dan kita percaya ianya mampu meningkatkan sedikit sebanyak hasil daripada peningkatan kadar *fee* galian ini.

Yang ketiga ialah mengenakan caj bekalan kayu mentah dan yang keempat, Kerajaan Negeri juga telah membentuk satu Jawatankuasa Meningkatkan Hasil Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri dan dianggotai oleh UPEN (Unit Perancang Ekonomi Negeri), PTG dan semua Yang di-Pertua Majlis. Jadi dengan pendekatan itu kita berharap ianya dapat merungkai dan meringankan sedikit sebanyak masalah yang dihadapi oleh negeri. Pun begitu, sebagaimana yang saya ucapkan diawal tadi bahawa kita berharap persoalan ini dan suasana sebegini merupakan suatu hipotetikal, suatu jangkaan yang tidak berlaku. Sekian.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila Yang Bert hormat.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Bert hormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Bert hormat Menteri Besar, Yang Bert hormat sekalian. Soalan tambahan saya, penjelasan: Setakat ini pembayaran kali kedua Wang Ehsan daripada Kerajaan Pusat, berapa diterima oleh Kerajaan Negeri dan sepatutnya berapa yang akan diterima? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Yang Bert hormat Ajil yang mengemukakan persoalan.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Yang Bert hormat Kijal...

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Ehh.. *sorry, sorry*, Kijal, Ajil pulak dah. Soalan yang ditanya oleh Yang Bert hormat, soalan tambahan daripada Kijal sebenarnya berkait dengan soalan yang berikutnya dalam senarai soalan yang timbul pada hari ini daripada ADUN Sura. Jadi saya rasa saya ambil kesempatan untuk jawab terus soalan Sura.

Yang diterima oleh Kerajaan Negeri sehingga daripada Januari hingga November 2018 adalah berjumlah RM1,123,965,000.00, *sorry*, 960,000, RM1,123,960,000.00. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Berasaskan Bajet yang lepas, berapa lagi baki yang belum dibayar oleh Kerajaan Pusat?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Kijal. Baki sebenar yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri, kita tidak mempunyai rekod ataupun jumlahnya berdasarkan baki yang sebenar, kita hanya mempunyai anggaran berdasarkan pada pengiraan dan komunikasi dengan pihak Kementerian Kewangan kerana yang membuat pengiraan itu adalah hasil daripada Petronas dihantar kepada Perbendaharaan. Sebagaimana yang kita semua tahu dan kita menjangkakan baki yang tinggal adalah lebih kurang dalam RM400 juta lagi untuk tahun 2018 ini.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat Sura ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya, Yang Di-Pertua.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Tuan punya asal soalan, sila... *Ballik* pulak jadi.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh dan salam sejahtera. Soalan yang saya ingin kemukakan sebagai soalan tambahan ialah apakah langkah pihak Kerajaan untuk memastikan bahawa duit Wang Ehsan ini akan kita perolehi, bukan itu sahaja, kerana perjuangan Pembangkang sebelum ini sewaktu Barisan Nasional menjadi Kerajaan, inilah perkara utama yang menjadi perjuangan mereka, termasuk yang menjadi Timbalan Menteri sekarang ini yang telah, apa ini, pergi ke merata tempat dengan Hilux kemudian memohon atau mendesak Kerajaan memperjuangkan royalti ataupun Duit Ehsan, bukan itu sahaja malah berkait dengan Bertam sekali.

Jadi dalam soalan saya: Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mendesak dan kami di pihak Pembangkang memang bersedia untuk bersama-sama terutama mendesak kepada Pembangkang yang telah menjadi Kerajaan di peringkat Federal sekarang ini, yang telah memperjuangkan kerana mereka ini termasuk ADUN Bandar dan juga ADUN Batu Burok sebelum ini yang sentiasa dalam Dewan, saya rasa akan sentiasa sebaik sahaja Dewan bersidang sudah pasti perkara ini menjadi keutamaan. Dan kerana mereka sudah menjadi Kerajaan, eloklah kalau saya cadangkan di sini supaya pihak Kerajaan Negeri dan juga pihak Pembangkang untuk bersama-sama mendesak mereka kerana mereka sudah menjadi Kerajaan dan sepatutnya mereka mengotakan perjuangan yang telah mereka perjuangkan selama ini supaya hak rakyat Negeri Terengganu tidak dinafikan terutama berkait dengan Duit Ehsan dan juga isu tentang royalti Bertam itu sendiri?

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): PAS sokong juga dulu itu, masa isu ni PAS sokong juga tu.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Memang doh Batu Rakit.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Tak apa, tak apa, kita jawab dulu yang tuan punya soalan.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Seberang Takir. Tentunya soalan ini yang berkait dengan royalti petroleum dan gas ini adalah suatu soalan yang besar dan senantiasa ditanya bukan sahaja oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahkan menjadi suatu persoalan yang ditanya hampir setiap hari, setiap minggu oleh para wartawan dan rakyat di luar sana dan kita menyedari tentang kepentingan ini. Saya sepenuh hati merasa terima kasih di atas kesediaan Yang Berhormat Seberang Takir bersama rakan-rakannya, rakan-rakan kita semua untuk turut sama mengambil inisiatif dan menawarkan diri bagi sama-sama kita berusaha menyelesaikan

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Nanti, saya jawab dulu.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Nak tanya soalan ser.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Nanti dulu, nanti dulu, biar selesai dulu.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Nanti dulu, tak jawab lagi ni.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Biar selesai dulu, baru

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Nak celah jer sikit sebelum MB gi jauh, tentang soalan tu. Tentang soalan ni dia yang tukang tarik, lepas itu dia minta pulak. Jadi yang mana satu, hak jadi PM dulu yang tukang tarik ni.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Tak apa, tak apa, Ayah pun tukar dah lening.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: *Takpe*, okey, soalan semasa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Manir tu, tak apalah kita *take note* pandangan itu, sekarang ni apa yang penting adalah bagaimana untuk kita *move forward* dengan izin, bagaimana untuk kita bergerak secara bersama bagi menyelesaikan perkara ini. Tentunya senario politik semasa yang ada ini adalah suatu senario yang sangat unik selepas daripada negara mencapai kemerdekaan, suasana yang baharu, bukan sahaja pada Negeri Terengganu bahkan pada negeri-negeri yang lain yang mempunyai suasana politik yang berbeza apatah lagi berlaku perbezaan yang ketara di peringkat Kerajaan Pusat.

Pun begitu pendekatan yang ingin kita laksanakan daripada awal adalah secara memperkukuhkan hubungan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di atas Konsep Federalisme yang ada dalam Perlembagaan negara kita. Oleh kerana itu, saya telah mengambil pendekatan sebagai Menteri Besar, Kerajaan Negeri Terengganu bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa kali untuk melakukan perbincangan dan perundingan sama ada secara rasmi ataupun tidak rasmi. Dan saya menyambut baik apa yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Seberang Takir dan saya sebenarnya boleh bersetuju supaya kita boleh membentuk suatu Jawatankuasa, Adhoc Committee secara bersama di antara wakil daripada kerajaan dan wakil daripada rakan-rakan sebelah sana supaya dapat kita duduk bersama dan berfikir dan bergerak secara bersama ke Putrajaya untuk berbincang dengan pihak yang berkenaan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencelah sedikit.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya bersedia menawarkan diri untuk bersama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar(Tepukan Sokongan)....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): untuk bertemu dengan Tun Mahathir untuk mendapatkan hak Kerajaan Negeri Terengganu. Perkara inilah yang sama perjuangkan selama ini sehinggakan saya tersingkir dari jawatan. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya pun bersedia jugak. Barang yang lepas jangan dikenang.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Terima kasih. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Dah bakpe dok kenang?*

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Saya menyokong Wakil Kijal. Sokong kuat ni.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Dok kenang pulok doh. Jangan main-main. Hok kenang sedap ni.*

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Rileks.... rileks....

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Terima kasih, terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Saya tiba-tiba terasa seriau, rasa *naik rhaa* bila mendengar pandangan rakan-rakan daripada sebelah sana dan sebelah sini. InsyaAllah kita akan membentuk jawatankuasa itu dengan segera dan kita akan bergerak secara bersama dan ini merupakan suatu mesej yang sangat jelas daripada Negeri Terengganu bahawa kami boleh duduk secara bersama di Negeri Terengganu walau apa jua parti politik kerana inilah yang ingin kita perjuangkan untuk rakyat Negeri Terengganu dan bukan untuk kepentingan parti politik di Negeri Terengganu dan saya berharap dan saya yakin bahawa inisiatif yang sedemikian akan dilihat sebagai suatu perkara yang sangat kuat kesannya terutama kepada Kerajaan Pusat di Putrajaya. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih pada Yang Amat Berhormat Wakil Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat.....

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Saya ingat cukup.. cukup... Soalan tambahan tak banyak, saya ingat dah lebih daripada hadnya sebab ramai lagi

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya nak tambah sikit sahaja.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Tak tak

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya nak beri pandangan, Yang di-Pertua, saya nak mohon supaya kita buat secara agresif kerana soalnya sekarang ini soal royalti ini atau Duit Ehsan ini amat penting kerana kalau sekiranya Duit Ehsan ini kita tak perolehi maka segala pembentangan Bajet kita pada kali ini sebagai retorik sahaja. Jadi kerana itu maka saya nak minta, nak pohon supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita buat desakan secara agresif kerana masalahnya sekarang ini, kita yang sedia, kita dapat setiap tahun, bulan 10 sepatutnya kita dah selesai dari segi Dana Duit Ehsan ini pada setiap tahun tetapi sekarang ini masih terhutang jadi kita bimbang perkara ini. Jadi kita bimbang satu lagi ialah RM200juta hutang yang telah diberi komitmen ataupun *advance* ataupun pendahuluan yang diberi komitmen oleh Kerajaan Pusat untuk bayar kepada kita sehingga tahun 2020. Ini satu hal lagi, dan satu lagi hal, Bertam. Jadi kalau bolehlah saya cadangkan di sini, kita buat memorandum ataupun kita mendesak supaya rakyat kita semua sekali untuk mendesak Kerajaan Pusat untuk mengembalikan hak kita kerana ini adalah suatu perkara yang bukan kecil dan ini kita merasa sedihlah kerana hak kita ini sedang dinafikan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HILIMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang di-Pertua, baru kejut tidur, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Seberang Takir. Yang Amat Berhormat Menteri Besar

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Agresif tu kena demonstrasi ke?

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Cukup... cukup Yang Amat Berhormat Menteri Besar dah beri komitmen tadi, *don't worry.. don't worry.*

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Saya persilakan Wakil Telemong

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yang Berhornat

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Soalan Yang Berhormat tadi dah dijawab tadi, sebab tu saya tunggu tadi. Saya tunggu Yang Berhormat mencelah, saya dah sebut dah tadi tapi Yang Berhormat tak ambil kesempatan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Mencelah bukan soalan tambahan ni.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Soalan-soalan yang asal tadi dah dijawabkan. Ni soalan mana lagi?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Ini giliran saya Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Betullah, Yang Berhormat nak tanya soalan mana lagi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Guaner* Yang di-Pertua? *Hok tu ke hok ning* Yang Di-Pertua ni? Saya dok faham ni..

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Saya nak tanya soalan berkaitan petroleum..

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sekejap, sekejap. Tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut soalan yang berkait dengan royalti petroleum dijawab sekaligus. Sebab tu saya tanya sekarang Yang Berhormat nak tanya soalan mana ni?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Soalan tambahan saya.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Tambahan dah saya beri tadi, saya dah beri tadi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Saya tak sempat.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat tak ambil peluang.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Jadi dalam Dewan ni kena cekaplah, kena cekap. Kalau Yang Berhormat tak ambil peluang, kena tinggal. Okey, saya persilakan Yang Berhormat Telemong untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan. Soalan saya yang pertama -

Bola sepak merupakan sukan yang mempunyai ramai peminat di Terengganu. Untuk meningkatkan lagi kecemerlangan sukan ini, apakah perancangan PBSNT dalam perkara ini?

Terima kasih.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua jabatan dan sekalian Pemerhati yang dirahmati Allah sekalian.

Yang Berhormat Telemong bertanyakan soalan berkenaan dengan sukan bola sepak yang menjadi sukan nombor satu di Negeri Terengganu dan apakah perancangan Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu untuk terus mengekalkan kecemerlangan sukan ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, Kerajaan insyaAllah akan terus memastikan sukan nombor satu ini disokong. Jadi, ianya berada di landasan yang baik pada masa-masa yang akan datang, insyaAllah. Dan seperti yang kita semua telah tahu bahawa pada Sesi 2018 baru-baru ini, sukan bola sepak Malaysia telahpun mencatatkan kecemerlangan yang telahpun dihasilkan oleh pasukan-pasukan Terengganu sama ada daripada TFC satu, dua, tiga, empat dan juga lima yang mana pasukan-pasukan kita telahpun berjaya sama ada menjadi Juara mahupun Naib Juara termasuk berada di peringkat suku akhir di dalam kejohanan-kejohanan yang telahpun diadakan sebelum daripada ini. Klimaks ataupun kemuncaknya baru-baru ini dalam sukan pertandingan Bola Sepak Piala Malaysia dimana pasukan TFC telahpun berjaya menduduki Naib Juara. Walaupun Naib Juara tetapi pasukan kita telah berjaya memaparkan satu persembahan yang begitu membanggakan semua pihak dan ramai juga pada malam itu walaupun daripada negeri-negeri yang lain tetapi memberi sokongan kepada Negeri Terengganu. Alhamdulillah. Dan untuk itu juga pihak Kerajaan telahpun memberikan komitmen jaminan kewangan yang agak besar juga dengan bantuan sokongan daripada GLC's untuk terus menyokong pembangunan sukan Bola Sepak di Negeri Terengganu. Dan untuk itu juga, persatuan telah melakukan dan juga merancang dengan beberapa perancangan seperti transformasi pengurusan, kemudahan prasarana, liga bola sepak tempatan, kursus kejurulatihan, pembangunan belia dan akar umbi

untuk memastikan kecemerlangan sukan Bola Sepak Terengganu ini terus konsisten, insyaAllah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan berkaitan dengan kecemerlangan Sukan Bola Sepak Negeri Terengganu pada hari ini. Walau bagaimanapun, setiap kali perlawanan-perlawanan penting, bola sepak negeri kita ini yang menjadi isunya ialah berkaitan dengan masalah penjualan tiket yang tidak pernah selesai sejak daripada dulu lagi. Bukan sekarang saja, sejak daripada dulu lagi. Jadi, ini adalah masalah yang kita lihat ianya menimbulkan ketidakpuasan hati pihak peminat kepada pihak pengurusan kita. Jadi oleh sebab itu saya ingin tahu daripada pihak Kerajaan apakah cadangan kita pada masa-masa yang akan datang untuk memuaskan hati peminat-peminat kita apabila timbul perlawanan-perlawanan penting sebagaimana yang telah berlaku baru-baru ini.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima Kasih kepada Yang Berhormat Telemong. Ya, saya akui bahawa isu penjualan tiket untuk pertandingan baru-baru ini adalah satu isu yang agak besar juga yang telahpun berlaku dalam negeri kita ini dan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Telemong bahawa isu ini adalah isu yang berlaku sekian kali terutamanya apabila melibatkan pertandingan-pertandingan yang kita berada di peringkat akhir pertandingan ataupun kejohanan. Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat juga untuk pertandingan yang terakhir baru-baru ini, pihak persatuan masih lagi mengekalkan kaedah pembahagian atau penjualan yang sama seperti sebelum daripada ini dengan penambahbaikan yang baru yang dilakukan di antaranya ialah kuota atau peruntukan tiket-tiket kepada persatuan-persatuan bola sepak di peringkat daerah-daerah suatu yang saya dimaklumkan tidak berlaku sebelum daripada ini. Cumanya kita mendapati bahawa kaedah penjualan tiket yang telahpun diagihkan kepada persatuan bola sepak daerah-daerah ini tidak berlaku dengan cara yang sepatutnya sepertimana yang dilakukan di sesetengah negeri di mana persatuan-persatuan daerah sekiranya mereka menjual tiket-tiket yang diperuntukkan kepada mereka di tempat-tempat yang umum

seperti di Mini Stadium ke ataupun di Pejabat Daerah ke ataupun di tempat-tempat tertentu. Saya rasa ini boleh serba sedikit melegakan peminat-peminat bola sepak berbanding apabila pihak persatuan yang diagihkan peruntukan tiket itu kepada mereka, mereka menjualnya atau membahagikan dengan cara yang kita terlepas pandang. Maka itu yang saya rasa mengundang kemarahan daripada peminat-peminat. Pun begitu perlu kita akui juga hakikat bahawa tiket yang dibekalkan kepada kita hanya 30,000 keping sahaja berbanding jumlah penonton yang ingin membeli menyaksikan secara *live* di stadium itu jumlahnya lebih daripada peruntukan tiket yang diberikan kepada kita. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dia masalah tiket ini sebenarnya pada pandangan saya kerana masalah dia beri 30,000 itu padan dah dengan stadium kita tapinya masalah kita adalah bilakah Kerajaan Negeri nak *start* semula main di stadium yang baru kita di Gong Badak? Kerana saya rasa kalau di Stadium Gong Badak ini kita boleh menyelesaikan masalah ini sebahagian besar daripadanya, cuma sekarang ni kita nak tunggu bilakah persediaan Kerajaan Negeri untuk membantu untuk pindah perlawanan ini ke Stadium Gong Badak? Terima Kasih.

YANG BERTHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Telemong. Seperti yang telah saya nyatakan dalam jawapan awal tadi bahawa di antara perancangan yang Kerajaan akan ambil iaitulah termasuk pembangunan dari sudut kemudahan prasarana dan kita juga faham bahawa di antara aset yang sedia ada yang kita miliki yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya pada kali ini ataupun sehingga hari ini ialah kemudahan Stadium Sultan Mizan yang jauh lebih besar berbanding dengan stadium yang kita ada sekarang ni. Dan pun begitu seperti yang juga semua maklum bahawa isu yang utama yang kita ada di Stadium Sultan Mizan itu adalah isu yang berkaitan dengan padang yang tidak sesuai untuk digunakan bagi pertandingan-pertandingan yang besar sifatnya. Dan alhamdulillah, untuk makluman Dewan bahawa Malaysia Football League atau MFL telahpun berunding dengan pihak Kerajaan Negeri baru-baru ini dan

insyaAllah kita mengharapkan agar inisiatif ataupun usaha yang dilakukan oleh pihak persatuan dengan MFL yang sudi untuk membantu memperbaiki dan menyediakan padang yang sesuai di Stadium Sultan Mizan itu insyaAllah akan dapat kita lihat ataupun realisasikan pada 2019 ini. InsyaAllah.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Wakil Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 2 -

Apakah persiapan yang sedang dilaksanakan Kerajaan Negeri dalam menangani masalah banjir di seluruh Negeri Terengganu yang berkemungkinan berlaku tidak lama lagi?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Exco, ketua-ketua jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Yang Berhormat daripada Bukit Besi menanyakan soalan nombor 2: Apakah persiapan yang sedang dilaksanakan Kerajaan Negeri dalam menangani masalah banjir di seluruh Negeri Terengganu yang berkemungkinan berlaku tidak lama lagi.

Pihak Kerajaan telahpun membuat persiapan awal dalam usaha menangani masalah banjir di Negeri Terengganu. Persiapan ini bermula pada suku tahun 2018 lagi melalui suatu Jawatankuasa Pengurusan Bencana Banjir ataupun JPBN Terengganu yang telahpun bersidang dan bermesyuarat sebanyak dua kali. Mesyuarat yang pertama ialah pada 5 April 2008, membincangkan *post-mortem* pasca bencana banjir. Manakala mesyuarat yang kedua ialah pada 26 September, membincangkan kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir. Di samping itu juga, kesemua Pejabat Daerah telah menjalankan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah di daerah masing-masing bagi menyelaraskan persiapan menghadapi bencana banjir di peringkat daerah. Di peringkat daerah juga, Mesyuarat Penyelarasan Persiapan di peringkat DUN

dan sektor yang berkaitan turut dilaksanakan. Komuniti di peringkat daerah melalui Pejabat Daerah, Sekretariat Daerah, dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung ataupun MTKK telahpun diberi taklimat serta pendedahan berkaitan dengan kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir seperti latihan asas, keselamatan, simulasi menyelamatkan ketika banjir, dan sebagainya oleh semua agensi ataupun jabatan yang terlibat. Makluman serta hebahan melalui media cetak serta media elektronik telahpun dilaksanakan secara berterusan dan proaktif bagi menyedarkan masyarakat berkaitan dengan persediaan menghadapi Monsun Timur Laut ataupun Monsun Tengkujuh pada tahun 2018 ataupun menjelang 2019. Taklimat Khas Pengurusan Banjir juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Exco, Ahli Parlimen dan ADUN Terengganu telah dilaksanakan pada 12 September di Bilik Gerakan Negeri, Wisma Darul Iman. Taklimat Khas Sokongan Bantuan Bencana Banjir Negeri Terengganu juga telah diadakan pada 25 Oktober 2018 di Dewan Konvensyen, Wisma Darul Iman dan juga Pejabat SUK Terengganu. Di setiap daerah juga, ada telah melaksanakan latihan, seminar, kursus bersama secara integrasi berkaitan dengan kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir pada tahun ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Tambahan Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Seterusnya...ya?

YANG BERHORMAT DATO' HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Ada tak pihak Kerajaan membuat anggaran atau membuat kajian berapakah kos ataupun implikasi terhadap harta-harta rakyat, aset-aset Kerajaan, infrastruktur yang sedia ada dan juga kos yang diperuntukkan untuk membantu mangsa-mangsa banjir setiap tahun di daerah-daerah yang terlibat dengan banjir? Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Panjang Yang Berhormat tu. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Setakat ini belum ada lagi. Tetapi Kerajaan sedang berusaha untuk memastikan berapa sebenarnya kos yang akan dibayar kepada bencana banjir. Contohnya, Duit Ehsan. Sebahagian Duit Ehsan selepas daripada mangsa kena banjir itu yang dibayar oleh Kerajaan Pusat RM1.7 juta tetapi yang dibayar oleh Kerajaan Negeri sekitar dalam RM371 juta. Dan begitu juga dengan sebahagian barang-

barang ini juga dibeli, sebahagian besar oleh Kerajaan Pusat dan sebahagian kecilnya oleh Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' SERI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya rasa Wakil Cukai silap sebut tadi. Kalau RM310 juta banyak tu. *Check* balik.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): RM317 ribu. *Sorry...*

YANG BERHORMAT DATO' SERI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Haaaa.....

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Bagus.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Titik perpuluhan.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Kijal. Kita dalam Sidang Dewan ni baguslah saling ingat-memperingati, perbetul-memperbetulkan. Tiada masalah. Seterusnya saya jemput Wakil....

YANG BERHORMAT DATO' HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Yang Di-Pertua....

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Cukuplah..masa tak banyak. Saya nak persilakan wakil daripada Manir

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1 -

Nyatakan bilangan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan yang ditanya oleh

Manir ialah soalan 1: Nyatakan bilangan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Terengganu?

Jumlah anak-anak syarikat yang masih ada di bawah Kerajaan Negeri Terengganu adalah 153 buah syarikat.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang di-Pertua, berapakah bilangan daripada keseluruhan jumlah anak syarikat tersebut yang aktif dan yang tidak aktif? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Daripada 153 syarikat itu, syarikat-syarikat ini termasuk yang terletak di bawah MBI, di bawah TI, TI itu bermakna Terengganu Incorporated, MBI tu MB Incorporated, dan anak syarikat di bawah PTB, di bawah Yayasan Terengganu, di bawah SEDC semua tu 153. Dan yang *dormant*, yang maknanya yang tidak berjalan dah, ada lebih kurang 46 buah. Yang *dormant*, yang tak aktif, yang nak digulungkan dan sebagainya dan yang lain tu aktif. Aktif tu bukan maknanya untung. Ada juga yang aktif tapi rugi. Dan Kerajaan telah melantik anak syarikat ini, Ahli Lembaga yang akan menyeliakan semua perkara yang berkaitan dengan syarikat masing-masing. Dan kita juga sedang memerhati dengan baik apakah ada syarikat-syarikat yang perlu kita hentikan operasinya kerana kerugian yang amat besar. Contohnya, sekadar contoh, ada sebuah syarikat yang tak mahu dinamakan namanya, kerugian berniaga sejak berniaga dua tiga tahun lepas sehingga 31 Disember 2017, rugi RM2.6 juta. Pada tahun 2017, rugi RM1.2 juta setahun. 2018 tak habis lagi ni, sikit lagi ada, tapi dijangka akan rugi lebih kurang RM2.5 juta, maknanya RM200 ribu sebulan rugi.

YANG BERHORMAT DATO' SERI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencelah. Kenapa nak rahsia sangat, kabor yang rugi tu senang kita tutup. *Royat molek* yang mana rugi tu tutup selalu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Jangan marah Yang Berhormat, tanya molek.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kemah...kemah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Molek jugak kalau boleh kabor tapi ialah kerana dia ada Ahli

Lembaga dia masing-masing, kita mungkin minta Ahli Lembaga sendiri *disclosed*. Tapi kalau nak tahu, kalau dengan izinlah, ada sebuah syarikat yang beroperasi di Negeri Terengganu, di Kuala Terengganu, nama dia Chicken Cottage, gitu. *Figure-figure* yang saya sebut tadi ialah *figure* daripada Chicken Cottage.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Tapi saya rasa untung dulu dengar cerita.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya pun rasa untung juga, tapi dia tak untung, nak buat macam mana, kita tak tahu tapi tak apalah, itu orang niaga, kita sekarang ni kita niaga, kita serahkan kepada Ahli Lembaganya atau *boardnya* dia untuk menentukan hala tuju seterusnya. Tak apa, tiada masalah, berniaga ni ada rugi, ada untung, tiba-tiba rugi tak apalah kita terima, itu sebagai hakikat yang kita terpaksa terima. *No problem*. Okey, itu sahaja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Wakil Langkap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1 -

Adakah Kerajaan Pusat telah membayar kos pengambilan tanah bagi tujuan pembinaan LPT 2 kepada Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Wakil Langkap. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, semua Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan. Soalan daripada Wakil Langkap berbunyi: Adakah Kerajaan Pusat telah membayar kos pengambilan tanah bagi tujuan pembinaan LPT 2 kepada Kerajaan Negeri?

Setakat ni, Kerajaan Negeri tidak menerima apa-apa jumlah ataupun kos untuk pengambilan daripada tanah hak tanah Kerajaan Negerilah. Tidak ada. Tetapi kalau tanah berkaitan dengan pemilikan sama ada individu ataupun

syarikat, Kerajaan Negeri ada menerima sejumlah iaitu RM163.548 juta. Silap point jugak tu. Silap titik. RM163.548 juta yang mana lot yang terlibat adalah 1,752 lot pemilikan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan tambahan saya: Oleh kerana baru ni kadar tol tak jadi nak turun baru ni, adakah Kerajaan Negeri Terengganu bercadang menjadikan LPT 2 ni bebas daripada tol? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Pertama, LPT 2 ini bukan hak milik Kerajaan Negeri. Walaupun kalau kita dari segi sejarah kita buat kajian dari segi sejarah dulu ada saham daripada Kerajaan Negeri melibatkan wang royalti, wang ehsan sebanyak RM1.85 bilion untuk nak buat lebuh raya tersebut. Jadi, oleh kerana bukan hak milik LPT 2 ini hak Negeri Terengganu, jadi kita tidak bercadanglah untuk menjadikan bayaran tol itu sifar kerana pertama, kita tidak ada kepakaran untuk mengutip yuran ataupun tol tersebut. Kemudian kita jugak tidak mempunyai kepakaran untuk *maintenance* LPT 2 ini. Jadi kita serahlah kepada kerajaan ataupun kepada konsesi untuk.....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencelah Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kalau nak kata kita tidak ada kepakaran saya tak setuju sebab kita pernah buat Jambatan Sultan Mahmud bertol satu ketika dulu. Dan benda ni boleh kita belajar kalau kita hendak. Kalau kata jawapan kata tidak ada kepakaran saya tak setuju. Kena cari jawapan lain.(Dewan Gelak).....

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih, terima kasih .

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Bagus Yang Berhormat Kijal hari ni.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih. Maksud saya kepakaran kutip tu senang. Tetapi kepakaran dari segi

maintenance, kita tidak mempunyai *engineers* ataupun kepakaran-kepakaran tertentu.....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tuan Yang di-Pertua, mencelah, mencelah. Kita pernah buat *maintenance* jalan melalui syarikat Negeri Terengganu *joint venture* dengan syarikat lain. Jadi tidak timbul soal tidak ada kepakaran. Cari jawapan lain juga.(Dewan Gelak).....

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih, terima kasih. InsyaAllah kita akan kaji, dan kita akan carilah kerana benda ni *highly...* kepakaran yang tinggi, jadi kita akan kena kaji balikkah.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Okey terima kasih Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan dulu sementara Persidangan kita ini pada pukul 11.05 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.38 PAGI.

PUKUL 11.10 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Kita masih lagi dalam sesi perbincangan ke atas Enakmen Perbekalan 2019 ataupun Bajet dan rekod yang ada pada saya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet ini daripada Yang Berhormat Kerajaan ada tiga orang iaitu Pengkalan Berangan, Batu Burok, Buluh Gading. Buluh Gading saya difahamkan masih lagi di Hospital Kuala Terengganu Specialist (KTS). Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala sembuhkan beliau lebih cepat. Ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang seramai 6 orang. Yang Berhormat Kijal, Hulu Besut, Batu Rakit, Langkap, Permaisuri dan juga Seberang Takir.

Sebelum saya teruskan sesi ini, saya nak tahu berapa ramai Ahli Yang Berhormat yang nak bercakap. Berapa ramai Ahli Yang Berhormat yang nak bercakap untuk perbincangan Enakmen Perbekalan 2019 ini? Sebelah sini takdok? Okey kita teruskan. Saya persilakan Yang Berhormat Pengkalan Berangan. Sila.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah rabbil 'alamin. Allazi arsala rasulahu bilhuda wa inilhaq. Liyuzhirahu ala diini kullih walau karihal musyrikun. Asyhadu alla ilaha illallahu wahdahu la syarikalah. Wa asyhadu anna Muahammadan abduhu warasuluh. Wa'ala alihi wa ashabihi waman tabi ahu bi ihsani ila yaumiddin. Amma Ba'.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, rakan-rakan Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan yang dirahmati Allah sekalian.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi izin dan laluan kepada saya bagi menyampaikan ucapan sempena perbincangan Bajet 2019 di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang

di-Pertua, saya cuba untuk menarik perhatian berkenaan dengan pendidikan. Pendidikan adalah satu elemen penting yang menjadi asas dan dasar kepada ajaran Islam sesuai dengan ayat pertama dari kerasulan Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala: Ba'da Auzubillahi minassyaitonirrajim. Bismillahir Rahmanir Rahim.

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ . خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ . اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ . الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ . عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ .

Maksudnya: Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang. Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia yang telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah. Dan Tuhanmu yang mulia. Yang mengajar manusia dengan pena. Yang mengajar manusia apa yang tidak diketuhui. Ayat-ayat pertama, yang telah diturunkan Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi yang ummi, menjadi fundamental yang kukuh bahawa pendidikan dan pembelajaran mestilah dibaca dan diajar dengan nama Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Agung. Mentauhidkan Allah mestilah menjadi tunjang dasar kepada pendidikan manusia.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pendidikan hendaklah diurus dengan penuh berhikmah bagi mencapai natijah ilmu dalam melahirkan masyarakat madani yang hidup mendaulatkan syariat dan menjunjung tinggi mukjizat Al-Quran yang menjadi petunjuk di sepanjang zaman. Sebagai sebuah kerajaan yang didokong oleh Parti Islam SeMalaysia (PAS) yang berteraskan Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias, saya berpandangan dan berpendapat satu peruntukan yang menyeluruh dan komprehesif perlu disediakan. Penekanan dan pendekatan budaya ilmu yang menghormati ilmu adalah sangat penting untuk memastikan kesucian dan kemurniaan ajaran Islam terus menjadi agenda kehidupan rakyat. Rakyat mesti diberi kefahaman yang jitu bahawa ilmu adalah asas kepada kejayaan kehidupan sama ada di dunia ataupun di alam akhirat nanti. Keyakinan yang mesti dipasak kukuh kepada semua generasi agar Terengganu mampu melahirkan masyarakat dan rakyat yang senantiasa menepati kehendak ummah yang membawa rahmat kepada seluruh alam.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman:

قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكِ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُنْزِلُ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: Katakanlah wahai Muhammad olehMu wahai Muhammad, wahai Tuhan pemilik kekuasaan engkau berikan kekuasaan kepada sesiapaupun yang engkau kehendaki dan engkau menarik kekuasaan daripada sesiapaupun yang engkau kehendaki, engkau muliakan sesiapaupun yang engkau kehendaki dan engkau menghinakan sesiapaupun yang engkau kehendaki. Ditangan engkaulah segala kebaikan sesungguhnya engkau Tuhan yang maha berkuasa atas segala sesuatu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pengalaman memerintah Negeri Terengganu pada tahun 1999 sehingga 2004 perlu menjadi pengajaran dan pengiktibaran kepada kita disaat kita dengan segala kesungguhan yang ada dalam melestarikan pendidikan dengan menubuhkan Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) tetapi takdir Allah mendahului takdir manusia apabila tampuk pemerintahan beralih arah bagaimanakah nasib SRAB Sekolah Agama Bersepadu selepas itu semua sudah sedia maklum. Nasib anak-anak yang telah dididik dengan acuan pra Islam SRAB ini tidak mampu untuk mencapai visi penubuhannya, hilang tanpa khabar berita, berkubur tanpa pusara dibiarkan berakhir dengan penuh trajis dan kesedihan. Tidak salah untuk membina sekolah baharu ia bukan sahaja sebuah janji manifesto bahkan ia merupakan kewajipan Kerajaan yang mesti dilaksanakan namun begitu perhatian juga perlu diberi kepada warisan tinggalan yang telah banyak mencipta sejarahnya sendiri. Saya mencadangkan agar peruntukan yang lebih besar dan setimpal dengan kehendak semasa perlu diberi kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Pondok dan Pusat Pengajian Agama bukan hanya angka yang tercatat dalam Belajawan 2019.

Tuan Yang di-Pertua, kerenah Birokrasi Pendaftaran dengan Jabatan Hal Ehwal Agama perlulah dilihat dengan lebih dinamik dan konstruktif kaedah dan prosedur serta kerenah Birokrasi perlu dipermudahkan agar penyaluran peruntukan dapat diagihkan dengan lebih berkesan kerana setiap rakyat mempunyai hak yang sama untuk memilih sekolah atau tempat pengajian yang sesuai dengan kemampuan mereka.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, izin saya untuk menyentuh berkenaan Imtiaz, khususnya Imtiaz Marang. Pembinaan sekolah Imtiaz Marang yang telah dirancang pembinaannya perlu diberikan fokus khusus keadaan sekolah sementara yang sangat tidak sesuai disebabkan alih kemampuan untuk menampung pelajar perlu disegerakan penyelesaian. Cuba kita bayangkan

bagaimana perasaan para pelajar terpaksa berulang-alik dari asrama dan sekolah dengan bas sedikit sebanyak mengganggu waktu pembelajaran mereka. Keadaan asrama yang tidak mempunyai infra yang sesuai bagi menampung pelajar dilihat mengganggu pertumbuhan emosi dan sosial serta tumpuan pembelajaran. Saya berharap agar Kerajaan melihat secara serius keperluan dan perancangan ini agar hasrat kita bagi melahirkan ukhwah terbilang mampu dicapai dengan jayanya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kesungguhan Kerajaan dalam membela dan mempertingkatkan nasib nelayan sangat-sangat dialukan. Namun begitu saya juga berharap agar nasib nelayan Pantai Mercang dan kawasan sekitarnya juga tidak dilupakan, walaupun sudah ada perancangan bagi membina semula muara Sungai Mercang untuk kemudahan nelayan, namun di sana masyarakat-masyarakat nelayan masih dilihat menjalani kehidupan yang serba kedhaifan dengan penempatan yang tidak berstruktur dan tersusun. Saya memohon agar Kerajaan dapat melakukan suatu tindakan agar mampu untuk menyelesaikan penempatan nelayan Pantai Mercang dan kawasan sekitarnya dalam membina masyarakat sejahtera yang lebih tersusun selaras dengan motto Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, industri pertanian adalah industri terpenting Negeri Terengganu, tanah subur dan berpotensi adalah anugerah Allah kepada rakyat yang mesti disyukuri dengan diusahakan hasilkan secara maksima. Namun begitu terdapat seluas 12,309.22 hektar tanah terbiar sebagaimana statistik Jabatan Pertanian 2014 yang perlu dibangunkan saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri dengan kerjasama seluruh agensi terlibat terutama Jabatan Pertanian membangunkan tanah terbiar tersebut dengan perkasakan Skim Belia Tani dalam membantu menyediakan peluang kerja kepada belia menganggur yang berjumlah 4.2% Kadar Pengangguran Terengganu 2014.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah berupaya untuk mencari sumber kekayaan baharu dengan membangunkan industri silika di Jambu Bongkok yang sudah tentu akan memberi pulangan lumayan kepada Kerajaan. Namun, saya berharap agar peluang yang saksama diberikan kepada rakyat Negeri Terengganu untuk terlibat sama dalam industri ini dengan jumlah keseluruhan jangkaan pulangan pelaburan sebanyak RM13 bilion. Saya memohon agar Kerajaan Negeri mempunyai satu dasar jelas

kepada pelabur-pelabur agar memastikan keutamaan diberi rakyat tempatan serta anak Terengganu, khususnya Pengkalan Berangan dalam mengusahakan sumber alam tersebut. Kita tidak lagi mahu melihat rakyat asing yang datang mengaut keuntungan sedang anak negeri hanya mampu melihat dan menjadi penonton seumpama ayam di kepok mati kelaparan. Kerajaan perlu ada satu dasar jelas berkaitan guna tenaga dan tenaga kerja dengan penglibatan tenaga tempatan yang lebih komited.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Pelancongan. Pelancongan adalah sumber kedua terpenting yang beri pulangan hasil kepada Negeri Terengganu, dengan kekayaan sumber alam semula jadi pantai, lautan, flora, fauna, tasik, sungai dan seumpamanya yang merupakan anugerah Allah kepada Negeri Terengganu, ianya hendaklah digembleng dengan penuh bertanggungjawab dengan menjemput segmen baharu pengguna, industri *player* dengan izin, perlu membawa dimensi baharu kepada pelancongan seperti memperkasakan Pelancongan Masjid yang telah mula mendapat perhatian daripada pelancong luar dan juga produk pelancongan holistik yang memberi saham membentuk masyarakat yang lebih menghargai anugerah Allah ini dalam merealisasikan Negeri Cantik Budaya Menarik faktor dan aspek kebersihan perlu dititik beratkan. Kerajaan Negeri melalui PBT, Pihak Berkuasa Tempatan boleh menganjurkan Hari Kebersihan Secara Bulanan dalam memupuk membina kesedaran rakyat bahawa kebersihan adalah sebahagian daripada iman dan Islam.

Tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah membawa keyakinan kepada pihak operator penerbangan untuk menambah jumlah destinasi penerbangan ke Terengganu dan dari Terengganu dan tahniah juga kepada Yang Berhormat Pengerusi Pelancongan, Kebudayaan, Teknologi dan Teknologi Maklumat atas komitmen ini.

Saya juga berharap agar satu garis dasar pelancongan dan hiburan dapat digubal supaya industri hiburan yang sangat sinonim dengan anak muda dan remaja dapat dipupuk dengan lebih harmoni.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, golongan anak muda adalah di antara aset penting yang akan mewarisi kepimpinan masa hadapan, pembentukan sahsiah dan jati diri anak muda perlu diberi penekanan yang lebih stimulatif dan inovatif. Mereka terdedah kepada dunia luas tanpa sempadan yang sangat mengujakan. Saya berharap agar perancangan pembangunan belia

tidak hanya tertumpu kepada pembangunan sukan dan rekreasi sahaja. Mereka perlu diberi input yang membina insan dan pekerti mulia mewarisi Al-Fateh anak muda yang telah berjaya menakluki Constantinople dengan kekuatan ilmu yang luar biasa.

Saya suka mencadangkan agar anak muda ini diberi ruang yang lebih bagi melahirkan inovasi mereka dengan menubuhkan institusi yang lebih *advance dan* mungkin satu institut atau pusat kemahiran berasaskan robotik dan aero angkasa yang menjadi kepakaran Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh dilaksanakan dan dibangunkan.

Persatuan Belia perlu dipandu dan dipupuk dengan semangat kerjasama dalam persaingan sihat membela nasib golongan belia dan anak muda. Rakyat sepatutnya tidak ada istilah menganggur kerana Nabi Salallahu Alaihi Wassalam menyatakan yang maknanya: Bahawa kamu mencari kayu api dan dipikulkan di atas belakang kamu lalu kamu jual di pasar adalah lebih mulia daripada kamu meminta. Al-Iman Hassan Al-Banna dalam risalahnya sangat menekankan kepentingan generasi pemuda belia diurus dan dididik dengan keyakinan diri dan kekuatan sendiri tanpa bergantung dan berharap kepada orang lain.

ARC dan Jabatan Amal adalah antara kejayaan PAS dalam membentuk dan membina jati diri anak muda dan memupuk semangat dan minat tinggi kepada kerja amal dan permotoran. Kerajaan perlu melihat peluang yang ada bagi melibatkan dan memperkasakan mereka dalam memperbaiki dan membina semula anak muda dan belia yang terlibat dalam gejala keruntuhan akhlak, sosial dan moral yang sangat berleluasa.

Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, wanita adalah golongan rakyat yang tidak boleh dipinggirkan dalam membentuk dan mewarnai kemajuan negeri. Mereka adalah golongan yang sangat mudah terpengaruh dan dipengaruhi. Peranan mereka dalam menjadi asas kepada pendidikan awal kanak-kanak sangat penting. Mereka perlu dibimbing dan diajar dengan teknik dengan kaedah yang tepat dalam mendidik anak-anak di peringkat awal usia dengan segala input penting pembinaan insan. Dalam menghasilkan ibu yang berketerampilan saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri mewujudkan satu

institusi bagi melatih ibu dan bakal ibu menjadi *nobel mother* dengan izin, agar peranan mereka lebih efektif dan efisien.

Dengan apa-apa yang saya cadangkan dan kemukakan pada pagi ini saya mohon untuk menyokong pembentangan Bajet yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu. Sekian wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan betul-betul menepati masa. Saya persilakan Wakil daripada Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillah rabbil 'alamin. Wabihi nastain. Amma ba'.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil, Pemerhati dan semua yang hadir.

Alhamdulillah syukur kita kehadiran Allah, dan saya berterima kasih kepada Yang Berhormat di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas dalam Ucapan Bajet 2019. Pertama kali saya nak ucapkan tahniah dan terima kasih atas Bajet yang cukup besar yang mana kita lihat ada sedikit pertambahan iaitu sebanyak RM19 juta daripada Bajet 2018. Cuma persoalannya apakah Bajet yang dibentangkan ini dapat direalisasikan sekiranya punca-punca hasil yang diharapkan tidak dapat diterima atau pun sebaliknya. Jadi apakah inisiatif yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menangani sekiranya apa yang dijangkakan punca-punca pendapatan ini tidak dapat diterima sebagaimana yang diharapkan.

Oleh sebab itu kita berharap Kerajaan perlu memikirkan inisiatif-inisiatif baru untuk menjana pendapatan Kerajaan Negeri. Dan dalam Bajet ini juga, macam saya nyatakan tadi iaitu berlaku pertambahan RM19 juta dan kita dapati ada pertambahan perkara-perkara baru Yang Amat Berhormat Menteri

Besar umumnya. Dan di dalam Bajet ini juga menyatakan bahawa perkara-perkara lama yang telah dijalankan akan diteruskan bermakna dengan RM19 juta pertambahan ini sudah tentu tidak cukup dengan pertambahan pengumuman baru yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Adakah dengan pertambahan ini ia akan mengurangkan bahagian-bahagian tertentu, sektor-sektor tertentu yang telah dijalankan di masa-masa yang lalu. Ini juga kita kena perhatikan mungkin mengakibatkan dana-dana bantuan-bantuan kepada rakyat terpaksa dikurangkan dan sebagainya.

Dan saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah di atas kejayaan Kerajaan Negeri, pasukan-pasukan terutamanya dalam SUKMA, bola sepak, hoki, pendidikan dan sebagainya. Cuma kita rasa kecewalah sikit kerana kejayaan hari ini adalah kerana diletakkan asas yang kukuh oleh Kerajaan yang terdahulu tapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar tak sebut sikit pun terima kasih kepada Kerajaan dahulu kerana *kalu hok dok molek Kerajaan dulu, hok molek senyap*, yang ni jadi masalah.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Hok hilang royalti tu hok kerajaan BN tu.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Hok dok molek dakpelah hok molek tu biar ingat etek.

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih kepada Kerajaan dulu.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Haa... Terima kasih banyak. Dan ada juga rungutan-rungutan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar ni payah sikit nak sebut terima kasih. Saya buat contoh guru-gurulah, cikgu-cikgu kata terima kasih ke anak murid jer, cikgu-cikgu dok sebut, sekolah-sekoloh dok sebut, JPN dok sebut, itu contoh. Jadi dia rasa macam sedihlah sikit. Jadi kita tengok Yang Amat Berhormat Menteri Besar ni orangnya baik nampaknya.

Dan saya juga nak menyebut tentang beberapa soalan saya ditolak. Saya pun hairan jugak bakpe soalan saya 4 ditolak tapi dok belit balah mana saya tengok. Jadi soalan saya berbunyi tanaman sara hidup dan tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan. Jadi saya cuma nak tanya apakah langkah-langkah baru ataupun insentif yang Kerajaan Negeri fikirkan untuk menjaminkan sektor ini berdaya maju kerana kita lihat dalam soal pertanian ini dia tidak dapat memberi menjana ekonomi sebenarnya di negeri kita ni kurang, tidak menjadi pendapatan utama kepada penduduk, kepada rakyat kita sebagai pendapatan sambilan sahaja. Jadi bagaimana Kerajaan Negeri memikirkan supaya pertanian ini boleh menjana pendapatan utama kepada rakyat negeri kita. Dan soalan saya yang seterusnya ialah dalam manifesto menyebut lot tanah tapi Yang Amat Berhormat Menteri dalam Bajet ni pun tak sebut bagaimana lot tanah kepada setiap rakyat ini, cuma dalam soalan saya berapa ramai rakyat Terengganu masih belum memiliki rumah sehingga Disember 2017 ini, jadi bagaimana perkiraan kita kepada lot-lot tanah ini yang dijanjikan dalam manifesto, begitu juga....

YANG BERTHOMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, Yang Berhormat tanya bilangan orang nak rumah pahtu nak suruh jawab bilangan lot tanah, saboh orang tolak pun.....

YANG BERTHOMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Dah dia lot tanah tapak rumah sama jer ni....hok tu ler jer.

YANG BERTHOMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok sama Yang Berhormat, rumah dengan lot tanah lain. Lot tanah ni, tanah....

YANG BERTHOMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok eh, Dewan tolak ke deme tolak ni?*

YANG BERTHOMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Lot rumah ada tanah bawah...

YANG BERTHOMAT YANG DI-PERTUA: Tak apa, saya ingat kita teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Takpe saya teruskan...

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Banyak penggal doh dok jadi...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Exco boleh jawab dalam gulung kekgi...

YANG BERHOMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Wak bolok eh. pah kita.(Dewan gelak).... Okey, yang seterusnya, yang ketiga kita Kerajaan Negeri mewujudkan Sekolah Imtiaz dan Elit. Saya duk nampak Sekolah Imtiaz memang kita nampak caknalah juga tapi nampaknya Sekolah Elit ni kita ada dua buah nampak ke terbelakang sedikit . Dulu kita lihat permulaan dulu memang berlumba-lumba yang tidak dapat masuk ke asrama penuh memang berlumba-lumba minta ke Sekolah Elit tetapi sekarang ini kita tengok Sekolah Elit ni seolahnya status dia turun sikit. Jadi saya berharaplah Kerajaan Negeri perkasakan Sekolah Elit ini sebagaimana Sekolah Imtiaz supaya dia sedikit sebanyak menampung pelajar-pelajar yang cemerlang yang tidak dapat ke asrama penuh memilih untuk ke Sekolah Elit dan insyaAllah kita boleh melahirkan lebih ramai lagi pelajar-pelajar yang cemerlang.

Dan yang keempatnya ialah peluang pekerjaan juga tidak disebut dalam Bajet kali ini yang mana dalam manifesto PAS menyebut nak mewujudkan 20,000 peluang pekerjaan, jadi kita tidak nampak apakah pelaburan-pelaburan....

YANG BERHOMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Berapa ribu Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): 20,000.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hah.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): 20,000.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hor, okey.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Tersalah ke tak ingat?

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Teruskan, teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Betul...betul...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Main dok patut celoh, celoh Yang Berhormat Yang di-Pertua. Jawab dalam gulung nantilah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok, nak tahu Yang Berhormat ni baca sungguh ke dok Manifesto PAS ni?

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Jadi Kerajaan Negeri juga perlu memikirkan langkah-langkah tertentu untuk menarik pelabur-pelabur ataupun bagaimana untuk kita tunaikan manifesto ini. Untuk Kerajaan Negeri tunaikan manifesto bagaimana peluang pekerjaan 20,000 kepada rakyat Terengganu.

Dan saya berbalik kepada DUN sayalah, pertama soal hakisan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Tepoh. Terima kasih banyak Yang Berhormat Tepoh juga berjuang walaupun baru-baru ini tiga PDM yang terlibat dengan hakisan ini sebenarnya dalam DUN Tepoh tetapi telah beralih ke DUN Batu Rakit. Jadi saya berharaplah jangan kita hendak mengharapkan peruntukan Persekutuan sahaja baru kita hendak ambil cakna saya bimbang sebab banyak kali dah saya sebut dalam Dewan ini tentang hakisan ini yang akan melarat ke kawasan yang di hadapan, hadapan lagi. Jadi oleh sebab itu, kita berharaplah Kerajaan Negeri memikirkan memberi peruntukan yang sewajarnya untuk menyelesaikan masalah hakisan ini yang semakin teruk saya duk nampak termasuklah memberi masalah kepada nelayan dan juga peniaga-peniaga di sekitar itu.

Dan saya juga berterima kasih lah dalam bajet ada menyebut membina dan membaikpulih masjid baru sebanyak RM30 juta, RM30.5 juta dan saya haraplah masjid yang saya sebut selama ini yang telah diperjuangkan lama dah, uzur sangat dah Masjid Mengabang Lekor yang mana dalam Dewan yang lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar berjanji bahawa Masjid Mengabang Lekor akan dilaksanakan dan saya harap tahun depan ni bolehlah dan ada 2 buah lagi Masjid dalam Batu Rakit yang cukup uzur yang kita juga angkat Bajet untuk baikpulih tapi Yang Amat Berhormat sebut dalam Dewan yang lepas, hok ni dak layan sikit jadi saya harap tolong perhatilah, hok ni baikpulih jer Masjid Maras dan Padang Kemunting.....

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sama sendiri baham jugok.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sama sendiri guaner pulok kita dengan minta Kerajaan, penggal lepas saya sebut dah, Sidang lepas sebut dah, bakpe Paka marah sangat kawan ni, benda apa dok kena?

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Dan masalah Rumah Pangsa Mampu Milik di Pulau Redang, kita dah bagi tapi saya dengar macam nak bagi semula. Hok ni sebenarnya dipilih oleh temuduga diadakan oleh Pejabat Daerah, jadi teruskanlah kita tak pilih bulu pun. Dan begitu juga dengan di tanah Pulau Redang penempatan yang ada sekarang ini juga kita dah keluarkan Borang 5A, tapi bunyi kata nak kaji semula. Saya harap dapat teruskan, orang dah duduk lama dah kita beri jerlah.

Di samping itu juga tanah di Bukit Wan, kata nak kaji semula kita dah bagi dan sebagainya orang dah tahu dah, kita takmboh berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini di dalam kampung. Dan saya juga mintalah sebab dalam Bajet tidak disebut juga tapi sukan mungkinlah iaitu gelanggang futsal yang telah diwujudkan oleh Kerajaan terdahulu, dan sekarang ni banyak yang rosak dah. Kita baik pulihlah yang telah ada ni, jangan pula kita nak buat baru sedangkan yang lama terbengkalai, kita baikpulihlah yang baru.

Dan saya ingat setakat tu dulu, terima kasih banyak. Cuma saya nak tanya Yang Amat Berhormat Menteri Besarlah, semalam dalam Bajet ni, pesanan

tinggalkan politik balloh ni, cuma siapa hok balloh sebenarnya? Yang Amat Berhormat Menteri Besar pesan ke sapa sebenarnya. Jadi saya ingat setakat tu dulu. Terima kasih. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil daripada Batu Rakit, cuma saya nak tarik perhatian Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat, berkait dengan soalan-soalan yang dikemukakan, terutama Ahli-ahli Yang Berhormat yang lama-lamalah, oleh kerana kita ada Buku Standing Orders yang telah disebutkan secara jelas berhubung dengan soalan-soalan, walaupun kita kata dalam Sidang Dewan Negeri, lebih kurang 4 bulan sekali kita jumpa, banyak kita nak tanya, dari segi cara kita nak bertanya tu mesti diambil kira supaya jangan sampai pada peringkat penyalahgunaan hak bertanya daripada hak asalnya. Umpamanya, saya tarik perhatian dalam Perkara 26(2). Dalam Perkara 26(2) tu ada 17 perkara-perkara yang disentuh dalam Standing Orders yang tak sepatutnya, apa ni disentuh, ataupun cara bertanya yang tidak melayakkan soalan itu diterima.

Begitu jugak dalam Perkara 26(4)(a). 26(4)(a) ni disebut secara jelas apa nama ni, dengan tidak menyentuh kewarasan kalimah sesuatu soalan itu, adalah satu penyalahgunaan hak bersoal dalam erti perenggan 4 jika, ia bertujuan mendapatkan butir-butir, perincian-perincian, statistik-statistik atau data-data yang begitu panjang lebar hingganakan kerja yang terlibat dalam membekalkannya tidak seimbang dengan kebergunaannya yang mungkin bagi ahli yang membuat soalan itu. Itu saya sebut sebagai contoh, sekadar saya nak peringatkan Ahli Yang Berhormat, selain daripada semangat nak tanya tu, semangat nak tanya soalan tu, cara bertanya pun mestilah diambil kira supaya kita mengambil kira peraturan-peraturan yang berada di hadapan kita.

Seterusnya saya nak beri peluang, ada lagi tak di kalangan Ahli Yang Berhormat yang nak bercakap? Sila Wakil Permaisuri.

YANG BERTHORMAT DATO' HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Bismilahir rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para hadirin yang saya hormati dan dikasihi sekalian. Terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentangkan Bajet 2019 yang mana ada peningkatan berbanding dengan Bajet tahun yang lalu.

Yang di-Pertua Dewan, saya ingin menarik perhatian kepada perkara yang agak ketara sekarang ini iaitu pengangguran di peringkat negeri kita dan juga pengangguran diperingkat nasional. Dalam makluman saya, kadar siswazah menganggur setiap tahun adalah lebih kurang 30 peratus. Tahun 2015 siswazah Terengganu yang menganggur adalah 3,323 orang. Tahun 2016 siswazah menganggur di Negeri Terengganu adalah 3,204 orang. Tahun 2017, siswazah menganggur adalah seramai 3,187 orang. *Average* nya lebih kurang dengan izin 30 peratus untuk setiap tahun. Bilangan ini nampak agak kecil untuk tahunan tetapi secara kumulatifnya kalau dibiarkan berpanjangan ianya akan meningkat kepada 15,000 untuk sepanjang penggal ke-14 ini.

Jadi saya nak tahu apakah inisiatif yang Kerajaan akan ambil untuk mengurangkan bilangan siswazah menganggur dalam Negeri Terengganu. Contohnya skim-skim seperti skim siswazah menganggur ataupun skim peningkatan *skill* kepada siswazah-siswazah ataupun Kerajaan juga perlu melihat secara holistik adakah wajar kita terus menekankan supaya anak-anak kita belajar ke Peringkat Ijazah tetapi memandang TVET tidak penting untuk memberi jaminan terhadap kerajaan mereka pada masa-masa yang akan datang. Jadi kajian perlu dibuat secara terperinci siswazah dalam bidang apakah yang menganggur dan bidang-bidang TVET yang bagaimanakah perlu diperkasakan sama ada mengadakan institusi ataupun menambah baik institusi yang ada di negeri kita ataupun menghantar pelajar-pelajar kita supaya belajar di institusi-institusi yang telah ada di negeri-negeri lain supaya bilangan pengangguran ini akan berkurangan. Kepada saya, *producing* ataupun menghasilkan graduan yang tidak mendapat pekerjaan adalah akan merugikan Kerajaan kita sendiri.

Yang kedua, saya ingin menarik perhatian kepada perumahan di Daerah Setiu. Dalam DUN saya, kali terakhir rumah dibina di DUN Permaisuri adalah pada tahun 2002 iaitu 16 tahun yang lalu. Dan tahun 2002 adalah RKR Binjai Manis. Saya dimaklumkan bahawasanya Kerajaan ada perancangan untuk membangunkan perumahan di DUN Permaisuri tetapi meletakkan alasan bahawasanya kawasan tersebut ada rentahan haram dan juga kos penambakan tanah agak tinggi. Jadi saya mencadangkan supaya PBT atau pihak berwajib di Daerah Setiu memberi fokus kepada DUN Permaisuri dan memberi lokasi yang baru kepada Kerajaan Negeri supaya perumahan dapat

diadakan dan menambah bilangan penduduk seterusnya dapat menjana ekonomi yang lebih baik kepada Daerah Setiu khususnya di Dun Permaisuri dan khususnya berpusat di kawasan Bandar Permaisuri.

Perkara ketiga adalah mengenai penjanaan ekonomi oleh nelayan di DUN Permaisuri. Saya dimaklumkan bahawasanya Kerajaan sama ada melalui Persekutuan ataupun Negeri bersama negeri akan memajukan projek muara sungai iaitu dengan *breakwater* di kawasan Mangkuk, Permaisuri, Setiu di bawah NRE. Jadi saya berharap projek ini dikekalkan dan tidak dipindahkan ke kawasan lain supaya ianya dapat meningkatkan hasil ikan siakap, hasil kerapu *hybrid* yang ditenak di kawasan Laguna Setiu. Dan sukacita saya memaklumkan kepada Dewan, Laguna Setiu adalah merupakan satu-satunya lagun yang masih lagi aktif, yang masih lagi mempunyai ekosistem yang baik yang ada di Semenanjung Malaysia. Dulu kembarnya ada di Kelantan tetapi kembarnya tak dijaga dengan baik maka ianya tidak memberi penjanaan ekonomi kepada kawasan tersebut. Kalau Laguna Setiu tidak dijaga dengan baik dan kalau projek-projek yang tidak dibenarkan di kawasan *Wetland* terus diadakan, maka ianya juga akan memusnahkan ekosistem di kawasan Laguna Setiu ini.

Dua lagi perkara yang saya nak sebut adalah mengenai insentif kepada petani-petani. Bila saya berada di kawasan, kita dapati petani merungut kerana harga kelapa sawit jatuh, harga getah jatuh, insentif nelayan mungkin ada, mungkin tiada. Insentif penoreh getah mungkin ada mungkin tiada. Walaupun sebelum ini insentif ini diberikan oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, mereka ini adalah rakyat kita, rakyat Negeri Terengganu. Kalau mereka tak dicakna oleh Kerajaan Persekutuan, ianya adalah menjadi tugas kita, tanggungjawab kita untuk menjadi sebuah negeri yang berkat untuk kita terus memberi insentif kepada nelayan dan juga petani-petani. Begitu juga saya baru menerima *whatsapp* daripada kawasan saya untuk bertanya ada tak insentif untuk pembajakan ataupun insentif untuk jumlah hasil tangkapan, dan juga hasil pertanian akan diteruskan oleh Kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri.

Akhirnya rakan-rakan saya sebut dan mereka mengatakan bahawasanya sudah *viral* di luar sana yang *whatsapp* kepada Wakil-wakil Rakyat kita, dia kata alhamdulillah dia kata dalam Bajet Menteri Besar sebut bahawasanya peruntukan RM32 juta akan diberikan melalui ADUN-ADUN. Jadi sekarang ini mereka merasa gembira kerana sebelum ini peruntukan diberi melalui Penyelaras dan ADUN-ADUN. Dalam Bajet semalam telah diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawasanya RM32 juta, RM 1 juta setiap DUN diperuntukkan dan akan dibelanjakan melalui ADUN-ADUN tempatan. Kita harap Menteri Besar dapat kekalah dengan *stand* semalam supaya kita ADUN-ADUN di sini juga dapat membahagikan Bajet diperuntukkan kepada rakyat yang telah mengundi kita. Sekian, terima kasih Yang di-Pertua Dewan.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Permaisuri. Saya menganggap tidak ada lagi wakil daripada pihak sebelah kiri saya yang nak bercakap melainkan Ketua Pembangkang. Tak ada ya? Apabila Ketua Pembangkang bercakap ni, saya tak bagi peluang dah. Jadi oleh kerana menghormati kedudukan Ketua Pembangkang Wakil Seberang Takir dan juga menghormati kedudukan beliau sebagai bekas Menteri Besar saya nak bagi masa lama sikit, setengah jam untuk Ketua Pembangkang bercakap pada pagi ini. Dipersilakan.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat rakan-rakan, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan, para Pemerhati, sidang media, tuan-tuan, puan-puan dan saudara-saudara dan saudari-saudari yang dihormati sekalian.

Pertamanya, saya nak merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana telah beri masa yang agak panjanglah kepada saya sampai setengah jam. Dan saya akan cuba memanfaatkan sebaik-baiknya masa yang diberi dan dalam perkongsian idea ataupun

pandangan pendapat ini adalah tidak lain dan tidak bukan adalah bertujuan untuk memastikan bahawa hak rakyat kita dan juga akan memberi kepentingan kepada rakyat kita terutamanya.

Saya ingin merakamkan setinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu yang telah membentangkan satu Bajet yang seimbang dan juga Bajetnya menyeluruh dan juga yang telah memberi banyak inisiatif dan komitmen terutama dalam memajukan Negeri Terengganu serta menjaga kebajikan rakyat kita. Alhamdulillah sebab yang paling penting hari ni saya melihat banyak kesinambungan apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan yang terdahulu terutamanya Kerajaan Barisan Nasional. Jadi program-program ini telah diteruskan dan sudah pasti bahawa program-program ini akan memberikan impak yang baik dan juga memberi manfaat terutamanya kepada rakyat kita. Kerana apa yang penting saya berharap Kerajaan Negeri di bawah pimpinan PAS adalah berbedalah atau berbeza dengan Kerajaan yang sentiasa memberikan harapan kepada rakyat tetapi akhirnya dia kencing rakyat atas darat hari ni. Jadi bagi Kerajaan Pakatan Harapan manifesto bukanlah kitab suci dan kerana itu mereka tanpa segan silu menjadi Kerajaan yang membohongi rakyat. Jadi saya berharap kerajaan baru Terengganu ini tidak seperti itu dan alhamdulillah dalam Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya melihat komitmen dan kesungguhan beliau dan juga rakan-rakan yang lain untuk memastikan janji manifesto tersebut ditunaikan.

Dan amat menggembirakan kami terutama di pihak Pembangkang ini kerana dalam Ucapan Bajet oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyebut tentang latar belakang pertumbuhan ekonomi Terengganu sejak beberapa tahun kebelakangan ini apabila Terengganu mencatat pertumbuhan kadar dalam Negeri Kasar atau KDNK padar kadar 5.9% pada tahun lalu dan menyamai kadar pertumbuhan di Peringkat Nasional. KDNK per kapita Negeri pula menunjukkan peningkatan daripada RM 27,272 pada tahun 2016 kepada RM 29,347 tahun yang lalu. Lebih membanggakan apabila kadar kemiskinan juga turun pada 0.4% pada tahun 2016. Perakuan Kerajaan Negeri terhadap

kemampuan dan kejayaan Kerajaan Barisan Nasional dahulu mengenai data dan fakta tersebut telah membuktikan bahawa kami ketika diberikan mandat dan kuasa oleh rakyat sentiasa berada di atas landasan yang betul. Jadi apa yang kami bawa dalam Transformasi Terengganu Baharu dan Terengganu Molek Doh itu adalah sebagai satu bukannya satu retorik dan memang itu adalah berada pada landasan dan ini menyangkal apa yang dibawa Pembangkang sebelum ini dikatakan bahawa 'kohor lok kohor punoh'. Jadi ,dengan tidak secara langsung saya menampakkan bahawa.....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang di-Pertua, tadi Batu Rakit kata hok dok molek dulu tak payah sebutlah.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dok, bukan, kita bukan maknanya nak menyangkal menyatakan bahawa kebersamaan sedang berlaku di antara Kerajaan sekarang dengan Kerajaan yang terdahulu. Di mana, di atas asas inilah maka saya dan rakan-rakan yang ada di barisan Pembangkang ini di atas pengalaman dan kepakaran kami, kami sentiasa terbuka tangan untuk menawarkan kerjasama untuk sama-sama kita majukan Negeri Terengganu yang tercinta ini. Jadi, patut dengar habis dulu Wakil Manir. Baru jadi itulah sebenarnya saya nak maksudkan itu.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Dokdang, takdok* bendalah, sebelum habis celah.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Tapi walau bagaimanapun, saya ingin juga sedikit sebanyak untuk menambah ataupun dengan izin, *value added* untuk kita sama-sama memastikan bahawa Bajet 2019 ini kita dapat laksanakan dengan sebaik-baiknya dan juga akan memberi manfaat kepada rakyat kerana dalam keseluruhan yang saya lihatlah dalam Bajet ini dia memang kita melihat banyak yang betul-betul mementingkan kebajikan rakyat terutama kepada golongan miskin dan B40. Tetapi walau bagaimanapun, apabila dilihat secara

mendalam saya nampak ada sedikit sebanyak yang perlu kita perbaiki dan perlu kita tambahbaik terutama dari segi program-program yang berkonsepkan kepada merubah nasib rakyat untuk membolehkan kita mengatasi masalah kemiskinan. Cuma yang agak di pihak kamilah merasakan ialah Bajet atau peruntukan yang disediakan agak tidak berapa realistik kerana saya difahamkan ada sebahagian daripada program-program yang dicadangkan hanya diperuntukkan antara RM1 – RM2 juta. Kerana saya bimbang dengan kadar ataupun dengan peruntukan yang sebegitu tidak sebegitu besar kita bimbang kerana peruntukan itu akan habis di peringkat perancangan dan mesyuarat sahaja. Jadi, tidak dapat dilaksanakan aktiviti sebenar di lapangan kerana dengan peruntukan yang disediakan itu jadi tidak dapat kita salurkan sepertimana yang kita rancangkan. Jadi, kami dan saya sendiri nak mencadangkan supaya program-program yang kecil ini kita cantumkan ataupun kita jadikan program yang lebih besar supaya peruntukan yang dapat, kita agihkan adalah mencukupi dan memberi impak yang lebih baik.

Dan satu lagi elok jugalah kalau kita dapat juga menggunakan GLC, NGO, MAIDAM dan pihak swasta, korporat dan sebagainya dalam membantu mengatasi apa yang kita sedang laksanakan terutama untuk mengubah nasib golongan miskin atau asnaf atau B40 ini kerana kita sedia maklum untuk menjadikan negeri yang maju terutama menjelang 2020 bahawa perjuangan kita, kita kena pastikan bahawa kumpulan B40 ini perlu dibangunkan dengan apa cara sekali pun terutama dalam masa yang terdekat ini. Maka, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri dapat menggerakkan GLC-GLC negeri dan pihak-pihak korporat dan sebagainya lebih aktif membantu rakyat dan juga membantu Kerajaan bagi memastikan kesejahteraan rakyat dapat dipelihara. Dan satu lagi saya juga ingin melahirkan rasa kebimbangan kerana dalam keadaan kewangan yang tidak jelas lagi ini keberanian Kerajaan Negeri sekarang ini membuat pengecualian cukai-cukai. Kerana saya berpandangan dengan tindakan drastik untuk menghapuskan dan juga mengecualikan cukai-cukai ini akan memberi kesan terutama kepada PBT kerana saya bimbang bahawa adakah PBT-PBT ini mampu untuk mereka bergerak dan mereka menjalankan tanggungjawab mereka dengan keadaan

pendapatan yang dah berkurang ini. Jadi, bebanan Kerajaan akan semakin tinggi kerana dengan tidak secara langsung maka kebergantungan PBT ini adalah secara sepenuhnya kepada Kerajaan sedangkan Kerajaan sebelum ini, kita sedang melaksanakan satu kaedah supaya akhirnya PBT ini dia boleh bergerak atau berdikari dengan organisasi mereka sendiri tanpa berharap daripada bantuan ataupun geran dan peruntukan daripada Kerajaan Negeri kerana kita bimbang terutama PBT ini adalah terutama dari segi memastikan dari segi aspek kebersihan. Jadi, saya sangat bimbang kerana pernah berlaku sebelum ini apabila berlaku kekurangan kewangan di pihak PBT, maka akhirnya Negeri Terengganu kita akan mengalami masalah terutama dari segi menyelesaikan masalah kebersihan yang akhirnya akan memberikan kesan yang tidak berapa bagus kepada industri pelancongan kita sebenarnya. Jadi, perkara itu saya harap dapat diperlihatkan dengan sebaik-baiknya supaya pihak Kerajaan dapat juga memberikan alternatif kepada PBT ini bagaimana mereka boleh menambah hasil dengan tindakan penghapusan cukai pintu yang telah dilaksanakan dalam Bajet 2019 ini.

Dan saya juga tertarik dengan apa yang telah dilaksanakan dalam Bajet ini kerana kita menampakkan banyak pembangunan modal insan dan saya harap bahawa Kerajaan Negeri juga dalam kaedah memberikan fokus kepada fardhu ain tetapi jangan lupa juga kepada fardhu kifayah kerana dengan peruntukan yang diberi kepada Pusat Bahasa Al-Azhar RM2.5 juta, Institusi Pendidikan Islam RM3 juta ini memang bagus, tetapi dalam masa yang sama kita juga perlu membangun pembangunan modal insan dalam pelbagai bidang pengajian berasas kepada keperluan dengan izin, Industrial Revolution 4.0. Jadi, perkara ini juga perlu diberi perhatian dan diberi penelitian kerana ini jugalah yang kita lihat boleh membantu terutama golongan-golongan graduan-graduan yang menganggur sekarang ini kerana Kerajaan sebelum ini kita ada melaksanakan, kita juga telah melaksanakan program TGTP iaitu dengan izin, Terengganu Graduate Transformation Programme di mana dalam program ini dalam *pilot project* kita telah melatih 275 graduan dan dalam Bajet 2018 kita memperuntukkan RM10 juta di mana peruntukan ini kita dapat daripada sumbangan GLC, korporat dan juga daripada pihak-pihak swasta tidak langsung menggunakan duit Kerajaan untuk kita melatih 1600 graduan.

Jadi, eloklah kalau perkara-perkara sebegini dapat diberi perhatian kerana kita sedia maklum bahawa ramai graduan-graduan kita sekarang ini menggugur. Jadi, kita bimbang bahawa nanti graduan-graduan kita ini terpaksa berhijrah ke negeri-negeri yang lain kerana di Negeri Terengganu mereka tak dapat ataupun tak diberi peluang untuk memberi sumbangan terutama untuk mereka membantu balik Kerajaan kita dalam aspek pembangunan negeri kita dan dalam masa yang sama juga saya nak mengucapkan setinggi ucapan terima kasih kerana tadi sahabat saya Wakil Batu Rakit menyatakan rasa gundah-gulana terutama golongan pendidikan kepada Yang Amat Berhormat kerana dalam Ucapan Bajet tahun ini tak disebut ucapan tahniah kepada golongan-golongan pendidikan. Tetapi, saya nak ucap terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Besar Menteri Besar walaupun tak diumumkan, tapi dalam Bajet ini ada peruntukan disediakan untuk pendidikan Program Anjung Ilmu sebanyak RM5.3 juta. Jadi, cuma mungkin Yang Amat Berhormat terlepas pandang tadi. Jadi, kadang-kadang kena kabor yang ini. Jadi, golongan pendidik ini bertalu-talu tanya pulak saya: "Doh guaner ni?" Program Anjung Ilmu, tidak ada ke hari ini? Menyebabkan dari segi skop percetakan, kos untuk buat kelas tambahan dan sebagainya. Jadi, bila saya teliti balik saya rasa, saya kata ada, tiada masalah. Cuma mungkin terlepas pandang dan saya hari ini juga mewakili sahabat-sahabat saya hari ini nak juga ingin mengucapkan tahniah kepada golongan pendidik, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Guru-Guru, PIBG, dan juga terima kasih kerana meneruskan sumbangan kepada PIBG. Kerana Kerajaan kita yang lalu juga kita ada sediakan peruntukan untuk PIBG. Alhamdulillah dalam Bajet 2019 ini juga ada bantuan kepada PIBG dan ini menunjukkan bahawa Kerajaan kita amat prihatin dan amat mengambil berat tentang pendidikan anak-anak kita. Dan saya juga nak ucapkan tahniah kepada anak-anak kita yang saya tengok tiap-tiap minggu ada saja kejayaan-kejayaan dalam bidang pendidikan ini. Jadi saya rasa sangat bangga dan inilah kejayaan yang telah dihasilkan oleh anak-anak Terengganu kita dan memang sesuai benarlah kalau kita juga memastikan bahawa mereka itu nanti apabila balik, sudah selesai belajar, mereka kita pastikan balik ke Terengganu untuk memberi sumbangan bagi membangunkan Negeri Terengganu Darul Iman kita.

Dan juga nak ucap tahniahlah seperti kawan-kawan saya lain atas kejayaan sukan kita SUKMA, bola sepak kita dan kita harap bahawa kejayaan ini akan dapat teruskan dan juga kejayaan dalam bidang pelancongan. Sebenarnya Negeri Terengganu ini kekuatan dia adalah berasaskan kepada tiga perkara itu iaitu pendidikan, sukan dan juga pelancongan. Jadi kalau digandingkan ketiga-tiga ini maknanya asasnya pelancongan, pelancongan berasas sukan, pelancongan berasas pendidikan, dengan tidak secara langsung dia akan memberi banyak manfaat kepada rakyat dan juga akan meningkatkan pendapatan kepada Negeri Terengganu kita sendiri. Jadi perkara ini perlu diberi perhatian dan perlu diberi *priority* oleh kerajaan dalam kita nak memastikan supaya sepertimana yang kita lancarkan sebelum ini dengan izin, Visit Beautiful Terengganu dan saya juga merasa bangga apabila buku berkaitan Beautiful Terengganu telah mendapat perhatian yang begitu tinggi dan baru-baru ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Terengganu telah melancarkan Buku Beautiful Terengganu dalam lima bahasa. Dan saya difahamkan buku ini sudah mula diedarkan di Jerman dan juga diedarkan di Jepun. Jadi saya nampak bahawa hari ini orang-orang di luar negara sudah mula mengenali Negeri Terengganu. Maka kita kena pastikan penyediaan aspek pelancongan di Terengganu itu kita perlu buat dengan cara yang terbaik bagi memastikan agenda membangun Negeri Terengganu kita akan dapat kita capai. Dan dalam masa yang sama juga saya juga nak mohonlah supaya program-program yang kita telah laksanakan sebelum ini contohnya program Pondok Moden. Program Pondok Moden ini sebenarnya untuk pengetahuan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian adalah asasnya kita nak membantu mereka yang kurang berjaya dalam sistem pendidikan. Kerana kita melihat bahawa tumpuan kita sebelum ini kepada pelajar-pelajar yang mendapat 5A dan sekarang ini 6A. Kita banyak fokus kepada sekolah Elit, Imtiaz kemudian dan sebagainya. Tetapi jarang kita beri tumpuan kepada anak-anak kita yang kurang cemerlang. Yang mungkin tidak dapat satu A pun, mungkin dapat E sahaja. Di mana mereka ini sebenarnya ada potensi yang boleh kita bina dan kita bangunkan mereka. Dan kerana itu maka kita mula wujudkan Pondok Moden kerana kita nak memastikan hari ini bahawa sekurang-kurangnya mereka ini apabila mereka keluar daripada sekolah, mereka juga boleh

menjadi orang yang hebat. Kalau tidak hebat kepada pendidikan biasa mereka akan hebat dalam pendidikan agama dan tidak secara langsung juga dalam asas pondok moden ini kita juga memberikan dalam konsep *skill training* ataupun kemahiran sama ada kemahiran buat kuih, kemahiran gunting rambut, kemahiran berkebun dan sebagainya. Jadi itu matlamat kita.

Jadi saya haraplah program Pondok Moden ini walaupun hendak diberi nama apa pun takdok hal doh, Cuma kalau boleh diteruskan dan diperbanyakkan sebagaimana juga diperuntukkan untuk buat Sekolah Rendah Islam ini. Jadi eloklah kadang-kadang bila dah buat sekolah rendah, sekolah menengah tu kena sambung. Dan alhamdulillah saya nampak ada cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program bagi menggantikan KUSZA kerana kita sebenarnya Kerajaan Negeri dahulu dah bercadang nak menjadikan nak menaiktaraf IQ Al-Quran itu kita dah menaiktarafkan dia menjadikan Kolej IQ dan kita bercadang selepas ini menaikkan Kolej Universiti dan akhirnya menjadi universiti penuh sehinggakan kampus di Kuala Berang pun sudah kita beli melalui Tabung Warisan dan kita haraplah supaya Kerajaan Negeri meneruskan dan akhirnya nanti insyallah Negeri Terengganu akan mempunyai sebuah Universiti Al-Quran yang pertama. Ini adalah sebenarnya perancangan yang telah kita buat dan kita harap perkara ini dapat direalisasikan.

Dan selain daripada itu, saya juga berharaplah dalam aspek pelancongan yang saya sebut tadi. Saya nak minta Yang Amat Menteri Besar melihat balik gerbang pelancongan di Lapangan Terbang Sultan Mahmud kerana kita sebenarnya kita telah membelanjakan tidak kurang daripada RM2.1 juta. Saya tahu ada beberapa masalah yang dihadapi di situ tetapi perkara itu telah diselesaikan atas nasihat Penasihat Undang-Undang kita Yang Berhormat LA kita yang telah memberi pandangan dan sebenarnya tidak ada masalah. Dan saya harap pihak YPU dapat meneruskan di mana kita nampak itu prospek yang agak tinggi. Kerana kita melihat selama ini pelancong-pelancong yang datang daripada luar negara terutama daripada Negara China. Apabila mereka pergi ke pulau mereka tidak akan bermalam di Kuala Terengganu. Mereka akan bila balik daripada Pulau Redang atau Pulau Perhentian mereka akan

singgah di lapangan terbang dan mereka akan duduk di situ empat hingga lima jam. Jadi mereka tak buat apa-apa. Jadi eloklah kalau dibangunkan gerbang pelancongan ini boleh dijadikan sebagai satu hub untuk mereka hari ini membeli belah ataupun mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan spa dan sebagainya. Dengan tidak secara langsung kita boleh membangunkan industri pelancongan kita walaupun mereka tidak menginap tetapi mereka boleh membelanjakan di tempat yang telah kita sediakan kerana kita bimbang hari ini ramai yang datang ke Terengganu tapi mereka berbelanja di Kuala Lumpur. Mereka hanya sekadar menginap, tidur, makan di hotel dan selepas itu mereka balik di Kuala Lumpur dan *shopping* di Kuala Lumpur. Jadi elok benarlah kalau kita jadikan selain daripada kita ada di Kenyir pusat *shopping* kita dan kita jadikan juga di gerbang pelancongan Lapangan Terbang Sultan Mahmud ini sebagai satu hub yang boleh kita jadikan dan kalau perlu hari ini mungkin kita boleh mohon daripada Kerajaan Persekutuan untuk menjadikan bahawa di gerbang pelancongan itu sebagai satu lagi sepertimana Kenyir sebagai Zon Bebas Cukai. Jadi perkara ini boleh dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Dan yang kedua saya mohon jugalah kerana kita dalam kaedah menjadikan Negeri Terengganu sebagai hub pelancongan termasuk pelancongan perubatan dengan izin, *medical tourism* kerana sebelum ini Kerajaan sebelum ini telah mengadakan satu pusat rehabilitasi di Permai Hotel dan belanjanya bukan sedikit kerana di situ kita telah menempatkan banyak *equipment-equipment* atau mesin-mesin yang agak canggih termasuk *anti gravity treadmill* ada *robotic assisted* yang *high reputation* kemudian sport yang *orthopedic* kita ada dan bermacam-macam lagi. Dan elok benarlah kerana dulu perancangan Kerajaan Negeri dulu nak jadikan KTS Hotel Permai itu sebagai satu hub *medical tourism*. Kita jadikan sebagai KTS Kuala Terengganu Specialist itu hotel dalam hospital. Jadi tidak secara langsung hari ini orang yang hantar keluarga dia untuk menjalani rawatan di KTS. Secara tidak langsung akan dapat juga menggunakan Hotel Permai Park Inn. Dan Hotel Permai Park Inn juga ada Pusat Rehab. Kerana saya yakin dan percaya apabila kita buka saja Pusat Rehab yang telah mempunyai peralatan yang paling canggih ini, maka kita akan menjadi tempat yang ketiga, terbaik di

Malaysia, kerana yang pertama setakat ini adalah di Melaka, yang kedua di Cheras dan insyaAllah kalau kita buka di Permai ini kita akan menjadi tempat yang ketiga, dan sudah pasti berduyun-duyun orang yang nak menjalani rawatan rehabilitasi ini akan menggunakan Permai Park Inn sebagai tempat untuk mereka menginap dan seterusnya menjalani rawatan dan ini akan memberi impak yang baik kepada pelancongan kita.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Okey, menceleh Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Seberang Takir. Sekadar untuk mendapatkan sedikit penjelasan yang berkait dengan rehab yang berada di Permai Hotel. Adakah Yang Berhormat Seberang Takir sedar bahawa Pusat Rehab tersebut tidak mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, dia biasa macam tu Yang Berhormat Tepoh, dia memanglah sebelum kita apa ni dalam keadaan kita nak laksanakan tu adalah perkara-perkara yang perlu kita tambah baik sepertimana yang Pusat Rehab di Seberang Takir. Pusat Rehab di Seberang Takir macam tu juga mula-mula, hari ini Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan telah memberi penarafan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kijal kita. Jadi hari ni kalau kita tanya Kementerian, dia beritahu yang Seberang Takir ni adalah yang terbaik di Pantai Timur. Dulu memang dia kata tidak itu, dan sekarang ni pesakit di Pusat Rehab di Seberang Takir sedang menjangkau 2,000 orang sekarang ini. Tapi, untuk pengetahuan Yang Amat Berhormat Menteri Besar setakat ini kita bagi percuma lagi kerana kita ada lagi lebihan bantuan dari Kerajaan Negeri. Tetapi saya difahamkan bila tengok dalam Bajet tu tak ada dah bantuan daripada Kerajaan Negeri. Jadi kalau bolehlah dapat diberi pertimbanganlah, kalau tidak maka Pusat Rehab di Seberang Takir itu tidak mampu boleh beroperasi kerana belanja kita sekarang sudah menjangkau RM20,000 sebulan. Jadi, yang ini kita bagi *free* termasuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan, ambik *patient* daripada rumah, yang ini yang kita laksanakan dan satu lagi kita ada Pusat Hemodialysis. Jadi saya rasa tak ada masalah, kerana yang bagusnya Yang Berhormat Tepoh, di situ juga boleh dijadikan tempat rawatan kepada atlet-atlet dan juga kepada pemain-pemain bola sepak kita. Kerana saya yakin dan percaya bahawa peralatan yang ada itu

memang adalah yang terancang. Cuma satu lagi yang kita belum berjaya buat iaitu *Hydrotherapy*, mengadakan kolam renang iaitu menggunakan konsep perubatan menggunakan kolam renang. Ini adalah lebih *efektif* kerana kolam renang itu dia akan masuk dengan air panas dan ada *treadmill under water* dengan izin. Yang ini sebenarnya antara rawatan-rawatan yang amat bertepatan dengan pesakit-pesakit strok ataupun yang mengalami permasalahan dalam aspek *psychomotor* kita. Jadi, saya haraplah perkara ini dapat diberi perhatian, kerana sayangnya sebab kita belanja bukan sedikit dan untuk mendapatkan kelulusan, saya rasa tak ada masalah kerana saya difahamkan Institut Sains Negara dia dah mari buat lawatan dan dia berkenan. Dan saya difahamkan dulu, dia sendiri pun hantar atlet untuk menjalani rawatan di situ. Dengan tidak cara langsung, Hotel Permai Inn akan mendapat tarikan. Bila dah buat rawatan, secara automatik mereka akan menginap di hotel kita dan bila ada rawatan seterusnya akan mereka adakan di Hotel KTS sehinggakan dulu perancangan Kerajaan Negeri kita nak buat jambatan dulu, kita nak buat jejjantas daripada KTS ke Hotel Permai Park Inn, kerana kita juga bercadang untuk menyediakan rawatan *plastic surgery*, kadang-kadang orang *plastic surgery* ni dia tak mahu duduk di hospital, jadi dia nak duduk di hotel, jadi dia duduk di hotel, lepas tu kita akan bawa rawatan ataupun pembedahan itu berlaku di KTS. Ini adalah antara cara yang kita nak laksanakan bagi memastikan *medical tourism* itu kita dapat laksanakan dengan cara yang terbaik. Ada sikit lagi dok Yang di-Pertua ya?

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Ada sikit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dan satu lagi, saya juga nak mohonlah sepertimana sahabat-sahabat saya yang lain, berkait dengan Rumah Mampu Milik dan saya nak ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kerana dalam Bajet ni ada Projek Rumah Mampu Milik di Tok Jembal Seberang Takir. Terima kasih banyak-banyak kerana telah meluluskan satu Projek Perumahan Mampu Milik di Seberang Takir. Cuma yang saya nak mengemukakan sama macam sahabat-sahabat saya yang lain ialah berkait dengan penghuni-penghuni yang telah memiliki rumah mampu milik di kawasan saya di Kampung Batin. Kerana sekarang ini ada sebahagiannya telah menerima surat untuk dikeluarkan. Tetapi saya haraplah supaya kita buat satu penyiasatan yang teliti kerana sebahagian daripada mereka telah *upgred* dah rumah tu. Ada yang dah pasang tile, ada yang dah tambah kabinet, jadi mereka keluar

jadi siapa pulak yang akan nak membayar balik perbelanjaan yang telah dibelanjakan.

Jadi, saya haraplah atas pertimbangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya melihat balik dan membuat suatu penitian kerana nanti akan timbul pula dari segi aspek keadilan kerana mereka adalah sebabnya ada setengah tu yang terpaksa balik semula duduk rumah mak ayah, kerana mak ayah dia sakit. Jadi, untuk menjaga mak ayah mereka terpaksa balik semula ke rumah mak ayah jaga mak ayah, jadi menyebabkan ada rumah tu yang mereka tak duduk. Mereka dah duduk tapi mereka terpaksa tinggalkan. Jadi, perkara-perkara yang begini perlu di pertimbangkan. Dan saya setuju kalau sekiranya sepertimana yang disebut oleh Wakil Manir sebelum ini kalau kata rumput dah panjang tak dok duduk pun, meter pun tak pasang, itu tak ada masalah. Kita pun amat bersetuju kerana sebelum ini pun kita pun tak campur sangat kerana urusan temu duga dan juga urusan pembahagian dibuat oleh jawatankuasa di bawah Perumahan Negeri Terengganu.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya nak perhabis dulu.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Dia tak bagi laluan Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dan akhir sekali, saya juga nak mintalah ini berlaku di kawasan Balai Raya Kampung Jati Seberang Takir di bawah MKK kerana dulu Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyebut bahawa balai raya-balai raya ni, siapa nak guna boleh dan mintak kebenaran daripada Pejabat Daerah. Cuma saya nak mohonlah, ini permohonan permintaan daripada satu kumpulan yang telah menggunakan balai raya ni begitu lama untuk berlatih main pingpong. Jadi eloklah saya ingat Yang Berhormat Wakaf Mempelam pun setuju sebab nak latih atlet kita ni. Jadi, dia berlatih tiap-tiap minggu. Tetapi sekarang ni dah tak boleh tak dibenarkan oleh MKK kerana dia kata bahawa dah berlaku pertukaran Kerajaan jadi tak dibenar. Jadi dia mintak saya menyampaikan perkara ini, dia mintak saya bawak dia berjumpa dengan Menteri Besar, saya kata tak bolehlah, nanti saya akan beritahu ni supaya dapat diberi pertimbanganlah atas asas kerana mereka dah guna sebelum ini,

untuk berlatih dan mereka ini ada sebahagian daripada mereka ini memang mewakili, mewakili kelab, mewakili negeri, untuk berlatih saya rasa kita teruskanlah dan dapat diberi perhatianlah tentang perkara begini.

Dan sekali saya ucapkan tahniah, terima kasih kepada yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan Bajet yang begitu baik sekali meneruskan apa yang telah kita laksanakan sebelum ini. Dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kita yang telah memberi ruang yang begitu panjang kepada saya untuk bercakap pada hari ini dan semoga apa yang kita laksanakan ini akan mendapat manfaat yang baik, terutama kepada rakyat Negeri Terengganu kerana perjuangan kita adalah perjuangan yang sama demi kepentingan rakyat kita.

Jadi, saya menyokong Bajet yang telah dibentangkan dan saya akhiri dengan wabillahi taufiq wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih pada Yang Berhormat Seberang Takir yang saya kira telah memanfaatkan masa yang telah diperuntukkan. Saya ada sebutkan tadi sebagaimana unsur-unsur pembaharuan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan khususnya dari segi pihak Eksekutif, di peringkat Legislatif perlu juga cuba membuat satu anjakan paradigma supaya peranan daripada pihak Pembangkang kita akan ambil kira dalam konteks memajukan negeri kita ini, insyaAllah. Jadi, saya ucap terima kasih.

Seterusnya, saya nak jemput Yang Berhormat yang terakhir Yang Berhormat daripada Wakil Batu Burok untuk menyampaikan ucapan perbahasan, yang terakhir. Dipersilakan.

YANG BERTHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Wassolatu wassolamu'ala Rasulillah. Ammaba'. Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, wakil-wakil media, Pemerhati-pemerhati yang dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala sekalian. Firman Allah Subhanahu Wata'ala:

الَّذِينَ إِن مَكَّنَّ هُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوْا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عِزُّ الْقَائِمِينَ
الْأُمُورِ

Maksudnya: "Orang-orang yang kami berikan kepada mereka berkuasa di atas muka bumi ini, mereka mendirikan solat, menunaikan zakat dan menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dan bagi Allah kembali segala urusan".

Saya mengambil berkat dengan memetik ayat di atas sebagai asas untuk menyokong Bajet 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang bertajuk "Negeri Berkat Rakyat Sejahtera". Sesungguhnya keberkatan yang didambakan tidak akan tercapai melainkan dengan melaksanakan tuntutan dalam ayat di atas dan itulah yang menjadi intipati kepada Bajet pada kali ini yang saya lihat bukan sahaja Bajet berimbang dari sudut pendapatan menyamai perbelanjaan bahkan juga berimbang dari sudut jasmani, rohani dan akal. Dalam masa yang sama ia memenuhi ketiga-tiga aspek penting Al-Maqasidur Syari' iyyah iaitu Adhorurriyyat, Al-Hajjiyyat dan Al-Tahsinniyat.

Belanjawan adalah polisi fiskal Kerajaan bagi menjana hasil untuk diagihkan secara adil kepada seluruh rakyat. Hasil yang dikutip mestilah tidak membebankan rakyat malah hasil daripada cukai adalah yang paling rendah dalam keseluruhan sumber pendapatan Kerajaan Negeri. Ini sebenarnya satu tindakan bijak yang berlandaskan kepada Syariat Islam berasaskan kepada sabda Nabi Salallahu Alaihi Wassalam berkait dengan ibadah zakat:

تُؤَخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ

Bermaksud: "Diambil daripada orang-orang kaya dan dikembalikan kepada orang-orang fakir miskin." Bukan cukai itu diambil daripada rakyat yang tidak berkemampuan. Maka di sini ia adalah satu Bajet yang betul-betul bertepatan dengan tuntutan yang disarankan oleh Nabi Salallahu Alaihi Wassalam di dalam hadis yang disebutkan tadi. Walau pun kita tahu apabila kita kurang kutip cukai yang mana hasilnya akan masuk kepada Kerajaan Negeri tetapi kita meyakini itulah dia keberkatan yang kita mahu daripada Allah Subhanahu Wata'ala supaya kita memanfaatkan betul kekayaan yang ada di bumi Negeri Terengganu yang sangat bertuah ini. Semoga Kerajaan Negeri dapat memacu perjalanan negeri dengan kestabilan politik dan ekonomi demi kemaslahatan rakyat.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya kira di antara semangat dan roh yang diambil daripada Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ialah semangat dan roh apa yang baik kita teruskan dan kita tingkatkan. Apa yang kurang dan lemah serta tidak baik kita buang dan kita perbaiki. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya daripada pihak Pembangkang yang telah mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Bajet yang telah dibentangkan menunjukkan bahawa politik di Negeri Terengganu sudah berada satu tahap yang baru, kita telah melakukan satu anjakan paradigma kepada politik matang dan sejahtera bukan lagi politik berdendam. Itulah yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Politik jangan kita pakat balloh tetapi politik kita pakat untuk bekerjasama. Itu yang kita nak supaya kita bekerjasama bagi memajukan Negeri Terengganu supaya ianya betul-betul menepati gelaran Negeri Terengganu, Negeri Terengganu Darul Iman. Walau pun begitu bukan mudah untuk kita perbaiki kerana di sana banyak perkara-perkara yang rosak, perkara-perkara yang perlu kita perbaiki dan kita pertingkatkan.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua, dari sudut penjagaan kepada agama, penegasan untuk terus menyambung semula kesinambungan kedaulatan Syariat Islam serta menyemarakkan kefahaman dan penerimaan rakyat terhadap keadilan dan keharmonian Undang-undang Islam sangat dialu-alukan. Sebagai contoh ketegasan yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri khususnya oleh Mahkamah Syariah ke atas pesalah LGBT beberapa bulan lepas yang menjatuhkan hukuman ke atas pesalah LGBT dengan sebatan mengikut Syariat Islam. Ia adalah satu contoh bagaimana komitmen Kerajaan Negeri untuk terus memperkasakan pelaksanaan Syariat Islam yang menjadi asas yang sangat penting yang telah terpahat dalam sejarah Negeri Terengganu. Isu ini bukan saja isu untuk kita menjatuhkan hukuman ke atas orang yang bersalah tetapi ia lebih kepada mendidik untuk kita mendedahkan kepada rakyat bagaimana perbezaan hukuman dalam Syariat Islam dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Konvensional. Sehingga kita melihat isu ini bukan saja menjadi satu isu yang menarik kepada media nasional bahkan media antarabangsa sehingga dilaporkan dalam BBC, The Guardian dan lain-lain lagi. Saya juga sangat tertarik dengan inisiatif Kerajaan untuk mewujudkan Pusat Rehabilitasi Dan Pemulihan Akidah. Ia adalah satu tindakan yang tepat dengan masanya khususnya umat Islam pada hari ini menghadapi ancaman-ancaman baru terhadap akidah Islam seperti fahaman Islam Liberal yang sangat membimbangkan khususnya kepada golongan muda yang mudah terpengaruh lebih-lebih lagi dengan zaman langit terbuka,

maklumat yang ada di tangan masing-masing, maka idea-idea baru yang dilihat menarik dengan melabelkan nama Islam. Ia sedikit sebanyak sangat mudah untuk mempengaruhi golongan muda kepada agenda-agenda yang sesat lagi menyesatkan ini. Islam Liberal, Islam Pluralisme, Islam Moderate dan lain-lain lagi. Ini semua adalah merupakan racun-racun yang pada zahirnya adalah manisan yang manis tetapi di dalamnya adalah racun yang boleh merosak akidah umat Islam.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, menyedari cabaran kebanyakan sosial pada hari ini saya bersetuju pihak Kerajaan Negeri Terengganu mengukuhkan langkah-langkah *preventive* supaya pintu-pintu kemungkaran dapat dibendung secara serius semoga penubuhan Akademi DU'AT juga mampu melahirkan barisan Kader Dakwah yang berani berdepani cabaran dan menampilkan pendekatan dakwah yang kreatif dan efektif kepada masyarakat. Institusi masjid di Negeri Terengganu mesti menjadi tarikan utama masyarakat setempat. Pelbagaikan aktiviti menarik untuk menambat hati anak-anak muda mendekati dan mencintai masjid. Saya juga menyarankan Kerajaan Negeri untuk meneliti perkembangan operasi masjid supaya mencapai objektif pembangunan ekonomi ahli qariah. Kita perlu belajar daripada negara-negara lain bagaimana mereka menjadikan masjid bukan sahaja pusat beribadah tetapi juga ia adalah pusat ilmu, pendidikan dan ekonomi. Sebagai satu contoh kalau kita lihat di Negara Turki yang mempunyai sejarah yang sangat hebat dari sudut tamadun islam. Bagaimana di Turki wujudnya Grand Bazar yang menghubungkan dengan masjid salah satu masjid yang bersejarah di Istanbul. Bukan sahaja masjid itu hidup dengan ibadah tetapi juga pasarnya hidup semenjak ratusan tahun dahulu. Kita boleh laksanakan perkara sebegini di Negeri Terengganu ini contohnya ialah Masjid Putih, kita boleh hubungkannya dengan Pasar Kedai Payang, yang mana bukan sahaja akan menjadi salah satu tarikan baru pelancong bahkan juga ia akan membuka peluang-peluang perniagaan baru kepada anak-anak Negeri Terengganu.

Yang Berhormat, Yang di Pertua, tidak dinafikan Kerajaan Negeri Terengganu, diunjur akan memperoleh sebanyak RM1.745 bilion daripada sumber Terimaan Bukan Hasil, ia merangkumi 86% daripada unjuran keseluruhan hasil Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2019. Royalti petroleum dianggap sebagai sumber yang utama dalam kategori ini, perlu juga diingatkan *trend* harga minyak mentah akhir-akhir ini, menunjukkan

kejatuhan di bawah paras USD60 setong disebabkan oleh pengaruh geopolitik.

Saya menyarankan agar pihak Kerajaan Negeri Terengganu untuk memperkukuh prestasi syarikat berkaitan Kerajaan Negeri GLC. GLC seharusnya menjadi pemacu utama untuk membantu Kerajaan memenuhi agenda kebajikan terhadap rakyat. Selain itu pihak Kerajaan Negeri mesti meneroka sumber-sumber baharu daripada sektor *isytima'i* dengan mengambil inisiatif pembiayaan atau pelaburan alternatif rakyat dan juga Konsep *Indomen* atau Wakaf Korprat beberapa aplikasi sektor *isytima'i* boleh dilaksanakan di antaranya Tabung Wakaf Pendidikan, Skim Sukut Al-Ijarah untuk pembelian rumah, Wakaf Tunai untuk pembinaan klinik dan pembelian ambulan rakyat dan infra untuk pakaian serta makanan bagi golongan asnaf. Selain membantu masyarakat, kita juga telah membuka ruang yang luas untuk rakyat membuat amal kebajikan kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Inilah dia Konsep Kerajaan Berkebakjian bukan Konsep Kerajaan Kebajikan. Konsep Kerajaan Kebajikan Rakyat, Kerajaan yang memberikan kebajikan kepada rakyat sepenuhnya sebagaimana yang berlaku di beberapa buah negara Eropah. Konsep Berkebakjian Kerajaan itu ialah konsep yang pernah dilaksanakan di zaman pemerintahan Islam dahulu. Kerajaan mempunyai tanggungjawab tetapi di dalam masa yang sama rakyat juga mempunyai tanggungjawab untuk memperbanyakkan amal soleh dan amal kebajikan kepada Allah Subhanahu wata'ala.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana telah mengambil banyak inisiatif untuk membangunkan kualiti modal insan rakyat Terengganu. Saya juga ingin mencadangkan Kerajaan Negeri untuk mengambil inisiatif untuk membuka Akademi Fiqh Terengganu ekoran banyak isu kontemporari memerlukan Ijtihad Fiqh selain itu ia juga bertujuan untuk melahirkan lebih ramai tokoh-tokoh Fuqaha yang mahir dengan Ilmu Turash dan kontemporari serta memberi latihan mengenai Infaq Fatwa dalam masalah-masalah baru yang berlaku. Cabaran baru yang dihadapi pada hari ini ialah meningkatkan produktiviti sektor pertanian. Saya kecewa dengan tindakan Kerajaan Persekutuan yang memansuh serta memotong banyak peruntukan kepada golongan petani, nelayan, pekebun kecil dan penoreh getah tambahan pula harga komoditi utama negara semakin jatuh dan menjejaskan pendapatan mereka. Saya mengharapkan agar Pelan Strategik Hala Tuju Pertanian Negeri Terengganu memberikan perhatian berhubung perkara ini dan memantapkan proses memodenisasi input pertanian.

Yang Berhormat, Yang di Pertua, di sini saya juga ingin mencadangkan kepada Exco Sukan dan Belia. Di samping kita melihat inisiatif-inisiatif yang telah dikemukakan di dalam Bajet (*Buzzer Timer berbunyi*)

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila teruskan. Sila teruskan.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua kerana memberikan ruang masa.

Di samping itu, kita juga perlu memberi perhatian kepada sukan-sukan tradisional contohnya sukan memanah, silat olahraga dan lain-lain lagi. Supaya kita boleh mencungkil seni dan juga kemahiran rakyat Negeri Terengganu, bukan sahaja untuk berjaya di peringkat negeri bahkan juga di peringkat nasional dan antarabangsa.

Yang Berhormat, Yang di-Pertua, institusi keluarga sangat penting ia adalah nukleus dalam pembentukan masyarakat. Generasi Terengganu bergantung kepada keutuhan rumahtangga dan penghayatan agama dalam keluarga. Saya ingin menekankan aspek *Tarbiyatul Aulad* supaya pendidikan generasi Terengganu bermula dari rumah. Bagaimana ingin menerapkan modul pentarbiyahan anak-anak di rumah, kemahiran keibu bapaan yang luas perlu disemai setiap isi rumah di Negeri Terengganu.

Saya juga ingin mencadangkan kepada Terengganu Volunteers (T-Volt) untuk memfokus kepada aspek pengurusan bencana khususnya banjir sistem pengurusan yang sistematik perlu ditekankan bermula daripada langkah *preventive* sehinggalah pengurusan pengagihan bantuan termasuk penyediaan kelengkapan yang sesuai di Pusat Penempatan Bencana. Sistem pengurusan bencana mestilah cepat, sistematik dan efektif.

Mengenai sektor perumahan, tadi kita dengar banyak juga pandangan dan cadangan berkait dengan sektor perumahan di samping permasalahan-

permasalahan yang rata-rata di Negeri Terengganu ini boleh dikatakan di setiap DUN. Saya mencadangkan Kerajaan Negeri untuk meneroka teknologi 3D Rented Housing. Teknologi ini telah dibangunkan di Jakarta dan Thailand malah saya difahamkan beberapa Universiti di Malaysia seperti UiTM dan USM telah membangunkan teknologi ini. Pembinaan rumah yang cepat dan dalam kos yang lebih murah, teknologi ini boleh dimulakan dalam Projek Rumah Mampu Milik di Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, perlu difahami setiap Bajet yang dibentangkan, isu yang paling utama yang perlu diberi perhatian bukanlah angka Bajet itu semata-mata akan tetapi pelaksanaan yang penuh integriti dan tadbir urus yang berakuntabiliti. Kita tidak mahu hanya berbangga dengan projek mega yang akhirnya menjadi bebanan yang terpaksa dipikul. Kesilapan lalu perlu dijadikan iktibar, saya percaya Kerajaan pada hari ini akan berusaha sedaya upaya untuk menjadikan Terengganu bukan sahaja maju daripada sudut lahiriah bahkan bersih dan telus dalam mengurus harta rakyat.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya bersetuju sebagaimana yang telah disebut oleh rakan saya, Yang Berhormat Sura semalam, Bajet yang telah dibentangkan insyaAllah berjaya menunaikan 60% atau 12 tawaran Manifesto PAS dalam PRU yang lepas dalam enam bulan kita telah berjaya menunaikan 60% atau 12 tawaran Manifesto PAS. Jadi kalau ikut markah kira lebih daripada lulus, berbanding apa yang kita lihat Kerajaan Persekutuan pada hari ini yang dipimpin oleh Pakatan Harapan yang jelas mengkhianati rakyat dengan janji 100 hari. Ini menunjukkan bahawa PAS yang memimpin Negeri Terengganu pada hari ini bukan sekadar menabur janji kosong untuk meraih undi rakyat.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, secara kesimpulannya marilah kita sama-sama berdoa agar Negeri Terengganu menjadi sebuah Model Pentadbiran Islam yang gemilang di Malaysia dan di rantau ini dengan bertemakan Maju, Berkat dan Sejahtera, saya mengakhiri ucapan bahas dengan pesan Rasullahi Salallahu 'Alaihi Wassalam yang bermaksud: "Setiap kamu adalah pemimpin

dan setiap kamu bertanggungjawab dengan apa yang dipimpinnya". Terima kasih Yang Berhormat tuan Yang di-Pertua, Batu Burok menyokong.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Batu Burok, sebagai pembahas terakhir perbahasan ke atas Enakmen Perbekalan 2019. Daripada 21 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang di dalam Dewan ini tak termasuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, saya dapati 17 orang yang telah terlibat mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet ini, daripada pihak Ahli Yang Berhormat Kerajaan 10 orang, seorang masih *mc*, sakit. Daripada Yang Berhormat Pembangkang ada 7 orang, 3 orang tidak ambil bahagian. Jadi dengan masa yang ada pada kita sekarang ini saya berhasrat untuk memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pihak Kerajaan untuk menggulung perbahasan mulai petang ini, selepas kita rehat nanti dan seterusnya sebelum pada kita tangguh, saya nak jemput semua Ahli Yang Berhormat ke Majlis Jamuan Makan Tengah Hari yang dihoskan oleh Yang di-Pertua Dewan sendiri pagi ini di Damai Lounge dan sebagaimana biasalah, pegawai-pegawai, Ketua Jabatan Kerajaan di Perkarangan U2.

jadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya tangguhkan sementara Dewan atau Persidangan ini dan disambung semula pukul 2.30 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.53 TENGAHARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tadi kita telah selesai perbincangan daripada Ahli Yang Berhormat berhubung dengan Enakmen Perbekalan 2019 ataupun perbincangan berhubung Bajet. Jadi sekarang giliran pihak Kerajaan untuk menggulung semua ucapan-ucapan daripada Yang

Berhormat. Oleh sebab itu saya ingin terus kepada Yang Berhormat Kota Putera, menggulung bagi pihak Kerajaan, dipersilakan.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tuan Yang di-Pertua, tak pernah berlaku sejarah Pembangkang tak ada seorang ni, Pembangkang dulu tak begini.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Itu di luar kawalan sayalah, saya dah sebut sebelum pada ini, lagi pun sebelum semasa rehat rasa dah sebut tadi, ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat saya kata, petang ni jangan tak mari. Ini giliran kita mari dengar pula. Tak apa kita teruskan agenda, ia tidak menjadi masalah dari segi Peraturan Dewan, jadi saya persilakan Yang Berhormat Kota Putera untuk membuat penggulungan, silakan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillah hadana lihadza wama kunna linahtadiya laula an hadanAllah. Asyhadu Alla Ilaha Illallah, wa ashhadu anna Muhammadan abduhu wa rasulluluh. Subhanaka la ilma lana illa ma 'allamtana innaka antaal-'alimul-hakim. Qala; Rabisyrahli sadri wayasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yafqohu qauli.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang dihormati lagi dikasihi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sahabat-sahabat Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua dan wakil jabatan daripada Negeri dan Persekutuan, wakil-wakil media seterusnya Pemerhati dan sidang hadirin hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Sekali lagi terima kasih kepada Yang di-Pertua yang memberi ruang ini kepada saya untuk memulakan sesi penggulungan kepada perbahasan Ucapan Bajet 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 25 hari bulan yang lepas.

Alhamdulillah semua Ahli Dewan daripada sebelah sini dan sebelah sana yang tak ada orang lagi tu, telah menyambut baik Pembentangan Bajet 2019 pada kali ini. Semoga kandungan Bajet yang telah dibentangkan ini benar-benar menjadikan Bajet Rakyat yang merangkumi dan mencakupi segenap aspek kehidupan rakyat Negeri Terengganu yang kita cintai ini. Suasana Dewan seharmoni ini telah lama saya impikan walaupun saya baru sepenggal ini, tetapi dalam perbahasan-perbahasan Dewan sebelum ini saya mengikutinya dengan agak rapat. Dan alhamdulillah suasana ini berlaku dalam Sidang Bajet pada kali ini. Ucapan daripada pihak Bukan Kerajaan secara ikhlas dan terus terang menyokong Bajet ini adalah suatu yang sangat mensejahterakan saya. Kenyataan daripada Yang Berhormat Telemong memberi markah 98% sokongan kepada Bajet ini mempunyai satu makna yang tersirat yang sangat mengembirakan saya. Mudah-mudahan hasrat tema Bajet kali ini benar-benar sampai ke lubuk hati nurani pimpinan dan rakyat sejahtera rakyat semua.

Negeri Berkat Rakyat Sejahtera,
Tema bajet tahun ini,
Ahli Dewan semua gembira,
Berpuas hati rakyat disantuni.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, sepanjang penelitian saya dalam terhadap ucapan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet kali ini, saya teliti ada beberapa orang yang telah menyentuh secara terus portfolio yang telah dipertanggungjawabkan di bawah saya. Antaranya Portfolio Usahawan yang disebut yang disentuh oleh Yang Berhormat Air Putih mengenai Dana Usahawan Belia Sejahtera (U-BES). Yang Berhormat Sura dan Bukit Besi menyentuh mengenai jumlah Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera (TUGAS). Manakala di bawah Portfolio Sumber Manusia disebut secara tidak langsung iaitu Yang Berhormat Manir mengenai kadar pengangguran-pengangguran negeri antara 4.2% sehingga 4.5%, Yang Berhormat Jertih yang membangkitkan kurang peluang pekerjaan. Begitu juga Yang Berhormat Bukit Besi supaya membuka peluang kepada anak-anak muda menganggur dan juga yang hari ini daripada Yang Berhormat Permaisuri yang telah pun ada di dalam Dewan ini yang mencadangkan supaya Kerajaan sediakan inisiatif-inisiatif bagi mengurangkan pengangguran. Dan

satu lagi portfolio yang disebut pada pengakhiran perbincangan tadi oleh Yang Berhormat Batu Burok berkenaan dengan Koperasi Masjid. Koperasi juga berada di bawah penyeliaan sayalah, insyaAllah. Terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang prihatin terhadap portfolio ini dan insyaAllah saya akan cuba menjawab ataupun mengulas perkara-perkara yang dibangkitkan agar kita dapat maklumat dengan jelas.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberi respon kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi, sekalung ucapan penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah memperuntukkan sejumlah besar Bajet pada kali ini kepada keusahawanan pada Bajet tahun 2019 ini berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya dan sekali gus telah menunaikan janji manifesto kita kepada rakyat iaitu mewujudkan dana khusus kepada usahawan negeri. Jumlah yang disebut dalam manifesto adalah berjumlah RM10 juta tetapi apa yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan berjumlah RM15 juta. Terima kasih banyak-banyak kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. InsyaAllah saya dan pasukan saya berjanji akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini sebaik mungkin dan kami khususnya di Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) akan memastikan dengan Bajet ini bukan sahaja kita melahirkan usahawan-usahawan baru tetapi insyaAllah kami akan lahirkan usahawan-usahawan yang berjaya. KPI kami bukan sahaja bilangan usahawan yang dilahirkan tetapi keberjayaan usahawan itu sendiri dalam bidang yang diceburi akan kami tingkatkan, insyaAllah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada perkara-perkara yang dibangkitkan, saya suka mulakan dari Portfolio Keusahawanan. Antaranya yang disebut oleh Yang Berhormat Air Putih menyentuh mengenai U-BES dan cadangan mewujudkan usahawan hiliran dan bekalkan ilmu khusus, ilmu ataupun kursus ataupun bimbingan kepada usahawan-usahawan muda ini. InsyaAllah Yang Berhormat, perkara ini sudah berada dalam kerangka besar kami. Peringatan daripada Yang Berhormat akan kami jadikan suatu keutamaan dalam pelaksanaannya nanti. Untuk maklumat Yang Berhormat, sekarang ini kita telah wujudkan ramai usahawan hiliran ini. Tetapi masalah utama mereka sepertimana yang saya sebutkan dalam soalan tambahan tadi adalah untuk memasarkan produk-produk mereka. Dan inilah menjadi topik utama usahawan ini dan isu ini bukannya baru, telah berlaku sejak sekian lama. Apabila kami melihat isu ini secara mikro, saya dapat simpulkan usaha ini kurang menarik untuk diselesaikan berbanding dengan mewujudkan infra-

infra yang besar dan megah kerana di situ mungkin ada sedikit laba yang diperolehi. Isu mewujudkan pasaran ini tidak mendapat pulangan yang menarik kerana peneraju ataupun yang membawa isu itu berbanding dengan mencadangkan bangunan yang besar dan indah. Saya cuba mencari jalan penyelesaian sejak saya diamanahkan ini dan alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala sekarang kita telah menemui sinar untuk menyelesaikan masalah ini di mana mutakhir ini kita telah menemui dan telah bersetuju dalam perbincangan iaitu menemui dua pengimport yang *establish* di tempat masing-masing iaitu di dua negara yang agak besar pasarannya. Satu dari Australia iaitu di Melbourne dan satu lagi di Arab Saudi iaitu Makkah. Kedua-dua pengimport ini telah datang ke Malaysia dan Terengganu. Setelah mereka melihat dan kita bawa untuk melihat dan merasa, memegang produk-produk yang kita ketengahkan dan mereka alhamdulillah telah menunjukkan minat dan bersetuju untuk menempah produk-produk ini dengan satu jumlah yang agak memberangsangkan. Dan insyaAllah saya berhasrat untuk menjadikan Yayasan Pembangunan Usahwan (YPU) benar-benar sebagai hub pemasaran kepada produk usahawan-usahawan Terengganu, insyaAllah. Kita akan mula menghantar produk-produk ini yang pertama ini insyaAllah sebelum berakhirnya tahun 2018 ini. Dalam penelitian produk, kami temui suatu lagi permasalahan. Dari usahawan itu sendiri iaitu mereka

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Ya?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Boleh celah sikit. Saya ingin mendapat penjelasanlah khususnya daripada EXCO berkaitan dengan produk-produk tadi, nak tahu juga apa jenis produk tadi?

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Apa?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Produk yang nak kita eksport. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Kita punyai banyak produk-produk kita. Mungkin saya akan jawab selepas

daripada saya habiskan perenggan yang seterusnya ini iaitu berkenaan dengan permasalahan yang menyebabkan jumlah produk kita terbatas. Iaitu permasalahan yang saya maksudkan ialah usahawan-usahawan kita ni mempunyai produk yang bertaraf international. Tetapi jiwa usahawan itu sendiri masih di peringkat *local*. Sebagai contoh produk-produk mereka telah mendapat tempahan daripada pengimpot tetapi usahawan ini sendiri takut untuk menyahut peluang ini antara masalah ataupun yang mereka takutkan adalah perlu besarkan premis atau kilang-kilang mereka yang menyebabkan mereka perlu membuat pinjaman daripada institusi-institusi kewangan dan mereka ini takut dengan bebanan hutang dan disebut terus terang bahawa: "Yang Berhormat saya takut mati dalam hutang". Sedangkan produk mereka berdaya saing dan di peringkat international. Boleh diketengahkan dengan packaging yang ada, dengan rasa yang sedap tetapi apabila minda seperti ini ada yang menyekat untuk kita terus, sepatutnya kita kena terangkan kepada mereka bahawa jangan takut kepada hutang, jangan takut mati dalam hutang. Yang kita perlu takut gagal menguruskan hutang itu yang perlu kita takutkan. Kalau kita nak berjaya hampir 95%lah yang berjaya ini semuanya menggunakan duit-duit daripada institusi-institusi kewangan. Tak berapa banyak usahawan-usahawan yang berjaya yang menggunakan duit hasil daripada simpanan mereka sendiri.

Jadi, inilah yang menjadikan cabaran kepada Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) untuk kita lahirkan bukan sekadar produk yang bertaraf international, kita juga nak membangunkan usahawan, kita nak lahirkan usahawan-usahawan yang seiring dengan produk mereka. Dan insyaAllah kami di Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) telahpun mempunyai unit pembangunan usahawan dan kami akan optimumkan unit ini dalam tahun 2019 nanti, insyaAllah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sura tadi berkenaan berapa jumlah, kita telah mengemukakan banyak produk-produk yang kita telah saringkan. Di peringkat Yayasan Pembangunan Usahawan kita telah menilai mana kategori-kategori produk yang kita rasa berdaya saing, yang boleh diketengahkan. Yang ini kita ada lebih daripada 20 produk tetapi apabila dapat tempahan seperti itu, itulah menjadikan sekarang ini tidak lebih daripada 5 produk yang berjaya kita ketengahkan.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Yang di-Pertua, mencelah sikit?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Silakan.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Saya faham sangat sedikit sebanyak tentang produk-produk apatah lagi dengan usaha Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU), memang satu kejayaan yang cukup memberangsangkan. Tapi kita nak tahulah 20 produk yang dinyatakan sama ada bengkok, ke bepang ke yang boleh diterima di Melbourne, yang boleh diterima di Makkah itu, boleh tolong jelaskan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Bukit Besi. Antara produk yang saya ingat ialah produk rempah daripada keluaran Adik Su, hampir 9 jenis rempahnya telahpun berada di Melbourne sekarang ni dan juga telah mendapat tempahan untuk ke Arab Saudi nanti. Begitu juga kita ada keropok yang berperisa, keropok lekor sebab di Melbourne ini ramai rakyat Malaysia di sana dan disebut tak silap saya lebih 80,000 orang. Dan mutakhir ini permintaan produk-produk Malaysia ini khususnya yang ada halal mendapat permintaan yang tinggi. Jadi, pengimport ini dia datang ke Malaysia walaupun dia memang asal Malaysia tapi dah lama *migrate* di sana, dia datang ke Malaysia dan cari produk-produk orang Islam dan bertemulah dengan wakil kita Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) dan kita ketengahkan produk-produk yang banyak ini. Macam-macam, sambal ada, belacan ada yang itu yang apabila kita kategorikan tidak mampu untuk *disupplykan* separuh kontena pun tidak mampu usahawan kita. Yang inilah yang kita perlu lihat di masa akan datang untuk mengatasi masalah-masalah ini, insyaAllah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai yang disebut oleh beberapa ADUN seperti Manir dan Bukit Besi juga mengenai dengan peruntukan kepada Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera iaitu TUGAS yang berjumlah RM15 juta ini, insyaAllah dengan dana-dana yang baru diwujudkan dan kombinasi dengan dana yang sedia ada akan dapat kami agihkan kepada usahawan-usahawan yang benar-benar layak. Cuma untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam pelaksanaan pemberian dana-dana ini saya telah tekankan kepada pegawai-pegawai saya supaya menggunakan *professionalisme* dan kepakarannya yang semaksimum mungkin dalam melaksanakannya. Cerita-cerita dongeng yang ada sebelum ini, seperti perlu beri kepada puak ini sahaja dan jangan diberi kepada puak itu telah saya noktahkan dan insyaAllah saya akan hanyutkan ke Laut China Selatan satu masa nanti. Inilah antara punca *balloh* yang

dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapannya. Yang Berhormat-Yang Berhormat Pembangkang *lening duk tuding hala ke sini jer kalau bak balloh*. Suka *balloh*, dia tuding ke sini, padahal puncanya daripada mereka sebelum daripada ini. Sebagai contoh, berlaku diskriminasi yang amat dahsyat di bawah sana itulah yang menyebabkan kita pertahankan di dalam Dewan yang mulia ini jadi *balloh*. Jadi apabila kita sebagai pemimpin perlu menunjukkan sikap yang matang dan sejahtera kepada rakyat bawah, jangan kita pulak jadi batu api untuk membakar semangat yang sedia ada di bawah sana. Diskriminasi.....

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya nak cuba dapat penjelasanlah sebab kaedah pendekatan yang kita bawapun ke arah kebaikan bersama, kan? Jadi saya nak tahu jugaklah yang menjadi punca perbalahan di bawah itu kat mana berlaku tu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Bukit Besi. Saya ada beberapa bukti dan data, yang itu saya sebut dongeng tadi itu sebab di bawah sana, kalau bunyi orang PAS tidak akan dapat apa-apa bantuan pun sebelum daripada ini. Minta maaf bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tak betul maklumat ini, ada setengah-tengah tempat betul berlaku gitu, tapi kita tak boleh nak pukul rata. Kalau nak tuding sebelah sana sebelah sini gitu, *dok jadi kakah* kita, *balloh* pulak kita kesudahan. Jadi, saya rasa Yang Berhormat, perkara ini berlaku di mana-mana, sekarang pun berlaku perkara yang sama tapi saya tak mahu ungitlah, tak apa, kita terima apa Yang Berhormat kata kita tu kita terima sebagai satu perkara yang telah lalu dan insyaAllah kita akan baiki. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Tunggu saya habis ayat saya dulu nak terima pun, jangan terima sekerat jalan nanti jadi pocong, *nan bo ti nang*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dok sekerat-sekerat ni, penuh. Kita terima penuh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Dok

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Tak apa, takk apa, kita dengar penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Sebab yang itu yang dicadangkan oleh pimpinan kita supaya jangan *balloh*, kita buang, kita sebagai pemimpin yang buang, bukan nak harap orang bawah ni, kalau kita yang tidak buang sikap ini, kita sebagai pemimpin ni, sebelum ini tidak ada pun dari pimpinan kita, Kerajaan sebelum daripada ini mencadangkan perkara yang sama seperti yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YANG BERHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat, *nok tunding sape dia tu?* Sebab kita menyambut baik sebenarnya, pandangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, beloh kita ni memang kita ada bincang untuk cari pendekatan ke arah kebaikan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Alhamdulillah.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD(Wakil Bukit Besi): Tapi janganlah maknanya Yang Berhormat cuba nak mengapi-apikan kita supaya kita nak jadi marah pulok.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Bukan nok suruh maroh

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Tapi Yang Berhormat Menteri Besar,

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Kita nak cerita

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Saya ingat isu ni kita tak boleh panjanglah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Okey.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Maknanya Yang Berhormat sebut secara umum, kalau ada, adalah. Kalau takdok, takdoklah. Kita buka buku baru.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Okey, teruskan. Kita buka buku baru. Teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Saya setuju dengan Yang Berhormat Yang di-Pertua. Terima kasih. Jadi, itu juga yang saya sebutkan dalam Program Sembang Santai Bersama Exco Usahawan, yang kita turun ke daerah-daerah sekarang ini. Saya juga meminta usahawan-usahawan di bawah sana, yang jika ada di kalangan pegawai-pegawai kita yang masih mengamalkan cerita-cerita dongeng ini, saya sebutkan kepada mereka, sila datang terus ke pejabat saya dan dengan bukti dan insyaAllah saya akan ambil tindakan sewajarnya kepada yang terlibat. Bahawa nak menunjukkan bahawa kita nak buang sungguh, kalau ada Yang Berhormat *lek* sebelah sana pun ada maklumat, sila kongsi dengan kita, insyaAllah. Tapi dalam keadaan macam tu adalah rakyat datang jumpa saya dengan wajah yang agak tidak puas hati. Mereka kata: Sedap ke dia sokmolah Y.B., masa dia memerintah dia jer dapat, masa kita perintah kita tak pilih bulu. Jadi dia *sokmo hok boleh*, untungnya. Tapi ada yang datang bertemu dengan saya bila saya ucapkan di beberapa tempat perkara seperti ini, tapi saya jawab kepada mereka itulah beza antara kita dengan dia. *Kalu kita serupo jugak buat serupo dia, takdok bezalah kita* dengan dia seperti mana yang kita lihat hari ini di peringkat Kerajaan Pusat. Apabila orang tu naik

orang tu hentam orang tu, orang tu jatuh, orang tu naik, buat pulok ke orang tu. Tak sudah-sudah. Inilah kes yang saya nak tunjukkan, nak tonjolkan di Negeri Terengganu ini kita nak mulakan satu lipatan sejarah baru kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai portfolio saya yang seterusnya iaitu berkaitan dengan sumber manusia, secara umumnya jawapan saya ialah dengan Bajet yang diperuntukkan ini juga insyaAllah kita akan sediakan beberapa kursus dan cadangan daripada Permaisuri tadi, memang telah pun ada di peringkat kita untuk kita sediakan kursus-kursus profesional dan separa profesional. Kita ada dua sasaran yang kita telah gariskan sekarang ini iaitu: Satu, lepasan universiti yang belum mempunyai pekerjaan dan satu lagi golongan belia yang tidak bernasib baik untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA atau pun IPTS atau pun dengan kata lainnya lepasan SPM yang gagal untuk melanjutkan pelajaran mereka. Dan kita juga telah mengenal pasti modul-modul yang dapat yang mendapat permintaan dan mempunyai pasaran kerja yang baik, di samping itu juga kita akan bekerjasama dengan beberapa syarikat-syarikat besar yang memerlukan tenaga profesional dan separuh profesional dalam bidang-bidang tertentu dan kita akan latih tenaga atau sumber-sumber manusia kita ini untuk kita salurkan kepada mereka. InsyaAllah dengan usaha ini kita dapat membantu untuk mengurangkan kadar pengangguran dan membuka peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, cuma satu masalah yang saya dimaklumkan oleh beberapa agensi tenaga kerja selepas kita berbincang perkara ini iaitu berkenaan dengan sikap anak-anak muda Terengganu kini, mereka sangat tidak berminat untuk kerja di luar Terengganu. Malah yang lebih teruk lagi tidak mahu keluar daripada daerah atau pun kampung mereka atau dengan kata lain masih nak duduk di bawah ketiak mak lagi. Jika benarlah masalah ini, maka ianya mungkin berkait rapat dengan jumlah pengangguran yang agak tinggi sekarang ini. Saya telah minta agensi-agensi berkenaan untuk mengemukakan satu data kepada kita untuk kita buat analisa dan insyaAllah kita akan dibekalkan dengan data-data tersebut sedikit masa lagi. Cuma bukti yang ada pada mereka sekarang ini adalah rungutan daripada syarikat-

syarikat besar yang berada di luar Terengganu, di Lembah Kelang, di Penang, di Kedah, di Kulim, Kedah yang telah datang ke Negeri Terengganu dalam Karnival Jom Cari Kerja, dalam kempen-kempen untuk mendapatkan pekerja baru, rungutan daripada mereka mutakhir ini adalah syarikat -syarikat besar ini dah malas dah nak mari ke Terengganu nak buat *interview* kerana mereka mendapat jumlah kedatangan yang *interview* itu ramai, tetapi apabila ditawarkan kerja itu kepada mereka di mana lokasi tempat kerjanya di luar Negeri Terengganu, ramai yang tidak menyahut seruan itu. Ini saya lihat kalaulah benar perkara ini berlaku, juga di bawah tanggungjawab kita untuk memberi kesedaran atau pun membuat kempen-kempen kepada anak-anak muda kita ini supaya berani keluar daripada negeri ini untuk mencari rezeki.

Dan yang akhirnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Yang di-Pertua, berkenaan yang disebutkan akhir tadi oleh Yang Berhormat Batu Burok berkenaan dengan Koperasi Masjid. Memang dalam koperasi ini saya melihat satu peluang untuk kita wujudkan lagi usahawan-usahawan kita tetapi tidak ramai daripada kalangan rakyat kita yang mempunyai pengetahuan mengenai koperasi. Dan kalau disentuh kepada koperasi masjid, kita di seluruh Negeri Terengganu ni kita ada 19 buah koperasi masjid setakat hari ni tetapi yang aktifnya hanya 9 sahaja yang ada aktiviti yang lain tu selepas pendaftaran tidak ada aktiviti-aktiviti kerana kita tidak ada idea untuk menjalankan koperasi di peringkat tempatan kita. Jadi ini juga salah satu daripada cara untuk kita ketengahkan kepada masyarakat kita khususnya rakyat Negeri Terengganu, selain daripada berjinak-jinak dengan usahawan kita juga menarik mereka supaya buat koperasi di peringkat kampung, di peringkat keluarga dan kita akan salurkan maklumat-maklumat untuk mereka bergiat aktif dalam koperasi. Dan alhamdulillah, saya mengucapkan ribuan terima kasih banyak kepada SKM (Suruhanjaya Koperasi Malaysia) Cawangan Negeri Terengganu yang mengikuti rapat dan tidak segan silulah untuk membantu mengembangkan koperasi-koperasi di Negeri Terengganu ini. Dan saya juga nak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini satu tindakan yang saya lihat baik untuk koperasi untuk makluman kita, adalah dua koperasi di pulau. Satu, di Pulau Perhentian, dan satu koperasi di Pulau Redang yang telah dibantu secara terus oleh SKM yang telah berjaya membina Kilang Air Batu di

pulau masing-masing dan sekarang hari ini telah mendapat sambutan yang baik daripada penduduk-penduduk pulau dan menjadikan ianya satu perniagaan yang berdaya saing di pulau masing-masing.

Jadi itulah sahaja yang saya dapat kongsikan Yang Berhormat Yang di-Pertua, cuma saya melihat Kuala Besut ada saya nak tambah sedikit berkenaan apa yang disebutkan oleh Kuala Besut mengenai Rumah Mampu Milik di Gong Tengah. Nak beritahunya, bukan sahaja Kuala Besut sahaja terima surat-surat minta bantuan ini, saya di Kota Putera juga dapat. Dan saya telah membuat penelitian dan kes ini ialah dia ada dua kes, memang diarahkan keluar pada 27 November ini, tetapi apabila kita buat semakan di PERMINT, dia ni tak duduk lama, tak duduk lama kerana masa dia datang ke rumah saya dia tidak menceritakan isu sebenar hanya diceritakan bahawa tunggakan sahaja. Tunggakan dia tidak masuk dalam satu bayaran tersebut. Tetapi apabila kita buat semakan, PERMINT ada data yang menyatakan bahawa rumah ini tak duduk dengan bil elektrik dan bil air yang kurang. Jadi di situlah baru saya dapat maklumat dengan pengadu sendiri, bahawa dia sekarang ini berulang ke rumah mak mertua dia yang sakit. Jadi kes-kes yang sebegini kita akan pertimbangkan dan insyaAllah saya akan bincang dengan Exco Perumahan supaya memberi kelonggaran kepada mereka. Begitu juga saya nak mengharapkan tidak melihat ini perkara ini secara pukal kita nak mengeluarkan penghuni-penghuni ini. Cuma kita buat pemutihan dan bagi yang ada masalah, sila datang berjumpa dengan kita dan kita akan pertimbangkan permasalahan-permasalahan mereka dan insyaAllah mereka boleh terus kekal tinggal di rumah tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, untuk akhirnya:

Batang selasih permainan budak,
Berdaun sehelai diikat tali,
Bercerai kasih, bertalak pun tidak,
Di lain masa bersua lagi.

Aquluqaulihaza astaghfirullah hal `azim li walakum. Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kota Putera yang telah membuat penggulungan bagi pihak Kerajaan. Saya sebenarnya tidak, setakat ini saya tidak menghadkan ataupun memperuntukan masa kepada setiap Ahli Yang Berhormat Kerajaan ataupun Exco, cuma saya minta pandai-pandailah jaga masa. Tadi dah ambil masa setengah jam. Saya dari segi perancangan pengurusan masa, petang ini saya nak cuba habiskan 6 ataupun 7 orang, supaya besok kita tidak terkejar-kejar, tambah-tambah oleh kerana kita dah ubah masa main bowling ini dari 8.00 malam kepada 3.00 petang ini, jadi kita harap kita boleh habis hari terakhir itu sehingga tengaharilah. InsyaAllah. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): **Bismillah**ir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dr. M.B., Ahli-ahli Yang Berhormat, semua ketua-ketua jabatan, muslimin dan muslimat sekalian. Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan yang memberi peluang kepada saya pada petang ini untuk menggulungan berkaitan dengan portfolio saya. Saya cuba ringkaskan Yang Di-Pertua.

Pertama, kalau kita lihat secara keseluruhan daripada perbentangan Bajet kita ini, saya dapati daripada peruntukan RM2.015 bilion ini, khusus untuk pembangunan sekitar RM600 juta. Daripada RM600 juta ini, di sana ada liabiliti iaitu RM186 juta yang terpaksa Kerajaan Negeri bayar setahun mulai tahun hadapan. Dan kalau kita lihat dari semasa ke semasa, angka liabiliti ini bertambah. Di sana ada dua *payment* yang perlu Kerajaan Negeri buat. Pertama, berkaitan dengan Scheduled Payment. Scheduled Payment ini melibatkan beberapa projek iaitu berkaitan dengan muara Sungai Terengganu, berkaitan dengan Bandar Baru Kuala Nerus, dan lain-lain lagi.

Jadi, angkanya sebanyak RM186 juta pada tahun hadapan yang kita perlu bayar. Belum lagi yang berkaitan dengan Deferred Payment, Yang di-Pertua. Deferred Payment ini ialah berkaitan dengan projek air, yang kita terpaksa tanggung iaitu Kuala Terengganu Utara, Projek Air Kuala Terengganu Utara dan juga Projek Air di Bukit Sah, Kemaman. Kedua-dua projek tersebut kita terpaksa membayar sebanyak RM230 juta apabila projek tersebut siap. Jadi dalam masa jangka beberapa tahun lagi, liabiliti ini terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM416 juta setahun. Jadi saya rasa ini suatu angka yang amat besar, yang mana Kerajaan Negeri saya rasa tidak dapat membayar hutang-hutang tersebut dalam masa yang ditentukan.

Jadi saya suka mencadangkan, seolah-olah saya mencadangkan diri saya sendirilah, iaitu kita kena *refinancing* balik, kita kena *refinancing* balik, macam kita pinjam rumahlah. Kita beli rumah terlampau besar, lepas tu *dokrok* nak bayar gaji kecil. Jadi kita kena.....

YANG BERTAMBAH HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Bertambah, nikah dengan janda gitulah pesen dia dah. Kena tanggunglah ...(sambil gelak) ... Jangan diungkit yang lama.

YANG BERTAMBAH DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih. Terima kasih Wakil Paka. Jadi kita mohon supaya kena *refinancing* balik.

Seterusnya, saya tertarik wakil daripada Tepoh berkaitan dengan projek iaitu Membina Dan Menyiapkan Projek Tebatan Banjir Di Baruh Tok Jiring, Batu Rakit. Yang mana projek ini telah diluluskan pada tahun 2015 dan dijangka siap pada akhir tahun hadapan. Sekarang ini projek ini dalam kemajuan sekitar 64% dan kesiapan yang sebenarnya 62%, jadi agak kemajuan dia -2% sahaja. Jadi rasanya tidak banyaklah. Dan insyaAllah kalau ada pun insyaAllah pada tahun 2020 dia akan siaplah. Jadi berkaitan dengan banjir di sekitar Tok Jiring, Kuala Nerus ini kita haraplah tahun 2020 dapat diselesaikan.

Kemudian saya tertarik juga berkaitan dengan Masjid di Gong Surau oleh Kuala Besut. Wakil Kuala Besut, ini masjid ke surau, Kuala Besut?

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Dia masjid tapi di Kg. Gong Surau.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Pasal dia sebut masjid, lepas tu Gong Surau, ingat ke surau.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Molek juga kita jemput Exco mari sekali ke kampung kita.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): InsyaAllah, tapi saya tengok dalam *whatsapp* ini comel lagi, bagus lagi, molek lagi.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Sebab itu kita jemput EXCO mari tengok sekali.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Tak apa, insyaAllah, kalau buat masjid, buat surau ini kita orang Islam ni, ada satu kaedahlah yang mana kita pakat, sebagaimana yang kita tahu, kita baca *sokmo* dalam Surah Al-Baqarah Ayat 261:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ
مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ ضَعِيفٌ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَسِعَ عَلَيْهِمْ ۚ ۲۶۱

Bermaksud: Bandingan derma orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan 7 tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi 100 biji dan

ingatlah Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki dan Allah maha luas rahmat kurniaNya lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.

Inilah dasar kita sebagai orang Islam, kita harus menderma, tambahan lagi nak buat benda yang baik, masjid dan surau. Kerana di sana dalam Bajet ini, sekitar RM30 juta sahaja Kerajaan Negeri cadangkan dan kita dapati banyak masjid yang kita nak buat, masjid yang uzur pun kita nak baiki dan macam-macam lagilah berkaitan dengan masjid ini. Boleh gitu Kuala Besut?

YANG BERHORMAT YANG DI PERTUA: Teruskan, teruskan.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Seterusnya...

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Celah sikit, Yang Berhormat Speaker. Sebenarnya yang saya bangkitkan ini juga adalah memang tempat lain pun ada yang memerlukan, sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Exco, tapi yang saya sebutkan di Masjid Gong Surau tu dari segi luarannya memang nampak okey lagi, tapi dari segi *structurenya*, struktur atap, kekuda dan sebagainya, itu yang kita minta, sebab ini melibatkan keselamatan, Tuan Yang di-Pertua. Moleklah kita minum air sekali di Kampung Gong Surau.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): InsyaAllah, insyaAllah, terima kasih Wakil Kuala Besut. Kemudian tadi kita lihat juga wakil dari Jertih, berkaitan dengan Masjid Alor Lintah, yang mana dia kata lama dah buat, dan tak siap-siap lagi. Memang kita lihat bahawa projek ini telah diberi milik tapak pada tahun lepas, bulan Jun 2017 dan dijangka siap asalnya pada bulan November tahun ini. Tetapi sepatutnya dah siap, hanya siap sekarang ini 56%, jadi dia kena dendalah. Setakat hari ini, kena denda hari ini hari yang ke-16, sebanyak RM682 sehari dia kena

denda. Dan ini dalam proses penamatan oleh JKR Negeri Terengganu.

Isu yang agak besar iaitu berkaitan dengan pengambilan balik tanah di seluruh Negeri Terengganu kita ini, terutamanya apa yang dibangkitkan oleh Wakil Air Puteh. Untuk makluman kita semua bahawa projek ini iaitu Cadangan Pengambilan Tanah Untuk Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT237 dari Exit Cukai LPT2 menuju ke FT003 Kemaman, Mukim Binjai dan Pasir Semut, Daerah Kemaman. Di sana ada tanah milik daripada sama ada syarikat ke ataupun individu sebanyak 90 lot dan tanah kerajaan sebanyak 25 lot. Dan baru-baru ini telah dibawa kepada pengetahuan kita bahawa bayaran pampasan yang dianggarkan sebanyak RM8.42 juta dan apa-apa bayaran yang dituntut berhubung dengan pengambilan tanah ini dibayar daripada peruntukan Kementerian Kerja Raya Malaysia kerana jalan ini Jalan Persekutuan. Bayaran pampasan ini hendaklah mengambil kira bangunan yang bertentangan dengan Syarat-syarat Nyata Tanah bagi bangunan rumah kedai dan bangunan kediaman. Perkara ini tertakluk juga kepada penyewa bangunan berkenaan iaitu syarat-syarat tanah ni kadang-kadang dia langgar syarat. Tanah untuk kedai kadang-kadang dia buat atas tanah pertanian dan sebagainya. Jadi yang ini, kena ambil kira jugalah dan juga kepada penyewa-penyewa kerana ada sebahagian kedainya disewa oleh orang-orang tertentu, oleh peniaga-peniaga, jadi kena ambil kira kepada penyewa-penyewa juga. Kemudian kita lihat apa-apa binaan di sepanjang jalan struktur memasuki tanah Kerajaan tanpa sebarang kebenaran yang sah, semua binaan tersebut berada di atas garisan *Right Of Way* ataupun kita panggil ROW bagi cadangan projek ini dan perlu dirobuhkan.

Agensi pemohon telahpun menyediakan senarai binaan yang terlibat beserta dengan pelan kedudukan binaan tersebut seperti yang dilampirkan ini untuk tindakan penguatkuasaan selaras dengan Seksyen 425 Kanun Tanah Negara oleh Pentadbir Tanah Kemaman.

Binaan-binaan tersebut tidak dibuat apa-apa bayaran dan bayaran tidak juga termasuk mana-mana tanah yang direntah atas tanah kerajaan. Jadi kalau kita lihat sebagaimana yang telah diarahkan kepada kita tadi, saya suka membaca apa kata Seksyen 425 Kanun Tanah Negara ini, iaitu pendudukan secara tak sah dan lain-lain tanah kerajaan, tanah rezab atau tanah perlombongan: "Mana-mana orang yang tanpa kebenaran yang sah iaitu menduduki atau membina apa-apa bangunan di atas mana-mana tanah kerajaan, tanah rezab atau tanah perlombongan ataupun membersihkan, membajak, menggali, mengepungi atau menanami mana-mana tanah sedemikian atau bahagian darinya. Memotong ataupun memindah apa-apa kayuan atas atau hasil atas atau dari tanah sedemikian adalah melakukan sesuatu kesalahan dan boleh jika disabitkan dikenakan denda yang tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun." Itu dia punya Akta Seksyen 425, kalau salah minta Yang Berhormat Dato' LA betullah. Jadi kalau kita lihat lot-lot yang terlibat daripada tanah-tanah tersebut, di sana ada notis yang dikeluarkan sebanyak 123 kepada mereka-mereka ini yang duduk atas tanah ROW. Jadi termasuklah juga pondok-pondok bas ataupun kita kata bus stand lah. Jadi bus stand ini apabila Kerajaan ataupun pemaju nak buat, nak ambil, nak buat jalanlah dia kena bina semula kerana dia untuk kepentingan awam jadi Kementerian Jabatan Kerja Raya akan bina semula pondok-pondok bas ini. Kita bimbang kerana sebagaimana ADUN atau Wakil Air Putih mintak supaya dibayar mana-mana yang duduk di atas tanah Row ini dia nak suruh bayar *ex gratia* ke, apa ke, jadi kita bimbanglah kalau kita beri dia akan menjadi *precedent case* dan memburukkan lagi kewangan negeri. Kita banyak projek sebenarnya termasuklah Projek Bypass, Projek Bukit Besar, Projek Lembangan Sungai Kemaman, banyak kita nak ambil tanah. Jadi kalau kita benarkan benda ini maka menjadi satu masalah penyakit yang berjangkit dan boleh merosakkan Kerajaan Negeri seterusnya.

Seterusnya iaitu berkaitan dengan masalah yang agak besar berkaitan dengan pantai kita dan hakisan ke atas pantai. Yang Berhormat Yang di-Pertua

Dewan, penyakit ini penyakit hakisan ni dah lama dah kerana kita tahu bahawa negeri kita ini pantai nya indah, cantik, panjang sehingga ke 244 kilometer dan mempunyai 14 sungai utama. Yang mana merupakan pantai yang agak panjanglah kalau kita bandingkan di Malaysia kita ni. Kalau kita lihat di Besut kita ada Sungai Besut, Sungai Keluang. Di Setiu ada Sungai Setiu, Sungai Merang. Di Kuala Terengganu, Sungai Terengganu, Kuala Ibai, Sungai Marang Sungai Mercang sampailah ke Dungun, Sungai Dungun, Sungai Paka, Kertih, Kemasik Sungai Kijal dan Sungai Kemaman.

Jadi kita pun nak ucap terima kasihlah dulu kepada Kerajaan Persekutuan yang banyak membantu kita di dalam masalah berkaitan dengan pantai dan muara-muara sungai dan jugok kepada Kerajaan yang lalu kita ucap terima kasih ni. Dan jangan kata tak ucap terima kasih pula, kita nak ucap terima kasih kerana membantu rakyat menyelesaikan banyak masalah berkaitan pantai dan muara sungai. Dan hak tak selesai lagi tu pihak-pihak kitalah pula akan cuba menyelesaikan, insyaAllah. Kalau kita lihat di Besut nun hari ni projek yang agak besar dilaksanakan di sana iaitu membuat *breakwater* sebanyak RM225 juta dalam bentuk pelaksanaan. Di Setiu, insyaAllah ni *next year*, tahun 2019 Projek Pemulihan Sungai Setiu dalam RM150 juta. Kemudian Sungai Merang, yang ni sedih sikit takdok dalam Rancangan Malaysia Ke-11, kita akan mintak lain kali, insyaAllah. Seterusnya di Kuala Nerus, Kuala Terengganu ni Muara Sungai Kuala Terengganu ni kita dah siap dulu sebanyak RM530 juta. Kemudian di Kuala Ibai pun takdok lagi dalam Rancangan Malaysia Ke-11, Batu Burok takdok lagi. Seterusnya di Sungai Marang dah ada dah hanya kita perlu *maintenance* sebanyak RM5 juta secara berkalah dalam masa lima tahun, lima tahun, kita kena persiapkan kena buat *maintenance* supaya sentiasa dalam. Kemudian Sungai Mercang, ADUN Pengkalan Berangan yang ini pun dalam pelaksanaan sebanyak RM43 juta. Kita nak ucap terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar hari pertama ke atau hari kedua gitulah bila saja kita tubuh kerajaan kita ini Menteri Besar dah pergi melawat Sungai Mercang, ucap terima kasih. Seterusnya Dungun, Dungun pun ada iaitu di Paka mana Y.B. Paka? Paka kita dah macam nak buat dah iaitu RM130 juta projek ni. Di Dungun, di Dungun ni takdok lagi, insyaAllah di masa akan datang yang tak buat lagi insyaAllah kita akan buat. Di Kemaman, di Kemaman ni besar RM84.6 juta telah siap kemudian di Kijal hak ni kena buat penyelenggaraan secara berkala. Jadi sebenarnya banyak, banyak kewangan yang kita habis daripada sama ada Kerajaan Pusat atau pun Kerajaan Negeri kerana hakisan sungai dan juga masalah di muara sungai. Seterusnya, seterusnya

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Kuala Besut): Tuan Yang di-Pertua, celah sikit petang-petang ni ngantuk. Nak tanya Yang Berhormat Exco sebab difahamkan di setiap pantai di Malaysia ni dia ada macam *master plan* dia, dia ada yang dipanggil *ISMP, Intergrated Shore Line Management Plan* yang mana melibatkan pembaikan pantai menggunakan *structure* dan juga *non-structure*, ada yang melibatkan *structure* ada yang dok melibatkan *structure*. Jadi nak tahu sejauh manakah pihak kerajaan mengguna pakai khususnya melibat *non-structure* khususnya pantai-pantai yang dikatakan sepanjang 20%, 44 kilometer termasuk pantai-pantai kita di pulau-pulau di Terengganu. Terima kasih Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):
Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):
Yang Berhormat Yang di-Pertua, minta laluan.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Berkait ke? Biar se-se dok? Berkait selalu nok tanya?

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Biar sekaligus selalu. Jadi sebut ni sebut hak nak baiki, yang mustahak ni hak kena selalu ni, jadi hak Tepoh, Batu Rakit tak berapa sebut ni, guaner Yang Berhormat Tepoh?

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):
Dok sudah lagi, ada lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Ada lagi Yang Berhormat, sabar, sabar.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):
Sekejap, baru *introductory*.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Dah macam mati ayat dah tadi, jadi cerita hok buat, jadi hok kena, hok takmboh buat ni lagu mana?

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

Terima kasih Kuala Besut ni dia *engineer*, tanya kita kita, kita ni Doktor bahagian cucuk orang, jadi agok bezalah, tak apa di belakang saya ada Pengarah JPS, insyaAllah. Kita tahu bahawa Daerah Kuala Nerus mempunyai perkampungan nelayan merangkumi Kampung Kolam, Kampung Tanjung Gelam, Kampung Tengah dan Pengkalan Maras sehinggalah ke kawasan Batu Rakit di mana meliputi pantai sepanjang kira-kira 11.5 kilometer. Oleh kerana kawasan ini terletak menghadap Laut Cina Selatan maka ianya sangat terdedah kepada ombak yang kuat terutamanya pada musim tengkujuh iaitu pada hujung bulan Oktober sehinggalah bulan Februari yang menyebabkan hakisan pantai berlaku pada kadar 10 hingga 20 meter setahun. Ini baru *introductory* berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Batu Rakit dan Tepoh. Kemudian saya masih ingatlah pada tahun '99 iaitu masa itu Yang Amat Menteri Perdana Menteri mari pecah, pecah tanahlah nak buat lapangan terbang bila kita menang pada tahun '99 tu dok jadi, ke guaner Yang di-Pertua Dewan masa tu kita sama.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Janji, janji saja.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

Tapi terima kasihlah akhirnya dibuat, tahun 2008 rasanya siap. Yang menjadi masalah kepada kita kalau kita lihat dalam *google* tu kita tengok di sana bahawa Lapangan Terbang ini landasan dia, Lapangan Terbang takdok masalah landasan dia tu terjulur keluar. Haa... *jolor* keluar. Jadi bila *jolor* ke laut ni dia menjadi masalah....

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Benda apa *jolor* tu? Main *jolor* keluar tu benda apa? ...(Dewan gelak)....

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

Cuba tanya Wakil Telemong takut dia faham.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Teruskan, teruskan.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

Di sanalah bermulanya masalah hakisan muara sungai kita ini. Hak biasanya kita dapati bahawa masalah kecil-kecilan iaitu kita kata masalah biasa sahaja hakisan, *normal erosion* sekitar pantai. Sebagaimanalah juga orang Melayu selalu sebut: Bila bah pantai pun berubah. Makna itu biasalah bila ada

peribahasa ke, maka benda ini banjir ke sikit, pantai atau pun sungainya, pasirnya berubah. Tapi apabila kita buat landasan yang keluar ini dia mendatangkan masalah. Kita lihat di sana pertamanya bila ada masalah besar selepas sahaja daripada itu kita lihat bahawa JKR membina satu *breakwater* kalau kita lihat kita tengok dalam *google* tu ada *breakwater* selepas ke utara daripada lapangan terbang tersebut. Kosnya dimaklumkan kepada saya sekitar RM29.9 juta, baiki.

Kemudian sebelah timur ataupun kita kata belakang UMTlah dia buat juga beberapa unjuran kita kata hak ni kita panggil *groin*. *Groin* ni bukan *groin* 'celah peha', makna lainnya celah peha *groin* tu. Hak ni *groin* ni bentuk yang biasa kita pakai dalam bahasa JPS gok berkaitan dengan sesuatu benda yang dibuat di sekitar laut untuk mengurangkan hakisan pantai ni. Dia buat lima buah *groin* dan beserta dengan lain-lain *training walls* dan sebagainya lebih kurang RM97.8 juta.

Kemudian yang lebih spesifik sikit kerja-kerja membina struktur lapis win lindung *rock revetment* di Pantai Kampung Kolam, Mengabang Telipot siap pada Ogos 2017 iaitu tahun lepas sebanyak RM477,000.00. Kemudian buat lagi kerja-kerja membina *rock revetment* di Kampung Telipot siap pada Februari tahun 2018, RM481,000.00. Kemudian buat lagi kerja-kerja darurat mengawal hakisan pantai di Kampung Mengabang, Kuala Nerus siap pada Mac 2018, RM1.6 juta. Kemudian kerja pengawalan hakisan pantai di Pantai Tok Jembal Fasa Ke-2 dan perjanjian tambahan melibatkan kos RM 80.5 juta anggaran siap awalnya bulan Julai 2018 tetapi ada EOT dan dijangka siap akhir tahun ini.

Dan dalam permohonan, hak ni lulus dah dalam RMK Ke-11 iaitu permohonan sebanyak RM90 juta untuk kerja-kerja tambahan tadi dan juga RM8 juta untuk *beach nourishment* untuk kawasan tersebut tetapi sehingga hari ini nampaknya tahun depan tiada lagi projek ini. Mungkin ditangguhkan tetapi Kerajaan Negeri Terengganu memang amat berharap supaya benda ni dibuat juga walaupun kita katakan dia tangguh, dan baru ini kita tengok baru ini bahawa Dato' SUK pun ada tulis surat kepada KSU Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Kuala Lumpur untuk kita minta juga daripada Kerajaan Pusat. Kalau tiada arah juga kita ucap terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dalam Bajet itu dia ada bubuh sikit iaitu RM30 juta untuk kerja-kerja darurat berkaitan dengan kesusahan atau kepayahan rakyat di masa-masa tertentu. Jadi kalau kita kira sini kira sini

memang amat banyak peruntukan yang dibelanjakan oleh sama ada Kerajaan Pusat atau pun Kerajaan Negeri untuk membaiki pantai-pantai kita ini dan juga membaiki muara-muara sungai.

Dan kalau kita pergi yang terakhirnya berkaitan dengan Muara Sungai Merchang yang diutarakan oleh Wakil Pengkalan Berangan sekejap tadi. Untuk Merchang ni lulus dahlah, hanya dalam proses untuk nak buat. Muara Sungai Merchang sekarang ini sedang dalam mengalami masalah mendapan yang serius di mana menyebabkan bot-bot nelayan tidak dapat menjalankan aktiviti keluar masuk ke laut. Jadi melalui menyelesaikan masalah ini JPS melalui peruntukan Kerajaan Pusat telah memberi peruntukan sebanyak RM43 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 bagi menjalankan Projek Pemuliharaan Muara Sungai Merchang, status sekarang ini adalah proses rekabentuk oleh pihak perunding yang dilantik oleh JPS Malaysia yang dijangka siap rekabentuk tersebut pada bulan Jun pada tahun depan.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat panjang lagi?

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Nak habis dah.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Kalau panjang lagi nak suruh sambung lepas pada rehat ni.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Seminit dua lagi insyaAllah. Dan projek ini dijangka akan dapat ditenderkan pada Ogos tahun hadapan. Jadi oleh kerana Yang di-Pertua Dewan dah beri *warning* tu jadi saya sudahlah dulu. Saya memanglah ada beberapa perkara lagi, insyaAllah kita akan bangkitkan kemudian. Yang pertamanya saya nak sebut sikit lagi Yang di Pertua boleh?

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Iaitu berkaitan dengan apabila kita buat lapangan terbang ni kita *holor* lapangan

terbang ni ...(sambil tergelak kecil) ... ke depan, dia mendatangkan satu masalah berkaitan dengan ekosistem.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Kuala Berang, kalau kata kita *beloh lekning* Paka, *jeng doh kita tu main holor saje*. Maaf Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Faham dok *holor* tu? Bahasa hulu tu. Kalau tak percaya tanya Hulu Telemong. Jadi apabila kita buat binaan gitu dan kita dapati bahawa kalau kajian hidrologi, pasir ni ataupun pantai ni dia tak duduk diam, dia sentiasa berubah pasir ni dari sebelah selatan ke utara, sentiasa berubah maksudnya butir-butir pasir ni berpindah. Jadi apabila kita halang dia menyebabkan sebahagian utara ni akan terhakis. Kita lihatlah misalnya di sana dok, utara sikit saja dah buat *breakwater* ke utara lagi dia akan terhakis. Buat lagi binaan maka ke bahagian utara lagi terhakis dan benda ni kata sebagaimana diberitahu tadi oleh Batu Rakit macam penyakit berjangkit. Dia berjangkit jiran dia tu sehinggalah ke utara dan benda ni memang agak sukar untuk diatasi dan satu pandangan dia kata kena buat tambun pasir, *beach enrichment* yang mana kita kena tambun pasir macam kita buat sekarang ni kita tambun, *rock revetment* dulu dok, lepas pada tu kita kena tambun pasir, pertama nampak comel sikit, nampak cantik sikit, bila tambun pasir doklah nampak batu *jongor* gitu, bahasa orang hulu. ...(Dewan gelak) Kemudian, kita buat *beach enrichment*, kita sedut pasir kita tambun maka dia terlindunglah batu-batan tersebut. Kemudian apabila datang musim tengkujuh, pasir-pasir tersebut ini akan terhakis dia akan bawa ke bahagian utara. Jadi untuk menyelesaikan masalah ini kita letakkan ke hadapan butir-butir pasir ini supaya dibawa ke bahagian utara dan ini insyaAllah akan mengurangkan masalah hakisan pantai tersebut. Kemudian selain daripada kita pam pasir tersebut, kita boleh memperelokkan sekitar itu menyebabkan pandangannya menjadi cantik dan bagus. Jadi saya nasihatkanlah walaupun kita ni Doktor biasa sahaja, kita nasihatkanlah kepada Kerajaan Negeri kalau kita nak buat apa-apa struktur berkaitan dengan pantai ini kita kena kaji dulu, kita kena kaji EIA dia iaitu *Environmental Impact*

Assessment kerana kalau kita tak buat kajian ini akibatnya jadi rosak pantai kita ni.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Sikit lagi iaitu berkaitan dengan pengambilan pasir. Kadang-kadang kita nak eksport pasir ke, ape ke, di kawasan muara ini, dia akan memberi kesan juga sebagaimana saya ceritakan tadi iaitu dari segi perpindahan pasir yang mana pantai ini sebenarnya seolah-olah hidup. Jadi kita kena hentikan eksport pasir atau pengambilan pasir secara berlebihan nak ambil sikit-sikit takpe, tiada masalah.

Dan seterusnya saya kita kena sama-samalah mendengar nasihat pandangan daripada orang awam yang pandai misalnya daripada *Coastal Engineer* ke, daripada Pakar-pakar JPS supaya memberi nasihat yang berkaitan dengan pantai kita. Kita janganlah buat orang panggil 'buat bodoh' atau gitu sahaja, orang kata nak lulus dah ada peruntukan buat lapangan terbang, kita pun brumm... buat dalam laut. Jadi ini satu kesan yang negatif yang beri *effect* yang besar dari segi kewangan dan dari segi buat dari segi jangka panjang. Itu sahaja Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan saya ucap terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullah. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Berang sebenarnya saya takdok bagi signal pun, tak ada *warning* apa-apa, cuma saya kata kalau panjang, sambung balik lepas pada rehat, itu jer. Jadi Yang Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan dulu Dewan ini kepada pukul 4.05 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.45 PETANG

PUKUL 4.05 PETANG

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Bismilahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Macam saya katakan tadilah supaya kita boleh menghabiskan penggulungan esok dalam keadaan masa yang agak selesa untuk memberi peluang selain daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Exco juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam waktu yang tidak lewat sangat. Jadi saya harap walaupun saya tidak menghadkan masa, minta Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya boleh menjaga masa dengan sebaik-baiknya. Sekarang ni saya persilakan Yang Berhormat Wakaf Mempelam membuat penggulungan. Dipersilakan...

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berbahagia Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ketua-ketua jabatan dan semua Pemerhati muslimin, muslimat yang dirahmati Allah sekalian. Dalam dalam ruang penggulungan ini saya suka untuk menggulung perkara-perkara yang telahpun ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan sekurang-kurangnya ada 9 Ahli Yang Berhormat yang telah pun menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan portfolio yang saya ketuai. Yang pertamanya daripada Tepoh, Rantau Abang, Kuala Besut, Jerneh, Telemong, Pengkalan Berangan, Batu Rakit, Seberang Takir dan juga daripada Batu Burok. Saya, insyaAllah akan cuba untuk menghabiskan ataupun mengambil masa yang paling ringkas insyaAllah. Saya ambil kurang lebih 10 minit sahaja barangkali insyaAllah. Kalau lebih dari 10 minit Yang Berhormat boleh buat teguran....

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Tak apa, Yang Berhormat teruskan.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Yang pertama daripada Yang Berhormat Tepoh berkenaan Polisi Patuh Syariah. Alhamdulillah sebaik sahaja kenyataan yang telah saya lakukan di Dewan yang mulia ini saya terus mendapat *feedback* yang cukup baik daripada persatuan-persatuan sukan. Sekurang-kurangnya dua pasukan yang telahpun menghantar pesanan melalui *whatsapp* segera kepada saya iaitulah daripada Pasukan Ragbi dan juga daripada Pasukan Hoki yang telahpun menyatakan komitmen mereka dan pemain-pemain mereka untuk terus melakukan Polisi Pematuhan Pakaian Patuh Syariah kepada semua pemain-pemain untuk Pasukan Ragbi dan juga Pasukan Hoki yang mewakili Negeri

Terengganu baik lelaki mahupun wanita. Dan dalam masa yang sama juga saya juga mendapat *feedback* yang cukup baik daripada tokoh-tokoh masyarakat dan juga tokoh-tokoh sukan termasuk tokoh-tokoh agama yang di antara mereka juga menyatakan kesediaan untuk memberi kerjasama termasuk memberikan cadangan-cadangan garis panduan dan sebagainya lagi untuk melengkapkan lagi proses kita menjadikan atlet-atlet kita ni sebagai atlet yang mematuhi pemakaian patuh syariah di dalam Negeri Terengganu mahupun di luar. Walaupun, isu ini juga mendapat reaksi segera daripada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, namun insyaAllah saya rasa ianya bukanlah satu isu yang besar kerana ia sebenarnya hanya melibatkan atlet-atlet daripada Negeri Terengganu sahaja.

Yang keduanya, berkenaan dengan persediaan SUKMA 2020, seperti juga yang telah kita ketahui bahawa mempertahankan kejuaraan jauh lebih berat berbanding dengan mencari kejuaraan. Dan untuk itu, sepertimana jawapan yang telahpun saya nyatakan dalam ucapan ataupun dalam jawapan lisan tempoh hari merupakan perkara-perkara yang kita akan lakukan sebagai persediaan untuk menghadapi SUKMA 2020 yang akan diadakan di Johor Darul Takzim.

Seterusnya, daripada Rantau Abang, berkenaan dengan kebajikan anak muda yang akan insyaAllah menikmati Lesen Percuma Lesen Motor Percuma yang telahpun dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat dalam pembentangan Bajet dua hari yang lepas dan saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telahpun membentangkan Bajet dan memperuntukkan RM7 juta untuk program ini. Kita mensasarkan tidak kurang daripada 20,000 orang pemuda ataupun para belia, beliawanis yang akan dapat menyertai program pemberian Lesen Motor Percuma ini InsyaAllah.

Yang ketiganya daripada Kuala Besut, berkenaan dengan sukan kriket. Untuk makluman sukan kriket adalah termasuk dalam kategori sukan pilihan dalam SUKMA dan sukan yang sukan kriket ini juga adalah jenis sukan yang agak kurang popular sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat Kebangsaan dan Kerajaan melalui Majlis Sukan Negeri Terengganu telahpun membantu untuk membangunkan sukan ini bila mana ianya dipertandingkan di dalam SUKMA. Dan dalam SUKMA 2018, Pertandingan kriket juga dipertandingkan dan kita telahpun mengambil jurulatih daripada Sri Lanka untuk melatih pemain-pemain kita untuk Pasukan Kriket ini. Namun sehingga ataupun sehingga ini, pendedahan masih lagi perlu dipertingkatkan kepada

pemain-pemain kita dalam sukan kriket ini memandangkan ianya masih lagi sukan yang baru dan agak tidak terkenal di Negeri Terengganu sekarang ini. Dan insyaAllah kita akan membangunkan ataupun akan memperbaharui sukan kriket ini daripada masa ke semasa InsyaAllah. Dan Kerajaan melalui Majlis Sukan Negeri Terengganu bersedia untuk membangunkan sukan ini dengan lebih agresif sekiranya pihak persatuan dapat memperkasakan lagi aktiviti ataupun sukan ini tanpa bergantung kepada satu dua orang individu sahaja di dalam sukan kriket ini. Dan kalau kita ingin melihat sukan ini lebih maju dan dapat mencipta kecemerlangan di masa-masa akan datang maka kita harus lebih agresif. Dan saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pasukan bawah 12 tahun daripada Sekolah Kebangsaan Nail yang telahpun berjaya mencipta kejayaan dalam kejohanan tersebut dan ini mungkin boleh dijadikan satu asas yang kukuh untuk membangunkan sukan ini lebih agresif untuk masa yang akan datang.

Seterusnya yang keempat daripada Yang Berhormat Jertih, tentang isu pemakaian atlet kita yang katanya ketat ataupun longgar ni perlu juga diambil perhatian dan ya betul, kita juga mengambil kira isu bukan sahaja menutup tubuh badan dengan pakaian tetapi isu yang berkaitan dengan ketat dan sebagainya juga menjadi ukuran kepada pematuhan syariah yang sebenarnya. Dan itu juga insyaAllah kita akan dapatkan pandangan dan juga nasihat daripada penasihat kita yang telah saya nyatakan Yang Berbahagia Dato' Sahibus Samahah Dato' Mufti, yang merupakan salah seorang daripada panel ataupun ahli Lembaga Pendaras Majlis Sukan Negeri Terengganu. Dan kalau kita lihat contoh yang diperlihatkan dalam dunia olahraga, salah satu contoh atlet daripada Bahrain yang bernama *Ruqaya Al-Ghasara* yang telahpun menunjukkan satu contoh bagaimana dengan pemakaian yang patuh syariah beliau masih lagi mampu untuk memenangi sukan di peringkat Olimpik, dunia. Jadi ini bukanlah satu perkara yang pelik sebenarnya bahkan seperti yang juga kita semua maklum bahawa pakaian sama sekali tidak mengganggu prestasi sukan seseorang atlet tersebut.

Seterusnya yang kelima daripada Yang Berhormat Telemong. Yang Berhormat Telemong agak banyak juga soalan-soalan beliau berkenaan dengan sukan ini dan ini biasa sebenarnya memandangkan beliau sebelum ini adalah bekas Exco yang memegang portfolio berkaitan dengan Belia dan Sukan. Yang pertama sekali berkenaan dengan dengan kemudahan teknik moden untuk melahirkan atlet yang berjaya untuk masa yang akan datang. Seperti yang telahpun saya nyatakan dalam jawapan dalam Soalan Lisan sebelum daripada

ini bahawa atlet untuk melahirkan atlet yang hebat memerlukan program latihan yang bersepadu secara jangka panjang dan menggunakan atlet yang berpotensi tinggi yang boleh diperolehi melalui proses pengenalan bakat yang betul dari peringkat umur muda ataupun pemilihan yang tepat bagi atlet-atlet umur selepasnya. Mereka ini perlu didedahkan kepada sistem latihan yang lengkap termasuk menyertai pertandingan yang cukup dan berkualiti secara berproduksi dan di antara komponen latihan yang perlu dilatih secara bersistem adalah seperti yang pertama yang Endurance Training, Movement Economy Training ataupun Bio Mechanic. Yang ketiganya *strength* ataupun Power Training, Speed Training, Mental Fitness Training dan Recovery Regeneration Training.

Komponen latihan yang lengkap ini telah dijadikan sebagai strategi latihan atlet-atlet negeri ke arah persiapan SUKMA 2020 di Johor dan dalam melengkapi komponen latihan ini, Kerajaan Negeri akan menerokai dalam bidang teknologi sukan secara serius. Antara peralatan teknologi yang akan disediakan untuk atlet-atlet negeri bagi kegunaan semua sukan termasuk atlet berbasikal adalah alatan-alatan yang dicadangkan oleh kerajaan lama yang terdahulu tetapi belum dilaksanakan di antaranya *High Altitude Chamber* dan juga *Ice Lab*. *High Altitude Chamber* adalah alat latihan simulasi yang memberi kesan latihan dataran tinggi dan *Ice Lab* pula adalah alat yang dapat memberi pemulihan yang segera kepada atlet yang cedera atau yang telah menerima tekanan latihan yang tinggi di samping berfungsi untuk *enhance performance* ataupun meningkatkan prestasi atlet. Kerajaan Negeri bukan sahaja menerokai aliran, menerokai alatan teknologi yang tidak sempat disiapkan oleh kerajaan lama, tetapi juga insyaAllah kita akan melabur dalam alatan Sains Sukan yang lain yang akan memberikan kelebihan kepada atlet-atlet kita yang melibatkan komponen-komponen seperti yang pertamanya *domain*, pengujian yang melibatkan alatan *vertical jump*, *skinfold*, *callipers* dan sebagainya. Lagi yang keduanya, *domain* latihan yang melibatkan *Software Performance Analysis High Altitude Chamber*. Yang ketiganya, Domain Rehalibitasi yang melibatkan alat *Anti Gravity Treadmill* dan juga *Force Platform*. Yang keempatnya Domain Recovery yang melibatkan *Ice Lab Contrast Bath Foam* dan *Recovery Juice*. Kesemua peralatan-peralatan teknologi Sains Sukan ini telahpun diperuntukkan Bajet yang khusus oleh Kerajaan Negeri dalam komponen Bajet Tahunan 2019 ini. Dan sebahagian besar daripada peralatan ini akan memberikan kesan yang besar insyaAllah kepada sukan-sukan yang berbentuk *endurance* iaitu sukan-sukan yang memerlukan daya tahan yang tinggi terutama Sukan Berbasikal termasuk juga

bagi pelumba-pelumba daripada Pasukan TSG. Sepertimana pelumba-pelumba kita yang berlatih di Pusat Latihan Negara di Melbourne, Australia yang berpengalaman mendapat latihan yang lengkap di sana, mereka selepas ini juga akan mendapat kemudahan latihan saintifik yang sama tetapi di sini insyaAllah. Peralatan ini juga insyaAllah akan memberikan kesan tambahan kepada semua atlet daripada semua jenis sukan dan ianya akan menjadi satu strategi tambahan bagi persiapan Kontinjen Terengganu 2020 yang sudah pasti akan banyak membantu atlet-atlet negeri dalam misi mempertahankan kejuaraan SUKMA 2020 nanti insyaAllah.

Seterusnya dalam isu berkaitan dengan pembinaan Velodrom Dungun dan juga isu Kompleks Sukan Hulu Terengganu. Untuk pembinaan Kompleks Velodrom, cadangan projek ini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Telemong telahpun agak lama beberapa kali diletakkan batu asas, lawatan dan sebagainya lagi tetapi masih lagi tertangguh. Dan seingat saya dalam tiga kali saya bermesyuarat dengan Yang Berhormat Menteri Belia Dan Sukan, kali yang pertama telahpun saya bangkitkan isu ini dan alhamdulillah kita telah mendapat respon yang cukup baik daripada pihak Kementerian dan cadangan untuk pembinaan *velodrom* yang mempunyai keluasan 63 meter panjang 40 meter lebar ini dan dengan cadangan komponen asas pembangunan adalah terdiri daripada trek utama yang berkeluasan 2,643 meter persegi dan ruang dalam trek berkeluasan 3,198 meter persegi. Manakala cadangan komponen tambahan adalah seperti ruang pejabat, stor penyimpanan basikal dan peralatan, surau lelaki wanita, tandas lelaki wanita, bilik persalinan, pagar perimeter, pondok pengawal dan juga terowong basikal.

Projek ini telahpun diluluskan pembinaannya bagi tahun 2019 di bawah Rolling Plan 4 ataupun RP 4 bagi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dan Jabatan Kerja Raya adalah agensi pelaksana bagi pembinaan projek ini. Dan status terkini adalah dalam proses memuktamadkan skop projek dan perancangan proses perolehan dijangka akan dilaksanakan pada Mac 2019. Manakala perancangan pengeluaran Surat Setuju Terima SST akan dilaksanakan pada Jun 2019. Itu berkenaan dengan Projek Velodrom.

Ada pun Kompleks Sukan Hulu Terengganu , Kompleks Sukan Hulu Terengganu akan dibina di atas lot tanah PT 14125 dengan keluasan 2.475 hektar di Mukim Hulu Telemong dengan kos projek sebanyak RM6 juta. Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah agensi pelaksana bagi pembinaan Kompleks

Sukan Hulu Terengganu dan pihak JKR telahpun mengiklankan projek tersebut pada melalui akhbar Berita Harian pada 15.10.2018 yang lalu dan tarikh tutup pada 21 November lebih kurang beberapa hari yang lepas telahpun ditutup dan taklimat dan lawatan tapak telahpun diadakan pada 17 Oktober yang lalu. Saya telah dimaklumkan bahawa jangkaan surat setuju terima SST akan dikeluarkan oleh pihak JKR pada akhir Februari 2019. Dan skop kerja dalam pembinaan Kompleks Sukan adalah terdiri daripada sebuah padang bola sepak berserta dengan astaka tanpa trek larian, satu pejabat pengurusan, satu gelanggang serba guna berbumbung dan berpagar, gelanggang bola tampar, gelanggang sepak takraw, pondok pengawal, tandas, rumah sampah dan juga tempat letak kenderaan dan tempoh kontrak projek ini adalah selama 18 bulan.

Seterusnya daripada Pengkalan Berangan. Daripada Pengkalan Berangan merupakan cadangan-cadangan beliau untuk yang pertama sekali cadangan pembinaan Pusat Robotik dan juga Aero Angkasa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Berangan untuk ditubuhkan di Negeri Terengganu begitu juga dengan perancangan pembangunan belia perlu diperluaskan bukan sahaja dalam bidang sukan katanya tetapi juga dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan pembinaan insan dan sebagainya dan insyaAllah ini juga adalah di antara perkara yang telahpun dibentangkan bajetnya oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Seterusnya yang ketujuh daripada Batu Rakit. Yang Berhormat Batu Rakit saya rasa tidak ada apa yang serius di sini cuma Yang Berhormat Batu Rakit hanya bangkitkan isu ucapan terima kasih ye tak? Ucapan terima kasih beliau katanya Kerajaan tak terima kasih doh kepada kerajaan hok lama ni bila dah berjaya dan sebenarnya.....

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):
Mintak laluan?

YANG BERTHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Sila, sila.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya ada sebut gelanggang futsal.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Ada ni nombor dua ni bawah tu(Sambil gelak).....

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Okey, sebab kata dok serius. Dok tahulah jadi gelanggang futsal dok serius ke guaner?

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Nombor 2.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Teruskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi apa ni berkenaan dengan ucapan terima kasih tadi, ya lah, insyaAllah kita sebenarnya sangat-sangat berterima kasih di atas apa-apa yang telah pun dilakukan oleh kerajaan terdahulu dalam apa juga bahagian sebenarnya. Bahkan dalam sewaktu kita menjuarai SUKMA 2018 di Perak baru-baru ni apabila kita merancang untuk mengadakan perarakan pulang daripada Perak ke Terengganu, saya telah minta pada Yang Berhormat Tepoh untuk berhubung dengan Yang Berhormat Telemong untuk kita *join* sekali dalam perarakan itu tapi kebetulan Yang Berhormat Telemong tidak berada dalam kawasan. Kalau ada, boleh naik *truck* sekalilah macam dia naik di Kuala Berang baru-baru ini itu. Comel baru ini. Yang kedua berkenaan dengan baikpulih gelanggang futsal yang sedia ada, saya bersetuju dengan cadangan daripada Batu Rakit dan insyaAllah perkara ini kita akan ambil perhatian.

Seterusnya yang kelapan, daripada Seberang Takir isu penggunaan Dewan Ping Pong di Seberang Takir, ini insyaAllah akan dijawab oleh Yang Berhormat Bukit Tunggul.

Dan yang terakhirnya daripada Batu Burok tentang T-Volt ataupun Sukarelawan Terengganu yang insyaAllah kita akan rasmikan perasmiannya selepas daripada inilah dalam satu tarikh yang akan kita sebut selepas daripada pada ini, insyaAllah. Dan Yang Berhormat Batu Burok minta supaya T-Volt ini fokus kepada isu berkaitan dengan pengurusan banjir dan sebenarnya isu pengurusan banjir ini telah pun diambil perhatian oleh melalui portfolio kebajikan dan juga beberapa kali pertemuan dan juga mesyuarat sebenarnya telahpun diadakan di peringkat Pengurusan Banjir Negeri Terengganu untuk menguruskan isu-isu berkaitan dengan pengurusan banjir

ini. Dan insyaAllah T-Volt setelah daripada dirasmikan, kita akan melibatkan juga dengan jawatankuasa ini supaya mudah untuk proses menggunakan tenaga-tenaga yang ada di setiap tempat-tempat kejadian yang berlaku dalam musim-musim bencana seperti banjir dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, sekian sahaja penggulungan daripada saya. Terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih pada Yang Berhormat Wakaf Mempelam atas penggulungan yang telah diberikan. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Cukai.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassalamu `ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wasahbihi ajmai'n. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Exco, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan.

Yang pertamanya, saya mengucapkan jutaan terima kasih pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentangkan Bajet yang sangat berjaya yang menjuruskan terus kepada rakyat yang ada di bawah yang selama-lama ini menunggu apakah perkara-perkara yang akan diberikan oleh kepada rakyat. Hari ini alhamdulillah rakyat menerima baik Kerajaan yang ada dan saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri Besar.

Yang kedua, saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Wakil Pembangkang daripada Seberang Takir dan Kijal yang hari ini menyatakan pendirian untuk bersama-sama dengan Kerajaan bagi menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk sama-sama memastikan bahawa duit royalti minyak ini akan sampai kepada Negeri Terengganu. Saya mengharapkan bahawa inilah dia satu jawatankuasa yang menghubungkan sebelah sini dengan sebelah sana untuk sama-sama berjuang bagi memastikan rakyat Negeri Terengganu terbela.

Yang ketiga, Yang Berhormat sekalian, hari ini ataupun dua hari lepas Yang Berhormat daripada Kerajaan dan Yang Berhormat daripada Pembangkang telah membahaskan beberapa perkara. Dalam perbahasan ini tidak ada perkara-perkara yang ditimbulkan mengenai kebajikan, mengenai pembangunan wanita, mengenai Perbadanan Nasional. Jadi, saya merasakan bahawa portfolio saya ini mungkin tersangat *excellent* barangkali kerana tidak ada....(Sambil tergelak)....

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat nilai sendiri ke ni?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Saya terasalah mungkin begitulah kot barangkali pasal tidak ada orang *comment*, tidak ada sentuh. Jadi, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua dan saya mengharap bahawa portfolio saya ini akan berjaya daripada semasa ke semasa.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.(Dewan gelak dan tepukan sokongan)....

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Cukai di atas penggulungan yang sangat ringkas. Saya harap apa Yang Berhormat puji diri sendiri itu, kita terimalah, insyaAllah sebagai gurauan jerlah. Okey, seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Alur Limbat untuk membuat penggulungan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah rabbil 'alamin. Wassalatu wassalamua'la asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wasahbihi ajmai'n. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya kepada Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan Pemerhati sekalian. Alhamdulillah Sidang Dewan Undangan Negeri pada kali ini bagi pihak saya ada 10 soalan yang ditanya, banyaklah tapi

perbahasan tak banyak sangat. Jadi, saya akan ulas beberapa perkara yang ditimbulkan.

Yang pertama, berkenaan dengan data kedatangan pengunjung di Tasik Kenyir. Saya ingin respon sikitlah daripada Telemong. Data kedatangan pengunjung ke Tasik Kenyir dari Januari hingga Oktober 2018, sememangnya ada penurunan 3.9% jika dibandingkan pada bulan yang sama pada tahun 2017 iaitulah 637,309 dan pada tahun 2018. Manakala 663,084 pada tahun 2017. Maksudnya kekurangannya 25,775 orang. Sebenarnya ada beberapa faktor yang kita dapati kekurangan ini yang pertama sekali, pilihan raya umum dan juga bulan Ramadhan pada bulan Mei yang menyebabkan kejatuhan mendadak iaitulah hanya 25,917 orang sahaja yang datang ke Kenyir berbanding 30,853 orang. Jadi, sebenarnya inilah faktor utama yang menyebabkan kita tak dapat *achieve* dengan izin, data sebagaimana tahun 2017. Manakala, bulan-bulan yang selebihnya kita mendapat peningkatanlah dari segi kehadiran tetapi apabila dibandingkan dengan tahun 2016, hanya 413,000 orang sahaja kehadiran dan sekarang ini 637,000 orang maksudnya peningkatan tidaklah menakutkan sebagaimana yang Telemong sebut macam tidak ada orang dah.

Jadi, insyaAllah kita masih ada 2 bulan lagi, sebenarnya sebulan lagi, tapi dari segi angkanya 2 bulan lagilah yang akan kita, insyaAllah, kita akan kejarlah untuk kalau tak ada masalah kita boleh mencapai angka tahun 2017. Cuma, kita kena ingat Ahli Dewan dan semua pada hari ini bahawa tahun 2017 adalah Tahun Melawat Terengganu 2017. Tentulah satu cabaran untuk mencapai angka ini. Walaupun begitu, yang kedua faktor kekurangan ini Piala Dunia. Memang Piala Dunia ini biasanya orang tak berapa nak jalan, biasanya. Walaupun begitu, terdapat peningkatan pengunjung ke *Sanctuary* Kelah pada bulan Mac hingga Oktober kerana November, Disember ini tutup, peningkatannya sebanyak 39% jika dibandingkan pada tempoh yang sama pada tahun 2017. Jadi, kita kenalpasti Kenyir ini antara tarikan utama sekarang ini, peningkatannya dari segi *Sanctuary* Kelah, iaitu sebanyak 19,940 orang pada tahun 2018 manakala hanya 14,371 orang pada tahun 2017.

Begitu juga menurut prinsip Persatuan Pelancongan Tasik Kenyir terdapat peningkatan jualan *houseboat* juga peningkatannya sangat luar biasa 10% pada tahun 2018 jika dibandingkan dengan tahun 2017. Maksudnya kita masih ada lagi produk-produk yang semakin meningkatlah dari semasa ke semasa dan ada soalan yang seterusnya daripada Yang Berhormat Pengkalan Berangan isu yang berkait dengan masjid-masjid pelancongan di mana kita ada Program Muslim *Tour Guide* (MTG) antaranya Masjid Kristal, kehadiran tahun 2017, 2,901. Masjid Abidin 266 kerana programnya barulah kepada Masjid Abidin. Masjid Tengku Tengah Zaharah kita tiada angka kerana bermula pada September 2017. InsyaAllah statistik kita akan keluarkan kemudian. Dan kita akan perluaskan kepada Masjid Ulul Albab Jerneh Besut, Masjid Ar-Rahman Pulau Perhentian Besut dan beberapa buah masjid lain yang kita akan kenal pasti.

Kemudian isu yang seterusnya daripada Pengkalan Berangan juga berkenaan dengan dasar kesenian, di mana pihak Kerajaan sedang merangka dasar kesenian ini bagi mengemaskini dan memperincikan Dasar Kesenian Dan Kebudayaan Negeri Terengganu. Sebenarnya sudah kita adakan beberapa siri bengkel yang dianggotai oleh ahli-ahli akademik, pegawai kerajaan dan penggiat seni. Antaranya bengkel ke arah membetulkan Dasar Kesenian Dan Kebudayaan Negeri Terengganu Siri Yang Pertama pada 9 Ogos hingga 11 Ogos Tahun 2018. Kemudian yang kedua, pada 11 Oktober hingga 12 Oktober dan dasar ini sedang..... sebenarnya kami telah mengadakan mesyuarat pada 21 November tahun 2018. Kita selaraskan bersama-sama dengan Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah, Pendidikan dan Pengajian Tinggi serta Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar kerana ianya melibatkan Syariah dan Pihak Berkuasa Tempatan yang melibatkan empat orang Exco lah yang berkenaan.

Seterusnya, saya ingin membentangkan yang perkara yang berkait dengan teknologi maklumat. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana ada peruntukan-peruntukan khusus dalam Belanjawan kali inilah. Di mana antaranya Latihan Usahawan Maya dengan

peruntukan RM2 juta bersama dengan Exco yang berkait dengan usahawan Yang Berhormat Kota Putera di mana Kerajaan akan mempelopori *Business Internet Solution*. Sebenarnya Negeri Terengganu kita sudah ada TD1303 Hub Digital Terengganu. InsyaAllah kita akan cuba memanfaatkan sepenuhnya. TD1303 kalau kita lihat sekarang ini, *launching* dia ataupun dibuka secara rasmi pada bulan Mei yang lalu. Tapi sekarang ini dilihat seolah-olah hidup segan mati tak mahu. InsyaAllah Kerajaan Negeri akan menggunakan sepenuhnya dan akan sebenarnya kita sedang berbincang macam mana kita nak menghidupkan TD1303 dan insyaAllah dengan bajet dan peruntukan RM2 juta ini kita akan cuba menghidupkan sepenuhnya tempat tersebut. Memang kalau kita buat kajian bagaimana pembelian dalam talian ini sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya juga mendapati maklumat sebagai contoh Ali Baba dengan izin, sehingga *day sales record* iaitulah selama 24 jam pada yang disebut sebagai 11.11, iaitulah 11 November Tahun 2018. Di mana jualan yang dicatatkan oleh Ali Baba sebanyak USD30.8 Bilion dalam masa sehari menunjukkan bahawa sememangnya dalam pembelian dalam talian ini memang sangat luar biasa sekarang ini. Pihak Kerajaan Negeri juga dari segi teknologi maklumat kita sebenarnya tidak begitu tergesa-gesa untuk menjadikan Negeri Terengganu sebagai Negeri yang berkait *digital state* dan seumpamanya kerana kami didatangi oleh pelbagai pihak yang mahu menjadikan Negeri Terengganu dengan pelbagai aplikasi. Kita tidak mahu sebagaimana, minta maaf kepada pihak Pembangkang yang ada pengalaman-pengalaman yang lalu misalnya contoh E-Book kita akhirnya selepas 10 tahun kita mengalami kegagalan. I-Class, Kelas Maya jugak sepi walaupun saya membaca *handsard* yang lama dan saya terlibat dalam Dewan Undangan Negeri pada sesi yang lalu, yang mana cadangan Kelas Maya dengan I-Class ni sehingga di setiap sekolah tapi sekarang ini oleh kerana pelbagai masalah. Itulah macam hidup segan mati tak mahu jugak. Jadi sebab itulah pihak kami sedang merangka State IT agenda ringkasannya SITA yang melibatkan tiga komponen.

Yang pertama sekali, *main power* iaitulah sumber manusia. Kita sebenarnya sudah ada petugas-petugas e-Book dulu EIO dan TSO, insyaAllah kita akan memanfaatkan sepenuhnya. Dan kita ada pusat maklumat kita, UPMN yang

memang berfungsi untuk mengendalikan urusan Kerajaan Negeri yang berkait dengan teknologi maklumat. Begitu juga yang kedua *info structure* yang kita sebut di dalam Belanjawan ini PINTAR. PINTAR ini adalah wajah baru kepada Bescom, Bestari.com yang akan kita mewajah barukan BESCO ini. Kemudian kita ada T@Wan ada *free wifi* dan insyaAllah kita akan cuba analisa kesemuanya. Dan insyaAllah Terengganu akan menuju ke arah *Ditigal State* dan juga *Digital Village* dan juga kita akan menggunakan konsep dan pendekatan I.R., Industry Revolution 4.0 meliputi tiga *structure* sektor kerajaan, ekonomi dan sosial.

Akhir sekali saya nak sebut sikitlah berkenaan dengan I.R. 4.0. Kita tidak dapat menafikan perkembangan teknologi telah mentransformasikan pelbagai urusan Revolusi Industry 4.0 ini telah mengubah sistem kehidupan ke arah penggunaan *internet of things effience intelligence* dan pengeksploitasian data raya atau pun Big Data. Beberapa kajian induk telah dibuat sebelum ini seperti Development of the Terengganu Creative Content Industries and Imaging Technology Transformation Roadmap oleh Roland Berger dan Terengganu Tech Hub dan Catalyst For Industry 4.0 oleh AGM Planning and Urban Design Group (APUDG). Kerajaan Terengganu akan meneliti kajian...

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Celah sikit Yang Berhormat, Roland menda tadi?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Roland Berger.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Okey.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dia boleh pakai belaka petang-petang ni. Hak tadi bahasa Kuala Berang ni Bahasa Alur Limbat pulak. Kalau alik kuala Roland Berger, kita teringat ke *burger* gok, tapi boleh tafsir belaka sebab nama orang kan? Kerajaan Negeri akan meneliti kajian tersebut dan berkerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan

Persekutuan dan juga swasta sebagaimana yang saya sebut ramai peminat yang datang untuk membantu Kerajaan Negeri insyaAllah. Kita akan sama-sama membangunkan teknologi maklumat atau pun industri ICT di Terengganu. Bagi menarik pelaburan berimpak tinggi yang sejajar dengan Revolusi Industri 4.0 saya berharap golongan belia dapat menyediakan diri bagi menghadapi perubahan ini. Jadi itulah sebenarnya saya terpaksa ringkaskan kerana masa yang tidak mencukupi cukuplah sekadar itu. Wallah hu allam Assalamu'alaikum warahmatuallahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Alur Limbat memandangkan masa kita sudah hampir pukul 5.00 saya bercadang untuk menangguhkan persidangan kita pada hari esok, hari Rabu 28 November. Marilah sama-sama kita membaca Tasbih Kafarah dan Suratul 'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.45 PETANG.

PERSIDANGAN
PADA HARI RABU, 28 NOVEMBER 2018

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Haji Yahaya bin Ali, PJC

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Maliaman bin Kassim
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Dato' Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL BULUH GADING

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji A. Rahman bin Yahya, DPMT.,AMZ.,KMN.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Tuan Haji Mohd Zahari bin Md. Azhar, SMT.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Zulkifly bin Isa, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan mesyuarat ataupun sebelum kita, marilah sama-sama kita membaca Ummul Quran Al-fatihah.

Mesyuarat pagi ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan oleh Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan Lisan pada hari ini 28 November 2018 adalah sebagaimana berikut:-

1. Y.B. Sulaiman bin Sulong
(Wakil Pengkalan Berangan)
2. Y.B. Haji Bazlan bin Abdul Rahman
(Wakil Batu Rakit)
3. Y.B. Ahmad Shah bin Mohamed
(Wakil Bandar)
4. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
(Wakil Kuala Besut)
5. Y.B. Dato' Abdul Halim bin Jusoh
(Wakil Permaisuri)
6. Y.B. Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
(Wakil Kemasik)
7. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
(Wakil Tepoh)
8. Y.B. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
(Wakil Batu Burok)
9. Y.B. Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abdul Rahman
(Wakil Seberang Takir)
10. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
(Wakil Sura)
11. Y.B. Dato' Haji Rozi bin Mamat
(Wakil Telemong)
12. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim

(Wakil Buluh Gading)

13. Y.B. Haji Roslee bin Daud
(Wakil Bukit Besi)
14. Y.B. Haji Hilmi bin Harun
(Wakil Manir)
15. Y.B. Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
(Wakil Jertih)
16. Y.B. Haji Alias bin Harun
(Wakil Rantau Abang)

Ahli Yang Berhormat sekalian, saya nak peringatkan kepada Ahli Yang Berhormat atas dasar kita nak mencari keberkatan, lebih-lebih lagi slogan negeri kita ini Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera. Saya nak baca sepatah hadis supaya soalan-soalan sama ada yang bertanya mahupun yang menjawab semuanya dalam keadaan ikhlas kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk mendapat keberkatan. Hadis daripada Saidina Umar yang lebih kuat bermaksud:

قَالَ إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَلِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ
وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَتَرَوُّهَا فَهَجْرَتُهُ إِلَى
مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Yang lebih kurang bermaksud: "Setiap amal adalah bermula dan bergantung dengan niat ataupun keikhlasan. Setiap orang akan mendapat ganjaran berdasarkan kepada apa yang ia niatkan. Barangsiapa yang berhijrah kerana Allah dan Rasul, maka ia mendapat ganjaran pahala yang besar kerana Allah dan Rasul. Barangsiapa yang berhijrah kerana dunia dan perempuan yang dikahwininya, maka dia tidak akan mendapat apa-apa melainkan berdasarkan apa yang ia niatkan itu."

Saya sengaja membaca hadis ini dengan satu peringatan supaya masing-masing sentiasa meletakkan ia sebagai asas demi untuk keberkatan negeri kita ini.

Yang Berhormat sekalian, kita dalam Sidang semalam berkait dengan Soalan Lisan yang terakhir daripada Wakil Langkap, saya rasa nak terus sambung, saya tak mula daripada awal, untuk itu saya nak persilakan yang pertamanya saya persilakan wakil daripada Batu Rakit.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Tuan Yang di-Pertua, Batu Rakit dia ada musaqoh sikit, dia wakikan saya untuk itu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Silakan.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Soalan beliau soalan nombor 2. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Soalan nombor dua ditolak Yang Berhormat. Saya ingat soalan nombor satu kan?

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Ya, saya Dato'.

Adakah Kerajaan Negeri meneruskan bantuan persediaan ke institusi pengajian tinggi?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ADUN Batu Rakit bertanyakan soalan: Adakah Kerajaan Negeri meneruskan Bantuan Persediaan Ke Institusi Pengajian Tinggi?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jawapannya, ya.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Seterusnya saya persilakan Wakil Bandar untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang di-Pertua soalan saya yang pertama -

Adakah kerajaan berhasrat untuk membawa masuk industri atau kilang-kilang yang besar bagi meningkatkan ekonomi negeri dan juga menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan daripada Bandar berbunyi: Adakah Kerajaan berhasrat untuk membawa masuk industri atau kilang-kilang yang besar bagi meningkatkan ekonomi negeri dan juga menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Jawapannya, sudah pasti. Ya, dan memang kita berusaha untuk membawa pelabur-pelabur besar dan kecil dan ini juga akan menyediakan pekerjaan kepada rakyat dan meningkatkan ekonomi negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya:Apakah bidang yang menjadi hasrat kepada Kerajaan untuk membawa masuk industri besar ataupun industri berat ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ya, terima kasih. Di dalam usaha untuk kita bawa pelabur, kita tak kira sangat bidangnya, asalkan dia memenuhi syarat yang kita kenakan terutamanya tentang peluang lulus (EIA). Namun begitu saya ingin disebutkan di sini bahawa pada pagi ini saya mendapat khabar bahawa, insyaAllah pada tahun 2020 ada satu syarikat akan kembangkan perniagaannya di sini tapi saya oleh sebab-sebab teknikal saya tak boleh umumkan syarikat itu tapi mereka mengatakan bahawa pada tahun 2020 dijangka kilangnya akan memerlukan 2,000 pekerja lagi, insyaAllah. Nak sebut tu tak boleh lagi syarikat tu, tapi dah *confirm* kata dia, dia akan mengembangkan perniagaannya dan mewujudkan 2,000 pekerjaan tahun 2020.

Dalam masa yang sama juga malam kelmarin, walaupun bersidang ni pun buat kerja gok lagi. Malam kemarin kita dapat kunjungan syarikat daripada Taiwan juga berjanji hampir pasti, tapi belum pasti lagi, tapi hampir pasti akan datang ke Terengganu untuk melabur dalam bidang silika. Kali ini untuk memproses silika menjadi baju, pelik sikit baju silika, fiber dipanggil untuk buat *eyang*, untuk buat baju dia kata. Kalau baju ni luar negara moden tu dah pakai baju untuk orang-orang masuk dalam wad pakai baju ni doh, baju gitu dari silika, dan kalau demam dia akan beri notis baju dia akan menyala kata demam. Jadi saya kata dok rajin dengar tapi tu lah dan disebut kepada kita dan menjanjikan pelaburan yang agak besar. Dan insyaAllah kami akan membuat *follow-up* dan hampir pasti sebab dia dah hantar teknikal *team* dia untuk kaji dan nampaknya mereka berminat untuk melabur di sini. Itupun akan mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak. Di samping itu, ada dua tiga syarikat lagi yang sudah membuat *appointment* sebenarnya sehari dua ni untuk melabur dalam pelbagai bidang termasuk untuk buat hotel di pulau yang katanya harga hotel tu kalau jadi kelak tu dia akan *charge* satu malam paling kurang USD1,000. Itu pun dalam proses untuk pembuktian kita.....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang di-Pertua saya ada terbaca baru ni yang mengatakan bahawa betul ke, dok betul, dia kata kalau dibuat *underware* boleh rawat mati pucuk.(Dewan gelak)....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sila ulang tapi dok berapa dengar yang kemudian tu.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sekali lagi. Ada satu kenyataan mengatakan kalau silika ni dibuat *underware* ia boleh merawat masalah lelaki yang mati pucuk.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat ambil daripada mana ni? ...(Dewan gelak)Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya akan bekerjasama dengan Yang Berhormat untuk pergi ke mana sahaja untuk mendapat teknologi tu kerana silika kita banyak di sini boleh kita buat banyak *underware* sebenarnya.

Jadi insyaAllah nampaknya masa depan negeri kita ini agak, dalam bidang-bidang ini agak baik. Memang pertanyaan sentiasa ada, bahkan sehari dua ni pun ada berbagai orang datang dan dua tiga hari lagi saya akan berjumpa dengan lebih kurang ada 10 orang daripada India dan Bangladesh, dia akan datang untuk bertanya khabar tentang peluang-peluang pelaburan di Negeri Terengganu. Jadi itulah, doakanlah supaya kita akan dapat banyak pelabur-pelabur cuma kita berhati-hati.

Saya nak sebut juga di sini untuk makluman jerlah bahawa ada juga pelabur-pelabur yang datang dan telah kita luluskan, kita ambil masa yang panjang zaman Kerajaan dulu, masa yang panjang untuk *planning* untuk contoh membuat satu macam penempatan baru, bandar baru begitu dan tapi di saat-saat akhir bila kita tanya banyak sikit lagi mereka semacam membisu dan kemungkinan kita akan hantar surat untuk bertanya *finalnya*, nak buat tak, *takmboh* buat kita batal jer. Sebab janji dulu dia akan bayar segala permohonan pengambilan balik tanah dia akan bayar, janji komited untuk bayar, bila kita minta duit untuk bayar dia senyap, bila kita ajak melawat tempat yang dia kata untuk mari sini ajak mereka melawat, ajak kita pergi melawat bersama, dia kata nak suruh pergi kat lain. Jadi nampak tak serius mana. Ada satu lagi juga yang telah diluluskan dan Kerajaan telah berbelanja RM13 juta untuk memperbaiki keadaan sekitarnya dan sudah lulus tapi tak bayar. Banyak masa telah habis untuk ini, jadi kami agak berhati-hati. InsyaAllah kami akan memilih yang *genuine* sahaja yang kita akan teruskan untuk buat apa ni kunjungan hormat ke, apa ke, kita akan pergi untuk nak menentukan sama ada *genuine* atau tidak yang mereka sebut tadi. Saya kira itu untuk sementara, terima kasih.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Yang di-Pertuan soalan tambahan yang kedua. Bila kita sebut tentang industri

berat ataupun industri besar, kilang-kilang besar, ia bukan sahaja boleh membawa peluang pekerjaan memajukan kawasan-kawasan yang berhampiran, memajukan industri hiliran dan didalam masa yang sama juga dia boleh membawa kesan negatif kepada ekosistem, alam sekitar, bau, bahan-bahan sisa buangan. Adakah pihak Kerajaan telah merangka langkah-langkah yang bertepatan untuk mengatasi masalah-masalah ini?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih Yang di-Pertua. Terima kasih Bandar. Sememangnya kita sangat berhati-hati tentang soal *environment* ini, bahkan TSV, Terengganu Silica Valley yang kita hendak rujuk di Jambu Bongkok itu akan melalui proses yang ketat sebenarnya sebab kita akan pastikan dia adalah *green*, hijau ada kalau ada jumpa kawasan-kawasan kita *preserved*, kita *preserved*. Soalnya contoh kalau ada bakau yang jumpa di kawasan itu misalnya maka elakkan kawasan itu, kita akan buat suatu yang akhirnya dia tidak memberi kesan yang buruk pada *environment* dan itu memang syaratnya. Tapi kadang-kadang ada juga masalah yang timbul tentang *planning* kita contohnya, misalnya berlaku di negeri kita ini syarikat dia nak kembangkan perusahaan dia dan perlu buat asrama dalam kawasan kilang. Kalau ikut *planning* yang ada sekarang ini dia tak boleh buat dalam kawasan kilang kena 1/2 kilometre, 500 meter daripada kawasan itu baru boleh buat dan dia tidak mempunyai kawasan yang besar. Dan akhirnya kita kompromi dan kita tengok jiran kita dan akhirnya kita bersetuju supaya asrama itu akhirnya dia boleh buat dalam kilang di berhampiran dengan kilang sedia ada dengan syarat-syarat yang ketat. Itu kita ambil kira semua tu.

Satu lagi saya telah dikunjungi oleh pelabur untuk merawat bahan-bahan sisa, sisa-sisa toksid ini kesemua jenis bahan untuk merawat supaya dapat dijadikan satu produk yang lain, jadi semua sisa buangan termasuk sampah sarap, plastik dan sebagainya juga sisa toksid yang ada itu akan dirawat supaya akhirnya dia jadi produk yang menghasilkan satu nilai tambah yang tinggi, itu pun kita sedang berunding untuk syarikat tu datang ke Terengganu. Jadi kita ambil *take care* lah tentang tu dan memang agak ketak EIA kita. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Bandar. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua; Ikan Aya Ikan Ketutu, soalan saya nombor 1 -

Apakah perancangan dan usaha untuk meningkatkan kehadiran pelancongan ke Terengganu tahun 2019?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan. Ikan Ketutu, Ikan Ketutu, saya jawab nombor 1. Soalannya: Apakah perancangan dan usaha untuk meningkatkan kehadiran pelancong ke Terengganu pada tahun 2019?

Pelbagai program promosi dan acara untuk meningkatkan kehadiran pelancong ke Terengganu pada tahun 2019 kita akan lakukan insyaAllah. Kerajaan merancang menyertai EXPO Pelancongan sama ada di peringkat antarabangsa mahupun Kebangsaan. Saya pasti Yang Berhormat yang bertanya oleh kerana beliau adalah bekas Timbalan Exco Pelancongan dan beliau pernah hadir ke beberapa acara promosi tahun-tahun yang lalu dan kita akan teruskan antaranya WTM, ITB, MATTA Fair dan MITA Fair dan lain-lainlah kalau adalah. insyaAllah. Sebenar adalah lagi yang tempat-tempat, Expo-Expo yang akan kita ikuti, insyaAllah. Kerajaan Negeri Terengganu juga meneruskan pengiklanan untuk mempromosikan Pelancongan Negeri Terengganu melalui platform KLIA. KLIA ini kehadiran orang yang hadir di KLIA dalam sekitar tahun lepas sekitar dalam 28 juta orang begitu juga KLIA 2 sekitar 30 juta dan di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai Johor, Lapangan Sultan Mahmud Kuala Terengganu, Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan, Lapangan Sultan Ismail Petra Kota Bharu dan pelbagai promosilah yang akan kita adakan sama ada melalui akhbar, televisyen, radio

dengan pelbagai syarikatlah yang akan kita adakan. Dan juga kita menganjurkan kita tiga program utama yang dikategorikan sebagai *iconic* kepada Negeri Terengganu yang melambangkan budaya dan warisan yang sinonim dengan cara hidup masyarakat. Dan kekayaan alam sekitar eko-pelancongan yang terdapat Negeri Terengganu antaranya Festival Setiu Wetlands yang satu tempat yang sangat menarik sebenarnya di Setiu.

Yang kedua, Festival Gamelan Sedunia, Karnival Pantai Terengganu, dulu Pesta Pantai tapi sekarang kita ubah dengan nama Karnival Pantai Terengganu, dan juga yang melibatkan masyarakat bukan Islam Festival Mek dan Awang Terengganu, dan kita juga akan berkolaborasi dengan Ketengah, Festival Kenyir. Selain daripada tu, kita akan bekerjasama dengan NGO-NGO ataupun syarikat-syarikat swasta untuk mengadakan pengajuran bersama program untuk meningkatkan lagi promosi Negeri Terengganu ini. Wallahu'allam.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya yang pertama: Baru-baru ini saya ada terbaca tentang pencemaran mikroplastik. Jadi apabila kita di Terengganu, kita menekankan tentang eko-pelancongan ataupun *eco-tourism* pelancongan. Kita mesti menitikberatkan tentang kestabilan ekosistem dan juga ekologi yang ada, khususnya di dalam negeri kita ni. Jadi, baru-baru ni saya terbaca ada satu kajian yang melibatkan pencemaran yang di panggil pencemaran mikroplastik dan kajian ni *sampling* dibuat di Sabah tapi sebab Sabah dengan kita ni menggunakan Laut China Selatan yang sama, jadi kita risau sekiranya pencemaran mikroplastik ni melibatkan apa dia tu, *particle* yang kurang daripada 5mm, memang halus, daripada ubat gigi, daripada pencuci muka dan sebagainya. Kita takut *sustainability* yang kita kekalkan selama ini, kalau kita tak jaga sebaik mungkin pencemaran mikroplastik ni boleh mengganggu-gugat ekosistem kita dan sekaligus boleh, mencemarkan alam kita, dan kita takut pelancongan yang berteraskan eko-pelancongan di negeri kita akan terganggu sedikit masa nanti. Jadi soalan saya adakah pihak Kerajaan *aware* tentang pencemaran mikroplastik yang telah dibuat kajian oleh Pensyarah-pensyarah, Penyelidik daripada Universiti Malaysia

Terengganu ini. Apakah perancangan supaya perkara ni dapat kita atasi dan kestabilan *sustainability* ekosistem di negeri kita dapat kita kekalkan. Terima kasih Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Besut. Sebenarnya Kerajaan Negeri begitu prihatin, secara umumnya isu kebersihan dan khasnya di tempat-tempat pelancongan kerana sememangnya kita sebenarnya menerima hakikat bahawa Terengganu adalah negeri yang sangat cantik, terutamanya kita ada 244 kilometer panjangnya pantai, di seberang pantai dan juga pulau-pulau yang begitu indah antara yang terbaik di Malaysia. Jadi, pihak Kerajaan telah meluluskan, kalau kita lihat dalam Bajet RM4 juta untuk kebersihan, tentulah sebahagiannya bagi kita menyelesaikan isu-isu kebersihan dan juga pencemaran mikroplastik, kita akan bincang macam mana untuk menyelesaikan perkara ini. Tapi yang penting sekali, pihak Kerajaan akan melibatkan semua lapisan masyarakat sehinggalah di peringkat yang paling bawah iaitu MPKK. Jadi, bukan sahaja kita melantik syarikat-syarikat yang tertentu untuk menjaga kebersihan di Negeri Terengganu termasuk di pantai, pulau tetapi kita akan melibatkan komunitilah untuk tahun hadapan. InsyaAllah. Wallahu'allah.

YANG BERHORMAT DATO' HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Soalan tambahan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi, pihak Kerajaan ada sebut mengenai Setiu Wetland, dan boleh dikatakan, disetiap kali Persidangan dan di setiap kali mesyuarat mengenai pelancongan akan disebut mengenai Setiu Wetland. Saya nak tahu apakah rancangan jangka masa panjang untuk Setiu Wetland sebab kalau dibuat festival sahaja untuk menarik pelancong, mungkin ianya tidak memadai kerana biasa kalau kita buat festival kita tidak boleh nak promote Setiu Wetland, kerana festival kita ni dia akan *end up* atau berakhir dengan jual baju *alek* Golok lepas tu ada *funfair*, kemudian orang pun balik. Jadi kesan ilmu ataupun kesan pengetahuan mengenai Wetland itu tidak dapat diberi kepada pengunjung-pengunjung. Saya, nak tahu apakah rancangan jangka masa panjang? Kalau kerajaan belum ada idea, saya nak cadangkan supaya kita buatlah macam *river cruise* di Goldcoast, dengan

simple pontoon ada orang makan antara atas *pontoon* kemudian dia bawa berjalan *river cruise* kemudian melawat, *spots-spots* yang ada di kawasan Wetland.

Dan saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Terengganu khususnya kepada Dato' Setiausaha Kerajaan kerana telah menggunakan gambar kampung saya, gambar Pantai Penarik yang dilekatkan atau ditampal di teksi Kota London. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih kepada Permaisuri. Sememangnya Setiu Wetland ni adalah merupakan khazanah yang sangat penting sebenarnya ataupun suatu yang sangat bernilai kepada Kerajaan Negeri. Apabila ianya digazetkan sebagai Setiu Wetland sememangnya Kerajaan Negeri akan menjagalah dan sebenarnya kita ada perancangan kita, antaranya *Boardwalk*. *Boardwalk* dia ada sekitar 800 meter. Kita akan kaji balik, kemungkinan besar kita akan tambah, kalau pergi kedepan tu, kalau *boardwalk* sebelah kiri kita akan tambah sehingga sebelah kanan. Kemudian usaha sedang diadakan untuk menanam beribu-ribu pokok sebenarnya disana dan kita akan buat pelbagai program dan kita akan menyiapkan prasana yang sedang disiapkan sekarang ini antaranya medan ikan bakar, pusat pelancongan dan jeti dan pelbagai. Sebenarnya bila siap dengan kos jutaan ringgit yang telah diadakan sekarang ni, sebenarnya mungkin sekarang kita tak merasa hebatnya Setiu Wetland tapi pada saya untuk generasi akan datang satu peninggalan yang sangat bernilai kepada Kerajaan Negeri dan juga masyarakat Terengganu, amnya. Wallahu'alam.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Ada sikit lagi. Okey, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berikutnya: Di Besut kita ada Pusat Peranginan yang dipanggil Bukit Keluang, ada pantai, ada bukit, jadi pada hujung minggu, pada cuti sekolah, cuti-cuti perayaan, Bukit Keluang ni memang *pack*, memang penuh *sokmo* orang. Jadi, menyebabkan *jam* dan kita di Daerah Besut saya didatangi ramai jugok oleh orang kampung supaya kita memperluaskan lagi tempat-tempat peranginan ni sebab kita semua sedia maklum bahawa di Terengganu kita ni

kekuatan kita, selain daripada flora dan fauna, pulau, kekuatan kita adalah keindahan pantai-pantai berpasir kita. Jadi, kita ingin mencadangkan supaya selain daripada Bukit Keluang, supaya pihak kerajaan mewujudkan lagi, menambahkan lagi infrastruktur-infrastruktur untuk pelancongan supaya dapat memberi peluang kepada pengunjung-pengunjung mari ramai lagi ke tempat kita. Sebagai contohnya, kita di Kuala Besut ada Kampung Pacakan yang bersempadanan dengan Pasir Putih tu...

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Ringkaskan soalan tu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Kita wujudkan infrastruktur di Kampung Pacakan dan juga di Pantai Dendong. Di tepi Bukit Keluang tu ada Bukit Bubus pastu ada se lagi ada Bukit Dendong, kalau boleh antara Bukit Dendong dan Bukit Bubus tu kita wujudkan infrastruktur dan juga di Kampung Beting Lintang kita wujudkan juga infrastruktur kerana di kampung Beting Lintang lah satu-satunya kampung yang kita boleh mengadap ke Pulau Perhentian dan kita boleh nampak dua-dua Pulau Perhentian di tengah laut sana. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan dan sahabat kita yang bertanya. Jadi insyaAllah pihak Kerajaan sebenarnya sedang membuat audit kepada seluruh pusat-pusat pelancongan kita yang melebihi daripada 200 tempat pelancongan. Dan kami akan pergi ke setiap daerah bertemu dengan pihak yang berkenaan dan mengenal pasti permasalahan paling kurang kita telah meluluskan dalam Bajet kita sebanyak RM2 juta untuk kita *upgrade* pusat-pusat pelancongan ini. Dan insyaAllah apa yang diberitahu tadi kita akan dan saya sendiri insyaAllah akan pergi ke sana. Di Bukit Keluang sebenarnya saya dah acap kali ke sana dan mendapati sememangnya sekarang ni sambutan di pusat-pusat peranginan khususnya di pantai-pantai yang cantik sekitar Negeri Terengganu termasuklah di Bukit Keluang kehadiran semakin bertambah dan saya juga mendapati ramai bukan saja di pantai tetapi di bukit contohnya di Bukit Besar, Bukit Maras dan pelbagai pusat-pusat peranginan di sebelah

bukan sahaja di pantai tetapi di tempat yang lain semakin hari semakin mendapat sambutanlah mutakhir ini. Wallahu a'lam.

YANG BERHORMAT DATO' HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Ya, ada? Seterusnya saya menjemput Wakil Permaisuri.

YANG BERHORMAT DATO' HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Assalamu'alaikum Yang Berhormat Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor satu -

Berapakah peruntukan yang kerajaan akan berikan kepada Sekolah-Sekolah Menengah Elit dalam Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. ADUN Permaisuri bertanyakan soalan: Berapakah peruntukan Kerajaan akan berikan kepada Sekolah Menengah Elit dalam Negeri Terengganu?

Untuk makluman Yang Berhormat setakat ini tiada peruntukan khusus kepada Sekolah-sekolah Elit di Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Soalan tambahan saya nombor satu. Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Elit konsepnya sangatlah murni. Ianya bertujuan untuk memberi tempat kepada para pelajar yang cemerlang UPSR yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah berasrama penuh tetapi masih mendapat peluang pendidikan di sekolah yang hampir setaraf dengan SBP (Sekolah Berasrama Penuh). Jadi saya lihat kita ada dua Sekolah Elit di Negeri Terengganu. Sekolah Elit Lembah Bidong dan juga Sekolah Elit di Mak Lagam. Itu yang saya tahulah. Tapi kalau ada yang baru wallahu a'lam. Jadi kalau kita boleh

tempatkan 2,000 pelajar di sekolah ini, maka ianya bakal menghasilkan pelajar-pelajar yang cemerlang di peringkat menengah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat soalan benda apa?

YANG BERHORMAT DATO' HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Soalnya, sabar.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ni sesi bukan syarah. Soal jer.

YANG BERHORMAT DATO' HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Ya, ya, ya.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Nak tanya kena kabor dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Kena kabor dulu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Teruskan, teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Jangan *balloh*. Sebab itulah betullah Dato' M.B. masa gulung nanti *kena royak pulok jangan balloh ni. Kita dok balloh dia nok balloh semacey.*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): *Tengok, nok balloh pulok.* Soalnya kalau tidak ada peruntukan yang diletakkan sekarang, saya menyeru supaya diletakkan peruntukan malahan saya mencadangkan supaya sekolah ini bukan setakat menjadi sekolah SBP, ciptalah rekod supaya Terengganu di samping kita ada Sekolah Imtiaz, kita ada dua Sekolah Elit

yang tarafnya atau pun standardnya mutunya lebih hebat daripada SBP. InsyaAllah Y.A.B. kita sebagai bekas Profesor boleh mengadakan Sekolah Elit yang akan memberi peluang kepada pelajar B40, N40 dan pelajar-pelajar lain belajar di sekolah ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang di-Pertua, Sekolah-sekolah Elit ini berada di bawah JPN dan dia ada ayah dialah Kementerian. Jadi secara umumnya pihak Kerajaan Negeri memberi bantuan di bawah Program Pendidikan Anjung Ilmu kepada JPN Terengganu dan dia merangkumi semua sekolah bukan Sekolah Elit sajalah. Jadi antara program yang diuruskan oleh JPN Terengganu pada 2018 termasuklah berapa program melibatkan pelajar, percetakan, agihan barangan kecemerlangan dan sebagainya kepada semua sekolah. Termasuklah beberapa modul dan juga untuk perkembangan akademik para pelajar. Jadi pihak Kerajaan Negeri secara khusus tidak memberi peruntukan khas kepada Sekolah Elit ini tapi memberi secara umum kepada pihak JPN dan Sekolah Elit ini berada di bawah tanggungjawab JPN bukan bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan dia ada bawah Kementerian. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan saya tapi berkenaan soalan saya tadi saya minta maaf terlewat sedikit. Adakah Kerajaan meneruskan bantuan pembelian komputer? Terima kasih. Itu soalan tak. Tak ceramah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ni bukan kait soalan itu dah. Semula sesi kekgi tanya pulak.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Dan maksudnya dia lari daripada soalan asallah. Itu terpulang kepada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Betul tu Yang di-Pertua betul.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat buat keputusan tidak payah jawab sebab tidak berkait dengan soalan asal.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bukan payah sangat jawab, jadi macam *nok balloh pulok*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah kita jumpa minum air kekgi Cikgu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Itu yang sebaiknya. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor satu -

Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membina rumah mampu milik yang menggunakan peruntukan pinjaman kerajaan di kawasan-kawasan yang masih ramai rakyat susah dan miskin yang tidak layak meminjam melalui instrument pinjaman swasta?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Yang Berhormat Penyokong Kerajaan dan juga pihak Pembangkang, rakan kita sebelah sana, ketua-ketua jabatan dan Pemerhati sekalian. Soalan daripada Kemasik berbunyi: Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membina Rumah Mampu Milik yang menggunakan peruntukan pinjaman Kerajaan di kawasan-kawasan yang masih ramai rakyat susah dan miskin yang tidak layak meminjam melalui instrumen atau institusi pinjaman swasta?

Antara Manifesto PAS Pilihan Raya 14 ialah menyediakan Tabung Pinjaman Perumahan. Alhamdulillah bagi portfolio saya yang ada 6 Manifesto yang diamanahkan, 4 daripadanya insyaAllah akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Semua sudah sebut dalam Ucapan Bajet oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Oleh kerana beberapa kekangan kewangan dan perancangan kita memang ada untuk menyediakan RM50 juta Tabung Pinjaman Perumahan. Bila Bajet yang dibentangkan itu ada beberapa potongan yang dibuat maka kita untuk tabung ini insyaAllah sekiranya ada tambahan mendapat hasil dan memang kita harap Kerajaan Persekutuan akan menunaikan janji tentang royalti dan usaha-usaha kita melalui premium ataupun penjualan air mentah, silika dan pelancongan dapat menambah hasil kita akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Kalau tidak pun insyaAllah Bajet tahun hadapan akan masuk untuk Tabung Pinjaman Perumahan. Untuk tahun ini belum ada lagilah. Itu sahaja terima kasih.

YANG BERTHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Terima kasih. Soalan tambahan saya yang pertama:Apakah kriteria utama yang membolehkan satu-satu DUN layak dan terpilih untuk menerima projek rumah mampu milik ini?

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih. Kerajaan memang merancang untuk mengadakan Rumah Mampu Milik ini di setiap daerah atau setiap Parlimen. Memang dalam perancangan kita dan banyak rancangan-rancangan yang saya akan sebutkan nanti. Dari segi Rumah Mampu Milik adalah secara 100%. 100% Rumah Mampu Milik ini dibuat oleh dua agensi yang pertama oleh Kerajaan Negeri sendiri bawah SEDC dan yang kedua oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Kerajaan Persekutuan yang ada peruntukan untuk 100% Rumah Mampu Milik. Yang lain-lain ialah rumah yang dibuat dengan usahasama dengan pemaju dan kita tetapkan 20% mesti Rumah Mampu Milik juga yang dibuatkan oleh swasta. Untuk tahun ini oleh kerana Bajet kita terhad, kita akan melaksanakan dua dulu Rumah Mampu Milik ini iaitu di Daerah Kuala Nerus dan di Hulu Terengganu. Kemaman dan Besut ada masuk dalam dalam dalam

apa ni, senarai kita tapi kita kemudiannya kerana masalah kewangan tadi dan pilihan kita yang pertamanya di samping jumlah permohonan yang ada di kawasan terlibat, yang kedua tanah yang telah siap makna dah tambun dah rata doh cuma gi buat rumah jer. Jadi kos infra kita tidak banyak kerana kita nak jimat dari segi peruntukan yang kita ada biar benar-benar mencukupi untuk projek-projek Rumah Mampu Milik itu. Kriteria yang paling penting ialah tapak yang tersedia yang tidak memerlukan infra yang besar. Itu saja Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan saya yang kedua: Apakah kaedah dan sumber kewangan lain yang boleh diusahakan untuk memastikan projek rumah mampu milik ini dapat terus berjalan walaupun sebagaimana yang dimaklumkan dengan izin, *worst case scenario nya* kita tidak dapat duit royalti. Mungkinkah anak-anak syarikat Kerajaan lain mampu memainkan peranan utama dalam projek ataupun usaha besar ini.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Terima kasih. Yang Bert hormat Tuan Yang di-Pertua, bila sebut Rumah Mampu Milik ini ialah rumah yang disubsidi harga sebenar mencecah antara RM120,000 - RM180,000 sebuah tapi dijual kepada pemohon ataupun rakyat hanya RM68,000. Jadi kalau kos perbezaan yang begitu besar hendak ditanggung sepenuhnya oleh anak-anak syarikat,, mereka pun tak akan setuju. Sebab itulah dalam konteks itu kita buat secara kerjasama, usahasama ataupun JV dengan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri ataupun swasta dengan menetapkan hanya 20% sahaja projek-projek itu adalah Rumah Mampu Milik yang lain dengan harga pasaran dengan harapan untung itu dapat mereka keluar subsidi terhadap Rumah Mampu Milik tadi. Namun begitu untuk Rumah Mampu Milik selain daripada Kerajaan Negeri yang saya sebutkan dalam perancangan kita empat kawasan, kita ada lagi peruntukan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pusat. Baru-baru ini dalam Mesyuarat Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT), negeri telah diberi satu jaminan bahawa Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan memberi peruntukan oleh negeri-negeri yang dapat atau pun

yang memohon dan yang menyediakan tapak untuk dibina rumah di bawah Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini. Dan sehubungan dengan itu, Kerajaan telah menulis surat rasmi kepada Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk Kerajaan Negeri mengemukakan tapak-tapak cadangan bagi dibuat 100% Rumah Mampu Milik. Jadi kita telah mengemukakan kepada Kementerian Perumahan ini sebanyak enam tapak yang, insyaAllah akan melibatkan, akan membolehkan dibina 1,848 unit Rumah Mampu Milik, insyaAllah di bawah Kerajaan Pusat. Dan kita harap rancangan atau tapak yang kita kemukakan ini akan dapat dipersetujui dan peruntukan akan diberi kepada kita untuk tahun hadapan dan ini juga akan dapat menyelesaikan sebahagian besar kepada keperluan perumahan negeri tersebut di samping yang di bawah Kerajaan Negeri sendiri kita ada sebanyak 710 unit dan di bawah projek penswastaan dijangka di empat daerah termasuklah di Daerah Kemaman kita akan dapat menyiapkan dalam tempoh masa dua tahun ni, sebab biasa buat rumah ni siap dalam masa 18 bulan hingga 24 bulan sebanyak 2,151 unit dan rumah dalam pembinaan kita masih ada yang mungkin akan siap dalam masa yang terdekat ini di Seri Bandi dan juga di Pulau Redang disebut semalam, ini semua jumlah ini kalau dapat berjalan sebagaimana yang kita rancang akan dapat kita perolehi lebih kurang 5,000 lebih unit rumah untuk dalam tempoh masa 2 tahun ini, InsyaAllah. Itu saja Tuan Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, boleh tak kita nak tahu lokasi enam tapak yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat?

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Takdok masalah, kita boleh diberitahu. Yang pertama sekali di Kuala Abang, Dungun melibatkan 310 unit, di Mak Kemas, Marang 210 unit, Pulau Kerengga, Marang 396 unit, Bukit Puteri, Besut, Besut ada 300 unit, Bukit Gasing, Marang 190 unit dan Gong Medang Besut, Besut banyak ni 400 unit yang kita kemukakan kepada Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT). Berdoalah semoga diluluskan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, sebelum saya nak jemput Wakil Tepoh mengikut giliran tapi saya nak raikan Wakil Sura sebab semalam dia tak sempat nak tanya soalan. Saya nak jemput Wakil Sura dulu selepas tu baru Wakil Tepoh untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua kerana mendahului soalan saya pada pagi ni sebagai ganti kelmarin. Terima kasih banyak. Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan saya yang kedua -

Apakah usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan dalam mengatasi kegagalan Projek Kambing Kaprima?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat. Terima kasih pada Yang Berhormat Sura soalan berkaitan dengan usaha yang diambil oleh Kerajaan dalam mengatasi kegagalan Projek Kambing Kaprima.

Projek Kaprima di seluruh Negeri Terengganu ada lapan. Yang berjaya, empat dan yang tak berjaya, empat. Yang Berjaya ialah di Hulu Seladang di Setiu, Mengabang Bakong di Kuala Nerus, Segading di Keruak, di Besut, Telaga Papan di Setiu. Sementara yang tak berjaya ialah Durian Mentangau di Dungun, Tanjung Gadoh, Marang, Kampung Chabang di Kerteh, Kemaman dan Payang Kayu di Kuala Berang, di Hulu Terengganu.

Untuk 4 Lembah Kaprima yang dikategorikan sebagai tidak berjaya, Payang Kayu telah ditamatkan perjanjiannya sementara tiga lagi Durian Mentangau, Tanjung Gadoh dan Kampung Chabang, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah menghantar deraf perjanjian kontrak di antara Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dengan penyewa dan Pejabat Penasihat

Undang-undang Negeri telah selesai membuat semakan Yang Berhormat Dato' LA mencadangkan supaya dibuat penamatan kepada tiga penyewa Durian Mentangau, Tanjung Gadoh dan Kampung Chabang berdasarkan kepada pelanggaran syarat yang telah dibuat oleh pengusaha. Dan notis pelanggaran syarat ni telah dihantar kepada tiga pengusaha dan dijangkakan insyaAllah pada hujung Januari nanti proses penamatan akan selesai. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan tambahan saya yang pertama:Apakah di antara punca-punca yang menyebabkan empat daripada Projek Kambing Kaprima ini menghadapi kegagalan? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Ada pelbagai punca kegagalan Projek Lembah Kaprima tetapi di antara yang paling utama ialah pemilihan peserta yang tidak tepat. Dengan makna peserta yang dipilih bukanlah syarikat atau individu yang mempunyai kemahiran dan kemampuan untuk bertahan dalam industri ternakan kambing sehingga ada yang dapat Kawasan Lembah Kaprima, tandatangan perjanjian dari tahun 2013 dan gagal untuk memasukkan walaupun seekor kambing.

Yang kedua kita tengok, projek-projek yang gagal ini mereka gagal dalam memberikan impak sosio ekonomi kepada masyarakat setempat sehingga projek tu jadi terasing ditengah-tengah masyarakat dan terdedah kepada pencerobohan, kecurian dan sebagainya kerana masyarakat tidak bersama mereka.

Yang ketiga, kita tengok di antara punca kegagalan ialah Konsep Lembah Kaprima yang lama yang terlalu rigit kerana memfokuskan kepada ternakan kambing pedaging sahaja, kerana itulah kita mencadangkan supaya diubah daripada konsep Kaprima yang lama yang terlalu rigit tu kepada konsep baru yang kita namakan Kaprima Unggul. Kita *open* sikit, kita buka daripada hanya ternakan kambing pedaging kepada kambing tenusu, ternakan rusa, ternakan lembu, kolam ikan dan beberapa tanaman kontan seperti jagung supaya pengusaha boleh memanfaatkan semaksimum mungkin prasarana yang ada

yang sangat luas. Tanah 50 ekar, kandang yang ada 5 buah kandang, rumah penternak lagi ada, pejabat kalau difokuskan kepada satu skop Kaprima sahaja dia jadi banyak ruang yang dibazirkan walaupun pengusaha diberikan dengan kadar sewa yang sangat murah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yang Berhormat Yang di-Pertua soalan tambahan saya yang kedua: Oleh kerana kita melihat ada empat projek yang disebut tadi yang gagal dan satu daripadanya akan ditutup. Jadi apakah langkah-langkah yang berikutnya yang akan diambil oleh pihak Kerajaan dalam mengatasi ataupun memperbaiki empat daripada Projek Kaprima yang gagal ini. Dan satu lagi ialah apakah bekalan daging kambing di Negeri Terengganu kita ini masih berada di tahap saya rasa mungkin tidak mencukupi ke? Kalau tidak mencukupi berapakah pula anggaran yang perlu kita sediakan bagi penternak-penternak yang baru kita ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih Yang Berhormat Sura. Memang bekalan daging kambing di Negeri Terengganu masih tidak mencukupi. Cuma dari segi keperluan penduduk ataupun fokus kepada industri restoran, daging kambing segar tempatan bukan menjadi pilihan kerana ramai daripada pengusaha restoran, pengusaha kedai makan yang menggunakan kambing beku yang di import daripada Australia. Kerana itulah kita melihat bahawa industri ternakan kambing pedaging sahaja dalam konteks Negeri Terengganu kita tidak mampu untuk pergi jauh. Lantaran itu kita kembangkan kepada industri kambing tenusu dan alhamdulillah kambing tenusu memang kita nampak boleh pergi jauh dengan kita dalam proses untuk nak menyiapkan Pusat Pemprosesan Susu yang menggunakan teknologi moden di Pusat Pengembangan Veterinar di Jenang, Marang. InsyaAllah penternak kambing tenusu akan dapat memanfaatkan kemudahan yang ada di Pusat Pengembangan Veterinar di Jenang ini. Dari segi usaha untuk kita nak memanfaatkan empat Lembah Kaprima yang gagal, secara dasarnya kita bersetuju untuk dimanfaatkan oleh komuniti setempat terutamanya kelompok belia supaya segala prasarana yang ada kita dapat memanfaatkan seoptimum yang mungkin dan keluhan orang-

orang muda nak menternak tak ada tempat, nak menternak tak ada kandang, nak menternak tidak ada kemudahan padang ragut yang mencukupi, kita boleh atasi dengan kita memanfaatkan dulu apa yang telah ada ni. Kita raikan walaupun orang-orang muda ni tidak ada syarikat-syarikat besar tapi biar kita raikan orang muda daripada kalangan penternak kecil di kampung yang berjiwa besar untuk memanfaatkan kemudahan Kerajaan dengan kadar sewa sebenarnya sangat murah. Bayangkan 50 ekar tanah, 5 unit kandang kambing, 2 rumah kakitangan, pejabat sewanya hanya RM1,100 sebulan. Sebab bukan menjadi matlamat Kerajaan untuk dapat hasil daripada sewa tapi yang menjadi matlamat Kerajaan ialah untuk mengembangkan industri ternakan kambing ke satu tahap yang lebih baik. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila, wakil daripada Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan saya nombor satu -

Terengganu Cycling Team (TSG) telah mencipta nama yang cukup baik mutakhir ini. Penyertaan ke negara luar begitu rancak dalam setiap acara seliaan UCI. Apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan TSG sebagai satu produk pelancongan dan pasukan mereka menjadi duta memperkenalkan Terengganu buat pelancong di negara yang mereka kunjungi?

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tepoh yang telahpun menanyakan soalan kepada saya, seterusnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan semua Ahli Majlis Mesyuarat dan Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan juga Pemerhati yang dirahmati Allah

sekalian. Tepoh bertanyakan soalan tentang sukan: Terengganu Cycling Team (TSG) yang telah mencipta nama yang cukup baik mutakhir ini. Apakah Kerajaan berhasrat untuk menjadikan TSG sebagai satu produk pelancongan dan pasukan mereka menjadi Duta memperkenalkan Terengganu ke seluruh negara?

Yang Berhormat Yang di-Pertua, Terengganu Cycling Team ataupun TSG sememangnya telahpun mempromosikan secara langsung kempen Beautiful Terengganu yang mana logo Beautiful Terengganu berada di dalam ataupun berada pada jersi yang dipakai oleh semua *rider-rider* ataupun *rider-rider* daripada TSG dan mereka ini mempromosikan secara tidak langsung nama Terengganu dan juga Beautiful Terengganu tersebut. Dan insyaAllah, daripada masa ke semasa TSG akan sentiasa mempromosikan Terengganu menerusi penyertaan mereka di dalam setiap pertandingan-pertandingan yang disertai sama ada dalam ataupun luar negara. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Exco yang telah memberikan penjelasan. Saya sebenarnya mengharapkan jawapan ini dikemukakan oleh Exco Pelancongan kerana apa yang kita timbulkan adalah hasrat untuk dijadikan TSG sebagai satu produk pelancongan pada masa yang akan datang. Ini berikutan kita tidak nafikan TSG telah membawa nama Terengganu tetapi tidak ada satu usaha yang dilihat *constructive* dimantara pihak Pelancongan dengan TSG. Mereka pergi di atas inisiatif sendiri membawa nama Terengganu tetapi tidak JV dengan pihak Pelancongan supaya mereka ke China membawa mesej Pelancongan untuk membawa pelancong datang ke Terengganu. Mereka ke Rusia untuk membawa mesej Pelancongan dalam bentuk tidak perlu modal yang banyak TSG telah pergi dalam masa yang sama Pelancongan memberikan satu sokongan kepada pihak TSG sebagai satu Cycling Team diperingkat Asia malahan diperingkat dunia. Jadi soalan saya berhubung dengan perkara ini: Boleh ataupun tidak untuk 2019 Pelancongan memainkan peranan secara *joint venture* bersama dengan TSG membawa nama Terengganu untuk dibawa ke pelancong-pelancong ke negeri yang tercinta ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang di-Petua Dewan, saya respon sikit soalan tambahan daripada Tepoh. Sememangnya, sebenarnya Pelancongan ni bukan sahaja apa yang ada di yang kita lihat tapi Pelancongan Sukan sebenarnya memainkan peranan yang sangat penting kepada Kerajaan Negeri umpamanya ada *event-event* yang besar yang berlaku di Terengganu sememangnya kedatangan pelancong daripada luar kerana sukan inilah, lalu kami mengalu-alukan TSG sebenarnya secara tidak langsung walaupun dikatakan pihak kami, pihak Pelancongan tidak semacam tiada hubungan dan seumpamanya. Sebenarnya kami mengalu-alukan dan merasa bangga dengan kejayaan-kejayaan TSG dan mereka pergi ke luar negara dan insyaAllah untuk masa-masa depan terutamanya tahun hadapan kita akan sama-samalah bincang untuk perkara yang lebih baik macam mana kita nak mempromosikan Terengganu secara yang lebih khusus perkara yang lebih baik macamana kita nak mempromosikan Terengganu secara yang lebih tersusun insyaAllah. Wallahu'alam.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Seterusnya saya menjemput wakil daripada Batu Burok.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalah saya nombor satu -

Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu kemiskinan di Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, Yang Berhormat-Yang Berhormat dan semua Pegawai-pegawai

Kanan Kerajaan. Soalan daripada Batu Burok berbunyi: Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu kemiskinan di Negeri Terengganu?

Sebelum saya menjawab saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan lama kerana sebahagian besarnya langkah-langkah ini diikuti oleh kerajaan baru. Antaranya ialah program Perumahan Terengganuku Sejahtera di mana kita telah membina rumah baru pada tahun lepas sebanyak 55 buah di setiap daerah. Kuala Terengganu - 7, Kemaman - 2, Dungun - 5, Marang - 1, Hulu Terengganu - 2, Besut - 34, Setiu - 1, Kuala Nerus - 3. Kita juga membaik pulih rumah keseluruhannya ialah 1,845 buah. Kuala Terengganu - 515, Kemaman - 289, Dungun - 111, Marang - 137, Hulu Terengganu - 192, Besut - 213, Setiu - 141, Kuala Nerus - 247.

Yang kedua, Bantuan Bekalan Air Percuma 25 meter padu kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah yang berjumlah keseluruhan untuk Negeri Terengganu daripada e-Kasih 1,146 orang. Daripada Rumah PPRT 5,432 yang berjumlah 8,696 orang.

Yang ketiga ialah Bantuan Persekolahan pada tahun 2018 Kerajaan telah memperuntukkan RM 11,637,500 untuk Dana Persekolahan.

Yang keempat ialah Program Dana Bantuan Perayaan yang pada tahun lepas kita membelanjakan sebanyak RM69,952,250 di mana mengikut daerahnya Besut seramai 44,889 yang berjumlah RM11,222,250, Dungun RM8 juta lebih, Kuala Terengganu RM5 juta lebih, Hulu Terengganu RM10 juta lebih, Kemaman RM14 juta lebih, Kuala Terengganu, Kuala Terengganu RM14 juta lebih, Marang RM7 juta lebih, Setiu RM4 juta lebih, Kuala Nerus RM7 juta lebih.

Yang keempat ialah Program Dana Remaja dan yang keenam ialah bantuan daripada MAIDAM. Daripada MAIDAM kita beri bantuan-bantuan kewangan saraan bulanan sebanyak RM300, Bantuan Persekolahan sebanyak RM500 seorang, Bantuan Sempena Ramadhan sebanyak RM400, Bantuan Kecemasan

atau bencana alam tidak melebihi RM10,000, Bantuan Membina Rumah tidak melebihi RM60, 000, Bantuan Membaik Pulih Rumah RM20,000, Bantuan Perubatan RM1,000, Bantuan Haemodialysis RM2,600 sebulan, Bantuan Tambang Haemodialysis RM650 sebulan, Bantuan Sara Hidup RM1,000, Bantuan Serta Merta tidak melebihi RM250, Bantuan Sewa Rumah tidak melebihi RM300, Bantuan Modal RM3,000 dan juga bantuan daripada JKM. Itulah antara beberapa perkara usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan tambahan saya nombor satu. Yang pertamanya saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Cukai yang telah memberikan jawapan yang terperinci tadi. Sebagaimana yang kita maklum, isu kemiskinan adalah isu yang sentiasa ada. Justeru mana-mana Kerajaan menjadikan agenda membasmi kemiskinan ini adalah agenda utama. Oleh kerana itulah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan antaranya ialah apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan sebelum daripada ini itulah prinsip yang kita ambil apa yang baik kita teruskan. Walaupun begitu kita ada mendengar desas-desus khabar angin antaranya ialah berkait dengan Bantuan Raya yang diberikan oleh Kerajaan pada fakir miskin, ada desas-desus yang berbunyi orang kaya pun dapat juga. Jadi kita nak mintak penjelasanlah daripada Yang Berhormat Cukai.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih kepada soalan tambahan. Memang tidak dinafikan pada musim-musim yang lepas, terdapat ketidak ketelusan pembahagian di peringkat bawah kadang-kadang kerana kawannya, kadang-kadang kerana anak-beranaknya dan yang kedua manipulasi slip gaji dan macam-macamlah yang berlaku yang menyebabkan Kerajaan terpaksa banyak belanja untuk Dana Raya. Maka yang saya rasa pada tahun lepas habis RM69 juta lebih. Maka pada tahun hadapan Yang Amat Berhormat telahpun mengisytiharkan sebanyak RM50 juta pembahagian Dana Raya dan saya mengharapkan di bawah sana MPKK membuat pemutihan kepada hanya mereka yang layak sahaja. Yang layak sahaja untuk dapatkan Dana Raya. Jadi sekarang ini Kerajaan baru-baru ini

memutuskan hak tahun lepas mana-mana mereka yang berpendapatan RM2,500 ke bawah layak. Cuma kalau kita bandingkan dengan air, Yang di-Pertua air ni pendapatan mereka RM1,750 ke bawah baru dapat peruntukan air percuma. Hak ni RM2,500. Tapi saya akan cuba bawa lagi dalam mesyuarat supaya disamakan RM1,750 baru dapat Dana Raya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan saya yang kedua Yang Berhormat Yang di-Pertua, dalam membasmi kemiskinan ini, kita bukan sahaja perlu melihat jumlah ataupun kuantiti bantuan yang kita berikan kepada fakir miskin, tetapi kejayaan itu diukur apabila kita berjaya mengurangkan jumlah rakyat yang miskin daripada satu angka kepada angka yang lain. Soalan saya: Adakah di sana program-program yang dilakukan oleh pihak Kerajaan yang mana kita berjaya mengeluarkan rakyat yang miskin ini kepada tahap yang tidak miskin? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Tuan Yang di-Pertua, antara program yang ternyata baik dan membantu para pemohon dan penerima bantuan untuk keluar daripada garis kemiskinan ialah Two Years Exit Programme yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menggunakan pendekatan Productive Welfare. Program ini mensasarkan penerima bantuan kebajikan yang pro-aktif diberi peluang untuk berdikari dan hanya menerima bantuan kewangan bulanan kebajikan untuk tempoh maksimum dua tahun sahaja. Pendekatan Productive Welfare ini juga adalah satu bentuk usaha yang menyasarkan penerima Bantuan Kebajikan untuk melalui pembelajaran pelbagai kemahiran hidup agar tidak hanya bergantung kepada bantuan Kerajaan buat selama-lamanya. Pendekatan ini sangat menekankan kepada pemerksaan klien agar lebih bermotivasi dan memperolehi kemahiran yang bersesuaian dengan keupayaan mereka. Tujuannya ialah untuk menjadi *exit policy* untuk menggalakkan penerima bantuan jabatan yang produktif agar mula berdikari melalui penglibatan secara aktif dalam apa jua keadaan sekalipun. Penerima-penerima yang terpilih diberi modal permulaan sebanyak RM2,700 bagi menguruskan pekerjaan atau perniagaan bagi menambahkan pendapatan mereka.

Alhamdulillah sejak program ini dilaksanakan seramai 110 orang daripada 300 orang klien berjaya keluar daripada garis kemiskinan melalui pelbagai perusahaan ataupun bidang kerja yang telah mereka usahakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Penjelasan sikit Yang di-Pertua. Saya rasa dalam Bajet Menteri Besar ada disebut dengan jelas berapa jumlah yang nak dibayar untuk Dana Raya dan berapakah had pendapatan untuk Dana Raya. Saya minta supaya pihak Kerajaan semak semula dan bukan RM2,500.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Okey, Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguh saya nak ingatkan sekali lagi dari segi disiplin masa lah kita masuk semula ke Dewan supaya kita tidak menunggu lama untuk memulakan Persidangan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sidang ini dan kita sambung semula pada pukul 11.00 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.42 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita masih lagi dalam agenda Enakmen Perbekalan 2019. Hari kelmarin, lima orang Exco telahpun memulakan penggulungan bagi pihak Kerajaan iaitu Yang Berhormat Haji Khuzaini, Wakil Kota Putera, seterusnya Wakil Kuala Berang, Wakil Wakaf Mempelam, Wakil Cukai dan juga Wakil Alur Limbat. Kita banyak agenda-agenda yang mesti diselesaikan sebenarnya, bagi mengurangkan beban agenda untuk hari esok, daripada sekarang kita ada lebih kurang 120 minit (2 jam) kalau kita tak tamatkan lebih kurang

dalam pukul 1.00 lebih. Dalam tempoh 120 minit ni, kita nak bahagikan penggulungan kepada lima orang Ahli Berhormat Exco dan juga Menteri Besar sendiri. Jadi kalau boleh disesuaikan setiap Ahli Berhormat untuk membuat penggulungan, dan kalau dalam 20 minit, cukup-cukup masa yang berkenaan. Walau macam manapun, terpulang kepada budi bicara Yang Berhormat. Kalau tak sempat juga dalam 120 minit ni, saya akan memberi masa yang lebih selesa kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membuat penggulungan pada sebelah petang nanti. Macam mana pun, saya harap Ahli Yang Berhormat pihak Kerajaan dapat membuat penggulungan *straight to the point* apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbincangan kita berhubung dengan Enakmen Perbekalan ini. Jadi, saya nak mulakan dengan Yang Berhormat Ladang untuk membuat penggulungan. Dipersilakan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Bertthormat Yang di-Pertua, rakan sekalian, pegawai-pegawai, dan Pemerhati yang masih ada. Menghormati gesaan daripada Yang Bertthormat Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa yang pendek sahaja, insyaAllah.

Saya turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Bertthormat Menteri Besar yang telah mengemukakan Bajet Berimbang dan saya fikir semua kita bersetuju dalam soal ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak rakan-rakan di sana yang telah menunjukkan minat untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam soal menuntut kembali hak royalti yang patut didapati oleh Negeri Terengganu. Dan ini telah mendapat liputan yang meluas daripada media.

Ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Bertthormat-Yang Bertthormat. Izinkan saya untuk pergi satu-persatu secara ringkas. Pertamanya, saya ucapkan terima kasih kepada Wakil Kemasik yang menyentuh tentang industri minyak dan gas perlu terus kita bangunkan dan dengan

membangunkan industri gas ini, ingin melihat apakah faedah-faedah yang boleh didapati oleh anak Terengganu terutamanya dalam bidang perusahaan yang berkaitan dengan gas, kontrak-kontrak bagaimana. Untuk rekod kita, setelah kita adakan satu Jawatankuasa Bersama, JWC (Joint Working Committee) dengan PETRONAS, antara PETRONAS dengan Kerajaan Negeri. Kita telah diberitahu sejak 2016, sehingga suku kedua tahun 2018, lebih kurang RM3.25 bilion nilai kontrak telah dianugerahkan kepada syarikat Terengganu, kepada syarikat Terengganu di dalam negeri, dan juga di luar negeri. Cuma bila kita kata syarikat Terengganu, apakah dia maknanya milik anak Terengganu? Bukan semestinya, bukan semestinya begitu. Jadi kita minta PETRONAS supaya menyediakan satu data lagi berkenaan anak Terengganu yang i.c. nya 11. Nombor 11. Berapa orang agaknya anak Terengganu yang terlibat dengan industri minyak dan gas ini. Bukan daftar syarikat Terengganu, orang luar datang daftar dan mengaku itu syarikat Terengganu, syarikat anak Terengganu. Dan alhamdulillah, perkara ini sedang mendapat perhatian serius kepada PETRONAS dan insyaAllah PETRONAS akan membekalkan kita data ini dalam masa terdekat. InsyaAllah. Dan kita juga lihat bahawa anak-anak syarikat negeri, contohnya EPIC Berhad sebenarnya telah menyertai PETRONAS, Vendor Development Programme (VDPX) yang dianjurkan oleh PETRONAS untuk mendorong dan mengembangkan penyertaan syarikat-syarikat tempatan di dalam industri minyak dan gas. Melalui platform Jawatankuasa Bersama Kerajaan Negeri Terengganu dan PETRONAS juga, satu jawatankuasa kecil untuk kontrak dan pembangunan vendor telah dibentuk dan dipengerusikan secara bersama oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri dan Pengurus Besar Pengurusan Perolehan PETRONAS.

Jadi insyaAllah benda tu masih dalam perhatian kita dan mudah-mudahan ia akan medapat kerjasama yang erat daripada PETRONAS. Dan kita juga dimaklumkan bahawa lebih kurang 60% kakitangan di kalangan Juruteknik merupakan anak Terengganu. Manakala secara keseluruhan Juruteknik dan Eksekutif Pengurusan lebih kurang 40% kakitangan PETRONAS negeri ini merupakan anak Terengganu. Jadi nampaknya PETRONAS *take care* kita jugalah.

Juga kalau kita lihat dalam masa *shutdown* atau *turn around* syarikat-syarikat kilang-kilang di Terengganu ini berkaitan dengan gas, minyak dan gas, kebanyakan vendor-vendor minyak di negeri ini menggunakan anak-anak Terengganu sebagai pekerja semasa *shutdown* tempoh sebulan, dua bulan tu, kebanyakannya anak Terengganu. Itu berkaitan dengan *oil and gas*.

Kemudian...

YANG BERHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik):
Assalamu'alaikum Tuan Yang Di-Pertua, minta mencelah.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Ya...ya...ya...

YANG BERHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Keseluruhannya berkenaan dengan kerja-kerja *shutdown* ataupun kerja-kerja kontrak, ia merupakan salah satu daripada faktorlah yang menyebabkan terutama sekali pekerja-pekerja di Paka dan Kerteh, dia *shutdown* ni sebulan gitu jer, jadi sepuluh, sebelas bulan lagi tu tiada kerja. Mungkin setahun ada dua tiga *shutdown*, mungkin empat lima bulan dia bekerja. Selebihnya, dia tidak kerjalah. Dan kebanyakan yang mengadu ataupun yang datang berjumpa adalah mereka dari golongan-golongan tersebut. Golongan-golongan pekerja-pekerja kontrak. Kita maklum dan telah dimaklumkan berkenaan dengan *staff-staff* PETRONAS yang lebih kurang 60% adalah rakyat Negeri Terengganu. Tetapi cabaran ataupun keadaan semasa menyebabkan kontrak terutama sekali kontraktor-kontraktor-kontraktorlah yang ramainya, pekerja-pekerja Terengganu kurang ataupun macam tadilah empat bulan, lima bulan sahaja bekerja, selebihnya mereka tidak bekerja. Wallahu wa'alam. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Okey Yang Berhormat, jelas sekali.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Terima kasih. Itulah nasib bekerja dengan oil and gas. Masa *shutdown* tu memang ramailah, dan gaji pun mahal masa tu dia

terima, sebulan tapi gaji tu dua-tiga bulan agaknya nilai dia. Cuma, selepas pada itu, nak kerja benda, tu nanti kita bincang pula dengan PETRONAS, insyaAllah. Ada tak peluang-peluang boleh diberi kerja-kerja lain.

Saya nak beralih pula kepada perkara yang dibangkitkan oleh Pengkalan Berangan berkenaan dengan beri keutamaan kepada rakyat Terengganu di dalam pelaburan. Bila ada pelaburan satu pelaburan itu sendiri. Yang keduanya, pekerjaan dalam hasil daripada pelaburan itu. Kita sering bertanya kalau pelabur datang, apa kita dapat? Dapat kilang, kilang itu milik siapa? Milik mereka. Pekerjaanya kita minta supaya diambil daripada pekerja tempatan. So, nampaknya begitu sahaja setakat ini. Jadi, kita sedang berfikir supaya syarikat-syarikat besar yang datang ke Terengganu ini, biar ada *local content* di dalamnya. Maksudnya, kita mintak supaya dibuat kerjasama dengan anak-anak syarikat paling kurangnya ataupun syarikat tempatan supaya mereka bersama dapat beroperasi dalam syarikat yang baru ditubuhkan tadi.

Tentang pekerjaan dalam bidang silika ini, kalau rujuk kepada silika, setakat ini yang ramai pakai pekerjaanya ialah di Bari ataupun di Setiu sebelah sana dan memang kita dapati bahawa pekerja-pekerja yang diambil itu kebanyakannya daripada anak Terengganu bahkan hampir 60% nya daripada anak tempatan iaitu sekarang dan akan datang pun kita akan perhatikan supaya dasar-dasar ini akan menghubungkan kita. InsyaAllah.

Berkeenaan dengan yang dibangkit oleh Tepoh berkenaan dengan deposit silika di Terengganu ini, bagaimana? Ada saya sebut dalam ucapan-ucapan sebelum ini bahawa deposit silika terdapat di seluruh negeri kecuali di Hulu jer tak dok, dok tahu pasal apa, nasib orang Hulu kot, bukan di Hulu, di Kuala Berang maknanya takdok. Yang lain itu dikatakan ada merata tapi di mana dan banyak mana. Contoh yang saya sebut hari itu, kalau di Rantau Abang sekarang ini yang adanya, katanya, katanya silika deposit silika yang masih ada itu bertahan cuma untuk 6 bulan sahaja lagi, 6 bulan hingga 1 tahun jer lagi habis di situ. Tapi di Setiu, deposit yang ada boleh bertahan kalau ikut report yang kita terima hampir 180 hingga 200 tahun lagi. Jadi, untuk itu kita

kena tahu sebenarnya berapa sebenarnya deposit yang ada di Terengganu ini dan di mana. Kita juga mempunyai beberapa *option* untuk buat kerja ini terutamanya kita boleh lantik syarikat untuk buat kajian untuk menentukan di mana dan banyak mana ada, tapi itu kos yang kita kena tanggung tinggi. Keduanya modal yang boleh kita pakai adalah untuk membuat blok-blok tertentu, model ini kita belajar daripada PETRONAS bagaimana dia memberikan *procession* minyak di laut jadi kita nak cuba *apply* di darat, mungkin kita akan buat blok-blok A, B, C. Kemudian kita tawarkan kepada sesiapa sahaja, kilang untuk proses dan mereka keluarkan modal sendiri untuk buat siasatan ataupun mungkin juga kita yang buat, menentukan berapa banyak deposit, kemudian datang panjat kepada mereka. Itu model-model yang sedang kita timbangkan dan insyaAllahapa pun kita buat, kita ambil kira bahawa sepatutnya memberi pulangan yang maksimum kepada Kerajaan Negeri. Itu yang sedang kita buat sekarang ini. InsyaAllah. Jadi, tunggu dululah banyak mana ada. Silika ini banyak tapi banyak mana? Tunggu dulu. InsyaAllah kita akan lapor kemudian.

Dan ada juga dibangkit oleh Yang Berhormat Batu Rakit berkenaan dengan kaedah untuk menarik pelabur ke Negeri Terengganu kerana untuk manifesto membuka lebih kurang 20,000 peluang pekerjaan. Ya, promosi untuk menarik pelabur ini memang kita buat dan setelah kita tubuhkan *task force* khas untuk tujuan ini. Saya mendapat laporan terkini bahawa dikatakan lagi bahawa kita tidak begitu agresif dalam membuat promosi dan disebut ada satu kes di mana pelabur datang tidak buat *follow up* kemudian pelabur terus pergi ke Singapore. Pergi Singapore, lepas seminggu, Kerajaan Singapore hantar wakil terus ke kilang kita, tanya nak benda apa lagi, apa yang diperlukan lagi. Jadi, pelabur terus pergi ke Singapore, makna agresif.

Jadi, kita mengambil pelajaran dari situ bahawa kita kena agresif untuk mempromosi barang-barang yang kita nak promosikan terutama silika ini. Jadi, kalau Yang Berhormat tengok, Yang Berhormat Industri tidak ada dalam negeri, maknanya dia buat kerjalah tu. Kalau dia ada dalam negeri makna tidak kerja mana. Jadi, dia akan membawa...

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Bukan pergi makan angin Yang Berhormat? Bukan pergi ke luar negeri makan angin, dok?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Untuk maklumanlah, untuk makluman, nampak gaya kena ajak Speaker pergi sama supaya kita dapat buktikan benda itu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Bertullah(Sambil gelak)...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Misalnya kita pergi ke China baru-baru ini....

YANG BERHORMAT DATO' HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi pihak Kerajaan ada sebut bahawasanya stok silika di Setiu ada 180 hingga 200 tahun. Jadi, kita naklah supaya impak ekonomi itu, ada juga kepada tuan tanah, kalau Silica Valley dibina di tempat lain dan ada kilang-kilang silika yang akan datang, maka saya harap pihak Kerajaan fikirkan kepada Daerah Setiu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): InsyaAllah, kesian pula ke Setiu merayu jer.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Bukan D.O. ke? Bukan D.O. ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bukan D.O., D.O. di Besut kadang, bukan Setiu. Memang kita beri perhatian lebih kepada Setiu sebab di situ *deposit* yang paling besar. *Meleweng*sikit deh. Tapi, kalau silika ini ada kat mana, dia orang kaborlah. Kalau tepi jalan tengok itu bawah-bawah pokok tak berapa hidup tu, kecil-kecil jer pokok, makna bawah tu silika sebab dia tak boleh hidu terutamanya pokok Gelang, kalau ada kecil-kecil jer tu, silika bawah tu, *dok cayer galilah*. Ada silika bawah tu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Tengok pucuk, ke tengok batang, ke pokok?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Itu kena tanya Mad Said, tanya Kijal. Kijal ini nakal juga sebenarnya. Dia nak tunjuk seluar dalam silika dia. Saya kata, pening. Saya minta suruh buat masuk dalam ini tadi.....(Sambil gelak)

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Okey, berkenaan dengan pelabur tadi. Jadi, insyaAllah kita telah mengikuti rombongan bersama MIDA, untuk maklumanlah baru-baru ini saya dan rombongan dihantar Kerajaan Negeri bersama dengan Menteri Perusahaan ke Tokyo, ke Seoul dan patutnya sebelum Dewan ini ada satu *mission* lagi ke *Europe* tapi dia sangat memerlukan kita untuk bersama dan kita juga memerlukan MIDA untuk bersama kita. Jadi, kita insyaAllah akan dalam masa terdekat ini telah membuat perancangan untuk pergi berjumpa dengan *giant players* dengan gergasi-gergasi dalam bidang silika yang berada di Taiwan, berada di Nagoya, Jepun dan juga di Perancis. Jadi, insyaAllah saya akan bawa pakar-pakar kita yang berkaitan dengan ini bersama-sama untuk pergi menjemput mereka untuk datang ke Terengganu.

Jadi, itulah yang sedang kita lakukan dan nanti kalau Kerajaan keluar, Kerajaan juga akan membawa *players* daripada sini. Syarikat-syarikat yang berminat boleh ikut sama, ikut kami untuk mempromosikan Terengganu sebagai destinasi pelaburan. Dan sebagaimana saya maklumkan, dua malam yang lepas syarikat Taiwan telah datang, *thegiant players* telah datang dan agaknya hampir pasti akan melabur di Negeri Terengganu, insyaAllah. Kita doakan supaya berjaya nanti.

Berkenaan peluang pekerjaan silika ini memang besar. Kalau *giant company* ni mari, kalau dia buat contohlah syarikat dipanggil mengeluarkan *float glass*, *float glass* ini maknanya dia *produce glass* dia nak tanah *manjang*, lepas itu

glass diukur-ukur dia potong, potong, potong katanya, katanya saya tak *verify* lagi, katanya kalau satu *productionline* sahaja dibuat dan kos pelaburan ialah RM1billion. Kerajaan untuk satu *production line* itu 1,000 orang. Bayangkan kalau kita boleh dapat dua tiga *company* dapat sepuluh *line* akan kita cepat dapat peluang pekerjaan cuma kilang-kilang ini walaupun datang dia boleh dibina kilang pertama boleh dibina di TSV ataupun Silica Valley kita itu bermula pada tahun 2020, bukan sekarang, mungkin akhir tahun 2020. *Master plan* kita sedang rancak diteliti. Maknanya kami seriuslah tentang soal silika ini.

Kemudian ada juga dibangkit oleh Sura, sebenarnya Y.B. Sura membangkitkan tentang soal status Kawasan Industri di Batu 7, sebenarnya soalan yang sama telah dikemukakan pada persidangan yang lepas, 24 Julai yang lepas secara bertulis telah dijawab tetapi tidak puas hati ke macam mana ataupun kesian kawasan itu tidak ada orang yang mari. Untuk makluman dia ada satu kawasan industri di Sura di Dungun dan mengikut rekod yang kita ada sudah ada 21 lot yang kita beri dan sebahagiannya kita telah keluarkan Borang 5A bermakna nak beri ke dia tapi sorang dok bayar. Tiada orang nak tanah itu, dia minta kita keluar Borang 5A suruh bayar tapi tak bayar sehingga sekarang. Dan ada yang minta izin untuk batal, dah tak mahu. Tak tahulah nasib Dungun tak tahu macam mana tak tahu apa tak kena di Dungun. Zaman buat Kawasan Industri Dungun ni masa saya jadi Pengarah UPEN lagi dulu tahun 90-an dulu, untuk buat plastik tapi sampai sekarang tak jadi. Begitulah nasib orang Dungun.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yang Berhormat Yang di-Pertua mencelah sikit. Jadi sehubungan dengan masalah yang wujud di Kawasan Industri Batu 7 ini saya kira sudah agak lama sebenarnya dia berada di kawasan Paka Batu 7 ini cuma isu ini saya selalu bawalah. Jadi saya rasa dengan Dasar Kerajaan yang baru khususnya dalam Industri Silika mungkin kita boleh buat industri yang bersifat hiliranlah bagi menghidupkan Kawasan Industri Batu 7 ini agak supaya tidak tinggal nama sahaja. Saya rasa sudah makan masa melebihi 15 tahun dah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Betullah tu, 15 tahun lebih agaknya. *Orang dok gi, nok wat gane, orang nok nega, ye takmboh gi kita payah jugak*, dia orang ada pilihan untuk gi ke mana-mana. Cuma untuk silika ini kita dah kata kalau nak mari buat di Jambu Bongkok, Jambu Bongkok tu Dungun juga dok, Ke Marang? Dekat-dekat Dungunlah tu. Dungun jugaklah. Kita ganti di Jambu Bongkok. InsyaAllah, dengan 10,000 ekar yang kita kesan, yang kita *dedicated* untuk silika itu insya Allah banyaklah nanti kilang-kilang yang datang. Hatta ada sebuah syarikat itu, dia kata takpelah, infrastruktur takdok lagi, gas takdok api takdok takpe dia nok masuk juga, dia nak 50 ekar silika. Dia mari kabor gitu betul ke dok tak tahulah kita dok check lagi tapi dia nok segera dia kata. *So*, benda-benda banyak yang berlaku sekarang ini, insyaAllah dalam penelitian kita.

Tentang, ada satu lagi perkara yang tidak disentuh oleh mana-mana Yang Berhormat dalam Dewan ini tentang portfolio saya ialah tentang, untuk maklumat saya ini ditulis panjang selain daripada Industri, Perdagangan, Regional Development ada satu lagi Kesejahteraan Pentadbiran. *Takdok orang nok tanya, nampak sejahtera belaka gamaknya*. Tapi saya nak maklumkan sedikitlah bahawa bila Portfolio Sejahteraan ini dia agak makan masa yang panjang untuk melayan kakitangan. Banyak masa terhabis, bukan terhabislah maksud kita kena sebab ramai yang datang mengadu bahawa ada dia kata contoh, saya dah bekerja 24 tahun tapi saya tidak ditawarkan, bukan tidak ditawarkan saya telah minta tiga kali tapi saya tidak dapat jawatan tetap. Orang lain boleh tapi saya tak boleh. Ada 32 orang yang bekerja 24 tahun, 17 tahun, 14 tahun, 10 tahun tidak pernah dapat dan sesetengah itu datang bukan sekadar merayu tetapi menangis, bukan datang ke pejabat saja bahkan gi ke rumah mengadu. Jadi saya tanya pasal apa dok boleh dia kata orang pilih, bukan saya pilih. Orang pilih dan bila saya tanya dia kata, ni jawapan dia, sebab *colour*, masa tu sebab *colour* sebab warna. Saya kata *oh bakpe nyaknye* gitu. Oleh kerana sejahtera, nak suruh sejahtera ini dah ambil tindakan dan alhamdulillah insyaAllah dalam masa yang terdekat ini tahun ini juga insyaAllah akan selesai. 32 orang ini mudah-mudahan ini akan dapat dikekalkan dalam jawatan mereka. Itu sebahagian kecil daripada tentang

kesejahteraan banyak lagi yang saya nak cerita dan saya tidak ada masa panjang, itu boleh tanya masa lainlah tentang kesejahteraan ini mana-mana pegawai yang rasa tidak sejahtera mari jumpa insyaAllah kita bincang. Yang Berhormat pun rasa tak bahagia jumpa Speaker jangan jumpa saya.

Jadi saya fikir itu sahaja saya nak sebut hari ini. Terima kasih banyak di atas peluang yang diberi terima kasih di atas kesudian untuk mendengar jawapan-jawapan daripada saya. Wallahuwa'alam. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Wa'alaikumusalam warahmatullah. Terima kasih. Mana-mana yang nak jumpa saya tu bab-bab tertentu jerlah. Bukan semua bab. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Jabi untuk membuat penggulungan bagi pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, Pemerhati yang dihormati sekalian.

Yang pertama, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas keprihatinan dan perhatian yang diberikan kepada sektor pertanian Negeri Terengganu. Peruntukan kepada sektor pertanian Negeri Terengganu dalam Bajet 2019 akan diuruskan berdasarkan kepada Pelan Strategik Hala Tuju Pertanian Negeri Tahun 2019 – 2023 dengan peruntukan Bajet bagi tahun yang pertama sebanyak sekitar RM15juta. Untuk makluman Dewan, Pelan Strategik ini suatu pelan bertindak yang dirangka dalam satu bengkel yang mengumpulkan anggota Kerajaan Negeri sebagai pembuat dasar, kita gabungkan dengan pegawai-pegawai lebih 30 agensi dan jabatan yang berada di bawah Portfolio Pertanian Dan Industri Asas Tani. Kita juga undang ahli akademi daripada IPT-IPT, dalam masa yang sama kita gabungkan pengalaman dan kemahiran daripada penggiat dalam bidang pertanian dan industri asas tani yang mewakili individu dan juga yang mewakili syarikat dan kita undang juga veteran-veteran dalam bidang pertanian yang kaya dengan

pengalaman dan asam garam di lapangan dan hasilnya lahirlah satu pelan yang boleh saya istilahkan pelan daripada kita untuk kita. Bukan kita bayar satu konsultan untuk buat pelan kemudian bagi kepada kita tapi kita sendiri buat pelan untuk kita laksanakan. Fokus bagi tahun yang pertama 2019, yang pertama kita fokuskan untuk pemulihan dan memanfaatkan semula segala infrastruktur, kemudahan-kemudahan sektor pertanian yang ada di seluruh negeri yang dibina dengan membelanjakan ratusan juta wang rakyat.

Yang kedua, kita nak senaraikan kemaskini dan buat pemutihan kepada rezab-rezab pertanian yang diwartakan dan direzabkan di bawah Seksyen 62 untuk kita manfaatkan penggunaan tanah-tanah rezab secara yang paling optimum.

Yang ketiga, kita nak cari peluang baru dengan memanfaatkan tanah-tanah kosong yang masih ada dan tentu sekali fokus kita ialah untuk memperkaya sumber ekonomi dari segi perikanan, perternakan dan juga pertanian.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini masa untuk kita nak rakyat nak menikmati buah. Masa untuk nak mempamerkan keindahan bunga-bunga kepada rakyat telah berlalu. Rakyat tak nak dengar lagi bunga dan dalam sektor pertanian kita nak raikan semua sasaran jangan ada pemain yang tercicir daripada industri ini syarikat besar kita raikan tapidalam masa yang sama petani kecil yang berjiwa besar juga kita tidak lupakan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kejayaan program Road to MAHA yang diadakan buat pertama kalinya pada 25 hingga 27 Oktober baru ini. Dengan kehadiran yang melebihi *target* lebih daripada 50,000 orang dan nilai jualan juga melebihi *target* sebanyak RM725,000 dalam masa hanya tiga hari memberikan satu isyarat bahawa sektor pertanian Negeri Terengganu masih mempunyai tempat yang kukuh di hati rakyat, ini memberikan satu lonjakan semangat dan perangsang kepada kita bersama. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Manir telah menyentuh dengan isu harga komoditi getah dan sawit. Kita tetap dengan pendirian bahawa harga lantai getah *scrub* adalah perlu pada kadar yang munasabah RM2.20 sekarang adalah terlalu rendah. Penoreh, pekebun kecil hanya mampu beli beras timbang kilo

sekampit beras 5 kilo tu kena buka penoreh beli sekilo-sekilo dengan harga lantai RM2.20 sekarang dan tuntutan masyarakat penoreh untuk mendapatkan harga lantai getah sekitar RM4.00 adalah bertepatan dengan keperluan minima kos kehidupan sekarang. Dan Kerajaan Negeri bersama dengan hasrat pekebun kecil dan juga penoreh dan kita akan terus bincang dan suarakan isu ini kepada Kerajaan Pusat sehinggalah penoreh, pekebun kecil kita mendapat hak yang sepatutnya mereka dapat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Manir dan Batu Rakit juga membangkitkan isu bekalan sayur di Negeri Terengganu untuk makluman Dewan, Jabatan Pertanian Negeri Terengganu sehingga kini telah membangunkan kawasan seluas 303 hektar di bawah satu program yang dinamakan Projek Peningkatan Hasil Sayur-Sayuran melibatkan seramai 400 orang peserta daripada kalangan petani. Dan Kerajaan menyediakan sedikit peruntukan dari segi untuk nak membangunkan kawasan, nak buat kerja-kerja pembersihan menyediakan infrastruktur lading, perolehan bahan input dan jentera dengan kadar maksimum 6,000 bagi setiap hektar, dia tidak banyak tidak besar bagi kita tapi besar bagi rakyat.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Berhormat Manir juga menyentuh soal kawal selia, pentingnya soal kawal selia bagi kejayaan sesuatu projek pertanian. Memang benar, bukan setakat kawal selia malah perancangan yang baik pelaksanaan yang tepat disusuli dengan kawal selia sehingga menuai hasil dan pemasaran inilah sebenarnya fokus kita dari segi rangkaian pertanian yang dia tidak berhenti sekerat jalan. Yang ini adalah di antara kunci penting kejayaan pelaksanaan sesuatu projek. Suka juga saya maklumkan kepada Dewan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sedikit kejayaan yang telah kita buat dalam tempoh 6 bulan pertama. Yang pertama kita telah berjaya menubuhkan Hub Pemprosesan Dan Pengembangan Cendawan yang pertama di Malaysia bertempat di Kampung Tempinis Besut yang kita rasmikan pada minggu lepas. Yang kedua kita juga telah mengasaskan Makmal Kualiti Madu yang pertama di Pantai Timur hasil daripada kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan Universiti Malaysia Terengganu. Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM420,000 untuk melengkapkan makmal ini yang insyaAllah

boleh menjadi satu faktor untuk kita mengangkat lagi Hub Industri Madu Kelulut Dan Madu Lebah kita. Yang ketiga, kita dalam proses akhir untuk menyiapkan Pusat Pemrosesan Susu Kambing berteknologi moden terletak di Kompleks Pengembangan Veterinar di Jenang, Marang dengan kapasiti pemrosesan sekitar 1,000 liter sehari.

Yang Berhormat Tuan di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Kuala Besut, berat satu tukun dasar lembut telah dilabuhkan perairan Kuala Besut pada bulan Julai lalu kira-kira 8.5 tan dengan kos satu bongkah tukun sekitar RM13,000.00 dan diletakkan pada jarak sekitar 4.5 hingga 5 batu nautika daripada pantai. Dengan tukun yang seberat ini dan saiz yang sebesar ini tukun konkrit ini boleh memainkan dua peranan serentak yang pertama sebagai rumah untuk mengumpulkan ikan dan yang kedua sebagai menghalang pencerobohan pukat tunda di kawasan Zon A, zon tangkapan pantai kalau di Jepun tukun konkrit digunakan sebagai sekatan yang menghalang kemasukkan kapal selam, di Kuala Besut tiada kapal selam. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Mencelah sikit Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT YANG DI PERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Berapakah bilangan, berapa biji hok kita letak tukun yang berat 8.5 tan baru ni Exco?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): 25.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): 25, okey.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Air Putih dan Pengkalan Berangan

menyarankan supaya Kerajaan memanfaatkan sekitar 12,000 hektar tanah terbiar bagi golongan belia menceburi bidang pertanian. Sebelum itu, saya perlu memberikan pencerahan tentang makna tanah terbiar yang dimaksudkan. Tanah yang terbiar yang dimaksudkan ialah tanah milik perseorangan atau milik syarikat yang ada geran dan tidak dimajukan atau diusahakan dalam tempoh tiga tahun. Ini yang dimaksudkan dengan tanah terbiar adapun tanah kerajaan yang masih kosong dikategorikan sebagai tanah terbiar.

Jabatan Pertanian Negeri Terengganu telah mengambil beberapa inisiatif untuk memajukan tanah terbiar yang dah ada tuan dengan buat *survey* di lapangan dan kita jumpa tiga keadaan. Yang pertama bila cari tanah terbiar tuan dia tak dapat dihubungi yang pertama. Yang kedua, tuan dia jumpa, ditemui tapi tuan tak bersedia untuk nak memajukan tanah. Dan yang ketiga, tuan tanah ditemui dan tuan tanah bersedia untuk memajukan tanah yang inilah insyaAllah yang akan kita bantu untuk majukan tanah mereka.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, adapun tanah Kerajaan yang kosong boleh dimanfaatkan untuk tujuan pertanian dengan empat cara. Yang pertama tanah Kerajaan dijadikan RTB Pertanian. Yang kedua, kita boleh rizabkan wartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara, kalau untuk pertanian kita namakan sebagai TKPM (Tanah Kekal Pengeluaran Makanan), untuk penternakan kita namakan padang ragut dan untuk perikanan kita namakan ZIA (Zon Industri Akuakultur) yang dijaga sebagai pegawai pengawalnya oleh pengarah negeri masing-masing, Pengarah Pertanian, Pengarah Veterinar dan juga Pengarah Perikanan. Dari segi program pertanian untuk generasi muda yang kita namakan Usahawan Agroprenus Muda, pihak Exco Pertanian bersama dengan Pengarah-pengarah Jabatan berkaitan pertanian, veterinar, perikanan, LKIM, Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia, kita telah sedang dan akan mengadakan Pogram Jelajah Belia Tani ke DUN-DUN dan ke kampung-kampung. Setakat ni yang telah kita turun dalam Program Taklimat untuk Belia Tani kita ada turun ke Bukit Payong, Batu Buruk, Batu Rakit, Rhu Rendang, Pengkalan Berangan, Kuala Berang, Kemasik, Sura, Rantau Abang dan juga di Jabi tempat saya sendiri. Maklumat daripada Jabatan Pertanian

memaklumkan ekoran daripada program jelajah turun padang pihak Kerajaan Negeri bersama dengan Pengarah-Pengarah Jabatan di bawah pertanian memang terdapat peningkatan sangat ketara dari segi permohonan ekoran dari segi permohonan golongan belia untuk menyertai Program Usahawan Agroprenus Muda, setakat 18 haribulan Oktober seramai 327 orang pemohon yang melibatkan peruntukan RM2.159 juta, RM1.634 juta telah dapat surat lantikan dan mereka ni telah diberikan peruntukan dalam bentuk IKC (*In Kind Contribution*) dengan izin Tuan Yang di-Pertua. RM0.5252 juta belum dapat surat lantikan yang insyaAllah akan diberikan surat lantikan segera. Dalam masa yang sama mulai tahun depan insyaAllah kita akan memanfaatkan apa yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Ucapan Bajet satu Skim Bantuan Dana Tani sebagai sokongan dana dalam bentuk pinjaman tanpa faedah kepada petani-petani, penternak, dan juga yang menceburi sektor perikanan dan industri asas tani.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kegagalan projek-projek pertanian di antara yang turut disentuh oleh Yang Berhormat Air Putih. Saya sentiasa optimis dan berfikiran positif dan cuba mengelak daripada menggunakan istilah projek gagal, saya lebih suka menggunakan istilah projek yang tidak mencapai objektif dari segi pelaksanaannya, bermakna objektif projek ini telah cukup baik, telah cukup teliti tetapi pelaksanaan dia tidak mencapai objektif. Gagal dengan makna kita tutup buku, projek-projek ini kita tidak ada hasrat untuk tutup buku malah kita bekerja keras dalam usaha untuk nak memulihkan. Dengan izin Dewan, saya senaraikan sedikit dari segi projek-projek yang tidak mencapai objektif dari segi pelaksanaan:-

TKPM, Taman Kekal Pengeluaran Makanan, tanah yang dirizabkan dan diwartakan sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan, jumlah keseluruhan 1,203 hektar. Daripada 1,203 hektar, 1,022 hektar kawasan yang boleh bertanam, manakala baki 180 hektar lagi kawasan paya atau diistilahkan sebagai tanah berendam. Dan daripada 1,022 hektar yang bertanam hanyalah 456 hektar, yang tidak bertanam 566 hektar, maknanya yang kosong dan terbiar lebih banyak daripada yang dimanfaatkan.

Rizab padang ragut di seluruh Negeri Terengganu ada 93 Rizab Padang Ragut yang diwartakan bawah Seksyen 62 sebagai Rizab Padang Ragut. Luas kesemua 93 Rizab Padang Ragut ini 4,837 hektar, luas yang dimajukan hanyalah 2,004 hektar sahaja dan ada yang disewa atau dipajakkan kepada pihak ketiga dengan keluasan 783 hektar, baki yang masih kosong ialah 2,832 hektar, sangat luas, macam tak munasabah bila banyak lembu kita berkeliaran di jalan-jalan raya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua adalah disenarai panjang projek-projek yang tidak mencapai objektif dari segi pelaksanaan yang dalam tindakan kita untuk pemulihan. Antaranya Projek Kelapa Matag, di Kubang Puyuh di Langkap, Projek Rimbunan Kasih di Rantau Abang, Projek Ternakan Ikan Sungai Comor di Tasik Kenyir dan juga skim pengairan padi di Kampung Jelapang, di Langkap.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jertih menyentuh mengenai FMD, *Foot Mouth Disease*, penyakit kuku dan mulut. haiwan dia tak ada penyakit tangan, kaki dan mulut, haiwan ada *Foot Mouth Disease*. Dalam tahun 2017, kes yang dilaporkan di Negeri Terengganu ada 7 kes. 2018 alhamdulillah menurun setakat ini cuma ada 3 kes yang dilaporkan dan ubat pelali bagi *Foot Mouth Disease* ni sebenarnya diberikan percuma oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Putrajaya dan daripada Januari 2017 sehinggalah Oktober 2018 sebanyak 27,573 ekor ternakan yang berisiko telah diberikan pelalian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu mewajibkan suntikan vaksin FMD sebanyak dua dos kepada setiap ternakan yang ingin dibawa masuk ke Negeri Terengganu. Ini menjadi SOP bagi Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Setakat ini vaksin yang dibekalkan oleh Jabatan Veterinar memang terbukti berkesan untuk menghalang kemasukan virus dan wabak ini daripada Thailand tapi sekiranya ada berlaku insiden wabak ini di kampung-kampung, ia biasanya berpunca daripada kemasukan ternakan luar yang tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh jabatan. Antaranya kemasukan yang tidak mendapat permit pemindahan dan Jabatan Veterinar memang membuat pemantauan dan kawalan pergerakan di antara daerah

dan negeri bagi mengesan tanda-tanda klinikal wabak ini sebelum dibenarkan keluar daripada musim.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Pengkalan Berangan menyentuh mengenai isu perumahan nelayan di Merchang. Untuk makluman Dewan, projek penempatan semula nelayan bagi tahun 2018 kita fokus dulu untuk bina dan siapkan apa yang telah ada dalam perancangan iaitu Penempatan Semula Nelayan di Benting Lintang di Besut, Penempatan Semula Nelayan di Seberang Penarik di Permaisuri dan yang ketiga di Pulau Sekepeng di Kemaman, kita fokus tiga ini dulu. Satu projek kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan LKIM, Kerajaan Negeri menyediakan tapak dan LKIM akan bina rumah sebanyak 200 unit rumah yang melibatkan kos keseluruhan tapak dan rumah kira-kira RM23 juta. Daerah-daerah lain, Marang, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Dungun insyaAllah destinasi yang selanjutnya selepas daripada kita siapkan yang tiga ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permaisuri jiran saya Jabi, menyentuh berkaitan penternakan ikan di Laguna Setiu, satu-satunya laguna dengan keadaan semulajadi yang paling unik dalam Malaysia. Sebenarnya penternakan ikan air payau di Laguna Setiu dah bermula sejak daripada tahun 80-an lagi dan sekarang terdapat seramai 50 orang pengusaha dengan jumlah petak 1,252 petak sangkar dan spesies utama yang ditenak ialah siakap dan juga kerapu hibrid . Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua bagi menjamin kelestarian Laguna Setiu dan juga aktiviti ekonomi dalam bentuk projek penternakan ikan ini, Kerajaan mencadangkan supaya semua pengusaha-pengusaha sangkar ikan tadi dilesenkan dengan Lesen SKL dengan izin, Sistem Kultur Laut dan dipersijilkan di bawah Program Biosecurity Perikanan Malaysia dengan Sijil Malaysia Good Aquaculture Practice atau MyGAP dengan izin. Kalau sekiranya produk kita ini dihantar ke luar negara dengan sijil yang kita ada ini, produk kita layak untuk dieksport ke luar negara dan hal ini bagi kita memastikan apa sahaja aktiviti *aquaculture* dapat dijalankan secara sistematik tanpa memberi kesan kepada pengairan semulajadi selaras dengan Rancangan Khas Kawasan Tanah Bencah Setiu atau *Setiu Wetland* dengan izin.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, satu Program Komuniti Tanah Bencah Setiu bersama dengan Exco Pertanian telah diadakan pada 12 Ogos 2018 untuk membincangkan isu-isu berkaitan perancangan masa depan Setiu Wetland yang melibatkan wakil-wakil daripada Kampung Fikri, Kampung Gong Batu, Kampung Mangkuk, Kampung Saujana, Kampung Penarik, Kampung Pengkalan Gelap, Kampung Beris Tok Ku, yang turut sama dihadiri Pejabat Daerah Setiu, wakil JKR, Majlis Daerah Setiu, PETRONAS dan juga PLAN Malaysia Negeri Terengganu dan Laguna Setiu ni sebenarnya termasuk di antara kawasan yang telah *digazettekan* sebagai Taman Negeri.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang insentif kepada nelayan, petani dan penoreh yang turut disentuh oleh Yang Berhormat Permaisuri, saya dah minta pegawai untuk tolong rujuk dengan LKIM dan Lembaga Getah Malaysia setakat ini memang belum ada sebarang hitam putih bahawa bantuan nelayan dan penoreh akan dihentikan. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri akan terus bincang dengan Kerajaan Pusat untuk meneruskan apa jua insentif yang diberikan kepada nelayan dan petani sebelum ini. Alhamdulillah, setakat ini hubungan Negeri dan Pusat dalam semua sektor termasuklah sektor pertanian sangat baik. Kita percaya bukan semua perkara kita perlu selesaikan dengan konfrontasi dan ada banyak perkara yang boleh kita selesaikan dengan senyuman. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kecaknaan kita terhadap nasib petani, penoreh dan nelayan telah lama berlaku sejak daripada kita belum jadi Kerajaan lagi walaupun bukan atas nama Insentif Musim Tengkujuh. Mereka semua ni rakyat kita dan tentunya sekarang atas kapasiti sebagai Kerajaan, pelbagai bantuan kebajikan dapat kita tingkatkan lagi kepada rakyat di saat menghadapi hari-hari sukar seperti di musim tengkujuh melalui ADUN kita, melalui Pegawai Penyelaras DUN, melalui Penghulu-Penghulu kita kepada rakyat yang memerlukan, kepada Allah kita berserah segala urusan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamu'alaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Jabi atas penggulungan tadi. Seterusnya saya menjemput Wakil Bukit Payong, membuat penggulungan.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Alhamdulillah hil qaa-il. Tabaa rakallazi bi-yadihil-mulk, wahuwa `ala qullisyai-inn qadir. Allazi qhalaqa mautawal hayata liyabluwaqum, ayyuqum ahsanu `amala. Wahuwal `azizul ghafur. Wassolatu wassalamu'ala rasulillah. Wa'ala alihi wa ashabihi wamanwa lah. Ammaba'. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, hadirin dan hadirat sekalian. Firman Tuhan yang bermaksud Maha Berkat serta Maha Menguasai segala kelebihan. Tuhan yang padanyalah segala kerajaan dunia dan akhirat, dialah Tuhan yang menguasai segala sesuatu, Tuhan yang mecipta kehidupan dan kematian, untuk menguji siapakah dikalangan kamu yang paling teliti, paling cekap dan paling baik amalannya. Dan Dialah Tuhan yang maha mulia, lagi maha pengampun.

Suka saya mengambil kesempatan daripada sesi penggulungan kali ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang telah memperuntukkan Bajet khususnya di bawah portfolio saya dan meletakkan panduan yang jelas dalam merealisasikan dan menjayakan Bajet 2019, Negeri Berkat Rakyat Sejahtera.

Saya melihat teras yang digariskan sama ada teras yang pertama keberkatan sehingga teras yang keempat, kecekapan merupakan teras dan tunjang yang kukuh yang akan kita capai melalui strategi-strategi yang telah disusun. Sudah tentu lima strategi daripada lapan strategi yang disusun, sangat berkait rapat dengan pembangunan insan dan usaha-usaha bagi menjadikan negeri ini penuh keberkatan. Ia juga selaras dengan ayat yang saya baca pada pendahuluan, bagaimana Tuhan yang maha berkat akan mengurniakan keberkatan dengan kita mengingati dan memiliki kesedaran yang tinggi tentang Islam dan tujuan kita hidup diatas muka bumi ini. Moga-moga hasrat yang besar yang digariskan untuk melahirkan pemimpin, pegawai dan rakyat

yang memenuhi nilai dan budaya yang sangat unggul dan mulia iaitu *ubudiyah*, pengabdian diri kepada Allah, *mass uliyah*, sifat kebertanggungjawaban, *itqal* teliti dan cekap, *islah* pembaikan dan pengurniaan didalam seluruh sistem dan pengamalan, agar semua cita-cita ini akan kita capai dan kita perolehi dengan kerjasama dan ganding, sama kita daripada seluruh lapisan. Dalam menjayakan seluruh cita-cita yang murni ini, sudah tentu Kerajaan Negeri memiliki tanggungjawabnya, pemimpin dan pegawai Kerajaan memerlukan dan ada tanggungjawabnya semua agensi dan jabatan kerajaan dan ada tanggungjawabnya dan rakyat juga memiliki tanggungjawab dalam membangunkan insan sama ada belia, wanita, institusi keluarga dan masyarakat. Dan saya melihat bahawa asas kepada pembangunan insan ialah kesedaran Islam, dan ilmu kerana para ulama pernah menyebut salah seorang ulama yang terkenal Shahnun Aftahuri menyatakan: Maa aasiya Allah hubi maksiyatin. Tidak ada suatu maksiat yang sangat buruk melainkan 'al-jahnu' iaitu kejahilan. Di tanya kepada Sheikh apakah kejahilan? Hal ta'rifu asyaddaminhu? Adakah engkau tahu satu maksiat yang lebih dasyat daripada itu. Katanya: *Al-jahlubil jahni*. Jahil tentang kejahilan, dia tidak sedar bahawa dia jahil. Oleh kerana itulah kita mengharapkan semua pihak menyambut baik usaha-usaha untuk menyebarkan ilmu, memperluaskan ilmu, mengembangkan ilmu, agar akhirnya masyarakat kita selamat daripada satu maksiat dan selamat daripada kejahilan dan kita berjaya mengurangkan kejahilan ini di dalam masyarakat. InsyaAllah Kerajaan Negeri akan berusaha untuk memperbanyakkan medan ilmu dan akan meningkatkan peranan masjid, surau dan pendakwah-pendakwah yang ada.

Suka saya ambil peluang dalam ucapan saya untuk memberi respon khusus kepada beberapa Yang Berhormat di samping ulasan saya pada mukadimah tadi sudah cukup untuk menunjukkan respon saya secara umum terhadap keperihatinan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menyebut persoalan kepentingan pembangunan insan dan usaha meningkatkan modal insan ini. Seperti Yang Berhormat Tepoh, Rantau Abang, Bandar, Ajil, Telemong, Bukit Besi, Seberang Takir, Batu Rakit, yang menunjukkan keperihatinannya dan saya ucap terima kasih dengan keperihatinan Yang Berhormat-Yang

Berhormat. Hanya saya akan menyebut secara khusus tentang beberapa persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat.

Yang pertama Yang Berhormat Tepoh, yang telah menyebut tentang kepentingan menubuhkan Pusat Pemulihan Penagih Dadah. Dan itulah janji kita, dan insyaAllah kita akan berusaha untuk menunaikan janji tersebut. Hanya diperingkat awal ini kita sedang meneliti dan kita sedang membantu satu pusat Pengajian Tinggi ataupun UniSZA yang sedang mengadakan pusat latihan ini ataupun pusat pemulihan ini yang di namakan Pusat Saadah dan insyaAllah Pusat Saadah ini akan dikembangkan di daerah-daerah lain. Yang menjadi jalan pendahuluan ke arah kita mewujudkan Pusat Pemulihan Penagih Dadah dalam bentuk satu perkampungan ke arah melahirkan masyarakat yang murni ini, insyaAllah. Di peringkat awal ini kita sedang menyiapkan modul yang lengkap. Kita sedang kenalpasti lokasi yang tepat untuk membina pusat pemulihan ini dan insyaAllah kita juga akan mengadakan latihan-latihan kepada fasilitator-fasilitator yang akan bertanggungjawab dalam menjayakan pusat pemulihan ini. InsyaAllah. Dengan doa semua pihak dan dengan bantuan daripada seluruh agensi Kerajaan yang ada kaitan dan ada usaha untuk memperbaiki dan menyelamatkan penyakit ummah ini seperti AADK, UniSZA, PEMADAM, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan agensi-agensi lain yang terlibat untuk menyelesaikan penyakit ini, saya ucap terima kasih. InsyaAllah, janji ini akan kita tunaikan dan kita akan laksanakan.

Saya juga ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Tepoh yang cuba untuk menjawab dan memurnikan ada usaha-usaha untuk memburukkan Kerajaan dan rakyat Negeri Terengganu dengan menggambarkan seolah-olah Negeri Terengganu ini sangat ramai penagih dadahnya. Sedangkan statistik *client* berdaftar mengikut negeri, Negeri Terengganu adalah yang ke-11. Yang pertama Johor, yang kedua Kedah, yang ketiga Kelantan, yang keempat Melaka, tersorot kedudukan Negeri Terengganu pada sudut *client* berdaftar mengikut Negeri Terengganu yang ke-11. Demikianlah, kita melihat sebenarnya persoalan ini tidak boleh dipolitikkan dan persoalan ini sewajarnya bukan menjadi ruang untuk memburukkan mana-mana negeri tetapi ia

sebenarnya menjadi tanggungjawab bukan sahaja Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Pusat, bukan sahaja Kerajaan, media-media dan semua pihak bagi menyelesaikan penyakit ini. Jumlah penagih yang dikesan mengikut negeri, yang pertama Pulau Pinang, yang kedua Selangor, yang ketiga Kedah dan seterusnya. Ada senarai nama yang sepatutnya kita tidak mahu memburukkan mana-mana negeri tetapi penyakit ini menjadi tanggungjawab kita semua untuk menyelesaikan.

Yang kedua, persoalan yang berkait dengan pembinaan baru masjid. Yang pertama yang ditimbulkan dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Kuala Besut mengenai Masjid Gong Surau, Pengkalan Nangka, Kuala Besut. InsyaAllah, dalam Mesyuarat Penyelarasan Pembinaan Projek-projek Masjid Baharu diperingkat Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, 1 Oktober 2018 telah bersetuju agar masjid ini diberi keutamaan untuk dibina pada tahun 2019, InsyaAllah.....[Tepukan Sokongan]....Adapun pembinaan baharu Masjid Alur Lintah, Jertih, Besut, ada isu yang berbangkit dan saya rasa itu, ini diketahui oleh ADUN Jertih. ADUN Jertih takdok, tak payah jawablah dok. ADUN Jertih takdok ni.

Kita terus kepada Masjid Kampung Mengabang Lekor, DUN Batu Rakit. Masjid ini InsyaAllah, Mesyuarat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) yang telah bermesyuarat 6 Disember 2016 telah lalu, meluluskan permohonan membina masjid baharu Kampung Mengabang Lekor, Kuala Nerus. Kos yang terlibat jangkannya RM5 juta telah diangkat kepada UPEN dan InsyaAllah kita tunggu tindakan selanjutnya, insyaAllah.

Adapun persoalan yang ditimbulkan yang terakhir oleh Yang Berhormat Batu Burok yang saya melihat itulah kehendak kita dan itulah hasrat kita akhirnya kita cadangkan dalam bajet kali ini dan disambut dan diluluskan, InsyaAllah, Akademi DU'AT Terengganu. Akademi ini tujuannya untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan Imam, Bilal dan semua pendakwah. Ia juga untuk melahirkan ulama yang fiqh kontemporari, yang InsyaAllah sekaligus ia akan membantu menyuburkan peranan Taman Tamadun Islam, insyaAllah.

Saya mengharapakan cita-cita ini akan tercapai dengan doa daripada seluruh yang hadir pada hari ini. Saya rasa cukuplah sekadar itu bagi mengulas persoalan-persoalan yang timbul, moga insyaAllah segala usaha ini akan dibantu oleh Allah dan

mendapat kerjasama daripada semua pihak. Saya menyokong Bajet kali ini. Wassalamu'alaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Walaikumussalam warahmatullah. Terima kasih Yang Berhormat Wakil Bukit Payong. Seterusnya saya menjemput Wakil Bukit Tunggal bagi membuat penggulungan bagi pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah rabbil 'alamin. Wabihii nastain. Wassalatu wassalamu'ala asyrofil anbiya iwalmursalin. Wa'ala alihi wasohbihi ajmain. Rabisy rahli sadri wayasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yafqohu qauli.

Yang dihormati Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan, Yang Dihormati dikasihi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada *back benchers* dan rakan-rakan daripada kira-kira, penegur yang positif. Dok ketinggalan ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan dan seluruh para Pemerhati yang dikasihi sekalian.

Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua beri kesempatan kepada saya untuk sama-sama membahas dan juga membuat penggulungan pihak Kerajaan tentang Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas Ucapan Bajet yang begitu komprehensif yang mencakupi boleh kata semua sektor lapisan masyarakat akan mendapat manfaat daripadanya.

Terima kasih juga kerana di bawah portfolio saya, Portfolio Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar telah diberikan peruntukan sejumlah RM290 juta yang pecahannya bawah Pihak Berkuasa Tempatan RM230 juta, Perumahan RM50 juta dan Kesihatan sejumlah RM17 juta. Terima kasih semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ramai sebenarnya berminat ataupun yang ambil cakna tentang portfolio yang saya pegang ini. Antaranya ialah daripada Kuala Besut, Air Putih, daripada Bandar, Jertih, Sura, Batu Rakit, Permaisuri, Seberang Takir dan Batu Burok. Sembilan Ahli Yang Berhormat telah membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan portfolio saya ini. Untuk respons kepada ucapan-ucapan tersebut, saya lebih suka pergi mengikut isu, tidak mengikut Ahli-ahli Yang Berhormat kerana ada isu-isu yang ditimbulkan oleh lebih dari seorang Ahli Yang Berhormat.

Yang pertama yang berkaitan dengan Pengecualian Cukai Pintu. Tahniah, terima kasih kepada Kerajaan Negeri Terengganu bawah pimpinan PAS yang telah mengotakan janjinya dalam Manifesto PRU-14 untuk memberi Pengecualian Cukai Pintu Rumah Kediaman kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu. Menjadi sedikit kebimbangan daripada Wakil Seberang Takir, bimbang kalau-kalau tidak dikutip Cukai Pintu Rumah Kediaman ini akan menjejaskan perkhidmatan pengangkutan sampah, bersih kawasan dan keceriaan bandar-bandar kita. Kerajaan kita sangat prihatin atas perkara ini. Kita tidak membiarkan Pihak Berkuasa Tempatan ini terkapai-kepai kekurangan hasil yang kita kira setiap tahun akan kehilangan RM14,636,606.19 sekiranya Cukai Pintu ini tidak dikutip. Begitulah kita tengok begitu besar peruntukan yang peruntukan dibawah PBT ini sejumlah RM230 juta. Diantaranya adalah juga untuk menampung ke atas defisit ataupun kehilangan hasil yang dialami oleh Pihak Berkuasa Tempatan tersebut bagi memastikan perkhidmatan yang sedia ada seperti hari ini dapat diteruskan dengan sebaik-baiknya. Kita ucapkan tahniahlah kepada beberapa PBT Negeri Terengganu yang telah mendapat suatu penarafan yang saya kira sangat dibanggakan dan boleh dibanggakan yang dibuat penarafan dibawah MURNInets (Malaysian Urban-Rural National Indicators Network on Sustainable Development) bagi tahun 2017. Antaranya Majlis Bandaraya Kuala Terengganu telah mencapai indeks kemampunan ataupun kelestarian 93%. Takdok orang nok tepuk ke 93% ini cemerlanglah, Datuk Bandar pun ada. Seterusnya Majlis Perbandaran Dungun, 92% (Tepukan sokongan)..... Majlis Bandaraya Kemaman 81%, Majlis Daerah Setiu, 84%, Marang 80%, cuma daerah dua lagi ni insyaAllah boleh diusaha untuk ditingkatkan iaitu Besut 74%, dan Hulu Terengganu 72%. Pah belaka, bukan kata dok lulus, cuma ada tinggi rendah, biasalah. InsyaAllah, harap-harap tahun ini, semua akan dapat markah, markah 92% ke atas semua insyaAllah belaka, kita doalah.

Yang kedua, berkaitan dengan Wad Kelas Tiga Percuma yang disuarakan oleh Sura dan Bukit Besi. Alhamdulillah, dalam buku Bajet pun ada disebutkan bahawa untuk kesihatan ini telah diberikan peruntukan sebanyak RM17 juta dan untuk menampung, Wad Kelas Tiga Percuma di hospital-hospital Kerajaan ini kita menyediakan peruntukan sebanyak RM5 juta. Mengikut rekod kita, kutipan daripada hospital-hospital seluruh Negeri Terengganu, hospital Kerajaan untuk Wad Kelas Tiga, tahun lepas berjumlah RM3,600,077,167.49 sen sahaja. Maka peruntukan yang diberi itu agaklah cukup lumayan. *Dok abih dok apa* tapi takut dok cukup jadi kita bagi RM5 juta. InsyaAllah lepas ni, pihak Kementerian Kesihatan Hospital, untuk Negeri

Terengganu takdok tunggakanlah sebab semua akan dilunaskan oleh pihak Kerajaan Negeri. Ni suatu sumbangan besar.....(Tepukan sokongan)..... Dia dahlah sakit pergi hospital, dah sakit kalau Yang Berhormat Kerajaan bayar, kalau kerja buruh, gaji tak masuk *charge* hospital lagi kena, kita bagi dia percuma lagi, insyaAllah. Tapi janganlah sakit ramai-ramai susah nanti. Bukan nak menggalakkan sakit ni, cuma kita nak bantu orang yang dah ditakdirkan sakit apakan daya.

Yang seterusnya, ditimbulkan juga berkaitan dengan Kad Sejahtera, ini satu lagi yang di timbulkan oleh Sura dan juga saya rasa Bukit Besi ada kaitan juga sikit-sikit. Antara Manifesto PAS dan juga keprihatinan kita, memandangkan Negeri Terengganu ni *waiting time* dengan izin, waktu menunggu di Klinik-klinik Kerajaan dan juga di hospital *out patient* pesakit luar sangat panjang. Dan boleh dikatakan *overload* melebihi kemampuan menampung di premis-premis kesihatan yang ada di Negeri Terengganu. Maka dengan itu, kita membuat suatu kaedah bagi membolehkan golongan yang berpendapatan rendah ini, khususnya yang kita kira mungkin akan mencecah sampai 20,000 keluarga yang akan dapat manfaat daripada sistem Kad Sejahtera ini, untuk mendapatkan rawatan di klinik-klinik swasta *private clinic* yang ada di merata di seluruh Negeri Terengganu. Dengan nilai RM500 satu keluarga, dan dia pergi dengan klinik swasta yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri sebagai panel, dia akan dapat percuma, sehingga habislah dengan nilai RM500 kalau sakit lebih pada tu, itu insyaAllah boleh ikhtiar dengan cara lainlah pulok, kalau boleh nak mintak dengan Yang Berhormat pun boleh juga. Jadi itu antara kita menyelesaikan masalah *overload* di Hospital Kerajaan di Klinik- klinik Kerajaan dan jugak yang dikatakan penjelmaan semula Klinik 1Malaysia ini. Jadi, jangan bimbang Bukit Besi bimbang, Klinik 1Malaysia di Dungun akan ditutup, sebuah sahaja di Terengganu akan ditutup tapi akan ada penjelmaan semula, tapi insyaAllah dengan terlaksananya Kad Sejahtera ini masalah ini saya yakin akan dapat diselesaikan. Ini satu manfaat yang besar oleh rakyat Negeri Terengganu khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Ini kita peruntukkan RM12 juta. Saya kira RM20,000 tu hanya perlu RM10 juta, tapi lebih sikit peruntukan untuk memastikan bahawa tidak ada nanti yang tercicir, yang terabai untuk mendapat kemudahan yang dijanjikan atau yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman ini di bawah pimpinan PAS. InsyaAllah.

Seterusnya hari ni, terlalu ramai peminat, dan saya pun rasa-rasa berderai air mata, ramai Wakil Rakyat yang menimbulkan isu Rumah Mampu Milik, memang ramai yang memohon Rumah Mampu Milik ini, saya pun hari-hari didatangi bila nak dapat

rumah dan sebagainya. Oleh itu, ramai Yang Berhormat menimbulkan isu ini antara Besut, Kuala Besut, Air Putih, Bandar, Jertih, Sura, Batu Rakit dan Permaisuri. Permohonan yang kita ada sekarang, maaflah tapi permohonan ini tidak semestinya, mereka tidak ada rumah, kadang-kadang yang ada rumah ini mohon jugak itu macam-macamlah. Kita ada permohonan seluruh Negeri Terengganu, sehingga ke hari ini, adalah berjumlah... nak cari kejap, haa... sini ada, jangan bimbang, 126,899 permohonan Rumah Mampu Milik ramai dan yang telah mendapat ada tawaran 10,030 orang sahaja. Tetapi, mengikut... saya jawab selalu soalan, ada soalan yang ditimbulkan oleh Batu Rakit rasanya. Mengikut Bancian Penduduk Negeri Terengganu yang benar-benar tidak memiliki rumah di Negeri Terengganu ialah 31,983 orang sahaja. Jadi, kita dalam perangkaan kita ini, dalam jangkaan saya dalam rancangan, dibawah Rumah Mampu Milik Terengganu ini, kita mencadangkan untuk tempoh satu penggal ini, 20,000 buah rumah. Dan alhamdulillah saya dah jawab tadi panjang tentang Rumah Mampu Milik tadi, kita jangka untuk tahun depan kita boleh *kick off* lebih kurang 5,000 unit. Jadi cukup tahun cukuplah 20,000, itu *schedule* ataupun jadual pelaksanaan yang sedang kita rancang. Harapnya apa yang kita rancang ini, akan menjadi sebagaimana yang kita harapkan. Biar takdir bersama dengan harapan kita. InsyaAllah.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang rumah tarik balik tu? ...(Dengan nada perlahan)

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ada. Yang rumah tarik balik kemudian sikit. Yang kelima, ada dah rumah tarik balik ni, jangan bimbang. Yang Berhormat Paka bimbang, bising rumah ditarik balik ni nak jawab doh? Saya jawab insyaAllah, rumah yang dibatalkan sewaan, yang ditimbulkan oleh Kuala Besut dan Seberang Takir, sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat semua, saya mendapat maklumat daripada SEDC sendiri sekarang ni ada 55 buah rumah yang dalam proses untuk kita tamat sewa dengan berbagai-bagai kesalahan. Suka saya jelaskan disini bahawa dalam Jawatankuasa Penimbang Rayuan ini, kita proses bila dah ada aduan daripada bawah saya, samaada MPKK ataupun jiran-jiran. Orang yang di taman itu mendakwa rumah itu kosong dan terbiar, dan juga siasatan oleh pegawai kita. Saya yakin pegawai kita ni tidak ada *bias*, tidak ada pilih kasih, mana-mana parti politik sebab apabila dibentangkan kepada jawatankuasa

tidak boleh timbul pun soal *colour* hijau, biru ke, oren ke, takdok, diberi fakta mengikut apa yang berlaku di bawah sana. Diberi tempoh sebulan untuk buat rayuan, sebulan takdok rayuan, akan baru dikeluarkan notis 14 hari untuk serahkan kunci, ruang diberi begitu luas. Tapi orang kita ni kadang-kadang *ma'ngal*, masa diberi tempoh untuk buat rayuan, dia tak buat rayuan dah sampai notis serah kunci barulah sibuk-sibuk cari Yang Berhormat, cari Exco Perumahan, cari Yang Berhormat Kawasan, baru nak buat rayuan. Jadi, ini satu masalah, ni saya beri contoh antara perkara-perkara yang menyebabkan ditamatkan sebagai makluman di sini. Ada rumah tu dah dua tahun diserah kunci, bacaan air, meter TNB hanya 5 unit, bacaan air 134 unit, ni kalau duduk takkanlah setahun api tak luak, api tak bergerak, meter air pun tak bergerak, kalau manusia memanglah mandi dan guna elektrik, kalau jin saya tak tahulah, haa.... Tapi kalau manusia pasti guna. Ini antara hujah yang kemas dan diperhati kawasan rumah tu penuh dengan tahi kucing, semak samun, lalang, tak terurus, tak terjaga hingga jiran sebelah pun, merepek mengadu, apa ni rumah ni busuk bau dan sebagainya. Nak kata tiada orang, ada orang, bila ada orang mana orangnya. Ni timbulnya aduan-aduan kepada kita, jadi itulah pegawai-pegawai kita buat siasatan. Ada yang tak pernah duduk dari awal sampai akhir, meter air, meter api pun tak pasang lagi. Sewa pun tak bayar, sedangkan yang memohon beratus ribu, 126,000 mohon. Bayangkan kita diberi peluang, kita abaikan sedangkan kawan-kawan kita, yang menunggu duduk rumah sewa, ramai lagi. Disinilah kita kena fikir siapa yang zalim siapasebenarnya. Maknanya dia dok duduk sudah semestinya dia ada tempat lain nak duduk, tapi kawan kita yang lain beratus ribu memohon tu memang takdok, takdok rumah langsung. Satu keluarga duduk tiga satu rumah, duduk tiga keluarga, empat keluarga. Jadi inilah hak jawatankuasa terpaksa menimbang sama ada nak bertindak, orang kata kita zalim tetapi kalau kita tak bertindak apa hal yang memohon beratus ribu lagi ni. Ini perkara yang kita perlu rasional dalam menentukan sesuatu jangan duk tengok yang terlibat, yang lain mana macam mana? Kita jaga rakyat seluruh Negeri Terengganu bukan dia jer. Walau bagaimanapun atas dasar prihatin kita, marilah jumpa kita buat rayuan. Mana yang layak ditimbang rayuan kita akan timbang. Kita tidak akan menzalimi dengan sesiapa. Disebut tadi kita

buat tindakan tidak bergantung kepada sokongan parti politik, mana-mana yang tidak ada dalam pertimbangan kita tidak timbul soal itu.

Yang seterusnya berkaitan dengan cadangan daripada Batu Burok penggunaan teknologi *3D printed home* atau *printed house*, ini teknologi terkini yang terbaru. Setakat ini untuk Negeri Terengganu kita sedang monitor ataupun memberi membuat percubaan tentang Industrialized Building System dengan izin ataupun IBS di Mak Kemas sekarang ni dalam 50 unit. Janjinya IBS ni boleh siap dalam masa 120 hari, tapi malanglah Mak Kemas ni dah setahun lebih dah tak siap lagi. Itu yang pertama yang kita buat IBS untuk Rumah Mampu Milik di Mak Kemas, Bukit Payong, kawasan Yang Berhormat Bukit Payong dan insyaAllah setakat ini belum ada lagi syarikat-syarikat daripada yang nak mengemukakan *proposal* tentang teknologi *3D printed house* ini, belum ada lagi. Kalau ada insyaAllah kita akan pertimbangkan.

Yang ketujuh ini, Jertih ada? Jertih ada timbulkan masalah Jertih Square dan ada soalan untuk besok. Saya ingat kita jawab besoklah sebab hari ni dia takdok. Kalau soalan dia naik saya akan jawab pasal Jertih Square.

Yang kelapan tentang *Medical Tourism* ditimbulkan Seberang Takir. Alhamdulillah sebagaimana disebutkan oleh Wakil Seberang Takir memang baru-baru ini sebuah hospital di Taiwan telah datang untuk buat suatu kerjasama dengan KTS untuk menjadikan kita sebagai sebahagian daripada *err..* apa yang dipanggil tu *Medical Tourism* dan kita dalam proses untuk buat suatu kerjasama yang baiklah. Ini satu perkara yang cukup-cukup menariklah bila KTS kita pun dalam keadaan yang begitu baik dan dengan Permai Hotel pun dekat di situ. Insya Allah, ini kita akan usahakan supaya berjajalah insya Allah, Seberang Takir. Terima kasih.

Berkenaan dengan Pusat Rehab Dan Hemodialisis yang disebutkan Seberang Takir. Saya dah beberapa kali berbincang dengan Pengarah Kesihatan dan juga dengan Menteri sendiri berkaitan dengan kedudukan khususnya kakitangan sebab Kerajaan Negeri memang tidak ada kakitangan Kesihatan. Kakitangan Kesihatan ini mesti datang daripada Kementerian

Kesihatan tapi mereka juga mempunyai bilangan kakitangan yang tidak mencukupi. Ini saya pun insya Allah akan buat *appointment* untuk jumpa dengan Menteri lagi kerana katanyalah mengikut Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, hemodialisis yang dikendalikan oleh swasta ini dari segi... minta maaflah sayapun nak sebutpun rasa tidak sedap juga. Dari segi kualitinya memang tidak setanding jauh daripada yang dikendalikan secara langsung oleh Kementerian Kesihatan sendiri kerana staff dia terlatih dan dia memonitor dengan baik. Sebab itulah saya walau bagaimanapun desak. Infra, Kerajaan Negeri boleh sediakan, utiliti kita boleh sediakan tapi kakitangan kita mohon sungguh supaya Kerajaan Pusat sediakan kakitangan kerana kita mahu sesuatu yang kita buat yang terbaik yang mempunyai suatu kepuasan dan juga natijahnya biarlah orang panggil apa tu, setelah kita *life spend*, jangka hayat tu biar sampai maksimumlah. Kalau kita ke swasta ni banyak masalah timbul, *because infection*, jangkitan kuman dan sebagainya, yang ini memang banyak berlaku di yang dikendalikan pihak swasta. Saya masih lagi berunding dan akan terus berunding dengan Kementerian Kesihatan supaya biar kakitangan itu kakitangan yang berkelulusan, yang lain-lain Kerajaan Negeri boleh uruskan dan memang kita tidak berhasrat untuk menutup Pusat-pusat Hemodialis dan Pusat Rehab yang ada di Terengganu.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Mohon saya mencelah Yang Berhormat Bukit Tinggi.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Silakan, Seberang Takir.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Bukit Tinggi, kalau bolehlah saya mohon supaya boleh diteruskan dengan kaedah dan cara yang kita laksanakan sebelum ini iaitu yang pertama sekali sebahagian ada yang menjadi ketua pada yang menguruskan hemodialisis ini adalah daripada Kementerian Kesihatan, dia ada *staff nurse* di situ. Cuma yang lain tu yang kita ambil daripada *background medical* yang ambil *nursing* dan sebagainya kita ambil dan dibayar secara kontraklah melalui Kerajaan Negeri. Jadi eloklah

kalau staf-staf atau pegawai-pegawai atau pun kakitangan yang sebegini dapat diberi latihan mungkin dibuat melalui Kementerian Kesihatan, tidak secara langsung kita dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak Terengganu kita. Begitu juga kepada Pusat Rehabilitasi di Seberang Takir, dan sekarang ini Pusat Rehabilitasi Seberang Takir sepenuhnya adalah ditanggung sebahagiannya daripada peruntukan Kerajaan Negeri kerana sebelum ini kita ada menyediakan peruntukan sebab untuk pembiayaan kakitangan dan sebagainya. Dari segi bangunan tidak payah bayar sewa dah, kita bagi *free* cuma kegunaan dari segi peralatan untuk pengurusan dan sebagainya. Jadi saya mohonlah di sini supaya Pusat Rehabilitasi Seberang Takir juga agar dapat diberi peruntukan sebagaimana sebelum ini kerana perkhidmatan yang kita beri adalah secara percuma dan sekarang ini dari segi apa ni pesakit kita pun dah mencapai hampir 2,000 orang sekarang. Jadi saya haraplah perkara ini dapat diberi pertimbangan oleh Kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tunggal.

YANG BERTITAHU DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih, terima kasih, Seberang Takir. Alhamdulillah, insyaAllah cadangan itu kita akan pertimbangkan dan saya dah kata tadi saya akan dari segi kualiti dia saya akan bincangkan dengan Kementerian Kesihatan supaya yalah Menteri Kesihatan pun bukan orang lain, Dr. Zul pun jadi rakan lama kita, jadi kita bincang, insyaAllah. Semoga berjayalah kita doa, insya Allah.

Yang kesepuluh berkaitan dengan balairaya. Seingat-ingat saya Seberang Takir sebut Balai Raya Kampung Jati kan? Yes, haa.... betul. Sebenarnya berkait dengan Balai Raya Kampung Jati ni, MPKK kita hanya ambil alih pada 22 November 2018. Jadi proses pengambilalihan ini sedang dibuat penyusunan semula dan juga pembaikan mana-mana yang rosak. Sementara itu, pemain ping pong yang ada ini dia boleh gunakan Dewan Sivik yang berdekatan dengan balairaya. Ini di kampung sebelah saja, dekat saja, tak jauh mana. Dan insyaAllah, selepas selesai semua penyusunan ini kita akan tengoklah apa keputusannya bagi nak buat bersepadu, ada kelas fardhu ain, kelas masakan dan sebagainya dan bila masa pula untuk digunakan untuk

main ping pong, bukan 24 jam main ping pong pun. Ini akan diuruskan oleh MPKK, insyaAllah. Saya rasa untuk rumah yang takdok saya jawab nanti deh, bilangan rumah daripada Bancian Penduduk dan juga permohonan yang kita terima.Itu dah menjawab soalan daripada Batu Rakit.Terima kasih.

Saya rasa sekadar itulah respon saya tentang perkara-perkara yang ditimbulkan berkaitan dengan portfolio saya, Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar.Terima kasih Yang di-Pertua dan terima kasih yang sudi mendengar.Wabillahitaufik wal hidayah.Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Wakil Bukit Tinggi.Seterusnya saya mempersilakan Wakil Paka untuk membuat penggulungan bagi pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillah rabbil 'alamin. Wassalatu wassalamu'ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi waashabihi wamantabi ahum bi-ihsaani ila yaumiddin. Ammaba'.

Yang dihormati Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sahabat-sahabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua jabatan, Pemerhati dan seluruh hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian. Pertamanya,alhamdulillah kita memanjat syukur kepada Allah Ta'ala kerana kita masih lagi diberi kesempatan untuk bersama-sama meneliti Bajet yang dibentangkan buat pertama kali oleh Kerajaan pimpinan PAS yang bertemakan "Negeri Berkat Rakyat Sejahtera". Dan inilah hasrat kita moga-moga bukan hanya negeri tu maju tetapi juga mendapat keberkatan dan juga kesejahteraan di dunia dan juga di akhirat dan insyaAllah akan membawa negeri yang aman, tenteram dan juga rakyat yang beriman.

Alhamdulillah Bajet yang dibentangkan sebagaimana kita sedia maklum sebahagian besar masih lagi bergantung kepada sumber royalti dan kita sedia maklum bahawa isu royalti ini berpanjangan sejak tahun 1999 sehingga 2004. Dahulu Perdana Menteri yang sama kita hanya sempat sebahagian kecil merasai royalti pada tahun 1999, tahun 2000, dan kemudian *diterik* royalti sebagai satu balasan terhadap sebuah negara demokrasi yang rakyat diberi pilihan mengundi dan memilih Parti PAS untuk memerintah Terengganu. Dan kita harap untuk kali ini peristiwa ini tidak berulanglah sebagaimana janji-janji manifesto yang berlaku. Tetapi dari segi jangka panjang kerana itulah pimpinan sepatutnya mengambilkira mungkin apa yang kita buat hari ini kesannya kita tidak nampak tapi selepas kita mati berpuluh tahun barulah timbul kesan. Inilah akibatnya apabila isu royalti ini dicadangkan oleh pemimpin Negeri Terengganu sendiri supaya menarik sebagai hukuman kerana rakyat tidak memilih parti mereka pada tahun 1999-2004 dahulu dan kesannya hari ini akibatnya berpuluh tahun nama kita dicatat dan diingati oleh generasi rakyat.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):
Syaroh ke jawab ni?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sama jer.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, bagi peluang, bagi peluang.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Giliran Exco bercakap ni. Nak tanya takdok masalah ada soalan?

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Takdok soalan tapi nampak macam *syaroh* pulok.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok, sama jer bersyaroh.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):
Takdok hal, kita nak jawapan, bukan nak soalan, nak jawapan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita
sebut bab royalti ni.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Baru panas enjin ni Yang
Berhormat,dengar, dengar dulu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bila
dibentangkan, maka hak semua Dewan ni untuk bercakaplah.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Beri peluang
kita bercakap pula.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Panas telinga,
panas di telinga.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Sabor,
takmboh balloh.*

Yang Berhormat Yang di-Pertua, begitu juga kita tahun 2004 tu mengambil
keputusan untuk membawa isu ini ke mahkamah supaya mahkamah
menentukan dengan jelas hak rakyat Terengganu sebagaimana tercatat dalam
perjanjian 1974 yang secara jelas 5% tu merupakan royalti yang perlu dibayar
kepada Kerajaan Negeri yang perlu masuk ke akaun Wang Yang Disatukan.
Jadi seolah-olah kita pulapergi minta sedekah sedangkan 5% itu merupakan
hak Kerajaan dan juga rakyat Negeri Terengganu.Tetapi yalah belum kita tahu
keputusan mahkamah, jadi pihak Kerajaan Negeri dah tarik balik walaupun
kita pernah buat pertemuan memberi penjelasan supaya jangan tarik isu ini di
mahkamah supaya kita tahu mahkamah buat keputusan berdasarkan apa
yang ada dokumen yang ada, orang-orang yang pernah orang panggil
membentangkan Enakmen tersebut masih hidup, Menteri masih hidup, bekas
Ketua Hakim masih hidup supaya diberi penerangan sejelas jelasnya dan

dibuat penghakiman yang sewajarnya berkait dengan hak itu. Tapi itu yang telah berlalulah apapun insyaAllah kita harap Negeri Terengganu ni terus jalan maju dan rakyat tidak menjadi mangsa InsyaAllah.

Negeri Terengganu Darul Iman ini juga mempunyai sejarah bukan hanya pertemuan Batu Bersurat 700 tahun lalu yang menyamai hampir menyamai Kerajaan Andalusia 700 tahun tetapi jatuh dan tumbang dibawah Kerajaan Hamro' tetapi Terengganu alhamdulillah tok nenek kita dahulu sehingga sekarang masih lagi menjadikan Islam sebagai agama yang berdaulat. Dan alhamdulillah pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan untuk mengingat kita kembali isu ataupun peristiwa dan juga seminar program mendedahkan kepada rakyat dan masyarakat iaitu berkait dengan Itqanul Muluk bi Ta'dil As-Suluk dengan apa Bajet yang dikhususkan supaya generasi kita ni mengetahui di mana itulah merupakan catatan Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu yang secara jelas sejak 1911 mencatatkan bahawa Negeri Terengganu merupakan Negeri Melayu Islam dan telah mewartakan pelaksanaan Syariah Undang-Undang Syariah Islam. Saya juga mengucapkan *jazakumullah*, terima kasih kepada Menteri Besar dan juga selaku Kerajaan yang telah meluluskan peruntukan RM11.5 juta bagi kearah pelaksanaan Syariah di Negeri Terengganu Darul Iman. InsyaAllah rakyat Terengganu ini mempunyai susur galur dan sejarah yang kukuh berkait dengan pelaksanaan Syariah dan kita sedia maklum apa yang tercatat di Batu Bersurat itu bukan hanya sekadar catatan tapi juga dipraktik dan dilaksanakan di Negeri Terengganu tapi selepas merdeka sehinggalah ke hari ini kita hanya membaca sejarah tidak dapat lagi melihat praktikalnya. Dan ada usaha-usaha untuk kita laksanakan apabila mengharapkan Kerajaan yang lalu meluluskan RUU 355 tapi tidak berlaku sehinggalah Kerajaan itu tumbang, jatuh dan diganti dengan Kerajaan lain. Kita tak berapa nampak RUU 355 ini bakal diluluskan dengan komposisi yang ada dalam Parlimen hari ini. Jadi kesempatan peluang yang lalu itu telah berlalu apa pun: *Maa la yadrokul kulluq La yadroku kulluq*. Apa yang kamu tidak boleh buat semua maka kita dok tinggal, kita buatlah semampu yang ada. Dan alhamdulillah, pihak Kerajaan Negeri memberi sokongan sepenuhnya kepada Mahkamah Syariah untuk melaksanakan apa yang termasuk dalam bidang kuasanya yang ada untuk melaksanakan

Undang-Undang Syariah yang sedia ada. Walaupun timbul isu dan sebagai insyaAllah kita akan merancang lagi penerangan, seminar dan sebagainya supaya rakyat menyedari bahawa Peraturan Undang-undang Syariah itu lebih adil dibanding dengan Undang-Undang Sivil yang sedia ada. Dan insyaAllah peruntukan ini akan memanfaatkan bag memberi penerangan, penjelasan ke setiap peringkat dan insyaAllah kita mengharapkan ini akan meletakkan Negeri Terengganu untuk meraih keberkatan atas keyakinan dan kepercayaan kita kepada Syariah yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Jadi kita bukan hanya membaca Al-Quran tapi adalah untuk melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan insyaAllah ini merupakan ciri-ciri dari kalangan mereka yang beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dan ada beberapa perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ramai yang menyentuh Tepoh, Rantau Abang, Pengkalan Berangan, Batu Rakit, Permaisuri, Seberang Takir, Batu Burok dan sebagainya terima kasih kerana memberi pandangan dan sebagainya menyentuh tentang apa berkaitan dengan pendidikan. Kerajaan Negeri memperuntukkan lebih daripada RM106 juta untuk pendidikan bagi tahun 1999 ini dan saya rasa semua ni masuk dalam makluman kita tapi ada beberapa perkara yang ingin saya beri penjelasanlah. Yang pertamanya, RM1.1 juta untuk Takmim Hadhari. Setengah negara seperti di Mesir, di Jordan mereka melaksanakan disebut Takmim Usrah supaya masyarakat kita tak salah fahamlah sebenarnya ini merupakan yang berkaitan dengan Mahkamah Syariah apa-apa dari kalangan mereka yang diputuskan Mahkamah Syariah yang melibatkan kekeluargaan, penceraian dan sebagainya dalam tempoh waktu tertentu kadang-kadang ibu bapa ini tidak menunaikan nafkah kepada anak. Jadi tabung ini akan diambil, digunakan untuk membantu isteri untuk menunaikan nafkah itu. Ini bukan bermakna pihak lelaki boleh lari daripada membayar tuntutan nafkah itu. Ini sementara dalam proses mahkamah, apa dan sebagainya supaya tidak membebankan kepada isteri dan juga anak-anak tersebut. Mungkin kita akan bentang balik perjalanan ataupun beberapa kaedah antaranya insurans apa kepada bakal suami supaya berlaku kes-kes seperti ini, ada orang panggil hak yang

ditunaikan secara langsung dan si isteri serta anak-anak yang apa yang dicerai itu tidak orang panggil menjadi mangsa kepada penceraian.

Juga Pusat Rehabilitasi untuk akhlak dan akidah, dia tidak sama dengan Pusat Pemulihan Dadah ataupun Pusat Pemulihan Akhlak biasa, tapi ia melibatkan Mahkamah Syariah yang diputuskan penghakiman melibatkan orang panggil dihukum pertahanan yang kurang daripada 6 bulan. Biasanya kita tumpang di Selangor, jadi pusat-pusat mereka ini pun mungkin dah penuh dan kita perlu membuat Pusat kita sendiri, tidak dicampurkan dengan penjara biasa dan sebagainya kerana mereka merupakan pelaku jenayah syariah sahaja. Jadi insyaAllah, di pusat-pusat ini akan ada program-program untuk memberi kesedaran, pendidikan, tarbiah dan sebagainya insyaAllah dan pihak Kerajaan telah meluluskan sebanyak RM10 juta dan insyaAllah pusat kita ini akan kita tentukan tempat dia dan insyaAllah akan dapat beri manfaat dan juga memberi kemudahan kepada Mahkamah Syariah untuk melaksanakan tugas-tugas dia disamping kita harap jugalah pihak Mahkamah juga untuk terus mempertingkatkan kemampuan dan juga permasalahan-permasalahan yang timbul kita boleh selesaikan kerana juga ada kes-kes yang dilaporkan tertunggak yang melibatkan masa yang panjanglah, kadang-kadang melibatkan bertahun-tahun, apa dan sebagainya, ada aduan-aduan kita harap perkara ini dapat diperbaiki daripada masa ke semasa.

Juga ada banyak dari kalangan Wakil Rakyat menyentuh tentang SRIDI (Sekolah Rendah Islam Darul Iman).Memang janji dalam Manifesto kita, 32 DUN, 32 Sekolah Rendah.Jadi dalam tempoh masa yang singkat ini, baru 6 bulan memerintah, kita memanfaatkan bangunan-bangunan yang sedia ada, milik bawah Kerajaan Negeri dan sebagainya untuk kita rasa mampu untuk kita mulakan dengan dua kelas, iaitu 25 maksima 25 dan juga makna dua kelas 50 pelajar dan sehingga sampai Tahun 6 daripada Tahun 1, Tahun 6, mereka akan pulang pukul 4.00 petang. Kita akan menggabungjalinkan *integrator* antara Pendidikan Islam menggunakan Bahasa Arab awal dan juga akan mengambil peperiksaan-peperiksaan awam lain termasuk UPSR, UPKK

dan juga UPSRI dan insyaAllah akan datang kita akan pastikan untuk semua 32 DUN ini. Inilah yang disebut oleh ADUN-ADUN Yang Berhormat supaya pendidikan ini dimulakan daripada peringkat awal. Jadi kita tengoklah pendaftaran setakat ini, sebagaimana disebut oleh Wakil Ajil, pendaftaran setakat ini cukup memberangsangkan. Ini menggambarkan kesedaran yang tinggi daripada rakyat kita untuk anak-anak mereka mendapat pendidikan yang lebih baik berbanding dengan diri mereka.

Saya juga ingin menyentuh tentang penggunaan e-Braille, ini yang Bukit Besi dok? Bukan Bible *ork*, e-Braille....(Sambil gelak) ... Dulu Braille, sekarang ini dipanggil e-Braille. Dipanggil e-Braille ini, Al-Quran Elektronik yang telah dibangunkan oleh Universiti Teknologi Malaysia dan saya merakamkan dalam Dewan ini kepada PERTIS iaitu Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia yang Pengerusi dia, Mohamad Fauzi Mansor yang merupakan orang yang berusaha melaksanakan e-Braille Al-Quran di Terengganu ini. Kita berhasrat insyaAllah, kita berhajat supaya agensi Kerajaan seperti Yayasan Islam akan, orang panggil menyeliakan peruntukan sebanyak RM3 juta yang diluluskan oleh pihak Kerajaan ini untuk mewujudkan dua lagi e-Braille di Kemaman dan juga Besut. Biasa kalau di Mesir, mereka ini merupakan pelajar-pelajar yang cemerlang walaupun mata mereka buta, tapi hati mereka celik. Pemandato-pemandato seperti Ibrahim Krisy yang mashyur, pensyarah-pensyarah merupakan kadang-kadang dari kalangan ramai pensyarah yang buta sebab mereka bila buta, kadang-kadang ibu bapa rasa rahmat pula, sebab mereka berikan Al-Quran, suara mereka sedap, hafalan mereka kuat. Kita harap pun macam inilah lepas pada ini supaya dari kalangan mereka ini boleh menjadi Imam, sebab bila dia buta jarang dia lari sikit, duduk jaga masjid dia, ini kadang-kadang Tok Imam tak ada, sebab kewangan, cari pendapatan lain...

YANG BERTITAH DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Boleh nak celah sikit Yang Bertitah Paka, sebab yang kebetulan Yang Bertitah Paka tadi sebut yang PERTIS itu, kelas Quran itu berada di Seberang Takir. Jadi kebetulan ada perancangan untuk kita nak bina bangunan kerana kebetulan saya adalah Penaung kepada Persatuan ini,

kita dah dapat *donation* lebih kurang RM300,000 dan ada dah tanah wakaf iaitu di kawasan Kg. Baru, Seberang Takir untuk kita binakan 4 tingkat bangunan ini, dan memandangkan peruntukan *donation* yang kita dapat ini tak cukup untuk kita nak bina 4 tingkat Kelas e-Braille ini. Jadi saya nak bertanyalah kot boleh kita buat secara *joint venture* dengan Kerajaan Negeri untuk Kerajaan Negeri juga menampung sebahagian dari segi pembinaan kelas Al-Quran e-Braille ini. Terima kasih Yang Berhormat Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita boleh bincang, kita boleh pertimbang tapi buat setingkat-setingkat dulu, jangan buat 4 tingkat selalu. Tak dok *pitih*...

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Ini memang kehendak daripada persatuan itu sendirilah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): InsyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dia kata orang buta boleh naik 10 tingkat katanya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita bincang, kita bincang, naik lif tak apa.

YANG BERHORMAT YANG DI PERTUA: Teruskan, teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya, jadi insyaAllah hasrat kita bukan hanya sekadar boleh membaca Al-Quran tapi menghafal Al-Quran. Biasa kalau Malaysia buta ini kita bagi alat muzik, mereka menyanyi jadi apa dan sebagainya. Jadi kita harap kita boleh buat perubahan, alternatif yang baik, mereka boleh menjadi orang panggil Imam atau tokoh-tokoh ulama yang hebat walaupun mereka cacat penglihatan tetapi biasanya hati mereka ini celiklah, insyaAllah.

Satu lagi berkait dengan Yang Berhormat Pengkalan Berangan yang bertanyakan isu IMTIAZ di Marang. Jadi saya rasa perkara ini pernah dijawab dalam Dewan ini sendiri, pihak Kerajaan dulu pernah memberi jawapan bahawa IMTIAZ Marang ini ditubuhkan pada tahun 2016 dan menggunakan Sekolah Rendah Wakaf Tapai dengan perjanjian selama tempoh 5 tahun dan Yayasan Terengganu telah memiliki tanah seluas 15 hektar di Kg. Tok Muchong untuk pembinaan Kompleks IMTIAZ Marang dengan kapasiti lebih kurang 600 orang pelajar. Cuma pembinaan itu ditangguhkan kerana berdasarkan kewangan yang tidak mengizinkan. Jadi isu kewangan ini sudah disebut dalam Sidang Dewan dahulu dan kita pun masih lagi tengok, masih lagi tidak diizinkan dan insyaAllah kalau kewangan mengizinkan, perkara-perkara ini insyaAllah kita dapat diselesaikan.

Yang lain saya rasa biasa saja, isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, jadi ucap terima kasih. Saya rasa sekadar itu sahaja. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Paka atas penggulungan yang dibuat tadi, cuma saya tengok pada masa sudah hampir pukul 1.00, macam manapun kita masih sebenarnya dalam agenda perbahasan Enakmen Perbekalan 2019 ataupun Bajet. InsyaAllah pada petang ini kita akan ada, kita akan mendengar penggulungan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri, saya rasa klimaks penggulungan bagi pihak Kerajaan. Tapi pada masa yang sama saya nak peringatkan kita juga kena selesaikan banyak lagi agenda bagi membolehkan kita tidak mengambil masa yang begitu lama pada hari esok. Sekurang-kurangnya pada petang ini kita cuba habiskan selain daripada Enakmen Perbekalan 2019, kita ada 4 Enakmen lagi, Nama Lambang, Nama Gelaran, Enakmen Keluarga Islam, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam, Enakmen Tanah Simpanan Bagi Orang Melayu disamping kita ada juga usul-usul.

Saya juga sebenarnya mengambil sikap terbuka dalam soal perbahasan sama ada Enakmen ataupun Usul-usul. Saya tidak mahu ajar dalam Persidangan

kita ini, kita gaduh nak balik ataupun kita duduk kejar nak balik awal. Ini kita kena ambil kembali semula kepada fungsi Badan Legislatif, kalau bercakap kita nak, kita jumpa empat bulan sekali, ada perkara penting yang hendak dibentangkan oleh Kerajaan dalam Enakmen ataupun usul, kita kena selesaikan secara teratur. Yang tak perlu bahas, kita tak perlu bahas, kalau kata ada benda yang sangat penting yang perlu ada perbahasan, kita buka kepada perbahasan tapi dengan syarat kita juga bersedia balik agak lewat sikitlah petang ini kalau mengambil masa. Dengan kata-kata itu, Yang Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan Sidang Dewan kita ini pada pukul 2.30 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillah kita telah selesai penggulungan daripada semua Ahli Yang Berhormat, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Sekarang sampai masanya kemuncak kepada penggulungan Enakmen Perbekalan 2019 ataupun Enakmen yang berkait dengan Bajet 2019 yang akan disampaikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya tanpa berlengah lagi dengan segala hormatnya saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membuat penggulungan kepada Enakmen kita ini. Dipersilakan.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan tetamu yang hadir dalam Persidangan kali ini. Alhamdulillah marilah sama-sama kita menyatakan rasa syukur kehadiran Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana memberikan kesempatan kepada kita untuk berada dalam Dewan yang mulia ini bagi melaksanakan

tugas dan amanah Allah Subhanahu Wa Taala dan tugas kita sebagai wakil yang dipilih oleh rakyat sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat.

Izinkanlah saya pada petang yang berbahagia ini dalam Dewan yang mulia ini untuk mengambil kesempatan bagi merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli Yang Berhormat khususnya di atas pandangan yang bernas dan membina sama ada daripada pihak Kerajaan atau rakan-rakan di sebelah sana. Begitu juga kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam Perbincangan Enakmen Perbekalan 2019. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ketua jabatan, Pegawai Kerajaan, Pemerhati dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam Persidangan kali ini. Tanpa penyertaan daripada semua ini tentulah Persidangan kita ini tidak akan dapat berjalan dengan jayanya terutama apabila membincangkan satu tajuk yang besar mengenai Enakmen Perbekalan 2019. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan media yang memberikan liputan terbaik sepanjang Sidang Dewan Undangan Negeri berlangsung. Semoga penglibatan semua ini dikurniakan ganjaran yang setimpal di sisi Allah Subhanahu Wa Ta'ala sebagai suatu amal soleh di sisi Allah dengan kita memperingati apa yang disebut yang difirmankan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ جَنَّاتٌ النَّعِيمِ ﴿٨﴾
اعوذ بالله من الشيطان الرجيم
خَالِدِينَ فِيهَا وَعْدَ اللَّهِ حَقًّا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٩﴾

Yang bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh mereka akan beroleh Syurga yang penuh dengan berbagai-bagai nikmat kekal mereka di dalamnya. Demikian dijanjikan Allah janji yang tetap benar dan Dia jualah yang Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana".

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua beberapa isu telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya mengenai tajuk yang menarik perhatian semua pihak di dalam dan di luar Dewan iaitu mengenai royalti dan sumber hasil negeri. Sebahagian daripadanya telah dijawab ketika sesi

Soalan Lisan dan juga Soalan Bertulis. Walaupun begitu saya ingin menambah dan menyatakan komitmen jitu Kerajaan Negeri sebagaimana yang saya sebut dalam jawapan kepada soalan yang ditanya Soalan Lisan pada hari kelmarin bahawa kita akan membentuk satu jawatankuasa khas yang melibatkan Ahli Yang Berhormat daripada Kerajaan dan bukan Kerajaan di atas kebersamaan untuk menyelesaikan isu dan memperjuangkan pembayaran royalti petroleum kepada Negeri Terengganu. Ini dicapai hasil daripada budaya politik matang dan sejahtera yang juga wajar diikuti oleh secara bersama oleh semua lapisan masyarakat. Bukan sekadar kepada pemimpin-pemimpin yang dipilih oleh rakyat sahaja tetapi seluruh kalangan masyarakat dan juga inilah perkara yang juga kita minta dapat dilaksanakan oleh Kerajaan peringkat persekutuan dalam menyelesaikan segala masalah yang menimpa rakyat. Sehubungan dengan itu juga, saya merasa amat terharu dan teruja dengan tawaran daripada dua mantan Menteri Besar yang telah menyatakan komitmen untuk bersama Kerajaan Negeri bagi memperjuangkan hak royalti rakyat Negeri Terengganu. Semoga dengan kerjasama ini akan membuahkan hasil yang menguntungkan semua rakyat Negeri Terengganu.

Berkenaan dengan isu Telaga Minyak Bertam yang dibangkitkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat Seberang Takir, Kerajaan Negeri optimis bahawa berdasarkan kepada maklumat semasa dan fakta sejarah dan kajian yang dijalankan. InsyaAllah akan ada sinar di hujung terowong. Ianya masih lagi dalam perbincangan oleh Jawatankuasa Bersama Teknikal yang dipengerusikan secara bersama oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang dan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedar ada kebimbangan daripada semua pihak sama ada Wakil Rakyat atau pun rakyat di luar sana tentang kedudukan projek di bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan kita amat berharap bahawa Kerajaan Persekutuan dapat melaksanakan komitmen pembangunan seimbang sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Pembentangan Kajian Separuh Penggal RMK Ke-11 baru-baru ini. Bahawa semua negeri-negeri dan yang disebut Negeri Terengganu dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya supaya pembangunan yang seimbang dapat dicapai.

Sehubungan dengan itu juga saya telah dimaklumkan mengenai beberapa status projek yang telah diluluskan di bawah Rolling Plan dengan izin ketika RP Ke-3 dalam Rancangan Malaysia Ke-11 bahawa Kerajaan Persekutuan akan meneruskan Projek Menaiktaraf Menggantikan Jambatan Sedia Ada DFT 003/448/60 Dungun, Terengganu. Selain dari itu juga, Projek Jalan Raya Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang, Kuala Berang iaitu Pakej Ke-8 turut akan diteruskan oleh Kerajaan Persekutuan dengan tender terbuka pada tahun 2019. Ini berita yang baru kita terima sebenarnya. Selain daripada itu juga, kita baru menerima maklumat bahawa beberapa projek di bawah JPS, Jabatan Pengairan dan Saliran juga akan dilaksanakan bagi tahun 2019 yang sebelum ini ditangguhkan oleh Kementerian Kewangan di atas sebab-sebab tertentu. Projek-projek berkenaan adalah:Yang pertama, Rancangan Tebatan Banjir Kemasik yang dengan anggaran RM60 juta.Yang kedua, Rancangan Tebatan Banjir Guntung Luar anggaran RM5 juta.Ketiga, Rancangan Tebatan Banjir Gong Kiat RM7 juta.Keempat, Rancangan Tebatan Banjir Kuala Terengganu Utara, UMT dan kawasan sekitar dengan anggaran RM10 juta. Yang kelima, Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kemaman RM300 juta.Yang keenam, Projek Muara Sungai Setiu RM150 juta.Ketujuh, Projek Muara Sungai Merchang RM43 juta dan yang kelapan, Projek Menaiktaraf Pintu Air Taman Rakyat Dungun RM1.5 juta.

Saya juga merakamkan bagi pihak Kerajaan Negeri dan seluruh rakyat Negeri Terengganu ucapan terima kasih kepada Kerajaan di atas pertimbangan yang demikian dan kita berharap semua projek-projek ini dapat dilaksanakan dengan efisien untuk kepentingan rakyat Negeri Terengganu.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah mengadakan perbincangan dengan pihak FELDA Wilayah Timur, dan insyaAllah banyak perkara yang telah dibincangkan untuk kebaikan bersama antara Kerajaan Negeri, FELDA dan para peneroka sekalian.

Yang Berhormat Tuan Yang di-pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Kemasik secara khususnya, industri hiliran ataupun *downstream* dengan izin, yang merupakan industri yang penting yang berkait juga dengan TSV (Terengganu Silica Valley) yang menggunakan bahan mentah atau *raw material* yang kemudiannya ditambah nilai *value added* dengan izin, untuk menjadi sesuatu yang lebih bernilai. Sebagai suatu contohnya, pasir silika yang dijual secara *raw material* sebelum ini dengan harga yang sangat rendah. Dan kita tidak akan membenarkan penjualan *raw materials* yang mendatangkan hasil yang rendah ini, namun sekiranya ia diproses menjadi perkara yang lebih bernilai, itulah yang akan kita tekankan kerana ianya adalah sebahagian daripada proses *downstream* dengan izin. Sebagai suatu contohnya kalau silika itu saya bawa *sample*nya di sini pada hari ini. Kalau pasir dengan harga yang begitu rendah daripada pasir itu secara minimanya boleh ditukarkan dalam bentuk *pallet* kaca kristal dan harganya boleh mencecah 50 kali ganda daripada harga pasir dengan kuantiti yang sama. Dan sekiranya *downstream* itu ditukar ganti dengan diproses lagi, ianya boleh menjadi suatu benda yang jauh lebih bernilai seumpama *chandelier* dengan izin, seumpama bahan-bahan kristal yang lain dan di situ juga ada satu contoh yang saya mintak Bentara bantu, Labu Sayong daripada kristal ini sebenarnya dihasilkan daripada pasir silika Negeri Terengganu. Bukan ambik tempat lainni, bukan daripada tanah tetapi dihasilkan daripada silika Negeri Terengganu. Ini satu contoh dan banyak lagi sebenarnya produk-produk yang lain yang boleh dijadikan *downstream* yang ditambah nilai dengan harga yang lebih baik daripada pasir semata-mata.

Proses ini juga secara tidak langsung akan memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dengan tumbuhnya syarikat-syarikat walaupun tidak diperingkat secara mega tetapi secara kecil-kecilan pun, ianya mampu untuk menyediakan ruang dan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Yang seterusnya ialah termasuk dalam usaha bagi Kerajaan untuk menarik pelabur dari industri hiliran masuk ke Negeri Terengganu. Tadi kita bercakap, saya menyebut mengenai industri-industri hiliran, maka ada beberapa perkara yang akan kita laksanakan bagi menarik para pelabur dari industri hiliran

untuk masuk ke Negeri Terengganu. Yang pertama, mewujudkan perhubungan yang baik dengan pelabur-pelabur sedia ada sebagai langkah menggalakkan syarikat berkenaan meningkatkan pelaburan mereka dan menarik pelabur-pelabur yang menjadi pelengkap kepada produk mereka. Sebagai suatu contohnya, kilang kereta yang dibuka akan membawa kepada pembukaan kilang tayar, bateri, besi dan elektronik.

Seterusnya menyertai misi-misi pelaburan anjuran Malaysian Investment Development Authority(MIDA) di mana penyertaan Kerajaan Negeri dalam misi pelaburan ini amat penting kerana ia membuka ruang dan peluang kepada Kerajaan Negeri untuk mengadakan sesi *business matching* dengan izin, secara terus dengan pelabur-pelabur.

Yang ketiga, bekerjasama dengan MATRADE dalam mempromosikan peluang-peluang pelaburan di Negeri Terengganu untuk menarik pelabur luar negara. Yang keempat, mengadakan hubungan yang baik dengan agensi-agensi pelaburan seperti MIDA dan ECERDC dalam usaha menarik para pelabur ke negeri ini dan saya ingin memaklumkan juga, berkenaan dengan ECERDC, saya juga telah menerima surat perlantikan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana dan Penyelarasan ICC Negeri Terengganu yang bertarikh 8 November 2018 daripada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri.(Tepukan Sokongan)..... Terima kasih kita ucapkan kepada kepercayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kepercayaan ini dan kita percaya bahawa hubungan yang baik di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan akan memungkinkan kita membawa Negeri Terengganu ke kedudukan yang lebih baik, insyaAllah.

Yang kelima ialah mengeratkan hubungan dengan NGO-NGO yang berkait rapat dengan sektor industri sebagai contohnya ialah Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Melayu, Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Cina dan Dewan Perniagaan India Muslim Negeri Terengganu. Jalinan hubungan ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mempelbagaikan industri di Negeri Terengganu dan tidak hanya terhad kepada pelabur-pelabur daripada asing sahaja.

Yang keenam, mengenalpasti potensi kawasan-kawasan industri baharu yang mampu menarik minat pelabur. Dalam hal ini Kerajaan Negeri akan mengenalpasti kawasan industri baharu yang berhampiran dengan perkhidmatan logistik dan lebuh raya. Dan ini juga antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat pertama ECERDC yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Oktober yang lalu.

Yang seterusnya ialah menambahbaik sistem penyampaian untuk memastikan permohonan pelaburan dapat diluluskan dengan lebih cepat dan efisien. Dimana kita berhasrat dan mempunyai komitmen yang serius untuk mengurangkan karenah birokrasi kepada syarikat-syarikat yang ingin melakukan pelaburan di Negeri Terengganu tanpa meminggirkan kepentingan, memastikan ianya tidak mengganggu gugat kepentingan aset dan rakyat Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama, sebagai langkah memperkukuhkan prestasi syarikat-syarikat berkait Kerajaan atau GLC dengan izin, kita telah mengenalpasti perkara yang perlu dipertingkatkan dan meneruskan proses Racionalization and Segmentation Plan dengan izin. Pelan ini bertujuan untuk mengkategorikan anak-anak syarikat supaya mengikut sektor perniagaan supaya tidak ada persaingan dan tidak ada pertindihan fungsi atau tidak ada *redundancy* dengan izin, antara anak-anak syarikat. Pada masa yang sama, anak-anak syarikat dapat berkembang dan sekaligus meningkatkan ekonomi negeri serta memberi manfaat kepada rakyat. Bagi melaksanakan penambahbaikan terhadap anak-anak syarikat Terengganu Inc., Terengganu Incorporated ini dalam usaha untuk kita memperkukuhkan urus tadbir yang baik, *good governance* dengan izin, kita telah melantik perunding yang sedang melaksanakan kajian Terengganu Incorporated Group Organization Design and Corporate Transformation *Exercise* dengan izin, dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan organisasi syarikat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan juga bahawa keputusan UPSR akan diumumkan pada esok hari insyaAllah. Di kesempatan ini marilah kita mendoakan agar semua pelajar-pelajar anak Terengganu yang

telah menduduki UPSR beroleh kejayaan yang cemerlang. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan sejuta penghargaan terhadap segala dedikasi dan pengorbanan para guru, semua warga sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Persatuan Ibu-bapa dan guru dalam mendidik anak-anak Negeri Terengganu.

Kerajaan Negeri juga amat menghargai peranan wanita dalam pembangunan Negeri Terengganu. Sumbangan mereka tidak dapat dinafikan bahkan sangat signifikan. Bagi memartabatkan lagi peranan kaum wanita maka Kerajaan telah memutuskan untuk membawa cadangan bagi melantik seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Wanita, berdasarkan Fasal 27(2) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu yang akan mewakili semua suara wanita Negeri Terengganu(Tepukan Sokongan).....dalam sidang kali ini. Hujatul Islam, Imam Al-Ghazali telah menukilkan satu nasihat kepada para pemimpin iaitu kita semua dalam kitabnya yang masyhur At-Tib Rulalmasbuktin Nasihat Al-Muluk untuk memberikan perhatian kepada tiga perkara. Yang pertama, apabila rakyat meminta belas kasih, maka pemimpin wajib memberinya. Kedua, apabila menghukum rakyat maka pemimpin wajib berlaku adil. Ketiga, pemimpin mestilah melaksanakan apa yang telah dikatakan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan pada hari ini, untuk merakamkan ucapan tahniah pada semua Ahli Berhormat, Ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama menghayati budaya perkhidmatan dan sejahtera dalam Perbahasan Bajet 2019 ini. Semoga budaya ini dapat diteruskan dan dicontohi oleh semua pihak bagi melahirkan sikap taa'wun kerjasama dalam perkara-perkara yang mendatangkan kebaikan kepada rakyat dan Negeri Terengganu. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Al-Quranul Karim Surah Al-Maidah, ayat 2:

اعوذ بالله السميع العليم من الشيطان الرجيم
وَالْتَفَتُوا إِلَىٰ أُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ وَأَعْلِيٰكُمْ إِلَهُكُمْ وَإِلَىٰ اللَّهِ الْمَرْجِعُ
وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَىٰ الْبُغْضِ وَالْبُغْضُ لِلْعَدُوِّ وَالْعَدُوٌّ لِلْحَيْثُورِ وَالْحَيْثُورُ لِلْعَدُوِّ وَالْعَدُوٌّ لِلْحَيْثُورِ
الْعَقَابُ شَدِيدٌ اللَّهُ أَلِيمٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa yakni maksiat dan pencerobohan dan bertaqwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksanya bagi sesiapa yang melanggar perintahNya.

Akhir sekali, sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan, perbincangan dan apa jua saranan dan cadangan sepanjang Sidang Dewan Undangan Negeri ini dijalankan.

Dari Kuala Besut belayar ke Tanjung Lipat,
sampan berlabuh di Pulau Kapas,
marilah kita bulatkan sepakat,
jangan dikenang perkara yang lepas.

....(Tepukan Sokongan).....

Mencari sejarah di Tanjung Geliga,
Untuk dibawa ke Teluk Bidara,
Orang Terengganu hatinya mulia,
Itulah Negeri Maju Berkat Dan Sejahtera.

....(Tepukan Sokongan).....

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas ucapan penggulungan yang ditunggu-tunggu oleh semua pihak. Saya kira telah merangkumi semua isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang terhormat, siap dengan berpantun sekali. Alhamdulillah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita telah pun selesai membahaskan Enakmen Perbekalan 2019, sekarang saya buka kepada undian -

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2019 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2019 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2019 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan 2019**. Alhamdulillah Enakmen Perbekalan 2019 telah diluluskan.

**ENAKMEN LAMBANG-LAMBANG,
NAMA-NAMA DAN GELARAN-GELARAN
(MENCEGAH SALAH GUNA)(PINDAAN) 2018**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk meminda *The Emblems, Names and Titles (Prevention of Improper Use) Enactment, 1976* [En.Tr.11/1976], dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA THE EMBLEMS, NAMES AND TITLES
(PREVENTION OF IMPROPER USE) ENACTMENT, 1976,
DIBACA KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk meminda *The Emblems, Names and Titles (Prevention of Improper Use) Enactment*, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda *Emblems, Names and Titles (Prevention of Improper Use) Enactment, 1976* ("Enakmen 11").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan meminda tajuk panjang Enakmen 11 bagi meluaskan ruang lingkup pemakaian Enakmen selaras dengan Fasal 28 dan 29 Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu yang memberi pengiktirafan kepada

Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai satu-satunya sumber bagi segala penghormatan dan kebesaran dan Baginda sahajalah yang berhak untuk menganugerahkan gelaran dan kebesaran dan mewujudkan Darjah dan Pingat Penghormatan dan Kebesaran dalam Negeri Terengganu Darul Iman. Pindaan ini adalah perlu bagi membendung dan mengenakan hukuman yang lebih berat bagi kes-kes penyalahgunaan gelaran dan penghormatan tidak diiktiraf oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Kerajaan Negeri Terengganu. Pindaan ini juga membolehkan pelaksanaan dan penguatkuasaan Enakmen ini dengan lebih meluas berbanding dengan ruang lingkup Enakmen sedia ada.

4. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 1 Enakmen 11 dengan meminda tajuk ringkas. Pindaan ini bertujuan untuk mencerminkan ruang lingkup Enakmen yang diperluas berhubung dengan pencegahan salah guna gelaran dan penghormatan yang diwujudkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.

5. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 2 Enakmen 11. Pindaan ini bertujuan untuk memasukkan beberapa takrif baru ke dalam Enakmen 11 ekoran daripada perluasan ruang lingkup Enakmen 11. Takrif baru yang dimasukkan adalah takrif bagi *investiture* dan *gratification*. Manakala takrif *specified emblem* digantikan dengan takrif yang baru. Selain dari itu, takrif *specified title* juga digantikan dengan takrif *specified titles and honours*.

6. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 3 Enakmen 11. Perenggan 3(1)(a) dan (b) sedia ada digantikan sepenuhnya dengan perenggan yang baru bagi merangkumi perbuatan membeli dan menggunakan lambang-lambang, nama-nama atau gelaran dan penghormatan bagi pelbagai tujuan termasuk untuk kepentingan peribadi atau apa-apa kelebihan lain serta menjadikan perbuatan membuat, memesan atau menghasilkan apa-apa lambang-lambang, nama-nama atau gelaran dan penghormatan hendaklah mendapat kebenaran daripada Raja dalam Mesyuarat. Kegagalan untuk mendapatkan kebenaran daripada Raja dalam Mesyuarat bagi perbuatan yang dinyatakan adalah menjadi satu kesalahan di bawah perenggan 3(4) yang baru diwujudkan.

7. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 4 Enakmen 11. Pindaan ini merupakan pindaan berbangkit daripada peluasan ruang lingkup Enakmen.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A, 4B, 4C, 4D, 4E, 4F, 4G, dan 4H ke dalam Enakmen 11.

Seksyen baru 4A bertujuan untuk menetapkan bahawa apa-apa penghormatan, kebesaran, gelaran, Darjah Kebesaran dan Pingat Penghormatan dan Kebesaran yang tidak diwujudkan dan dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan adalah penghormatan, kebesaran, gelaran, Darjah Kebesaran dan Pingat Penghormatan dan Kebesaran yang tidak diiktiraf dan tidak boleh digunakan dalam Negeri Terengganu Darul Iman. Seksyen ini melarang sama sekali mana-mana orang daripada memberi, menerima atau memakai apa-apa gelaran penghormatan yang tidak diiktiraf dan sebarang pelanggaran peruntukan ini adalah merupakan suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman sebagaimana yang diperuntukkan.

Seksyen baru 4B bertujuan untuk menjadikan tindakan meminta, menerima atau memberi rasuah bagi mendapatkan gelaran dan kebesaran tidak diiktiraf sama ada untuk dirinya atau melalui mana-mana orang lain sebagai suatu kesalahan di bawah Enakmen ini. Kesalahan ini juga meliputi mana-mana orang yang membantu dalam perbuatan sedemikian. Seksyen ini juga memperuntukkan hukuman bagi kesalahan yang dinyatakan.

Seksyen baru 4C pula memperkatakan tentang Majlis Istiadat Pengurniaan yang tidak diiktiraf. Mana-mana Majlis Istiadat Pengurniaan yang lain dari majlis yang dijalankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan adalah Majlis Istiadat Pengurniaan yang tidak diiktiraf dan apa-apa pengurniaan yang diberikan dalam majlis tersebut adalah pengurniaan yang tidak diiktiraf. Seksyen ini juga merangkumi kesalahan mana-mana orang yang sama ada mengisytiharkan dirinya atau mana-mana orang lain sebagai Sultan, menghadiri, mempromosi, melibatkan diri, membantu atau mengadakan Majlis Istiadat Pengurniaan termasuk orang yang menyewa, menyediakan atau membenarkan mana-

mana premis digunakan untuk tujuan tersebut. Seksyen ini juga memperuntukkan hukuman bagi kesalahan yang dinyatakan.

Seksyen baru 4D bertujuan untuk menjadikan tindakan meminta, menerima atau memberi rasuah bagi menganjurkan Majlis Istiadat Pengurniaan yang tidak diiktiraf sama ada untuk dirinya atau melalui mana-mana orang lain sebagai suatu kesalahan di bawah Enakmen ini. Kesalahan ini juga meliputi mana-mana orang yang membantu dalam perbuatan sedemikian. Seksyen ini juga memperuntukkan hukuman bagi kesalahan yang dinyatakan.

Seksyen baru 4E pula memperkatakan tentang kesalahan bagi mana-mana orang yang memakai, menggunakan, mempamerkan atau mengaku dirinya sebagai pemegang gelaran dan kebesaran yang sah yang dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan tetapi sebenarnya orang itu tidak pernah dikurniakan gelaran dan kebesaran sedemikian. Seksyen ini juga memperuntukkan hukuman bagi kesalahan yang dinyatakan.

Seksyen baru 4F bertujuan untuk menjadikan tindakan menggunakan apa-apa gelaran dan kebesaran yang telah dibatalkan atau ditarik balik sebagai suatu kesalahan. Seksyen ini juga memperuntukkan hukuman bagi kesalahan yang dinyatakan.

Seksyen baru 4G pula bertujuan untuk menjadikan tindakan mana-mana orang yang menggunakan apa-apa gelaran dan kebesaran yang tidak layak digunakan oleh orang itu sebagai suatu kesalahan. Seksyen ini juga memperuntukkan hukuman bagi kesalahan yang dinyatakan.

Seksyen baru 4H pula memperkatakan tentang percubaan dan persubahatan mana-mana orang dalam melakukan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini akan dihukum mengikut seksyen yang berkenaan dengan kesalahan tersebut.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk memotong seksyen 5 Enakmen ibu.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 6 dengan meletakkan syarat bahawa sebarang tindakan pendakwaan yang hendak dijalankan mestilah dengan kebenaran bertulis dari Timbalan Pendakwa Raya terlebih dahulu selaras dengan peruntukan Kanun Tatacara Jenayah.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda Jadual bagi memasukkan seksyen 4A yang menjelaskan tentang gelaran dan kebesaran yang dianugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.

12. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam huraian ini adalah merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Implikasi Kewangan

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang di-Pertua saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap? Sila. Oleh kerana tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap, kita telah selesai mengemukakan Rang Enakmen Lambang-Lambang, Nama-Nama dan Gelaran-Gelaran, Mencegah Salah Guna Pindaan 2018. Sekarang saya buka kepada undian -

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

**RANG UNDANG-UNDANG
BERNAMA SUATU
ENAKMEN UNTUK
MEMINDA THE
EMBLEMS, NAMES
AND TITLES**

**(PREVENTION OF
IMPROPER USE)
ENACTMENT, 1976
[EN.TR.11/1976],
DIBACA BAGI KALI
YANG KEDUA.**

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA THE EMBLEMS, NAMES AND TITLES (PREVENTION OF IMPROPER USE) ENACTMENT, 1976 [EN.TR.11/1976], TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya maklumkan bahawa Rang

Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA DEWAN: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA THE EMBLEMS, NAMES AND TITLES (PREVENTION OF IMPROPER USE) ENACTMENT, 1976 [En.Tr.11/1976].

**DIPERBUAT UNDANG-
UNDANG INI OLEH
KUASA UNDANGAN
NEGERI
TERENGGANU DARUL
IMAN SEPERTI YANG
BERIKUT:**

1.

**ENAKMEN INI
BOLEHLA
H
DINAMAK
AN THE
EMBLEMS
, NAMES
AND
TITLES
(PREVENT
ION OF
IMPROPE
R USE)
(AMENDM
ENT)
ENACTME
NT 2018.**

**ENAKMEN INI
HENDAKL
AH
BERKUAT
KUASA
PADA
TARIKH
IANYA
DISIARKA
N DALAM
WARTA.**

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen The Emblems, Names And Titles (Prevention Of Improper Use)(Amendment) Enactment 2018.**

**ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA
ISLAM (TERENGGANU)(PINDAAN) 2018**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen Untuk Meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Terengganu 2017, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU
ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN UNDANG-
UNDANG KELUARGA ISLAM (TERENGGANU)
2017, DIBACA KALI YANG PERTAMA.**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017[En.Tr.1/2017](Selepas ini disebut "Enakmen").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuatkuasa Enakmen yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda tajuk panjang kerana telah berlaku kesilapan dalam percetakan yang memberi kesan kepada maksud Enakmen ini.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda dengan memasukkan subseksyen 4 dan 5 bagi membolehkan siasatan dan pendakwaan dibuat terhadap apa-apa pelanggaran Enakmen termansuh/terdahulu sebelum kuatkuasa Enakmen ini.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda Jadual dalam Enakmen bagi menggantikan perkataan "نصب" dengan perkataan "نسب".

Implikasi Kewangan

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang, saya buka untuk perbincangan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap? Tidak ada? Jadi kita selesai Rang Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) (Pindaan) 2018. Sekarang saya buka kepada undian -

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

**RANG UNDANG-UNDANG
BERNAMA SUATU
ENAKMEN UNTUK
MEMINDA ENAKMEN
UNDANG-UNDANG
KELUARGA ISLAM
(TERENGGANU) 2017,
DIBACA BAGI KALI
YANG KEDUA.**

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (TERENGGANU) 2017, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (TERENGGANU) 2017.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN SEPERTI YANG BERIKUT:

1. **ENAKMEN INI BOLEHLAH
DINAMAKAN
ENAKMEN UNDANG-
UNDANG KELUARGA
ISLAM
(TERENGGANU)(PIN
DAAN) 2018.**

**ENAKMEN INI
HENDAKLAH
DISIFATKAN TELAH
MULA
BERKUATKUASA
PADA 1 JULAI 2017.**

**ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
(TERENGGANU) 1422/2001M**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422 Hijrah/2001 Masihi, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU) 1422 HIJRAH/2001 MASIHI, DIBACA KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422 Hijrah/2001 Masihi, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 1422 Hijrah/2001 Masihi.

2. *Fasal 1* Rang Undang-Undang ini mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuatkuasa Enakman yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 5 dengan memotong perkataan "dan pengarah" dan memasukkan perkataan "Timbalan Pesuruhjaya dan seorang Setiausaha bagi Majlis".
4. *Fasal 3* bertujuan untuk menggantikan Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah dalam keanggotaan majlis dengan Ketua Pendakwa Syarie.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 9 dengan menggantikan subseksyen 1 dengan subseksyen 1 yang baru.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 29 dengan menggantikan Akta Syarikat 1965[Akta 125] dengan Akta Syarikat 2016 [Akta 777] kerana Akta 125 telah dimansuhkan.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 84 dengan memasukkan kuasa penamatan perlantikan Imam oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Implikasi Kewangan

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap? Tidak ada. Jadi, kita telah selesai Rang Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (Pindaan) 2018. Sekarang saya buka kepada undian –

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN

**PENTADBIRAN HAL
EHWAL AGAMA ISLAM
TERENGGANU 1422
HIJRAH/2001 MASIHI,
BACAAN KALI YANG
KEDUA.**

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM TERENGGANU 1422 HIJRAH/2001 MASIHI, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
BAGI MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL
EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU) 1422H/
2001M.**

**DIPERBUAT UNDANG-
UNDANG INI OLEH
KUASA UNDANGAN
NEGERI
TERENGGANU DARUL
IMAN SEPERTI YANG
BERIKUT:**

1. **ENAKMEN INI BOLEHLAH
DINAMAKAN
ENAKMEN
PENTADBIRAN HAL
EHWAL AGAMA
ISLAM
(TERENGGANU)(PIN
DAAN) 2018.**

(2) **ENAKMEN INI
HENDAKLAH MULA
BERKUATKUASA
PADA TARIKH YANG
DITETAPKAN OLEH
DULI YANG MAHA
MULIA SULTAN
MELALUI
PEMBERITAHUAN
DALAM WARTA.**

**ENAKMEN TANAH SIMPAN
BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360
[En.Tr.17/1360]**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim,
Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua,
saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen Untuk

Meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI
ORANG-ORANG MELAYU 1360 [En.Tr.17/1360].**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen Untuk Meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 9(iii) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (En.Tr.17/1360] supaya Pelaburan Hartanah Berhad dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) menjadi badan yang kepadanya Tanah Orang-Orang Melayu boleh dipindahmilik.

Implikasi Kewangan

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali kedua. Sekarang saya buka untuk perbincangan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap? Tidak ada? Kita telah selesai Rang Enakmen Tanah

Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) 2018. Sekarang saya buka kepada undian -

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

**RANG UNDANG-UNDANG
BERNAMA SUATU
ENAKMEN UNTUK
MEMINDA ENAKMEN
TANAH SIMPAN BAGI
ORANG-ORANG
MELAYU 1360
[EN.TR.17/1360],
DIBACA BAGI KALI
YANG KEDUA.**

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU
ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH
SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360
[EN.TR.17/1360], TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU
FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI
TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA.**

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI
ORANG-ORANG MELAYU 1360 [EN.TR.17/1360].**

**DIPERBUAT UNDANG-
UNDANG INI OLEH
KUASA UNDANGAN
NEGERI
TERENGGANU DARUL
IMAN SEPERTI YANG
BERIKUT:**

**1. ENAKMEN INI
BOLEHLAH
DINAMAKA
N
ENAKMEN
TANAH
SIMPAN
BAGI
ORANG-
ORANG
MELAYU
(PINDAAN)
2018.**

**(2) ENAKMEN INI
BERKUATK
UASA PADA
TARIKH
IANYA
DISIARKAN
DALAM
WARTA.**

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2019

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1996, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan

*peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi
Tahun 2019 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL:*

JADUAL						
Maksud	Tajuk Maksud	Negeri (RM)	Diganti Oleh Persekutuan (RM)	Pinjaman (Negeri) (RM)	Pinjaman (Pusat) (RM)	JUMLAH (RM)
P.02	Pejabat Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	493,980,530.00	-	-	-	493,980,530.00
P.04	Pejabat Perbendaharaan	600,010.00	-	-	-	600,010.00
P.10	Jabatan Kerja Raya	2,020,110.00	-	-	-	2,020,110.00
P.11	Jabatan Pengairan & Saliran	2,000,030.00	-	-	-	2,000,030.00
P.12	Pejabat Daerah Besut	2,000,000.00	-	-	-	2,000,000.00
P.13	Pejabat Daerah Dungun	1,500,000.00	-	-	-	1,500,000.00
P.14	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	1,000,000.00	-	-	-	1,000,000.00
P.15	Pejabat Daerah Kemaman	1,500,000.00	-	-	-	1,500,000.00
P.16	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	2,500,000.00	-	-	-	2,500,000.00
P.17	Pejabat Daerah Marang	1,500,000.00	-	-	-	1,500,000.00
P.18	Pejabat Daerah Setiu	1,000,000.00	-	-	-	1,000,000.00
P.19	Pejabat Pengarah Tanah & Galian	50,000,000.00	-	-	-	50,000,000.00
P.29	Pejabat Perhutanan	300,000.00	-	-	-	300,000.00
P.30	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	350,080.00	-	-	-	350,080.00
P.31	Jabatan Pertanian	300,000.00	-	-	-	300,000.00
P.32	Pelbagai Pembangunan	37,345,110.00	-	-	-	37,345,110.00
P.35	Pejabat Daerah Kuala Nerus	1,500,000.00	-	-	-	1,500,000.00
	JUMLAH BESAR:	599,395,870.00	-	-	-	599,395,870.00

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil. 5/2018.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbincangan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap? Tidak ada. Saya persilakan pihak Kerajaan untuk membuat pengumuman sekiranya ada. Tidak ada. Sekarang saya buka kepada undian

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2019

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Ramanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut seksyen kecil (2) kepada seksyen (4) Enakmen Kumpulan Wang Perbekalan Air 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan dari Kumpulan Wang Perbekalan Air Negeri untuk Rancangan-rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2019 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL:

JADUAL			
Tajuk	Perbelanjaan Negeri (RM)	Pinjaman Pusat (RM)	Jumlah (RM)
Pengurusan Perbekalan Air	803,540.20	-	803,540.20
Pembangunan Perbekalan Air	1,000,070.00	-	1,000,070.00
JUMLAH	1,803,610.20	-	1,803,610.20"

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil.6/2018.

Yang Berhormat Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yang Berhormat Yang di-Pertua saya mohon meyokong Usul itu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada sesiapa di kalangan Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap? Tidak ada. Sekarang saya buka kepada undian-

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

Jawatankuasa Terpilih Pengurusan Dewan

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):
Bismillahir Ramanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarokatuh.
Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju untuk menubuhkan dan melantik suatu Jawatankuasa Terpilih Pengurusan Dewan menurut Fasal 103 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan ahli-ahlinya terdiri daripada:

- 1. Y.B. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri - Pengerusi*
- 2. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim*
- 3. Y.B. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi*
- 4. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik*
- 5. Y.B. Haji Hilmi bin Harun*
- 6. Y.B. Ir. Saiful Azmi bin Suhaili*
- 7. Y.B. Dato' Haji Rozi bin Mamat*
- 8. Setiausaha Dewan Undangan Negeri - Setiausaha”*

Yang Berhormat Yang di-Pertua, skop kerja dan tugas bidang tugas Jawatankuasa ini adalah:

- Menyemak dan menambahbaik pentadbiran, pengurusan dan peranan Dewan.
- Menyemak dan menambahbaik Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan.

- Menyemak dan menambahbaik perjalanan Sidang Dewan.
- Menyemak dan menambahbaik kebajikan Ahli-ahli Dewan.
- Berkuasa melantik Jawatankuasa Kecil (seperti Panel Penyelidik) bagi membantu Jawatankuasa Terpilih ini termasuk meluluskan peruntukan yang berkaitan dengannya.

Yang Berhormat Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):
Yang Berhormat Yang di-Pertua saya mohon meyakong Usul itu.

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan
dipersetujui dengan sebulat suara.*

USUL INI DITERIMA.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita telah selesai semua Enakmen-Enakmen dan juga kita telah selesai sebahagian daripada Usul-Usul. InsyaAllah ada lagi Usul yang akan dikemukakan pada hari esok. Oleh kerana itu saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan ini pada hari esok, 29 November jam 9.30 pagi.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-Ahli Berhormat sekalian marilah kita tangguh Persidangan kita ini dengan membaca Tasbih Kafarah dan Surahatul 'Asr.

Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala Wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.05 PETANG.

PERSIDANGAN

PADA HARI KHAMIS, 29 NOVEMBER 2018

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Haji Yahaya bin Ali, PJC

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Maliaman bin Kassim
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Dato' Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL BULUH GADING

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji A. Rahman bin Yahya, DPMT.,AMZ.,KMN.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Tuan Haji Mohd Zahari bin Md. Azhar, SMT.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Zulkifly bin Isa, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan mesyuarat ataupun Persidangan kita pada pagi ini, marilah sama-sama untuk mendapat keberkatan kita membaca Ummul Quran, Al-Fatihah.

Alhamdulillah, semalam ataupun kemarin, selain dari kita luluskan Enakmen Perbekalan 2019 ataupun Enakmen Bajet, kita juga mengambil masa yang agak singkat dan pantas tanpa bahas sebenarnya, untuk meluluskan empat Enakmen yang lain iaitu Enakmen Lambang-Lambang, Nama-Nama Dan Gelaran-Gelaran (Mencegah Salah Guna) Enakmen 1976 (Pindaan) 2018. Yang kedua, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) (Pindaan) 2018. Yang ketiga, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (Pindaan) 2018, dan yang keempat Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) 2018. Dan pada masa yang sama juga semalam kita telah meluluskan tiga usul iaitu Usul Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri 2019, Usul Perbekalan Air 2019 dan Usul Pelantikan Jawatankuasa Pilihan, *Select Committee* Pengurusan Dewan.

Oleh itu, Tertib Pekerjaan Dewan kita pada hari ini saya rasakan kita agak selesa, agak relaks sebab tidak banyak Tertib Pekerjaan lain. Sebelum saya meneruskan Soalan-soalan Lisan, saya nak umumkan di antara Pemerhati yang datang untuk mengikuti Persidangan kita pada pagi ini termasuklah rombongan daripada Kelantan antaranya:

1. Yang Berhormat Hajah Mumtaz Mohd Naww, EXCO Negeri Kelantan, (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesejahteraan Rakyat).
2. Yang Berhormat Hajah Rohani Ibrahim berserta rombongan daripada Kelantan dan juga Dewan Muslimat PAS Malaysia.

Dan selain daripada itu ada juga Pemerhati yang datang pada hari ini daripada:

- Pejabat ADUN Rantau Abang,
- Pejabat ADUN Bukit Besi,
- Dewan Muslimat Marang,
- Dewan Muslimat Setiu dan;
- PAS Alor Setar, Kedah.

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Ahli-Ahli Yang Bert hormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada hari ini pada 29 November 2018 adalah sebagaimana berikut:

1. Yang Bert hormat Dato' Seri Haji Mohd Razif bin Abdul Rahman
(Wakil Seberang Takir)
2. Yang Bert hormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
(Wakil Sura)
3. Yang Bert hormat Haji Ridzuan bin Hashim
(Wakil Buluh Gading)
4. Yang Bert hormat Haji Hilmi bin Harun
(Wakil Manir)
5. Yang Bert hormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
(Wakil Jertih)
6. Yang Bert hormat Haji Alias bin Harun
(Wakil Rantau Abang)
7. Yang Bert hormat Sulaiman bin Sulong
(Wakil Pengkalan Berangan)
8. Yang Bert hormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman
(Wakil Batu Rakit)
9. Yang Bert hormat Ahmad Shah bin Mohamed
(Wakil Bandar)

10. Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
(Wakil Kuala Besut)
11. Yang Berhormat Dato' Halim bin Jusoh
(Wakil Permaisuri)
12. Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
(Wakil Kemasik)

13. Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
(Wakil Tepoh)
14. Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
(Wakil Batu Burok)

Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, Wakil Seberang Takir untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN
(Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuhdan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua soalan saya soalan yang kedua -

Adakah kerajaan mempunyai satu petanda aras atau KPI di dalam memastikan tahap kebersihan bandar-bandar dan pulau-pulau berada di tahap yang baik bagi memastikan tahap kesihatan dan keselesaan pelancong?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai Kerajaan, Pemerhati yang dikasihi sekalian. Soalan daripada Wakil Seberang Takir berbunyi: Adakah Kerajaan mempunyai satu petanda aras ataupun KPI di dalam memastikan tahap kebersihan bandar-bandar dan pulau-pulau berada di tahap yang baik bagi memastikan tahap kesihatan dan keselesaan pelancong.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan, mana-mana Kerajaan pun termasuklah Kerajaan Terengganu Darul Iman ini ada meletakkan petanda aras ataupun KPI bagi memastikan tahap kebersihan di bandar-bandar dan juga di pulau-pulau supaya sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan pemantauan juga dibuat secara berkala dari masa ke semasa. Hasil daripada itulah yang sebagaimana yang saya sebutkan semalam kita telah mendapat penarafan yang amat membanggakan kita. Sekian terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Soalan tambahan yang pertama: Jadi sebelum ini Kerajaan yang terdahulu ada menyediakan satu peruntukan yang agak besarlah untuk kebersihan ini, terutama kepada PBT dan juga disamping itu menyediakan peluang-peluang pekerjaan di mana ramai rakyat-rakyat Terengganu hari ini dapat peluang untuk menjadi kakitangan ataupun menganggotai peluang-peluang pekerjaan yang telah kita sediakan berasas kepada kontrak-kontrak kebersihan yang telah kita laksanakan sebelum ini. Adakah kontrak ini masih akan diteruskan untuk tahun hadapan? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Terima kasih Wakil Seberang Takir. Kalau diperhatikan dalam Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 25hb yang lalu, peruntukan untuk PBT diberi sampai RM230 juta dan khas untuk kebersihan kawasan-kawasan rekreasi pelancongan RM4 juta. Dan kita masih meneruskan kontrak-kontrak angkut sampah dan pembersihan kawasan seperti biasa. Cuma kita buka tender baru untuk tahun hadapan dan telah dibuka dan akan dipilih dalam masa yang terdekat ini untuk meneruskan supaya kebersihan bandar dan pulau-pulau kita dapat dijaga dengan baik untuk menjaga tahap kesihatan dan juga keselesaan kepada pelancong supaya datang ke Negeri Terengganu, insyaAllah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Soalan tambahan saya yang kedua, Tuan Yang di-Pertua. Kalau ikut kepada Bajet kita yang lepas, kita Kerajaan yang terdahulu memperuntukkan lebih kurang RM50 juta hanya untuk memastikan kebersihan terutama di kawasan-kawasan PBT. Yang ini menjadi kebimbanganlah kepada saya kerana peruntukan yang dimaklumkan tadi

hanya RM4 juta dan lebih-lebih lagi keupayaan PBT apabila tidak lagi mereka dapat mengutip Cukai-cukai Pintu dan ini juga mengakibatkan akan timbul permasalahan kewangan di peringkat PBT-PBT. Jadisaya dalam soalan saya ini adalah saya nak dapatkan makluman daripada pihak Kerajaan, apakah alternatif-alternatif yang akan dilaksanakan supaya yang paling penting sekali adalah kita nak memastikan dengan kebersihan yang sekarang ini, yang memang Terengganu sekarang amat dikenali sebagai antara negeri yang terbersih terutama di Kuala Terengganu sehingga mendapat banyak anugerah-anugerah ini. Jadi ini menjadi satu kebimbangan kepada sayalah kerana apabila berlakunya ada keadaan kewangan yang sebegini, mampu atau tidak untuk kita meneruskan ataupun memastikan ini dikekalkan.

Dan yang akhir sekali, saya mohonlah Yang Amat Berhormat dan juga Yang Berhormat Kerajaan apabila membuat kontrak baru, pastikanlah bahawa pekerja-pekerja yang memang mereka bergantung sepenuhnya dengan pekerjaan yang kita wujudkan ini untuk memberi peluang mereka supaya mereka ini juga jangan dipinggirkan. Jadi apabila dapat sahaja kontrak kepada mana-mana syarikat yang baru, pastikan pekerja-pekerja atau kebajikan pekerja yang lama ini mereka akan juga akan diambil oleh majikan-majikan yang baru. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Terima kasih Seberang Takir yang sangat prihatin tentang kebersihan. Memang kita semua rakyat Terengganu ini menginginkan satu bandar yang bersih dan juga sejahtera. Kebimbangan Seberang Takir itu telah saya jawab semalam, di mana walaupun kita kehilangan kutipan cukai rumah kediaman dalam sekitar RM14 juta lebih setahun, ia akan ditampung, memang kita buat Bajet begitu. Akan ditampung oleh Kerajaan bagi memastikan kontrak-kontrak kebersihan dan pengangkutan sampah ini dapat berjalan seperti biasa supaya tidak timbul isu soal tidak cukup peruntukan untuk memastikan bandar-bandar kita ini terus mendapat kontrak-kontrak yang baik untuk menjaga kebersihan dan juga pengangkutan sampah tadi. Soal berkaitan dengan pekerja-pekerja kontrak, ini diluar kemampuan Kerajaan sebab bila kontraktor baru mungkin, sambung yang lama pun mungkin, yang baru pun mungkin, maka dia ada hak untuk memilih pekerja-pekerja mereka sendiri. Tapi saya yakin, kontraktor-kontraktor baru pun, dia akan cari bekas-bekas pekerja lama yang berpengalaman untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan itu menjadi bertambah baik dari masa ke semasa. Dan saya harap ini terpulanglah kepada kontraktor baru untuk dia memastikan bahawa pekerja-pekerja lama daripada kontrak asal itu dapat diteruskan

dan Kerajaan tidak boleh campur banyak sangat dalam soal menentukan pekerja-pekerja yang akan diambil oleh kontraktor. Tugas kita hanya memberi kontrak kepada kontraktor yang layak setelah dibuat pemilihan oleh Jawatankuasa Tender kita, insyaAllah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT TUAN YANG DI-PERTUA: Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Buluh Gading untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Y.B. pah mana ni? Uzur, mc?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili Yang Berhormat Buluh Gading bagi mengemukakan soalan, soalan saya nombor 1 -

Nyatakan perkembangan terkini usaha dan langkah Kerajaan dalam mengatasi pembangunan Taman Ilmu di Kampung Tembila, Besut?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, ADUN Buluh Gading bertanyakan soalan: Nyatakan perkembangan terkini usaha dan langkah Kerajaan dalam mengatasi pembangunan Taman Ilmu di Kampung Tembila, Besut.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Negeri termasuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya sendiri pernah turun ke lapangan meninjau perkembangan Taman Ilmu di Kampung Tembila, Besut ini. Sebagaimana sedia maklum, apa yang berlaku dengan Tembila ataupun Taman Ilmu ini dimaklumkan kepada kita kalau kita nak baiki semua kos keseluruhan projek ini menelan belanja RM350 juta. Kalau kita nak baiki balik dia akan menelan belanja RM400 juta. Jadi orang panggil mahal tali pada kerbau dah ni. Tapi apapun, kita tidak akan membiarkan projek ini menjadi orang panggil Projek Gajah Putihlah. InsyaAllah Kerajaan akan berusaha dan membuat kajian untuk membangunkan Taman Ilmu di Tembila, Besut ini mengikut, itupun kita mengambil kira kemampuan kewangan Kerajaan Negeri. Dan setakat ini sebagaimana yang sedia maklum, ada melibatkan kes mahkamah, tuntutan terhadap Kerajaan Negeri sebelum pada ini melibatkan POSTI dan Kerajaan Negeri pun terpaksa membayar POSTI Sdn Bhd berjumlah RM45

juta. Dahlah projek tak siap, Kerajaan Negeri kena bayar pula RM45 juta. Dan telah kita pun tak tahu macam mana keputusan yang lalu, bila selesai RM45 juta tu, kita ingat habis situ doh, Kerajaan bersetuju pula nak beri LOI kepada 17 kontraktor itu. Ini menyebabkan orang panggil pembangunan yang akan berlaku di kawasan Taman Ilmu tu akan agak terenjat lah. Dan apa-apa pembangunan tanpa melalui ni, akan ada pula saman baru pula kepada Kerajaan Negeri. Dan kita dapat makluman macam *jujuk* pula nak saman Kerajaan Negeri ini. Tapi apa pun.....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Lualan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Setakat ini UniSZA telah.....

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sekejap Yang Berhormat, sekejap.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hah?

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sekejap. Kita teruskan. Sambung dulu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): UniSZA menggunakan 2 blok bangunan asrama Parcel B dan juga 4 tingkat dan juga UniSZA diberikan pengecualian sewalah bangunan selama 10 tahun dengan syarat kos baikpulih bangunan tersebut ditanggung sepenuhnya oleh UniSZA. Makna UniSZA dah ambil 2 blok bangunan dan kos baiki tu pun ditanggung oleh pihak UniSZA. Kita dimaklumkan dalam lebih kurang RM10 juta juga. Habis kalau 2 blok pun RM10 juta, bayangkanlah. Dan sebelum pada ini, pada bulan 1 dahulu, ada permohonan Akademi Seni, Budaya dan Warisan Kebangsaan ASMARA, eh, minta maaf, ASWARA minta maaf.....(Sambil gelak) [Dewan terus gelak]....

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Jauh beza tu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta maaf Yang di-Pertua, minta maaf. Akademi Seni, Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Dia balik 'W' tu. Untuk menggunapakai bangunan pusat belajar dan juga asrama di Parcel D dan juga H-6 tapi setakat ini belum ada apa-apa baikpulih bangunan yang hasratnya akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Kementerian. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Paka yang telah memberikan penjelasan berkenaan dengan Taman Ilmu, Tembila. Saya tertarik dengan beberapa maklumat yang dikemukakan kepada Dewan sebentar tadi berkait dengan usaha-usaha untuk menyaman Kerajaan Negeri. Selain daripada POSTI yang telah kita selesaikan pembayaran RM45 juta di luar mahkamah, apakah di sana masih banyak syarikat-syarikat yang berusaha untuk menyaman seperti dakwaan Paka sebentar tadi dan apakah kesilapan yang telah dilakukan dalam terma kontrak sehingga menyebabkan saman-saman ini bakal dimulakan oleh pihak syarikat sepertimana yang disebutkan sebentar tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Untuk makluman Yang Berhormat Tepoh, setakat ini 6 lagi syarikat hok tunggu nak saman Kerajaan Negeri. Dah POSTI tu kes dia selesai, ingat masuk dalam POSTI tu sekaliguslah habislah RM45 juta. Mari pula hak lain ni jujuk ni.(Sambil gelak)... Mampus Kerajaan Negeri lagu ni. Tapi tak apalah, tapi kita dokleh ulas lanjutlah sebab ni melibatkan mahkamah. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Soalan terakhir Tuan Yang di-Pertua. Kita mengikuti perkembangan universiti-universiti yang didakwa dalam Dewan sebelum daripada ini yang berminat untuk menduduki Kampus Tembila, jadi kita ingin mendapatkan maklumat selain daripada ASWARA yang berminat, adakah universiti-universiti lain yang juga berminat untuk menduduki Kampus Tembila atau sebenarnya Tembila saya pohon secara jujurnya sedang menuju gajah putih? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Setakat ini tidak ada permohonan baru tapi banyak permohonan-permohonan dan juga yang kita sedang apa panggil teliti termasuklah daripada luar negara untuk membaikpulih. Jadi kita akan maklumkan kemudian. Dan setakat ini takdok lagi universiti-universiti lain yang memohon untuk apa beroperasi di kawasan Taman Ilmu ni. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang di-Pertua, ni di antara benda-benda yang berlaku sebelum daripada pilihan raya, PRU yang ke-14 dulu. Di antara slogan yang keluar dengan 'Lok Kohor Punoh'. Jadi adakah dengan kos yang begitu tinggi ini, Kerajaan kata mungkin nak tengok nak baiki apa semua itu, apakah sejauh mana *structure* yang ada tu boleh di sambung semula ataupun kena rombak terus, buang terus ke macam mana? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hok ni bukan kepakaran saya Yang Berhormat, ni kena tanya JKR ni. Tapi sepanjang yang kita lihat, kita rasa ada sebahagian besar bangunan itu dari segi *structure* dia tu kita boleh pakai, doklah macam apa, stadium kita tu luruh terus atap *ork*? Tapi secara keseluruhan tu memang rosaklah, berapa termasuklah apa dewan besar apa sebagainya tapi apa yang mampu Kerajaan baik pulih dulu termasuk padang apa sebagainya untuk kegunaan segera bagi pihak pelajar-pelajar UniSZA, ada yang kita boleh memanfaatkan, insyaAllah. Cuma sebagaimana saya sebut kelmarin, itu harilah, kita hendak ungit banyak pun ini cerita lama Kerajaan dulu, jadi kita tahu dah bila kahwin janda ni dah ada anak, ada apa, jadi liabiliti tu kita kena tanggunglah. Nak buat macam mana *ork*? Ke guaner Telemong?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Nak ke *takmboh*?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tok laki lama ada nok lagi ke? Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Pihak kerajaan tidak boleh mengeluh, apabila dah menjadi Kerajaan ni, dia kena ambil tanggungjawab sepenuhnya tanggungannya. Hutang ke, saman ke, biasa dia doh. Boleh setuju gitu Yang Berhormat dengan saya? Boleh bersetuju dok? Baik. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI HARUN (Wakil Manir): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1 -

Berapakah jumlah hasil yang diperolehi dari pasir silika di Negeri Terengganu dari Januari 2014 September 2018?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, dan rakan-rakan sekalian. Soalan 1 daripada Manir: Berapakah jumlah hasil yang diperolehi dari pasir silika di Negeri Terengganu dari Januari 2014 sehingga September 2018? Dalam lebih kurang 5 tahun.

Banyak soalan sebenarnya yang berkisar di sekitar silika kali ini, cuma hasil yang diterima sejak daripada 2014 sehingga September 2018 cuma berjumlah RM385,840.31. Okey, itu jawapan kita.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, sila Yang terhormat ada soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang di-Pertua, oleh kerana kita melihat hasil yang telah diberitahu itu, saya menganggarkan ia adalah satu hasil yang sedikit. Jadi sejauh mana, apa nama ni, polisi ataupun hasil tersebut boleh dikembangkan oleh Kerajaan mungkin terlibat dengan polisi-polisi yang cara kutip tu jadi dapat sikit kepada Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Hasil yang saya sebut tadi tu adalah dari dua sumber. Satunya, dia sebut *tribute* yang dibayar kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri dan satu lagi ialah daripada hasil royalti yang diterima oleh PTG. Untuk makluman, jumlah hasil ini ialah berdasarkan kepada kadar royalti yang lama iaitu RM1.50 setiap tan. Kalau selori tu kalau 6 tan lebih kurang RM9. Harga silika mahal tetapi royaltinya terlalu rendah. Dan ini berlaku berterusan dan tidak dipinda. Jadi apabila kita melihat bayaran royalti ini terlalu rendah maka Kerajaan telah membuat pindaan baru. Kerajaan baru ni membuat pindaan baru kepada kadar baru, kadar royalti yang dikenakan kepada pasir silika. Kalau dulu RM1.50 se tan, insyaAllah MMKN telah bersetuju untuk menggunakan kadar baru, iaitu RM5.00 setiap tan. RM5 itu kalau pasir itu digunakan dalam negeri, tapi kalau *dieksport* kena bayar sekali ganda RM10 se tan. Itu yang berlaku. Satu lagi bayaran ialah pengalihan pasir silika dari satu tempat ke satu tempat yang dipanggil doket. Orang buat kerja tanah ni tahu sangat tentang doket. Tapi malangnya kalau kita lihat setiap lori yang keluar daripada kawasan itu dicaj RM1, sama ada selori, satu van, satu beca semuanya dicaj RM1 belaka se lori. Ini sangat tidak betul. Jadi kita bercadang untuk memindanya lagi. Kadar baru ini akan

berkuatkuasa setelah diwartakan dan dijangka pada bulan Disember ini, insyaAllah diwartakan, kadar baru yang saya sebutkan tadi, royalti tadi.

Dan hasil juga kita dapati daripada bayaran tanah itu sendiri, untuk tanah ni kita kalau di Bari tu, dia ada dua petak yang kita keluarkan daripada mereka itu yang berjumlah 919 hektar, hasil yang dibayar kepada kita ialah RM228,930.00 sahaja. Dan *consession* ini tamat pada 2035 di Bari. Di sebelah sini Bukit Senyamuk kita berikan tanah seluas 68.03 hektar dan akan tamat pada 2021.

Dan kalau boleh saya terangkan sikit lagi pengeluaran banyak mana pengeluaran silika selama ini. Daripada Januari 2014 sehingga Ogos 2018 pengeluaran silika ialah 240,579.50 metrik tan. Saya kira itu sahaja jawapan pada soalan tambahan itu tadi.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini antara sumber baru Kerajaan Negeri Terengganu, jadi sejauh mana Kerajaan Negeri boleh menjadikan dia sumber yang mungkin mengurangkan kebergantungan kita dengan royalti minyak selama ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kerajaan Negeri mempunyai harapan yang tinggi kepada pengeluaran silika ini dan hasil yang akan kita akan dapati kelak. Itulah yang saya sebut semalam itu, berkenaan dengan bagaimana kita nak berikan kawasan ini kepada pelabur-pelabur dalam bentuk yang mana. Bukan kita nak jual begitu saja, dengan kita kata, okey ambil tanah ini, kita pun minta berapa bayaran daripada mereka ataupun kita nak buat siasatan dahulu, kita tetapkan di mana adanya kawasan ini dan kita jual dengan data dan kawasan yang telah diperlukan itu sahaja, mungkin lebih mahal. Jadi, itu sedang kita lakukan, insyaAllah selepas pada ini kita akan buat satu dasar tetap mengenai mengenai industri silika ini supaya jelas untuk pelabur mengetahui apakah sebenar kehendak negeri berkenaan dengan industri pasir silika ini. Dan saya jangka kalau ini berlaku, kalaulah insyaAllah pelabur-pelabur datang, dia akan memberi pulangan yang besar kepada negeri dalam bentuk royalti dan juga *tribute* dan sebagainya dan juga hasil pekerjaan nanti akan dapat dinikmati oleh penduduk sekitar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan tambahan yang ketiga. Dalam perbahasan Yang Berhormat Ladang semalam ada menyebut berkait dengan kuantiti pasir silika di Bari yang boleh bertahan antara 180-200 tahun. Soalan saya ialah: Berapa banyakkah ia boleh bertahan jika sekiranya dikeluarkan dalam jumlah yang tertentu pada setiap tahun?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yalah, mengikut kajian yang mereka buat, dia kata bertahan sehingga 180 tahun dengan kadar yang ada sekarang ini. Kita kata, kalau dia *double up*, maknanya tambah sekali ganda, kemungkinan dia akan bertahan lebih kurang 100 tahun iaitu sudah cukup lama. Isu yang mungkin tidak ditanya ialah bagaimana dengan kawasan-kawasan yang telah diambil, bagaimana dengan keadaan tahap muka bumi nanti, gali, gali, gali jadi...jadi apa ni, kolam besar, nak buat guaner pula itu. Saya bertanya kepada mereka. Katanya, dia ada beberapa pilihan. Sebahagian besarnya akan ditambun semula lebih kurang 30%. Yang lain itu, dan bentuk kolam itu, dia kata kita boleh buat, dan dia akan buat untuk perusahaan solar, *solar energy* maknanya panel solar itu dia letak dalam air. Jadi tutup kolam itu, dan ini satu lagi perusahaan yang boleh dijanakan melalui kolam-kolam yang telah selesai diambil tanah silika itu. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya persilakan Wakil Jertih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan yang kedua -

Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberi pampasan kepada peniaga-peniaga di Pasar Jertih yang menunggu (tidak dapat berniaga) sementara mendapat lot niaga di Jertih Square, Besut?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat Pegawai Kerajaan dan Pemerhati sekalian. Terima kasih Jertih yang telah bertanya kepada Kerajaan soalan yang berbunyi: Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberi

pampasan kepada peniaga-peniaga pasar malam Jertih yang menunggu, yakni tidak dapat meniaga sementara mendapat blok meniaga di Jertih Square, Besut?

Untuk makluman Dewan, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk membayar pampasan kepada peniaga yang tidak dapat berniaga adalah kerana peniaga tersebut merupakan mereka yang tidak layak untuk disewakan premis selepas dibuat pemutihan. Pemutihan dibuat berdasarkan, pertamanya, ada beberapa peniaga yang memiliki lebih daripada satu premis. Yang kedua, yang tidak membayar sewa dan yang ketiga, yang tidak aktif berniaga, berniaga sekali sekala. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, soalan tambahan pertama. Ada sedikit kesilapan maklumat tu. Sebenarnya yang ditanya itu adalah mereka yang layak, yang mana apabila gerai baru yang disiapkan 100, saya pun tak tahu jumlah tepatlah, kata 130, kata 136 yang terbaru. Tapi, ada lagi berbaki dalam 40 orang yang layak sebenarnya. Tetapi apa nama ini, mereka terpaksa menunggu gerai sementara siap untuk memulakan perniagaan di tempat baru, makna ini yang layaklah ni, yang telah ditapis oleh Ahli Majlis Daerah Besut dan juga pihak Pengurusan Daerah. Jadi, sementara menunggu tempoh gerai sementara siap, adakah Kerajaan Negeri bercadang, cuma soalan ni dikemukakan kerana dulunya kita jangkakan nak siap gerai sementara ini, 2 bulan. Tapi, saya difahamkan katanya hari ini dah masuk api dah, maknanya dalam 3 minggu siap, tahniahlah 3 minggu siap. Tapi, dalam proses tersebut mereka ataupun peniaga ini tidak mengurus niaga. Jadi, adakah Kerajaan bersimpati untuk memberi saguhati kepada beberapa peniaga yang layak ni, yang layak kerana mereka telah 3 minggu tak berniaga. Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Terima kasih Jertih yang prihatin dengan rakyat. Baguslah, bagus. Maklumat yang sebenar jumlah peniaga yang menyewa di Pasar Jertih adalah 218 orang. Walau bagaimanapun, setelah proses pemutihan dibuat terhadap penyewa seperti saya sebutkan tadi lebih 100 premis ataupun yang tidak bayar sewa melebihi 3 bulan ataupun yang tidak aktif meniaga tinggalnya 136 orang sahaja. Maknanya 82 ini dikira yang tidak aktif. Daripada 136 yang aktif ini telah dipindahkan semuanya di *Jertih Square*, dia sudah meniaga di *Jertih Square*. Walau bagaimanapun, bagi yang...apa tadi...yang tidak aktif tadi,

ataupun yang tidak bayar sewa tadi, kita akan menempatkan mereka, 40 orang itu di bangunan sementara yang dijangka disiap, disebut tadi memang dijangka siap hujung November dan awal bulan depan boleh kita masuk seramai 40 orang ini bila mereka menjelaskan tunggakan sewa itu, insyaAllah akan ditempatkan di situ. Sementara 16 orang telah pun ditempatkan di Jertih Souq bangunan lama yang sedia ada. Jadi, tidak timbul masalah yang dikatakan tidak ada tempat untuk meniaga. Untuk makluman Dewan dan juga Wakil Jertih, pasar baharu, Pasar Jertih kita panggil, yang dalam pembinaan, ada 98 unit belum siap, dijangka siap November tahun hadapan. Bila siap kesemuanya itu, insyaAllah masih ada baki lagi setelah kita akan ambil semua yang layak, tak layak untuk meniaga masih ada baki 33 unit dan ini akan ditawarkan kepada usahawan-usahawan ataupun peniaga baru yang nak memulakan menceburi dalam bidang perniagaan. InsyaAllah, dalam soal ini kita begitu prihatin mengambil tanggungjawab memastikan semua mereka ini yang telah bayar sewa pun, kita akan tempatkan di tempat baharu nanti. InsyaAllah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Soalan tambahan kedua. Jadi, tak apalah, kita tanya hasrat nak bayar ke tak saguhati, tapi tak apa mungkin.....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tadi jawab dah, tidak ada hasrat pun sebab tidak timbul masalah dia tak boleh niaga.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, tak apalah. Soalan tambahan kedua: Yalah maknanya tempoh yang mereka tidak meniaga pun tak lama sangat dalam 3 minggu, cuma saya juga dapat berita kalau bolehlah kita buat yang terbaik iaitu Kerajaan Negeri melalui Majlis Daerah kerana kita dapati yang pertamanya, telah ada mereka yang dapat gerai tak meniaga lagi telahpun jual, telah ada. Dan dengar cerita jual pulak, jual kepada rakan kita nun, daripada Pasir Putih. Jadi, benda-benda ni ialah makna cerita ni dia susah nak tadbir sebuah....tapi kalau boleh ada kaedah dibuat, cara mana langkah supaya kalau nak jual jugak, juallah kepada orang tempatan dan sebagainya.

Yang kedua, Yang Berhormat Yang di-Pertua, ada jugak daripada peniaga baru, dia tak meniaga lagi tapi telah dapat, jadi kalau boleh sementara kita menunggu pasar basah yang siap ataupun masih ada lagi di gerai tingkat 2

Jertih, Souq yang kosong maka, kalau peniaga nak baru, baiklah kita bagi yang tingkat 2 ataupun yang kita tunggu pasar basah tu tapi ada suara-suara dari peniaga lama, dia kata dia hok lama gi duduk, gi pindah di gerai sementara tapi tetapi ada penama baru mendapat gerai baru. Jadi saya pun tak dapat maklumat yang tepat sebenarnya, jadi kalau boleh mintak Kerajaan pantaulah untuk kita nak elak suara-suara ni berada dalam masyarakatlah.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Dan yang terakhir, yang terakhir ni tak berkait dengan soalan ni, tapi dia jiran, iaitu saya menghadapi masalah berkait dengan pertanyaan dipanggil JTC (Jertih Trade Centre). Dia ada masalah antara Kerajaan dengan kontraktor, jadi kalau tidak ada langkah yang diambil maka saya ingat, bangunan yang telah 95% siap tu dia akan terbengkalailah. Kita kena buat keputusan walaupun pahit setara mananya untuk pastikan supaya JTC tu, yang dulunya kita cadang untuk dijadikan Pusat Bowling, petang ni kita main bowling, supaya dapat disegerakan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan di-Pertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Terima kasih Yang Berhormat Jertih, dari segi yang ditimbulkan oleh Jertih masalah orang kita beri kedai tidak berniaga jual, jugak yang lot tapak tanah, lot tapak rumah jual. Ini satu sikap yang sukarlah untuk kita bendung dan tapi walau bagaimanapun pihak Majlis akan siasat kalau dapati benda ni, kita akan tarik balik lah. Kita akan batalkan kerana benda tu dah menyalahi perjanjian kita, dia kena meniaga sendiri. Dan yang disebutkan tadi, untuk peniaga-peniaga yang masih berminat berniaga, masih ada kosong sebelum disiap pasar baharu nanti, Pasar Jertih 98 unit ni, masih ada kekosongan 37 unit yang boleh kita tempatkan peniaga-peniaga baru, insyaAllahlah.

Dari segi JTC ni, insyaAllah, ini kita akan tengok perkara ni supaya memastikan bangunan yang dalam pembinaan dapat disiapkan dengan baik. Yang satu lagi, soal Jertih pun tak pasti, dia kata yang isu tadi. Jadi insyaAllah kita akan siasat supaya dakwaan-dakwaan yang dibuat itu betul atau pun tidak dan kalau betul, kita akan bertindaklah mengikut macam peraturan yang sedia ada. Terima kasih di atas keprihatinan terhadap peniaga-peniaga kita.

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Seterusnya saya menjemput Wakil Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamu'alaikum Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan no 1 -

Berapakah jumlah anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Soalan ni bukan ada doh ke sebelum ni?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak apa, saya jawab jerlah. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Pengkalan Berangan dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Soalan yang ditanya hari ini ialah: Berapakah jumlah syarikat anak di bawah Kerajaan Negeri Terengganu?

Soalan ini telah sebenarnya, ditanya telahpun dijawab ditanya oleh Yang Berhormat Haji Hilmi Harun daripada ADUN Manir, pada 27 November. Tapi tak apa saya beri sedikit lagi penjelasan berkenaan dengan ini.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Kalau boleh, ringkaskanlah Yang Berhormat sebab soalan-soalan yang dijawab itu kita tak perlu panjang sangat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dah, kalau nak ringkas kita jawab gini jerlah, kita jawab dia ada 153 syarikat yang *dormant*, yang tak berjalan molek 46 dan daripada jumlah tadi ada 104 yang diletakkan di bawah Terengganu Inc. (Terengganu Incorporated), okey. Dan dua daripada anak syarikat ini adalah Listed Company, Public Listed Company iaitu TDM dan juga Golden Pharos. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Saya persilakan Wakil Batu Rakit untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan saya,soalan no 1 -

Kerajaan sebelum ini begitu komited dalam membantu Pendidikan di Negeri Terengganu, termasuk menyalurkan bantuan kewangan dan kemudahan infrastruktur kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah termasuk peruntukan sambutan perbelanjaan hari guru, sukan, sebagainya. Adakah kerajaan hari ini, akan memberi komitmen yang sama bagi perkara tersebut demi mermartabatkan Pendidikan Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang di-Pertua, Pak Wahab tu nok ketutu, saya jawab soalan no. 1. Sebab orang sebelah dia pantun hari tu(Sambil gelak kecil)... Dua hari baru jawab. Soalan No. 1, Yang Berhormat DUN Batu Rakit bertanyakan: Kerajaan sebelum ini begitu komited dalam membantu Pendidikan di Negeri Terengganu, termasuk menyalurkan bantuan kewangan dan kemudahan infrastruktur kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah termasuk peruntukan sambutan perbelanjaan Hari Guru, sukan, sebagainya. Adakah Kerajaan hari ini akan memberi komitmen yang sama bagi perkara tersebut demi mermartabatkan Pendidikan Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita acap kali jugaklah soalan seperti ini berbangkit dan pihak Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan membuat penelitian dan penambahbaikan dan apa-apa yang baik kita akan teruskan, dan apa-apa yang kita rasa perlu untuk kajian dan penelitian, insyaAllah kita akan menambah baik untuk memartabatkan kegemilangan Pendidikan Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan saya: Adakah Kerajaan juga akan meneruskan bantuan kepada PIBG dan sekiranya ada berapakah nilai jumlah yang akan diberi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya rasa perkara tersebut telah disebut dalam Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Dah sebut Yang Berhormat, dah sebut, ada dalam Bajet.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Seterusnya adakah Kerajaan memikirkan untuk memberi perkara-perkara baru, ataupun bantuan-bantuan baru kepada Pendidikan selain daripada yang kebiasaan diberi takut Kerajaan PAS ni takut *mikir pulok nok wi menda pulok, hok pelik-pelik* sikitlah kot. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Benda apa pelik Yang Berhormat nok tu, kaborlah?(Sambil gelak kecil).... Yang di-Pertua, kita sedia maklum Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) ni ada ayah dia, Kementerian... ork? Dan kita Pihak Negeri, kita ada juga jabatan bahagian-bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama, ada kolej-kolej di bawah Kerajaan Negeri, ada pusat-pusat teknikal dan sebagainya, TESDEC, TATI apa sebagainya. Jadi, kita juga mempunyai kos bebanan untuk pendidikan. Dan apatah lagi dalam melaksanakan manifesto baru, PAS Negeri Terengganu ni, kita sebagaimana disebut akan mewujudkan 32 Sekolah Rendah Islam, 8 Sekolah Menengah, dan juga apa kolej yang telah diserahkan oleh Kerajaan dahulu kepada pihak Pusat, UniSZA. Jadi kita nak buat balik KUSZA. Jadi semua ni memerlukan kos. Jadi, insyaAllah kita akan teliti hak mana *auliad* dia, keutamaan dia dan sebagainya dan kita tidak pernah berkompromi dalam memastikan Pendidikan Negeri Terengganu terus cemerlang, gemilang, terbilang. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Kita faham tapi maksud saya, jangan pula hak ada dah ni akan tertinggal sehinggakan kita utamakan hak baru menyebabkan yang asasnya tertinggal. Itu pesanan saya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih atas peringatan daripada Yang Berhormat Batu Rakit. Terima kasih. Assalamu'alaikum.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sekarang saya mempersilakan Wakil Bandar untuk kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Assalamualaikum, Yang di-Pertua, soalan yang pertama –

Apakah perancangan Kerajaan untuk menghidupkan aktiviti atau perniagaan petang dan malam sekitar Pasar Chabang Tiga yang kini hanya berfungsi pada waktu pagi sahaja?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat dan seluruh ketua jabatan dan Pemerhati. Bandar bertanya, ni soalan Bandarlah: Apakah perancangan Kerajaan untuk menghidupkan aktiviti atau perniagaan petang dan malam sekitar Chabang Tiga yang kini hanya berfungsi pada waktu pagi sahaja.

Ni ADUN Bandar, Cabang Tiga dalam Bandar. *Bakper pulok* yang Pasar Cabang Tiga ini aktif pagi sahaja. Maka Kerajaan bercadang bagi menghidupkan aktiviti perniagaan Pasar Cabang Tiga akan menjalankan pendekatan secara holistik seperti terutamanya mengadakan aktiviti jualan waktu malam sebab dah pagi jer jual, petang dan malam tak ada, kita buat jualan waktu malam dan juga antara isu yang timbul di Pasar Cabang Tiga ialah infrastruktur dan pasar ni agak ke dalam bukan di laluan utama. Kita akan bina semula infrastruktur untuk memastikan bahawa akses atau jalan masuk ke pasar menjadi lebih mudah. Dan juga kemudahan-kemudahan baharu bagi memastikan ianya dapat beroperasi bukan saja pagi, tengah hari, petang dan juga malam. Juga melalui aktiviti-aktiviti bersama dengan persatuan-persatuan peniaga di kawasan tersebut. Memanglah kalau Kerajaan buat jalan molek ke, buat bangunan ataupun fasiliti baharupun kalau peniaga tak ada, tak hidup jugak. Jadi yang fungsi nak menghidupkan perlu kepada kerjasama daripada persatuan-persatuan peniaga di sekitar Bandar

Kuala Terengganu. Jadi insyaAllah ini kita akan buat dalam masa yang terdekat nanti. InsyaAllah. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Yang di-Pertua, soalan tambahan pertama: Sepertimana yang dimaklum oleh Yang Berhormat Exco tadi, Pasar Chabang Tiga ni memang kalau kita ikut sejarah tu, dia lebih kurang hebat macam Pasar Payang jugak, tetapi setelah dialih kedudukannya memang terlindung duduk ke dalam. Maknanya kalau tengok hak dulu memang *tebbeng* tepi jalan lebih kurang *jolor* la Kuala Berang kata. Jadi kalau ikut pada keperluan sekarang memang perlu kepada akses baru yang boleh kita tengok daripada luar kerana hak jalan ada lening ni memang tak nampak. Jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Exco kalau ada hasrat tu setakat ni ada-ada nampak tak jalan nak kita nak biar *napok tebbeng*.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Terima kasih. Kalau kita kata gok yang bertanya lebih arif patutnya kawasan dia. Dan insyaAllah perkara ni dalam penelitian kita supaya mungkin ADUN Bandar lebih nampak, maknanya dia boleh kabor ke kitalah hak mana dia nak. Kita memang merancang nak buat jalan baharu akses supaya memudahkan pengunjung-pengunjunglah khususnya untuk mengunjungi Pasar Chabang Tiga. Sebagai tambahannya itu dari segi infra Kerajaan boleh buat tapi dari segi nak menarik pengunjung-pengunjung ini kena ada aktiviti-aktiviti perniagaan.

Antara yang kita cadang adalah untuk mengadakan perniagaan pasar malam dua kali seminggu. Dua kali seminggu dan juga untuk mengadakan beberapa penambahan dan tempat berniaga untuk kita menarik lebih ramai lagi peniaga-peniaga untuk membuka peluang perniagaan mereka di Pasar Chabang Tiga demi untuk menarik pengunjung-pengunjung yang baharu ke pasar tersebut. Dan juga ditimbulkan soal juga di situ waktu petang dan malam, malamlah khususnya kurang ceria dan kurang pencahayaan. Ini insyaAllah pihak Majlis akan menambah pencahayaan di kawasan tersebut khususnya di waktu malam bagi menarik kehadiran peniaga-peniaga dan juga kepada pengunjung-pengunjung nanti. Dan yang paling penting sekali ialah kerjasama daripada Persatuan Peniaga Chabang Tiga sendiri untuk mereka ini buat promosi dan juga menarik lebih ramai rakan-rakan niaga mereka untuk sama-sama menghidupkan Pasar Chabang Tiga khususnya di waktu petang hingga malam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kedua: Ada rungutan daripada peniaga setengah-setengah peniaga ni dia memerlukan ruang yang lebih besar sikit, contohnya macam peniaga buah kelapa terpaksa dia buat kotak besar di tepi jalan, kita nak tanya ada tak hasrat untuk nak sedikit nak susun balik ke ataupun rancangan yang seumpama itu bagi peniaga yang memerlukan ruang yang besar.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Untuk makluman Dewan dan juga ADUN Bandar, memang dalam perangkaan kita ialah untuk membuat bangunan baharu dan insyaAllah bila siap bangunan baru di kawasan tersebut dan dapat beroperasi sepenuhnya, kita akan melihatlah keluasan-keluasan yang sesuai untuk jenis-jenis perniagaan. Ini akan disesuaikan untuk memastikan bahawa keselesaan peniaga itu sendiri dan kesesuaian dengan jenis perniagaan masing-masing supaya tidak terencatlah usaha-usaha mereka untuk mengembangkan perniagaan dan juga untuk menarik lebih ramai pengunjung-pengunjung ke gerai-gerai mereka ataupun ke kedai-kedai mereka insyaAllah, ini dalam perancangan kita khususnya apabila siap bangunan baharu ini. Terima kasih Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Wakil Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih TuanYang di-Pertua, soalan saya nombor satu –

Apakah usaha Kerajaan untuk mewujudkan peluang pekerjaan di Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Tuan Yang di-Pertua, assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Besut. Soalan nombor satu berbunyi: Apakah usaha Kerajaan untuk mewujudkan peluang pekerjaan di Negeri Terengganu?

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita melihat ataupun mengikuti sepanjang Persidangan Dewan ini, beberapa cadangan-cadangan ataupun pelan-pelan untuk mewujudkan usaha peluang-peluang pekerjaan, cuma pada hari ini saya mengambil tanggungjawab untuk *pendetailan* kerana untuk peluang

menghasilkan ataupun mewujudkan peluang-peluang pekerjaan ini banyak apa ni portfolio ataupun Exco-Exco yang terlibat. Tapi saya mengambil tanggungjawab pada pagi ini untuk *mendetailkan* berkenaan dengan peluang pekerjaan yang kita wujudkan khusus di bawah portfolio saya iaitu Keusahawanan Dan Sumber Manusia.

Yang berkenaan dengan sumber manusia telah saya nyatakan dalam Ucapan Penggulangan saya tempoh hari, dan saya tak bercadanglah untuk ulang semula semua saya rasa dah jelas dah terang. Cuma apa yang saya nak sentuh pada hari ini adalah berkenaan dengan dalam portfolio keusahawanan, di mana Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) dan Majlis Sekretariat Pembangunan Usahawan Terengganu (MASPUT) ataupun nama baru yang dijenamakan diberi dalam Bajet kita adalah PEUTER iaitu Urusetia Pembangunan Usahawan Terengganu yang akan memperhebatkan usaha untuk melahirkan lebih ramai usahawan negeri melalui program-program keusahawanan.

Langkah ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan keusahawanan ini sebagai kerjaya pilihan berbanding dengan makan gaji. Antara yang telah dibuat adalah sebanyak lima program yang dipanggil Usahawan Graduan Terengganu. Program Usahawan Graduan Terengganu (PUGT) telah dilaksanakan oleh YPU sehingga setakat ini menjadikan graduan dan siswazah sebagai usahawan. Sehingga kini kita mengikut data yang kita ada, kita telah memberi kursus seramai 135 peserta dan 119 daripada peserta ini kita ikuti rapat dan telah berjaya menjadi usahawan, alhamdulillah. Kalau diikuti peratusannya adalah 88% daripada peserta-peserta yang kita latih dalam program ini berjaya menjadi usahawan. Dan insyaAllah PUGT ini kita akan teruskan dan dalam Bajet yang lepas juga kita, apa ni ada bajetnya dan kita jenamakan PUGT ini kepada UGET (Usahawan Graduan Terengganu) dan manakala melalui Job Malaysia dan YPU, Program Jom Kerja kita teruskan juga. Sekian terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya yang pertama: Tahniah juga kepada Kota Putera menceritakan tentang 135 tadi peserta berjaya menjadi usahawan 119. Okey, saya percaya bila bercakap tentang peluang pekerjaan di dalam situasi ekonomi yang agak sejuk lening, ramai orang nak dengar tentang peluang-peluang pekerjaan dan kita semua sedia maklum bahawa Sidang kita juga didengari, ditengok oleh secara *live*

oleh rakyat mungkin ribu, mungkin berpuluh ribu, mungkin lebih pada itu lagi. Jadi, soalan saya masa PRU yang lalu dalam Manifesto PAS ada 20,000 peluang pekerjaan akan disediakan oleh pihak PAS sekiranya menjadi Kerajaan Negeri Terengganu dan alhamdulillah PAS telah berjaya membentuk Kerajaan Negeri Terengganu. Jadi saya juga didatangi oleh penduduk-penduduk, dihujani dengan pelbagai soalan dan mereka meminta saya mengajukan kepada pihak Kerajaan tentang peluang pekerjaan yang telah dijanjikan dalam manifesto tersebut. Dan kalau ikut 20,000 yang dijanjikan, kalau ikut dalam tempoh 5 tahun contohnya dalam 5 tahun dalam pemerintahan jadi secara puratanya setahun itu dalam 4,000 peluang pekerjaan yang sepatutnya disediakan oleh pihak Kerajaan dan sekarang ini dah 6 bulan jadi kita menjangkakan kalau ikut logik puratanya 2,000 lah peluang pekerjaan telah disediakan oleh pihak Kerajaan. Jadi boleh tak maklumkan kepada kita dan juga kepada rakyat di luar sana yang sedang mendengar Sidang kita pada hari ini berapakah statistiknya peluang dan pekerjaan bukan peluang deh pekerjaan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan kepada rakyat Terengganu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Kuala Besut. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang berbentuk statistik sepatutnya saya boleh mengambil notis untuk menjawab soalan tersebut. Tetapi kebetulan data tersebut ada dengan saya, jadi saya boleh kongsi sedikit sebanyak apa yang telah dan akan Kerajaan buat untuk menghasilkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Terengganu. Apa yang ada di tangan saya ini berikut adalah industri dan juga pelaburan-pelaburan baru yang dijangka akan menyumbang peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Terengganu.

Yang pertama dalam bidang Industri Kimia iaitu produk bio-teknologi. Bio-teknologi telahpun beroperasi dan telah mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 600 peluang. Kedua.....

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Tuan Yang di-Pertua yang tu dalam jangkaan. Kita nak *hok ada dah lening*. Hok telah bekerja.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Tak apa Yang Berhormat. Saya ingat tak perlu *detail* sangat. Tak perlu *detail* sangat. Yang disebutkan dalam manifesto itu ialah komitmen Kerajaan untuk berusaha mewujudkan 20,000

peluang pekerjaan dalam tempoh 4 tahun. Ni baru 6 bulan Yang Berhormat. Yang Berhormat daripada Ladang tadi pun semalam pun dah cakap panjang lebar pelaburan-pelaburan, hak jadi, hak mengambil masa. Jadi saya fikir tak perlu panjang sangatlah, sehinggalah kepada suatu tempoh yang munasabah, Yang Berhormat boleh ulang balik soalan ni. Okey.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Yang di-Pertua.....

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Saya nak raikan ada soalan-soalan lain saya nak habiskan beberapa orang lagi yang akan bertanya ni. Saya ingat cukup setakat tu dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Seterusnya saya menjemput Wakil Kemasik untuk kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang di-Pertua. Soalan saya soalan yang pertama -

Bagaimana kerajaan membantu industri kecil terutama pemprosesan makanan segera sejuk beku untuk mendapatkan sijil halal bagi melayakkan mereka menjual ke pasaraya besar?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Kemasik atas soalan nombor satu yang berbunyi: Bagaimana Kerajaan membantu industri kecil terutama pemprosesan makanan segera sejuk beku untuk mendapatkan sijil halal bagi melayakkan mereka menjual di pasaraya besar?

Tuan Yang di-Pertua, melalui Majlis Sekretariat Usahawan Terengganu (MASPUT) ataupun nama barunya PEUTER. Yayasan Pembangunan Usahawan menjadi urus setia, sentiasa mengadakan kerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dan juga Jabatan Kesihatan Malaysia dan juga Agensi-agensi Keusahawanan yang lain dalam proses mempercepatkan permohonan halal. Kebiasaannya setiap permohonan akan diadakan lawatan

tapak secara bersama agar segala kekurangan dapat dibantu oleh agensi-agensi ini. Rentetan daripada itu juga pihak Jabatan Agama Hal Ehwal Agama Islam Terengganu melalui Jabatan Halal sekarang ini telah mempermudah lagi urusan permohonan tersebut. Kalau sebelum daripada ini semua usahawan-usahawan kita mestilah mempunyai premis perniagaan ataupun kilang mereka sendiri barulah mereka layak untuk memohon sijil halal. Tetapi dalam pendekatan yang baru ini pihak Jabatan Halal telah mempermudah kerana banyak usahawan-usahawan kecil kita yang tak mampu lagi dalam perniagaan dia untuk sewa premis kerana keuntungan yang kecil. Jadi dia buat ni di rumah-rumah, di belakang rumah, di dapur rumah sahaja. Kalau ikutkan yang dulu memang tak lepaslah tak dapat pensijilan halal. Tetapi alhamdulillah atas budi bicara dan saya terima kasih banyak kepada Jabatan Halal Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu juga sekarang ini kita pertimbangkan untuk memberi sijil halal kepada pengusaha-pengusaha kita yang tidak ada premis ini. Yang buat di belakang rumah, di tepi rumah dengan syarat dapur ataupun tempat pembuatan itu mestilah diasingkan daripada kegunaan harian dia. Maksudnya walaupun dia buat di rumah, tapi dapur tak bolehlah dapur tu juga goreng ikan, dapur tu jugak goreng karipap untuk kita jual. Itu tak boleh. Dia kena *allocatekan* satu tempat yang *isolate* untuk buat kerja dia dan bila cukup syarat bersih, apa semua tu, insyaAllah akan dipermudahkan dapat sijil halal. Sekian terima kasih.

YANG BERTHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan yang pertama, Yang di-Pertua: Apakah kaedah yang telah dan akan dibuat oleh agensi-agensi bawah IKS bagi menyelaraskan pengeluaran dan pengumpulan produk-produk yang dihasilkan supaya ia dapat memasuki pasaraya besar atau boleh berkembang kepada pasaran yang lebih besar dan menguntungkan?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Kemasik.

Jawapan pada soalan itu setakat ni kita tidak ada satu kaedah kursuslah yang digunakan oleh agensi-agensi keusahawanan dalam menyelaraskan pengeluaran dan pengumpulan produk yang dihasilkan. Walau bagaimanapun, banyak program-program yang telah kita adakan bagi memastikan produk-produk ataupun produk-produk usahawan Terengganu ini dapat memasuki pasaran besar. Antaranya adalah Program TP3 iaitu Teroka Pasaran Pasaraya yang disertai oleh Sabasun Hyper Runcit, Pasaraya Giant, Mydin dan Xiri.

Program yang kedua antaranya adalah program pembangunan produk iaitu macam pelabelan, pembungkusan, *barcode* dan fakta nutrisi juga kita sediakan kepada usahawan-usahawan kita.

Dan yang ketiganya, program-program promosi dan pasaran meliputi *Groombig*, pepadanan perniagaan, bantuan pengiklanan dan penembusan pasaran kita adakan. Adapun pendapat Yang Berhormat Kemasik untuk dijadikan cadangan tersebut insyaAllah kita jadikan sebagai panduan kita untuk dikaji dan dibincangkan di peringkat Urus Setia Pembangunan Usahawan Terengganu (PEUTER). Terima kasih Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Yang di Pertua, soalan saya yang kedua: Adakah Kerajaan merancang untuk mewujudkan hub usahawan dengan kemudahan perkongsian ruang kerja ataupun dengan izin *sharing working space*, *internet* dan kemudahan asas lain supaya kos operasi lebih kecil dan lebih kompetitiflah memandangkan sekarang semua dah globalkan? Jadi kos-kos tersebut insyaAllah dapat membolehkan mereka berdaya saing.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD KHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Ya. Terima kasih soalan tambahan kedua tu. Sepertimana semalam kita dengar daripada Yang Berhormat Alur Limbat menyatakan bahawa akan bekerjasama dengan Portfolio Usahawan dalam isu ini. Dan kita akan gunakan manfaat tu sepenuhnya fasiliti yang ada kursusnya kalau yang dah sedia tersergam ada iaitu TD 1303 itu kerana keusahawanan dan Revolusi Industri (IR) 4.0 ni tidak dapat kita pisahkanlah memang sekarang ini pasaran terbuka luas di dalam industri ini. Jadi di tempat TD 1303 adalah model perkongsian ruang niagalalah atau pun *co-working space* dengan izin, dengan penyelesaian kelajuan *internet* yang sangat tinggi. Kita tidak berhasrat untuk menyediakan hub usahawan yang baru tetapi kita akan menambahbaik infrastruktur-infrastruktur keusahawanan yang ada atau mengenalpasti infrastruktur yang sedia ada untuk dijadikan hub usahawan. Saya merasakan jugalah cadangan yang baik bagi pihak Yang Berhormat Kemasik dan insyaAllah kita jadikan satu asas untuk kita melangkah ke depan insyaAllah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput soalan terakhir wakil dari Batu Burok.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan yang ketiga.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Soalan yang pertama ke ketiga Yang Berhormat? Yang pertamanya?

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Maaf soalan yang pertama -

Berapakah projek-projek infrastruktur yang masih diteruskan oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan lama?

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil ketua-ketua jabatan, muslimin dan muslimat Sidang hadirin sekalian. Terima kasih di atas soalan daripada Wakil Batu Burok yang berbunyi: Berapakah projek-projek infrastruktur yang masih diteruskan oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan lama?

Sebenarnya banyak projek-projek yang kita jalankan yang kita buat pada masa ini yang kita teruskan daripada Kerajaan lama Kerajaan Barisan Nasional. Secara umumnya Kerajaan Negeri akan mementingkan semua projek-projek yang telah dikeluarkan Surat Setuju Terima atau pun *Letter Of Acceptance* oleh Kerajaan terdahulu manakala bagi projek-projek yang belum dilaksanakan ataupun belum terima surat SST ini projek-projek tersebut akan dikaji balik. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Berang. Di dalam senarai projek-projek yang disambung balik oleh pihak Kerajaan Negeri baru ini ada atau pun tidak projek yang dinilai semula daripada sudut terma yang ada daripada sudut kos, daripada sudut kaedah untuk mendapatkan keuntungan yang lebih berpihak kepada pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih daripada Wakil Tepoh. Secara umumnya kita kaji balik contohlah iaitu Projek Bandar Baru Kijal yang mana kosnya RM250 juta yang telah diberi kepada satu Syarikat Hexatrend rasanya. Projek ini kita buat secara *schedule payment*, kita pinjam dan kita akan bayar dalam masa beberapa tahun lagi. Dulunya projek ini RM250 juta kemudian kita kaji balik, kita kaji balik kerana skop kerja kalau yang dulunya *double* atau dua *carriage way* iaitu enam lorong, enam lorong untuk dibuat jalan raya di Bandar Baru Kijal ini. Apabila kita kaji balik, kita jadikan dia empat lorong, skopnya diubah kepada empat lorong ataupun empat *lane* yang mana kosnya selepas dikaji balik adalah RM189 juta. Jadi ini satu penjimatanlah kira-kira RM61 juta dari projek asal. Jadi dia menjimatkan duit Kerajaan Negeri dan juga kalaulah RM61 juta ini boleh kita buat tempat-tempat lain insyaAllah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Yang di-Pertua soalan tambahan: Kalau kita perhatikan projek-projek infra yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lalu, banyak projek-projek yang sakit antaranya ialah Taman Ilmu yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Paka sebentar tadi. Di samping itu Projek Bebas Cukai di Kenyir, mungkin Yang Berhormat Kuala Berang boleh jelaskan dan terangkan sikit.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Soalan terakhir Yang Berhormat ya, soalan terakhir.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Ya.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih. Sebenarnya banyak projek tetapi dari segi kewangan kita luluskan baru-baru dalam Dewan sehari dua ini RM600 juta untuk projek pembangunan. Kira-kira projek hok baru sikit jer tak sampai RM200 juta, hok lama-lama ni banyak kita teruskan dan lebih kurang dalam RM400 juta. Itu anggaran kasarlah. Memang di sana ada projek-projek yang dalam pelaksanaan dan kita lihat projek-projek ini agak sakit sebagaimana dikatakan tadi salah satunya Taman Ilmu. Oleh kerana projek ini di bawah *court case*, jadi saya taknaklah kita panjangkan tetapi semasa lawatan saya bersama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar satu ketika dulu, saya bertanya kepada pihak Jabatan Kerja Raya untuk memperbaiki semula projek ini yang ter bengkalai dan rosak infrastrukturnya mengambil kos kira-kira RM400 juta. Jadi ini satu angka yang besar yang Kerajaan Negeri terpaksa tanggung untuk

memperbetulkan balik kos supaya projek ini ataupun prasarana ini jadi molek semula.

Kemudian kita lihat di Tasik Kenyir, kawasan Telemonglah tu dok? Di sana ada beberapa projek antaranya Kawasan Bebas Cukai, jambatan untuk menghubungkan Pulau Sah Besar kemudian hotel. Itu projek-projek yang besar. Di sana memanglah kita lihat projek-projek mega ini agak nak kata keterlaluhan memanglah agak keterlaluhan dan kalau dibandingkan dengan kewangan yang kita ada kerana kita terpaksa pinjam ataupun kita kena buat *schedule payment* yang mana menyusahkan, menambahkan liabiliti kepada Kerajaan Negeri kita ini.

Sebagaimana yang saya sebut dalam penggulungan saya dua hari lepas, dalam beberapa tahun sahaja lagi, Kerajaan menanggung liabiliti sebanyak RM400 juta satu tahun dan ini amat-amat mengganggu kepada kewangan Kerajaan Negeri kita dan untuk nak buat projek-projek baru yang lain, kita menghadapi masalah kewangan. Saya rasa itulah jawapan daripada saya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih balik Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat sekalian, saya fikir saya telah berlaku adil pada hari terakhir ni dengan memberi peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat yang kemukakan soalan pada hari ini walaupun terpaksa mengambil masa yang lebih daripada biasa.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 11.25 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.05 PAGI.

PUKUL 11.25 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. Dipersilakan Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat, Wakil Paka untuk mengemukakan Usul yang ke-4.

**Pelantikan Ahli Dewan Undangan Negeri
Fasal 27(2) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan
Terengganu**

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju memilih Hajah Zuraida binti Md. Noor, No. Kad Pengenalan 800801-11-5170 sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri mewakili kaum wanita di dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu menurut Fasal 27(2) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu.”

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih

YANG BERHORMAT IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat sekalian, oleh kerana Usul ini merupakan perkara baru dalam Dewan Undangan Negeri kita, saya ingin memaklumkan mengikut Fasal 27(2) Undang-Undang Diri Bagi Kerajaan Terengganu ataupun Undang-Undang Tubuh, usul ini memerlukan tidak kurang daripada 7 orang Ahli Yang Berhormat untuk menyokongnya. Sekarang saya buka kepada undian -

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak. (Kesemua Wakil Kerajaan dan Penyokong Kerajaan bangun menyokong).

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini saya mengisytiharkan bahawa Yang Berbahagia Hajah Zuraida binti Md. Noor telah dipilih menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri mewakili kaum wanita di Dewan Undangan Negeri Terengganu. Saya dengan ini mempersilakan Yang Berbahagia Hajah Zuraida binti Md. Noor untuk mengangkat sumpah dan mengambil tempat di dalam Dewan ini sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang dilantik menurut Fasal 27(2) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu. Dipersilakan.

[YANG BERBAHAGIA HAJAH ZURaida BINTI MD. NOOR

MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU MENURUT FASAL 27(2) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU DI HADAPAN YANG DI-PERTUA DEWAN]

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Hajah Zuraida Md. Noor mengambil tempat duduk sebaris dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Dipersilakan. Alhamdulillah, bertambah serilah Dewan ini dengan kehadiran Ahli Yang Berhormat kita yang baru.(Tepukan sokongan)....

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md. Noor. Ini merupakan satu sejarah kepada negeri kita di mana kita telah bersetuju untuk melantik seorang wanita dalam Dewan ini mengikut Fasal 27(2) tadi tanpa melalui proses pilihan raya. Ini merupakan satu penghormatan kepada kaum wanita.

Pelantikan Ahli Dewan Negara

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah memaklumkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu bahawa terdapat satu kekosongan Ahli Dewan Negara yang telah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu telah berlaku. Kekosongan ini ialah disebabkan tamatnya tempoh perkhidmatan seorang Ahli Dewan Negara yang lepas dan meminta supaya dipilih seorang Ahli Dewan Negara yang baru.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan telah menitahkan supaya diadakan pemilihan seorang Ahli Dewan Negara dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi memenuhi kekosongan itu. Oleh itu Dewan Undangan Negeri Terengganu dikehendaki memilih seorang Ahli Dewan Negara menurut Perkara 45(1A) Perlembangan Malaysia Mengikut Jadual Ketujuh.

Maka saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengemukakan cadangan. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, saya ingin mengemukakan cadangan pemilihan seorang calon dan mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan Undangan Negeri ini bersetuju memilih Yang Berbahagia Puan Noridah binti Mohd Salleh sebagai Ahli Dewan Negara untuk mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu di dalam Dewan Negara Malaysia menurut Perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia bagi mengisi kekosongan.”

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, saya ingin juga menyampaikan sedikit ringkasan dan latar belakang mengenai dengan calon yang saya kemukakan untuk mewakili Dewan Undangan Negeri ini di Dewan Negara.

Biodata Calon

Yang Berbahagia Puan Noridah binti Mohd Salleh dilahirkan pada tanggal 20 Mei 1961 di Kampung Padang Buluh, Pekan Pahang dan dikurniakan 10 orang cahayamata. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Agama Kuala Rompin dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke Kolej Islam Klang (KIK). Setelah mendapat keputusan yang cemerlang beliau ditawarkan untuk menyambung pengajian ke Universiti Malaya dalam bidang Usuluddin.

Oleh kerana minat yang mendalam dalam bidang pendidikan beliau meneruskan dalam Diploma Pendidikan di Universti Islam Antarabangsa Malaysia dan seterusnya meneruskan pengajian dalam Ijazah Perubatan Islam Darul Syifa. Beliau sekarang ini bertugas sebagai Pentadbir dan Guru Besar Sekolah Rendah Islam Al-Bukhari dan merupakan pendakwah bebas.

Beliau juga bergiat cergas dalam politik sebagai Ketua Dewan Muslimah PAS Malaysia dan Ahli Jawatankuasa PAS Pusat merangkap Timbalan Pengerusi Lajnah Permerkasaan Parti PAS Pusat. Beliau juga merupakan Ketua Dewan Muslimah PAS Wilayah Persekutuan, Ketua Penerangan PAS Kawasan Bukit

Bintang, bekas Calon Parlimen Sungai Buluh dalam PRU Ke-14, bekas Calon Parlimen Rompin PRU Ke-13 dan juga sebagai bekas Calon Dewan Undangan Negeri Tahan dalam PRU Ke-14.

Beliau berpengalaman sebagai peserta misi kemanusiaan gempa bumi di Lombok dan Palu Indonesia, peserta misi kemanusiaan ke Syria, Myanmar, Bangladesh, Jerman dan Republik Czech. Peserta Misi Food Flotilla for Rohingya, juga merupakan peserta Misi Dakwah di Pulau Christmas Australia, peserta Misi Kemanusiaan Bencana Tsunami Aceh Indonesia, Misi Kemanusiaan Dan Dakwah ke seluruh Malaysia dan Mutawif Umrah Tarbawi Dewan Muslimat PAS Malaysia. Beliau juga bergerak aktif dalam Pertubuhan Bukan Kerajaan NGO sebagai Timbalan Pengerusi PAS Relief, Penasihat NGO Pertubuhan Amal Khadijah Malaysia atau PERAMAH, Penasihat NGO Khadimah Care.

Saya kemukakan latar belakang ini semoga dengan penyertaan beliau sebagai Wakil Terengganu dalam Dewan Negara akan dapat memberikan suatu sumbangan kepada agama, negara dan juga negeri.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan memilih seorang Ahli Dewan Negara menurut Perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia Mengikut Jadual Ketujuh bagi mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu telah diterima dan mendapat sokongan.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan ini saya mengisytiharkan bahawa Yang Berbahagia Puan Noridah binti Mohd Salleh telah dipilih menjadi Ahli Dewan Negara mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi mengisi kekosongan yang ada.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas. Selamat bertugas untuk kecemerlangan negeri dan rakyat Terengganu. Saya ingin menjemput Yang Berbahagia Puan Noridah bangun untuk memperkenalkan diri kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan Sidang sekalian. Terima kasih.

*[Yang Berbahagia Puan Noridah binti Mohd Salleh
bangun memperkenalkan diri]*

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguh Persidangan ini saya nak sebutkan satu dua perkara. Yang pertama sekali saya nak ucapkan sebanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat khususnya

kepada Pihak Kerajaan yang telah meluluskan Usul Jawatankuasa Terpilih Pengurusan Dewan. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh saya ini insyaAllah akan berusaha bagi membantu Badan Legislatif kita bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang dilantik bagi menggerakkan usaha untuk mengkaji dan membuat penambahbaikan Dewan Undangan Negeri kita kearah yang lebih baik dari segi pentadbiran Dewan, perundangan Dewan, kebajikan Dewan dan peranan Dewan Undangan kita ke arah yang lebih baik.

Saya juga ingin mengambil kesempatan dalam Sidang ini untuk memohon sebanyak-banyak maaf atas apa sahaja kelemahan dan juga kekurangan sepanjang lima hari kita bersidang. Saya fikir yang paling lama dalam keadaan saya tidak ada pembantu setakat ini. Walau bagaimanapun, kita masih lagi bersama selepas ini disebabkan ada Pertandingan Persahabatan Bowling di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk rakan-rakan di sebelah kiri saya daripada Pembangkang untuk kita terus membina hubungan ukhwah sesama kita. Sebelum pada itu saya juga ingin menjemput walaupun kita *break* lewat pagi tadi sebenarnya ada Jamuan Makan Tengahari.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah sama-sama kita membaca Tasbih Kafarah dan Suratul 'Asr.

Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.00 TENGAHARI.

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI
MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA**

DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS

**PADA 25, 26, 27, 28 DAN 29 NOVEMBER
2018**

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 25 HINGGA 29 NOVEMBER 2018 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.1.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM
ADUN TEPOH

- SOALAN 1 : Apakah status pembayaran pengambilan balik tanah penduduk yang terlibat dengan projek Tebatan Banjir Baroh Tok Jiring?
- JAWAPAN : Bayaran pampasan pengambilan balik tanah penduduk yang terlibat dengan projek tebatan banjir Baroh Tok Jiring telah pun dibuat bayaran sebagaimana

keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kali ke 10 tahun 2017 bil.394/2017 bertarikh 5 April 2017.

STATUS BAYARAN PAMPASAN ADALAH SEBAGAIMANA BERIKUT :-

1. Keseluruhan lot yang terlibat - 211 Lot
2. Lot yang telah selesai dibuat bayaran - 91 Lot
(Melibatkan Jumlah sebanyak **RM 20,013,136.50**)
3. lot yang masih belum dibuat bayaran - 120 Lot
(melibatkan jumlah sebanyak **RM16,919,140.00**)

SOALAN 2 : Pohon dinyatakan jumlah pelaburan terbaru yang diperolehi sehingga November 2018.

JAWAPAN : Bagi tahun semasa, jumlah pelaburan yang diterima sehingga November 2018 adalah sebanyak RM4,272,531,448.

Tahun	Jumlah Pelaburan	Jumlah Pelaburan Tempatan (RM)	Jumlah Pelaburan Asing (RM)	Jumlah keseluruhan (RM)
2017	4	37,508,416	35,615,300	73,123,716
2018 (Jan – Jun)	4	35,797,732	4,163,610,000	4,199,407,732
Jumlah keseluruhan	8	73,306,148	4,199,225,300	4,272,531,448

SOALAN 3 : Berapakah jumlah kategori rakyat Terengganu yang dikategorikan sebagai asnaf fakir dan miskin sepanjang tahun 2017 dan 2018?

JAWAPAN : Jumlah kategori rakyat Terengganu yang dikategorikan sebagai asnaf fakir dan miskin sepanjang tahun 2017 dan 2018 adalah seperti berikut :-

BIL	TAHUN	FAKIR	MISKIN	JUMLAH
1.	2017	5,306	36,648	41,954
2.	** 2018	5,197	40,128	45,325

**Sehingga September 2018.

SOALAN 4 : Berapakah jumlah masuk dan keluar kategori e-kasih bagi tahun 2017 dan 2018?

JAWAPAN : Data eKasih adalah data dinamik yang sentiasa dibuat pengemaskinian dan kekangannya ia tidak menyimpan maklumat yg terdahulu. Walaubagaimanapun, maklumat kes baru antara tahun 2017 sehingga Oktober 2018 adalah sebanyak 1,800 kes. Ini bermakna seramai 1,800 kes baru yang berdaftar dengan Sistem eKasih.

Tiada kes keluar dari Sistem eKasih kerana setiap Isi Rumah yang berdaftar akan kekal berada dalam Sistem eKasih.

- SOALAN 5 : Berapakah jumlah rekod pengangguran dalam negeri
buat tahun semasa?
- JAWAPAN : Statistik rasmi bagi kadar pengangguran tahun 2018
belum dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 25 NOVEMBER HINGGA 29 NOVEMBER 2018 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.2.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI
ADUN BATU BUROK

SOALAN 1 : Apakah perancangan atau langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk melakukan penghantaran pelajar ke Timur Tengah bagi menyambung pelajaran di sana dan adakah Kerajaan Negeri menyediakan sebarang bentuk pinjaman atau bantuan bagi pelajar yang menyambung pelajaran ke sana?

JAWAPAN : Mulai tahun 2019, program penajaan kepada pelajar-pelajar yang akan mengikuti pengajian di Timur Tengah akan dibuka semula. Butiran dan perincian penajaan akan dimaklum setelah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri.

SOALAN 2 : Apakah langkah-langkah kerajaan untuk mendalamkan Pelabuhan Chendering dan Muara Kuala Ibai?

JAWAPAN : Pelabuhan LKIM Chendering merupakan pelabuhan utama bagi nelayan yang keluar masuk ke laut bagi menjalankan aktiviti penangkapan ikan laut.

Pada masa ini, pelabuhan tersebut mengalami masalah muara cetek akibat mendapan pasir yang berlaku di muara sungai. Faktor cuaca dan perubahan iklim adalah salah satu faktor yang menyebabkan struktur pemecah ombak yang sediaada tidak dapat berfungsi dengan baik yang menyebabkan mendapan pasir berlaku dengan cepat dan menyebabkan muara cetek.

Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu telah menyediakan rangka "**Term of Reference**" (**TOR**) bagi tujuan perlantikan perunding untuk melakukan kajian serta rekabentuk terperinci bagi cadangan mendalamkan Pelabuhan Chendering di bawah pengawasan LKIM Kerajaan Pusat.

Muara Ibai juga merupakan satu-satunya laluan bot-bot nelayan bagi Kg. Kuala Ibai, Kg. Chendering, Kg. Tok Adis, Kg. Laut dan Kg. Pengkalan Setar. Masalah besar dihadapi oleh nelayan-nelayan disini adalah isu kecekatan muara sungai dan kuala tertutup. Ianya telah dirasai sejak bertahun tahun lalu dan keadaan ini semakin buruk. Fenomena ini telah menjadi penghalang kepada aktiviti keluar masuk bot-bot nelayan yang mana terpaksa menunggu air pasang.

Faktor kecekatan kuala sungai juga menjejaskan aktiviti sukan riadah di kawasan tersebut terutama bagi acara sukan air seperti kenu dan berkayak. Ini juga boleh menjejaskan sektor perlancongan di kawasan tersebut terutama Masjid Terapung, TER serta Lagon Kuala Ibai.

Bagi mengatasi masalah muara Kuala Ibai, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu telah mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Pusat di bawah *Rolling Plan* ke-4 (RP4) RM-Ke 11 bagi '**Cadangan Pemuliharaan Muara Sungai Ibai**' dengan kos sebanyak RM 30 juta. Walau bagaimanapun, dukacita dimaklumkan permohonan ini tidak diluluskan.

Sebagai langkah jangka pendek, Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan sebuah syarikat swasta bagi menjalankan aktiviti mengorek, mendalam dan mengeluarkan bahan pasir dari muara berkenaan secara percuma. Kelulusan ini akan berakhir pada 31 Dis. 2018.

- SOALAN 3 : Apakah halangan-halangan untuk menyiapkan KT Bypass dan adakah ada usaha Kerajaan Negeri Terengganu untuk menyiapkannya?
- JAWAPAN : Halangan untuk menyiapkan KT Bypass ialah masalah pengambilan Balik Tanah (PBT) sebanyak 26 lot yang melanggar syarat di mana pemlikik enggan berpindah dari ekdiaman masing-masing. Jabatan Kerja Raya telah mengeluarkan cek bagi 30% bayaran ex-gratia kepada pemilik lot tersebut tetapi hanya sebahagian sahaja yang menerima. Antara usaha yang diambil Kerajaan Negeri Terengganuialah mengadakan perjumpaan bersama pemilikda sesi perbincangan dengan pihak JKR untuk semakan semula bayaran ex-gratia tersebut.
- SOALAN 4 : Apakah status perumahan kos rendah di Gong Tok Nasek sehingga sekarang ?
- JAWAPAN : Sehingga kini, tiada perancangan daripada Kerajaan Negeri untuk pembinaan perumahan kos rendah di Gong Tok Nasek.
- SOALAN 5 : Bilakah kerajaan negeri akan membina kolej untuk anak negeri sebagaimana yang terkandung dalam manifesto PRU14 ?
- JAWAPAN : Penubuhan kolej sepertimana dalam MT20 masih dalam kajian menyeluruh untuk perlaksanaan selewat lewatnya pada tahun 2020

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 25 HINGGA 29 NOVEMBER 2018 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.3

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABDUL RAHMAN
ADUN SEBERANG TAKIR

SOALAN 1 : Sejauh manakah janji-janji dalam Manifesto Pas sempena PRU 14 sudah ditunaikan?

JAWAPAN :

BIL	MANIFESTO	STATUS	USAHA YANG DILAKUKAN
1	Mengembalikan tanah-tanah yang dirampas terdahulu selepas pemerintahan pada tahun 2004 dan membuka permohonan tanah baru dengan diberi geran kekal	Telah dilaksanakan	MMKN kali ke-25 tahun 2018 bertarikh 8 Ogos 2018, telah meluluskan kaedah-kaedah pelaksanaan permohonan semula RTB bagi merealisasikan manifesto ini.
2.	Setiap rakyat Terengganu berumur 21 tahun ke atas yang layak, berhak mendapatkan 1 lot tapak rumah atau 1 unit rumah kediaman	Akan dilaksanakan	RMM – Rumah Mampu Milik 2019 fasa pertama akan dibina pada tahun 2019 melibatkan 410 unit buah RMM di Tok Jembal, Kuala Nerus dan Tajin, Hulu Terengganu. bagi pembinaan ini, proses lantikan perunding oleh jawatankuasa pemilihan dan pelantikan perunding Negeri Terengganu telah bermula.

			cadangan pemilikan 410 unit RMM ini ialah melalui kaedah sewabeli dan permohonan bagi RMM ini adalah terbuka kepada semua rakyat Terengganu dan ianya boleh di isi secara online di website perumahan .terengganu.gov.my
3.	Peruntukan Caj Wad kelas 3 percuma di semua hospital kerajaan	Akan dilaksanakan	Penyediaan kertas dasar bagi bantuan wad kelas 3 percuma merangkumi cadangan penerima bantuan, kos terlibat dan kaedah pelaksanaan dan pembayaran
4.	Pemberian RM300 untuk pemuda / pemudi mendapatkan lesen motorsikal	Akan dilaksanakan	Pemberian RM300 ini akan bermula seawal Januari 2019
5.	Karnival Kahwin kali pertama percuma di setiap DUN	Telah dilaksanakan	Walimatulurus Perdana kali ke-3/2018 akan diadakan pada 24 november 2018 melibatkan 198 pasangan. bagi tahun 2018 seramai 489 pasangan telah menyertai program ini.
6.	Menyediakan 20,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 4 tahun	Akan dilaksanakan	Bagi tahun 2018 – sebanyak 4,000 peluang pekerjaan telah dibuka melibatkan pekerjaan dalam sektor industri berat.

			Bagi mencapai sasaran 20,000 pekerjaan pada masa hadapan kerajaan negeri dalam usaha merangka strategi-strategi (termasuk bengkel) bagi mengenal pasti sektor-sektor yang boleh menyumbang kearah mencapai sasaran 20,000 peluang pekerjaan dalam tempoh empat (4) tahun.
7.	Mewujudkan semula Institusi Pengajian Tinggi Islam Milik Negeri atau ganti Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin	Akan dilaksanakan	Masih dalam perbincangan di peringkat kerajaan negeri dan jangkaan pewujudan semula Institusi Pengajian Tinggi Islam milik negeri ialah pada tahun 2020
8.	Memberi bekalan air percuma 20 meter padu kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah	Telah dilaksanakan	Telah laksana sehingga September 2018 manifesto ini telah dinikmati oleh 8,592 keluarga dengan kos bulanan sebanyak rm63,497.85 sebulan.
9.	Menyediakan Tabung Usahawan RM10 juta setahun	Akan dilaksanakan	Tabung ini disasarkan kepada usahawan belia, wanita dan penjaja kecil. Penyediaan garis panduan, syarat kelayakan dalam masa yang sama menyelaraskan semula skim-skim sediaada di bawah satu bumbung dana kan dimasukkan di bawah modul yang sama
10.	Menubuhkan pusat pemulihan penagih dadah secara holistik	Akan dilaksanakan	Pembangunan modul secara kolaborasi oleh JHEAT, AADK, UNISZA dan pemadam masih dalam pembangunan dan pengenalan tempatan masih belum

			dimuktamadkan. Pusat pemulihan ini dijangka akan beroperasi pada tahun 2020
11.	Memperuntukan RM50 juta setahun untuk tabung pinjaman Perumahan Rakyat	Akan dilaksanakan	Operator PMINT, nilai rumah RM60,000 seunit di atas tanah sendiri sahaja. Keluasan lantai rumah 800 kaki persegi. 3 bilik tidur 2 bilik air. Tabung pinjaman perumahan akan beri manfaat kepada 809 keluarga. Fasa 1 404 unit, fasa 2 405 unit. rakyat boleh memohon secara online pada 2019 tertakluk kepada penerimaan baki kewangan daripada Jabatan Perumahan negara sebanyak RM20 juta.
12.	Menyediakan kad sejahtera bernilai RM500 setahun untuk golongan berpendapatan rendah setiap keluarga	Akan dilaksanakan	Hanya rakyat Negeri Terengganu yang berpendapatan RM2500.00 ke bawah bagi isirumah layak menerima kad ini. Seramai 20,000 penerima kemudahan ini merupakan mereka yang tersenarai dalam sistem e-kasih.
13.	Memberi cuti bergaji 30 hari bagi isteri kehilangan suami	Akan dilaksanakan	Kaedah pelaksanaan tiga hari cuti telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Pp Bil4/2015 iaitu cuti tanpa rekod (CTR). manakala 27 hari cuti diberi secara opsyen kepada penjawat awam melalui cuti tanpa gaji (namun emolument akan dibayar penuh oleh kerajaan negeri selama 27 hari). Perkara ini akan dilaksanakan pada awal tahun 2019.

14.	Membuka Pusat Nurseri di setiap Jabatan Kerajaan Negeri	Akan dilaksanakan	Bagi fasa pertama Kerajaan negeri telah mengenal pasti lima jabatan yang berpotensi tinggi untuk operasi nurseri di Jabatan Kerajaan Negeri. Namun begitu ianya masih di peringkat perbincangan dan masih belum dimuktamadkan.
15.	Mewujudkan Bandar Baharu Lestari di setiap daerah	Akan dilaksanakan	Dua lokasi telah dikenalpasti (Bukit Seraya, Kuala Nerus dan Serdang, Paka).Komponen pembangunan telah diselaras dan antara komponen utama adalah perumahan dan institusi pendidikan (SRA dan SMA). Plan Malaysia sedang merangka layout Bandar baru. Tarikh pembangunan Bandar baru akan dicadangkan selepas dimuktamadkan layout Bandar baru. Perancangan ini juga akan melibatkan penggubahan rancangan tempatan daerah.
16.	Menambah Sekolah Menengah Agama setiap Parlimen dan Sekolah Rendah Agama setiap DUN serta memberi Geran Tahunan kepada Sekolah Agama Rakyat dan Pondok	Akan dilaksanakan	SRDI-Bermula Januari 2019 melibatkan lima DUN (Penempatan Sementara) SMDI-akan bermula Januari 2020 Manakala nilai Geran Tahunan kepada Sekolah Agama Rakyat dan Pondok masih dalam peringkat perbincangan pentadbiran negeri.

			(INFRASTRUKTUR) Dalam proses baikpulih bangunan sediaada. kerja-kerja dilaksanakan oleh JKR dan PBT. Setakat hari ini, 5 buah bangunan sedang dibaiki. bangunan KUT, Kuala Nerus Bangunan Perkedai Binjai Rendah, Marang, Bangunan RTC AMBS, Dungun, Sekolah Menengah Agama Maarif, Besut, Bangunan Perkedai Aji, Hulu Terengganu.
17.	Mengecualikan cukai pintu rumah kediaman	Akan dilaksanakan	MMKN bersetuju untuk melaksanakan pengecualian cukai pintu rumah, walaubagaimanapun terdapat beberapa perkara yang perlu diselesaikan sebelum dikuatkuasakan.
18.	Mengurniakan Pencen Rakyat RM50.00 sebulan bagi warga emas yang layak	Akan dilaksanakan	Dijangka 10,000 warga emas akan memperoleh pencen rakyat RM50.00 sebulan bermula Januari 2019.
19.	Menambah keluasan Tanah Rezab Melayu dari 118 hektar kepada 1,000 hektar	Kiv	Manifesto ini sedang dikaji semula impak pelaksanaannya

SOALAN 2 : Sila nyatakan bilangan dan kos lawatan ke luar negara yang telah dibuat oleh pentadbiran negeri termasuk agensi dan badan-badan berkanun negeri, semenjak kerajaan baharu mengambil alih pemerintahan dari 10 Mei 2018 sehingga 15 November 2018?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Sila nyatakan bilangan kakitangan kerajaan termasuk agensi dan anak-anak syarikat yang telah berhenti, diberhentikan atau ditamatkan kontrak semenjak 10 Mei 2018 sehingga 31 Oktober 2018.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 25 HINGGA 29 NOVEMBER 2018 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.4

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK
ADUN SURA

SOALAN 1 : Nyatakan usaha yang telah diambil oleh kerajaan bagi membendung kesalahan jenayah syariah seperti judi, khalwat dan lain-lain. Berapakah jumlah penguatkuasa yang telah diisi bagi menampung kekurangan yang sedia ada mengikut pecahan daerah?

JAWAPAN : 1. Di antara usaha yang telah diambil oleh kerajaan bagi membendung kesalahan jenayah syariah seperti judi, khalwat dan lain-lain adalah sebagaimana berikut :-

- i. Melakukan rondaan dan pemantauan secara berkala dan tidak berkala di tempat-tempat yang dikenalpasti.
- ii. Membuat serbuan dan tangkapan kepada mana-mana orang yang melakukan kesalahan berkaitan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001 dan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 2001.

2. Jumlah Penguatkuasa yang telah diisi bagi menampung kekurangan yang sedia ada adalah

seramai 103 orang.


SOALAN 2 : Generasi pemuda adalah aset kepada negeri dan negara. Jelaskan, apakah bentuk program-program yang telah dan akan dilaksanakan bagi menangani masalah keruntuhan akhlak serta gejala sosial di kalangan remaja?


JAWAPAN : Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program bagi menangani masalah keruntuhan akhlak serta gejala sosial di kalangan remaja melalui pelbagai jabatan kerajaan seperti berikut :

1. JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU






1.1 Bahagian Undang-Undang Keluarga

i. Melaksanakan Program Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) dan Program Pembangunan Sosial (PPS) antaranya:




 Program Halaqah Ilmu Dan Bimbingan Islam di Sekolah Tunas Bakti (P) Marang (Sekolah Penempatan Juvana bagi Perempuan) dan Asrama Rusila, Marang (Asrama Penempatan Juvana Lelaki); dan

 Program Halaqah Ilmu dan Bimbingan Islam di Penjara Terbuka, Marang.

ii. Mewujud dan memperkasa Modul Keluarga Sakinah yang bersepadu dan praktikal melalui program-program berikut:

- 
 Kursus Praperkahwinan Islam Berasaskan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI) di lapan (8) buah daerah dan di Institusi Pendidikan di Negeri Terengganu.
 - 
 Program Ziarah Mahabbah Dan Bimbingan Islam kepada Pesakit-pesakit di Wad Hospital seluruh Daerah di Negeri Terengganu.
 - 
 Program Booth Skuad Khidmat Nasihat Awam kepada Ibu Hamil di Klinik Kesihatan Seluruh Daerah Di Negeri Terengganu.
 - 
 Program Halaqah Ilmu Dan Bimbingan Islam di Pusat Koreksional Bukit Besi Dungun Terengganu.
 - 
 Program Bimbingan Islam di Pusat Integrasi Klien Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Dungun.
- iii. Program Skuad Bimbingan Islam kepada Penagih/Bekas Penagih Dadah yang menerima rawatan Di Klinik-Klinik Methadone seluruh Daerah dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu.
- iv. Program Ziarah Mahabbah & Bimbingan Islam di Rumah-rumah Penempatan Warga Emas.

Pelaksanaan Program ini diadakan di tiga (3) pusat iaitu :-

-  Rumah Warga Emas Wakaf 2, Bukit Payung Marang.
-  Rumah Warga Emas Nurul Saadah, Besut.
-  Perumahan Taman Hidayah, Kg Machang Hulu Terengganu.

- v. Memantapkan penghayatan ajaran Islam yang diterima secara berkesan dan berterusan melalui seminar dan bengkel pemantapan kemahiran keibubapaan dalam menangani keluarga bermasalah yang diadakan di seluruh Pejabat Agama Daerah di Negeri Terengganu.

1.2 **Bahagian Dakwah**

- i. Mewujudkan kelas Sijil Pengajian Agama Islam Terengganu (SPAIT) iaitu kelas pengajian hujung minggu kepada golongan 25 tahun ke atas dan bersijil. Program ini adalah merupakan salah satu program Program Pengisian Kerohanian untuk masyarakat Terengganu yang berumur 25 tahun ke atas (PPK 25). Kelas ini bertujuan supaya semua masyarakat khususnya golongan 25 tahun ke atas di Negeri Terengganu terus mendalami dan mempelajari ilmu-ilmu keagamaan terdiri daripada subjek Feqah, Tauhid dan Tasawwur.
- ii. Kerajan melalui Jabatan Hal Ehwal Agama telah menempatkan seramai 260 orang muallim dan 56 orang pegawai Daie bagi mengimarahkan

lagi masjid-masjid dan surau-surau di seluruh Negeri Terengganu dengan pengajaran ilmu agama secara berkitab.

- iii. Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Agama telah membuka Kelas Tafaqquh Fiddin di setiap daerah bertempat di masjid-masjid terpilih dengan tenaga pengajarnya terdiri daripada ilmuan-ilmuan agama serta pensyarah-pensyarah universiti tempatan bertujuan menyampaikan ilmu-ilmu agama secara mingguan kepada masyarakat.
- iv. Bekerjasama dengan MAIDAM mengadakan Kursus-kursus Kefahaman Islam kepada masyarakat awam dan belia-belia di peringkat kampung seperti kursus Daie, pengurusan jenazah, kem ibadah anak-anak remaja, eksplorasi rimba dan sebagainya.
- v. Menerbit dan mencetak buku serta bahan-bahan bacaan untuk diedarkan kepada umum. Kumpulan sasar adalah pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah serta masyarakat awam. Perbelanjaan bagi aktiviti ini tahun 2018 adalah sebanyak RM309,000.00.

1.3 **Bahagian Penguatkuasaan**

- i. Seminar Pencegahan Jenayah Syariah Kepada Mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu.
- ii. Kursus Pencegahan Jenayah Syariah Kepada Pelajar Sek.Bagi Daerah Setiu 2018.

- iii. Forum Ihya' Ramadhan 'Ramadhan " Hebat Ibadat, Delete Maksiat" Kursus Pencegahan Jenayah Syariah Kepada Pelajar Sek. Bagi Daerah Kemaman Tahun 2018.
- iv. Program Islah Mukhayyam Komuniti Di sayangi
- v. Seminar Pencegahan Jenayah Syariah Kepada Mahasiswa Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dungun, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun & Pelajar Kolej Vokasional Dungun
- vi. Program" Bina Insan Komuniti Yang Disayangi"

1.4 Pada tahun 2019, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu akan menjalankan program-program seperti berikut bagi menangani masalah keruntuhan akhlak serta gejala sosial di kalangan remaja :

- i. Kursus Pencegahan EKJS(T) 2001 Kepada Pelajar UMT.
- ii. Kursus Pencegahan EKJS (T) Kepada Pelajar-Pelajar Sekolah.
- iii. Mengadakan Kempen Kesedaran Tentang Kesalahan Jenayah Syariah Melalui Hebahan Di Semua Masjid Mukim Dan Masjid Kerajaan.
- iv. Mengadakan Kempen Kesedaran Tentang Kesalahan Jenayah Syariah Melalui Hebahan Melalui Radio.
- v. Kempen Mencegah Kemungkaran Melalui Edaran Pamphlet, Flyers Dan Papan Tanda Berkaitan Kesedaran Jenayah Syariah Di Seluruh Daerah.

- vi. Kempen Penghayatan Ramadhan Melalui Pemasangan Banner Dan Banting Di Setiap Daerah.
- vii. Operasi Bonceng Bersama JPJ dan PDRM (Kaunseling).
- viii. Sesi Kaunseling Berkala Mengikut Seksyen.
- ix. Sesi Kaunseling Di Bulan Ramadhan bagi Seksyen 19.

2. YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA

YPKT telah mengadakan program-program terutama kepada belia/belawanis dan pelajar-pelajar sekolah bersama ibubapa berbentuk ceramah dan motivasi iaitu :-

2.1 Saya Anak Terengganu “TAKLIF” -Pemantapan Tanggungjawab Ibubapa & Anak -

Tujuan program ini adalah bertujuan untuk memberi

kesedaran kepada anak-anak tanggungjawab sebagai khalifah pewaris legasi anak Terengganu. Program ini telah dijalankan semenjak tahun 2007 dengan jumlah pelaksanaan program 333 kali. Sehingga Oktober 2018, program ini telah dilaksanakan sebanyak 26 buah sekolah.

2.2 Saya Anak Terengganu “Ingat Sebelum Terkena”

Program ini dilaksanakan bertujuan adalah sebagai langkah pencegahan bagi mengelakkan berlakunya kes-kes salah laku dan memberi panduan kepada remaja / pelajar dari mudah tertipu.

Program ini telah bermula semenjak tahun 2009, dengan pelaksanaan keseluruhan adalah 1,420 program. Bagi tahun 2018, program ini dijadualkan pada bulan Mei 2018 sebanyak 142 buah sekolah, dengan pendekatan secara motivasi kepada pelajar sekolah tingkatan 1 oleh kaunselor sekolah / penceramah dari agensi /Jabatan.

2.3 Saya Anak Terengganu “Peningkatan Potensi Diri”

Program ini dilaksanakan bertujuan adalah mencegah potensi dan kekuatan diri melalui kemahiran dan semangat keinginan untuk berubah.

Program ini telah bermula semenjak tahun 2008, dengan pelaksanaan keseluruhan adalah 122 program. Sehingga Oktober 2018, program ini telah dilaksanakan






sebanyak 13 kali program, dengan pendekatan secara motivasi / ceramah / bengkel kepada belia / beliawanis di Negeri Terengganu.

2.4 Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu akan menjalankan program yang sama pada tahun 2019 bagi menangani masalah keruntuhan akhlak serta gejala sosial di kalangan remaja.

3. **INSTITUT MODAL INSAN TERENGGANU SEJAHTERA (i-MiTS)**









3.1 Menyedari generasi pemuda dan pemudi adalah aset negeri dan negara serta selaras dengan Dasar Kerajaan Negeri Terengganu yang digarap melalui Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS) – Prinsip 2: Insan berkualiti, aset terpenting negeri, maka pentadbiran ini telah dan akan melaksanakan program-program menyantuni generasi pemuda (belia) dan pemudi (beliawanis) secara berterusan demi kesejahteraan negeri dan negara dimasa hadapan.

3.2 Program-program tersebut mencakupi aspek :-





-  Kerohanian/ keilmuan.
-  Jasmani/ kesukanan.
-  Informatif/ penyampaian maklumat.
-  Pembinaan jatidiri.
-  Pendedahan kerjaya.

3.3 Bertujuan melahirkan belia dan beliawanis yang berkualiti serta berakhlak mulia meliputi 32 kawasan

Dewan Undangan Negeri seluruh Negeri Terengganu Darul Iman. Berikut dilampirkan secara terperinci program-program yang telah dan akan dilaksanakan oleh pentadbiran ini.

-  Sembang Santai Usahawan Bersama YB Mohd Nurkhuzaini bin Ab Rahman
-  Usrah Belia
-  Kem Anak Soleh
-  Liqa' Fikri Belia
-  Perlawanan Bola Sepan Persahabatan
-  Kayuhan Santai Bersama YB Ir. Saiful Azmi
-  Gotong Royong Membersihkan Kawasan Kubur
-  Kembara Ilmu ke Selatan Thai

3.4 Berikut adalah program-program yang akan dilaksanakan oleh i-MiTS pada tahun 2019 bagi menangani masalah keruntuhan akhlak serta gejala sosial di kalangan remaja :-

-  Kem Anak Soleh
-  Mukhayyam
-  Karnival Kerjaya
-  Perkampungan Belia Sejahtera

4. YAYASAN ISLAM TERENGGANU (YIT)

4.1 Apabila membicarakan generasi muda hari ini, ia lebih sinonim dengan konotasi perbuatan negatif dan gejala sosial yang tidak berfaedah. Pelbagai bentuk program keagamaan telah disediakan bagi golongan ini melalui pelbagai medium yang lebih efektif dan pendekatan yang lebih santai. Diantara program yang telah dilaksanakan ialah;

- i. Program Usrah telah dijalankan setiap minggu,

sepanjang tahun kepada semua golongan

termasuk *Mat Motor* (Mat Rempit), Penagih

Dadah, *Mak Nyah*, remaja yang terlibat dengan budaya *Punk* dan juga kepada golongan yang cacat penglihatan, golongan gelandangan, anak yatim, ibu tunggal dan juga di rumah jagaan orang tua.

- ii. Bagi menangani masalah sosial, Kem Sahsiah dan Jati Diri/ Bina Insan telah dilaksanakan setiap bulan di semua peringkat di sekitar negeri Terengganu.
- iii. Kem Bestari Solat yang telah dilaksanakan disemua peringkat seperti agensi badan kerajaan/ sekolah/ ipta dan ipts terpilih dalam menyempurnakan solat menggunakan modul yang telah disediakan.
- iv. Program Street Dakwah merupakan program dakwah jalanan yang melibatkan anak muda serta belia yang juga telah disasarkan kepada golongan remaja yang bermasalah sosial dan juga Non-Muslim.
- v. Di antara aktiviti ialah mengedarkan risalah dan

buah tangan.

- vi. Kelas Pengajian Ilmu Agama dan Fardhu Ain juga diadakan di tempat-tempat terpilih iaitu Asrama Rusila yang menempatkan remaja yang terlibat dengan kes juvana, pusat pemulihan bagi orang kurang upaya dan cacat penglihatan, pusat pemulihan dadah dan sebagainya.

- vii. Kelas Agama Belia juga dilaksanakan diseluruh negeri terutama di Felda, Felcra dengan mensasarkan golongan belia yang diadakan secara mingguan.

- viii. Program Qiamullail yang diadakan setiap bulan di masjid yang terpilih turut melibatkan golongan belia dan remaja turut serta dalam program ini.

- ix. Forum Perdana dan Wacana Ilmu diadakan bagi memantapkan fikrah serta menarik minat anak muda dalam mendekati majlis ilmu.

- x. Program Al-Qiadah dan Tanmiah Mukminah juga dilaksanakan setiap bulan di seluruh tempat yang terpilih di kg.pedalaman, Felda, Felcra, Perkampungan Orang Asli dengan kursus-kursus agama dan pembinaan insan secara intensif.

4.2 Berikut adalah program-program yang akan dilaksanakan oleh Yayasan Islam Terengganu pada tahun 2019 bagi menangani masalah keruntuhan akhlak serta gejala sosial di kalangan remaja :-

- i. Program Talaqqi dan Daurah kitab secara asas bagi golongan belia dalam mendekati majlis ilmu dengan bahan yang lebih ringan kepada belia.
- ii. Kem GENIUS (Generasi Islami Unggul Sahsiah/Solat) akan diadakan di sekolah /agensi /ipta dan ipts yang terpilih. Modul berteraskan Kerohanian, Fizikal, Mental, Sosial, Intelek dan sebagainya bagi mengurangkan pelajar yang terlibat dengan juvana/ vandalisme dan masalah sosial yang lain.
- iii. Program Jaulah dan Rehlah akan diadakan kepada golongan remaja dengan aktiviti yang lebih lasak, mengembara didalam hutan. Kembara Dakwah ini dapat menghimpun lebih ramai anak muda dengan konvoi motorsikal dan sebagainya.
- iv. Mukhayyam Belia akan diwujudkan bagi mendekati golongan ini dengan aktiviti bermalam di dalam hutan disamping

mempelajari teknik dan asas solat didalam hutan dan sebagainya.

SOALAN 3 : Nyatakan status pembinaan jalan dua hala dari Dungun ke Kuala Terengganu iaitu dari :

- a. Simpang Che Lijah ke Simpang Tanjung Jara
- b. Jambatan Gong Balai ke Lampu Isyarat Marang?

JAWAPAN : Naik taraf jalan daripada 2 lorong kepada 4 lorong dari Simpang Che Lijah ke Simpang Tanjung Jara telah disenarai pendek dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK11) Rolling Plan Ke-4 (RP4) dibawah tajuk projek **"Missing Link Di Laluan FT003 Jalan Persekutuan Kuantan - Kuala Terengganu Bagi Menaiktaraf Dari 2 Lorong Kepada 4 Lorong"** yang akan dilaksanakan secara berperingkat tetapi sehingga kini belum diluluskan perlaksanaannya.

Manakala bagi naik taraf jalan daripada 2 lorong kepada 4 lorong dari Jambatan Gong Balai ke Lampu Isyarat Marang pula telah disenarai pendek dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK11) Rolling Plan ke-4 (RP4) dibawah tajuk projek **"Missing Link Di Laluan FT003 Jalan Persekutuan Kuantan - Kuala Terengganu Bagi Menaiktaraf Dari 2 Lorong Kepada 4 Lorong"** yang akan dilaksanakan secara berperingkat tetapi sehingga kini belum diluluskan perlaksanaannya.

Walau bagaimanapun, bagi kerja-kerja naik taraf Jambatan Gong Balai dan jalan sehingga ke Sekolah Kebangsaan Gong Balai, Merchang, Marang daripada 2 lorong kepada 4 lorong dan juga memperelok selekoh di Kampung Serating sepanjang 1.7km dalam peringkat pembinaan di bawah projek **"Menaiktaraf FT3 Jalan Kuala Terengganu - Kuantan daripada 2 lorong kepada 4 lorong di daerah Kemaman dan Marang, Terengganu (Fasa 3)"** menggunakan pembiayaan Kerajaan Negeri melalui peruntukan Dana Khas lebih daripada peruntukan LPT 2 yang dijangka siap pada 14 Mei 2019.

SOALAN 4 : Berapakah kutipan hasil perhutanan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Terengganu dari tahun 2017 - 2018

JAWAPAN : Kutipan hasil perhutanan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Terengganu dari tahun 2017 sehingga 2018 adalah berjumlah RM80,012,196.60 sebagaimana berikut :-

TAHUN	JUMLAH HASIL HUTAN (RM)
2017	35,585,627.27
2018	44,426,569.33
JUMLAH	80,012,196.60

SOALAN 5 : Rumah adalah keperluan asas bagi rakyat, sehingga kini berapakah jumlah permohonan dan jumlah yang berjaya mendudukinya mengikut pecahan Daerah?

JAWAPAN : Kerajaan menyedari rumah adalah keperluan asas bagi rakyat dan telah menjadikan sektor perumahan sebagai agenda utama bagi Negeri Terengganu. Selain pembinaan Rumah Mampu Milik dan Program Perumahan Rakyat oleh Kerajaan dan pemaju swasta, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) juga menyediakan Rumah Mesra Rakyat kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Berikut adalah pecahan projek perumahan:

Rumah Mampu Milik (RMM) Dan Program Perumahan Rakyat (PPR)

Daerah	Jumlah Permohonan	Jumlah Tawaran
Kuala Terengganu	35,883	2,364
Kemaman	26,040	2,706
Dungun	18,665	1,403
Besat	16,303	1,225
Hulu Terengganu	8,297	847
Mangrove	9,472	443
Setiu	3,426	133
Kuala Nerus	8,813	909
Jumlah	126,899	10,030

Rakyat (RMR)

Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)

Daerah	Jumlah Permohonan	Jumlah Tawaran
Kuala Terengganu	763	383
Kemaman	1,539	704
Dungun	1,303	759
Besut	1,896	1,144
Hulu Terengganu	1,608	933
Marang	1,782	1,052
Setiu	2,261	1,324
Kuala Nerus	895	493
Jumlah	12,047	6,792

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 25 HINGGA 29 NOVEMBER 2018 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.5

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR
ADUN LANGKAP

SOALAN 1 : Apakah status permohonan tanah-tanah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri yang sudah menjelaskan bayaran Jadual 5A oleh peserta yang berjaya khususnya bagi Kelompok RTB Tapak Rumah Taman Sri Intan Sungai Tong, Langkap, Setiu?

JAWAPAN : Permohonan tanah-tanah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri yang sudah menjelaskan bayaran Jadual 5A oleh peserta yang berjaya khususnya bagi Kelompok RTB Tapak Rumah Taman Sri Intan Sungai Tong, Setiu adalah sepertimana berikut:-

- i) Jelas bayaran 5A dan dikeluarkan hak milik - 95 lot
- ii) Lot keseluruhan berjumlah - 267 lot
- iii) Peserta yang diisi - 194 lot
- iv) Baki keseluruhan lot - 73 lot

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS

PADA 25 HINGGA 29 NOVEMBER 2018 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.6

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RIDZUAN BIN HASHIM
ADUN BULUH GADING

SOALAN 1 : Pohon dinyatakan statistik terkini kes jenayah di Terengganu bermula Januari 2017 hingga Oktober 2018?

JAWAPAN : Sebagaimana Lampiran A & B

SOALAN 2 : Berapakah kadar terkini pengangguran di Terengganu dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan negeri bagi mengatasinya.

JAWAPAN : Berdasarkan Survei TenagaBuruh (STB) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di Terengganu adalah 4.5 peratus bagi tahun 2017.

Bagi mengatasi masalah pengangguran, Kerajaan Negeri komited dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Berikut adalah industry dan juga pelaburan baharu yang dijangka akan menyumbang peluang pekerjaan kepada rakyat negeri Terengganu :

BIL	INDUSTRI	PEMBUATAN	PELUANG PEKERJAAN	JANGKAAN OPERASI
1	Kimia	Produk Bioteknologi	600	Telah beroperasi
2	Pertanian	Jagung Hybrid	200	Telah beroperasi
3	Polimer	SarungTangan NBR (Nitrile Butadine Rubber)	4,000	Januari 2019
4	Silika	Produk berasakan silika	7,200	Jun 2019
		JUMLAH	12,000	

SOALAN 3 : Berapakah jumlah penduduk di Negeri Terengganu sehingga Oktober 2018. Daripada jumlah tersebut, berapa peratuskah mereka yang termasuk dalam kategori miskin?

JAWAPAN : Jumlah penduduk Negeri Terengganu bagi tahun 2018 adalah 1.23 Juta orang berdasarkan sumber daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sistem eKasih merekodkan sehingga Oktober 2018, sebanyak 4,726 Ketua Isi Rumah termasuk dalam kategori miskin.

LAMPIRAN 'A'

PERANGKAAAN JENYAH INDEKS TAHUN 2017 BAGI KONTINGEN TERENGGANU																									
JENIS KESALAHAN	T/TRG			KEMAMAN			DUNGUN			BESUT			MARANG			H/TRG			SETIU			JUMLAH			
	J/K	J/S	TKP	J/K	J/S	TKP	J/K	J/S	TKP	J/K	J/S	TKP	J/K	J/S	TKP	J/K	J/S	TKP	J/K	J/S	TKP	J/K	J/S	TKP	
Jenayah Kekerasan																									
Bunuh	1	1	9	0	0	1	0	0	0	3	2	11	1	4	12	0	0	8	0	0	1	5	7	42	
Rogol	20	25	30	10	11	14	9	8	9	10	14	21	5	5	13	5	4	4	5	7	17	64	74	108	
Samun Bk B'senjataapi	0	0	1	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5
Samun Bk T/Senjataapi	20	14	16	12	3	13	14	10	3	23	6	41	3	2	3	2	2	5	5	2	4	79	39	85	
Samun Bersenjataapi	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Samun T/Senjata Api	30	22	33	11	9	10	5	4	8	18	8	14	8	7	9	2	1	1	2	1	0	76	52	75	
Mencederakan	26	23	36	10	10	22	27	26	47	35	34	48	12	12	17	11	13	11	9	8	14	130	126	195	
Jumlah	97	85	125	43	33	62	55	48	67	89	64	135	29	30	57	20	20	29	21	13	36	354	298	511	
Jenayah Harta Benda																									
Lain-Lain Curi	144	136	171	49	43	121	61	43	137	41	24	81	26	20	75	24	17	23	20	17	66	365	300	674	
Curi Van/ Lori/ l'berat	7	5	4	2	1	0	3	1	0	4	3	12	0	0	0	5	2	3	1	0	1	22	12	20	
Curi Motokar	45	42	22	25	4	7	9	6	0	50	33	41	3	1	6	3	2	5	11	5	3	146	93	84	
Curi Motosikal	267	260	169	165	59	89	121	65	71	221	175	143	54	29	79	46	30	91	40	40	59	914	658	701	
Curi Ragut	0	0	3	0	1	1	0	0	0	0	0	2	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1	7	
Pecah Rumah Slang	26	21	17	3	4	2	6	1	5	25	16	10	6	7	12	8	10	4	1	4	0	75	63	50	
Pecah Rumah Malam	115	113	135	42	22	48	63	40	74	55	42	78	54	26	94	37	28	55	15	10	14	361	281	498	
Jumlah	604	577	521	286	134	268	263	156	287	396	293	367	143	83	267	123	89	181	88	75	143	1903	1408	2034	
Jumlah Besar	701	662	646	329	167	330	318	204	354	485	357	502	172	113	324	143	109	210	109	94	179	2257	1076	2545	

J/K : JUMLAH KES
 J/S : JUMLAH SELESAI
 TKP :TANGKAP

LAMPIRAN 'B'

PERBANDINGAN JENAYAH INDEKS KATEGORI "B" BAGI JAN- 31HB. OKT 2017/2018 KONTINGEN TERENGGANU																									
JENIS KESALAH	T/TRG			KEMAMAN			DUNGUN			BESUT			MARANG			H/TRG			SET/U			JUMLAH			
	2017	2018	-/+	2017	2018	-/+	2017	2018	-/+	2017	2018	-/+	2017	2018	-/+	2017	2018	-/+	2017	2018	-/+	2017	2018	-/+	
	KES			KES			KES			KES			KES			KES			KES			KES			
JENAYAH KEKERASAN																									
Bunuh	1	1	0	0	0	0	0	0	0	3	0	3	1	0	-1	0	0	0	0	0	0	0	5	1	-4
Rogol	16	11	-5	9	8	-1	8	4	-4	9	10	1	5	5	0	5	5	0	5	5	0	57	48	-9	
Samun Bk B'senjataapi	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Samun Bk T/Senjataapi	19	9	-10	10	12	2	14	5	-9	22	12	-10	3	3	0	1	2	1	4	3	-1	73	46	-27	
Samun Bersenjataapi	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	0	1	1	
Samun T/Senjata Api	21	7	-14	9	3	-6	5	3	-2	168	8	-8	5	2	-3	2	5	3	1	2	1	59	30	-29	
124-326KK	22	20	-2	7	13	6	21	23	2	32	24	-8	9	9	0	9	8	-1	9	10	1	108	107	-2	
Jumlah	79	48	-31	35	35	1	48	35	-13	82	54	-28	23	19	-4	17	21	4	19	20	1	303	233	-70	
JENAYAH HARTA BENDA																									
Lain-Lain Curi	115	125	10	41	53	12	53	66	13	36	28	-8	22	18	-4	15	16	1	19	33	14	301	339	38	
Curi Van/ Lori/ J'berat	5	3	-2	2	1	-1	3	0	-3	4	1	-3	0	0	0	4	0	-4	1	1	0	19	6	-13	
Curi Motokar	37	32	-5	20	4	-16	9	5	-4	43	18	-25	3	2	-1	2	3	1	10	4	-6	124	68	-56	
Curi Motosikal	234	145	-89	154	89	-65	95	76	-19	194	132	-62	49	29	-20	40	26	-14	35	9	-26	801	506	-295	
Curi Ragut	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
Pecah Rumah Siang	22	13	-9	2	1	-1	5	1	-4	21	15	-6	6	11	5	8	4	-4	1	3	2	65	48	-17	
Pecah Rumah Malam	95	77	-18	34	32	-2	50	46	-4	44	61	17	39	32	-7	32	9	-23	13	18	5	307	275	-32	
Jumlah	508	395	-113	253	108	-73	215	194	-21	342	255	-87	119	92	-27	101	58	-43	79	68	-11	1617	1242	-375	
Jumlah Besar	587	443	-144	288	216	-72	263	229	-34	424	309	-115	142	111	-31	118	79	-39	98	88	-10	1920	1475	-445	
% +/- KES	-24.53%			-25.00%			-12.93%			-27.12%			-21.83%			-33.05%			-10.20%			-23.18%			

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 25 HINGGA 29 NOVEMBER 2018

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.7





SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD RAHMAN
ADUN KUALA BESUT

SOALAN 1 : Apakah usaha yang lebih efektif oleh Kerajaan Negeri bagi membasmi gejala penyalahgunaan dadah di Terengganu

JAWAPAN : Kerajaan Negeri telah mengambil usaha-usaha yang lebih efektif bagi membasmi penyalahgunaan dadah di Terengganu dengan kerjasama Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM seperti berikut :

1. AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK)

1.1 Kerajaan sedar bahawa usaha dan tindakan pembanterasannya gejala dadah perlu menjadi agenda utama dan terus dilipatgandakan dari masa ke semasa dengan pelbagai pendekatan inisiatif baru berikutan trend ancamannya yang bersifat progresif. Selaras dengan pengisytiharan tahun 2016 sebagai tahun memerangi dadah secara habis-habisan oleh Kerajaan Persekutuan, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah mengadakan program pencegahan melalui pendekatan ;

-  Keluarga Bebas Dadah
-  Institusi Pendidikan Bebas Dadah
-  Tempat Kerja Bebas Dadah
-  Komuniti Bebas Dadah

- 1.2 Media juga telah digunakan bagi menyebarkan luas informasi dan maklumat mengenai kesan dan bahaya penyalahgunaan dadah. Selama ini, media telah digunakan dengan begitu efektif dalam memberi kesedaran dan mempengaruhi pemikiran selain meningkatkan perubahan sikap ahli masyarakat, ekoran daripada itu kerajaan negeri telah memberi kebenaran kepada AADK menggunakan Papan Tanda (Billboard) milik Kerajaan Negeri di setiap daerah bagi tujuan memasang paparan kempen Perangi Dadah Habis-Habisan (paparan deraf peringkat Kerajaan Negeri)

2. POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

- 2.1 PDRM telah mengambil tindakan yang agresif untuk membasmi gejala penyalahgunaan dadah di Terengganu. Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Terengganu sentiasa dan akan tetap meneruskan tindakan dan operasi-operasi secara berterusan. Sepanjang tahun ini sehingga 31 Oktober 2018 sebanyak 7245 operasi telah dijalankan diseluruh Terengganu, merangkumi Ops Tapis (setiap hari), Ops Bersepadu (bersama agensi dan jabatan lain secara berkala), Ops Sarang (menumpukan kawasan Pot Penagihan-secara bulanan), dan Ops Waran/Kesan (secara harian bagi mengesan pesalah yang mempunyai waran).

SOALAN 2 : Apakah inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu golongan B40 di Terengganu?

JAWAPAN : Bagi membantu golongan B40 Kerajaan Negeri telah menyediakan beberapa program jangka pendek dan sederhana yang sedang dan akan dilaksanakan untuk membantu golongan ini. Diantaranya ialah :-

1. Menyediakan Lesen Motosikal PERCUMA
2. Karnival Kahwin Kali Pertama Secara PERCUMA
3. RM 50 juta Setahun Untuk Tabung Pinjaman Perumahan Rakyat
4. Menyediakan Kad Sejahtera Bernilai RM 500 Setahun Untuk Golongan Berpendapatan Rendah.
5. Memberi Bekalan Air Percuma 20 meter padu Kepada Golongan Miskin Setiap Bulan.
6. Memastikan Setiap Rakyat Terengganu Berumur 21 Tahun Memiliki 1 Lot Tapak Rumah atau 1 unit Rumah Kediaman
7. Caj Wad Kelas 3 Secara PERCUMA
8. Membuka Permohonan Tanah Untuk Rakyat Terengganu dan Memberi Geran Kekal Kepada Yang Layak.
9. Memastikan Setiap Rakyat Terengganu berumur 21 tahun Memiliki 1 Lot Tapak Rumah atau 1 unit Rumah Kediaman.

SOALAN 3 : Apakah bentuk bantuan dan sokongan kepada usahawan tani muda di Terengganu?

JAWAPAN : Bantuan dan sokongan kepada usahawan tani adalah sebagaimana berikut:

1. Skim pembiayaan mudah melalui Tabung Pembangunan Usahawan Peladang, Tabung Pembangunan Usahawan Kortani dan Dana Usahatani Terengganu (DUTA) melalui Lembaga Pertubuhan Peladang, Program Agropeneur Muda di bawah Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, FAMA, MARDI, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.
2. Penyediaan ruang pasaran untuk usahawan berniaga di berniaga di lot-lot pasar tani dan mengadakan pemadanan pasaran (*business matching*) bagi membolehkan mereka memasarkan produk mereka ke outlet peruncitan seperti Agrobazaar Rakyat di seluruh Malaysia dan ke pasaraya-pasaraya melalui FAMA.
3. Selain daripada menyediakan khidmat nasihat dalam bidang pemasaran, FAMA juga menyediakan kursus pemasaran online melalui portal Agrobazaar Online secara percuma kepada usahawan muda yang berminat dalam pemasaran secara online.

SOALAN 4 : Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan pembangunan modal insan untuk masyarakat Terengganu?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri sentiasa menitikberatkan pembangunan modal insane terhadap masyarakat Terengganu melalui aspek memperkasa sektor pendidikan ke arah melahirkan anak-anak Terengganu yang cemerlang dan berkualiti di masa hadapan. Pelbagai usaha telah dilaksanakan Kerajaan Negeri hari ini dalam memastikan pembangunan modal insane ke arah menjadikan Negeri Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera. Antara usaha yang telah dan akan dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:

1. Kerajaan Negeri akan menubuhkan lima buah Sekolah Rendah Islam Darul Iman yang akan memulakan sesi persekolahan pada Januari 2019. Kerajaan Negeri Terengganu sentiasa member penekanan dalam pembangunan pendidikan di negeri ini dan memandang serius hala tuju pendidikan dikalangan masyarakat. Manifesto kerajaan hari ini adalah memperkasakan pendidikan dengan hasrat untuk menubuhkan satu sekolah rendah Islam bagi setiap Dewan Undangan Negeri dan satu sekolah menengah Islam di setiap Parlimen Negeri Terengganu.

Kerajaan Negeri akan meneruskan bantuan kewangan kepada JPNT melalui Program Pendidikan Anjung Ilmu (PPAI). Bagi memastikan peningkatan yang berterusan, pihak Kerajaan Negeri akan meneruskan sumbangan kewangan bagi menjayakan pelbagai program pendidikan yang dirancang melalui Program Pendidikan Anjung Ilmu

2. Antara pengisian PPAI ialah pembangunan Modul Perkembangan Pembelajaran, Modul Intervensi Pembelajaran, Kelas Bimbingan, Akademi SPM, STAM DAN STPM serta Sesi Motivasi. PPAI melibatkan semua peperiksaan seperti Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Berasaskan Sekolah(termasuk PT3), SPM, STAM dan STPM.
3. Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu akan melaksanakan pelbagai usaha ke arah meningkatkan pembangunan modal insane melalui program-program berikut:
 - i) Program Titian Bestari: Selangkah Ke Menara Gading
 - ii) Program Sifar Keciciran ke IPT
 - iii) Bantuan pelajarTingkatan 6 Atas
 - iv) Bantuan Persediaan ke IPT
 - v) Pemerksaan Pertubuhan PERMATA

- vi) Sumbangan Penajaan Pelajar Cemerlang
- vii) Program Bantuan Pinjaman & Biasiswa
- viii)Pemeriksaan Program TREGLISH
- ix) Insentif Kecemerlangan

SOALAN 5 : Apakah usaha untuk meningkatkan hasil dan pendapatan Negeri Terengganu?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri telah melakukan pelbagai usaha dalam meningkatkan pendapatan Negeri Terengganu di antaranya ialah:

- i) Penguatkuasaan kutipan Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri:
 - a) Menggesa Agensi untuk membuat bayaran balik pinjaman secara konsisten.
 - Memberi peringatan kepada agensi untuk membuat bayaran balik pinjaman.
 - b) Mengurangkan tunggakan cukai tanah:
 - Mengadakan kutipan luar cukai/ cukai bergerak bagi memudahkan urusan orang ramai membuat bayaran. Pelbagai insentif juga diberikan bagi menarik orang ramai melunaskan tunggakan.
 - Mengunjungi syarikat-syarikat yang mempunyai cukai yang tinggi dan lama serta mengadakan perbincangan dengan pemilik supaya menjelaskan cukai tanah.
 - Cukai tanah yang mempunyai tunggakan yang tinggi diberi kemudahan membayar secara ansuran mengikut kelulusan yang diberikan dan menghantar notis Pemberitahuan kepada pemilik yang mempunyai tunggakan tinggi sebelum borang 6A dikeluarkan

- ii) Mengkaji semula kadar fee urusan tanah:
 - Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dalam cadangan mengemukakan kadar baharu bagi urusan tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri.
- iii) Caj Pengambilan Air Mentah:
 - Pihak JBA telah menyiapkan Enakmen Sumber Air Negeri Terengganu yang baharu bagi menggantikan Enakmen Bekalan Air Negeri Terengganu tahun 1998 yang sedia ada dan ianya sedang disemak oleh agensi teknikal berkaitan termasuklah Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu.
- iv) Caj/Cukai Pelancongan:
 - Menganakan Caj/ Cukai Pelancongan di hotel-hotel Negeri Terengganu.

PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS (BAJET)
PADA 25 NOVEMBER HINGGA 29 NOVEMBER 2018

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.8

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI HILMI BIN HARUN
ADUN MANIR

SOALAN 1 : Nyatakan jumlah rakyat negeri yang masih belum mempunyai kediaman sendiri?

JAWAPAN : Berdasarkan Sumber Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Negeri Terengganu Tahun 2010 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah sebagaimana berikut:

Jumlah Isi Rumah Di Terengganu	Memiliki Rumah Di Terengganu	Memiliki Rumah Luar Terengganu	Tidak Memiliki Rumah	Tidak Diketahui
207,721	136,887	5,500	31,983	33,351

SOALAN 2 : Berapakah bilangan pelajar cemerlang yang telah ditaja oleh Kerajaan Negeri Terengganu dari tahun 2010 dan dimanakah institusi pengajian mereka?

JAWAPAN : Pelajar cemerlang yang telah ditaja oleh Kerajaan Negeri Terengganu mulai tahun 2010 mengikut Negara seperti di lampiran.

TAHUN KEMASUKAN PELAJAR KE LUAR NEGARA

BIL	NEGARA	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	JUMLAH
1	JORDAN	-	-	28	22	15	11	-	-	-	76
2	MESIR	61	19	19	24	4	-	-	-	-	127
3	INDONESIA	-	6	5	1	4	29	-	-	-	60
4	RUSIA	56	69	47	47	-	-	-	-	-	219
5	UNITED KINGDOM	7	21	17	7	2	15	8	1	4	82
6	AUSTRALIA	-	1	-	-	-	-	-	-	-	1
7	JEPUN	-	-	1	-	-	-	-	-	-	1
8	AMERIKA SYARIKAT	2	-	-	-	-	-	-	-	-	2
9	MAGRIBI	-	-	4	-	1	-	-	-	-	5
10	JERMAN	-	-	-	-	5	4	3	5	-	17
11	PERANCIS	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1
JUMLAH BESAR :		127	116	121	98	31	59	26	6	-	440

MESYUARAT KEDUA

PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 25 HINGGA 29 NOVEMBER 2018 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.9.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' ABD. HALIM BIN JUSOH
ADUN PERMAISURI

SOALAN 1 : Senaraikan Nama nama Pengerusi Syarikat-Syarikat GLC Negeri Terengganu dan Negeri asal mereka?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Berapakah bilangan Graduan anak Terengganu yang telah bergraduasi sejak 2008? Berapa ramaikah yang masih menganggur?

JAWAPAN : Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, bilangan graduan yang bermastautin di Terengganu sejak tahun 2008 hingga 2017 adalah seramai 101,998 orang.

Sementara itu, jumlah graduan yang berstatus belum bekerja semasa musim konvokesyen pada tahun 2015 adalah seramai 3,323 orang. Manakala pada tahun 2016 dan 2017 adalah masing-masing seramai 3,204 dan 3,187 orang.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Jadual 1 : Keseluruhan Graduan berdasarkan negeri bermastautin (Terengganu), Tahun 2008 hingga Tahun 2017

Tahun	Jumlah
2008	7,881
2009	9,659
2010	9,780
2011	10,255
2012	10,645
2013	11,097
2014	10,377
2015	10,330
2016	10,815
2017	11,159
JUMLAH KESELURUHAN	101,998

Jadual 2 : Status Pekerjaan Graduan (Warganegara) berdasarkan negeri bermastautin (Terengganu), Tahun 2015 hingga 2017

Tahun	Bekerja dan lain-lain		Belum bekerja		Jumlah	
	Bil.	%	BIL.	%	BIL.	%
2015	6,949	67.6	3,323	32.4	10,272	100
2016	7,539	70.2	3,204	29.8	10,743	100
2017	7,906	71.3	3,187	28.7	11,093	100

Nota : Bekerja dan lain-lain adalah merangkumi status bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.

Sumber : Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG), KPM (PT)

SOALAN 3 : Mohon senarai lengkap bilangan pelajar-pelajar tajaan Yayasan Terengganu untuk setiap negara jika di luar negara dan senarai untuk setiap universiti jika di dalam negara sama ada IPTA atau IPTS?

- a. Statistik pelajar tajaan Yayasan Terengganu di Luar Negara sesi 2018/2019

BIL	NEGARA	BIL PELAJAR
1	RUSIA	75
2	JORDAN	49
3	MESIR	12
5	INDONESIA	48
6	UNITED KINGDOM	20
7	JERMAN	17
8	AMERIKA SYARIKAT	1
9	AUSTRALIA	2
JUMLAH		224

- b. Statistik Pelajar Tajaan Yayasan Terengganu Di IPT Dalam Negara Sesi 2018/2019.

BIL	INSTITUT PENGAJIAN TINGGI	BILANGAN PELAJAR
1	UNISZA	20
2	UMT	10
3	UITM	41
4	UMK	3
5	UMP	2
6	UM	2
7	UKM	3
8	UPM	1
9	USIM	4
10	UTM	2
11	UTHM	7
12	UTEM	8
13	USM	2
14	UUM	1
15	POLITEKNIK	15
16	TATIUC	193
17	TESDEC	122
18	LAIN-LAIN IPTS	23

SOALAN 4 : Apakah Perancangan Kerajaan Negeri untuk memulihkan Laguna Kuala Setiu Dalam DUN Permaisuri? Berapakah Peruntukan Kewangan?

JAWAPAN : Projek-projek untuk memulihkan Laguna Kuala Setiu Dalam DUN Permaisuri adalah sebagaimana di bawah:-

BIL	PERKARA	STATUS	KOS PROJEK (RM)
1.	Projek menaiktaraf Ban Pantai Lagun Setiu, Gong Batu, Setiu	55% (jadual) 58% (Sebenar)	8,216,961.00
2.	Projek Melebar dan Mendalamkan Muara Sungai Kg.Kuala Baru Mangkok, Permaisuri, Setiu, Terengganu (ICU)	SIAP 100%	8,184,915.08
3.	Projek Muara Sungai (Breakwater), Kg Mangkok, Permaisuri, Setiu, Terengganu (NRE)	Dijangka tender pada Febuari 2019	150,000,000.00
	Kos keseluruhan :		RM151,641,876.08

SOALAN 5 : Berapa Buah Rumah Mampu Milik dan PPRT akan di bina di DUN Permaisuri dalam tahun 2019 dan 2020?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri dalam proses mengenalpasti tanah-tanah yang sesuai untuk dijadikan sebagai kawasan Rumah Mampu Milik (RMM) di seluruh negeri Terengganu. Walau bagaimanapun, beberapa kawasan yang telah dikenalpasti didapati memerlukan kerja – kerja penyediaan tapak dan infra yang akan menelan kos yang tinggi.

Untuk DUN Permaisuri, kawasan yang telah dikenalpasti untuk pembinaan RMM adalah di Kg. Guntung Luar, Setiu. Kajian kesesuaian (feasibility study) telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri di kawasan tersebut. Kajian tersebut mendapati bahawa kos untuk penyediaan tapak dan infra seperti penambunan aras tanah dan pembinaan saluran yang baik memerlukan kos yang tinggi.

Selain daripada kos yang tinggi, kawasan tersebut juga merupakan kawasan yang sering berlaku banjir dan juga terdapat rintihan haram oleh penduduk setempat. Maka, Kerajaan Negeri perlu mengenalpasti kawasan berdekatan lain yang lebih sesuai untuk dijadikan kawasan RMM.

Pada tahun 2019, sebanyak RM30j untuk 32 dun diperuntukkan dibawah bajet PPTS. Manakala untuk dun Permaisuri adalah sebanyak RM750,000.00 diperuntukkan untuk bina baru rumah dan baik pulih rumah.

RUMAH MAMPU MILIK/RAKR DI DAERAH SETIU

BIL	NAMA PROJEK	UNIT	TAHUN DIBINA - SIAP
1	RAKR SAUJANA (RAKR SUNGAI BARI)	174	1995 - 1996
2	RAKR KG BULUH / BINJAI MANIS	110	1998 - 2002
3	RAKR SUNGAI TONG 1	102	1996 - 1997
4	RMM SUNGAI TONG 2	133	2009 - 2011
JUMLAH		519	

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 25 HINGGA 29 NOVEMBER 2018 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.10.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH

Y.B. HAJI ALIAS BIN HARUN
ADUN RANTAU ABANG

SOALAN 1 : Demi kesejahteraan dan kesihatan rakyat melalui bantuan Tabung Darul Iman (TDI) , sila nyatakan bantuan yang telah disumbangkan mengikut jenis penyakit, nilainya dan pecahan daerah dari tahun 2016 sehingga September 2018?

JAWAPAN : Mulai tahun 2019, program penajaan kepada pelajar-pelajar yang akan mengikuti pengajian di Timur Tengah akan dibuka semula. Butiran dan perincian penajaan akan dimaklum setelah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri juga masih meneruskan pemberian bantuan persediaan kepada pelajar baru yang ingin memulakan pengajian ke IPT

SOALAN 2 : Senaraikan aset-aset dan hartanah yang dimiliki oleh kerajaan Terengganu dan anak-anak syarikat kerajaan negeri di luar negara dan apakah penajaan keuntungan dari aset-aset ini?

JAWAPAN : **DITOLAK** menurut perkara **26(4A)(a)** Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Berapakah perbelanjaan setahun diperuntukkan oleh kerajaan negeri kepada Jabatan Hal Ehwal Agama (JHEAT) termasuk suguhati guru-guru KAFA, peruntukan tambahan tahunan untuk sekolah agama rakyat, sumbangan Ehya' Ramadhan kepada masjid seluruh negeri dan program-program mengenai peristiwa bulan-bulan Islam.

JAWAPAN : **DITOLAK** menurut perkara **26(4A)(a)** Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Apakah jenis bantuan yang dapat dihulurkan oleh pihak kerajaan kepada pusat hemodialisis bukan beruntung (non-profitable) yang diuruskan oleh pertubuhan kebajikan persendirian.

JAWAPAN : Menerusi Kerajaan Negeri, pertubuhan-pertubuhan ini layak memohon untuk dipertimbangkan Bantuan Pengurusan sebagai suguhati bagi membantu mereka menguruskan badan-badan yang berorientasikan kebajikan sebegini. Namun begitu, adalah diingatkan nilai bantuan ini hanyalah berbentuk skala kecil dan bermaksudkan bantuan suguhati sahaja.

Kementerian Kesihatan Malaysia juga menyediakan perkhidmatan melalui Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dengan menyediakan bantuan ubat-ubatan yang asas kepada pesakit-pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis di pusat hemodialisis bukan beruntungan (non-profitable) yang diuruskan oleh pertubuhan kebajikan persendirian.

SOALAN 5 : Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mencegah golongan belia daripada mengakses maklumat siber yang mengandungi unsur-unsur negatif yang boleh mendorong ke arah masalah sosial, seks, ketagihan bahan lucah dan jenayah?

JAWAPAN : **DITOLAK** menurut perkara **26 (6)** Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS (BAJET)
PADA 25 HINGGA 29 NOVEMBER 2018

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.11

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. SULAIMAN BIN SULONG
ADUN PENGKALAN BERANGAN

SOALAN 1 : Boleh berikan jumlah pasangan yang telah berdaftar untuk program perkahwinan perdana yang dianjurkan oleh kerajaan negeri sepanjang tahun 2018?

JAWAPAN : Seramai 486 pasangan telah berdaftar dan terlibat dengan penganjuran Program Perkahwinan Perdana sepanjang tahun 2018. Program ini telah dilaksanakan sebanyak dua kali iaitu pada 3 Mac 2018 dan 30 Jun 2018. Terkini, program seterusnya bakal dilangsungkan pada 24 November 2018 ini. (Sebagaimana Lampiran).

SOALAN 2 : Apakah status bangunan milik kerajaan yang didirikan di atas tanah persendirian?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah dividen yang diterima oleh kerajaan negeri dari keuntungan syarikat milik kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

JAWAPAN : Pada tahun berakhir 31 Disember 2017, kerajaan negeri tidak menerima sebarang dividen daripada pelaburan dalam anak syarikat. Walau bagaimanapun, Perbadanan Menteri Besar (MBI) Terengganu ada menerima dividen daripada Terengganu Incorporated Sdn Bhd (TISB) pada 20 November 2017 berjumlah RM3,745,426.51 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

LAMPIRAN

Ringkasan Peserta Perkahwinan Perdana 2016 hingga 2018

Tahun	Jumlah Peserta (pasang)	Pecahan Peserta		Bersalin (pasang)	Mengandung (pasang)	Tiada Anak (pasang)	Bercerai (Pasang)
		Dara/Teruna (pasang)	Janda/Duda (pasang)				
2016	217	217	-	80	53	84	2
2017	271	271	-	41	42	188	-
2018 (Siri 1)	111	97	14	-	40	71	-
2018 (Siri 2)	184	184	-	-	31	153	-
2018 (Siri 3)	191	188	3	-	-	-	-

Program Perkahwinan Perdana Siri 1/2018 (3 Mac 2018)

BIL	PARLIMEN	JUMLAH PESERTA	AKAD NIKAH	RESEPSI	PERASMIAN	JUMLAH BELANJA
1.	Kuala Terengganu	10	Masjid Wakaf Tembesu	Dewan Arena, Stadium Tertutup Gong Badak	YAB. Dato' Seri Perdana Menteri Malaysia	RM578,000.00
2.	Kuala Nerus	25				
3.	Marang	7	Masjid Kelulut			
4.	Hulu Terengganu	10	Masjid As-Syakirin, Kuala Ping, Hulu Trg			

5.	Besut	10	Masjid Kg. Laklok, Jerteh			
6.	Setiu	6	Masjid Bandar Permaisuri, Setiu			
7.	Dungun	14	Masjid Sultan Mahmud, AMBS			
8.	Kemaman	15	Masjid Sultan Ahmad, Chukai			
JUMLAH		97				

Program Perkahwinan Perdana Siri 2/2018 (30 Jun 2018)

BIL	PARLIMEN	JUMLAH PESERTA	AKAD NIKAH	RESEPSI	PERASMIAN	JUMLAH BELANJA
1.	Kuala Terengganu	32	Dewan Banquet, Stadium Tertutup Gong Badak	Dewan Arena, Stadium Tertutup Gong Badak	YAB. Menteri Besar Terengganu	RM760,256.00
2.	Kuala Nerus	25				
3.	Marang	24				
4.	Hulu Terengganu	19	Masjid Kg. Butut, Kuala Berang, Hulu Trg	Dewan Majlis Daerah Hulu Terengganu	YB. Dr. Mamad bin Puteh	

5.	Besut	16	Masjid Nasharuddin Shah, Besut	Kota Putera Square, Besut	YB. Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman	
6.	Setiu	12	Masjid Bandar Permaisuri, Setiu	Dewan Majlis Daerah Setiu, Sungai Tarom	YB. Dr. Azman bin Ibrahim	
7.	Dungun	30	Masjid Sultan Mahmud, AMBS	Dewan Arena Merdeka, Dungun	YB. Satiful Bahari bin Mamat	
8.	Kemaman	26	Masjid Sultan Ahmad, Chukai	Padang Astaka, Kemaman	YB. Haji Hanafiah bin Mamat	
JUMLAH		184				

Program Perkahwinan Perdana Siri 3/2018 (24 Nov 2018)

BIL	PARLIMEN	JUMLAH PESERTA	JUMLAH BELANJA
1.	Kuala Terengganu	29	RM854,314.00
2.	Kuala Nerus	28	
3.	Marang	32	
4.	Hulu Terengganu	16	
5.	Besut	21	
6.	Setiu	13	

7.	Dungun	31	
8.	Kemaman	21	
JUMLAH		191	RM854,314.00

Kekerapan Program bagi Perkahwinan Perdana 2016 hingga 2018

TAHUN	2016		2017		2018	
	Kekerapan Program	Bilangan Peserta	Kekerapan Program	Bilangan Peserta	Kekerapan Program	Bilangan Peserta
Seminar Keintiman Suami Isteri	1	137	-	-	-	-
Kursus Pasca Perkahwinan "1 st Honeymoon"	4	151	3	149	2	37
Seminar Semarak Kasih	-	-	19	2064	-	-
Keluarga Generasi Baru	-	-	-	-	1	183

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)

PADA 25 HINGGA 29 NOVEMBER 2018

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.12.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. AHMAD SHAH BIN MOHAMED
ADUN BANDAR

SOALAN 1 : Apakah langkah-langkah kerajaan dalam menangani masalah sosial dan jenayah dalam Negeri Terengganu?

JAWAPAN : 1. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menangani masalah sosial dan jenayah dalam Terengganu melibatkan beberapa jabatan. Menerusi **Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT)**, pelaksanaannya adalah seperti berikut:-

- a. Memberi penerangan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001 kepada pelajar sekolah, IPT, pengusaha hotel dan komuniti.
- b. Mengadakan kempen pencegahan Jenayah Syariah melalui papan tanda, pamphlet, flyers dan hebahan di masjid-masjid (diedar dan dilaksanakan oleh unit Penguatkuasaan daerah).
- c. Mengadakan operasi Penguatkuasaan bersama agensi terpilih dilokasi *'hotspot'*.
- d. Mengadakan rondaan pemantauan dan pencegahan dari semasa ke semasa (dilaksanakan oleh unit Penguatkuasaan daerah).
- e. Mengadakan pencegahan dan khidmat nasihat bagi

memberi kesedaran kepada golongan yang terlibat dalam kesalahan jenayah Syariah.

2. Langkah-Langkah **Polis Diraja Malaysia (PDRM)** dalam menangani masalah jenayah di Terengganu pula adalah sebagaimana berikut;

A. **TINDAKAN PENCEGAHAN**

1. Risikan/pengumpulan maklumat oleh anggota sektor yang di bentuk oleh PDRM.
2. Perkongsian maklumat dengan ahli masyarakat serta ngo-ngo seperti MPKK, SRS dan Rukun Tetangga.
3. Mempertingkatkan kekerapan rondaan kawasan hot spot yang telah dikenalpasti.
4. Mewujudkan program- program kesedaran masyarakat berkaitan jenayah.

B. **OPERASI**

1. Membuat risikan maklumat, kenalpasti individu/saspek yang terlibat dalam kes jenayah.
2. Membuat serbuan/pemeriksaan/rampasan dan tangkapan keatas individu/suspek yang melakukan jenayah.
3. Membuat soal siasat keatas tangkapan (OKT) yang di tangkap berkaitan jenayah sindiket bagi

mendapatkan rangkaian sendiket dan dianalisa untuk perancangan operasi

4. Mengambil rakaman percakapan (intelligent statement) bagi tujuan pertuduhan/tindakan kes fail, poca dan sosma

5. Meningkatkan tindakan pendakwaan/kadar pertuduhan bagi kes-kes yang disiasat oleh PDRM terengganu.

6. Meningkatkan kadar penyelesaian kes yang disiasat bagi mengurangkan kegusaran masyarakat dan menambah keyakinan masyarakat dari segi keselamatan diri dan harta benda di terengganu.

**LAPORAN STATISTIK PROGRAM DI MASJID
JANUARI HINGGA OKTOBER 2018 KONTINJEN TERENGGANU**

DAERAH	JUMLAH MASJID	LAPORAN STATISTIK PROGRAM DI MASJID JANUARI HINGGA OKTOBER 2018 KONTINJEN TERENGGANU		
		LAWATAN BULANAN PPM	REACHING OUT / LAIN-LAIN AKTIVITI	JUMLAH
KUALA TERENGGANU	135	593	40	633
KEMAMAN	47	349	17	366
DUNGUN	51	908	78	986
BESUT	83	840	11	851
MARANG	52	975	69	1044
HULU TERENGGANU	80	1,055	18	1,073
SETIU	51	897	64	961
JUMLAH	499	5,617	297	5,914

**LAPORAN STATISTIK PROGRAM DI SEKOLAH
JANUARI HINGGA OKTOBER 2018 KONTINJEN TERENGGANU**

DAERAH	LAPORAN STATISTIK PROGRAM DI SEKOLAH JANUARI HINGGA OKTOBER 2018 KONTINJEN TERENGGANU			
	PAMERAN	CERAMAH	LAWATAN PPS / PERJUMPAAN / MESYUARAT(PIBG)	JUMLAH
KUALA TERENGGANU	8	57	482	547
KEMAMAN	14	59	350	423
DUNGUN	10	38	355	403
BESUT	2	220	393	615
MARANG	7	119	425	551
HULU TERENGGANU	8	227	412	647
SETIU	1	72	240	313
JUMLAH	50	792	2657	3499

3. Selain itu, antara usaha kerajaan dalam menangani masalah keruntuhan akhlak serta gejala social dan jenayah di kalangan remaja, **Yayasan Pembangunan Keluarga** telah mengadakan program-program terutama kepada belia/belawanis dan pelajar-pelajar sekolah bersama ibubapa berbentuk ceramah dan motivasi iaitu:

1. **Saya Anak Terengganu "TAKLIF"**

-Pemantapan Tanggungjawab Ibubapa & Anak -

Tujuan program ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada anak-anak tanggungjawab sebagai khalifah pewaris legasi anak Terengganu. Program ini telah dijalankan semenjak tahun 2007 dengan jumlah pelaksanaan program 333 kali. Sehingga Oktober 2018, program ini telah dilaksanakan sebanyak 26 buah sekolah.

SOALAN 2 : Adakah kerajaan berhasrat untuk memperuntukkan semula pinjaman pelajaran kepada pelajar aliran syariah di negara Arab?

JAWAPAN : Mulai tahun 2019, program penajaan kepada pelajar-pelajar yang akan mengikuti bidang pengajian islam di Timur Tengah akan dibuka semula. Butiran dan perincian penajaan akan dimaklum setelah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri.

SOALAN 3 : Berapa biji tayar yang digunakan oleh kenderaan kerajaan dan agensi dibawahnya termasuk syarikat GLC sepanjang tahun 2015,2016,2017?
Dan berapakah jumlah kos yang terlibat pada tahun-tahun tersebut ?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Berapakah bilangan guru kontrak dari timur tengah yang digunakan pada tahun 2016,2017 dan 2018 dan berapa kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri bagi setiap orang?

JAWAPAN :

BIL	TAHUN	JUMLAH BIL GURU KONTRAK DARI TIMUR TENGAH	KOS (RM)
1	2016	7 ORANG	295,996.11
2	2017	9 ORANG	392,516.27
3	2018	8 ORANG	425,666.89

BIL	NAMA	PERKARA / TAHUN	2016	2017	2018	JUMLAH (RM)
1	SALEH A.S TARABSHEH	GAJI * BULAN (RM)	5,580.91 * 12 = 66,970.92	5,805.91 * 12 = 69,670.92	6,030.91 * 12 = 72,370.92	268,681.40
		ELAUN KRITIKAL * BULAN (RM)	300.00 * 12 = 3,600.00	300.00 * 12 = 3,600.00	300.00 * 12 = 3,600.00	
		GANJARAN (RM)	21,549.82	-	25,329.00	
		BAYARAN VISA (RM)	663.00	663.00	663.00	
		JUMLAH	92,783.74	73,933.92	101,963.74	
2	ABDELRAHMAN MAHMOUD ABDELRAHMAN ELDABOULY	GAJI * BULAN (RM)	3,700.75*12 = 44,409.00	3,925.75*12 = 47,109.00	4,150.75 * 12 = 49,809.00	167,769.15
		ELAUN KRITIKAL * BULAN (RM)	300.00*12 = 3,600.00	300*12 = 3,600.00	300.00 * 12 = 3,600.00	
		GANJARAN (RM)	-	13,653.15	-	
		BAYARAN VISA (RM)	663.00	663.00	663.00	
		JUMLAH	48,672.00	65,025.15	54,072.00	
3	MAHMOUD AHMED MAHMOUD ELSHIKH	GAJI * BULAN (RM)	3,025.75 * 12 = 36,309.00	3,250.75 * 12 = 39,009.00	3,475.75 * 12 = 41,709.00	152,291.51
		ELAUN KRITIKAL * BULAN (RM)	300.00 * 12 = 3,600.00	300.00 * 12 = 3,600.00	300.00 * 12 = 3,600.00	
		GANJARAN (RM)	8,822.36	-	13,653.15	
		BAYARAN VISA (RM)	663.00	663.00	663.00	
		JUMLAH	49,394.36	43,272.00	59,625.15	
4	ELSHAWADFI ABOUTALEB IBRAHIM ELEMAM	GAJI * BULAN (RM)	2575.75*5=12878.75	3000.00*12=36000.00	3225.00*12=38700.00	111,812.75
		ELAUN KRITIKAL * BULAN (RM)	300 ⁸⁷³ *5=1500.00	300.00*12=3600.00	300.00*12=3600.00	
		GANJARAN (RM)	-	-	13545.00	
		BAYARAN VISA (RM)	663.00	663.00	663.00	
		JUMLAH	15041.75	40263.00	56508.00	

5	ADNAN MOHAMMED SENAN	GAJI * BULANAN (RM)	2,800.75 * 11 = 30,808.25	3,025.75 * 12 = 36,309.00	3,250.75 * 12 = 39,009.00	129,334.40
		ELAUN KRITIKAL * BULAN (RM)	300.00 * 11 = 3,300.00	300.00 * 12 = 3,600.00	300.00 * 12 = 3,600.00	
		GANJARAN (RM)	-	12,708.15	-	
		BAYARAN VISA (RM)	-	-	-	
		JUMLAH	34,108.25	52,617.15	42,609.00	
6	RAMADAN MOHAMED SENAN	GAJI * BULANAN (RM)	-	2,575.75 * 11 = 28,333.25	3,000.00 * 12 = 36,000.00	72,559.25
		ELAUN KRITIKAL * BULAN (RM)	-	300.00 * 11 = 3300.00	300.00 * 12 = 3,600.00	
		GANJARAN (RM)	-	-	-	
		BAYARAN VISA (RM)	-	663.00	663.00	
		JUMLAH	-	32,296.25	40,263.00	
7	SAID ABDELSALAM ABDALLA YOUSEF	GAJI * BULAN (RM)	-	2,575.75 * 11 = 28,333.25	3,000.00 * 12 = 36,000.00	72,559.25
		ELAUN KRITIKAL * BULAN (RM)	-	300.00 * 11 = 3,300.00	300.00 * 12 = 3,600.00	
		GANJARAN (RM)	-	-	-	
		BAYARAN VISA (RM)	-	663.00	663.00	
		JUMLAH	-	32,296.25	40,263.00	

8	MOHAMMAD ELSAYED MOHAMMAD RABIE	GAJI * BULAN (RM)	2,800.75 * 3 = 8,402.25	-	-	18,124.61
		ELAUN KRITIKAL * BULAN (RM)	300.00 * 3 = 900.00	-	-	
		GANJARAN (RM)	8,822.36	-	-	
		BAYARAN VISA (RM)	-	-	-	
		JUMLAH	18,124.61	-	-	
9	ELSAYED RAGAB FARAG ELHOSHI	GAJI * BULAN (RM)	2,800.70 * 12 = 33,608.40	3,025.75 * 1 = 3,025.75	-	54,568.15
		ELAUN KRITIKAL * BULAN (RM)	300.00 * 12 = 36,000.00	300.00 * 1 = 300.00	-	
		GANJARAN (RM)	-	12,708.00	-	
		BAYARAN VISA (RM)	663.00	663.00	-	
		JUMLAH	37,871.40	16,696.75	-	
10	MOHAMED ANTAR BORAEI IBRAHIM HASSANANEIN	GAJI * BULAN (RM)	-	2,654.40 * 12 = 31,852.80	-	36,115.80
		ELAUN KRITIKAL * BULAN (RM)	-	300.00 * 12 = 3,600.00	-	
		GANJARAN (RM)	-	-	-	
		BAYARAN VISA (RM)	-	663.00	-	
		JUMLAH	-	36,115.80	-	
11	AHMED GOMAA ABDELAZIM AHMED	GAJI * BULAN (RM)	-	-	3,000.00 * 9 = 27,000.00	30,363.00
		ELAUN KRITIKAL * BULAN (RM)	-	-	300.00 * 9 = 2,700.00	
		GANJARAN (RM)	875	-	-	
		BAYARAN VISA (RM)	-	-	663.00	
		JUMLAH	-	-	30,363.00	
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			295,996.11	392,516.27	425,666.89	1,114,179.27

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS (BAJET)
PADA 25 HINGGA 29 NOVEMBER 2018

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.13

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. AB. RAZAK BIN IBRAHIM
ADUN AIR PUTIH

SOALAN 1 : Perobohan Masjid Bujal telah menjadi sejarah. Apakah masih ada keperluan untuk dibina sebuah masjid baharu di lokasi asal Masjid Bujal?

JAWAPAN : Buat masa sekarang tidak ada keperluan untuk dibina sebuah masjid baharu di lokasi asal Masjid Bujal memandangkan masjid terdekat iaitu Masjid Kg Payoh masih dapat menampung kapasiti jemaah untuk solat jumaat.

SOALAN 2 : Sejauh manakah kerajaan negeri dengan kerjasama MPKK dapat berperanan dalam menjadikan kampung masing-masing sebagai 'Kampung Sifar Dadah'?

JAWAPAN : Isu dan masalah dadah seharusnya menjadi perhatian dan keutamaan dalam usaha mencegah penyalahgunaan dadah oleh seluruh masyarakat dalam komuniti khususnya ahli MPKK yang bertindak sebagai wakil kepada komuniti dalam menyalurkan isu dan permasalahan kepada pihak kerajaan. Kerajaan sememangnya amat mengharap kerjasama masyarakat / komuniti dalam membantu pihak berkuasa dalam menangani permasalahan dadah.

AADK telah menggerakkan program *Community Empowerment* (Pemberdayaupaya Komuniti) mulai 2016 bertujuan;

1. Meningkatkan kesedaran semua peringkat komuniti mengenai masalah dadah dan pelan tindakan;
2. Memberi pengetahuan, kefahaman & kemahiran dalam merancang, melaksanakan dan memantau program;
3. Melibatkan ahli komuniti dalam pengurusan program;

serta

4. Mewujudkan suasana yang suportif dalam menangani masalah dadah.

Sehingga Oktober 2018 AADK negeri Terengganu telah melaksanakan beberapa siri taklimat serta bengkel yang melibatkan ahli-ahli MPKK seramai 429 orang dan beberapa NGO yang berkaitan.

Selain dari itu di bawah kempen Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) 2016, AADK adalah melaksanakan 'Profiling Kawasan' bagi menentukan ciri-citi komuniti, isu & masalah yang menjadi perhatian komuniti serta persepsi komuniti mengenai isu / masalah penagihan dan mengenalpasti kawasan berisiko melalui penarafan kawasan iatu ; merah (berisiko tinggi), kuning (berisiko) manakala hijau (serdahana).

Ahli komuniti telah pun memainkan peranan yang efektif dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah di dalam satu-satu komuniti, melalui aktiviti yang dilaksanakan oleh AADK seperti;

1. Omnipresent, di mana beberapa aktiviti seperti Rondaan, Walkabout yang melibatkan anggota AADK, RELA, POLIS, NGO's serta ahli komuniti setempat;
2. Aktiviti Pembersihan Port (sarang penagihan) – dibawah program My-beautiful (MBM) juga melibatkan beberapa agensi,majlis tempatan serta ahli komuniti setempat.

SOALAN 3 : Terengganu perlu menjadi model kepada Pusat Perpindahan Mangsa Banjir Patuh Syariah. Apakah ada persediaan kerajaan ke arah itu?

JAWAPAN : Dalam memastikan Pusat pemindahan Banjir Patuh Syariah, KerajaanNegeri Terengganu melalui JabatanKebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan beberapa langkah ke arah persediaan tersebut:

i) Pengasingan mangsa lelaki dan Perempuan

Bagi pusat pemindahan yang terdiri daripada Dewan orang Ramai, Balairaya, Masjid dan Surau, *Mobile Partition (Tirai)* digunakan untuk membuat pembahagian dan perasingan antara tempat lelaki dan perempuan. Ini bagi mengelakkan berlakunya percampuran di antara lelaki dan perempuan di satu-satu pusat pemindahan.

ii) Penggunaan Collapsible Tent/Khemah tertutup

Bagi pusat pemindahan yang terbuka seperti Dewan Orang Ramai, Balairaya dan Surau/Masjid setiap keluarga dibekalkan Collapsible Tent terutama kepada keluarga yang mempunyai anak perempuan yang dewasa. Ini secara tidak langsung memberi keselesaan kepada mereka terutama sewaktu tidur dan mengelak dari pandangan orang ramai.

iii) Pewujudan Ruang Solat Lelaki dan Perempuan

Di pusat-pusat pemindahan juga disediakan ruang solat berasingan diantara lelaki dan perempuan. Ini secara tidak langsung memberi keselesaan kepada mangsa semasa menunaikan fardhu sembahyang.

iv) Pewujudan ruang penyalinan pakaian khususnya wanita.

Pusat-pusat pemindahan yang terdiri daripada Dewan Orang Ramai dan Balairaya juga diwujudkan ruang penyalinan pakaian bagi memberi keselesaan kepada wanita yang tinggal di PusatPemindahan.

v) Pewujudan ruangan penyusuan bayi

Ruangan ini disediakan bagi memberi keselesaan kepada wanita-wanita yang mempunyai bayi untuk menyusukannya.

vi) Menggalakkan mangsa menunaikan sembahyang secara berjemaah.

Usaha ini dijalankan dengan kerjasama Pejabat Agama Daerah dalam menyediakan imam untuk memimpin solat berjemaah. Disamping itu tazkirah juga dijalankan oleh ustaz yang dilantik selepas solat maghrib.

vii) Pembekalan Sejadah di pusat-pusat pemindahan Banjir.

Sejadah juga dibekalkan di Pusat-pusat pemindahan banjir untuk digunakan oleh mangsa-mangsa yang berpindah.

SOALAN 4 : Kerajaan baharu telah memberi ruang seluas-luasnya kepada 'orang terkilan' untuk mendapat kembali lot tapak rumah yang diperolehinya pada tahun 1999-2003. Sehingga kini berapakah jumlah yang telah dikembalikan atau diganti dengan tapak baharu?

JAWAPAN : Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam kertas bilangan 680/2018 bertarikh 8 Ogos 2018 telah bersetuju mengenai Cadangan Kaedah-kaedah Pelaksanaan Permohonan Semula Rancangan Tanah Berkelompok Bagi Merealisasikan Manifesto Kerajaan Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, Mengembalikan Tanah-Tanah Yang Dirampas Oleh Kerajaan Barisan Nasional Selepas Pemerintahan Kerajaan Pas Pada Tahun 2004.

Berikut ialah laporan yang di terima daripada semua daerah berhubung jumlah permohonan lot tapak rumah yang telah diterima daripada 'orang terkilan' sebagaimana berikut :

1. Kuala Nerus
 - Jumlah permohonan : 14
 - Status masih berada di dalam proses semakan dan menerima permohonan.
2. Kemaman
 - Jumlah permohonan : 124
 - Status masih berada di dalam proses semakan dan menerima permohonan.
3. Hulu Terengganu
 - Jumlah permohonan : 3
 - Status masih berada di dalam proses semakan dan menerima permohonan.

4. Marang

- Jumlah permohonan : 42
- Status masih berada di dalam proses semakan dan menerima permohonan.

5. Kuala Terengganu

- Jumlah permohonan : 4
- Status masih berada di dalam proses semakan dan menerima permohonan.

6. Besut

- Jumlah Permohonan : 300
- Status masih berada di dalam proses semakan dan menerima permohonan.

7. Setiu

- Jumlah permohonan : 499.
- Status masih berada di dalam proses semakan dan menerima permohonan.

8. Dungun

- Jumlah permohonan : 7
- Status masih berada di dalam proses semakan dan menerima permohonan.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 25 HINGGA 29 NOVEMBER 2018

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.14.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. IR. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI
ADUN KEMASIK

SOALAN 1 : Berapakah jumlah peruntukan kerajaan dan agensi luar dalam melindungi, memelihara dan membangunkan alam semulajadi dan asset berharga di Terengganu?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Pembangunan dan penambahbaikan Bandar Baru Kertih sebagai katalis bagi merencanakan lagi pembangunan dan pengembangan industri minyak dan gas di Terengganu. Bagaimana perancangan kerajaan dalam menjadikan ia sebagai satu bandar satelit berasaskan minyak dan gas serta biopolymer? Merujuk kepada perbentangan oleh pihak PETRONAS dibawah anak syarikatnya KLCC Harta bahawa pusat operasi pantai timur PETRONAS akan dibangunkan dengan wajah baharu termasuk mengambilkira unsur dan keperluan teknologi hijau dalam pembangunannya. Apakah perancangan Kerajaan Negeri turut sama dalam membangunkan wajah baharu Bandar Baharu Kertih ini?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri menyelaraskan perancangan oleh PETRONAS dalam pembangunan Bandar Baru Kertih dengan menyediakan pelan gunatanah yang bersesuaian seperti perniagaan, industri, perumahan dan kemudahan awam melalui Rancangan Tempatan Daerah 2018 – 2035 yang sedang dalam penyediaan. Disamping itu perancangan pembangunan kemudahan infrastruktur juga diambil perhatian dalam menyokong cadangan pembangunan oleh PETRONAS, PMINT, LTAWNT dan sebagainya.

SOALAN 3 : Terengganu sebagai pusat pelancongan. Apakah 10 tempat dan segmen terpenting untuk dimajukan dan diberi keutamaan?

JAWAPAN : Antara tempat pelancongan utama yang boleh dimajukan adalah sebagaimana berikut:

- a. Tasik Kenyir
- b. Setiu Wetlands
- c. Taman Tamadun Islam dan Masjid Kristal
- d. Pulau – pulau Peranginan
- e. Muzium Negeri Terengganu
- f. Kampung Losong
- g. Kampung Cina
- h. Homestay
- i. Seni, Budaya dan Kraf

SOALAN 4 : Menjadikan Kuala Terengganu dan Kemaman sebagai pintu masuk ekonomi ke Negeri Terengganu. Apakah perancangan kerajaan bagi merancakkan lagi peluang dan perkembangan ekonomi tersebut?

JAWAPAN : **Kuala Terengganu**

1. Mengukuhkan sektor Pelancongan sebagai Hub Pelancongan wilayah timur. Kuala Terengganu sebagai pintu masuk utama pelancongan di Negeri Terengganu.
2. Meningkatkan sektor perkhidmatan, sebagai pusat pendidikan, perniagaan dan pendidikan
3. Menerokai potensi pelaburan baru seperti perkhidmatan sokongan minyak dan gas (aktiviti crew change), Maintenance Repair and Overhaul (MRO) serta lain-lain perkhidmatan yang member impak kepada rakyat.
4. Meningkatkan potensi usahawan-usahawan tempatan melalui business model secara online.

Kemaman

1. Mengukuhkan rantaian ekonomi industri pembuatan, berat serta minyak dan gas.
2. Membuka kawasan-kawasan perindustrian baru yang memfokuskan kepada *petrol chemical* dan *biopolymer*.
3. Menyediakan ekosistem industri yang lebih *investor-friendly* yang boleh menarik kehadiran pelabur-pelabur berskala besar.
4. Memperkenal insentif-insentif dalam bentuk diskaun bayaran premium tanah bagi menarik minat pelabur
5. Membaikpulih dan menaiktaraf kawasan-kawasan perindustrian sedia ada.

SOALAN 5 : Industrial revolution 4.0 (IR 4.0) dan Pembangunan Hijau. Bagaimanakah kerajaan merancang dan mengalakkan pembangunan dan pertumbuhan pembangunan yang berasaskan IR 4.0 dan Pembangunan Hijau ini?

JAWAPAN : Polisi Industrial Revolution 4.0 negara baru sahaja dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 31 Oktober 2018. Polisi ini menggariskan sembilan (9) bidang utama iaitu:

- i. Autonomous Robots
- ii. Big Data Analytics
- iii. Cloud Computing
- iv. Internet of Things (IoT)
- v. Additive Manufacturing (3D Printing)
- vi. System Integration
- vii. Cybersecurity

viii Augmented Reality

ix Simulation

Jika dilihat akan semua bidang-bidang ini, negeri Terengganu tidak mempunyai perusahaan yang berkait terus akan bidang-bidang ini. Walau bagaimanapun, dengan terbinanya TD 1303, ianya adalah salah satu langkah ke depan yang diambil oleh kerajaan dalam memupuk kesedaran akan kepentingan IR 4.0 dikalangan rakyat tempatan. Penyediaan sistem rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi merupakan salah satu komponen penting dalam memacu IR 4.0 dan sistem ini telah pun beroperasi di TD 1303 kepada penggunaanya.

Antara lain, Kerajaan juga berhasrat untuk menggunakan sistem pangkalan data bagi seluruh sistem utiliti dengan menggunakan sistem IOT yang akan memantau sebarang kerosakan utiliti yang boleh menyebabkan kesulitan kepada rakyat. Kerajaan akan terus mendokong hasrat Kerajaan Persekutuan dalam menggalakkan pertumbuhan pembangunan berasaskan IR 4.0 terutamanya di kalangan pihak swasta.

Bagi pembangunan hijau, Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan stesen janakuasa baru berasaskan solar di seluruh negeri. Beberapa tapak solar telah pun beroperasi di negeri ini dan anak syarikat Kerajaan Negeri sendiri telah pun membuka stesen janakuasa solar berkapasiti 18 MW di Kemaman. Selain daripada itu, kawasan perindustrian baru bertemakan hijau juga diwujudkan iaitu Terengganu Silica Valley yang akan menempatkan industri-industri berasaskan silika. Kawasan industri ini akan menempatkan pemain-pemain utama produk berasaskan silika dan memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

PROJEK-PROJEK TEKNOLOGI HIJAU NEGERI TERENGGANU

Bagi pembangunan hijau, Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan stesen janakuasa baru berasaskan solar di seluruh negeri. Beberapa tapak solar telah pun beroperasi di negeri ini dan anak syarikat Kerajaan Negeri sendiri telah pun membuka stesen janakuasa solar berkapasiti 18 MW di Kemaman. Selain daripada itu, kawasan perindustrian baru bertemakan hijau juga diwujudkan iaitu Terengganu Silica Valley yang akan menempatkan industri-industri berasaskan silika. Kawasan industri ini akan menempatkan pemain-

pemain utama produk berasaskan silika dan memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Pembangunan projek solar di negeri Terengganu

Synergy Generated Sdn. Bhd.

1. Ladang solar pertama yang dibuat di negeri ini oleh syarikat Synergy Generated Sdn. Bhd. berkapasiti 5MW. Keluasan tapak adalah seluas kira-kira 20 ekar di Kawasan Perindustrian Bari, Setiu. Projek ini bermula pada tahun 2012.
2. Syarikat ini telah mendapat kelulusan pada bulan Mei 2018 untuk membangunkan kawasan kedua di Kawasan Perindustrian Batu Rakit dengan keluasan tanah adalah 16.62 ekar dengan kapasiti 5MW solar. Projek kedua ini adalah projek kerjasama dengan Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM).
3. Synergy Generated Sdn. Bhd. telah diperbadankan pada 14 Oktober 2010 dengan tujuan penubuhannya adalah untuk memenuhi keperluan tenaga boleh diperbaharui seluruh Malaysia. Syarikat ini mempunyai kemahiran tenaga kerja dan pengurusan dalam bidang teknologi Photovoltaic, *power transmission* dan *distribution*.

Eastern Pacific Industrial Corporation Bhd. (EPIC)

1. Eastern Pacific Industrial Corporation (EPIC) Bhd telah membangunkan Loji Janakuasa Tenaga Solar Berkapasiti 18.5 MW di Kawasan Perindustrian Teluk Kalong, Kemaman, Terengganu sekali gus menjadi loji janakuasa solar terbesar beroperasi di negara ini sekarang.
2. Projek bernilai kira-kira RM86 juta membabitkan tapak seluas kira-kira 28.3 hektar itu telah beroperasi sejak 14 Januari 2018 lalu berjaya menghasilkan tenaga solar berkapasiti 18.5 mw. Kejayaan EPIC Bhd mengeluarkan tenaga elektrik melalui teknologi kuasa solar itu adalah sebahagian daripada usaha serius kerajaan negeri untuk mencuba pelbagai kaedah baru bagi mempelbagaikan sumber pendapatan termasuk menjimatkan perbelanjaan negeri.

Pembangunan projek Mini Hidro

Metrosphere Sdn. Bhd.

1. Metrosphere Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat pegangan yang bergiat dalam bidang pelaburan termasuk pembangunan pelabuhan, operasi kemudahan pelabuhan, pengurusan armada kapal, kapal sokongan luar pesisir dan bunker bahan api.
2. Syarikat ini telah diluluskan untuk membuat pembangunan Mini Hidro berkapasiti 4MW di Sungai Tersat, Hulu Terengganu. Projek ini dijangka beroperasi pada pertengahan tahun 2019.

Projek-Projek Pembangunan Dalam Perancangan

1. Perancangan bangunan Hijau (Green Building)

Projek ini telah diperkenalkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) yang dulu dikenali sebagai KeTTHA.

Bangunan SUK Negeri Terengganu merupakan satu-satunya bangunan yang akan dijadikan contoh untuk menjalankan *projek retrofit*, dimana penggunaan lampu-lampu yang digunakan kini akan ditukar kepada lampu LED, dan penggunaan aircond akan dijimatkan dengan penggunaan *Chiller Optimizaion*.

Kerajaan Negeri kini dalam perancangan untuk menjadikan amalan hijau ini selari dengan pembangunan negeri. Usaha-usaha ini akan rancang dengan kerjasama daripada PBT dan agensi-agensi kerajaan negeri yang lain.